Reprint No. 17

SEJARAH MELAYU

THE MALAY ANNALS

MS. RAFFLES No. 18

Edisi Rumi Baru/New Romanised Edition

Disusun oleh/Compiled by:
CHEAH BOON KHENG

Dirumikan oleh/Transcribed by:
ABDUL RAHMAN HAJI ISMAIL

Dengan esei pengenalan oleh/With introductory essays by
Abdul Rahman Haji Ismail
R. Roolvink
R.O. Winstedt

MBRAS
The Malaysian Branch of
the Royal Asiatic Society

© MBRAS 1998

All rights reserved

No part of this publication may be transmitted or stored in retrievable system, in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopy, recording or otherwise, without prior written consent of the Council of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Sejarah Melayu / disusun oleh Cheah Boon Kheng = The Malay annals/compiled by Cheah Boon Kheng ; dirumikan oleh Abdul Rahman Haji Ismail; dengan esei pengenalan oleh Abdul Rahman Haji Ismail. RRcoolvmk.R.O. Winstedt. - Edisi rumi baru
ISBN 967-9948-13-7
1. Malay Peninsula—History. I. Cheah, Boon Kheng. II. Abdul Rahman Haji Ismail. III. Judul: The Malay Annals.
959.51

APB
NASKHAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
15 MAY 2000

Printed for
The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society
by
Academe Art & Printing Services Sdn. Bhd.

CONTENTS

		Page
I.	Pra Kata/Foreword *Chiah Boon Kheng*	vii
II.	Sulalat UsSalatin Naskhah Raja Bungsu - Pengenalan *Abdul Rahman Haji Ismail*	1
III.	Sulalat Us-Salatin Naskhah Raja Bungsu - Beberapa Persoalan *Abdul Rahman Haji Ismail*	7
IV.	Sejarah Melayu Masalah versi-versi yang la... *R. Roolvink*	21
V.	An Outline of the Malay Annals contained in Raffles MS. No 18 *R.O. Winstedt [Diterbitkan semula daripada/ Reprinted from JMB.R.A.S. Vol. XVI, Part III, December 1938]*	36
VI.	The Date, Author and Identity of the Original Draft of The Malay Annals [Ibid 1938] *R.O. Winstedt*	47
VII.	The Preface of The Malay Annals [Ibid 1938] *R.O. Winstedt*	57
VIII.	Teks/Text of Raffles MS. No18 *Diturunkan daripada manuscript asal [Jawi] oleh/Transcribed from the original Jawi manuscript into New Romanised Mala... script by Abdul Rahman Haji Ismail*	65

PRAKATA

Ada 32 naskhah atau versi *Sejarah Melayu* yang berbeza-beza di antara satu sama lain yang tersimpan di perpustakaan-perpustakaan di seluruh dunia, tetapi mengikut sarjana Inggeris R.O. Winstedt, Naskhah atau MS. Raffles No. 18 adalah yang tertua. Winstedt telah merumikan, menyelenggara dan mengulas Naskah ini. Karyanya diterbitkan pada tahun 1938 dalam Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS), Jilid XVI, Bahagian III. Sejak itu, stok penerbitan ini sudah pun habis. Pihak MBRAS telah menerima banyak permintaan ia dicetakkan semula. Pada tahun 1986 Majlis MBRAS bersetuju mencetakkan semula *Sejarah Melayu* edisi Winstedt ini, tetapi setelah meninibangkan perkara itu dengan mendalam, mendapati pencetakan semula akan menimbulkan beberapa masalah.

Pertama, ejaan bahasa Melayu yang digunakan oleh Winstedt dalam merumikan Naskhah No. 18 Raffles adalah ejaan lama. Kini kita menggunakan ejaan baru. Majlis MBRAS berpendapat adalah lebih berfaedah bagi para pelajar sekolah dan universiti Malaysia jika MS. Raffles No. 18 dirumikan semula dalam ejaan baru. Sungguhpun pada keseluruhannya edisi Winstedt itu merupakan satu kerja yang hampir sempurna, tekun dan memberikan sumbangan yang penting kepada bidang pengkajian Melayu, namun edisinya itu masih boleh diperbaiki. Beliau mempunyai kesilapan-kesilapan biasa yang dilakukan oleh sarjana-sarjana lain dalam merumikan teks-teks Melayu lama iaitu, kesilapan-kesilapan pembacaan yang mengubah makna, salah penterjemahan, penunggalan perkataan atau ayat, dan sebagainya. Beberapa kesalahan dari pembacaan perkataan atau makna oleh Winstedt telah menimbulkan kontroversi. Contohnya ialah istilah "pertuturan" dalam Mukadimmah MS. Raffles No.18 ia bermaksud "saudara-mara", manakala "pertuturan" bermaksud "perbincangan". Kedua-dua perkataan atau ejaan ini terdapat dalam MS. Raffles No.18, tetapi Winstedt telah tersalah membaca kedua-dua perkataan itu sebagai "peraturan" yang bermaksud "susunan", supaya ia lebih mendekati maksud yang berkenaan sejarah raja-raja Melayu iaitu "salasilah". Dengan itu salah bacaan Winstedt telah menimbulkan kekeliruan. Memandangkan ada beberapa masalah ejaan seumpama ini, maka Majlis MBRAS telah memutuskan supaya MS. Raffles No.18 harus dirumikan semula. Ini akan merupakan langkah yang maju di atas kerja Winstedt dan merangsangkan bidang kesarjanaan mengenai *Sejarah Melayu*.

Apabila saya mencalonkan nama Profesor Madya Abdul Rahman Haji Ismail, seorang pensyarah dalam bidang sejarah di Universiti Sains Malaysia, untuk mengusahakan kerja merumikan MS.Raffles No.18, Majlis MBRAS bersetuju ia adalah lantikan yang paling sesuai dan layak. Abdul Rahman telah menghasilkan beberapa kajian yang menarik tentang *Sejarah Melayu*, yang telah mendapat perhatian para sarjana. Dalam kerjanya merumikan MS Raffles No18, ia telah menggunakan edisi Winstedt sebagai panduan dan juga merujuk kepada penterjemahan naskhah itu dalam bahasa Inggeris oleh C.C. Brown, yang diterbitkan dalam JMBRAS pada tahun 1952. Setelah satu tahun dan tiga bulan, kerjanya kini sudah siap. Apa yang dihasilkan oleh Abdul Rahman ialah suatu versi rumi yang baik dan sesuai untuk pelajar-pelajar sekolah dan universiti di Malaysia. Dalam dua buah esei Abdul Rahman menjelaskan masalah-masalah ejaan dan filologi yang dihadapi semasa merumikan teks MS. Raffles No18. Ia jua memberikan deskripsi mengenai teks itu dan cuba menerangkan beberapa perkara yang penting. Abdul Rahman berpendapat Raja Bungsu ialah pemilik dan bukan penulis teks MS. Raffles No. 18, dan ia juga bersetuju dengan Winstedt bahawa naskhah ini merupakan naskhah *Sejarah Melayu* yang asal dan lebih tua daripada naskah-naskhah lain, dan Tun Bambang adalah penulisnya. Ini bermaksud naskhah-naskhah lain *Sejarah Melayu*, termasuk naskhah Shellabear, harus dianggap sebagai naskhah-naskhah terkemudian yang telah "diperbaiki". Sehubungan dengan ini, Tun Seri Lanang, yang namanya wujud dalam naskhah Shellabear, harus juga dianggap sebagai penyalin yang muncul kemudian selepas Tun Bambang.

Apabila sarjana Belanda R. Roolvink dapat mengetahui MBRAS akan melakukan perumian semula MS. Raffles No18, ia telah mengirimkan sebuah artikelnya yang ditulis dalam bahasa Melayu pada tahun 1981. Dalam artikel ini ia telah menyampaikan beberapa hujah baru untuk memperkukuhkan persetujuannya dengan penafsiran Winstedt bahawa naskah Raffles No18 adalah naskhah yang lebih tua daripada naskhah-naskhah lain. Kami menerbitkan artikelnya kerana ia memberikan banyak pandangan yang bernas mengenai *Sejarah Melayu*.

Kami juga menerbitkan semula tiga buah esei oleh Winstedt mengenai naskah Raffles No18 yang telah mengkagumi dan menggalakkan penyelidikan dan perbincangan di kalangan para sarjana. Esei-esei ini tidak diterjemahkan dalam bahasa Melayu kerana kami ingin menggalakkan pelajar-pelajar membaca esei-esei itu dalam bahasa asalnya.

Cheah Boon Kheng
Pulau Pinang
25 Jun 1985

FOREWORD

There are 32 variant manuscripts of *Sejarah Melayu* preserved in libraries throughout the world, but the Raffles MS No 18, according to the English scholar R O Winstedt, is the oldest. Winstedt transcribed this manuscript into Romanised script, edited it and wrote several lengthy commentaries on it. His work was published in 1938 in the Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society as Vol XVI, Part III. Since then, copies of this work have been out of print. The Society has received numerous requests for a reprint. However, in 1986, the Council of the Society agreed to undertake a reprint, but later on further consideration, it realised that there were several problems.

First, Winstedt's Romanised Malay script is no longer in use, having been replaced by a new Malay script, the *ejaan baru*. The Council, therefore, felt a new romanised edition would be more suitable to students in schools and universities. Also, although Winstedt's 1938 transcription from the original Jawi manuscript was a fine effort, showing great industry and made a valuable contribution to scholarship, it can be improved further. It suffers from numerous problems which are quite common in the studies of old Malay literary texts - misreadings, errors in spelling and translation, and omissions of words and sentences. Several words in meanings which he transcribed have become controversial. The most notable of these is the word "pertuturan" in the Mukadimmah or introduction of the MS. No 18. "Pertuturan" means "relative, family relation," while "pertuturan" means "conversation." The spellings of the Jawi characters in the Mukadimmah of Raffle's MS No 18 clearly indicated only either of these two meanings, but Winstedt had chosen to transcribe both terms instead as "peraturan" meaning "order, or "lineup" closer to the related meaning of "genealogy." But he had thereby read both terms out of context. Given many such problems of spelling, it was decided that besides the new romanisation, a new transcription should also be attempted on the original Jawi manuscript of Raffles MS No 18 which Winstedt had used. The effort would make a further advancement to his work and to scholarship on the *Sejarah Melayu*.

When I suggested the name of historian Associate Professor Abdul Rahman Haji Ismail of Universiti Sains Malaysia, for the task of both transcribing and romanising anew the MS. No 18 of the *Sejarah Melayu*, the Society agreed that he was a most suitable and competent choice. He

had already published some interesting studies on the *Sejarah Melayu*, which have attracted scholarly attention. In transcribing the MS No18, he used Winstedt's 1938 edition to guide him, but he also consulted C.C. Brown's English translation of the same text which had been published in the Society's journal in 1953. After an effort which has lasted a year and three months, Abdul Rahman has finally produced a fine Romanised version which will be intelligible to Malaysian school and university students. In two essays he has explained some of the philological and spelling problems which he encountered during his work. He has also given a description of the text and attempted to clarify and affirm some important points - that Raja Bungsu is the owner and not the author of the text, and that Winstedt was right in regarding the MS. No18 as the oldest text of the *Sejarah Melayu* and that Tun Bambang is its author. Other variant texts of the *Sejarah Melayu*, such as Shellabear's, are, therefore, to be regarded as "revised" editions of MS No18. In this respect, Tun Seri Lanang whose name appears in the Shellabear text and not in the MSNo.18 must be regarded as a later copyist after Tun Bambang.

When the Dutch scholar R. Roolvink, who is an expert on the *Sejarah Melayu*, heard that the Society was planning a new Romanised edition of MS No18, he sent us an article which he had written in Malay in 1981. He has presented more arguments to endorse his earlier agreement with Winstedt's interpretation that the MS No 18 is the oldest text of the *Sejarah Melayu*. We have included his article in this volume as it provides valuable insights on the *Sejarah Melayu*.

Also reproduced in this volume are three seminal essays of Winstedt regarding the MS No 18, which appeared in the 1938 edition and which have stimulated much research and discussion. They have not been translated into Malay, as it is felt that students should be encouraged to read them in the original English.

Cheah Boon Kheng
Pulau Pinang.
23 June 1995.

GLOSSARY

W = Refers to Winstedt's 1938 *Sejarah Melayu* text

B = Refers to C.C. Brown's translated text of the *Sejarah Melayu* (JMBRAS, 1952)

Note: Numbers in square brackets[ ] refer to page numbers which have been given to the original Jawi manuscript, which not only did not have page numbers but also no chapter headings.

Sulalat Us-Salatin Naskhah Raja Bungsu
Pengenalan

Abdul Rahman Haji Ismail

Sulalat usSalatin Raja Bungsu seperti yang ternyata daripada dinamnya, Raffles MS No. 18, mengandungi 31 bab atau kisah, di dalam sejumlah 203 halaman. Babbab itu tidak diberi nombor bilangan, dan sehagi ada ruang tidak dimulai di halaman yang baru. Bab baru bermula sebaikbaik sahaja tamat bab sebelumnya sama ada di bahagian awal, tengah, atau akhir halaman. Kecuali bab pertama, setiap bab bermula dengan pembuka "*Hatsah*" yang ditulis besar sedikit daripada biasa di tengah-tengah garisan pertama bab. Kecuali bab 4, 7, 10, 14, dan 22 setiap bab diakhiri dengan "*Wallah a'lam bissawab*" yang kadangkala dilengkapkan dengan "*Wahayhil mung'u walmaab*". Kebanyakan bab adalah sepanjang antara tiga hingga enam halaman. Yang terpendek ialah bab 10 yang mencenuhi kira-kira satu halaman sahaja manakala yang terpanjang ialah bab 6 yang mengandungi dua puluh satu halaman. Seperti kebanyakan kitab Melayu lama yang lain kitab ini tidak mempunyai nombor halaman dan tiada sebarang tanda bacaan seperti koma, noktah, pembuka dan penutup kata, tanda seruan, tanda soalan dan sebagainya.

Walaupun bertulis tangan, dan walaupun dapat dikesan kesilapan-kesilapan kecil penyalinan, naskhah ini (Raffles MS No. 18) tidak memperlihatkan kecomotan tupa yang disengajakan seperti tanda pemotongan atau kesan pemadaman bahagian-bahagian yang telah tersilap ditulis atau disalin. Kebersihan dan wajah naskhah nampaknya amat dijaga walaupun ini boleh mengelirukan orang yang belum lazim dengan kebiasaan tersebut. Salah ejaan atau pengulangan yang tidak disengajakan dibiarkan seolah-olah sebahagian asas daripada isi cerita. Sempadan kanan dan kiri bahagian bertulis setiap halaman dipastikan sentiasa lurus dan nampak kemas. Ejaan bagi perkataan terakhir di baris-baris tertentu kadangkala dikecupkan agar muat di baris yang sama atau dipecah dua, dengan sebahagian ditulis di hujung baris dan sebahagian lagi di awal baris berikutnya.

Di beberapa tempat (contohnya hlm. 29, 37, 53, 60, dan 69) di dalam salinan naskhah Raja Bungsu ini beberapa perkataan atau baris telah tersilap diulang salin. Ini berlaku mungkin disebabkan si penyalin terlalai kerana terlalu lelah atau mengantuk, atau baru menyambung kerjanya setelah berehat sekenika. Ulanganulangan ini serta kesilapan ejaan bagi nama-nama tertentu seperti yang akan ditunjukkan kemudian, menjadi bukti bahawa Raffles MS No. 18 sebenarnyalah naskhah salinan dan bukannya tulisan asal. Naskhah atau tulisan asal ialah naskhah Raja Bungsu yang daripadanya besar kemungkinan beberapa naskhah salinan telah dibuat. Raffles MS No. 18 telah dihasilkan sama ada berasaskan naskhah asal atau salah satu naskhah salinan itu.

Kecuali di bahagian-bahagian yang dakwatnya kembang, tulisan naskhah salinan Raja Bungsu atau Raffles MS No. 18 ini umumnya tidak terlalu sukar dibaca. Namun demikian, kesungguhan, ketekunan dan daya fikir yang lebih daripada biasa diperlukan untuk memahami bahagian yang dakwatnya telah kembang itu. Selain daripada masalah biasa iaitu "titik tersalah tempat", kehadiran ungkapanungkapan atau ayat-ayat dalam bahasa Melayu purba dan bahasa asing terutama Arab dan Jawa, dan ejaan yang tidak seragam atau yang diringkaskan turut menurunkan pembacaan. "Awadana"contohnya, dieja (اودان) (a-w-d-a-n), (اواتان) (a-w-a-t-a-n) dan (اوى داى) (a-w-y-da-n), dan "Gora" atau "Guha" yang lebih kerap ditulis كوا kadangkala dieja كوا كرا, dan bahkan كري "Tun Teja"pula pada mulanya sering ditulis "Tun Brja", dan "Tun Isap" sering kelihatan seperti "Tun Isak". Di beberapa tempat "sa'at itu juga" nampak seperti "sa'at ijuk"atau "sangat ijuk k", manakala ejaan-ejaan bagi "saidi", "sidi", "sida" dan "sedia" pula bercampur-aduk.

Selain daripada kesilapan biasa dalam penulisan cepat, perbedaan-perbedaan ejaan ini mungkin juga disebabkan oleh wujudnya jurang bahasa dan maklumat di antara penyalin dengan penulis naskhah asal. Oleh kerana sifat tulisan jawi yang amat anjal, penyalin yang telah kerap menemui nama "Tun Brja"mengambil masa sebelum menyedari sebenarnyalah wujud nama "Tun Teja" di dalam kisah yang sedang disalinnya itu. Setelah beberapa kali bertemu "Tun Teja" barulah penyalin yakin ia telah tersilap meletakkan satu titik di bawah di tempat yang ia sepatutnya membubuh dua titik di atas.

Sama ada kerana kelaziman bahasa penyalin atau kerana kesilapan menambah titik, terdapat banyak contoh perkataan-perkataan yang huruf *sin*nya dibubuh titik menjadikannya *syin*. Akibatnya perkataan-perkataan seperti *pisang, periksa, perisai, perkasa, rusa, sangat, seri, suka, segera,*

sahut, *sahaja* dan *serban* menjadi *pisvang*, *periksva*, *pensvat*, *perkasva*, *susva*, *svangat*, *sveri*, *svuka*, *svegera*, *svahut*, *svahajadan* *sverban*. Namun demikian, oleh kerana huruf *sin* lebih kerap digunakan bagi menulis perkataan-perkataan tersebut, dalam peruntian ini ia diseragamkan dengan menggunakan "s".

Penggunaan *ya* (seakan-akan *alif maqsurah*) di hujung sesetengah perkataan yang berakhir dengan vowel *a* juga boleh mengelirukan pembaca. Sama seperti "bahara" yang boleh dibaca "bahan", *putera* dan *bendahara* umpamanya kadang-kadang dieja (ڤوترى) (p-u-t-r-y) dan (بندهاري) (b-nd-h-a-r-y). Akibatnya pembaca mungkin tersalah membaca "Menteri Jana Putera"dan "berputera seorang laki-laki", menjadi "Menteri Jana Puteri" dan "berputeri seorang laki-laki"Begitu juga "peristiwa"dieja (فراستواى)("p-r-a-s-t-w-a-y") dan "kayu ara"dieja (كايو اراى)("k-a-y-w-a-r-y").

Penggunaan satu ejaan untuk lebih daripada satu perkataan juga boleh menyukarkan pembaca yang kurang mahir. ت (*t-n*), misalnya, digunakan bagi kedua-dua perkataan, *tuan* dan *tun*. Dalam peruntannya Winstedt tidak pernah tersilap membaca ungkapan "tuan puteri"tetapi telah tersalah membaca "Tuan Jana Khatib" dan "Tuan Makhdum Mua" sebagai "Tun Jana Khatib" dan "Tun Makhdum Mua". Gelaran *Tuan* lebih tepat bagi makhdum dan tokoh agama berketurunan luar manakala *Tun* sesuai bagi tokoh-tokoh tempatan. Demikianlah halnya كلغ (*k-l-ng*) perlu dipastikan sama ada bermaksud "*kelung*", "*keling*" atau "*kilong*".

Beberapa keganjilan lain terdapat di dalam **Sulalat us-Salatin** Raja Bungsu ini. Huruf dan bunyi *hu* bagi perkataan-perkataan seperti *kahawin* (kahwin), *cahari* (cari), *merdeheka* (merdeka), *mentuha* (mentua), *nugeraha* (nugerah), dan *tuha* (tua) masih meluas digunakan. Sebaliknya kerana konsonan *h* di awal perkataan digugurkan wujudlah perkataan-perkataan seperti *arta* (harta), *idang* (hidang), *ujan* (hujan), *utan* (hutan), *ubung* (hubung), dan *ujung* (hujung). "Perang"pula kerap ditulis *parang* (ڤارغ) (p-a-r-ng)" menyebabkan "berperang"menjadi "berparang"dan "diperangi"menjadi "diparangi". Perkataan *anugerah* ditulis dan tentunya disebut dengan beberapa cara: *anugerah*, *anugeraha*, *anugerahai*, *nugerah*, *nugeraha*, dan *nugerahai*.

Antara keluarbiasaan lain yang terdapat pada naskhah Raja Bungsu ialah penggunaan gelaran *Aldiraja* الدراج (a-l-d-r-a-j) bagi beberapa watak khususnya Seri Nara Aldiraja dan Seri Bija Aldiraja. Gelaran *Diraja* دراج(d-r-a-j) memang ada digunakan bagi beberapa tokoh tetapi bagi "Seri Nara" dan "Seri Bija" terutamanya, *Aldiraja* adalah pelengkap

gelaran yang wujud secara tetap dan terus menerus. Tidaklah tepat sekiranya *Alduraja* dibaca atau dirumikan "Diraja"atau "'diraja"seperti yang dilakukan R.O. Winstedt.

Kelainan juga terdapat pada nama yang umumnya dirumikan sebagai "Tahir" di dalam beberapa versi **Sulalat us-Salatin** yang pernah diterbitkan. Walaupun sekali sekala tulisannya nampak seperti "Tahir طاهر (t-a-h-r)", dalam naskhah Raja Bungsu "Tahir" umumnya ditulis "Zahir ظاهر (*z*/dz-a-h-r)". Ada dan tiadanya satu titik pada satu huruf telah membezakan kedua-dua perkataan. Dalam perumian kali ini nama-nama yang berkenaan telah diseragamkan menjadi "Tun Zahir", "Tun Muzahir", dan "Malik al Zahir". Demikianlah dengan kitab yang sering disebut sebagai **Hikayat Muhammad Hanafiah** yang dikisahkan dibaca para pejuang Melayu Melaka dalam persiapan menghadapi serangan Feringgi. Di dalam naskhah Raja Bungsu ia sentiasa ditulis "**Hikayat Muhammad Hanifah**".

Satu contoh tambahan tentang kesukaran bagi kita pada zaman ini untuk membaca dengan betul kitabkitab lama boleh dilihat pada bahagian mukadimah **Sulalat us-Salatin**. Seperti yang dilakukan Shellabear dan yang tertera di dalam edisi rumi naskhah Abdullah, Winstedt menyelaraskan پرتورن ("p-r-t-t-w-r-n") dan فتتون ("p-t-t-w-t-n") menjadi "peraturan". Hasilnya bacaan beliau berbunyi "hamba minta diperbuatkan hikayat pada Bendahara *peraturan* segala raja-raja Melayu" dan "fakir namainya hikayat ini Sulalatu's-Salatina yakni *peraturan* segala raja-raja".[1] A. Samad Ahmad yang tidak bersetuju dengan keputusan para penyelenggara sebelum beliau itu menyarankan kedua-duanya dibaca "petuturan".[2] Dalam perumian yang saya lakukan kini perkataan-perkataan itu tidak diselaraskan. Kedua-duanya dikekalkan seperti yang terdapat di dalam naskhah asal, "pertuturan" dan "petuturan". Seperti yang diterangkan di bahagian "Beberapa Persoalan", perkataan "pertuturan", itu kena dengan kedudukannya dan tidak perlu dibaca secara lain. Masalah cuma timbul sama ada perkataan yang kedua, "petuturan" bermakna "salasilah" atau "keturunan" seperti yang dimaksudkan oleh judul "Sulalat us-Salatin" itu. Jawapan tepat bagi perkara ini sukar didapati daripada kamus tetapi dapat disahkan daripada satu pernyataan lain di dalam naskhah Raja Bungsu sendiri. Di halaman 139, di bahagian

---

1. R.O. Winstedt, "The Malay Annals or Sejarah Melayu", *JMBRAS*, Jil. 16, No. 3 (1938), hlm. 42.
2. Lihat "Prolog", *Sulalatus Salatin*, penggarapan A. Samad Ahmad, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1979, hlm. xxvii.

yang mengisahkan tentang Hang Nadim, dinyatakan bahawa "akan Hang Nadim itu sedia asal anak Melaka, menantu pada Laksamana, *petuturun* keluarga pada Bendahara Sri Maharaja". Walaupun di sini ejaannya ialah فتورون ("p-t-w-t-w-r-n") saya yakin sebutan dan maksudnya sama dengan فتوترن ("p-t-t-w-r-n") di bahagian mukadimah itu.[1] Cuma, tertakluk kepada hasil penyelidikan lanjut, mungkinkah ia sepatutnya dibaca "petuturun"?.

Dalam menilai warisan bertulis lama seperti **Sulalat us-Salatin** beberapa perkara asas sesungguhnya perlu diberi pertimbangan. Pengarang asal **Sulalat us-Salatin** tentunyalah orang yang paling arif tentang hal yang ia tulis tetapi malangnya karyanya yang asli itu tidak sampai kepada kita kecuali dalam bentuk salinan atau penulisan semula yang lebih daripada satu dan pelbagai. Akibatnya terjadilah kesamaran dan bahkan kesukaran bagi menentukan salinan manakah yang paling menyamai karya asal. Hasil daripada penyalinan semula **Sulalat us-Salatin** milik Raja Bungsu yang juga merupakan satu salinan daripada karya sulung **Sulalat us-Salatin** lahirlah Raffles MS No. 18. Seperti yang telah dibincangkan di atas terdapat lompong-lompong dan barangkali "kesilapan kesilapan" nama dan cerita di dalam Raffles MS No. 18 itu. Namun demikian, menuding jari kepada penyalin bagi setiap "kesukaran" pembacaan yang kita hadapi atau "kelemahan" yang terdapat di dalam naskhah yang kita baca tiada banyak faedahnya. Sumbangan para penulis dan penyalin kitab-kitab lama itu, walau apa pun tujuan dan niat mereka, adalah besar dan patut dihargai.

Dengan kesedaran dan semangat inilah penurunan naskhah Raja Bungsu ini dilakukan. Sedapat yang boleh kitab tersebut cuba diketengahkan "seadanya". Keasliannya cuba dipertahankan berasaskan ejaan sebenar seperti yang tertera di dalam naskhah yang dirujuk. Walaupun penyeharasan kecil ejaan ada dibuat di beberapa tempat, kita tidak sekali-kali berhasrat "membaiki" atau "membetulkan" kitab tersebut. Pengarang dan penyalinnya lebih tahu hal yang mereka karang dan salin.

Dalam usaha menyudahkan pembacaan semula ini saya sesungguhnya terhutang budi kepada banyak pihak. Persatuan Asia DiRaja Cawangan Malaysia, melalui yang berusaha Prof. Cheah Boon

1 R. Roolvink, "The Variant Versions of the Malay Annals", dl. *Bijdragen Tot De Taal, Land En Volkenkunde*, 123, 1967, hlm. 3045, m. 8, mengatakan perkataan *tutur* masih digunakan oleh orang Toba Batak sebagai bermaksud "keluarga" dan "hubungan keluarga".

Kheng telah memberi sokongan dan dorongan yang cukup menggalakkan. Hasil pena para penyelidik terdahulu seperti Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi, W. GShellabear, C. O. Blagden, R. O. Winstedt, C. C. Brown, R. Roolvink, W. Linehan, A. Samad Ahmad, C. A. Gibson-Hill dan lain-lain semuanya telah saya ambil manfaat ke arah menyelesaikan tugas yang tidak pernah saya rancang suatu ketika dahulu ini. Kepada Prof. Masyudi Abdul Kader saya berterima kasih kerana bantuan beliau menjelaskan beberapa ungkapan dalam Bahasa Jawa dan kepada Prof. Madya Mohd. Radzi Othman saya ucapkan terima kasih tidak terhingga kerana sentiasa bersedia menjelaskan beberapa istilah dan ungkapan dalam Bahasa Arab. Namun demikian, bagi apa pun, segala kekurangan yang terdapat di dalam usaha ini adalah kekurangan saya sendiri. Sekian.

Sulalat Us-Salatin Naskhah Raja Bungsu – Beberapa Persoalan

Abdul Rahman Haji Ismail

Usaha menyelenggara dan menerbitkan *Sulalattus Salatin* oleh Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi,[1] W.G. Shellabear,[2] C.O. Blagden,[3] R.O. Winstedt,[4] A. Samad Ahmad,[5] dan beberapa sarjana dan pihak lain bukan sahaja telah memasyhurkan kitab yang lebih dikenali sebagai *Sejarah Melayu* itu, tetapi juga telah menyebabkan tersebarnya dengan meluas satu sumber penting yang telah meningkatkan kefahaman umum tentang sejarah bangun-jatuh kerajaan-kerajaan Melayu awal terutama Melaka, dan suasana sosial-politik Melayu sebelum penjajahan berkuasa kuasa-kuasa baru Eropah bermula akhir abad ke-18. Naskhah *Sulalat us-Salatin* yang dikenali sebagai Raffles Malay 18 atau Raffles MS No 18 adalah salah sebuah daripada kira-kira tiga puluh dua naskhah *Sejarah Melayu* dalam pelbagai bentuk yang tersimpan di beberapa tempat di seluruh dunia.[6] Lapan bab terakhir naskhah ini telah diterbitkan Blagden pada 1925 dan keseluruhan naskhah tersebut telah diselenggara, diulas, dan hampir sepenuhnya diromikan oleh R.O. Winstedt pada tahun 1938.[7] Ia menjadi bertambah terkenal dan meluas digunakan setelah

1 *Sedjarah Melayu* menurut terbitan Abdullah, diselenggara kembali oleh T. D. Situmorang dan A. Teeuw, Penerbitan Djambatan, Jakarta, 1952.

2 *Sejarah Melayu*, selenggaraan W. G. Shellabear, Fajar Bakti Pending Jaya, 1977.

3 C. O. Blagden, "An Unpublished Variant Version of the 'Malay Annals'", *JMBRAS*, Jil. 3, Bhg. 1, 1925, hlm. 10-52.

4 R. O. Winstedt, "The Malay Annals or Sejarah Melayu", *JMBRAS*, Jil. 16, Bhg. 3, 1938.

5 *Sulalat usSalatin*, selenggaraan A. Samad Ahmad, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1979.

6 Menurut R. Roolvink terdapat dua puluh sembilan naskhah di beberapa tempat tidak termasuk Tunah Melayu (Lihat R. Roolvink, "The Bugis Version of the Malay Annals", dlm. *Bijdragen Tot De Taal, Land En Volkenkunde*, 123 (1967), hlm. 301-324. *Sejarah Melayu* atau *Malay Annals*, terj. C. C. Brown, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1970, hlm. xv-xvii). A. Samad Ahmad dalam usaha menyelenggara *Sulalatus Salatin* telah menggunakan juga naskhah yang tersimpan di Dewan Bahasa dan Pustaka (Lihat *Sulalat us-Salatin*, selenggaraan A. Samad Ahmad, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1979, hlm. xi-xv).

7 "The Malay Annals", *op. cit.*

diterjemahkan pula ke Bahasa Inggeris dengan ditambah catatan-catatan oleh C.C. Brown pada tahun 1952[8]

Raffles MS No. 18 adalah sebuah naskhah yang amat menarik. Pelbagai hal bersabit asal usul, ketulenan dan kesahihan *Sulalat us-Salatin*, corak pensejarahan Melayu serta perkembangan sebenar sejarah kesultanan Melayu Melaka dapat digarap daripadanya. Percubaan Winstedt merumikan seluruh naskhah Raffles MS No. 18 adalah suatu langkah yang berani dan amat berani.

Ketekunan Winstedt dan kecekapan para pembantunya terbukti daripada kurangnya kesilapan yang dilakukan termasuk dalam merumikan bahagian-bahagian yang tulisannya kabur dan amat sukar dibaca.

Naskhah rumi edisi Winstedt, walau bagaimanapun, masih boleh diperelokkan lagi. Selain daripada kesilapan-kesilapan pembacaan yang mengubah makna dan ketulenan gaya, Winstedt dengan secara jujur telah meninggalkan banyak lompong dalam edisinya itu apabila beliau tidak merumikan sesetengah perkataan atau ungkapan yang tidak dapat dipastikannya. Turut menjejaskan mutu usaha Winstedt ialah apabila hampir tiga belas baris bahagian terakhir naskhah Raffles MS No. 18 telah tercicir daripada edisi ruminya itu. Keciciran yang tentunyalah tidak disengajakan[9] malangnya telah menyumbang, kalaupun tidak menjadi punca, kepada perbalahan pendapat dan pernyataan-pernyataan yang tidak perlu tentang **Sulalat us-Salatin** di kalangan para peminat dan pengkaji selepas beliau.

Bacaan dan perumian semula yang saya lakukan kini adalah berasaskan salinan foto naskhah Raffles MS No 18 yang dikirimkan oleh pihak Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society. Atas sebab-sebab yang dinyatakan di bawah, naskhah Raffles MS No. 18 ini saya namakan "**Sulalat us-Salatin** Raja Bungsu". Mudah-mudahan percubaan melengkapkan kerja Winstedt ini berhasil.

---

8. "Sejarah Melayu or Malay Annals. A translation of Raffles MS 18 *JMBRAS*, Jil. 25, Bhg. 2 & 3 1952.
9. Keciciran tidak sengaja ini ternyata daripada satu hikayat dalam edisinya itu berakhir. Ayat terakhir di bahagian paling bawah halaman 225 edisi Winstedt itu terhenti di awang-awang: "Maka kata Bendahara Seri Maharaja, [illegible] lagi [illegible] dengan..." [illegible] di bawah halaman [illegible] [illegible] halaman terakhir selepas halaman 225 itu telah tertinggal, sama ada tidak dicetak atau tidak dirumikan.

Mengapa dinamakan Sulalat us-Salatin Raja Bungsu?

Umumnya semua pengkaji bersetuju bahawa terhasilnya naskhah-naskhah *Sulalat us-Salatin* yang lebih lengkap yang wujud pada hari ini adalah ekoran ilah pada 12 Rabiulawal 1021 Hijrah (bersamaan 13 Mei 1612) oleh Raja Di Hilir atau Raja Seberang yang dikenali juga sebagai Raja Bungsu yang kemudiannya menjadi Sultan Abdullah Ma'ayah Syah, Johor pada 1613. Sungguhpun demikian, pemerihalan tentang perkaitan Raja Bungsu dengan kepengarangan *Sulalat us-Salatin* lazimnya terhenti setakat itu sahaja. Raffles MS No. 18 adalah satu-satunya naskhah *Sulalat us-Salatin* yang mempunyai akhiran atau ungkapan penutup bertulis jelas berbunyi "*wakitabuh raja bungsu*" yang sejak dahulu Blagden menjadi "wakatibu hu Raja Bungsu" telah dibaca demikian termasuk oleh R. O. Winstedt, C.C. Brown dan baharu A. Samad Ahmad. Ubah bacaan yang menukar maksud "dan kitabnya Raja Bungsu" kepada "dituliskan Raja Bungsu" itu telah menimbulkan kekusutan bukan sahaja tentang asal-usul Raffles MS No. 18 tetapi juga tentang kepengarangan *Sulalat us-Salatin*. Walaupun dalam huraiannya Winstedt secara tidak langsung telah membetulkan kesilapan ini,[10] Kecuaian baris-baris terakhir naskhah Raffles MS No. 18 daripada edisi rumi Winstedt menyebabkan sukar dipastikan apakah bacaan Winstedt bagi ungkapan terakhir itu.

Dipengaruhi oleh Blagden yang menganggap "Raja Bungsu is the writer" Brown mengulangi ubah bacaan ini sebagai "The writer of the book is Raja Bungsu"[11] tanpa menyedari ubah bacaan Blagden. Winstedt dan Brown. A. Samad Ahmad sewaktu menghujahkan bahawa Tun Sri Lanang-lah sebenarnya pengarang *Sulalat us-Salatin*, menekankan betapa tidak munasabahnya sekiranya Raja Bungsu yang memerintah penulisan *Sulalat us-Salatin* dikatakan pula sebagai penulis kitab tersebut.[12] Dengan anggapan *wakitabuh Raja Bungsu* sebagai benar-benar wujud dalam naskhah Raffles MS No. 18, A. Samad Ahmad menunjukkannya sebagai satu lagi bukti ketidaksempurnaan Raffles MS No. 18.

Ungkapan *wakitabuh Raja Bungsu* yang bermaksud "dan kitabnya Raja Bungsu" sesungguhnya telah dibaca dengan betul, tentunya telah membantu menyelesaikan beberapa masalah bersekitar *Sulalat us-Salatin*. Ungkapan itu, walaupun kurang selaras dengan tatabahasa Bahasa Arab jelas

10 R.O. Winstedt, *op. cit.*, hlm. 50 dan 51.

11 C.C. Brown, *op. cit.*, hlm. 201.

12 *Sulalatus Salatin*, hlm. 166.

menunjukkan bahawa naskhah asal yang daripadanya Raffles MS No. 18 dihasilkan adalah kepunyaan atau milik Raja Bungsu atau sekurang-kurangnya salinan daripada naskhah asal milik Raja Bungsu. Raja Di Hilir yang secara tasmimnya menduduki takhta sebagai Sultan Abdullah Ma'ayah Syah yang memerintah Johor antara 1613–1623 itu. Ia tidak mengatakan kitab tersebut ditulis oleh Raja Bungsu. Andaian bahawa Raja Bungsu itu pengarang *Sulalat us-Salatin* tidak sepatutnya timbul. Pastinya terlalu sukar, sungguhpun tidak mustahil, bagi Raja Di Hilir yang amat sibuk dengan urusan pentadbiran pada zaman yang amat gawat itu menulis atau menyusun sendiri kitab tersebut. Berasaskan pernyataan sebenar yang berbunyi *waktu tabih Raja Bungsu* itulah, dengan mengambil kira kemungkinan kesilapan-kesilapan kecil sewaktu naskhah Raffles MS No. 18 dihasilkan, adalah disarankan naskhah Raffles MS No. 18 itu, demi menghormati kitab asal yang daripadanya ia disalin, disebut dengan namanya yang lebih tepat *Sulalat us-Salatin Raja Bungsu*, atau ringkasnya, untuk perbincangan selanjutnya, "naskhah Raja Bungsu".

Siapakah Pengarang Sulalat us-Salatin?

Soal siapakah sebenarnya pengarang atau penyusun asal *Sulalat us-Salatin* sesungguhnya sukar dijawab dengan pasti. Berasaskan mukadimah beberapa naskhah yang kemudiannya muncul dalam edisi-edisi Abdullah, Shellabear, A. Samad Ahmad dan bahkan Winstedt, para sarjana umumnya berpendapat bahawa pengarang atau penyusun *Sulalat us-Salatin* ialah Tun Seri Lanang, tokoh yang memegang jawatan Bendahara Johor sejak 1580an. Winstedt yang menerbitkan naskhah Raja Bungsu, walau bagaimanapun, mempunyai pendapat yang berbeda. Bagnya orang yang sebenarnya menulis atau menyusun kitab tersebut ekoran permintah Raja Di Hilir itu ialah Tun Bambang, manakala Tun Seri Lanang hanyalah penaungnya sahaja.[13] Blagden mengemukakan pandangan yang lebih mencabar. Bagnya kehadiran kisah yang menghubungkan kesultanan Perak secara langsung dengan kesultanan Melaka dan kewujudan loghat bahasa yang pada anggapannya mirip loghat bahagian utara Semenanjung menunjukkan besar kemungkinan pengarang atau penyusun asal naskhah Raja Bungsu ialah seorang yang berasal dari negeri Perak.[14] Bagi menelit perkara ini ada baiknya diamati

13 R.O. Winstedt, "The Malay Annals or Sejarah Melayu", *op. cit.*, hlm. vi.
14 C.O. Blagden, *op. cit.*, hlm. 12.

mukadimah naskhah Raja Bongsu yang ketara berbeda dan tersendiri dibandingkan dengan naskhah-naskhah lain yang pernah diterbitkan. Mukadimah naskhah Raja Bongsu berbunyi:

Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdu lilLahi Rabbil 'Alamin. Wassalatu wassalamu *'ala*[15] *RasulilLahi sallalLahu 'alayhi wasallama waashabihi ajma'in*. Maslah sudah memuji Allah dan mengucap salawat akan RasulullLahi sallalLahu alaihi wasallam, *syahadan rahmat Allah atasnya dan atas segala sahabatnya sekalian. A'lam tatkala pada hijrat al-nabawi sallalLahu 'alayhi wasallam*[16] seribu dua puluh *setahun* pada tahun *dal awwal* pada dua belas haribulan Rabiulawwal pada hari Ahad pada waktu Duha pada zaman kerajaan Paduka Seri Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah zillulLahi fil'alam, sedang bernegeri di Pasir Raja, dewasa itu bahawa Seri Nara Wangsa yang bernama Tun Bambang anak Seri Agar Raja Petani, ya itu datang menjunjungkan titah Yang Dipertuan Di Hilir *fanma syanafalmakan* [illegible] maka bahawa ia sanya kemuliaan tempat dan zaman, *wa zaina majalisi ahlil-iman* dan ia perhiasan segala kedudukan orang yang beriman, *nawwara madarijatta'ati wal-ihsan* dan ia menerangkan segala tangga taat dan kebajikan, *zida bil-fadli wal-imtinan* dan ditambahi Allah Ta'ala kiranya dengan kelebihan dan kemuliaan, *dama 'adluhu fi sa'iril bildan* dan dikekalkan kiranya ia dengan adil pada segala negeri. Demikian bunyinya titah yang maha mulia itu: "Bahawa hamba minta diperbuatkan [2] hikayat pada *hari peraturan* segala raja-raja Melayu dengan istiadatnya supaya didengar oleh anak cucu kita yang kemudian dari kita dan diketahuinyalah segala perkataan syahadan beroleh faedahlah mereka itu daripadanya."

Setelah fakir *alimi tarafu bil-ajzi wa... bi illahi* yakni fakir yang insaf akan lemah keadaan dirinya dan singkat

15 Segala yang berhubungan dalam perkataan tampak sama ada kepada perkataan-perkataan dibaca oleh Winstedt dengan yang berlainan atau kepada ungkapan-ungkapan dalam bahasa Arab: "RasulilLahi sallalLahu 'alayhi wasallama waashabihi ajma'in. Masdah sudah memuji Allah dan mengucap salawat akan RasulullLahi sallalLahu alaihi wasallam *syahadan rahmat Allah atasnya dan atas segala sahabatnya sekalian. A'lam tatkala pada hijrat al-nabawi sallalLahu 'alayhi wasallam*". 25 Bhg. 2 & 3, 1982.

16 R.O. Winstedt dlm. 47 [illegible] seluruh pernyataan "syahadan ... 'alayhi wasallam". C.C. Brown dlm. 12 yang berlandaskan [illegible] Winstedt melakukan kesilapan yang sama.

pengetahuan dunya, *allazi yarkab 'alu jahlihi* yakni yang kenderaan atas jahilnya, menengar tiah yang maha muha itu maka terjunjunglah atas batu kepala fakir dan beratlah atas segala anggota fakir. Maka fakir gonca nglah dir fakir pada mengusahakannya syahadan memohonkan taufik fakir ke hadrat sultan *samu'ul alam* dan kepada Nabi *Sayyidil anam*.

Maka fakir karanglah hikayat ini *kama sa'altuhu min jaddi wadi* dan fakir lupurnkan dampada segala riwayat orang tuha-tuha dahulu kala, supaya akan menyukakan duli hadrat baginda, maka fakir namanya hikayat ini **Sulalat us-Salatin**, yakni *Peraturan* Segala Raja-Raja. Maka barang siapa membaca dia, jangan lagi dibicarakannya dengan sempurna bicaranya, karena sabda Nabi Sallallahu 'alayhi wasallam *Tafakkaru fi alaillahi wala tafakkaru fi zatillahi* yakni "Bicarakan oleh kamu pada segala kebesaran Allah dan jangan fikirkan pada Zat Allah".

Adalah pelas tidak seperti naskhah-naskhah edisi Shellabear, Abdullah, dan A. Samad Ahmad, naskhah Raja Bungsu tidak langsung menyebut nama "Tun Seri Lanang" dan tidak juga menyatakan adanya "Hikayat Melayu dibawa oleh orang dari Goa" yang diminta supaya "[di]perbaiki" itu. Sama seperti naskhah edisi A. Samad Ahmad ia juga tidak menyebut "Raja Dewa Sa'id". Naskhah ini dengan tepatnya menyatakan bahawa tatkala perintah itu dikeluarkan oleh Raja Di Hilir, Sultan 'Alauddin bersemayam di Pasai Raja,[1] bukan di Pasai. Ia juga dengan tepatnya mencatatkan hari perintah penulisan itu dibuat iaitu Ahad, bukannya Khamis, seperti yang tersilap ditulis di dalam naskhah-naskhah edisi Shellabear dan Abdullah. Dampada mukadimah naskhah Raja Bungsu ini ternyata bahawa orang yang "datang menjunjungkan perintah Yang Pertuan Di Hilir" itu ialah "Seri Nara Wangsayang bernama Tun Bambang, anak Seri Agar, Raja Perak", bukan Tun Seri Lanang, dan bukan juga "Raja Dewa Sa'id" dua nama yang tidak disebut di dalam mukadimah itu.

Mukadimah naskhah Raja Bungsu juga tidak menyebut tiah itu ditujukan kepada Bendahara seperti yang tertulis di dalam edisi-edisi Abdullah, Shellabear dan A. Samad Ahmad, dan seperti yang diturunkan oleh Winstedt. Perkataan "bendahara" yang dikatakan merujuk kepada Tun Seri Lanang itu tiada dalam mukadimah naskhah Raja Bungsu. Yang

[1] *Sdalatus Sdatin* sdenggarakan A. Samad Ahmad (blo. 1) menyebutnya sebagai "Pasai Tua".

sebenarnya tertulis ialah "hamba minta diperbuatkan hikayat *pada hari pertuturan* segala raja-raja Melayu, dengan isti'adatnya, supaya *didengar*", bukan "hamba minta diperbuatkan pada Bendahara, peraturan segala rajaraja Melayu dengan isti'adatnya supaya didengar" seperti yang terdapat di dalam edisi Winstedt. Tidak mustahil bahawa "*pertuturan*" di sini memang bermaksud "perekapan" atau "perbincangan" yang telah terjadi di kalangan anak-anak raja warisan Melaka yang telah berkumpul sama ada di istana Sultan atau Raja Di Hilir, di Pasir Raja pada waktu itu.

Kemungkinan penyalin yang telah menghasilkan Raffles MS No. 18 tersilap menulis "hari" di tempat yang betul sepatutnya menulis "Bendahara". Tidaklah wajar ditolak secara mutlak. Namun begitu, tidaklah juga mustahil bahawa penyalin atau penyelenggara edisi-edisi Abdullah, Shellabear, Winstedt dan A. Samad Ahmad telah tersilap baca atau tersilap menggantikan perkataan "hari" dengan perkataan "Bendahara". Memang patut bagi para pengkaji seperti Winstedt membetulkan kesilapan yang diyakini mereka wujud di dalam naskhah lama yang mereka selenggarakan. Tetapi dalam hal ini, tidaklah mustahil bahawa mereka telah terlebih "memperbaiki" sehingga isi kitab lama itu tidak lagi terhidang "menurut adanya". Penyelenggara perlulah menghormati dan berbaik sangka terhadap naskhah yang diselenggarakannya itu.

Dalam mukadimah naskhah Raja Bungsu ungkapan "pada hari pertuturan didengarnya" itu ditulis dengan jelas. Kalaupun benar penyalin untuk Raffles telah tersilap mencoretkan "hari" di tempat yang ia sepatutnya menulis "bendahara", perkataan "pertuturan" selepasnya itu nampaknya bukanlah suatu kesilapan. Melihat keadaan letaknya, perkataan "*pertuturan*" itu nyata betul kerana ia diikuti oleh "*didengar*" bukan "diketahui" seperti yang terdapat pada edisi-edisi Abdullah, Shellabear, dan A. Samad Ahmad. Walaupun "pertuturan" di sini ada kemungkinan seerti dengan "pertuturan" yang bermaksud "salasilah" atau "keturunan", memberikan kejelasan tulisannya ia hendaklah dibaca "pertuturan". Sekiranya "pertuturan" di sini sama maknanya dengan "pertuturan" pernyataan Raja Di Hilir ini patut dibaca "Bahawa hamba minta diperbuatkan hikayat pada hari [ini] pertuturan segala raja-raja Melayu dengan isti'adatnya supaya didengar". "Kemungkinan ini perlu dibaca "peraturan" tidak perlu timbul.[18]

18. Mengenai hal ini lihat juga R. Roolvink, "The Various Versions of the Malay Annals", *op. cit.*, hlm. 101 dan S. Jones, *Sulalat Salatin*, selenggaraan A. Samad Ahmad, hlm. xxxvi. Lihat juga bahagian "Pengenalan".

Selain daripada tertinggalnya beberapa perkataan, salah bacaan, dan kesilapannya "memberikan perkataan perkataan tertentu pada mukadimah naskhah Raja Bungsu, dipengaruhi oleh beberapa naskhah lain yang diterangnya, Winstedt telah mengusulkan hal apabila beliau mengandaikan wujudnya pembawa tuah Raja Di Hilir kepada Tun Bambang bernama "Raja Dewa Sari", yang katanya telah tercicir daripada naskhah Raja Bungsu itu.[19] Seperti yang ditunjukkan W. Liebhan, nama "Raja Dewa Sari" sebenarnya muncul dalam sesetengah naskhah akibat salah bacaan dan salah "pembetulan" yang dilakukan secara sengaja dan tidak sengaja oleh para penyalin.[20] Nama itu tiada dan tidak perlu ada dalam naskhah Raja Bungsu.

Pandangan yang menganggap Tun Seri Lanang sebagai pengarang atau penyusun *Sulalat us Salatin* 1612 sukar ditolak sekiranya mukadimah naskhah-naskhah yang lebih panjang itu dijadikan asas rujukan. Lebih-lebih lagi perkara itu ada dinyatakan Nuruddin al-Raniri di dalam *Bustan us-Salatin* yang mula dikarangnya pada tahun 1638. Namun, sekiranya benar pendapat Winstedt bahawa sebahagian daripada mukadimah edisi Shellabear adalah tokokan kemudian, yang dipengaruhi *Bustan us-Salatin*, maka kisah pembabitan Tun Seri Lanang itu pun ada kemungkinannya hanyalah tokokan selepas 1663 iaitu setelah seluruh istana termasuk Sultan Alauddin, Raja Bungsu dan Tun Seri Lanang ditawan dan dibawa ke Aceh. Keadaan kacau tentang pembabitan Tun Seri Lanang itu menjadi lebih jelas apabila edisi Shellabear dan A. Samad Ahmad memuatkan kisah-kisah sehingga 1670-an yakni beberapa dasawarsa setelah kematian Tun Seri Lanang. Berasaskan mukadimah naskhah Raja Bungsu, jelas orang yang "menjunjung tuah" diperbuatkan hikayat "*Sulalat us-Salatin* 1612 ialah Tun Bambang yang juga bertalian darah dengan istana Johor waktu itu.

Naskhah Raja Bungsu mengandungi satu unsur penting lain yang menguatkan hujah tentang keredibatan meluas Tun Bambang dalam perjuangan, *Sulalat us Salatin*. Daripada segi bahasa, seperti yang juga ditunjukkan oleh C. C. Brown[21] unsur loghat pantai timur Semenanjung

---

19 Lihat Malay Annals, hlm. 40. Kerana bergantung kepada pertimbangan sifat Winstedt, A. Samad Ahmad sendirinya telah berhati-hati apabila beliau menggunakan perbezaan tentang naskhah Raja Bungsu itu. Namun pada akhirnya Pak Samad menerima nama "Raja Dewa Sari" sebagai sah dan dapat dipertahankan. Lihat *Sulalat us-Salatin*, hlm. 302–303.

20 W. Liebhan, "Notes on the Text of the Malay Annals", *JMBRAS*, jil. 20, No. 2, (1942), hlm. 110–112.

21 *op. cit.*, hlm. 11.

unsur ketara dalam naskhah tersebut. Perkataan-perkataan dan penulisan perkataan menurut sebutan Petani-Kelantan-Terengganu-Pahang terdapat di banyak tempat dalam naskhah Raja Bungsu. Sebagai contoh, *kampung* kadangkala ditulis *kapung*, manakala *umpama*, *rantau*, *tempayan*, *mangkuk*, *pendekar*, *merentang*, *mengangkat*, *mangembala* dan *pegawai* ditulis *upama*, *ratau*, *tepayan*, *makuk*, *pedekar*, *meretang*, *mengakat*, *mangebala*, dan *pegawi*. Kesalah ejaan menurut sebutan pantai timur itu terjadi akibat kecenderungan bahasa penyalin atau penyalin-penyalin yang menghasilkan Raffles MS No. 18, adalah jelas penulis naskhah Raja Bungsu lazim dan kuat dipengaruhi bahasa Melayu gaya pantai timur. Memandangkan kandungan dan gaya bahasa *Sulalat us-Salatin Raja Bungsu* yang lebih tua, dan hanya Tun Bambang yang berketurunan Petani itu yang tidak dapat dipertikaikan telah hadir menerima perintah "perbuatkan hikayat" daripada Raja Di Hilir, pengaruh bahasa gaya pantai timur itu mengesahkan keterlibatan langsung Tun Bambang dalam penyusunan dan penulisan *Sulalat us-Salatin*. Saranan Blagden tentang kemungkinan pengarang asal naskhah Raja Bungsu seorang orang Perak menarik dan munasabah. Namun demikian daripada dalil yang ada penglibatan Tun Bambang lebih jelas dan berlandas.

Ketuaan Naskhah Raja Bungsu

Dalam pengenalannya kepada edisi rumi naskhah Raja Bungsu (Raffles MS No. 18) Winstedt dengan mengecualikan bahagian mukadimah dan penutup kitab tersebut telah mengemukakan beberapa alasan kuat mengapa beliau menganggap isi naskhah tersebut sebagai telah ditulis sebelum 1536 oleh seorang orang Melaka yang menyaksikan sendiri pelbagai peristiwa yang telah berlaku menjelang dan selepas kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada 1511.[22] Kerana sebab-sebab tersendiri pula, kata Winstedt, tokokan, pindaan dan penyisihan telah dilakukan penyunting tahun 1612 yang menghasilkan versi-versi yang lebih panjang seperti yang diselenggarai Abdullah Munsyi, Shellabear dan lain-lain. Winstedt juga berpendapat besar kemungkinan naskhah Raja Bungsu ialah naskah asal "yang dibawa dari Goa" seperti yang disebut di dalam naskhah-naskhah yang lebih panjang itu.

22 R.O. Winstedt, "The Malay Annals or Sejarah Melayu", op. cit., hlm. 27-34. Lihat juga Sir Richard Winstedt, *A History of Classical Malay Literature*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1969, hlm. 158-160.

W. Linehan menambah beberapa dalil lain yang menguatkan pendapat sebenarnyalah naskhah Raja Bungsu salah sebuah naskhah terawal *Sulalat us-Salatin*.[23] Naskhah tersebut tidak menyebut Raja Di Hilir sebagai Sultan dan tidak juga menyatakan Sultan 'Alauddin telah mangkat seperti yang terdapat di dalam mukadimah naskhah-naskhah yang telah diperbaiki. Oleh kerana Sultan 'Alauddin mangkat pada 6 Januari 1613, Linehan berpendapat naskhah lebih panjang seperti yang diselenggarakan Shellabear pastinya telah dihasilkan selepas tarikh tersebut. Kenadaan pernyataan "hikayat Melayu dibawa oleh orang dari Goa" di dalam naskhah Raja Bungsu menguatkan lagi hujah ini adalah antara naskhah *Sulalat us-Salatin* yang terawal.

Daripada segi isi dan semangat penceritaannya juga nyata naskhah Raja Bungsu adalah naskhah yang lebih awal. Selain daripada kisah-kisahnya ditamatkan dengan peristiwa tidak melampaui tahun 1536, pengarangnya ketara amat berserasa dan memberi perhatian yang berat kepada kehadiran Portugis dan penaklukan Melaka oleh kuasa penjajah itu, satu peristiwa yang pastinya cukup mendalam kesannya di jiwa rakyat. Kisah penyingkiran Raja Muzaffar dan Tun Terang, anak dan anak tiri serta menantu Sultan Mahmud Syah dan Tun Fatimah, ke Perak juga dipaparkan dengan jelas dan lebih perinci. Pengarang naskhah Raja Bungsu telah memperlihatkan keterlibatan jiwa raganya dengan jatuh bangun kerajaan Melayu Melaka dan telah menghilangkan satu kisah yang lebih asli dibandingkan dengan versi-versi selepas 1613.

Contoh lain yang membuktikan naskhah Raja Bungsu, sekurang-kurangnya daripada segi isinya, antara naskhah terawal yang belum "diperbaiki" terdapat pada bab 15 kitab tersebut. Kisah penaklukan Melaka ke atas Kelantan tiba-tiba muncul menuturkan kisah perancangan Sultan Mahmud Syah untuk membunuh adiknya Raja Zainal Abidin.

> Maka Sultan Mahmud Syah pun menyuruh memanggil hamba raja yang kepercayaan. Setelah datang maka titah Sultan Mahmud Syah pada segala hamba raja, "Siapa kamu dapat membunuh Zainal Abidin, seorang pun jangan tahu." Maka seorang pun tiada bercakap. Maka ada seorang penunggu pintu enggan di hadapan raja, Hang Berkat namanya, lalu bercakap kepada Sultan Mahmud Syah. Maka titah Sultan Mahmud Syah *pandilah parang orang Kelantan, maka segala orang Melaka pun masuklah ke dalam kota menampas raja anak Raja*

[23] *op. cit.* hlm. 110[3].

Kelantan juga orang, perempuan ketiganya tertawan ....[24]

Penggabungan bahagian-bahagian daripada dua cerita ini pastinya bukan kerja pengarang asal **Sulalat us-Salatin**. Ia telah dilakukan oleh penyalin yang menghasilkan salinan untuk Raja Bungsu atau penyalin naskhah Raja Bungsu yang menghasilkan Raffles MS No. 18 apabila mereka menghadapi lompong akibat kerosakan atau kehilangan halaman pada naskhah lebih awal yang mereka sedang salin itu.

Selain daripada ketidakseragaman ejaan, kekurangan naskhah Raja Bungsu terdedah juga daripada ketidaksempurnaan bahagian penutup setengah bab. Bab 4, 7, 10, 14 dan 22 tidak disudahi dengan *WalLahu a'lam bissawab Wailaihil marji'u walmaab* manakala sesetengahnya pula hanya berakhir dengan *WalLahu a'lam bissawab* sahaja.

Daripada segi bahasa juga **Sulalat us-Salatin** Raja Bungsu nampak lebih tua daripada naskhah-naskhah lain. Selain daripada ejaannya yang lebih kuno, terdapat perkataan-perkataan dalam sebutan lamanya yang jarang di dapati di dalam kitab-kitab Melayu lama yang lain. Sesetengahnya tidak terdapat di dalam kamus. Perkataan-perkataan seperti *asti, surhad, tuha, kutaha, nugraha, mendeleka, kabantn, Mehnaju, dulapan, baxan, pegbala, nsteh, mat, ajung, pharap*, dan *atnam* adalah sebahagian daripadanya.

Pandangan Winstedt dan Iskandar umumnya munasabah dan dapat dipertahankan. Kalaupun naskhah Raja Bungsu bukan "hikayat dibawa orang dari Goa" ia adalah satu salinan paling asli hikayat tersebut. Setidak-tidaknya ia adalah salinan "hikayat dibawa orang dari Goa" yang telah dihasilkan untuk Raja Bungsu.

Goa Yang Di Mana?

Satu soal penting lain yang telah menimbulkan pertelingkahan pendapat di kalangan para sarjana ialah "Goa" yang manakah yang dimaksudkan oleh mukadimah naskhah-naskhah **Sulalat us-Salatin** yang lebih lewat itu. Winstedt yakin bahawa Goa itu ialah Goa di India yang menjadi markas Portugis di Timur pada kurun ke-16 dan 17. C. A. Gibson-Hill dalam tulisannya pada tahun 1956 menyokong pendapat Winstedt. Beliau mengagakkan bahawa "hikayat Melayu" telah dirampas askar Portugis sewaktu mereka menyerang Johor di Sungai Telur pada Jun 1535 dan

24 *Sulalat us-Salatin*, hlm. [illegible]

dikembalikan semula kepada Johor pada awal abad ke-17 demi mendapatkan persahabatan Johor bagi menghadapi kuasa-kuasa baru yang lebih mencabar termasuk Belanda.[25] Persamaan tulisan Diogo do Couto, Pengaga Arkib Goa (Keeper of the Goa Archives) antara tahun 1595–1604, dengan pengisahan di dalam *Sulalat us-Salatin* tentang kejatuhan kerajaan Singapura akibat serangan Jawa dan pelarian Iskandar Syah yang kedatangannya membuka Melaka, meyakinkan Gibson-Hill bahawa do Couto yang tidak pernah ke Melaka telah mendapat maklumatnya daripada *Sulalat usSalatin*. Bagi beliau tanpa "hikayat Melayu"di bawa ke Goa, India, tidak mungkin do Couto boleh mengemukakan cerita versi *Sulalat us Salatin*, yang sama sekali berbeza daripada cerita oleh pencatat-pencatat Portugis yang lain seperti de Barros, Tome Pires, dan Iredra yang boleh dikatakan seangkatan dengan do Couto.[26] Pandangan Gibson-Hill ini selaras dengan pendapat Winstedt yang mengatakan demi memelihara hubungan baik dengan Portugis bagi menjamin masa depan Johor sendiri sebahagian daripada kisah-kisah pepertangan melawan Portugis seperti yang terdapat di dalam naskhah Raja Bungsu tidak lagi dimuatkan di dalam edisi-edisi selepas perintah 1612 itu.[27]

Dalam hal ini W. Linehan mengemukakan rumusan yang berbeza. Beliau menyarankan bahawa "Goa" itu sebenarnya merujuk sama ada kepada tempat bernama Gita di Sungai Jeh di Ulu Pahang, atau kawasan pergunaan di Kota Gelanggi, juga di Pahang.[28] Hikayat Melayu yang kemudiannya dikenali sebagai *Sulalat us Salatin*, kata Linehan, telah dibawa kembali ke Johor oleh angkatan perang Johor yang menyerang Pahang dalam tahun 1612.[29]

A. Samad Ahmad mengemukakan rumusan yang tidak kurang mencabar. Merujuk kepada perhubungan yang awal dan rapat di antara Melaka dengan Sulawesi beliau menyarankan bahawa Goa yang dimaksudkan itu ialah Goa di tanah Bugis.Kitab tersebut, menurutnya, telah dibawa ke Sulawesi dan kemudian dikembalikan kepada kerajaan waris Melaka yang bertapak di Johor.[30]

---

25 C.A. Gibson-Hill, "The Malay Annals: the history brought home", *JMBRAS*, jil. 29, No.1, 1956, hlm. 185–188.

26 *Ibid*.

27 R.O. Winstedt, "The Malay Annals", *op. cit.*, hlm. 33.

28 W. Linehan, *op. cit.*, hlm. 112–115.

29 *Ibid*.

30 *Sejarah Melayu*, hlm. xxv–xxvi.

Ketiga-tiga pendapat di atas sesungguhnya sukar dibuktikan secara mutlak sebagai benar atau salah. Tanpa dalil-dalil yang sahih mustahil dapat dinyatakan dengan pasti Goa yang manakah yang dimaksudkan oleh *Sulalat us-Salatin* itu. Namun demikian, tumusan Winstedt dan Gibson-Hill yang diterima ramai orang, ada masalahnya. Kalaulah *Hikayat Melayu* dianggap penting oleh puluk Portugis sehingga dibawa ke India dan kemudian dijadikan umpanan untuk memboh kerjasama kerajaan Johor-Riau-Lingga seabad kemudian, mengapakah hikayat itu tidak langsung disebut oleh pencatat-pencatat Portugis yang amat tekun mengumpul maklumat? Mengapa penulis dan penjaga arkib seperti Diogo do Couto pun menyepi tentangnya? Kesamaan seeberapa daripada tulisan do Couto dengan *Sulalat us-Salatin* nampaknya bukan berpunca daripada do Couto membaca hikayat itu tetapi besar kemungkinannya ekoran beliau mendapat maklumat yang sama melalui saluran lain termasuk sumber lisan. Oleh kerana sumber-sumber Portugis tidak menyebut tentang Hikayat Melayu dan *Sulalat us-Salatin* sendiri tidak menyatakan Goa yang dimaksudkan itu Goa yang di mana, pendapat Winstedt dan Gibson-Hill wajah dibandingkan dengan dua pendapat yang lain itu.

Pandangan A. Samad Ahmad ada kekuatannya memandangkan di dalam *Sulalat us-Salatin* sendiri terdapat kisah-kisah yang memperlihatkan perhubungan rapat Melaka dengan Sulawesi dan kegiatan pelautan orang Sulawesi sehingga ke Selat Melaka. Namun begitu, secara bandingan, hubungan Melaka dengan Pahang jauh lebih akrab dan berterusan. Terlalu banyak kisah sejarah kesultanan Melayu Melaka dan Johor berkait secara langsung dengan Pahang. Kesultanan Pahang bukan sahaja seketurunan dan berkeluarga dengan kesultanan Melaka, tetapi juga adalah pewaris sah dan penerus warisan kerajaan Melayu Melaka di Semenanjung selain Johor dan kemudiannya Perak. Dengan mengambil kira keadaan ini dan kedudukan Pahang yang setanah dengan Melaka dan Johor, serta Pahang menjadi sebahagian daripada kawasan bergerak kerajaan Melaka setelah 1511, adalah munasabah bahawa warisan berharga seperti *Hikayat Melayu* telah dibawa untuk di selamatkan di Pahang. Pendapat W. Linehan bahawa Goa yang dimaksudkan mukadimah *Sulalat us-Salatin* itu Gua di Hulu Pahang amat munasabah. Hal ini sedikit sebanyak disahkan oleh *Sulalat us-Salatin* naskhah Raja Bungsu yang bab terakhirnya ialah tentang hubungan rapat Melaka-Johor dengan Pahang di sebalik masalah yang sekali sekala timbul. *Sulalat us-Salatin* naskhah Raja Bungsu menutup kisah dengan

> Setelah berapa lamanya Sultan Muzaffar Syah di Sayung maka baginda memohonkan kepada Sultan 'Alauddin Riayat Syah maka diberi baginda persalin sepertinya. Maka Sultan Muzaffar Syah pun kembalilah ke Pahang. Setelah berapa lamanya sampailah ke Pahang *Wallahu a'lam bissawab Wabullul murjin walmaab. Wakta hah Raja Bungsu*[1]

Adalah jelas bahawa *Sulalat us-Salatin* naskhah Raja Bungsu adalah di antara naskhah yang paling asli kandungan dan bahasanya. Naskhah lebih awal yang dimpadunya naskhah Raja Bungsu dihasilkan tidak naskhah asal yang diselamatkan ke Gua di Pahang selepas 1535 dan dibawa kembali ke Johor pada 1612. Cuma dalam hal ini "Hikayat Melayu" itu tentunya telah dibawa kembali ke Pasai Raja sebelum tarikh permintaan Raja Di Hilir pada 11 Mei itu, dan bukannya selepas September 1612 seperti yang dinyatakan Linehan.[2] Kehadiran banyak perkataan yang berasal atau dieja menurut sebutan pantai timur Semenanjung bukan sahaja membuktikan hubungan rapat Melaka-Johor-Pahang tetapi juga mengukuhkan tanggapan bahawa penyusun *Sulalat us Salatin* adalah seorang yang sedarah-sedaging dengan loghat pantai timur. Mungkin Tun Seri Lanang yang disebut di dalam kebanyakan naskhah sebagai pengarang *Sulalat us Salatin* menggunakan bahasa demikian. Namun, kecuali kehadiran loghat pantai timur itu disebabkan kelaziman bahasa penyalin yang menghasilkan naskhah Raffles MS No. 18, adalah lebih besar kemungkinannya orang yang berperanan utama menyalin dan menyusun *Sulalat us Salatin* yang berasal "Hikayat Melayu" yang dibawa oleh orang dari Gua" itu ialah Tun Bambang yang peranannya "menjunjung perintah Yang Pertuan Di Hilir" disebut di dalam semua naskhah *Sulalat usSalatin*.

1. *Sulalat us Salatin*, hlm. 203.
2. W. Linehan, *op. cit.*, hlm. 11.

Sejarah Melayu: Masalah versi-versi yang lain

R Roolvink

Lambatnya kemajuan yang kadang-kadang terdapat pada salah satu bidang ilmu pengetahuan dapat kita lihat kalau kita memerhatikan edisi-edisi teks *Sejarah Melayu* atau dengan nama Arabnya *Sulalatus-Salatin*. Walaupun kira-kira seratus tujuh puluh tahun telah berlalu sejak terjemahan teks ini diterbitkan dalam bahasa Inggeris dan seratus enam puluh tahun telah berlalu sejak teks Melayunya dicetak untuk pertama kalinya, tetapi sampai sekarang belum disediakan edisi yang kritis. Bahasa dan gaya bahasanya belum benar-benar dikaji, dan masalah tahun teks ini dikarang masih tinggal sebagai satu persoalan. Semua ini amat mengherankan sebab *Sejarah Melayu* sudah umum dianggap sebagai teks sejarah bangsa Melayu yang terpenting dan salah satu hasil sastera Melayu yang terbaik.

Berkenaan dengan *Sulalatus Salatin* ada dua masalah yang memerlukan penyelesaian yang pertama, tahun teks ini dikarang, yang saya rasa telah dijawab dengan memuaskan; masalah yang kedua ialah perhubungan antara versi-versi *Sejarah Melayu* yang berlainan, dan masalah ini hanya dapat diselesaikan dengan menkaji semua naskah yang ada[1]. Dalam makalah ini saya ingin membicarakan masalah kedua dengan menumpukan perhatian kepada beberapa persoalan teks yang kita hadapi dalam penyelidikan tentang *Sejarah Melayu*, dan dalam hubungan demikian saya berharap dapat diselesaikan salah satu daripada masalah yang sampai sekarang belum mendapat perhatian yang cukup.

Saya akan mulai dengan memberi ikhtisar kajian teks ini pada masa lampau, dan dalam memberi ikhtisar ini saya tidak akan menceba membicarakan segala-segalanya tetapi akan membatasi diri kepada hal-hal yang berkenaan dengan tajuk kita.

Petrus van der Vorm dalam bukunya *Maleisch-Woordenboeksamenling* (Kumpulan kamus-kamus Melayu) yang diterbitkan di Betawi pada tahun 1707–1708, menyebut disamping karya-karya Melayu yang lain, suatu teks yang berjudul *"Salalatu'l-Salatin, yakni Keturunan segala Sultan-Sultan atau Raja-Raja"*, dan beliau menggangap teks ini demikian penting sehingga beliau memberi ikhtisar isinya, atau mungkin terjemahan teks ini. Nama *Sulalatu'l-Salatin* pun

menjadi judul *Sejarah Melayu* seperti jelas pada pendahuluannya "maka lakir namar hikayat ini *Sulalatu'l Salatin*, yakni pertuturan segala raja-raja".

Dalam karyanya yang terkenal *Oud en Nieuw Oost Indien* (Hindia Tempo Zaman Dahulu dan Sekarang) yang diterbitkan pada tahun 1726 Valentijn menyebut karya yang sama dengan nama yang sama. Tetapi sudah pasti bahawa Van der Voort dan Valentijn tidak memperkatakan tentang teks *Sejarah Melayu* dalam bentuknya yang ada sekarang, melainkan tentang teks-teks yang agak ringkas dan lebih bersifat "daftar nama segala raja-raja".

Teks *Sejarah Melayu* dikenalkan kepada khalayak ramai yang lebih luas mula-mula melalui terjemahannya ke dalam bahasa Inggeris (sebenarnya suatu terjemahan yang agak bebas) yang disiapkan oleh seorang Inggeris, John Leyden, dan diterbitkan sesudah Leyden telah meninggal dunia, oleh Sir Stamford Raffles pada tahun 1821. Judul terjemahan Leyden ialah "The Malay Annals, translated from the Malay Language" dan sejak terbitnya terjemahan Leyden teks ini tetap dikenali dengan nama ini di dunia Barat. Nama itu sebenarnya kurang tepat kerana *Sejarah Melayu* atau *Sulalat us-salatin* bukan buku tahunan sejarah.

Raffles telah mengarang Pendahuluan pada terjemahan Leyden, tetapi dalam pendahuluannya tidak terdapat keterangan apapun tentang naskah-naskah Melayu yang asli. Leyden rupanya menuju lebih dari satu naskah, dan Raffles pun tidak membahas isi "Malay Annals" itu, dengan lain perkataan pentingnya teks ini dipandang dari segi sejarah belum mendapat perhatian.

Perlu kita mencatat dahulu bahawa teks Melayu yang digunakan oleh Leyden sebagai dasar bagi terjemahannya ada berpendahuluan, dan dalam pendahuluan itu pengarangnya menjelaskan cara penulisan teks itu bermula dan sekarang saya nukilkan Leyden:

> "The occasion of the composition of the work is stated by the author to be the following. I happened to be present at an assembly of the learned and the noble, when one of the principal persons of the party observed to me, that he had heard of a Malay story, which had been lately brought by a nobleman from the land of Goa ..." dan sebagainya.

dan ini adalah terjemahan Leyden dengan agak bebas dari *Sejarah Melayu*:

> "Dan pada suatu masa, bahawa fakir duduk pada suatu majlis dengan orang besar, terlebih mulianya dan terlebih besar

> mutabatnya daripada yang lain, maka berkata ia kepada fakir, Hanyo dengar ada hikayat Melayu yang dibawa oleh orang dari Goa...", dan seterusnya.

Pernyataan ini kita dapati dalam semua edisi teks *Sejarah Melayu* yang dicetak kemudian – dengan satu kekecualian, yakni versi Raffles No. 18 yang diterbitkan oleh Winstedt. Pernyataan "Hikayat Melayu yang dibawa oleh orang dari Goa" kemudian telah banyak menimbulkan keraguan di kalangan penyelidik-penyelidik sastera Melayu.

Sepuluh tahun kemudian, tepatnya pada tahun 1831, Abdullah bin Abdul Kadir yang terkenal itu mengusahakan edisi *Sejarah Melayu* atau mungkin lebih tepat: terbitan salah satu teks *Sejarah Melayu* yang dicetak dengan berjudul *Sulalatu'l Salatin ia itu Sejarah Melayu*.

Kata 'sejarah' disini berarti 'genealogical tree' dan dengan demikian makna 'Sejarah Melayu' tidak terdapat dalam teks tersebut dan tiada juga dalam mana-mana naskhahnya yang ada, sehingga dapat kita membuat kesimpulan bahawa nama *Sejarah Melayu* ialah terjemahan Abdullah dari nama Arabnya *Sulalatu'l Salatin* yang terdapat dalam pendahuluan teks ini. Bagaimanapun juga, nama *Sejarah Melayu* telah menjadi umum sejak terbitan Abdullah disamping nama Inggerisnya *Malay Annals*.

Edisi Abdullah diberi pendahuluan yang dikarang oleh Abdullah sendiri, dan dalam pendahuluannya ia menekankan gaya bahasa yang baik itu, tetapi ia sama sekali tidak mengharapkan tentang isi *Sejarah Melayu* selain di satu tempat yang membayangkan keraguannya tentang penghargaan yang mungkin akan diberi oleh sebarang orang kepada *Sejarah Melayu* dan ia seolah-olah menolak kecaman hipotetis seseorang itu sebelum ia dapat diutarakan. Katanya:

> "Adakan maka jikalau orang mendapat akan kitab *Sejarah Melayu* ini, maka katanya: 'Mengapakah maka hikayat-hikayat dan *Sejarah Melayu* yang tiada berguna ini disapkan membuang belanja dan penat sahaja, apakah fa'edahnya yang ada dalamnya?' maka kami memberi jawab kepadamu, 'Bahawa sungguhpun tiada banyak perkara yang berguna dalamnya seperti kata orang yang mengarang sejarah ini dalam khothahnya tetapi bahawa sesungguhnya ketahuilah olehmu adapun sebabnya aku mengusahakan dikir mengecapkan kitab ini sebab bahasanya"

Dengan lain perkataan, Abdullah, orang yang tertawal mengusahakan edisi teks *Sejarah Melayu*, pun tampaknya tidak sedar akan pentingnya teks ini bagi ilmu sejarah.

Dalam pendahuluan teks terbitan Abdullah dikatakan bahawa teks itu dikarang pada tahun 1021H, iaitu 1612 tahun Masehi, dan bahawa dasar teks itu suatu hikayat yang dibawa oleh orang dari Goa yang kemudian "diperbaiki". Seperti teks Leyden, teks Abdullah pun berakhir dengan cerita Tun Ali Hati mati, jadi teks Melayu ini sejalan dan sama isinya dengan teks asli yang telah dipakai oleh Leyden untuk terjemahannya ke dalam bahasa Inggeris. Oleh kerana versi ini diterbitkan lebih dahulu, dalam dua bentuk, iaitu terjemahannya ke dalam bahasa Inggeris dusahakan oleh Leyden dan edisi Melayunya dusahakan oleh Abdulah Munsyi, maka versi ini telah dianggap sebagai *teks standar*, suatu istilah yang amat mengelirukan seperti akan menjadi jelas nanti.

Kira-kira pada pertengahan kurun yang lalu seorang sarjana Perancis Edouard Dulaurier (yang meletakkan dasar bagi Pengajian Melayu di negeri Perancis) mulai mengusahakan suatu edisi kritis dari *Sejarah Melayu*. Dulaurier mendasarkan edisinya atas teks Abdullah yang telah dicetak dan atas sekurang-kurangnya satu naskhah, dan mungkin lebih dari satu naskhah, yang disimpan dalam kumpulan naskhah perpustakaan Universiti Leiden. Tetapi oleh kerana Dulaurier meninggal dunia edisinya tidak selesai dan yang dapat diterbitkan hanya sebahagian sahaja. Bahagian yang telah terbit berisi *teks standar*, iaitu versi Leyden dan Abdullah sedang di dalam catatan kaki, dalam "footnotes" Dulaurier memberikan suatu versi yang terkandung dalam naskhah Leyden Cod. Or. 1716 (satu naskhah yang dinamakan oleh Dulaurier Naskhah A). Versi yang dibawah garis itu sudah jelas berlainan benar dengan *teks standar*, tetapi rupanya Dulaurier sendiri dan sarjana-sarjana lain tidak sedar akan pentingnya teks ini bagi pengkajian perkembangan teks *Sejarah Melayu* yang ada sekarang telah mendapat bentuknya.

Memang sudah jelaslah bahawa Dulaurier mengusahakan edisi teksnya atas dasar teks yang dianggap *teks standar*, iaitu teks Leyden dan Abdullah. Sebagai akibatnya suatu versi penting yang berlainan seolah-olah telah tersembunyi dalam catatan-catatan, sedang sepatutnya versi yang berlainan ini diambil oleh Dulaurier sebagai dasar untuk edisinya.

Empat puluh tahun kemudian, pada tahun 1896, Shellabear menerbitkan - dengan huruf jawi - edisinya yang terkenal itu. Untuk terbitannya Shellabear mempergunakan teks Abdullah dan juga edisi Dulaurier sejauh diterbitkan serta beberapa naskhah tulisan tangan, diantaranya sebuah naskah kepunyaan Maxwell, sekarang Maxwell No.26 di Perpustakaan Royal Asiatic Society di London. Dalam pendahuluannya bagi edisi jawi dari tahun 1896 Shellabear membahas beberapa masalah

berkenaan dengan versi-versi yang berlainan itu. Katanya bahawa ia telah memakai beberapa salinan, ya'ni bacaan-bacaan lain, dalam edisinya, tetapi variasi-variasi itu demikian besar jumlahnya sehingga tidak mungkin baginya untuk memasukkan semuanya ke dalam satu teks yang dinamakannya *teks standar*:

> 'The present edition has been prepared mainly for the use of students of the Malay language. I have, therefore, thought it better to avoid encumbering the work with critical notes, which would have added very much to the cost. Moreover, a complete and satisfactory comparison of the various texts would have required an expenditure of time out of all proportion to the advantages to be gained.'

Pernyataan ini dapat diterima dan dimengerti kalau kita ingat akan tujuan Shellabear dapat dikatakan besar faedahnya sebagai buku sekolah, tetapi teks ini sebetulnya tidak beberapa besar gunanya bagi penyelidikan ilmiah. Didalamnya kita dapati suatu teks yang terdiri atas bahagian-bahagian yang berasal dari versi-versi yang berlainan, atau dengan perkataan lain teks Shellabear ini ialah teks-campuran, 'a hybrid text'.

Pengkajian *Sejarah Melayu* atau *Malay Annals* telah mencapai tingkatan baru kerana usaha Sir Richard Winstedt. Pada tahun 1932 Winstedt menerbitkan dua buah teks Melayu yang sangat penting bagi ilmu sejarah bangsa Melayu, iaitu *Hikayat Johor* dan *TuhfatulNafis*[1]. Usaha Winstedt yang lebih lagi menarik perhatian para sarjana sastera Melayu ialah penerbitannya, pada tahun 1938, dari salah suatu versi *Sejarah Melayu* yang disebut versi Blagden[4]. Versi ini bernama demikian oleh kerana C.O. Blagden pernah menerbitkan (1925) kedelapan centera yang penghabisan dari versi *Sejarah Melayu* yang terkandung dalam naskah Raffles No.18 kepunyaan perpustakaan Royal Asiatic Society di London.[5]

Winstedt saya rasa patut dipuji kerana beliau dari mula lagi sedar akan pentingnya versi yang baru ini bagi pengkajian perkembangan teks *Sejarah Melayu* pada umumnya, biarpun kesimpulan-kesimpulan yang dibuat oleh Winstedt kebanyakannya tidak dapat diterima. Sangat penting juga ialah bahawa Winstedt dapat menegaskan bahawa permulaan kata dalam bahasa Arab yang merupakan bahagian awal dari pendahuluan *Sejarah Melayu* seperti yang diterbitkan oleh Abdullah Munsyi dan Shellabear telah diambil sebenarnya dari *Bustanu'l Salatin*, karya ar-Raniri yang dikarang di Aceh pada tahun 1638 (yakni 26 tahun kemudian dari *Sejarah Melayu* sendiri).

Dalam *Sejarah Melayu* versi Blagden (Raffles No. 18) permulaan kata dengan bahasa Arab yang dipinjam dari karya ar-Raniri tidak ada. Seperti dalam pendahuluan versi Abdullah dan Shellabear dikatakan dalam pendahuluan versi Blagden bahawa teks *Sejarah Melayu* itu dikarang pada tahun sanat Hijrah Nabi 1021, iaitu tahun Masehi 1612, tetapi sama sekali tidak tersebut tentang Hikayat Melayu yang dibawa oleh orang dari Goa. Pada bahagian versi ini terdapat nama Sultan Ala'u'l din Riayat Syah yang menegang pemintah kira-kira pada pertengahan kurun ke-16.

Winstedt telah membuat perbandingan secara mendalam antara versi teks Raffles No.18 (versi Blagden) dan versi yang diterbitkan oleh Shellabear dan ia merumuskan kesimpulan kesimpulan seperti berikut:

1) versi Raffles No. 18 (versi Blagden) mengandungi teks asli dan teks asli itu telah disadur atau dikerjakan semula menjadi teks *Sejarah Melayu* tahun 1612 (yakni teks Shellabear). Teks asli itu telah dikarang oleh seorang pegawai istana Sultan Muhmud Syah, raja Melaka yang terakhir. Pengarang itu berada di Melaka tatkala orang Portuguis dapat merebut kota itu dan ia menyaksikan peristiwa itu.

2) pengarang Melaka ini hidup sampai tahun 1535, dan teks *Sejarah Melayu* yang terkandung dalam naskah Raffles No. 18 (versi Blagden) merupakan salinan dari *Sejarah Melayu* yang asli. Salinan itu telah dibuat sebelum versi asli pada tahun 1612 disadur oleh seorang pengarang dengan jalan mengubah urutan beberapa cerita dan bahagian-bahagian yang tertentu, menyuapkan ke dalamnya salasilah/asilah serta peristiwa yang dibuat-buat (yakni yang tidak berdasarkan kenyataan sejarah) dan menghilangkan fasal/fasal mengenai keluarganya di Perak yang lebih berhak atas takhta kerajaan Melaka. Dengan kata perkataan, versi Blagden itu dapat dikatakan merupakan sebuah salinan yang telah dibuat atas permintaan Raffles dari Hikayat Melayu yang dibawa oleh orang dari Goa kira-kira pada tahun 1612 dan agaknya telah dibawa oleh orang ke Goa pada tahun 1536.

3) pendahuluan *Sejarah Melayu* versi Blagden yang antara lain menyebutkan bahawa teksnya dikarang pada tahun 1612 dapat diduga menjadi tambahan baru yang telah dudukan di masa

kemudian.

Sekianlah kesimpulan kesimpulan Winstedt. Dalam hubungan ini Goa sering diam-diam ditentukan sebagai Goa di India, jajahan Portugis yang dahulu itu.

Agaknya kesimpulan kesimpulan Winstedt umum diterima dan pada pengetahuan saya selama hidupnya tidak pernah dikritik dengan bersungguh-sungguh.

Seorang penyelidik lain yang besar jasanya memecahkan masalah teks *Sejarah Melayu* dan versi-versinya yang berlainan ialah Linehan. Dalam makalahnya "Notes on the Text of the Malay Annals,"[6] ia mengemukakan sebagai pendapatnya – dengan sepintas lalu dalam catatan kaki – bahawa teks yang pada akhirnya disebut sebagai *Sejarah Melayu* atau *Malay Annals* sebenarnya berdasarkan salasilah-salasilah dan daftar-daftar keturunan. Disamping itu Linehan dapat membuktikan dengan jelas bahawa pendahuluan dalam edisi Shellabear (pendahuluan yang juga terdapat dalam kebanyakan naskhah *Sejarah Melayu* terdiri daripada dua mukadimmah yang dikarang pada saat yang berlainan, yang satu terhpat oleh yang lain. Dan akhirnya, kata Linehan, ia sangsi apakah Goa dapat dimaknakan sebagai Goa di India, dan ia mencuba menjelaskan bahawa yang dimaksudkan itu bukan Goa di India melainkan suatu tempat di Pahang di sebelah utara Kuala Lipis.

Dalam suatu "Short Note" Winstedt – pada pendapat saya dengan sebenarnya- menolak tafsiran baru yang dikemukakan oleh Linehan tentang salah suatu Goa di salah suatu daerah di Pahang. "Johore," demikian kata Winstedt, "was from time to time on treaty terms with the Portuguese and visits to their Indian Goa were as likely as visits to the Pahang Goa". Dan ia menambah: "So were visits to Goa in Celebes". Pada tempat lain dalam 'Short Note'nya kata Winstedt: "For all reasons the identification of Goa must still be regarded as uncertain."[7]

Kemudian Gibson-Hill kembali lagi kepada masalah Goa dan mengemukakan alasan-alasan untuk menguatkan anggapan bahawa pernah sebuah naskhah *Sejarah Melayu* dibawa orang ke Goa di India.[8]

Sesungguhnya, soalnya disini ialah soal makna Goa. Apa erti Goa dalam ayat 'Hikayat Melayu yang dibawa oleh orang dari Goa?

Winstedt dan Linehan kedunya sebetulnya telah memperoleh segala bahan yang perlu untuk menjawab soal ini dengan pasti, dan tidak dapat disangsikan bahawa mereka akan berjaya menyelesaikan perkara ini seandainya mereka telah mengadakan penyelidikan secara lebih mendalam tentang naskhah naskhah yang ada dan tidak mendasarkan

pengkajian mereka hanya atas teks Shellabear sahaja. Pada pendapat saya, edisi Shellabear telah menyebabkan mereka kesasar. Edisi Shellabear itu tidak dapat dipergunakan untuk penyelidikan ilmiah tentang perkembangan teks *Sejarah Melayu* oleh kerana edisi Shellabear seperti yang telah saya katakan lebih dahulu merupakan teks-campuran. Ada varian-varian yang telah diterimanya, tetapi ada pula varian-varian di antaranya yang penting sekali yang ditinggalkannya dan tidak dimasukkannya.

Jika kita membuat daftar teks Melayu yang bersifat sejarah, nampak oleh kita bahawa jumlahnya agak terbatas dan bahawa beberapa banyak dari antaranya hanya mempunyai arti bagi sejarah setempat sahaja.

Sumber-sumber sejarah bangsa Melayu yang berupa tulisan – maksud saya sejarah Kesultanan Melayu Melaka sahaja – terdiri atas *Sulalatus-Salatin* atau *Sejarah Melayu* sebagai pusatnya dan sejumlah teks lain yang rapat bertalian dengannya.

Pada umumnya dapat dikatakan bahawa *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu* telah sampai kepada kita dalam dua bentuk, dua resensi, yang satu terdapat dalam hanya satu naskhah sahaja, iaitu salinan yang dibuat untuk Raffles dan yang sekarang menjadi kepunyaan Royal Asiatic Society di London. Yang ini ialah versi Blagden yang dikarang pada tahun 1612 seperti dinyatakan dalam pendahuluannya. Resensi ini, yang akan saya namakan Resensi I, menceritakan riwayat dan peristiwa raja-raja Melayu dan bangsa Melayu dari mula-mula negara Melayu didirikan di Sumatra Selatan dan berakhir dengan suatu peristiwa yang agaknya telah berlaku pada pertengahan kurun ke-16, katakanlah kira-kira tahun 1550.

Menurut Winstedt peristiwa ini berlaku pada tahun 1535 atau sedikit sebelumnya, kerana Winstedt beranggapan bahawa teks ini, Resensi I, dibawa orang ke Goa India pada tahun 1536. Kerana pendapatnya yang demikian terpaksalah ia mengemukakan pula pendapatnya bahawa pendahuluan teks ini dengan pernyataan bahawa *Sejarah Melayu* dikarang pada tahun 1612 adalah suatu tambahan yang dibuat kemudian, yakni kemudian dari tahun 1536.

Pada hujung Resensi I dapat kita baca: *wa katibuhu Raja Bungsu*, ertinya, "yang menulisnya atau menyalinnya?ialah Raja Bungsu". Raja Bungsu ialah Sultan Abdullah. Tun Seri Lanang menjadi bendaharanya.

Resensi II terkandung dalam semua naskah yang lain. Teks resensi ini telah "diperbaiki"disadur atau dikerjakan semula, dan ini ternyata terbukti di banyak tempat. Pada Resensi II ini dapat dibezakan dua versi.

satu panjang, satu ringkas, dan sebab itu saya akan menamakannya versi panjang dan versi pendek. Edisi versi panjang sekarang telah tersedia diselenggarakan oleh A. Samad Ahmad dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lebih dahulu sepatah dua kata mengenai versi panjang Resensi II ini. Versi panjang terdapat dalam sekurang-kurangnya sepuluh buah naskhah. Seperti Resensi I, yakni resensi Blagden, versi panjang ini meriwayatkan peristiwa-peristiwa sejarah bangsa Melayu dari permulaannya, tetapi berlainan dengan resensi Blagden, versi panjang ini meneruskan riwayat ini sampai kira-kira tahun 1612. Dalam catatan yang rupanya bersifat pengantar pembaca pada akhir sekali dan yang *tidak menjadi bahagian dari Sejarah Melayu* ada tersebut tentang serbuan Jambi ke Johor. Tahun peristiwa ini berlaku tidak disebut, tetapi kita tahu bahawa hal ini terjadi pada tahun 1673.

Disamping itu, versi panjang dari Resensi II mengandungi beberapa interpolasi, yakni tambahan-tambahan yang telah disisipkan ke dalamnya pada masa kemudian, di antaranya riwayat perutusan Sultan Melaka ke Mengkasar yang kembali membawa seorang anak raja yang oleh Sultan Mengkasar dipersembahkan kepada Sultan Melaka. Baiklah kita catat disini bahawa Raja Ali Haji yang mengarang *Tuhfat-al-Nafis* pada tahun 1865, dalam karangannya menyebutkan cerita yang disisipkan ke dalam versi *Sejarah Melayu* sebagai berikut:

> "Pada masa kerajaan Sultan Mansur Syah inilah mengutus ke Bugis kepada Raja Goa dengan membawa beberapa bingkisan dan hadiah perkiriman, maka dibalas oleh Raja Goa dengan seorang anak rajaraja pada negeri kecil, bernama Daeng Mempawah, tatkala akhirnya jadi laksamana Hang Tuah, telah masyhur di dalam Melaka halubalang yang perkasa."

Cerita perutusan Raja Melaka ke Mengkasar yang bertujuan memuliakan nama orang Bugis dengan mengatakan bahawa Pahlawan Melayu Hang Tuah yang termasyhur namanya itu sebenarnya berasal Bugis, tak dapat disangsikan telah disisipkan ke dalam versi ini oleh ahli sejarah Bugis dalam istana Raja Muda yang berasal Bugis, setelah mereka mendapat kedudukan yang kuat di alam Melayu, kira-kira pada pertengahan kurun ke-18. Sudah umum diketahui bahawa istana Raja Muda di Riau telah berkembang menjadi pusat kegiatan sastera Melayu, barangkali demikian rupanya sehingga dapat kita berkata tentang zaman Bugis dalam sastera Melayu.

Resensi II, baik versi panjang maupun versi ringkas, dan Resensi I, iaitu versi Blagden Raffles No. 18, mempunyai pendahuluan yang sama, dan kerana itu kedua-duanya menyebut tahun 1612 sebagai tahun teks itu dikarang, tetapi

1) pada Resensi II pendahuluan seperti yang telah dapat dinyatakan oleh Sir Richard Winstedt, didahului lagi dengan permulaan kata bahasa Arab yang seluruhnya telah diambil dari *Bustanu'l Salatin* yang dikarang di Aceh pada tahun 1638, jadi bahagian ini merupakan tambahan yang dibuat kemudian dari tahun 1638, dan
2) dalam pendahuluan Resensi II ada terkandung berita tentang 'Hikayat Melayu yang dibawa oleh orang dari Goa', yang dianjurkan supaya diperkatki "dengan isti'adatnya, supaya diketahui oleh segala anak cucu yang kemudian daripada kita, dan boleh dingatkannya oleh segala mereka itu, syahadan adalah beroleh fa'edah dampadanya".

Ini telah dapat membuktikan dengan tidak sangsi sangsi lagi bahawa perkataan "Hikayat Melayu yang dibawa oleh orang dari Goa' bersama dengan permulaan kata dalam bahasa Arab merupakan bahagian dari suatu mukadimmah tersendiri yang seolah-olah menyelubungi atau melingkupi pendahuluan yang asli, dan yang telah ditambahkan pada masa kemudian. Untuk selebihnya, pendahuluan Resensi II kurang lebih sempa dengan pendahuluan Resensi I, kecuali beberapa soal kecil yang tidak perlu kita bincangkan di sini. Tetapi ada hal lain lagi, seperti yang telah saya katakan lebih dahulu, pada hujung versi ini terdapat catatan peribadi, dan di dalamnya tersebut tentang serangan Jambi ke Johor, suatu peristiwa yang terjadi pada tahun 1673. Dalam hubungan ini saya hendak menarik perhatian kepada hal bahawa karya sejarah *Hikayat Johor* mulai dengan tahun 1673. Barangkali hal ini hanya kebetulan sahaja, tetapi sangat mungkin juga bahawa *Hikayat Johor* ini merupakan suatu lanjutan, suatu tambahan, kepada *Sejarah Melayu* Resensi II. *Hikayat Johor* berisi riwayat sejarah raja-raja dan bangsa Melayu mulai dari tahun 1673 sampai permulaan kurun ke-19, dan pada pendapat saya tidak dapat disangsikan telah timbul di kalangan istana Raja-Raja Muda di kepulauan Riau seperti juga halnya dengan dua buah karya sejarah lain yang sangat penting, *Silsilah Melayu dan Bugis dan sekalian RajaRajanya* dan *Tuhfatul -Nafis* yang kesemuanya di antara lain riwayat peranan orang Bugis dikepulauan Melayu yang menarik dilihat dari segi Bugis walaupun dalam rangka Melayu. Kerana Bugis itu telah menggabungkan untuk

mereka sendiri dengan untung Kesultanan Melayu. *Silsilah Melayu dan Bugis dan sekalian Raja-Rajanya* meliputi jangka masa kira-kira tahun 700 sampai 1740 dan *Tuhfatul-Nafis* memulai dengan memberi ikhtisar yang ringkas akan masa lampau bangsa Melayu dan segala raja-rajanya, suatu ikhtisar yang dengan jelas berdasarkan *Sejarah Melayu*, dan selanjutnya menceriterakan peristiwa sejarah Kesultanan Melayu dengan menitikberatkan tingkah langkah dan kepahlawanan anggota keluarga Raja-Raja Muda di alam Melayu sampai kira-kira tahun 1865, yakni tahun *Tuhfat-ul-Nafis* dikarang.

Suatu faktor yang sangat mengusutkan masalah teks *Sejarah Melayu* ialah bahawa di samping versi panjang dari Resensi II terdapat lagi versi ringkas yang dalam hal-hal kecil pun berbeza daripada versi panjang. Versi ringkas ini ialah teks Leyden dan Abdullah, teks *Sejarah Melayu* yang pertama dicetak baik teks Melayunya maupun terjemahannya ke dalam bahasa Inggeris, dan terdapat dalam sekurang-kurang lima buah naskhah.

Meskipun terdapat perbezaan yang agak besar antara versi panjang dan versi ringkas, tetapi pada pendapat saya kedua-dua versi ini tetap dipandang sebagai versi-versi dari resensi yang sama, yakni sama dalam kebanyakan naskhah, iaitu pendahuluan yang telah diberi permulaan kata dengan bahasa Arab dimukanya lagi dan dengan perkataan "hikayat Melayu yang dibawa oleh orang dari Goa" yang konon kemudian dikerjakan semula oleh Tun Seri Lanang. Tetapi versi ringkas berakhir dengan menceriterakan peristiwa Tun Ali Hati dibunuh dengan titah Sultan Mahmud Syah Melaka, dan tidak mengandungi cerita perantauan yang diikuti ke Mengkasar. Dalam hal-hal lain juga versi ringkas ini ada perbezaannya dengan versi panjang, kebanyakannya berupa bacaan yang berlainan.

Soal perhubungan antara versi ringkas dengan versi panjang masih perlu diselidiki lebih lanjut dan barang suatu hipotesis yang tidak berdasar atas perbandingan naskah-naskah yang dilakukan dengan saksama menjadi spekulasi dan dugaan sahaja.

Sekarang dapat kita gambarkan hubungan yang terdapat antara teks-teks *Sejarah Melayu* dalam bentuk rajah seperti yang dibawah ini:

ADA DUA RESENSI

Resensi I	Resensi II (dua versi)	
	A, versi Panjang	B, versi ringkas
Pendahuluan 1612 tak ada pemulaan-kata Arab dan 1638	Pendahuluan 1612 + pemulaankata Arab dan 1638 + hikayat Melayuyg dibawa dari Goa	sama dengan A
tak ada nama Goa		
teks melputi zaman dahulu kala sampai kira-kira 1500(?) + cerita	teks melputi zaman dahulu kala sampai kira 1612 dengan berbagai bagai interpolasi satu di antaranya: kemudian dari 1720 atau sesudahnya + cerita	teks melputi zaman dahulu kala (dll berbagai-bagai hal berlainan dengan A) sampai pembunuhan Tun Ali Hati tak berapa lama kemudian dari 1511
disalin oleh Raja Bungsu	pada akhirnya catatan pribadi tentang serbuan lainlain ke Johor 1673	ciri tak ada

Naskhah Resensi I adalah salinan yang dibuat untuk Raffles pada tahun 1812, dari salinan ... dari salinan ... dari salinan yang dibuat oleh Raja Bungsu dari naskhah asli *Sejarah Melayu*.

Jika kita beranggapan bahawa teks asli dari *Sejarah Melayu* dapat diselesaikan oleh pengarangnya dan bahawa isinya melputi riwayat sejarah bangsa Melayu sepanjang masa sampai kira-kira tahun 1612, dan anggapan ini dapat diterima kalau kita memerhatikan versi panjang dari Resensi II, maka dapatlah kita menarik kesimpulan bahawa Raja Bungsu yang menyalin teks ini, entah apa sebabnya tupanya tidak sempat menyelesaikan salinannya sampai tamat. Teks *Sejarah Melayu* yang asli dikarang pada tahun 1612 seperti yang tersebut dalam pendahuluannya. Jika Raja Bungsu langsung membuat salinannya sejak dari saat naskhah aslinya tersedia, maka diduga bahawa barangkali serbuan Aceh ke Johor pada tahun 1613 menghindarkan beliau dari menamatkan salinannya.

Salinan Raja Bungsu, atau salinan dari salinan Raja Bungsu atau salinan dari dan seterusnya kemudian diperoleh oleh Sekretariat-Jenderal kerajaan Hindia Belanda di Betawi/Jakarta, dan di SekretariatJenderal itu dibuat lagi salinan untuk Raffles. Salinan itu masih tetap ada dan sekarang menjadi kepunyaan Royal Asiatic Society di London.

Mengenai Resensi II dapat diduga bahawa sekurangkurangnya satu salinan dari *Sejarah Melayu* yang asli masih ada kirakira pada tahun 1673 dalam kepunyaan orang yang membuat catatan pada hujungnya serta menyebut di dalamnya tentang serbuan Jambi ke Johor. Dapat diduga pula bahawa pada masa itu teks *Sejarah Melayu* telah mendapat tambahantambahan di berbagai bagai tempat, umpamanya salasilah dan daftar keturunan dari orang yang hidup di antara tahun1612 dan 1673.

Teks ini pada pendapat saya disadur semula dan sangat mengalami perubahan di dalam istana Raja-Raja Muda di Riau dalam kurun ke-18. Tambahan-tambahan yang tertentu dibuat pada pendahuluannya, di antaranya (1) permulaan kata dengan bahasa Arab yang diambil dari *Bustanul-Salatin*, dan (2) bahagian yang tercantum di dalamnya bahawa *Sejarah Melayu* itu adalah suatu "hikayat yang dibawa oleh orang dari Goa" yang kemudian "diperbaiki". Selain itu, ada bagaihambahagian lain yang disisipkan ke dalamnya, umpamanya, ceritera perutusan ke Mengkasar yang kembali dengan membawa seorang anak raja yang bakal menjadi Hang Tuah, pahlawan Melayu yang termasyhur itu.

Hasil pengerjaan semula ini telah sampai kepada kita dalam dua bentuk: satu versi panjang dan satu versi ringkas.Perhubungan antara kedua versi ini masih memerlukan penyelidikan lebih lanjut.

Kalau pendangan yang saya kemukakan di sini dapat diterima, kita akan mendapati bahawa masalah perhubungan antara Resensi Blagden dan versiversi yang lain telah dapat diselesaikan tanpa kesukaran yang besar. Tidak payah lagi kita mencaricari di arkib Portugis di Goa bukti mengenai kehadiran suatu karya Melayu "yang dibawa oleh orang dari Goa", kerana karya Melayu itu tidak pernah di bawa oleh orang ke Goa dan tidak pernah dibawa orang dari Goa kembali ke Johor. Tidak perlu lagi kita bersusah payah menerangkan bagaimana permulaan kata dalam bahasa Arab, yang berasal dari *Bustan'lSalatin*, karya yang dikarang pada tahun 1638, telah disisipkan ke dalam suatu teks yang umum dianggap telah diperbaiki pada tahun 1612, satu dua puluh tahun sebelumnya, sebab usaha menyadur ini telah dilakukan pada masa kemudian, mungkin pada pertengahan kurun ke-18. Dan atas sebab yang sama, interpolasiinterpolasi lain dalam versi yang disadur ini, misalnya

salasilah dan nama orang yang hidup selepas tahun 1613 dapat diterangkan dengan sewajarnya. Pendahuluan resensi Blagden juga tidak perlu kita pandang sebagai tambahan yang telah ditadakan kemudian.

Sejarah Melayu yang asli itu telah dikarang pada tahun 1612 seperti tersebut dalam pendahuluannya. Versi asli itu terdapat dalam Resensi I. = Resensi Blagden. = naskah Raffles No. 18, tetapi rupanya dengan tidak lengkap.

Resensi II, yang terdiri atas dua versi, yang satu ringkas (teks Abdullah dan Leyden), yang lain panjang (teks A. Samad Ahmad) adalah saduran dari teks asli juga, dan bentuknya yang teraktur usahanya timbul kira-kira pada pertengahan kurun ke-18.

Dan akhirul-kalam, ada dua kemungkinan, ayat "hikayat Melayu yang dibawa oleh orang dari Goa" ada berdasarkan fakta sejarah atau tidak. Jika berdasarkan fakta sejarah kita dapat menduga bahawa pernah sebuah naskah dari *Sejarah Melayu* dibawa oleh orang ke Goa di Sulawesi, dan kemudian naskah itu atau salinannya dibawa kembali ke daerah kepulauan Riau. Tetapi sangat mungkin juga bahawa ayat ini pun menjadi interpolasi (seperti cerita Hang Tuah yang berasal Bugis kononnya) yang disisipkan ke dalam pendahuluan *Sejarah Melayu* dengan maksud supaya mengharumkan nama orang Bugis yang telah dapat memperoleh kedudukan yang kuat di alam Melayu. Di sini masih terbentang bidang luas untuk penyelidikan lebih lanjut.

Leiden, 27 Ogos 1981

NOTES

1. Versi-versi yang dimaksudkan di sini ialah
   a. R.O. Winstedt, "The Malay Annals or *Sejarah Melayu*. The earliest recension from MS No. 18 of the Raffles collection, in the library of the Royal Asiatic Society, London" JRASMB XVI (1938).
   b. Edisi Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi (Singapura, Kirakira pada tahun 1831); dicetak semula beberapa kali.
   c. *Sulalatus Salatin = Sejarah Melayu*, diselenggarakan oleh A. Samad Ahmad, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1974. Untuk keterangan lebih lanjut, lihat Roolvink, "The Variant Versions of the Malay Annals", dalam *Bijdragen tot de Taal, Landen Volkenkunde*, 123 (1967), hl. 3, ms. 301-324.

(dicetak semula dalam *Sejarah Melayu 'Malay Annals'*, translated by C.C. Brown, Oxford University Press, 1970).

2. *Penerimaan bercerita di sini terwujud, cerita tentang asal-usul kerajaan.*

3. R.O. Winstedt, *A History of Johore (1673 ca 1800 A.D.)*, JRASMB, X (1932), bil.1. Lihat juga R.O. Winstedt, *A Malay History of Riau and Johore*, JRASMB, X (1932), Bil 2, juga *Inhfatal-Nafis*, diterjemkan oleh Ince Munir bin Ali, Malaysia House Ltd, Singapura, 1965.

4. Lihat R.O. Winstedt, "The Malay Annals or *Sejarah Melayu*, the Earliest Recension from MS No. 18 of the Raffles collection".

5. C.O. Blagden, "An Unpublished Variant Version of the 'Malay Annals'," JRASMB, X (1932), bil.1, ms. 10-52.

6. W. Linehan, "Notes on the Text of the Malay Annals," JRASMB, XX, (1947), bil. 2, MS. 107-112.

7. R.O. Winstedt, "The Malay Annals Again, Goa and the Kings of Singapore," JRASMB, XXII(1949), bil. 1, ms. 178-180.

8. C.A. Gibson-Hill, "The History brought from Goa," JRASMB, XXIX, (1956), bil.1, ms. 18,5188.

9. ed. Winstedt(1932), ms. 4-5, ed. rum (1965), ms5-6, lihat Winstedt, *A History of Johore* dan juga Winstedt, *A Malay History of Riau and Johore*.

An Outline of Malay Annals contained in Raffles MS. No. 18.

R. O. Winstedt

CHAPTER I

A very short preface in praise of Allah, the Prophet and his companions, followed by an account of how in 1021 A.H. (1612 A.D.), at Pasir Raja, when 'Ala'u'ddin Riayat Shah was Sultan of Johore, Tun Bambang whose title was Sri Nara Wangsa and whose father was Sri Agar Raja of Patani, brought a command from the Yang Pertuan di-Hilir to the Bendahara to compile a history. Thus he did from the tales of elders, naming it *The Genealogies of Sultans*.

A paraphrase of the *Hikayat Iskandar* (as in *Sh.* = Shellabear *passim*) but with a fuller account of Alexander's descendants down to Raja Suran Padshah.

CHAPTER II

Raja Shulan of Nagapatam, perhaps a descendant of Nushirwan son of Kobad Shahriar, conquered all countries till he came to Gangga Nagara, which was "on a hill, steep from the front view but low from the back; its foot still exists in the Dinhings the other side (*i.e.* North) of the Perak." He slew the king, Raja Inggu Shah Johan, and passed on to Lenggor, a name derived from Glang Gui, whose ruler was Raja Chulin. This "dark stone foot still exists." Chulin is slain and his daughter, Onang Kiu, taken in marriage by the Tamil conqueror, who then goes home and founds Bija Nagara. The story of Shulan would fill a book as thick as the *Hikayat Hamzah*. Chendani Wasis, his daughter by Onang Kiu, marries Raja Suran Padshah the descendant of Alexander and bears him three sons: Iram, Raja of Chendragiri, Chulan who succeeds his father as ruler of Bija Nagara, Pandayan ruler of Nagapata m. As in *Sh.*, Chulan is deterred from attacking China, and descends into the sea, where he marries Mahtabu'l-Bahri daughter of Allahu'l-Ardi, and begets three sons before he mounts a magic stallion and returns to earth on the shore of the sea Benkalis. At Bija Nagara Chulan marries a daughter of Raja Kudar son of Narsi, ruler

of Hindustan, who bore him a son Adiraja Rama Mudaliar, whose descendants still rule Bija Nagara.

CHAPTER III

In Andelas or Palembang Demang Lebar Daun, a descendant of Raja Shulan, ruled over the Muara Tatang river. Up that river was the river Malayu, by which was the hill Si-Guntang Mahameru. Hitherto a rice clearing, owned by Wan Empok and Wan Malini, came on a white elephant three princely descendants of Alexander, who told them the story of Chulan's descent into the sea. The eldest, Bichitram, is styled Sang Sapurba and made ruler of Minangkabau; the next Paladuram, is made ruler of Tanjong Pura and styled Sang Meniaka; the youngest becomes ruler of Palembang and is styled Sang Utama. From foam out of the mouth of a white cow belonging to the two peasant girls is born Bath who reads a *chiri* or coronation formula giving the new ruler of Palembang the title Sri Tri Buana. As in *Sh.*, there follows the story of his 29 brides, his marriage with Wan Sendari and his voyage to Bentan, which was ruled by Wan Sri Beman or, in one account, Permaisuri Sakidar Shah. She adopts Sri Tri Buana as her heir, but he crosses to Temasek, throwing his crown into the sea to lighten the boat in a storm. Settling at Temasek, Sri Tri Buana changes its name to Singapura (the name of the capital of Kalunga R.O.W.)after a beast very like a lion seen on the shore. His two sons by Wan Sendari marry the two grand-daughters of Wan Sri Beman. After reigning 48 years Sri Tri Buana dies and is buried on Singapore hill. His eldest son succeeds and is styled Paduka Sri Pikrama Wira. When he cannot give audience, Tun Perpateh Permuka Berjajar (? his brother *Sh.*) acts for him. The Perdana Mentri is Perpateh Permuka Sekelar, a son of Demang Lebar Daun who has the same rank as the Bendahari, Tun Jana Buga the Crow *(dendang)*. The Temenggong is Tun Jana Putra ( ). The Chief captain is "The Rattling Coconut Shell." Sri Pikrama Wira had a son Raja Muda.

CHAPTER IV

Majapahit attacks Singapore in vain - over a wood shaving (*Sh.* V). Its Batara was a son of a princess of Tanjong Pura. Who was descended from Alexander.

CHAPTER V

The ruler of Singapore sends Indra Bopal, his minister, to Bija Nagara, to ask for the hand of Talat-Puchudi, daughter of its ruler Jambunga Rama Mudaliar grand-daughter of Adiraja Rama Mudaliar great grand-daughter of Raja Chulan, for his son Raja Muda. She comes to Singapore. They wed and have a son ( ) (? Damar) Raja. Raja Muda succeeds his father and is styled Sri Rana Wikrama. Princess (?) Perpatih Muka Berjajar dies, leaving a son Tun Perpateh Tulus, who becomes Bendahara and has a daughter Demi Puteri, who marries Damar Raja.

Sri Rana Wikrama has a strong man, Badang. Tale of Badang, as in *(Sh.)* VI.

After a reign of 13 years the king dies and is succeeded by his son Dam(ar) Raja with the style Paduka Sri Maharaja. His wife bears him a son, whose head is dented by the mulwil'e: so he is called Raja Iskandar Dzul'l-Karnain.

CHAPTER VI

The story of Pasai and of Tun Jana Khatib, as in *Sh.* Chapters VII, VIII and IX. The *pantun* on Tun Jana, the Writer, is omitted. Sword-fish attack Singapore (*Sh.* X). After a reign of 12½ years Paduka Sri Maharaja dies and is succeeded by Iskandar Shah, who marries a daughter of Tun Perpateh Tulus and has a son Raja Kechil Besar. The story of Sang Ranjuna Tapa, of Majapahit's conquest of Singapore, of Iskandar's flight to Melaka (*Sh.* X and XI). Three years Iskandar resigned at Singapore and 20 at Malacca, when he died and was succeeded by his son Raja Kecil Besar who was styled Sultan Megat.

Sultan Megat married a daughter of the Bendahara and had three sons, Radin Bagus, Radin Tengah, Radin Anum. After a reign of two years, Sultan Megat died and was succeeded by Radin Tengah, who after the same experience as Malik al-Saleh in the *Hikayat Pasai* became Muslim and took the title Sultan Muhammad Shah. His Bendahara was styled Sri Amar'diraja, the Bendahara. Sri Nara 'diraja-he had a daughter Tun Rana Sandari. Sultan Muhammad Shah introduced Malacca court ceremonial.

CHAPTER VII

The story of Mani Puridan (*Sh.* VII) who came from Pasai and married Tun Rana Sandari. Story of Sultan Muhammad's two sons Ibrahim dan Kasim. After a reign of 57 years the Sultan dies. As in *Sh.* XIII, Tamil intrigue murders Ibrahim and makes Kasim Sultan with the title Muzaffar Shah.

CHAPTER VIII

As in *Sh.* XIII but there are two Siamese attacks. One fails because of the torch ruse, the other because Awi Dichu dies. And it is Muzaffar Shah who sends Tun Talanai as envoy to Siam.

After reigning 40 years Muzaffar Shah dies and is succeeded by his 17 year old son 'Abdul, who is styled Sultan Mansur Shah.

CHAPTER IX

Sh. XIV, a better text, with more Javanese (often corrupt) words. By Radin Galoh Chedra Kirana Mansur Shah gets a son, called Raja di Kelang. There are the duel of Hang Tuah and the destruction by fire of the Malacca palace (*Sh.* XVI). Then comes the tale of the Chinese embassy, the Malay embassy to China and the marriage of Mansur Shah to Princess Hang Liu (*Sh.* XV). Mansur Shah orders an attack on Pura (Pahang) as in *Sh.* XIII. He has a son Raja Ahmad by a sister (or cousin) of the Sri Nara 'diraja. Sri Nara 'diraja dies leaving three sons Tun Tahir, Tun Mutahir and Tun 'Abdul.

CHAPTER X

The cause of the Emperor of China's skin-disease and its cure (*Sh.* XV end).

CHAPTER XI

Mansur Shah orders his Perdana Mantri, Sri Awadana, grandson of Bendahara Sri Maharaja, with Khoja Babu an archer to attack Maharaja Permaisuri of Siak for not paying homage to Malacca. Siak is defeated and its ruler slain. Mansur Shah gives Megat Kudu, son of the slain ruler,

his daughter and the throne of Siak with the title Sultan Ibrahim. Ibrahim begets a son Raja 'Abdul.

Mansur Shah has two sons, Muhammad and Ahmad. The elder is destined for the throne but he kills a son of the Bendahara Paduka Raja and is banished and made Sultan of Pahang. As in *Sh.* XVIII.

CHAPTER XII

The tale of a Macassar prince (*Sh.* XIX). The story of the *Durr al-manzum*, the envoy to Pasai and of Kadli Yusul (*Sh.* XX with small variations). Mansur Shah wants to wed the Princess of Gunong Ledang — in *Sh.* XXVII, ascribed to Sultan Mahmud.

CHAPTER XIII

The story of a Pasai campaign. *Sh.* XXII.

CHAPTER XIV

A Champa folk-tale- *Sh.* XXI the name of the land is Meleitata. Jakanak (? Janaka Jav.) rules at ( ). At the age of 73 Mansur Shah dies and is succeeded by Raja Radin with the title Sultan Ala'u'd-din Riayat Shah. He falls sick of diarrhoea and is only saved by the care of the Bendahara and Laksamana Hang Tuah, who will not admit his grandmother who favoured Sultan Muhammad of Pahang for the Malacca throne (cf. *Sh.* XXVI which connects this incident with Sultan Mahmud). The Sultan gives the two chiefs titles (as in *Sh.* XXVI). By Tun Naja, daughter of Sri Nara 'diraja, ' Ala'u'ddin Shah has two sons: Sultan Ahmad and Sultan 'Abdu'l-Jamal. By his royal wife he has Raja Menawar and Raja Zainal. Raja Menawar was older then Raja Mahmud, but the Sultan chose Mahmud to succeed him. The Sultan tracks thieves at night (*Sh.* XXIII). Raja Mahmud excites comment by having a man killed for some trivial fault. Raja Talanai in Pahang and the vengeance taken (*ib.*). The offence of Sultan Ibrahim of Siak and its punishment (*Sh.* XXVI). The death of the Bendahara Paduka Raja and his prophetic warnings to his sons (*Sh.* XXVI, ascribes this to the reign of Sultan Mahmud).

CHAPTER XV

The conquest of Haru (*Sh.* XXIV), and of Kampar (cf. *Sh.* XVII), whose throne is given to Raja Menawar Shah. At the age of 33 Ala'u'd-din Shah dies, naming Raja Mat alias Mamat as his successor. Raja Mamat adopted the style of Sultan Mahmud Shah. He resented the attitude of Sri Raja 'diraja to his succession. His eldest child was a son, Sultan Ahmad. Mahmud executes Sri Raja 'diraja. Mahmud has intrigue with Tun Dewi, leading to the deaths of Tun 'Ali and of Tun Bayajit (*Sh.*XXVI). A Sketch of Sriwa Raja and of other friends of the Sultan. The Sultan's intrigue with the wife of Tun Bayajit. Sriwa Raja marries a daughter of Kadhi Menawar. He is a great horseman. Tun Omar, Hang Isa, the quick. Hang Husain's wedding. Maulana Yusuf's hatred of kites. The Sultan goes on foot to his house to study (*ib*). The gay Raja Zainal-Abidin and his taking off (*Sh.* XXIX). A *laksana*. Malacca conquers Kelantan and Sultan Mahmud weds Orang Kemang, a Kelantan princess (*Sh.* XXVI).

CHAPTER XVI

Raja Abdu'llah is installed ruler of Kampar. Death of Bendahara Putch and selection of Mutahir. The foppishness of Mutahir and of his son, Tun Hasan the Temenggong. Putch Adam marries the daughter of Sri Nara 'diraja by force. (*Sh.* XXVII)

CHAPTER XVII

The Raja of Kedah comes to Malacca for the *nauhat* (*Sh.* XXXII). The Laksamana executes Tun Perpatch Hitam (*Sh.* XXXI).

CHAPTER XVIII

The story of Narasinga, ruler of Merlang. Hang Nadim's unfortunate visit to Kalinga. Death of Hang Tuah and appointment of his son-in-law Khoja Hasan to be Laksamana (*Sh.* XXVIII).

CHAPTER XIX

'Abdu'l-Jamal succeeds to the Pahang throne but abdicates in favour of his son Mansur for chagrin because his betrothed, Tun Teja, is abducted (*Sh.* XXIX).

CHAPTER XX

Chau Sri Bangsa conquers Patani and is installed as Sultan Ahmad Shah. Sadar Jahan comes to Malacca. The drunkenness of Sri Rama. An embassy to Pasai (*Sh.* XXXII).

CHAPTER XXI

Igor attacks Pahang, which is helped by Malacca (*Sh.* XXXI). The first arrival of the Portuguese. Alfonso d'Albuquerque, hearing from them of the greatness of Malacca, orders an attack on Malacca which fails.

CHAPTER XXII

The marriage of Tun Fatimah, daughter of Bendahara Sri Maharaja, to Tun 'Ali and the Sultan's dudgeon. The wealth of the Bendahara. The suit of Raja Mudaffar and Nama Sura Dewana. The Laksamana accuses the Bendahara of treachery and he and his family are cut down. Finding that the accusation was false, the Sultan executes Raja Mudahar and castrates the Laksamana. The old Paduka Tuan is made Bendahara, his habits and family. Sultan Mahmud marries Tun Fatimah and retires in penitence to Tanjong Kling, leaving the government to his son Sultan Ahmad, who has youthful favourites (*Sh.* XXXIII).

CHAPTER XXIII

d'Albuquerque captures Malacca, and drives Sultan Ahmad from Pagoh. Sultan Mahmud retires from Batu Kampar to Muar and thence to Pahang, where his daughter by the Kelantan princess marries Sultan Mansur Shah. Thence he crosses to Bentan, where he has his son Sultan Ahmad killed. Tun 'Ali Hati, one of that son's followers, is executed (*Sh.* XXXIV). New court officers are appointed, the son of the old Bendahara is made Bendahara Paduka Raja, and Hang Nadim Laksamana. Sultan Mahmud makes his son Muzaffar heir to the throne and marries him to Tun Trang, his half-sister, but when Tun Fatimah bears him a son Raja 'Ala'u'd-din, Sultan Mahmud deposes Muzaffar and treats 'Ala'u'd-din as heir to the throne.

CHAPTER XXIV

Abdullah, ruler of Kampar, not wishing to pay homage to Bentan, appled to the Portuguese Captain at Malacca for help, whereupon a verse was composed on his childlike folly in "deserting the sweet mangosteen for ripe saffron"

The consequent attack by Sultan Mahmud Shah on Kampar was worsted at sea by the Portuguese, and his Captains under Sri Amarabangsa were driven to leap overboard at Krumutan and walk to Indragiri, where one of them, Tun Bayajit, son of the famous Hang Tuah, beat all comers at cockfighting including Sultan Narasinga the ruler When they leapt overboard, Tun Bayajit's mistress swam ashore with nothing but one artificial cock's spear. From Indragiri the captains returned to Bentan. Raja Abdullah, going aboard to thank his defenders, was carried off by the Portuguese first to Malacca then to Goa and finally to Portugal. Sultan Mahmud blamed Abdullah's chiefs and changed the title (*Paduka Tuan*) of the Bendahara of Kampar to Amaradraja

CHAPTER XXV

The Maharaja of Lingga died and his successor, Maharaja Isup went to Bentan to do obeisance to Sultan Mahmud Shah. During his absence, Narasinga, Raja of Indragiri, ravaged Lingga and thereafter proceeded to Bentan, where he was given the style of Sultan Abdul Jalil and the hand of Sultan Mahmud Shah's daughter, (widow of Mansur Shah, ruler of Pahang, recently slain by his father for adultery with his consort), by whom he was to have two sons, Raja Ahmad and Raja Muhammad (nicknamed Pangi. While Sultan Abdul Jalil is occupied at Bentan, Maharaja Isup ravages Indragiri in return and saves his own country Lingga from retribution by invoking the aid of the Portuguese at Malacca An attack by Sang Setia on behalf of the ruler of Bentan on Lingga was frustrated by the Portuguese fleet and another attack on Malacca by the Laksamana on behalf of the same ruler was beaten off by the new captain, Gonzalo,

A later attack on Malacca led by the Paduka Tuan and other chiefs from Bentan, an attack by land and sea, also failed. The Paduka Tuan broke the left tusk of Sultan Mahmud's elephant (fetched from Muar) charging the fort but Sultan Abdul Jalil, hurt at this chief's refusal to be present when his royal drums were beaten, carried word to Sultan

Mahmud that the failure of the attack was due to him. Sultan Mahmud wrote to Paduka Tuan a curt letter but later accepted his excuses.

CHAPTER XXVI

Sultan Ibrahim of Siak dies and is succeeded by his son, Raja Abdul whose mother was a Malacca princess. He does homage at Bentan and is given the title of Sultan Khoja Ahmad Shah and the hand of a daughter of Sultan Mahmud Shah, who bore him two sons Raja Jamal and Raja Bayajit.

One day Sultan Mahmud Shah reflected that Bruas and Manjong and Tun Aria Bijadraja, a ruler in the west (*di-barat*) had neglected to pay him homage since the Portuguese conquest of Malacca. Tun Aria Bijadraja was a relative of the wife of the Paduka Tuan. So the Paduka Tuan is sent to summon the neglectful chief to the Bentan court. This errand the Paduka Tuan executes, marrying at the same time his son Tun Mahmud (called also Dato' Lekar of Legor) to Tun Mah, a daughter of Tun Aria Bijadraja, and giving him charge of Selangor.

CHAPTER XXVII

The suit of Sultan Husain of Haru, a handsome and valiant prince, for the hand of Raja Puteh, daughter of Sultan Mahmud, is approved. This section describes the festivities and gives a graphic vignette of the prince and his stay at Bentan.

CHAPTER XXVIII

Sultan Mahmud Shah of Bentan gives his daughter Hanjah in marriage to the ruler of Pahang, after Sri Naradraja has refused her hand because he is a commoner. The Portuguese attack Bentan and drive the Sultan from Kota Kara to Kopak. Sri Awadana the Temenggong was rebuked by the Sultan for not producing all his slaves to help strengthen the fort. Tun Mahmud, son of the Paduka Tuan, comes from Selangor with twenty boats and takes the Sultan to Kampar. He is given the title of Sri Aga Raja. Sultan Mahmud Shah died and was succeeded by Sultan 'Ala'u'd-din Riayat Shah, the chiefs banishing the Raja Muda, 'before the rice in his pot was even cooked'. Together with his wife Tun Trang (a niece of

Tun Narawangsa and his son Mansur Shah. The exile fled first to Siak, and then to Ujong Kang, hence a trader, Si-Tumit, from Manjong, carried him to Perak, where he was proclaimed ruler with the title of Sultan Muzaffar Shah. He invited Sri Agar Diraja from Selangor, (Where that chief had married Raja Setia, a daughter of the Sultan of Kedah), to be his Bendahara. By Tun Tiang Sultan Muzaffar Shah had 16 children in all, including Raja Dewi, Raja Ahmad, Raja Abdullah, Raja Fatimah, Raja Hatijah and Raja Tengah; and by a concubine he had a son Raja Muhammad.

CHAPTER XXIX

After going to Pahang and wedding a sister of Sultan Mahmud Shah of that state, Sultan 'Ala'u'ddin Riayat Shah returned to Ujong Tanah, lived at Pekan Tua and built Kota Kara. There is a story of an attempt to address a nonservile letter to the King of Siam, when Pahang sends the customary tribute. Angered at the appointment of Sri Agar Raja as Bendahara of Perak, Sultan 'Ala'u'd-din Riayat Shah despatches Tun Pekerma to summon him. The ambassador goes to Perak and proceeds upstream to Labohan Jong, but the Bendahara sends him "rice in a pot and condiments in a bamboo", whereupon he returns in anger to his master. The Paduka Tuan himself voyages to Perak and brings down the recalcitrant Sri Agar Diraja to Ujong Tanah.

The Adipati of Kampar sent tribute to Ujong Tanah.

By 'Ala'u'd-din Riayat Shah's order Tun Pekerma attacks Merbedang.

CHAPTER XXX

Sang Naya plotted to attack the Portuguese while they sat unarmed in their church at Malacca. But the Portuguese Captain discovered that he had arms concealed, threw him down from the fort, and sent an ambassador to inform the Sultan at Pekan Tua. 'Ala'u'd-din Riayat Shah had the ambassador thrown down from a tall tree. The Portuguese attacked Kota Kara. The fight going against the Sultan, Tun Narawangsa and Tun Pekerma flung all the arms into the sea and the Sultan retreated to Sayong. At Rebat Tun Narawangsa felled a tree to prevent further pursuit. Tun Amat 'Ali carried a letter from the Sultan to the Portuguese, who finally returned to Malacca. Sri Naradiraja died and was buried at

Sayong, (where his posthumous title was *Datu' Nisan Bovan* 'Chief of the Big Tomb').

CHAPTER XXXI

Raja Jamad succeeded Muhammad Shah as Sultan of Pahang and sailed to Sayong, where 'Ala'u'd-din Riayat Shah gave him the title of Muzaffar Shah. On the royal barge was one Patch Ludang or Batin Sang Pura of Tanah Adang, who having had a feud with one Sang Sta had fled to Pahang. Sang Sta called his enemy off the badge and slew him. Sultan Muzaffar Shah was enraged but pardoned the offender when Sultan 'Ala'u'ddin Riayat Shah sent him into his presence bound. he refused to be bound by the Laksamana, a fellow captain, but let the Bendahara bind him.

The Date, Author and Identity of the Original Draft of the Malay Annals

R.O. Winstedt

The following are the principal works consulted in this paper:

(1) SEJARAH MELAYU, Romanised, 2nd edition, Singapore, 1909, edited by W.G. Shellabear, cited *passim* as Shellabear.

(2) CHERITA ASAL RAJA-RAJA *i.e. Sejarah Melayu*, Raffles MS No 18, Library, Royal Asiatic Society, London, cited *passim* as the Blagden recension. It was copied for Raffles from an older MS., the paper having the watermark C. WILMOTT, 1812.

(3) An unpublished *Vatican Version of the "Malay Annals"* (being the last chapters of (2)), by C.O. Blagden, Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, Vol. III, 1925, pp. 10-52.

The *SEJARAH MELAYU*, as edited by Dulaurier and Shellabear, has an introduction borrowed from the *Bustanu's-Salatin*, a work begun in Aceh in 1638. In Shellabear's edition (ch. XVII, p. 121) is a reference to a son of Datu' Sekudai, who flourished about 1640, and another reference (ch. XXVI, p. 168) to Mansur Shah who ascended the throne of Perak in 1654, while in the colophon is mentioned Jamly's victory over Johore in 1673. These are interpolations sometimes clumsy and easy to detect.

What has hitherto been more difficult was to assess how far the nucleus of a "history brought from Goa" was revised and augmented in 1612 at Pasir Raja on the Johore river, ostensibly by the Bendahara Paduka Raja, Tun Sri Lanang, under the patronage of Sultan 'Abdu'llah Ma'ayat Shah of Johore (b. 1571, d. 1623) alias Raja Sabrang alias Raja Bongsu. The evidence now goes to show that

(A) The original nucleus from which our 1612 *Sejarah Melayu* is compiled was written by a Malacca man of the court of Mahmud last Sultan of Malacca, a man who outlived the capture of the port by

of Albuquerque in 1511.

(iii) that this Malacca author lived and wrote down to 1535 and that Raffles MS. No. 18, called hereafter for clarity the Blagden recension, is a copy of the original annals, before the compiler of 1612 altered the order of some chapters and of many sections, suppressed the telltale style of the second ruler of Malacca, faked pedigrees and incidents to aggrandise the Malacca Sultans and Bendaharas and deleted chapters referring to the senior and legitimist branch of Malacca royalty in Perak. In other words, it must be a copy written for Raffles of "the *Hikayat* brought from Goa" about 1612 (Shellabear p. 2) and, it would appear carried further in 1536.

(iv) Lastly it seems possible that the Blagden MS. ending with the words *ya'ubbudu Raja Bungsu* and "Raja Bungsu was the writer" may be actually a copy of the MS. of the "history brought from Goa", that belonged to Sultan 'Abdu'llah alias Raja Bungsu of Johore, patron of the compiler of the 1612 edition of the *Sejarah Melayu*.

A

There are many indications that the nucleus of the *Sejarah Melayu* was drafted in Malacca.

(i) The paraphraser of the *Hikayat Iskandar* in chapter 1 is clearly the paraphraser of the *Hikayat RajaRaja Pasai* in chapters 7 and 8. And even if the 1612 Johor editor had a copy of the latter work, he would be far less likely away up the Johore river than a Malacca author to know the Pasai folk lore of ch. 8, the tale of the murder of the Pasai man Tun Jana Khatib in Singapore in ch. 9, the story of Tun Bahara the Pasai chessplayer in ch. 18, the consultations with Pasai over theological problems in chs. 20 and 32, the details of Malacca's campaign on behalf of a deposed Sultan of Pasai in ch. 22, the fight with Haru over Pasai in ch. 24. Pasai was just opposite to Malacca, and had supplied its rulers with a royal bride, with rice and with religion. In 1524 it was conquered and annexed by Acheh. The Pasai material must have been drafted in Malacca, and so too the paraphrase of the Hikayat *Iskandar*. Therefore chapters 1, 7, 9, 18, 20, 22, 24, and 32 (Sh) were written by a Malacca man.

(2) The Sumatran folk-lore of chapter 2 would be most accessible in 15th century Malacca, where Minangkabaus brought rice and gold, while, seeing that d'Albuquerque found the Minangkabaus still Hindu, they would be more adept at Sanskrit names than Muslims in Johore 200 years after Hinduism had been abandoned. Therefore probably chapter 2 was drafted in Malacca.

(3) There were strong Tamil and Indian influences in the cosmopolitan port of Malacca, where trade was conducted by Tamils and Tamil half-castes, where *acoup d'etat* by Muslim Tamils crushed Hinduism and created the Muslim Sultanate and where there were half-caste Bendaharas and Queens. There was little Tamil influence in seventeenth century Johore, when Portuguese and Achinese fleets had made it perilous for Indian traders to thread the States of Malacca. But a South-Indian tinge is marked throughout the Malacca chapters of the *Sejarah Melayu*. Witness the folk-lore about Alexander the Great and Kaid the Indian and about the Chulan kings and their raids on Malaya and the founding of Bijai= Wijaya Nagara (a capital famous in the Deccan till before 1565 it was destroyed) and the tale of Bichitram. "The tale of Raja Suran, if related in full, is as long as the tale of Hamzah" (ch. 1) - but not in Malay. Witness the tale of the Hindu herald reciting a Tamilised Sanskrit coronation formula and descending on a bull, the animal on which Shiva rode (ch. 2). Then (ch. 4) there is the marriage of a Singapore prince to a Kalinga princess, daughter of Jamburga Rama Mudaliar. There is the tale (ch. 11) of the origin of the choice of Malacca, paralleled in Ceylonese folk-lore. There is the story of Mani Purindam, a Tamil equivalent of Bendahara, in ch. 12, of the Indian warrior Khoja Baba, entitled Akhtiar Muluk in ch. 17, of the Tamil peltroon, Maruzul, in ch. 24, of envoys sent to India to buy silks (ch. 27), of the law-suits between Raja Mudaliar and Ali Manu Nayan and Nama Sura Divana in ch. 33. There is no mention of Tamils after the fall of Malacca.

Chapters 1, 2, 4, 12, 17, 24, 27 and 33 (Sh.) could not have been drafted in seventeenth century Johore. Much of their contents must be contemporary reporting of 15th century Malacca life.

(4) The Javanese *Damar Bulan* and *Panji* stories in chapters 5 and 14 with verses in Javanese could easily be gleaned from the Javanese quarter of Malacca, though the mythical career of Hang Tuah must

postdate his death in the last decade of the fifteenth century.

(5) The romantic tales of Mansur Shah's Javanese (ch. 14) and Chinese marriages (ch. 15) must have been written by an author to whom that Sultan's reign was a grandfather's tale. Mansur Shah ascended the throne about 1456. Time would have turned him into a myth by 1510.

(6) It is reasonable to infer that the student of the *Hikayat Iskandar* (ch. 1) and the *Hikayat Pasai* (chs. 7 and 9) would be the student of the *Hikayat Hamzah* and the *Hikayat Hanuftah* in Sh's ch. 34. In that event, chs. 1, 7, and 9 (Sh) were written by a man who outlived the capture of Malacca by the Portuguese in 1511.

(7) While the reign of Sultan Mansur Shah admits myth, that of Mahmud (circ. 1488 d. 1529 at Kampar) is described with vivid sketches of court life, court intrigues and court officers. More than the earlier chapters, these chapters strike one as a work of an eye-witness and contemporary.

(8) While the wooing of the Fairy Princes of Gunong Ledang is ascribed in the Blagden MS. not to Sultan Mahmud but, as one might expect, to Mansur Shah, still the author lived long enough to romance about the Portuguese siege of Malacca in 1511. So far from being astonished at bullets, the Malays themselves, according to d'Albuquerque, had many pieces of artillery.

To sum up. All the evidence points to the first draft of the *Sejarah Melayu* being written by a scholar, possibly of noble blood, who was interested in history and in such languages as Javanese and Arabic and even Persian, an observer who could note and mimic the foreigners of a cosmopolitan port, a man who knew and could describe intimately the court and nobility of the last Sultan of Malacca. Moreover he outlived the Portuguese conquest of 1511 by enough years to romance about it.

B

In the Blagden recension we find further evidence of the date of the "Malay Annals" and we find evidence that the author died shortly after 1535. It shows us, too, how the 1612 Johore editor did his work.

(1) Unlike the later compilation, the Blagden recension has no historical indent postdating 1535, which in itself is evidence of its age. Its last chapter but one (Ch. XXX) describes a Portuguese attack on a fort at Sungai Telor, a tributary of the Johore, in June 1535. (The last chapter describes how a Pahang prince came to Sayong, still higher up the Johore, for recognition as Sultan.) In 1536 da Gama and 400 Portuguese troops again sailed up the Johore river and inflicted such losses that the Malay ruler sued for peace and went to live at Muar (*History of Malaya*, Winstedt, p. 76). Of this 1536 attack the author has not written. His work ends abruptly and with no peroration or colophon. Did he die or was he killed in the fighting? Obviously his uncompleted MS. might have been carried off by some soldier of the Portuguese forces in 1536.

(2) The length of the genealogies in the Blagden MS., so short compared with those in the Shellabear edition, is further evidence of its age. To take one example. Compare the long and confused genealogies on pages 172 and 173 of Shellabear's edition with their equivalent in the Blagden recension (folio 133).

There is more than one slip in titles, as in all Malay MSS, but the pedigrees go no further than the grandchildren of the Bendahara whom Sultan Mahmud executed in 1510 and whose eldest son was Temenggong before 1509. Compare, too, Shellabear's genealogies on page 218 and 219 with Blagden's folio 164.

That the shortness of these pedigrees is due to their date and not to inertia may be inferred from the dying speech of Sultan 'Ala'u 'd-din Shah (Sh. p. 153) which is longer and better in the Blagden MS.

(3) The Blagden recension shows in several places a more logical and better arrangement of paragraph and chapters, whereas the 1612 compilation shows signs of scissors and paste. For example.

By putting Raja Chulan's descent into the sea, marriage with a mermaid and begetting of Bichitram, Paduman and Nilatanam at the end of ch. 1, the annalist can write ch. 2 without the long parenthesis Shellabear (pp. 10-19) inserts in brackets.

(4) The instances of transposition of chapters and the more numerous cases of transposition of paragraphs and indents in the printed "Malay Annals" are far too many to have been due to the vagaries of a careless or wilful copyist of the Blagden MS. They must be due to the deliberate editing of that MS. in 1612. One of the most glaring

changes is the ascription of Sultan Mansur Shah's wooing of the Fairy Princess of Gunong Ledang to Sultan Mahmud Shah! It would have been strange for the original annalist to ascribe such a fool's errand to Sultan Mahmud within eight years of his death. But the editor of 1612 may have wished to balance the adventures of Mansur Shah and by 1612 there would have been 83 years in which Mahmud, too, could have become a semi-mythical figure.

(5) Several passages are altered not for aesthetic effect but for distortion of history.

(a) The 1612 edition has sought in every way to emphasize the close relationship between the Sultans and the Bendaharas. Shellabear (page 104 and 139) drags in Husain as a son of Sultan Mansur Shah by a Bendahara lady and suggests that he inherited the throne as 'Ala' u'd-din Shah, Raja Radin, the Sultan's son by a Javanese woman, was killed by a man who ran amok. In neither context does the Blagden MS. mention Raja Husain and it makes Raja Radin succeed to the throne as 'Ala'u'd-din Shah.

(b) Again, Ch. V of Blagden's MS. relates how at the siege of Benian the Temenggong, Sri Awadana (Udana Sh.) tried to make a roster of those engaged in strengthening the defences but did it so badly that Sultan Mahmud remarked, "If ever he becomes Bendahara, we shall be undone!" Shellabear's version (p.223) turns his illiterate roster of "one fellow with a lance, a steersman with a sword, one fellow with a desk" into a list of broken pots and pans and slaves, which are the only gifts a niggardly ruler has bestowed on him! This account of Sultan Mahmud's contempt for a member of the Bendahara family could hardly have been changed, while the old Malacca line ruled. But after the last of the line was murdered in 1699, it became a virtue to extol the house of the new Bendahara Sultan of Johore.

(c) According to the 1612 edition (Sh. p. 60) Iskandar Shah last King of Singapore and first of Malacca, was succeeded by his son Raja Besar Muda (*passim*); according to Blagden's MS. his son was not Besar Muda but "Kecil Besar bergelar Sultan Magat" (ماکت). Especially in view of Dr. Callenfels' article (J.R.A.S.M.B. Vol. XV, Part II, 1937) suggesting that Parameswara (first ruler of Malacca) bore a title showing him to be inferior in birth to his wife, this is interesting: a Megat is a son

of a commoner by a raja wife, as the Johore editor of 1612 would have.

(d) The Blagden MS, unlike the Shellabear text, stresses the Tamil origin of the three princes who descended on Bukit Si-Guntang, only in parenthesis giving them the names of Hindu nymphs. They are the three sons of Raja Suran by a mermaid: Bichitram, Paldutani, Nilatanam, and they have three half-brothers, Hiran, Chulan and Pandayan of Negapatam. Out of confused genealogies comes an impression of the descent of Singapore's chiefs from Tamil princes rather than of the Sailendras of Palembang from Hindu demigods. Those chiefs were Sri Tri Buana, Paduka Sri Pekerma Wira, Sri Rana Wikerma, Paduka Sri Maharaja.

(6) The Blagden MS. does not mention Parameswara but makes the son of Sultan Iskandar a Megat. It gives the following list of Malacca Kings: Iskandar Shah (ruled 20 years), Sultan Megat (ruled 2 years), Raja Tengah styled Sultan Muhammad, Sultan Abu Shahid, Raja Kassim styled Sultan Muzaffar Shah, Sultan Mansur Shah, Raja Radin Styled Sultan 'Ala'u'd-din, Sultan Mahmud.

(7) The Blagden MS. omits many of the pantuns. The pantun, to judge even from the seventeenth century examples, must have been in inchoate shape in the fifteenth and early sixteenth centuries. I am disposed, therefore, to regard their absence as corroboration of the age of the MS.

(8) The Blagden MS. uses two obsolete interrogative particles *kutahu* (found also in the *Hikayat Pandi*) and *nian*.

(9) Until one has studied the early chapters of the Blagden MS, the resemblances and differences between the two printed versions of the trimming of Sultan Abdu'llah of Kampar (Blagden Ch. XXIV, Shellabear pp. 229231) are puzzling. Had the original author written two versions? A study of the whole MS shows that the difference between the two versions of this chapter would be typical of the ruthless editing of many chapters especially those dealing with the reign of Sultan Mahmud. The two accounts of the Portuguese burning of Bentan are another instance.

(10) The omission of six chapters of the Blagden MS. from the Johore edition of 1612 may have been due to the curtailing of the editing by

the Achinese invasion of 1613 but is also explicable on other grounds.

(a) Ch. XXIV. the Abdullah incident is used but drastically edited.

(b) Ch. XXV. is omitted, almost certainly because it deals with fighting the Portuguese, *with whom in 1610 Johore had made a treaty of friendship*, and because it shows Sultan Mahmud snubbing the Bendahara Paduka Tuan.

(c) Ch. XXVI. shows the Bendaharas mixing in Bruas (Perak) and Selangor politics. The Perak court, founded after Sultan Mahmud's death in 1529 by his *elder* and exiled son, was not a topic either the Sultans or Bendaharas of Johore wanted to remember. The Sultan of Johore in 1612 belonged to the Malacca family by the slenderest of threads, if at all.

(d) Ch. XXVII. Haru would hardly interest Johore and they may have been some contemporary reason for omission, perhaps its ruler's descent from Sultan Mahmud of Malacca.

(e) Ch. XXVIII. Johore did not want to remember that the Bendaharas had evicted Sultan Mahmud's eldest son in favour of a younger whose mother was of their family.

(f) Ch. XXIX. Again, the unpleasant Perak topic. The genealogy of that elder Perak branch was probably partly the reason for the unsavoury attempt to invent a good Malacca genealogy for Sultans 'Ala'u'l-din and 'Abdullah of Johore, (Shellabear pp. 257-260), whose real father was Pahang Raja of uncertain descent and whose ties with the Malacca house were remote and only on the distaff side.

(g) Ch. XXX. Inpolitic harping on fighting with their ally of 1610, Portugal.

(h) Ch. XXXI. Reason for omission obscure. It is short, incomplete.

(11) Unlike the dull Shellabear appendix, the suppressed chapters of the Blagden MS. display the lively descriptive powers of the author of the published "Malay Annals", namely of the writer of their nucleus before the Johore editor of 1612 started his disingenuous revision. The original writer knew some Persian and uses the word *Sar-had* = frontier. The 1612 editor did not understand and changed it. The writer of the new chapters also employs phrases and words common

in the chapters long known and printed, e. g. *Kasad* (Sh. XXV.) *menafahus* (ib.) *di-perjahat-nya* ib., cf. p. 137) and that favourite tag from the chronicles of Pasai(Ch. XXXVII): *pkalan Jawa sa-Jawa-nya, pkalan China sa-China-nya* (cf. Sh. p. 145).

(12) No mention in this recension of a "*hikayat* brought from Goa" or of an assembly of chief's or of the Bendahara Paduka Raja, Tun Sri Lanang, being author. Possibly because the Blagden recension was no more than "the history from Goa" belonging to Raja Bongsu? In taking a copy of it, the revising editor may merely have noted his instructions and their date in the preface and he would then proceed to write in another book the revised version that has long been known. In any case, if the editor were the Bendahara, he would hardly sing his own praise; such praise would be inserted after his death. That the preface is early may be surmised from the fact that Raffles MS. No.18 is the only MS. giving the right day of the week for the date.

C

The Raja Bongsu mentioned at the end of the Blagden recension could hardly be other than the Raja di-Hilir alias Sultan 'Abdullah, as no other Johore prince of that name was famous enough to be cited without his *ibni*. There are a few more notable historical variants in the Blagden recension. Gangga Nagara is put in the Dindings but on p.11 (Sh.) the word *di-hulu sungai Johor* and *u-ntu bahasa Siam* are omitted, and for Ganggyu we find Lenggui. The Permaisuri of Bentan is not Iskandar Shah Sh. p. 27), an impossible name for a woman, but Sakidar Shah. The story of Saktimuna is omitted. In ch. 4 (Sh.) the Kling Raja is Adiraja Rama Mudaliar and the King of Singapore is not Sri Tribuana but Pikrama Wira; on p. 34 (bottom) Burus is rightly read, not Bruas. Raja Muda at the end of Ch. 4(Sh.)is/(ضعرلج). The attack on Kampar comes after the attack on Haru. The attack on Kampar is ordered not by Mansur Shah (Sh. p. 119) but by Sultan 'Ala'u'd-din Shah. What are pages 154 and 155 in Shellabear would come on Shellabear's page 139 and it is not Sultan Mahmud but Sultan 'Ala'u'd-din who is sick with diarrhoea and from whom the Bendahara and Laksamana drive his grandmother. One thing is certain. The bulk of the "Malay Annals"was written at least eighty years before 1612. The *Hikayat Iskandar*, the *Hikayat Amir Hamzah*, the *Hikayat Muhammad Hanifiah* may all have been done into Malay by the fifteenth century. In that century, too, the "Chronicles of Pasai"were

written. It seems most improbable that the books like the Malay translation of the *Ramayana* and other Hindu and Buddhist romances were not known earlier still. Clearly there was a boom in Muslim romance after northern Sumatra had become Muslim in the latter half of the thirteenth century. Muslim works must have been written first at Pasai, then at Malacca, then at Acheh, due to foreign missionaries from India. Malay literary output waned until the beginning of the Nineteenth century.

The Preface of the Malay Annals

R.O. Winstedt

I have collated the preface of the *Annals* in the various printed additions, in the large Batavian MS and all the MSS of the *Malay Annals* in the library of the Royal Asiatic Society, London. It is to be hoped that the MSS at Leiden and Batavia may be similarly examined.

I will take first the edition most used by English students.

1. *Sejarah Melayu*, ed. W.G. Shellabear, 1909. In this edition as in that of Dulaurier, the long Arabic exordium has been cribbed word for word from the *Bustanu's Salatin* which was begun in 1638 A.D. - it has been carefully romanised by Dr C. Hooyka as in his book *Over Maleische Literatuur* Leiden, 1937, pp. 197-200), but so far as I know, no scholar has noted its source. Obviously, it must be an interpolation, inserted more than 26 years after the "Annals" were revised in 1612. Shellabear's text continues:

> "One day the humble writer was sitting engaged in light conversation in the company of chiefs. Among them was one of higher station and rank than the others, and he remarked to the humble writer, 'I hear there is a Malay history brought by people (*orang*) from Goa. Could we not improve it, so that it might be known to our descendants after us, and be remembered by them to their advantage?' As soon as the humble writer heard this, a numbness overtook the limbs of him, a humble person of extreme ignorance, named Tun Muhammad of Batu Sawar, abode of peace. His nickname was Tun Sri Lanang, his title Paduka Raja, Bendahara. he was the son of the chief Paduka Raja, grandson of Bendahara Sri Maharaja, great-grandson of Bendahara Tun Narawangsa, great-great-grandson of Bendahara Sri Maharaja, who was the son of Sri Nara diraja Tun Ali, who was the son of the blessed Mani Purindan. He found God through the mystic way and was a man of Malay race, from the Mountain SriGuntang Mahameru and of the county of Malakat.
>
> "So he remarked. It was in the 1021 year of the Prophet (God bless him and save him), in a *dal* year, on the 12th of the month Rabi'u'l-awal, (*A.D. May 1612*) on Thursday at the hour of

morning prayer, the sun in the ascendant, in the reign of the Deceased, who died at Acheh [*on 6 June 1613*], Sultan 'Ala'u'd-din Ri'ayat Shah, shadow of God upon earth, son of Sultan Ali Jala 'Abdu'l-Jalil Shah, brother of Sultan Muzaffar Shah, son of Sultan 'Ala'u'd-din Riayat Shah, son of Sultan Mahmud Shah, grandson of Sultan – Ala'u'ddin Shah, great-grandson of Sultan Mansur Shah, great-great grandson of Sultan Muzaffar Shah, son of Sultan Mahmud Shah, the Deceased – the paradise of Allah be his kingdom, and empire and an eternity of forgiveness and mercy!

"While the king had a country at Pasai, at that time came Raja Dewa Said to me Sri Nara wangsa, named Tun Bambang, son of Sri Akar, raja of Patani, carrying the command of the ruler down-river, Sultan [*circ. June 1613*] Abdu'llah Ma'ayat Shah, son of the Sultan Ali Jala 'Abdu'l-Jalil Shah, who was an honour to his country and his time, who adorned every assembly of the religious and had every degree of pious and virtuous attributes. Almighty God increase his bounty and greatness and manifest him with his justice to every country. So ran the purport of his highness 'command'. I ask the Bendahara to write a history"[15] etc.

The writer goes on to say he called it *Sulalatu's Salatina* or The Chronicles of Kings.

Except for the cribbed Arabic exordium this is the same version as is given in the earlier printed text of Munshi 'Abdu'llah and Dulaurier, and contains close resemblances and one identical error. For example, While many MSS. give Mahmud as the name of Tun Sri Lanang, the three printed versions have Muhammad. And while the best MSS. rightly speak of the Johore Sultan's "settlement at Pasir Raja" on the Johore river, which was new when Admiral Verhoeff visited it in 1609 (JRASMB, Vol. X, Part 3, 1932, pp. 30-31), the three printed texts misled by a little learning refer to "his settlement at Pasai". Pasai makes nonsense for three reasons. In 1612 Sultan 'Ala'u'din was still in Johore and reigning. It was not till 1613 he was removed as a prisoner to Acheh, where he certainly was not allowed to open settlements (*negeri*). Thirdly it was to Acheh he was carried captive, not to Pasai, then no more than a village subject to Acheh.

In addition to the two interpolations noted in square brackets, this preface also shows signs of what may be another interpolation. As

Wilkinson has pointed out (J.R.A.S.M.B., Vol. XI, part 2, p.148), "Malays rarely claim the authorship of their own works and, when they claim it, refer to themselves in very humble terms. Sri Lanang calls himself a "poor wretch" (*fakir*) and a "double-dyed ignoramus" *tjahil murakab*), and then is represented as bursting out into a vainglorious passage giving all his honours and titles and his ancestry for many generations. Among Malays such things are not done. The praise can only have been interpolated by others after Sri Lanang was dead." It might have been that Tun Bambang, as the actual writer, inserted the lineage of the patron of the work, Sri Lanang, but is improbable that a living Bendahara would countenance such a fulsome eulogy, while he and his family served the old line of Sultans. So, the chances are that the genealogy at least was interpolated later, though it seems unlikely that the whole reference to the Bendahara was added after his death.

II. In the Library of the Royal Asiatic Society, London, there are seven MSS. which agree in the main with the printed text. I will note each separately.

A. *Raffles Collection, No. 35.* This has a short Arabic preface identical with those of Raffles No.39 and 80 and Farquhar M.S. No.5. It is a slightly longer version of the Arabic preface to the Blagden Version. The Malay interlinear translation runs: *segala puji-pujian bagi Allah yang menyatakan bangsa anuria segala hamba-nya, dan di kenaikan mereka itu dengan mengikut bekas Nabi Allah yang telah terlebih daripada segala Nabi, dan rahmat Allah di salam-nya atas sang di ambil-nya akan Nabi Muhammad sall' allahu wa sallama, sang tiada ada Nabi kemudian, dan atas segala keluarga-nya dan segala sahabat-nya, mereka itulah sang berusaha dengan menuji dia.* The Arabic takes up about six lines and, as in Raffles No.18, Allah is addressed as *Rabb al-alamin*. It praises Allah, lord of both worlds, Muhammad last of Prophets, his family and his companions.

After that opening the preface agrees with the printed texts, except for certain minor differences:

(a) A history was brought from Goa by "Orang Kaya Sogoli" (سوكه)

(b) Tun Sri Lanang is described not simply as Bendahara but as Bendaharaf العبى ; 20 (an error for *laqab-nya*) and his name is given as Muhmud.

(c) The year 1021 A.H. is described as a year *dal awal*, whereas

according to Roulfaer it should be *jim awal*.

(d) Sultan `Ala'u'd-din is *bernegeri di Pasir Raja* (not at Pasai).

(e) The emissary bringing the royal command is Raja Dewa Sa'it (سايت).

Raffles Collection No.39. This MS. resembles No.35 not only in the Arabic opening but in (a) (b) (c) (d) and (e). Sogoh is spelt (سوكه). Instead of *Tun Muhammad namanya Tun Sen Lanang timang-timangan* it reads *Mahmud nama-nya fakir di-hadapan Tun Sri Lanang timangan-nya*, a corrupt but suggestive passage.

Dutto No. 68. Possibly due to a village copyist having to compose something in place of a missing page, this MS. starts by saying that formerly Malays were not Muslims and that the Annals were written in the time of King Solomon. Their revision was mooted at an assembly of chiefs held in 887 A.H. in the time of Alexander the Great-it was a *Nun* year, on a Thursday, 12 Rabi u'l-a wal. It speaks of a work in the hands of Orang Kaya Suku from Goha. It says – *sa-telah itu, di-suratkan-lah riwayat ini oleh Orang Besar Tun Askab di-hadapan Tun Mahmud, Paduka Raja gelaran-nya anak Orang Kaya Paduka Raja, cucu-ku Bendahara Sen Maharaja*. It then gives the year 1021 A.H. and calls it a *dal* year, the month is 12 Rabi u'l-awal and the day a *Monday* which is only a few hours off the right day. There is no mention of Pasai or Pasir Raja or any other place in the context concerned.

Dutto No.80. The Arabic preface is short and identical with that in Raffles No. 35 and 39, above. Orang Kaya Sogoh, Mahmud, *bernegeri di Pasir Raja*, Raja Dewa Sa'it are points identical with those in MSS. 35 and 39.

B *Farquhar Collection No.5*. The Arabic preface is identical with that in Raffles Nos. 35 and 39 and 80 above. Orang Kaya Sogoh, Mahmud instead of Muhammad, Bendahara *laqab-nya* (=his title), *bernegeri di-Pasir Raja*, Raja Sa'it all appear. Raja Sa'it comes to Sri Narawangsa *minta buatkan hikayat pada Bendahara peri perturunan segala raja-raja*. And the work is called *Salalatu's Salatina yaani perturunan segala raja-raja*.

C *Maxwell bequest No.26*. This MS. starts with three lines of Arabic to introduce the same exordium as occurs in Munshi Abdu'lla h's edition. It speaks of a *hikayat di-bawa oleh orang dari Goha*. The name of Tun Sri Lanang is Mahmud. Two dates are given in the same

sentence A.H. 1020 and A.H. 1708 (*sic*). The year *dal* is not mentioned. And as in Raffles No.18 there is a slip *i.e.* Raja Sa'it is not mentioned and the MS. has *datang Seri Nara wangsa*.

III. The large Batavian version of the Annals, which contains an appendix on the 18th Century history of Siak (collection van de Wall 191; (CCCXLV of van Ronkel's Catalogue of Malay MSS. in the Library of the Batavian Society) starts off without preface. "This is the story of Sultan Iskandar Dzu'l-Karnain", having evidently lost its front pages. I work from a copy made by a Malay typist.

IV. *Malay Annals* translated by Dr. John Leyden with introduction by Sir Stamford Raffles F.R.S. London. 1821. Leyden's translation begins as follows: evidently he knew no Arabic.

> "The author of this work commences with stating that he will declare sincerely what he regards as the truth, according to the best of his information. The occasion of the composition of the work is stated by the author to be the following. "I happened to be present at an assembly of the learned and the noble, when one of the principal persons of the party observed to me, that he has heard of a Malay story which had *lately (sic)* been brought by a *nobleman* from the land of Goa and that it would be proper for some person to correct it according to the institutions of the Malays that it might be useful to posterity. On learning this I was firmly determined to attempt the work. On this occasion were present *Tun Mahmud*, styled Paduka Raja, the grandson of Bendahara Sri Maharaja and greatgrandson of Tun Narawangsa, the great-great grandson of Sri Maharaja and the great-great-great-grandson of Mani Farandan, of Malay extraction, from the mountain Siguntang Maha Meru, the signet of whose country is of the Sawal gem (*sic*)."

Except for minor mistranslations Leyden then follows the Shellabear text and reads *Pasai*, not Pasir Raja.

Salient points in Leyden's text are that

(a) it mentions not "people" but "a nobleman from Goa" though it does not give his title Orang Kaya Sogoh. "*Lately* brought" seems to have no warrant from any text.

(b) *Tun Muhammad* is corrected to *Tun Mahmud* and he is not called author. Had Leyden a text like Raffles Nos. 39 and 68

(supra) which says the history was written "in the presence of *(dihadapan)* Tun Mahmud?"

(c) Leyden's version says that a Raja Dewa Sait came to Sri Narawangsa Tun Bambang, son of Sri Agar, a raja of Petani with instructions from Sultan 'Abdullah to compile a history.

V. The translation of Raffles MS. 18 is:

"In the name of Allah the Merciful, the Compassionate. Praise be to Allah, the lord of both worlds and peace be on the Apostle of Allah and his four companions. Allah have compassion on them all. Be it known. In A.H. 1021, *a dal awal* year, on 12th of the month Rabi'l-awal on a Sunday, at the hour of morning prayer, in the reign of Sultan 'Ala'u'd-din Riayat Shah, shadow of Allah upon earth, while he had a settlement at Pasai Raja, came Sri Narawangsa, whose name was Tun Bambang, a son of Sri Akar, a Patani raja, bearing a command from His Highness Downstream, who is an honour to his place and age, an ornament in assemblies of the pious, a shedder of the light of religion and virtue, Allah increase his greatness and bounty and maintain him in his justice to all countries. The command of His Highness was: 'I ask for a history to be compiled on all the Malay Rajas and their customs'" Sahrin points out:

(a) The Arabic exordium, unlike the passage borrowed from the *Bustanu's-Salatin* in Shellabear's text, is that of a Malay not profoundly versed in Arabic, though it is followed by an elaborate Arabic eulogy on Sultan 'Abdu'llah (Raja Sabrang) in [illegible].

(b) The day on which the order to compile the work was given is a Sunday *(not* a Thursday, as the printed texts say), 13 May, 1612. According to Rouffaer *Bijdrage tot de Taal Land en Volkenkunde van Nederlandsch-India* Deel 77, 1921, p. 452 and to the *Bustanu's-Salatin* (JRASMB, XI, pt. II, 1933, p. 144) Sunday was the correct day of the week for that date.

(c) There is no mention of an assembly of chiefs or of a manuscript brought from Goa or of the work being done by Tun Sri Lanang or even in his presence.

(d) The place of composition is rightly given as Pasai Raja.

(e) As in Maxwell MS. No.26, so here there is evidently a slip in the omission of Raja Dewa Sati as the emissary, and in the consequent ascription of the task of emissary, to the author Sri Narawangsa, Tun Bambang. In view of the agreement between so many MSS, it is safe to assume that the copyist accidentally omitted the words, *darang Raja Sati kepada hamba.*

(f) The Ms. goes on to say that the author called his book the *Salalatu's-Salatin.*

What conclusions can be drawn from all this evidence?

Raffles MS. No.18 contains no reference to Tun Sri Lanang as author or patron of the *Malay Annals*. MSS. 39 and 80 and Leyden's translation suggest that he was merely patron, the work being written "in his presence". The interpolated chapter in the *Bustanu's-Salatin* on the royal Malacca and Pahang genealogy was probably added during the reign of Iskandar Thani, son of Sultan Mahmud Shah of Pahang and ruler of Acheh from 1641-1675 A.D. and it states unequivocally that a Bendahara Paduka Raja wrote the *Annals* on Sunday (the correct day of the week), 12 Rabi'u'l-awal, A.H. 1021 (13 May 1612):-

> *Fasal yang kedua belas pada menyatakan tarikh segala raja-raja yang kerajaan di-negeri Melaka dan Pahang.*
>
> *Kata Bendahara Paduka Raja yang mengarang kitab inshā'at Sal dat a's-Salatin: ia menengar dari pada bapanya ia menengar daripada nenek nya dan datok nya tatkala pada hijrat al-Nabi Sall'allahu alaihi was—sallama su-rib dua-puloh nya pada bulan Rabi'u'l-awal pada hari Ahad ia mengarang hikayat pada menyatakan segala raja-raja yang kerajaan di-negeri Melaka, Johor dan Pahang, dan menyatakan bangsa dan salasilah mereka itu daripada Sultan Iskandar Zu'l-Karnain.*

Perhaps Tun Sri Lanang did supply family trees and reminiscences. Perhaps the work was done by an officer of his department. It would be no merit in a Malay Prime Minister to be an author in those days. Probably reference to him was mainly inserted in the preface for a literary reason (judging by the MSS. before the exordium borrowed from the *Bustan*); for, as Wilkinson pointed out (*Papers on Malay subjects*, Malay Literature, Part I, Kuala Lumpur, 1907 p. 18), it is in accordance with Persian Precedent. Wilkinson quoted from Gibb's *History of Ottoman*

Poetry: "It is the rule that a long Mesnevi should open with a canto in the praise of God, this should be followed by one in honour of the Prophet. The next canto is generally a panegyric on the great man (usually the reigning Sultan) to whom the work is dedicated. This, again, is most often followed by a division in which the poet narrates the circumstances that induced him to begin work, generally the solicitations of some friends."

Finally, who was Tun Bambang, who seems to have been the actual editor of 1612? He says that he had the title of Sri Narawangsa and was a son of Sri Akar, *raja Petam*. On this Roulfaer surmises that he may have been a nephew of Sultan 'Abdu'llah (Raja Sabrang) of Johore. For Sultan Ali Jalla Abdu'l-Jalil of Johore had four other children beside the two sons who became rulers of Johor. The eldest married a daughter of the ruler of Patani (my *History of Johore* p. 31) and Roulfaer suggests that Tun Bambang was their son. But would he not have been called Raja Bambang? Some MS. of the *Annals* may yet be found to give his pedigree. As a Patani Malay, he might be specially interested in Pahang's relations with Johore, though if he were, his version, as we have seen, was altered later.

It is interesting to note from the story of Sri Awadana that whoever wrote the early part of the Shellabear appendix had access to Raffles MS. No. 18.

1

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM.

Alhamdulil'Lahi Rabbil 'Alamin. Wasyalatu wasyalam 'ala[1] *RasulilLahi sallalLahu 'alayhi wasallama wasahabihi*[2] *ajmain.* Masilah sudah memuji Allah dan mengucap salawat akan RasululLahi sallalLahu 'alayhi wasallam syahadan rahmat Allah atasnya dan atas segala sahabatnya sekalian. A'lam tarkala pada hijratunnabiyyu sallalLahu 'alayhi wasallam[3] seribu dua puluh setahun[4] pada tahun dal wal-awwal[5] pada dua belas haribulan Rabi'ul-awwal pada hari Ahad pada waktu Duha pada zaman kerajaan Paduka Seri Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah *zillulLahi fil-'alam* sedang bernegeri di Pasir Raja, dewasa itu bahawa Seri Nara Wangsa yang bernama Tun Bambang anak Seri[6] Agar,[7] Raja Petani, ia[8] itu datang menjunjungkan titah[9] Yang Pertuan Di Hilir *fainna syarafalmakani wazzamani* maka bahawa ia sanya kemuliaan tempat dan zaman, *wazaina majalisi ahlil-iman* dan ia perhiasan[10] segala kedudukan orang yang beriman; *wanura madarijatil 'ali wal-ihsani* dan ia menerangkan segala tangga taat dan kebajikan. *zida bilfadli wal imtinani*[11] dan ditambahi Allah Ta'ala kiranya dengan kelebihan dan kemurahan, *dima 'adlun fi sairilbuldan* dan dikekalkan kiranya ia dengan adil pada segala negeri. Demikian bunyinya titah yang maha mulia itu "Bahawa hamba minta diperbuatkan [2] hikayat pada hari[12] peniuturan

---

1 W(42):"ali"

2 W:"waSahabat"

3 W tertinggal seluruh pernyataan "syahadan . alayhi wasallam" C.C. Brown (42) yang berlandaskan perintah W melakukan kesilapan yang sama

4 سلطن (s-l-t-h-n) W: "esatahun"

5 W: "dual-awal" B(12): "dul al-awal"

6 Dieja شري (sy-r-y) (Syeri)

7 اكر (a-g-r) Besar kemungkinan yang dimaksudkan ialah اكر (a-k-r) "Akar"

8 يا (y-a) W: "in"

9 تيت (t-y-t) Tiada "h" di akhir ejaan

10 Dieja فرهيشن (p-r-h-ysy-n) perhusyan

11 Yang tertulis يدفصل والاتينا (z-ydf-dl wa la-t-n-a-n)

12 هاري (h-ar-y) W: "Bendahara" B(205.c.10) yang berhujah bahawa هاري (h-a-r-y)

segala raja-raja Melayu dengan isti'adatnya supaya didengar oleh anak cucu kita yang kemudian dari kita dan diketahuinyalah[13] segala perkataan syahadan beroleh faedahlah mereka itu daripadanya".

Setelah *fakir almu'tarifu bil'ajzi wannaqsi bi'ilmihi* yakni fakir yang insaf akan lemah keadaan dirinya dan singkat pengetahuan ilmunya, *allazi yarkabu 'ala jahihi* yakni yang kenderaan atas bebalnya, menengar itah yang maha mulia itu, maka terjunjunglah atas batu kepala fakir dan beratlah atas segala anggota fakir. Maka fakir goncanglah[14] diri fakir pada mengusahakannya syahadan memohonkan taufik fakir ke hadrat Tuhan *samil'alam* dan kepada Nabi *Sawadil anam*.

Maka fakir karanglah hikayat ini *kama samit'tuhu min jadil wauhi* dan fakir himpunkan daripada segala riwayat orang tuha-tuha dahulu kala, supaya akan menyukakan duli hadrat bagainda, maka fakir namainya hikayat ini **Sulalat us-Salatin**, yakni Peturuan[15] Segala Raja-Raja. Maka barang siapa membaca dia, jangan lagi dibicarakannya dengan sempurna bicaranya, karena sabda Nabi Sallall ahu 'alayhi wasallam *Tafakkaru fi alail Lahi walatafakkaru fizatiLahi* yakni "Bicarakan oleh kamu pada segala kebesaran Allah dan jangan fikirkan pada Zat Allah".

Demikian mula perkataan hikayat ini ceriterakan[16] oleh yang empunya cerita.

---

di sini bermaksud "Bendahara" menerjemahkannya sebagai "treasury". Ini nampaknya tidak sedar penggunaan "ی" ("y") dalam ejaan jawi yang menyebabkan "putera" misalnya, ada kalanya dieja پوترا (p-w-t-r-y). Pada banyak tempat dalam naskhah Raja Bungsu ini "Bendahara" dieja بندهاری (b-n-d-h-a-r-y).

13 پرتورن (p-r-t-w-r-n) atau "peraturan". B (205.n. 2) yang tersilap membacanya sebagai فتتورن ("p-t-t-w-r-n") sewajar olah bersetuju sebutan sebenarnya "peturuan" tetapi mengagakkan kemungkinan "peturuan" bermaksud keturunan. Saya membaca فتورن ("p-t-w-r-n") dan فتورون ("p-t-w-r-w-r-n") yang terdapat di dua tempat selepas ini sebagai "peturuan" yang bermaksud salasilah atau pun keturunan. Untuk perbincangan lihat "Pendahuluan".

14 Mungkin juga perkataan asalnya ialah "kanjang" yang bermaksud "bersaha dengan penuh ketekunan/kesungguhan".

15 فتورن ("p-t-w-r-n"). Ada kemungkinan sebutannya yang sebenar ialah "peturuan" yang bermaksud salasilah atau keturunan. Lihat catatan 13 di atas.

16 W (43) menukarkannya dengan menambah "di" menjadi "(di) ceriterakan" sementara menurut edisi Shellabear. Dalam naskhah Raja Bungsu ini di banyak tempat kadakala tidak didahului dengan "di".

Tatkala pada zaman Raja Iskandar Zulqarnain, anak Raja Darab, Rum bangsanya. Makadunlah namanya negerinya, berjalan hendak melihat matahari [3] terbit, maka baginda sampai pada sarhad negeri Hindi. Maka ada seorang raja terlalu amat besar kerajaannya, setengah negeri Hindi dalam tangannya. Raja Kida Hindi namanya. Setelah ia menengar khabar Raja Iskandar datang, maka Raja Kida Hindi menyuruhkan Perdana Menteri mengumpunkan segala rakyat dan segala raja-raja yang takluk kepadanya. Setelah kampung, maka dikeluarnyalah oleh Raja Kida Hindi akan Raja Iskandar, maka bertemulah kedua rakyat lalu berparang[17] seperti yang dalam *Hikayat Iskandar* itu. Maka alah Raja Kida Hindi itu oleh Raja Iskandar, dengan hidupnya. Maka disuruhkan Raja Iskandar Raja Kida Hindi itu membawa iman, maka Raja Kida Hindi membawa iman. Setelah sudah, Raja Kida Hindi pun membawa imanlah, jadi Islam, dalam agama Nabi Allah Ibrahim Khalilullah 'alayhissalam, maka dipersalini Raja Iskandar akan Raja Kida Hindi seperti pakaian dirinya; maka dititahkan Raja Iskandar ia kembali ke negerinya.

Adapun akan Raja Kida Hindi itu ada beranak seorang perempuan, yakni seorang itu bariwati[18] terlalu amat baik parasnya, tiada ada berbagai pada masa itu, cahaya mukanya gilang-gemilang seperti cahaya matahari, dan terlalu amat bijaksana budinya puterinya, Syahrul Bariyah namanya. Maka Raja Kida Hindi pun memanggil Perdana Menterinya pada tempatnya sunyi, maka sabda Raja Kida Hindi kepada Perdana Menterinya, "Katahui olehmu bahawa aku memanggil engkau ini, aku hendak bertanyakan bicara kepadamu, bahawa anak aku ini tiada ada taranya seorang juapun anak raja-raja pada zaman ini, hendaklah kupersembahkan kepada Raja Iskandar; apa ada nasihatmu akandaku?" Maka sembah Perdana Menteri, "Sahaja sebenarnya pekerjaannyalah yang seperti titah tuan hamba itu". Maka sabda Raja Kida Hindi pada Perdana Menterinya itu, "Insya Allahu Ta'ala, esok harinya pergilah tuan hamba kepada Nabi Khidir[19], katakanlah segala peri hal itu".

Maka menteri itupun pergilah kepada Nabi Khidir. Setelah sudah menteri itu pergi, maka disuruhlah Raja Kida Hindi disuratkan nama Raja

---

17 [illegible] (Berparang) Dengan kekecualian kecil "perang" selalunya dieja [illegible] (perang)

18 [illegible] (b-r-y-w-t) [illegible] (B-r-h-w-r-y-ng) boleh dibaca "berbuat" atau "berbuah". Jarang digunakan di sini. "Bariwati" bermaksud perawan atau perempuan yang sempurna.

19 W Khindu. Kesilapan [illegible] dinyang B

Iskandar atas sekali darhamnya dan atas segala panji-panjinya. Adapun setelah ia sampai kepada Nabi Khidir, maka ia memberi salam, maka disahut Nabi Khidir 'alayhissalam salamnya itu, disuruhnya duduk. Arakian maka berkata Perdana Menteri itu kepada Nabi Khidir, "Ketahuí oleh tuan hamba bahawa raja hamba terlalu sekali amat kasihnya akan Raja Iskandar, tiada dapat hamba sifatkan, dan ada ia beranak seorang perempuan, dapatlah dikatakan tiada lagi sebagainya anak raja-raja di masyrik lagi maghrib pada masa ini, pada rupanya dan budinya dan pekertinya tiada ada taranya lagi, kehendak raja hamba, bepersembahkan dia akan isteri Raja Iskandar".

Kata sahibul hikayat, pada ketika itu jua pergilah Nabi Khidir kepada Raja Iskandar, dan diceriterakannyalah [4] perihal itu; kabullah Raja Iskandar. Kamudian daripada itu maka Raja Iskandar pun keluarlah ke penghadapan, dihadap oleh segala raja-raja dan ulama dan pendita dan segala orang besar-besar dan segala penggawa pahlawan yang gagah-gagah mengulilingi[20] takhta kerajaan baginda, dan di belakang segala hambanya yang khas dan segala yang kepercayaannya; pada ketika itu Raja Kida Hindi pun ada mengadap Raja Iskandar, duduk di atas kursi emas[21] bepermata. Seketika duduk, maka Nabi Khidir 'alayhissalam pun bangkit berdiri serta menyebut nama Allah Subhanahu wa Ta'ala dan mengucap salawat akan[22] Nabi Ibrahim Khalilull.ah dan akan segala nabi yang dahulu kala; syahadan membaca khutbah nikah akan Raja Iskandar dan disyaratkannya perkataan itu kepada Raja Kida Hindi. Demikian kata Nabi Khidir: "Ketahui olehmu, hei Raja Kida Hindi, bahawa raja kami inilah yang diserahkan Allah Ta'ala[23] segala kerajaan dunia ini kepadanya dari masyrik lagi maghrib, dari daksina ke paksina. Adapun sekarang bahawa dengarnya-[24] tuan hamba ada beranak perempuan terlalu amat baik parasnya; kehendaknya minta digemar[25] pada tuan hamba dan diambil Raja Kida Hindi kiranya ia akan menantu supaya berhubunglah segala anak cucu Raja Kida Hindi dengan anak cucu Raja Iskandar, jangan lagi berputusan kiranya hingga hari kiamat. Bagaimana? Kabulkah, atau tiadakah?

20 مغمبلغ (m-ng-wly-lng)

21 Wkerap menuntukan انس ("anis" [sebagai "mas" saha])

22 "akan" tiada dalam perumpan W

23 Sebenarnya tertulis "yang diserahkan *kepada* Allah Ta'ala" Besar kemungkinan penyalin telah tertambah "kepada"

24 [di] dengarnya. Lihat juga ■ (206, c11)

25 W(44): "dikasih"

Kata sahibul hikayat, tatkala didengar oleh Raja Kida Hindi kata Nabi Khidir demikian itu, maka ia pun segera turun dari atas kursinya berdiri di tanah, seraya ia menyembah pada Raja Iskandar dan berkata ia, "Bahawa diketahui[26] tuanku, ya Nabi Allah, dan segala tuan yang ada hadir, bahawa hamba ini dengan sanya pada Raja Iskandar, dan ketahuilah oleh segala tuan-tuan sekalian, dan anak hamba sekalian pun hamba ke bawah duli, bukan seperti sahayanya yang mengerjakan dia yang ada ini, bahawa Nabi Khidirlah akan wali hamba dan wali anak hamba perempuan yang bernama Tuan Puteri Syahrul Bariyah itu" [28] Apabila didengarnya Nabi Khidir kata Raja Kida Hindi demikian itu, maka berpalinglah ia mengadap kepada Raja Iskandar, "Bahawa sudahlah hamba kawinkan[29] anak Raja Kida Hindi yang bernama Tuan Puteri Syahrul Bariyah itu dengan Raja Iskandar, isi kawinnya tiga ratus ribu dinar atasnya[30] Radikah[31] tuan hamba?" Maka sahut Raja Iskandar, "Radilah hamba". Maka dikawinkan Nabi Khidirlah anak Raja Kida Hindi dengan Raja Iskandar atas syari'at Nabi Ibrahim KhalilulLah di hadapan segala mereka yang tersebut itu. Maka berbangkit segala raja-raja dan orang yang besar-besar dan segala perdana menteri dan segala hubalang[33] dan segala pendita dan ulama dan segala hukama {5} menaburkan emas dan perak dan permata dan ratna mutu manikam kepada kaki Raja Iskandar, maka tertimbunlah[33] segala emas dan[34] ratna mutu manikam itu di hadapan Raja Iskandar, seperti busut dua tiga timbunan. Maka sekalian arta itu disedekahkan akan segala fakir dan miskin.

Setelah hari malam, maka datanglah Raja Kida Hindi membawa

---

26 W "ketahui"

27 ها-ي "ha"

28 W "Ba hawa ketahui tuanku ya nabi Allah dan segala tuan yang ada hadhir ini bahawa hamba ini dengan sesungguhnya (hamba) pada Raja Iskandar, dan anak hamba sekalian pun hamba ke bawah duli, bukan seperti sahayanya yang mengerjakan dia (Ketahui olehmu hai segala tuan-tuan sekalian yang ada ini, bahawa Nabi Khidirlah akan wali hamba dan wali anak hamba perempuan yang bernama tuan puteri Syahrul Bariyah itu"

29 كهاون (k-a-w-i-n-k-a-n) Kerap juga selepas ini 'kahwin' ditulis "kahawin" (k-h-a-w-i-n)

30 W "mas"

31 راضيكه (r-a-d-[y]-k-h) Maksudnya "redakah" W "redilakah"

32 هبالغ (h-b-al-ng) Hulubalang

33 W "bertimbunlah"

34 W menambah "perak dan"

anaknya kepada Raja Iskandar dengan barang kuasanya, dengan pelbagai permata peninggal datuk neneknya, sekalian dikatakannya akan pegawai anaknya[35] Maka pada malam itu naik mempelailah Raja Iskandar, maka hairanlah hati Raja Iskandar melihat rupa Puteri Syahrul Bariyah itu, tiada dapat tersifatkan lagi. Pada keesokan harinya maka dipersalin oleh Raja Iskandar akan Tuan Puteri Syahrul Bariyah dengan selengkapnya pakaian kerajaan, dan dianugerahai[36] arta yang tiada terpermenai lagi banyaknya, dan Raja Iskandar pun menugerahai persalin akan segala raja-raja daripada pakaian yang mulia-mulia, sekalannya emas tertatahkan ratna mutu manikam, tiga buah perbendaharaan dibuka. Maka Raja Kida Hindi pun dianugerahai persalin, atus[37]buah cembul emas berisi permata dan ratna mutu manikam yang mulia-mulia, dan dianugerahai seratus ekor kuda yang khas dengan segala alatnya daripada emas bertatahkan ratna mutu manikam. Maka hairanlah segala hati yang memandang dia.

Kemudian dari itu, maka berhentilah Raja Iskandar di sana sepuluh hari. Setelah datang kepada sebelas harinya maka berangkatlah Raja Iskandar seperti adat dahulu kala, dan Tuan Puteri, anak Raja Kida Hindi pun dibawa baginda. Maka Raja Iskandar pun berjalanlah lalu ke matahari hidup, seperti yang tersebut di dalam *Hikayat* yang termasyhur itu. Hatta berapa lamanya, Raja Iskandar pun kembalilah daripada melihat matahari hidup, maka singga[37b] baginda pada negeri Hindi maka Raja Kida Hindi pun keluar mengadap Raja Iskandar dengan segala persembahannya, daripada tuhfat yang muha-mulia dan segala permata[38] benda yang ajaib. Maka Raja Kida Hindi berdatang sembah pada Raja Iskandar akan peri hal dendamnya dan berahinya akan tapak Khidir[39] Raja Iskandar tiada dapat dikatakan lagi, syahadan peri rindu dendamnya akan anaknya Tuan Puteri Syahrul Bariyah, dan dipohonkannyalah anaknya ke bawah duli Raja Iskandar.

---

35 W "sakalannya itu dikenakannya akan pegawai anaknya"

36 دانكرهاى (d-a-n-g-r-h-a-y) W "dianugerahi" Dalam naskhah Raja Bongsu ini perkataan "anugerah" kerap ditulis "anugeraha" dan "anugerahai" Kalangkala ia juga ditulis "nugrah/nugerah" dan "nugraha/nugeraha"

37 W "seratus"

37b سڤك Kependekan lagi "sehingga" W "singgah"

38 فرمات W "mata"

39 خضير (kh-y-d-r) W "hadhrat" Barangkali penulis atau penyalin naskhah ini berhasrat menulis "hadrat"

40 Boleh juga dibaca "kali"

Arakian maka dinugrahakan Raja Iskandarlah Puteri Syahrul Bariyah kepada ayahnya. Raja Kida Hindi, maka dinugrahai Raja Iskandar akan Tuan Puteri Syahrul Bariyah persalin seratus kala[40] dan dinugerahai arta daripada emas dan perak [6] dan ratna mutu manikam dan daripada permata benda yang indah-indah, tada terhisabkan banyaknya lagi. Maka Raja Kida Hindi pun menjunjung duli Raja Iskandar, maka dipersalini baginda pula seratus kala daripada pakaian baginda sendiri. Setelah itu maka dipalu oranglah genderang berangkat, dinup oranglah nafiri, alamat Raja Iskandar berangkat dari sana, seperti dahulu kala, kasadnya hendak menaklukkan segala raja-raja yang belum takluk kepadanya seperti yang termazkur itu. WalLahu a'lam bissawab wailayhil marji'u walmaab.

Adapun diceriterakan oleh empunya cerita bahawa Puteri Syahrul Bariyah, anak Raja Kida Hindi itu, telah hamillah ia dengan Raja Iskandar, tetapi Raja Iskandar tada tahu akan isterinya hamil, dan Tuan Puteri Syahrul Bariyah pun tada tahu akan dirinya bunting itu. Setelah sebulan lamanya Tuan Puteri Syahrul Bariyah kembali kepada ayahnya Raja Kida Hindi, maka baharulah ia tahu akan dirinya bunting dengan Raja Iskandar, sebab dirasanya dirinya tiada haid. Maka Tuan Puteri Syahrul Bariyah pun memberi tahu ayahnya Raja Kida Hindi, katanya, "Ketahui oleh ayahanda, bahawa hamba dua bulanlah sekarang tiada haid". Setelah Raja Kida Hindi menengar kata anaknya itu, maka Raja Kida Hindi terlalu amat sukacita oleh sebab anaknya bunting dengan Raja Iskandar, maka dipeliharakan sepertinya. Setelah genaplah bulannya, maka Tuan Puteri Syahrul Bariyah pun beranaklah seorang laki-laki, maka oleh Raja Kida Hindi akan cucunya itu dinamai Raja Arisytun Syah Waladulmulukilmukarram, terlalulah sangat dikasih oleh Raja Kida Hindi. Hatta berapa lamanya, Arisytun Syah pun besarlah, terlalu amat baik rupanya, tersalin[41] akan rupanya ayahnya Raja Iskandar Zulqarnain. Maka oleh Raja Kida Hindi dipinangkannya kepada anak raja Turkistan. Maka Raja Arisytun Syah beranak seorang laki-laki, dinamai Raja Aftus.[42]

Setelah sudah empat puluh lima tahun lamanya Raja Iskandar sudah kembali ke negeri Makadumah, maka Raja Kida Hindi kembalilah ke rahmatuLah. Maka cucunda baginda Raja Arisytun Syah kerajaan dalam negeri Hindi, menggantikan kerajaan nenenda baginda, umur baginda di atas kerajaan tiga ratus lima puluh lima tahun, maka Raja Arisytun [7]

41 Tiada dalam W

42 افطوس (a f-z w-s) W "Aftus"

Syah pun berpindahlah dari negeri yang lima ke negeri yang baqa. Maka anakanda Raja Aftushh naik raja dalam negeri Hindi, umur baginda di atas kerajaan seratus dua puluh tahun. Setelah sudah baginda hilang, maka Raja Askamat namanya naik raja, umur baginda di atas kerajaan tiga tahun. Setelah sudah baginda hilang, maka Raja Kasdas namanya naik raja; umur baginda di atas kerajaan dua belas tahun. Setelah sudah baginda hilang, maka adindanya Raja Antabus namanya naik raja, umur baginda di atas kerajaan tiga belas tahun. Setelah sudah baginda hilang, maka Raja Harwa Asykaman pula naik raja; umur baginda di atas kerajaan tiga puluh tahun. Setelah sudah baginda hilang, maka Raja Ahad Asykamat pula naik raja, umur baginda di atas kerajaan sembilan tahun. Setelah sudah baginda hilang, maka Raja Kudraz Kuhan, anak Raja Antabus pula naik raja, umur baginda di atas kerajaan tujuh puluh tahun. Setelah sudah baginda hilang, maka Raja Nikabus namanya naik raja, umur baginda di atas kerajaan empat puluh tahun.

Kemudian daripada itu maka Raja Ardasirbikan, anak Raja Kudraz Kuhan pula naik raja, maka baginda berasterikan anak Raja Nusyirwan Adil raja masyrik maghrib. Maka Raja Ardasirbikan beranak dengan tuan puteri anak Raja Nusyirwan itu seorang laki-laki bernama Raja Darmanus. Setelah sudah genaplah umur baginda seratus tahun, maka baginda pun hilanglah. Maka anak raja baginda bernama Raja Darianus naik raja; umur baginda di atas kerajaan sembilan puluh tahun. Setelah sudah baginda hilang, maka Raja Kastah namanya naik raja; umur baginda di atas kerajaan empat bulan. Setelah sudah baginda hilang, maka Raja Ramji namanya naik raja, umur baginda di atas kerajaan dua puluh tahun sembilan bulan. Setelah sudah baginda hilang, maka Raja Syah Iursi namanya naik raja, baginda itu anak Raja Darmanus, umur baginda di atas kerajaan delapan puluh tahun. Setelah sudah baginda hilang, maka Raja Ij namanya naik raja, umur baginda di atas kerajaan tujuh puluh tahun. Setelah sudah baginda maka Raja Ijaz namanya naik Raja, umur baginda di atas kerajaan sepuluh tahun. Setelah sudah [8] baginda hilang, maka Raja Uzmaz namanya, anak Raja Syah Iursi namanya naik raja; adapun umur baginda di atas kerajaan seratus dua puluh enam tahun. Kemudian dari itu maka Raja Yazdigird namanya naik raja, adapun umur baginda di atas kerajaan enam puluh dua tahun empat bulan. Setelah sudah baginda hilang, maka Raja Kupikudar pula naik raja, adapun umur baginda di atas kerajaan enam puluh tiga tahun. Kemudian dari itu, maka Raja Iursi Biradaras namanya, anak raja Ramanad, cucu Raja Syah Iursi, cicit Raja Darianus, piut kepada Raja Ardasirbikan, anak Raja Kubra,

Kuhan, cucu Raja Amtabus, cicit Raja Sabur, piut Raja Amtabus, anak Raja Arisytun Syah, anak Raja Iskandar Zulqarnain naik raja.

Tursi Biradaras pun bersetekan anak Raja Angdan Nagara. Maka baginda pun beranak dua orang laki-laki. Kudar Syah Jahan seorang namanya, Raja Suran Fad Syah seorang namanya, keduanya terlalu baik parasnya. *WalLahu a'lam bissawab wallahul marji'u walmaab.*

2

ALQISAH

Maka[40] pe[illegible]taan a[illegible]da sh nagari di benua Keling, Nusantaranan ya. Raja Syulana adanya. Kata sehingah riwayat bahawa Raja Syulan itu daripada anak cucu Raja Nusyirwan Adil, anak Raja Qubad Syahriar, raja masyrik maghrib, melainkan Allah Subhanahu wa Ta'ala juga yang mengetahui dia. Tetapi akan Raja Nusyirwan itu raja besar, segala raja-raja Sindi dan Hindi sekalannya takluk kepada bagindo, segala raja-raja yang di bawah angin sekalannya takluk kepada bagindo.

Sekali persetua, Raja Syulan menyuruh menghimpunkan segala bala tentaranya yang tiada tepermenai itu. Maka segala raja-raja daripada segala pihak negeri pun berkampunglah dengan segala rakyatnya tiada terhisabkan banyaknya, dengan alat peperangan syahadan musta'id dengan senjatanya. Setelah sudah lengkap, maka Raja Syulan pun berangkatlah, kasadnya hendak menaklukkan segala negeri masyrik ke maghrib. Maka segala rakyat yang tiada tepermenai pun berjalanlah. Maka segala hutan dan imba pun habis menjadi padang, segala tanah yang tinggi pun menjadi rata, batu habis berpelantingan daripada kebanyakan rakyat berjalan itu. Maka segala negeri yang bertemu dengan Raja [9] Syulan [itu habis dialahkannya. Maka Raja Syulan][43] pun sampailah kepada sebuah negeri, Gangga Syah Nagara namanya, Raja Inggi Syah nama rajanya. Adapun negeri itu di atas bukit, dipandang daripada hadapan, terlalu amat tinggi; dari belakang, rendah juga, ada sekaung kotanya, dan di Dinding, ke sana[44] Perak sedikit.

Setelah sudah Raja Inggi Syah Johan menengar khabar Raja Syulan datang, maka bagindo pun menyuruh menghimpunkan segala rakyatnya dan menyuruh menutup pintu kota, parit isinya air, bangun-bangunan pun disuruhnya tunggui. Maka segala rakyat Raja Syulan pun datanglah mengepung kota Raja Inggi Syah Johan, maka dilawan perang oleh segala[45] Setelah dilihat oleh Raja Syulan, maka ia segera tampil menaiki

40 Tambahan oleh W yang diambil daripada edisi Shellabear.

41 Dituis "ke syana".

42 Dengan mengambilnya daripada edisi Shellabear. Rangkuman dari sini, W, perubah[illegible] datang yang di atas kota itu. Maka segala rakyat Raja Syulan pun tiada boleh tagak[illegible]

gajah meta. Maka beberapa dinkan dan dipanah orang dari atas kota. tiada dikhabarkannya, tampil juga ia menghampiri pintu kota Gangga Nagara, lalu dipalunya dengan cokmarnya, maka pintu kota Gangga Nagara itu pun roboh. Maka Syulan pun masuklah ke dalam kota Gangga Nagara dengan-dengan[46] segala hulubalangnya. Setelah sudah Raja Linggi Syah Johan melihat Raja Syulan datang, Raja Linggi Syah Johan pun berdiri memegang panahnya, maka segera dipanahnya, kena gumba gajah Raja Syulan, jatuh terjerumus[47] Maka Raja Syulan pun segera melompat sambil mengunus pada pedangnya lalu diparangkannya kepada Raja Linggi Syah Johan, kena lehernya lalu putus kepalanya terpelanting ke tanah, maka Raja Linggi Syah Johan pun matilah. Segala rakyat Gangga Nagara melihat Raja, yakni rajanya, mati, maka segala rakyat Raja Linggi Syah Johan pun meninggal.[48]

Setelah negeri Gangga Nagara sudah alah, maka Raja Syulan pun berjalanlah dari sana. Setelah berapa lamanya di jalan, datanglah hingga sarhad negeri Lenggui, dahulu kala negeri itu negeri besar, kotanya batu hitam lada, datang sekarang lagi ada kota itu. Adapun asal namanya Gelanggui, ertinya perbendaharaan permata, karena kita tiada tahu menyebut dia, menjadi "Lenggui" Adapun nama rajanya Raja Culin,[49] akan bagında itu raja besar, segala raja-raja di bawah angin itu sekaliannya dalam hukumnya.

Setelah sudah Raja Culin mendengar Raja Syulan datang, maka Raja Culin pun menyuruh menghimpunkan segala rakyatnya dan menyuruh memanggil segala raja-raja yang takluk kepadanya. Setelah terkapunglah[50] sekaliannya, maka [10] Raja Culin pun berangkatlah mengeluari Raja Syulan, rupa rakyatnya seperti laut yang pasang penuh,

---

46 "dengan" ditulis duakali. Ini mungkin satu kesilapan dan mungkin juga tidak.

47 Dieja ترجروملس (terjerumusy).

48 منفكل Mungkin juga bacaan yang sebenar ialah "menunggil" yang bermaksud lari lintang-pukang.

49 Di sini dieja جولن (c-w-l-n) tetapi selepas itu dieja جولين (c-w-l-y-n).

50 تركفغله (t-r-k-p-ng-lh) Terkapunglah W 149 berkampung M 1207 c 208, berpendapat penyalin naskhah ini kelirukan antara "kampung" dengan "kepung" Saya berpendapat bunyi sebenar كفغ (k-p-ng) di sini ialah "kapung" iaitu satu cara lain menyebut "kampung" di kalangan sesetengah golongan orang Melayu, khususnya di pantai timur dan utara Semenanjung. Terdapat banyak contoh di dalam naskhah ini perkataan dieja menurut loghat sebutan pantai timur.

rupa gajah kuda seperti pulo[51] rupanya tunggul dan panji panji seperti utan, rupanya sejatanya berlapis-lapis, cemara tombaknya seperti bunga lalang. Sekira-kira empat keruh hum jauhnya berjalan, maka bertemulah dengan rakyat Raja Syulan, lalu berparang, tiada sangka bunyinya lagi bunyi, segala yang bergajah berjuangkan gajahnya, dan segala yang berkuda bergigitkan kudanya, dan segala yang memegang panah berpetikkan padanya, dan segala memegang lembing bertikamkan lembingnya, dan segala yang tidak, bertikamkan tombaknya[52], dan segala yang memegang pedang bertetakkan pedangnya. Maka rupa segala senjatanya seperti ujan yang lebat, jikalau guruh di langit sekalipun tiada akan kedengaran daripada sangat tempik soraknya segala hulubalang, dan gemereneng bunyi segala senjatanya juga kedengaran. Maka lebu duli pun berbangkit ke udara, siang cuaca menjadi kelam kabut seperti gerhana matahari. Maka segala orang yang berparang itu pun menjadi campur-baurlah, tiada berkenalan lagi. Beberapa yang mengamuk diamuk orang pula, ada yang bertikam pada temannya sendiri.

Setelah sudah segala orang daripada kedua pihak tentera itu banyak mati dan gajah kuda pun banyak mati, darah pun banyak terhampar di bumi, maka lebu duli itu pun hilanglah, maka kelihatanlah orang beramuk-amukan terlalu ramai, sama tiada undur lagi. Maka Raja Culin pun menampilkan gajahnya menempuh di dalam rakyat Raja Syulan yang tiada tepermenai itu: barang di mana ditempuhnya, bangkai bertimbun-timbun. Maka segala rakyat Keling pun banyaklah mati, lalu undur. Setelah dilihat oleh Raja Syulan, maka Raja Syulan pun segera tampil mengucap seru Raja Culin[53] Adapun kenaikan Raja Syulan gajah tunggal lagi dulapan hasta tingginya, tetapi gajah Raja Culin terlalu beram. Maka bertemulah kedua gajah itu lalu berjuang, maka bunyi kedua gajah itu seperti bunyi halintar[54] membelah bukit, dan bunyi gading kedua gajah itu seperti bunyi petir yang tiada berputusan. Maka kedua gajah itu pun tiada beralahan. Maka Raja Culin berdiri di atas gajahnya memimang lembingnya, lalu ditikamkannya kepada Raja Syulan, kena baluhan gajah

51 قول (p-w-l) pulau. Lagi satu contoh penggunaan menurut sebutan logat pantai timur Semenanjung. Lihat halaman 240.

52 W "dan segala yang bertombak bertikamkan tombaknya"

53 W (50) "setelah dilihat oleh Raja Syulan, maka segera ia tampil mengusir Raja Culin". Selain daripada beberapa kesilapan lain, W telah membuka "mengucap seru" sebagai "mengusir". Lihat juga penggunaan B (208 a 22) tentang perkara ini.

54 هلنتر (h-l-n-t-r). W "halilintar"

Raja Syulan, sejengkal panjangnya ke sebelah. Maka oleh Raja Syulan segera diparangnya Raja [ ] Culin, kena dadanya terus, lalu jatuh dari atas gajahnya lalu mati.

Setelah segala rakyat Raja Culin melihat rajanya mati, maka segala rakyat Raja Culin pun habis pecahlah, lari cerai, maka diikutnya oleh segala rakyat Keling, barang yang dapat habis dibunuhnya. Maka segala rakyat Keling pun masuklah ke dalam kota Gelanggui lalu merampas, tiada terkira-kira lagi banyaknya beroleh rampasan. Maka ada seorang anak Raja Culin, ialah seorang perempuan, Tuan Puteri Onangkiu[55] namanya, terlalu amat baik parasnya, dipersembahkan orang kepada Raja Syulan; maka diambil baginda akan isteri. Setelah itu, maka Raja Syulan pun kembalilah dengan kemenangannya.

Setelah ia sampai ke benua Keling, maka Raja Syulan berbuat sebuah negeri terlalu besar, kotanya daripada batu hitam, tujuh depa tebalnya, tingginya sembilan depa, daripada pandai segala utus yang berbuat dia itu tiadalah kelihatan rupanya[56] lagi, rupanya seperti dituang, pintunya daripada emas melela, bertatahkan emas bepermata. Bermula peri luasnya kota itu, tujuh buah gunung di dalamnya, syahadan maka pada sama tengah negeri itu ada sebuah tasik terlalu luas, seperti laut rupanya, jikalau gajah berdiri di seberang sana, tiada kelihatan dari seberang sini; maka serba ikan dilepaskannya. Dalam tengah tasik itu ada pulau terlalu tinggi, senantiasa berasap seperti disaput embun rupanya; maka dari atas pulau itu ditanamnya pelbagai kayu-kayuan, dan segala bunga-bungaan dan segala buah-buahan[57] yang di dalam dunia ini adalah di sana; apabila Raja Syulan hendak beramai-ramaian, ke sanalah ia pergi. Maka di tepi tasik itu diperbuatnya pula sebuah[58] hutan terlalu besar, maka dilepasnya segala binatang liar; dan apabila Raja Syulan hendak berbuat ratau[59] menjerat gajah, pada hutan itulah ia pergi. Setelah sudahlah negeri itu, maka dinamai Raja Syulan, Bija Nagara, sekarang pun ada lagi negeri itu di benua Keling. Adapun kisah Raja Syulan itu jikalau dihikayatkan semuanya seperti **Hikayat Hamzah**-lah tebalnya hikayat ini[60].

Hatta berapa lamanya, maka Raja Syulan itu pun beranak dengan Tuan Puteri Onangkiu, anak Raja Culin, seorang perempuan terlalu baik

---

55 W "Onang Kiu"

56 W "rupanya"

57 W "... segala buah-buahan dan segala bunga-bungaan"

58 W "suatu"

59 berbuat rantau. Lihat juga B (208, c 26); W "berbuat ratau"

60 W "itu"

parasnya, pada zaman itu tadalah sebagunya seorang pun, maka dinamai oleh ayahanda baginda Tuan Puteri [12] Candani Wasis. Setelah ia besar, maka diptnang oleh Raja Iursi Bardabras[61] akan anak baginda yang bernama Raja Suran Fad Syah. Maka dikabulkannya oleh Raja Syufan. Maka Raja Suran Fad Syah pun kahawinlah dengan Tuan Puteri Candani Wasis. Beberapa lamanya, maka Raja Sutan Fad Syah duduk dengan Tuan Puteri Candani Wasis, beranak tiga orang laki-laki. Raja Jiran seorang namanya, ialah kerajaan negeri Canderagiri Nagara seorang laki-laki. Raja Culan namanya, diambil oleh neneknya Sutan Raja, seorang Raja Pandayan namanya, ialah kerajaan negeri negeri[62] Nagapatnam.

Setelah berapa lamanya, maka Raja Syufan pun hilanglah. Maka cucunda baginda, Raja Culanlah kerajaan menggantikan nenenda baginda di negeri Bija Nagara, terlalulah besar kerajaannya, lebih pula daripada nenenda baginda, segala negeri Hindi dan Sindi sekaliannya dalam hukum baginda, segala raja masyrik maghrib semuanya takluk kepada baginda itu melainkan negeri Cina juga yang tiada takluk kepada baginda Raja Culan. Maka Raja Culan pun berkira-kira hendak menyerang negeri Cina. Maka baginda menyuruhkan orang menghimpunkan segala bala tenteranya, maka segala rakyatnya pun berhimpunlah daripada segala pihak negeri, tiada tepermenai lagi banyaknya. Maka segala rajaraja takluk kepada Raja Culan pun sekaliannya datang dengan segala rakyatnya sekali, seribu dua ratus banyaknya raja-raja itu.

Setelah sekaliannya sudah kapung, maka Raja Culan pun berangkatlah hendak menyerang benua Cina, daripada kebanyakan rakyat berjalan itu, segala hutan belantara pun habis menjadi padang, bumi pun bergentar seperti gempa, gunung pun bergerak runtuh kemuncaknya, maka segala bukit yang tinggi-tinggi itu pun habis menjadi rata, segala sungai yang besar-besar pun menjadi kering jadi darat. Maka pada enam bulan perjalanan rakyat berjalan itu tiada berputusan lagi; jikalau pada malam yang gelap pun menjadi seperti terang bulan purnama pada ketika cuaca daripada kebanyakan kilat cahaya segala senjata, jikalau halintar di langit sekalipun tiada akan kedengaran daripada kesangatan bunyi tempik segala hulubalang. Setelah beberapa[63] lamanya di jalan, sampailah ke Temasik.

Maka kedengaranlah khabarnya ke benua Cina mengatakan, "Raja Culan datang menyerang kita, membawa rakyat yang tiada tepermenai,

61 ترشی برادراس (Tirsy bradras) W S I: "Natsi biradarash"

62 W: hanya satu "negeri"

63 Di banyak tempat, hanya "berapa" digunakan

sekarang sudah ia di Temasik'Maka Raja Cina pun terlalu haibat menengar |13| khabar itu, maka titah Raja Cina kepada segala menterinya dan pada segala pegawanya,[64] "Apa bicara kamu sekalian pada menolakkan bala ini! Karena jikalau sampai raja Keling itu ke mari nescaya binasalah benua Cina ini". Maka sembah Perdana Menteri Cina, "Ya tuanku Syah Alam, yang diperhambalah membicara akan[65] dia". Maka titah Raja Cina, "Bicarakanlah oleh kamu"Maka Perdana Menteri pun menyuruh melengkapi sebuah pilau,[66] maka disinya dengan jarum seni-seni, karat[67], diambilnya pohon kesmak dan pohon bidara dan segala buah-buahan yang sudah berbuah ditanamnya di atas pilau itu, dan dipilihnya segala orang yang tuha-tuha yang sudah habis[68] tanggal giginya, disuruhnya naik pilau itu, maka dipesannya oleh Perdana Menteri itu disuruhnya berlayar ke Temasik.[69]

Setelah datang ke Temasik maka dipersembahkan oranglah kepada Raja Culan, "Ada sebuah perahu datang dari Cina". Maka titah Raja Culan pada orangnya, "Pergi engkau tanya pada Cina itu, berapa jauhnya negeri Cina itu dari sini" Maka orang itu pun pergilah bertanya pada orang pilau itu. Maka sahut Cina itu, "Tatkala keluar dari benua Cina, sekalian kami mudamuda belaka, baharu dua belas tahun umur kami dan segala buah-buahan ini pun bijinya kami tanam. Sekarang kami pun tuhalah, gigi kami pun habislah tanggal, segala buah-buahan yang kami tanam ini pun habislah berbuah, baharulah kami sampai ke mari". Maka diambilnya jarum ada berapa bilah, ditunjukkannya kepada Keling itu, katanya, "Besi ini, sedang kami bawa dari benua Cina seperti lengan besarnya, sekarang besi ini pun habislah haus. Demikianlah peri lama kami di jalan, tiadalah kami tahu akan bilang tahunnya"Setelah Keling itu menengar kata Cina itu, maka ia pun segera kembali memberi tahu Raja Culan. Maka segala kata yang didengarnya itu semunya dipersembahkannya kepada Raja Culan. Setelah Raja Culan menengar

64. pegawainya
65. W "membicarakan"
66. W:"pilu"
67. Dieja كارت (ka-r-t) sama seperti ejaan untuk "karena"Ini barangkali kesalahan penyalin W menurunkannya menjadi "jarum seni-seni yang berkarat"
68. "Habis" tiada dalam W
69. Naskhah RB (hlm 13a "segala orang yag tuhatuhu yang sudah habis tanggal giginya disuruhnya berlayar ke Temasik setelah datang ke Temasik naik pilau itu maka dipesannya oleh Perdana Menteri itu disuruhnya berlayar ke Temasik" Nyatalah telah berlaku kesilapan menulis atau menyalin

sembah orang itu, maka titah Raja Culan, "Jikalau seperti kata Cina itu, terlalu amat jauh benua Cina itu. Mana kala kita sampai ke sana? Baik kita kembali". Maka sembah segala hulubalang itu, "Benarlah seperti titah Seri Maharaja itu".

Maka Raja Culan pun fikir pada hatinya, "Bahawa segala isi darat telah kuketahuilah; segala isi [14] laut bagaimana gerangan rupanya? Jika demikian, baik aku masuk ke dalam laut, supaya kuketahui betapa halnya". Setelah demikian fikir Raja Culan, maka baginda pun menyuruh menghimpunkan segala pandai dan utus[70], maka dititahkan baginda berbuat peti, sebuah kaca berkunci dan berpesawat dari dalam. Maka diperbuatnyalah oleh segala utus dan pandai itu sebuah peti kaca seperti kehendak hati Raja Culan itu, syahadan diberinya berantai emas. Setelah sudah, maka dibawanyalah kepada Raja Culan. Maka terlalu sukacita hati Raja Culan melihat perbuatan peti itu, maka baginda pun memberi anugerah[71] akan segala hakim dan utus itu, tiada lagi terkira-kira. Maka Raja Culan pun masuklah ke dalam peti itu, maka segala yang di luar itu semuanya habis kelihatan, maka dikuncikan baginda pintunya dari dalam. Maka diulurkan oranglah ke dalam laut, maka peti itu pun tenggelamlah. Maka Raja Culan pun termasa[72] melihat dari dalam peti itu pelbagai kekayaan Allah Subhanahu wa Ta'ala. Maka-maka dengan takdir Allah Ta'ala maka peti Raja Culan pun jatuh ke bawah bumi yang bernama Dika.

Maka Raja Culan pun keluarlah dari dalam peti itu lalu berjalan melihat segala yang indah-indah. Maka baginda pun bertemu dengan sebuah negeri di laut dengan baik tarahannya[73], terlalu besar lagi dengan teguhnya. Maka Raja Culan pun masuklah ke dalam negeri itu, suatu kaum Bursam, terlalu amat banyak, tiada siapa yang mengetahui bilangannya melainkan Allah Subhanahu wa Ta'ala juga yang mengetahui bilangannya, tetapi mereka itu setengah kafir dan setengah Islam. Setelah segala orang dalam negeri itu memandang rupa Raja Culan, maka ia pun terlalu amat hairan, syahadan[74] dan takjub memandang pakaiannya. Maka oleh orang dalam negeri itu akan Raja Culan itu dibawanya kepada

---

70 W(52) "utas".

71 Pertamakali perkataan ini deja نكر ("an-gr-h"). Sebelum ini ia deja نكر ("ngr-ha").

72 ترماس

73 ... di laut dengan baik tarahannya" tiada dalam ...

74 "dan" tiada dalam W.

rajanya. Adapun akan raja mereka itu Raja Fatabul-Ard[75] namanya rajanya.

Setelah raja itu melihat rupa Raja Culan, maka ia bertanya pada orang di bawahnya, "Orang mana ini?" Maka sembah orang itu, "Ya[76] itu, tuanku, baharu datang orang ini. Dari mana datangnya, kami sekalannya tiada tahu". Maka Raja Fatabul-Ard pun bertanya kepada Raja Culan, "Orang mana kamu ini, dan dari mana datang kamu ke mari ini?" Maka sahut Raja Culan, "Adapun hamba ini datang dari dalam dunia; hambalah raja segala manusia, nama hamba Raja Culan". Maka Raja Fatabul-Ard pun terlalu amat hairan menengar kata Raja Culan itu, maka [15] katanya, "Adakah dunia lain daripada dunia kami ini?" Maka sahut Raja Culan, "Bahawa alam ini terlalu amat banyak, pelbagai jenis banyaknya dalamnya".[77] Setelah Raja Fatabul-Ard menengar kata Raja Culan demikian itu, maka terlagi amat takjub seraya mengucap, "SubhanalLahul malikul-Jabbar". Maka oleh Raja Fatabul-Ard akan Raja Culan dibawanya naik duduk di atas takhta kerajaan.

Adapun Raja Fatabul-Ard itu ada beranak seorang perempuan, namanya Tuan Puteri Mahtabul-Bahri, terlalu baik parasnya. Maka oleh Raja Fatabul-Ard akan Raja Culan itu dudukkan baginda dengan anakanda baginda Tuan Puteri Mahtabul-Bahri. Setelah tiga tahun lamanya Raja Culan duduk dengan Tuan Puteri Mahtabul-Bahri, maka baginda pun beranak tiga orang laki-laki. Setelah Raja Culan melihat anaknya tiga orang itu maka baginda pun terlalu masyghul, katanya, "Apa kesudahan anakku dian[78] di bawah bun[78] ini? Syahadan apa ada bagai[78] membawa dia keluar?" Maka Raja Culan pun pergi kepada Raja Fatabul-Ard, maka kata Raja Culan kepada Raja Fatabul-Ard, "Adapun[79] jikalau anak hamba ini besar, hendaklah tuan hamba hantarkan ke dunia supaya lekat kerajaan Raja Iskandar Zulqarnain itu jangan berputusan selama-lamanya". Maka sahut Raja Fatabul-Ard, "Baiklah".

Hatta maka Raja Culan pun mohonlah kepada Raja Fatabul-Ard hendak keluar ke dunia. Maka baginda pun bertangis-tangisan dengan isterinya Tuan Puteri Mahtabul-Bahri. Setelah sudah itu maka Raja Fatabul-Ard menyuruh mengambil seekor kuda semberani yang jantan, Farasul-

75. W (5) "Aftabu'l Ard"
76. W "Ya-ala"
77. W "pelbagai jenis dalamnya"
78. Mungkin juga "dibagai". W "dayaku"
79. "kepada Raja Fatabul-Ard, "Adapun" tiada dalam W

Bahri namanya, maka diberikannya kepada Raja Culan. Maka naik Raja Culan ke atas kuda itu, maka oleh kuda itu dibawanyalah Raja Culan itu keluar dari dalam laut, lalu terbang ke udara. Maka kuda itu pun berjalanlah di tengah laut itu.

Setelah dilihat oleh segala rakyat Raja Culan itu bahawa yang di atas kuda semberani itu ialah Raja Culan, maka ambilnya oleh menteri Raja Culan seekor kuda betina yang baik maka dibawanya ke tepi pantai Banturas.[80] Setelah kuda semberani Farsul-Bahri itu melihat kuda betina, maka ia pun naik ke darat, mendekati kuda betina itu, turunlah Raja Culan dari atas kuda itu ke darat. Maka kuda semberani itu pun kembalilah ke dalam laut pulau. Maka titah Raja Culan pada segala hakim dan utus, "Hendaklah kamu ini sekaliannya peri perbuatkan aku suatu alamat akan tanda kita masuk ke dalam laut ini [16] ini kehendak hatiku, perbuatan kekal sehingga hari kiamat, dan kamu suratkan segala hikayat kita ini supaya diketahuinya dan didengarnya oleh segala anak cucu kita yang kemudian". Segala hakim dan utus menengar titah Raja Culan, maka dibelahnya oleh segala utus suatu batu, maka disuratnyalah oleh segala mereka itu dengan bahasa Hindustan. Setelah sudah, maka disuruh oleh Raja Culan masukkan berapa arta daripada emas dan perak syahadan permata dan ratna mutu manikam dan segala mata benda yang ajaib-ajaib. Maka titah Raja Culan, "Akhir zaman kelak ada seorang raja daripada anak cucuku, ialah beroleh arta ini, dan raja itulah kelak menaklukkan segala negeri yang di bawah angin ini".

Setelah itu maka Raja Culan pun kembalilah ke benua Keling. Setelah ke negeri Bija Nagara, maka baginda beristerikan anak Raja Kudar Syah Jahan, anak Raja Tursi Biradarasy, raja negeri Hindustan. Maka Raja Culan pun kembalilah ke benua Keling. Setelah datang ke negeri Bija Nagara, maka ia beranak seorang laki-laki, maka dinamai baginda Adiraja Rama Mudahar. Maka Raja Culan pun hilanglah. Maka anakanda baginda Adiraja Rama Mudahartah naik raja di negeri Bija Nagara menggantikan kerajaan ayahanda baginda, datang sekarang daripada anak cucu baginda Adiraja Rama Mudahar juga yang kerajaan Bija Nagara itu. *WalLahu a'lam bisssawab wailayhil marji'u walmaab.*

3

ALQISAH

Maka tersebutlah perkataan ada sebuah negeri di tanah Andalas, Palembang namanya. Demang Lebar Daun nama rajanya, asalnya daripada anak cucu Raja Syulan juga. Muara Tatang nama sungainya. Maka di hulu Muara Tatang itu ada sebuah sungai. Melayu namanya. Dalam sungai itu ada sebuah bukit. Si Guntang Mahameru namanya. Maka ada dua orang perempuan balu di sana. Wan[81] Empuk dan Wan Malini namanya, keduanya berhuma di Bukit Si Guntang itu, terlalulah luas humanya itu, syahadan terlalulah jadi padinya, tiada dapat terkatakan lagi. Setelah terhampirlah masak padinya itu, maka pada satu malam maka dilihatnya oleh Wan Empuk dan Wan Malini di rumahnya di atas Bukit Si Guntang itu bernyala[82] seperti api. Maka kata Wan Empuk dan Wan Malini, "Cahaya apa gerangan itu bernyala? Takut pula serasa melihat dia". Maka kata Wan Malini, "Jangan kita, kalau gemala naga besar [17] itu".[83] [Wan] Empuk dan Wan Malini pun diamlah dengan takutnya lagi keduanya tidur.

Setelah hari siang, maka Wan Malini[84] pun bangun daripada tidurnya lalu membasuh muka. Maka kata Wan Empuk kepada Wan Malini, "Mari kita lihat apa yang bernyala cahaya semalam itu". Maka kata Wan Malini, "Marilah". Maka keduanya pun naiklah ke atas Bukit Si Guntang itu, maka dilihatnya padinya berbuahkan emas dan berdaunkan perak dan berbatangkan tembaga suasa. Maka Wan Empuk dan Wan Malini pun melihat hal padinya itu, maka katanya, "Inilah yang kita lihat semalam itu". Maka ia pun berjalan ke Bukit Si Guntang itu, maka dilihatnya tanah nagara bukit itu pun menjadi emas. Pada suatu cerita, "Jatang sekarang pun tanah nagara bukit itu seperti warna emas rupanya".

Maka dilihatnya oleh Wan Empuk dan Wan Malini di atas tanah itu menjadi emas itu tiga orang manusia muda-muda, terlalu baik parasnya;

81. Ejaan sebenar ialah أوا (Awan) atau "Awan/Ewan Empuk dan A'Wan/Iwan Malini".
82. بريالة (b-n y a l h) W(54) "bernyalalah".
83. W(55) "Jangan kita (ngar-ngar) kalau gemala naga besar gerangan itu".
84. Penggunaan "lagi" untuk "lalu" ini kerap terdapat dalam naskhah RB ini. W sering mengubah "lagi" menjadi "lalu".
85. W "maka (Wan Empuk dan) Wan Malini".

ketiganya memakai pakaian kerajaan dan memakai makota yang bertatahkan ratna mutu manikam, ketiganya duduk di atas gajah putih. Maka Wan Empuk dan Wan Malini pun hairan tercengang syahadan dengan takjubnya melihat rupa orang muda terlalu amat baik parasnya dan sikapnya, syahadan pakaiannya pun terlalu amat indah-indah; maka pada hatinya, "Sebab orang muda-muda tiga orang ini gerang padi kita ini berbuahkan emas berdaunkan perak dan berbatangkan tembaga suasa dan tanah bukit itu pun menjadi emas". Maka Wan Empuk dan Wan Malini betanya pada orang muda-muda[86] tiga orang itu, "Tuan hamba dari mana datang? Anak jinkah tuan hamba, atau anak perikah tuan hamba? Karena kami pun lamalah di sini, tiada kami melihat seorang pun, manusia tiada datang ke mari, baharulah pada hari ini kami melihat tuan".[87] Maka sahut orang muda-muda tiga orang itu, "Adapun kami ini bukan daripada bangsa jin dan peri. Bahawa kami daripada anak cucu Iskandar Zulqarnain, nasab[88] kami daripada Raja Nusyirwan, raja masyrik maghrib, pancar kami daripada Raja Sulaiman 'alayhissalam; nama kami Bicatram seorang, Paladutani seorang, Nilatanami seorang". Maka kata Wan Empuk dan Wan Malini, "Jikalau tuan hamba daripada anak cucu Raja Iskandar Zulqarnain, apa sebabnya maka tuan hamba datang ke mari ini?" Maka oleh [18] orang muda tiga orang itu segala hikayat Iskandar Zulqarnain beristeri akan anak Raja Kida Hindi dan peri Raja Culan masuk ke dalam laut itu semuanya dihikayatkannya pada Wan Empuk dan Wan Malini. Maka kata Wan Empuk dan Wan Malini, "Apa alamatnya tuan hamba itu?" Maka sahut ketiga orang muda-muda itu, "Makota inilah alamatnya tanda hamba anak cucu Raja Iskandar Zulqarnain. Hei ibuku, jikalau tuan hamba tiada percaya akan kata hamba ini, itulah tandanya sebab hamba jatuh ke mari ini maka padi ibuku berbuahkan emas dan berdaunkan perak dan berbatangkan tembaga suasa, dan tanah negara bukit itu pun menjadi emas".

Maka Wan Empuk dan Wan Malini pun percayalah akan kata anak raja yang tiga orang itu, maka ia pun terlalu amat sukacita. Maka ketiga anak raja itu dibawanya ke rumahnya. Maka padi itupun dituainyalah. Maka Wan Empuk dan Wan Malini pun menjadi kayalah sebab ia

86 Di sini, dieja ايغ (m-u-dh)

87 W: "Tuan hamba dari mana datang? anak jinkah atau anak perikah tuan hamba ini? karena kami pun lamalah di sini tiada kami melihat seorang pun, manusia tiada datang ke mari ini, baharulah pada hari ini kami melihat tuan"

88 Dieja "nasab نسب (n s y b)"

mendapat anak raja itu.

Sebermula dihikayatkan oleh orang yang empunya hikayat ini, bahawa negeri Palembang itu Palembang yang ada sekarang ini inilah. Dahulu negeri itu terlalu besar, sebuah negeri di Tanah Andalas tiada sepertinya. Setelah Raja Palembang yang bernama Demang Lebar Daun itu menengar khabar Wan Empuk dan Wan Malini mendapat anak raja turun dari ke udara,[89] maka Demang Lebar Daun pun datang ke rumah Wan Empuk dan Wan Malini mendapatkan raja itu. Maka oleh Demang Lebar Daun ketiga anak raja itu dibawanya kembali ke negerinya.

Maka masyhurlah pada segala negeri, bahawa anak cucu Iskandar Zulqarnain turun dari Bukit Si Guntang Mahamiru sekarang ada di negeri Palembang. Maka segala raja-raja daripada segala pihak negeri pun datanglah mengadap raja itu, maka anak raja yang tuha sekali itu dijemput oleh orang Andalas maka dirajakannyalah di Minangkabau, adapun gelar baginda itu di atas kerajaan Sang Sapurba. Kemudian dari itu maka datang orang Tanjung Pura, maka jemputnya[90] anak raja yang tengah itu dirajakannya di Tanjung Pura, gelar baginda di atas kerajaan Sang Maniaka. Yang bungsu tinggal di Palembang pada Demang Lebar Daun. Maka oleh Demang Lebar Daun anak raja yang bungsu itu dirajakannya di Palembang, adapun gelar baginda di atas kerajaan Sang Utatama[91]. Maka Demang Lebar Daun turun menjadi Mangkubumi.

Maka ada seekor lembu hidupan Wan Empuk dan Wan Malini, putih warnanya seperti [1?] perak, dengan takdir Allah Ta'ala lembu itu pun muntahkan buih itu keluar seorang manusia, Bat, namanya. Maka ia berdiri, demikian bunyinya itu. "Aho swasti paduka sri maharaja sri?at sri spst suran? bum buji bal pekerma sking kri makt rana muka tri buana prsng skrit bna tingk derma rana ayrn ki ran besinggasana ran wikerma udi ru plauik ssdir diw did perabu di kal muli malk sri derma rajaraja permaisuri". Maka raja itu digelarnya oleh Bat itu Seri Teri Buana. Adapun anak cucu Bat itulah asal orang membaca ceritera[92] dahulu kala. Maka masyhurlah kerajaan Seri Teri Buana. Maka segala manusia laki-laki dan perempuan daripada segala pihak negeri pun datanglah mengadap baginda, sekaliannya dengan persembahnya. Maka oleh Seri Teri Buana

89 كادرا [illegible] Barangkali patut dibaca "kadera" yang bermaksud "[illegible]" "usungan"
90 [di]jemputnya
91 [illegible] W [illegible] Utama
92 W "cite"

segala orang yang datang mengadap baginda itu semuanya dinugrahinya persalin, syahadan sekaliannya oleh bagında yang laki-laki bergelar Awang dan yang perempuan digelarnya Dara: itulah asal segala perawangan dan perdaraan.

Setelah Seri Teri Buana duduk kerajaan, maka bagında pun hendak bersteri: barang di mana anak raja-raja yang baik rupanya diambil oleh bagında akan anak isteri.[93] Apabila beradu dengan bagında pada malam, setelah pagi hari dilihatnya tuan puteri itu kedal oleh sebab tubuhnya dijamah oleh bagında itu, apabila kedal juga, dibunggalkan bagında kurang esa empat puluh yang sudah demikian itu.

Sebermula dikhabarkan orang Demang Lebar Daun ada seorang anaknya perempuan, terlalu baik parasnya, tiada berbagan pada zaman itu, Tuan Puteri Wan Sendan namanya. Maka dipita[94] oleh Seri Teri Buana pada Demang Lebar Daun hendak dipensterinya oleh bagında. Maka sembah Demang Lebar Daun, "Jikalau anak patik tuanku pakai, sesaya kedal ia, tetapi jikalau tuanku mahu akan anak patik itu mahulah Duli Yang Dipertuan berwasal dengan patik, maka patik persembahkan anak patik ke bawah Duli Yang Dipertuan". Adapun Demang Lebar Daun lah yang empunya bahasa "Yang Dipertuan" dan "patik". Maka titah Seri Teri Buana, "Apa janji yang dikehendaki oleh bapaku itu?" Maka sembah Demang Lebar Daun, "Tuanku, segala anak cucu patik sedia akan jadi hamba lah ke bawah Duli Yang Dipertuan, hendaklah ia diperbaiki oleh anak cucu tuan hamba, syahadan jikalau ia berdosa sebesar-besar dosanya [20] sekalipun, jangan ia dihadirkan dan dinista dengan kata yang jahatjahat, jikalau besar dosanya dibunuh, tiupun jikalau patut pada hukum syarak".

Maka titah bagında, "Kabullah hamba. Akan janji bapa hamba!" Demang Lebar Daun, "Janji yang mana itu?"[95] Maka titah Seri Teri Buana, "Hendaklah pada akhir zaman kelak anak cucu bapa jangan durhaka pada anak cucu hamba, jikalau ia zalim dan jahat pekertinya sekalipun". Maka sembah Demang Lebar Daun, "Baiklah tuanku, tetapi

93 W "dirabol bagında akan isteri".

94 W 57 "dapat".

95 W "Maka titah bagında, 'Kabullah hamba akan janji bapa hamba, tetapi hamba minta satu janji pada bapa hamba'. Maka sembah Demang Lebar Daun, 'Janji yang mana itu?' Maka titah Seri Teri Buana, 'Hendaklah pada akhir zaman kelak anak cucu bapa jangan durhaka pada anak cucu hamba, jikalau ia zalim dan jahat pekertinya sekalipun'". Besar kemungkinannya penyalin telah tersilap membuat perkataan "dan" itu.

jikalau anak cucu tuanku dahulu mengubahkan dia, anak cucu patik pun mengubahkan dia". Maka titah Seri Teri Buana, "Baiklah, kabullah hamba akan wa'ad itu". Maka keduanya pun bersumpah-sumpahanlah, barang siapa mengubahkan perjanjiannya itu dibalik Allah Subhanahu wa Ta'ala bumbungan rumahnya ke bawah, kaki tiangnya ke atas. Itulah sebabnya maka dinugerah akan Allah Subhanahu wa Ta'ala kepada segala raja-raja Melayu, tiada penah[96] memberi aib pada segala hamba Melayu jikalau sebagai mana sekalipun besar dosanya, tiada dikatnya dan digantungnya dan difadihatkannya dengan kata yang jahat. Jikalau ada seorang raja memberi aib, itu alamat negeri akan dibinasakan Allah Subhanahu wa Ta'ala. Syahadan segala hamba Melayu pun dinugrahakan Allah Subhanahu wa Ta'ala tiada penah durhaka dan menalingkan mukanya kepada rajanya, jikalau jahat sekalipun pekertinya dan aniaya sekalipun.

Setelah sudah berwa'ad dan berteguh-teguhan janji, maka tuan puteri anak Demang Lebar Daun yang bernama Wan Sendari itu pun dipersembahkan oleh Demang Lebar Daun ke bawah duli Seri Teri Buana. Maka Seri Teri Buana pun kahawinlah dengan tuan puteri anak Demang Lebar Daun itu. Setelah hari malam, maka baginda pun beradulah dengan tuan puteri, setelah hari siang, maka dilihat oleh Seri Teri Buana akan tuan puteri Wan Sendari tiada kedal, maka terlalu suka baginda, maka baginda pun menyuruh memberi tahu Demang Lebar Daun. [Demang Lebar Daun] pun segera datang, maka dilihat Demang Lebar Daun anaknya selamat, suatu pun tiada berbahayanya, maka ia pun terlalu sukacita melihat anaknya itu selamat, tiada berbahaya.

Maka Demang Lebar Daun itu pun berlengkap hendak mandi-memandikan Seri Teri Buana. Maka ia menyuruh berbuat panca persada tujuh pangkat lima[97]. Setelah sudah, maka Demang Lebar Daun pun memulai pekerjaan akan berjaga-jaga itu, empat puluh hari empat puluh malam, makan minum bersukasukaan dengan segala raja-raja dan perdana menteri, sida-sida, [21] bentara, hulubalang, dan segala rakyat sekalian, dan bunyi bunyianlah seperti guruh bunyinya lagi berjaga itu. Maka beberapa kuda dan lembu dan kambing biri-biri disembelih orang. Maka kerak tanian[98] itu pun bertimbunan seperti bukit. Bermula air didih

96. [illegible]
97. W (58): "Maka Demang Lebar Daun itu pun berlengkap hendak memandikan Seri Teri Buana. Maka ia menyuruh berbuat panca persada tujuh pangkat, [illegible] terlalu [illegible]".
98. [illegible] Minasi [illegible]

pun bagai lautan dan kepala kerbau lembu upama pulau.

Setelah genap empat puluh hari empat puluh malam, air mandi pun diarak oranglah dengan segala bunyi-bunyian. Bermula bekas air mandi itu sekaliannya emas beperman. Maka Seri Teri Buana dua laki isteri dengan Tuan Puteri Wan Sendari pun beraraklah tujuh kali berkeliling panca persada itu, maka baginda laki isteri pun mandilah di seri panca persada itu, dimandikan oleh Bat. Setelah sudah mandi maka Seri Teri Buana pun bersalin kain tetap tubuh lagi memakai berkain dari peti Daimani, dan Tuan Puteri Wan Sendari berkain berdamani, keduanya memakai selengkap pakaian kerajaan lalu duduk keduanya laki isteri di atas peterana singgahsana yang keemasan. Maka nasi adapadap pun diarak oranglah, maka baginda dua laki isteri pun santaplah laki isteri. Setelah sudah santap, maka sis yakni panca upacara pun di arak oranglah, maka Bat membubuh panca upacara di hulu raja dua laki isteri. Maka Seri Teri Buana pun berangkatlah memberi anugerah persalin akan segala orang besar-besar baginda. Setelah itu maka Seri Teri Buana pun berangkatlah masuk. Maka segala yang mengadap pun masing-masing kembalilah ke rumahnya.

Hatta berapa lamanya Seri Teri Buana diam di Palembang, maka berkira-kira hendak melihat laut. Maka Seri Teri Buana menyuruh memanggil Demang Lebar Daun. Ia[a] pun segera datang mengadap. Maka titah Seri Teri Buana pada Demang Lebar Daun, "Apa bicara bapa hamba karena hamba ini hendak berangkat ke laut, hendak mencari tempat yang baik hendak beta perbuatkan negeri". Maka sembah Demang Lebar Daun, "Baiklah tuanku, jikalau Yang Dipertuan berangkat, patik mengiringkan, karena patik pada dapat bercerai dengan duli tuanku". Maka titah Seri Teri Buana, "Jika demikian, baiklah bapa berlengkaplah bapa". Maka Demang Lebar Daun pun menyembah lalu keluar mengerahkan orang keluar berlengkap. Setelah sudah lengkap, maka oleh Demang Lebar Daun saudaranya yang muda ditinggalkannya di negeri Palembang. Maka kata Demang Lebar Daun pada saudaranya itu, "Inggallah tuan menyelenggarakan negeri ini, karena hamba hendak pergi dengan Yang Dipertuan. [22] barang ke mana pergi baginda hamba ikut[i]". Maka sahut saudaranya, "Baiklah, yang mana kata tuan, [tiada] hamba laluilah".

Setelah itu maka Seri Teri Buana pun berangkatlah, kenaikan baginda lancang pemujangan, lancang perak. Maka Demang Lebar Daun dan segala perdana menteri, hulubalang, masing-masing dengan kenaikannya. Maka rupa perahu itu pun terlalu banyak, tiada terbilang lagi, rupa tiangnya seperti pohon kayu, rupa tinggil dan panjangnya seperti awan

berarak, rupa payung segala raja-raja seperti mega; maka tumpatlah rupanya laut itu daripada kebanyakan perahu orang yang mengiringkan Seri Teri Buana.

Setelah keluar dari Kuala Palembang, menyeberang ke Selat Sepat, dari Selat Sepat lalu ke Selat Sambar. Setelah keluar, maka kedengaranlah khabarnya ke Bintan mengatakan, "Raja dari Bukit Si Guntang, bangsanya daripada Raja Iskandar Zulqarnain itu datang; sekarang ada di Selat Sambar".

Adapun akan Bintan itu [rajanya] perempuan, Wan Seri Bini[99] namanya, pada satu riwayat Permaisuri Sakidar Syah namanya, baginda pun raja besar, lagi pada zaman itu ialah yang pergi ke benua Syam. Permaisuri Sakidar Syahlah yang pertama nobat, maka diturut oleh raja-raja yang lain. Setelah baginda menengar khabar itu, maka baginda pun menitahkan perdana menteri yang bernama Indera Bupala[100] dan Aria Bupala [menjemput] Seri Teri Buana. Tatkala itu kelengkapan Bintan empat ratus banyaknya. Maka utah Wan Seri Bini pada Indera Bupala, "Jikalau raja itu tua, katakan 'Adinda empunya sembah', dan jikalau ia muda, katakan 'Bonda empunya salam'".

Maka Indera Bupala dan Aria Bupala pun pergilah; dari Tanjung Rungas datang ke Selat Sambar tiada berputusan lagi rupa perahu orang yang menjemput itu. Setelah bertemu dengan Seri Teri Buana, maka dilihatnya oleh Indera Bupala dan Aria Bupala akan raja itu terlalu muda; maka sembah Indera Bupala dan Aria Bupala, "Bonda empunya salam, dijemput oleh bonda tuanku". Maka Seri Teri Buana pun berangkatlah ke Bintan lalu masuk ke dalam pada Wan Seri Bini namanya.[101] Adapun yang kasad Wan Seri Bini hendak diambilnya akan suami. Setelah dilihatnya muda, maka diambil oleh baginda akan anaknya, terlalu kasih Wan Seri Bini akan raja itu, maka dinobatkan di Bentan akan ganti baginda.

Hatta beberapa lamanya, pada suatu hari Seri Teri Buana mohon hendak pergi beramai-ramaian ke Tanjung Bemayan[102], pergi memohon kepada Wan Seri Bini.[103][23] "Apa kerja anak kita pergi bermain ke Bintan? Tiadakah rusa pelanduk dengan kandangnya? Tiadakah kijang landak dengan kurungannya? Tiadakah ikan dalam kolam? Dan segala

99. W[59] "Beman". Ejaan sebenar: بيني (b-y-n-y)
100. بو قل ("b-wq-l"): W Bopal
101. W: "Lalu masuk ke dalam negeri"
102. بماين (bmyn-y-n). Selepas ini dieja بمن (bmyn)
103. W(60) menambah, "maka tiadi bonda baginda"

buah-buahan dan bunga-bungaan pun semuanya ada di taman. Mengapatah maka anak kita hendak bermain pauh?" Maka kata Seri Teri Buana, "Ikalau tuda beta dilepaskan oleh bonda, duduk pun mati, berdiri pun mati, serba mati kenatian." Maka kata Wan Seri Beni, "Daripada anak kita akan mati, baik anak kita pergi." Maka baginda pun menyuruh berlengkap pada Indera Bupala dan Aria Bupala.

Setelah sudah lengkap, maka Seri Teri Buana pun berangkatlah dengan raja perempuan. Segala lancang kenaikan baginda, pilang peraluan, jorong pebujangan, budar kekayuhan, serejang penanggahan, teruntung penjalaan terentang persendian. Maka rupa perahu orang yang menggingkan tuda berhiang lagi.

Setelah datang ke Bemayan maka baginda pun turunlah bermain ke pasir, maka raja perempuan turunlah dengan segala hulu orangkayakaya main termasya di pasir itu, mengambil karang-karangan. Maka raja perempuan turunlah duduk di bawah pohon pandan diadap hulu segala orangkayakaya; maka baginda pun terlalu suka melihat kelakuan dayang-dayang bermain itu pada kehendaknya, ada yang mengambil sipur, ada yang menggali batu, ada yang mengambil bunga bakau dikarangnya, ada yang mengambil teruntum diperbuatnya sunting, ada yang pergi mengambil buah pisang diebusnya, ada yang mengambil daun buton, ada yang mengambil bunga karang dipermainnya, ada yang mengambil latuh dipreuknya, ada yang mengambil agar-agar dikerabunya. Maka telalulah sukacita segala dayangdayang itu bermain, masing-masing pada lakunya.

Adapun Seri Teri Buana dengan segala laki-laki perburu, maka terlalulah banyak beroleh perburuan. Hatta maka lalu seekor rusa dan hadapan Seri Teri Buana, maka ditikam oleh baginda dengan lembing kena belakangnya, maka rusatta pun lari. Maka dipenambat oleh Seri Teri Buana, ditikammya sekali lagi kena belakangnya, maka rusa itu pun rusuknya tertis, maka rusa itu pun tada berolch lari lagi lalu mati. Maka Seri Teri Buana pun datang kepada sebuah batu terlalu besar dengan tinggimya, maka Seri Teri Buana [24] naik ke atas batu itu[164], maka baginda memandang ke seberang. Maka dilihat oleh baginda tanah seberang itu pasirnya terlalu putih sepeti kain buka menalar, maka

---

[164] Dalam naskhah RB bahagian ini sebenarnya berbunyi begini: "Maka Seri Teri Buana naik ke atas batu itu, maka baginda memandang pun datang kepada sebuah batu terlalu besar dengan tinggimya, maka Seri Teri Buana naik ke atas batu itu." Ini satu contoh pengulangan yang disebabkan oleh penyalin terlangkat salin tetapi tidak menyedari kesalahannya. Atau mungkinkah sebenarnya Seri Teri Buana memang telah menaiki dua buah batu?

baginda bertanya kepada Indera Bupala, "Pasir mana yang kelihatan itu? Tanah mana?" Maka sembah Indera Bupala, "Itulah, tuanku, tanah Temasik namanya." Maka titah Seri Teri Buana, "Mari kita pergi[105] ke sana." Maka sembah Indera Bupala, "Mana titah tuanku, patik junjung." Maka Seri Teri Buana pun naik ke perahu lalu menyeberang.

Setelah datang ke tengah laut, maka ribut pun turunlah, kenaikan itu pun keairan, maka dipertimbakan orang tiada timba[106] lagi. Maka disuruh penghulu kenaikan membuang, maka beberapa arta yang dibuang tiada juga tertimba lagi. Maka kenaikan itu pun hampirlah ke Teluk Belanga. Maka sembah penghulu kenaikan kepada Seri Teri Buana, "Tuanku, kepada bicara patik, kalau sebab makota kudrat ini juga gerangan maka kenaikan itu tiada timbul, karena segala arta dalam perahu ini telah habislah sudah dibuangkan. Jikalau makota ini tiada dibuangkan, tadalah kenaikan ini terbelakan lagi oleh patik semua." Maka titah Seri Teri Buana, "Jikalau demikian, buangkanlah makota ini!" Maka dibuangkanlah makota itu. Hatta maka ribut pun teduhlah, dan kenaikan itu pun timbullah, maka didayungkan oranglah ke darat. Setelah sampai ke tepi maka kenaikan itu pun dikepilkan oranglah, maka Seri Teri Buana pun naiklah ke pasir dengan segala rakyatnya bermain, mengambil karang-karangan, lalu baginda berjalan ke darat bermain ke padang di kuala Temasik itu.

Maka dilihat oleh segala mereka itu seekor binatang maha tangkas lakunya, merah warnanya tubuhnya, hitam kepalanya, dan putih dadanya, sikapnya terlalu pantas dan perkasa, besarnya besar sedikit dampada kambing randuk; setelah ia melihat orang banyak, maka ia berjalan, lalu lenyap. Maka Seri Teri Buana pun bertanya pada segala orang yang sertanya, maka seorang pun tiada tahu. Maka sembah Demang Lebar Daun, "Tuanku, ada patik menengar dahulu kala, singa juga yang demikian itu sifatnya, pada bicara patik, singalah gerangan itu." Maka titah Seri Teri Buana pada Indera Bupala, "Pergilah tuan hamba kembali katakan kepada baginda,[107] kita sekarang tiadalah kita kembali, jikalau ada kasih bonda akan kita, berilah kita rakyat dan gajah kuda, kita hendak berbuat negeri di Temasik ini." Maka Indera Bupala pun kembalilah.

Setelah datang ke Bintan, maka Indera Bupala pun masuklah mengadap Wan Seri Teri Bini. Maka segala kata[108] Seri Teri Buana itu pun semuanya dipersembahkannya kepada Wan Seri [25] Bini. Maka kata

105 قرى (p. c. v.) W "pergi"
106 [ter]timba
107 W (61) "bonda"
108 Ditulis "kat[a] segala" W tiadakan perkataan "segala"

Wan Seri Bini, "Baik, yang mana kehendak anak kita, tiada kita lalui". Maka dihantari baginda rakyat dan gajah kuda tiada tepermena lagi banyaknya. Maka Seri Teri Buana pun berbuat negerilah di Temasik, maka dinamai baginda Singapura. Setelah berapa lamanya Seri Teri Buana diam di Singapura, maka beranak dengan tuan puteri anak Demang Lebar Daun, Sendari itu, dua orang laki-laki, maka keduanya anak raja.

Adapun akan Wan Seri Bini telah hilanglah. Maka ada cucu baginda dua orang, keduanya perempuan. Maka keduanya anak raja itu didudukkan dengan kedua cucu raja Bintan itu. Setelah genaplah umur baginda di atas kerajaan kurang dua lima puluh tahun, maka datanglah peredaran dunia, maka Seri Teri Buana dan Demang Lebar Daun pun mangkatlah, maka dimakamkan oranglah di bukit Singapura itu. Maka anak indera[109] baginda yang tua itulah dirajakan menggantikan ayahanda baginda, adapun gelar baginda di atas kerajaan, Paduka Seri Pikrama Wira. [Maka Tun Perpatih Permuka Berjajar][110] jadi Bendahara. Apabila Paduka Seri Pikrama Wira tiada keluar, maka Tun Perpatih Permuka Berjajarlah[111] duduk diadap orang banyak di balai akan ganti Paduka Seri Pikrama Wira. Bermula jikalau Tun Perpatih Permuka Berjajarlah duduk di balai, jikalau anak rajaraja datang, tiada diturunnya, melainkan anak raja yang akan ganti kerajaan maka diturunnya. Jikalau Tun Perpatih Permuka Berjajar masuk mengadap, pada tempatnya duduk itu dibentangi permadani; jika raja sudah masuk, maka ia pulang, segala orang besar-besar dan orangkaya-kaya semuanya pergi mengantar akan Tun Perpatih Permuka Berjajar kembali ke rumahnya.

Adapun akan Demang Lebar Daun pun ada seorang anaknya laki-laki dijadikan oleh Paduka Seri Pikrama Wira dijadikan Perdana Menteri, gelarnya, Tun Perpatih Permuka Sekalar, duduk bertimbalan dengan Bendahara gelarnya Tun Jana Buga Dendang, diadap Penghulu Bendahari Temenggung gelarnya Tun Jana Putera Yula, di bawah Temenggung, hulubalang besar-besar gelarnya Tun Tempurung Gemeratukan. Sudah itu, maka segala perdana menteri dan orangkaya-kaya dan segala ceteria sida-sida bentara hulubalang dengan adatnya pada zaman itu pernah kala.

Hatta Paduka Seri Pikrama Wira pun beranak seorang laki-laki, disebut orang, Raja Muda. Negeri Singapura pun besarlah, maka segala dagang pun berkampunglah terlalu ramai, maka masyhurlah kebesarannya itu pada segala alam. *Wallahu a'lam bissawab*. [26]

109 انق انتر (a n -q a- n -d r) W "anakanda"

110 Tambahan seperti yang dilakukan W

111 Diuli "Tun/Tuan Puteri Putih Permuka Berjajarlah"

4

ALQISAH

Maka tersebutlah perkataan Batara Majapahit, asalnya dari keinderaan. Maka baginda beristerikan anak Raja di Tanjung Pura iaitu raja dari Bukit Si Guntang itu, [maka beroleh anak] dua orang laki-laki, yang tuha dirajakan baginda di Majapahit[1] Adapun akan Raja Majapahit itu daripada anak cucu cicit Puteri Semagangerat,[2] disebut orang Batara Majapahit, terlalu sekali besar kerajaannya baginda, segala raja-raja lurah Jawa itu semuanya takluk kepada baginda, segala raja-raja Pustara[3] pun sudah[4] setengah takluk kepada baginda.

Setelah Batara Majapahit menengar Singapura negeri besar, rajanya tiada sembah kepada baginda, maka Batara Majapahit pun terlalu amarah. Maka baginda pun menyuruh utusan ke Singapura, bingkisnya sekeping tatal tujuh depa panjangnya, ditarah tiada putus, syahadan nipisnya seperti kertas, digulungnya seperti laku subang. Maka utusan Batara Majapahit pun pergilah berlayar ke Singapura. Berapa lama di jalan maka sampai ke Singapura, maka suruh jemput oleh Raja Paduka Seri Pikrama Wira. Maka utusan Majapahit itu pun naik mengadap Paduka Seri Pikrama Wira itu berpersembahkan surat dan bingkis itu. Maka surat itu pun dibaca Paduka Seri Pikrama Wira, demikian bunyinya, "Lihatlah oleh Paduka Seri Pikrama Wira adinda, pandai utus Jawa[5]. Adakah di Singapura utus yang pandai demikian ini?" Maka dibuka oleh Paduka Seri Pikrama Wira, maka dilihatnya tatal bergulung seperti subang, maka baginda pun tersenyum karena tahu baginda akan ibarat kehendak[6] Batara Majapahit itu. Titah Paduka Seri Pikrama Wira, "Dipertiadakannya laki-laki kita oleh Batara Majapahit maka kita dikirimnya subang." Maka sembah

1. W(62): "Maka baginda beranak dengan anak raja di Tanjung Pura iaitu Raja dari Bukit Si Guntang dua orang lakilaki, yang tua dirajakan baginda di Majapahit.
2. Dieja, سمڠڠرة ("S-m-ng-ng-r-t"); W: "Semangngrat".
3. Dieja, ڤوستار ("p-w-s-t-r") W menganggapnya sebagai bermaksud "Nusantara".
4. Tiada dalam W.
5. Dieja جاوه ("j-a-w-h") dan mungkin oleh itu tulis ayat ini menjadi: "Lihatlah oleh paduka adinda pandai utus orang Jawa".
6. Dieja ايرا كيهند ("a-y-r-a k-y-h-n-d").

utusan itu ke bawah duli Paduka Seri Pikrama Wira, "Ya Tuhanku! Bukan demikian kehendak paduka kekanda. Akan tetapi paduka kekanda adakah di bawah Duli Paduka sang ulun orang yang pandai menarah demikian?"

Setelah Paduka Seri Pikrama Wira menengar sembah utusan itu, maka titah baginda, "Lebih daripada ini pun ada orang yang pandai kepada kita". Maka Paduka Seri Pikrama Wira pun menyuruh memanggil seorang karangan, Sang Bintan. Setelah karangan itu datang maka disuruh baginda ambil seorang budak, maka ditutahkan oleh Paduka Seri Pikrama Wira karangan itu menarah rambut budak itu di hadapan utusan itu. Maka oleh karangan itu ditarahnyalah kepala kanak-kanak itu, maka [27] budak itu pun menangis, kepalanya dilenggok-lenggokannya, dalam demikian itu pun ditarahnya juga oleh karangan itu, saat itu juga[8] habis rambutnya, seperti dicukur. Maka utusan Jawa itu pun hairanlah melihat dia. Maka titah Seri Pirama Wira, "Utusan, lihatlah pandainya orang kita, sedang kepala budak lagi boleh ditarahnya, menarah tatal demikian ini hisab apa kepadanya? Bawalah belung[9] ini ke Majapahit, persembahkan kepada saudaraku". Maka utusan Jawa itu pun hairanlah melihat dia.[10] Maka utusan itu pun mohonlah kembali, maka belung ditarahkan karangan pada kepala budak itu pun dibingkiskan ke Jawa. Maka anjong[11] utusan itu pun berlayarlah dari Singapura.

Setelah beberapa hari lamanya di jalan, sampailah ia ke Jawa. Maka utusan itu pun naiklah ia mengadap Batara Majapahit itu, maka dipersembahkannya surat dan kiriman Raja Singapura itu. Maka segala pen hal karangan menarah kepala budak itu dan titah Paduka Seri Pikrama Wira itu semuanya dipersembahkannya kepada Batara Majapahit. Maka Batara pun terlalu amat marah menengar sembah utusan itu, maka titah baginda, "Adapun ibaratnya kehendak Raja Singapura itu jikalau kita datang ke sana demikianlah kepala kita ditarahnya seperti kepala budak itu". Maka Batara Majapahit menitahkan hulubalangnya

---

7 تهنكو (t h- n k w) Mungkin ini kesilapan penyalin. Mungkin juga tidak. Wallahualam.

8 "Saat itu juga" ditulis dengan berbagai-bagai cara, umumnya secara ringkas. Tulisannya bahkan lebih ringkas selepas ini. Ini mungkin kerana ringkapan ini lazim bagi penulis/penyalin atau kerana kekeliruan penyalin.

9 Dieja بلغ (b-y-l-n-g). Ini nampaknya satu kesilapan. Selepas ini ia dieja بليغ (b l y n g).

10 Ayat ini tiada dalam [B].

11 انجغ (a-n-j-n-g). Jong. Kailangkah dieja انجغ (a-n-j-o-n-g).

berlengkap perahu akan menyerang Singapura, seratus buah jong, dan lain daripada itu melanting dan kelulus, jongkong, cerucup, tiada terkatakan[12] lagi. Maka dititahkan Batara Majapahit seorang hulubalangnya yang besar akan panglimanya, maka ia pun berlayarlah ke Singapura.

Berapa lamanya dijalan, sampailah ke Singapura. Maka segala rakyat Jawa itu pun semuanya naik ke darat lalu berparang dengan orang Singapura, maka terlalu ramai, gemerencing bunyinya segala senjata, terlalu azmat[13] bunyi tempik sorak segala hulubalang, juga kedengaran guruh. Bunyi sorak tempik segala rakyat itu tiada sangka bunyi lagi bunyinya, daripada kedua pihak rakyat itupun banyaklah mati, darah pun banyaklah tertumpah ke bumi[14]. Setelah hari petang, maka segala rakyat Jawa itu pun semuanya undurlah naik ke perahu. Adapun perkataan Singapura berparang dengan Jawa itu terlalu amat lanjut perkataannya, jikalau dihikayatkan semuanya, jemulah segala orang yang menengar dia, sebab itulah maka kami simpankan karena perkataan berlambat amat lanjut itu tiada gemar bagi segala yang berakal. Setelah Singapura [28] tiada alah oleh Jawa, maka segala Jawa itu pun semuanya kembalilah ke Majapahit.

---

12 W: "[illegible]"

13 W(64): "alamat"

14 W: "gemerencing bunyi segala senjata, terlalu alamat bunyi tempik segala hulubalang, tiada sangka bunyi lagi daripada kedua pihak rakyat itu pun banyaklah mati, darah pun banyaklah tertumpah ke bumi"

5

ALQISAH

Maka tersebutlah perkataan Adiraja Rama Mudaliar, anak Raja Culan, iaitu raja di negeri Bija Nagara, beranak seorang laki-laki. Jambuga Rama Mudaliar namanya. Setelah Adiraja Rama Mudaliar sudah mati, maka anakanda baginda Jambuga Rama Mudaliarlah kerajaan, maka baginda beranak seorang perempuan, Tuan Puteri Tala Pancadi[15] namanya, terlalu amat baik parasnya. Maka masyhurlah ia pada segala negeri, dan beberapa segala raja-raja meminang dia tiada diberikannya oleh Raja Jambuga Mudaliar, katanya, "Bukan dari pada kufu daku"[16].

Syahadan ke Singapura kedengaranlah peri baik paras tuan puteri anak raja benua Keling itu. Maka Paduka Seri Pikrama Wira menyuruhkan Maha Indera Bupala[17] utusan ke benua Keling meminang Tuan Puteri Tala Pancadi, anak raja benua Keling itu, akan anakanda baginda Raja Muda. Maha Indera Bupala pun berlayarlah ke benua Keling, ada berapa buah kapal sertanya. Setelah ke negeri Bija Nagara, maka disuruh jemput oleh Kerama[18] Mudaliar surat dan bingkis itu lalu diarak terlalulah mulianya.

Setelah surat itu sudah dibaca syahdan maka diketahuilah ertinya, maka Raja Jambuga Rama Mudaliar pun terlalu sukacita. Maka titah Raja Jambuga Rama Mudaliar pada Maha Indera Bupala, "Berkenanlah[19] kepada kita akan kehendak saudara kita itu, tetapi janganlah saudara kita bersusah menyuruhkan anakanda ke mari, biarlah kita menganiarkan anak kita ke Singapura". Setelah itu maka Maha Indera Bupala pun memohonlah kembali. Maka Raja Jambuga Rama Mudaliar pun memberi surat dan kiriman kepada raja Singapura, maka Maha Indera Bupala pun

---

15 الڤنجدي (p-n-c-d-y) W (64): "Tala Pucuk"

16 كفدكو (k-f-d-k-w) Kepadaku? W: "bangsaku"

17 بهوڤل (b-h-w-p-d) Selepas ini sekali dieja بهوڤل (b-h-w-p-l) dan lebih kerap dieja بوڤل (b-w-p/q-l) W: Bopal

18 كراما (k-r-a-m-a)

19 برکنتله (b-r-k-n-t-l-h) Ini barangkali salah ejaan, dan barangkali juga betul كنت (k-n-t) boleh dibaca "konta" yang bermaksud "bersetuju" atau "menerima" ini "berkenan"

berlayarlah dari benua KelingBerapa lamanya di jalan, maka sampailah ia ke Singapura, maka disuruh Paduka Seri Pikrama Wira arak surat itu seperti adat segala raja-raja besar-besar. Setelah sampailah ke balai rong, maka surat itu pun disambut oleh bentara maka dipersembahkan kepada Paduka Seri Pikrama Wira, maka surat itu pun disuruh dibaca oleh baginda. Setelah diketahui-[20], baginda pun terlalu sukacita. Maka Maha Indera Bupala [29] pun berdatang sembah menyampaikan pesan Raja Jambuga Rama Mudaliar, maka bertambah sukacita hati Paduka Seri Pikrama Wira menengar dia.

Hatta datanglah kepada musim suatu lagi, maka Raja Jambuga Rama Mudaliar pun menyuruhkan orang berlengkap akan kapal. Setelah sudah lengkap, maka anakanda baginda pun, Tuan Puteri Tala Pancadi itupun, disuruh baginda hantarkan pada seorang hulubalang. Maka Tuan Puteri Tala Pancadi pun naik ke kapal dengan lima ratus orang, pergi dengan segala[21] perwaranya. Maka hulubalang itu pun berlayarlah membawa Tuan Puteri Tala Pancadi itu, ada berapa buah kapal sertanya, lain daripadanya semuanya sambuk dan batil.[22]

Setelah sampai ke Singapura, maka dihalu-halukan oleh Paduka Seri Pikrama Wira had Tanjung Burus, maka dengan seribu kemuliaan dan kebesaran. Setelah sampai ke Singapura, maka Seri Pikrama Wira pun memulai berjaga-jaga akan mengawinkan anakanda baginda dengan tuan puteri anak raja benua Keling itu, tiga bulan lamanya berjaga-jaga. Maka Raja Pikrama Wira pun mengawinkan anakanda baginda Tala Pancadi itu.[23] Setelah sudah kahawin, maka hulubalang Keling itu pun mohonlah kembali. Maka Paduka Seri Pikarama Wira pun memberi surat dan kiriman akan Raja Keling itu, maka utusan itu pun kembalilah ke benua Keling.

Hatta berapa lamanya, umur Paduka Seri Pikrama Wira pun genaplah kepada lima belas tahun di atas kerajaan, maka datanglah peredaran dunia, maka Paduka Seri Pikrama Wira pun mangkatlah. Maka anakanda baginda Raja Mudalah kerajaan menggantikan paduka ayahanda, gelar baginda di atas kerajaan baginda Seri Rana Wikrama[24] Maka baginda beranak dengan-[25] Tuan Puteri Tala Pancadi, anak raja benua Keling itu,

20. W "Setelah diketahui baginda emnya"
21. "orang, pergi dengan segala" tada dalam W
22. W(65) = ada berapa buah kapal sertanya lain daripada sambuk dan batil"
23. W = "Maka Raja Pikrama Wira pun mengahwinkan tuan puteri Tala Pancadi itu"
24. ويڤكرم (w-yqk-r-m-) W = "Wikerma"
25. Deja دان ("dan")

dua orang, seorang laki-laki seorang perempuan, yang laki-laki itu Dema[26] Raja namanya. Adapun Tun Perpatih Permuka Berjajar[27]pun sudah mati; anaknya pula menjadi Bendahara, gelarnya Tun Perpatih Tulus. Maka Tun Perpatih Tulus beranak dua orang, seorang laki-laki, seorang perempuan, yang perempuan itu Dema[28] Puteri namanya[29] [30] Maka oleh baginda Seri Rana[30] Wikrama didudukkan dengan anakanda baginda Dema Raja[31] Maka anak Tun Perpatih Tulus laki-laki itu didudukkan baginda dengan anakanda yang perempuan.

Adapun akan baginda Seri Rana Wikrama ada seorang hulubalang baginda terlalu gagah, Badang namanya. Akan Badang itu asalnya dari benua Sayung, hamba orang Sayung, nentiasa disuruh oleh tuannya menebas rimba. Maka sekali persetua ia menahan lukah di Sungai Besisik, maka dicepuknya[32] lukahnya itu dilihatnya ampar,[33] satu pun tiada isinya, tetapi sisik ikan dan tulang ikan itu ada pada lukahnya itu, nentiasa hari demikian juga. Maka sisik ikan itu dibuangkannya pada sungai itu, sebab itulah sungai itu dinamai Besisik. Maka kata Badang dalam hatinya, "Apa juga makan ikan pada lukah ini? Baik kuntaikan supaya aku ketahui apa yang makan dia itu." Setelah demikian fikirnya pada satu hari dihintarkannya oleh Badang di balik redang[34], maka dilihatnya hantu datang makan ikan yang di dalam lukah itu, matanya merah bagai api, rambutnya seperti raga, janggutnya datang ke pusat. Maka oleh Badang maka diambilnya parangnya, diberani-beranikannya dirinya, maka diusirnya hantu itu lalu ditangkapnya janggutnya, maka kata Badang, "Engkau nentiasa makan ikanku. Sekali ini matilah engkau olehku!" Setelah hantu itu menengar kata Badang, maka ia takut terkiar-kiar[35] meronta hendak berlepas dirinya dari tangan Badang, tiada berupleh

---

26 W "Dama"

27 Ditulis "Tuan Puteri Perpatih Permuka Berjajar" W "Tun Perpatih Muka Berjajar"

28 Dieja دمى (d-m-y) sini tetapi selepas ini dieja دم (d-m-)

29 Ingat ayat dari "Maka baginda beranak dengan Tuan Puteri Tala Pancadi ... hingga ... Dema Puteri namanya" ini diulang dengan perubahan kecil selepas ini. Nyatalah ini kesilapan menulis/menyalin. Ulangan ini dituduk ini

30 Ditulis "Raja"

31 W "Damar Raja"

32 Lihat juga B (221 c 8) Barangkali boleh juga dibaca "dicenungnya" W "dicapaknya"

33 امتر ta-m-p-r W (66) "hampa"

34 ريدڠ (2 13c 82) W "riding"

35 Tulisan amat kabur di sini W mengagakkan "terketar-ketar" (B61) "kerkemamar-kamit"

Maka kata hantu itu, "Janganlah aku kau bunuh[36], barang apa kehendakmu kuberi. Jikalau engkau hendakkan kaya atau hendakkan gagah berani atau hendakkan halimunan, nescaya kuberi. Jamun jangan aku kau bunuh". Maka fikir Badang pada hatinya, "Jika kukehendakkan kaya, nescaya tuanku juga beroleh dia; jikalau aku hendakkan halimunan itu, nescaya mati dibunuh orang juga; jikalau demikian, baiklah aku minta gagah dan kuat supaya aku kuat mengerjakan kerja tuanku".

Setelah demikian, maka kata Badang pada hantu itu, "Berilah aku gagah dan kuat supaya segala kayu yang besar-besar itu kubantunkan juga patah, dan segala kayu yang sepemeluk dua pemeluk itu pun dengan sebelah tanganku juga kubantunkan". Maka kata hantu itu, "Baiklah jikalau engkau hendakkan gagah, aku memberi engkau, tetapi makanlah mutahku[37] [31] olehmu". Maka kata Badang itu, "Baiklah! Mutahlah engkau supaya kumakan". Maka hantu itupun mutahlah, terlalu banyak mutahnya itu. Maka dimakannya oleh Badang mutah hantu itu habis semuanya, tetapi janggut hantu itu dipenggangnya juga, tiada dilepaskan.

Setelah sudah ia makan mutah hantu itu, maka dicubanya oleh Badang, dibantunnya segala kayu yang besar-besar itu, semuanya habis patah; maka dilepaskannyalah janggut hantu itu. Maka Badang itu pun berjalanlah ke tebangan tuannya[38], maka segala kayu besarbesar itu semuanya habis dibantunnya dan habis patahpatah; segala kayu yang sepemeluk dua pemeluk itu pun dengan sebelah tangannya juga dicabutnya, semuanya terbantun dengan akarnya, dan segala kayu yang kecil-kecil itu semuanya dikipaskannya dengan tangannya juga, habis berpelantingan. Maka dengan sesaat itu juga rimba[39] yang besar itu habis menjadi padang, tiada terkirakira lagi luasnya.

Setelah dilihatnya oleh tuannya, maka kata tuannya, "Siapa yang menebang perhumaan kita ini? Bangat amat menebang". Maka kata Badang, "Beta menebang dia". Maka kata tuannya, "Betapa perinya engkau menebang dia maka bangat amat sudahnya ini dengan luasnya saujana mata menentang?" Maka oleh Badang segala peri hal ehwalnya semuanya dikatakannya kepada tuannya. Maka oleh tuannya Badang itu dimerdehekakannya.

---

36 Ditulis, "Janganlah engkau kū/kau bunuh". Nampaknya penulis telah tertulis "engkau" di tempat yang sepatutnya ditulis "aku".

37 [illegible] (tiga titik kiri)

38 Satu lagi contoh ejaan "tuan" kehinaan seperti "tuhan".

39 Ditulis, "dengan sangat rya [illegible] maka hantu".

Setelah didengarlah oleh baginda Seri Rana Wikrama maka disuruh baginda panggil Badang itu, dijadikan baginda hulubalang, ialah yang disuruhkan baginda merentangkan rantai yang menjadi batu[40] rantai segala orang itu supaya kapal jangan beroleh lalu dari Singapura. Apabila raja akan santap, maka Badang disuruh baginda mengambil ulam kuras di Kuala Sayung. Maka Badang pergi itu seorang-orangnya, pilangnya panjang delapan[41], galahnya batang kempas sebatang. Setelah Badang sampai ke Kuala Sayung maka dipanjatnya kuras itu, maka dahan kuras itu pun patah, maka Badang itu pun jatuh, kepalanya terhempas pada batu, [batu] itu pun belah, kepala Badang itu tiada belah; sekarang ada batu itu di Kuala Sayung, galahnya dan pilangnya itu pun ada lagi datang sekarang. Maka Badang itu pun kembalilah pulang sehari itu juga, dan pilangnya itu pun dimuatinya sarat dengan pisang dan ubi keladi, baharu ia lalu hingga Johor, semuanya habis dimakannya.

Sekali persetua baginda Seri Rana Wikrama berbuat sebuah pilang di hadapan istana, [32] panjangnya dua belas. Setelah sudah, maka hendak disurung dua tiga ratus orang, tiada tersurung, maka Badang disuruhkan menyurung dia. Maka oleh Badang sama seorang juga disurungnya meluncur[42] lagi ke seberang.

Setelah kedengaranlah[43] ke benua Keling, ada hulubalang Raja Singapura, Badang namanya, terlalu gagah. Adapun pada Raja benua Keling pun ada seorang pahlawannya terlalu gagah, oleh Raja benua Keling, pahlawan itu disuruhnya ke Singapura membawa tujuh buah kapal. Maka titah Raja benua Keling pada pahlawan itu, "Pergilah engkau ke Singapura lawan olehmu hulubalang Singapura itu bermain. Jikalau engkau alah olehnya, isi tujuh buah kapal ini berikanlah akan taruhnya. Jikalau ia alah, pintalah olehmu sebanyak isi tujuh buah kapal ini". Maka sembah pahlawan itu, "Baiklah, tuanku". Maka pahlawan itu pun berlayarlah ke Singapura dengan tujuh buah kapal itu.

Setelah datang ke Singapura, maka dipersembahkan orang kepada Seri Rana Wikrama, "Pahlawan dari benua Keling datang hendak melawan Badang bermain, jikalau ia alah isi tujuh buah kapal itulah akan taruhnya." Maka baginda Seri Rana Wikrama pun keluar dihadap orang, maka pahlawan Keling itu pun mengadap. Maka disuruh raja

40 Mungkin juga "beka"
41 W (67): "delapan depa"
42 W: "meluncur"
43 Sepatutnya berbunyi "Setelah itu kedengaranlah"

bermainlah dengan Badang, maka barang mainnya tewas juga pahlawan Keling itu oleh BadangMaka ada sebuah batu di hadapan balai rong itu terlalu amat besar. Maka kata pahlawan Keling pada Badang itu, "Marilah kita berkuat-kuatan mengakat[44] batu itu, barang siapalah pada terangkat olehnya, alah". Maka sahut Badang, "Baiklah, angkatlah oleh tuan hamba dahulu". Maka diangkatnyalah oleh pahlawan Keling itu, pada terangkat; maka disungguh-sungguhnya, terangkat batu itu hingga lutumya laju dihempaskannya. Maka katanya pada Badang, "Sekarang pergantian tuan hambalah". Maka kata Badang, "Baiklah". Oleh Badang batu itu, diangkatnyalah batu itu lalu dilambungnya, seraya dilemparkannya ke seberang Kuala Singapura; itulah batunya yang ada datang sekarang ada pada ujung Tanjung Singapura itu. Maka oleh pahlawan Keling itu, ketujuh buah kapal itu dengan segala isinya diserahkannya kepada Badang itu. Maka pahlawan Keling itu pun kembali dengan dukacitanya sebab kemaluan alah melawan oleh Badang itu.

Hatta maka kedengaranlah ke Perlak, "Bahawa hulubalang Raja Singapura itu terlalu amat gagah, Badang namanya, tiada ada samanya pada zaman ini". Adapun diceriterakan oleh orang yang empunya ceritera ini, bahawa pada Raja Perlak[45] pun ada pahlawan, Bendarang namanya, terlalu gagah kenamaan. Tatkala orang berkhabarkan Badang itu Bendarang ada mengadap Raja Perlak, maka sembah [33] Bendarang pada Raja Perlak, "Tuanku, masakan Badang itu gagah dampada yang diperhamba. Jikalau dengan titah tuanku, supaya hamba pergi ke Singapura melawan Badang itu bermain". Maka titah Raja Perlak, "Baiklah, engkau pergi ke Singapura". Maka titah Raja Perlak kepada Mangkubumi Tun Perpatih, "Hendaklah tuan hamba pergi ke Singapura karena Bendarang ini hendak hamba titahkan ke Singapura". Maka sembah Tun Perpatih Pandak, "Baiklah, tuanku". Maka Tun Perpatih Pandak pun menyembah lalu keluar mengerahkan orang berlengkapkan perahu. Setelah sudah lengkap, maka Tun Perpatih Pandaklah yang dititahkan Raja Perlak ke Singapura membawa Bendarang. Maka surat pun diarak ke perahu, maka Tun Perpatih Pandak pun berlayarlah ke Singapura.

Hatta berapa hari di jalan maka sampailah ke Singapura. Maka persembahkan oranglah kepada Raja Singapura, "Tuanku, Tun Perpatih Pandak, Mangkubumi Raja Perlak, datang membawa Bendarang

44 mengangkat

45 dieja كفرلق (Kafr-l-q)

namanya, pahlawan Raja Perlak disuruh bagında mencuba kuat dengan Badang." Setelah bagında Seri Rana Wikrama mendengar sembah orang itu, maka bagında pun keluarlah diadap segala raja-raja dan perdana menteri[1], sida-sida, bentara, hulubalang, biduanda sekalian hadir mengadap. Bagında Seri Rana Wikrama pun memerintahkan Maha Indera Bupala menjemput surat Raja Perlak membawa gajah. Maka surat itu pun datanglah masuk, maka surat itu pun dibaca oranglah, terlalu amat baik bunyinya. Maka Tun Perpatih Pandak pun menjunjung duli, maka disuruh baginda duduk setara dengan Tun Perpatih Pandak[2] Jana Buga Dendang, maka Bendarang itu didudukkan setara dengan Badang. Maka titah bagında Seri Rana Wikrama pada Tun Perpatih Pandak, "Apa pekerjaan tuan hamba disuruhkan saudara kita?" Maka sembah Tun Perpatih Pandak, "Patik dititahkan paduka adinda membawa patik ini, Bendarang disuruh mencuba kuat Badang; jikalau Bendarang alah seisi sebuah gedung dipersembahkan paduka adinda ke bawah duli tuanku; jikalau Badang pun demikian lagi." Maka titah bagında Seri Rana Wikrama, "Baiklah, esoklah kita adu bermain." Sesaat duduk berkata-kata, maka bagında Seri Rana Wikrama pun berangkatlah masuk, maka segala yang mengadap pun masing-masing kembali ke tempatnya.

Maka bagında Seri Rana Wikrama pun menyuruh memanggil Badang, maka Badang pun datang mengadap. Maka titah bagında, "Esok hari Badang kita adu bermain dengan Bendarang." Maka sembah Badang, "Tuanku, akan Bendarang pada zaman ini pahlawan gagah bukan barang-barang perkasanya, termasyhur pada segala negeri. Jikalau patik alah tadakah Duli Yang Dipertuan malu? Pada hikmat patik, jikalau Duli Yang Dipertuan [34] hendak mengadu patik dengan dia, baik ia dipanggil pada malam ini dianugerahat ayapan, supaya patik melihat kelakuannya; jikalau dapat patik lawan, melawan dia; jikalau tiada dapat, tuanku teguh kelak, patik jangan diberi berlawan dengan dia." Maka titah bagında Seri Rana Wikrama, "Benar bicaramu itu."

Setelah hari malam, maka bagında pun menyuruh memanggil Tun Perpatih Pandak dan Bendarang dengan segala orang temannya. Setelah datang, maka dianugerahi dia ayapan, makan-minum bersuka-sukaan. Adapun Bendarang hampir duduk di sisi Badang, maka oleh Badang

---

1. Dalam naskhah ini, di sebelah-menyebelah tempat "perdana menteri" seakan-akan tertulis kepada satu bilangan yang ramai.
2. Ini mungkin satu kesilapan. Ia bangkit seperti biasa, disuruh bagında duduk setara dengan Tun Jana Buga Dendang.
3. Sisi = tepi.

dirusukinya[49] Bendarang, maka oleh Bendarang ditindihnya paha Badang dengan pahanya, ditekankannya sungguh-sungguh, maka oleh Badang diangkatkannya pahanya, terangkat paha Bendarang. Maka oleh Badang ditindihnya pula paha Bendarang, maka oleh Bendarang diangkatnya pahanya, hada terangkat. Adapun akan kelawan[50] Bendarang dengan Badang, segala orang yang banyak duduk itu seorang pun tiada melihat dia, melainkan ia dua orang jua yang tahu[51]. Setelah sejam malam, maka segala utusan itu pun mahuklah, maka sekalannya mohon kembali ke perahunya.

Setelah utusan sudah pulang, maka baginda Seri Rana Wikrama pun bertanya kepada Badang, "Dapatkah engkau melawan Bendarang?" Maka sembah Badang, "Tuanku, jikalau dengan daulat Duli Yang Dipertuan dapatlah patik melawan dia. Esok hari tuanku adulah patik dengan dia." Maka titah baginda, "Baiklah." Maka baginda pun masuklah, maka segala orang pun masing-masing kembali ke rumahnya.

Adapun Tun Perpatih Pandak, setelah sampai ke perahunya maka Bendarang berkata pada Tun Perpatih Pandak, "Jikalau dapat dengan bicara tuan hamba, janganlah hamba diadu dengan Badang, kalau-kalau tiada terlawan oleh hamba, karena ia kepada pandangan hamba terlalu perkasa." Maka kata Tun Perpatih Pandak, "Baiklah, mudah juga hamba membicara akan dia."

Setelah itu hari pun sianglah. Dari pagi-pagi hari maka baginda Seri Rana Wikrama pun berangkatlah keluar dihadap orang. Maka Tun Perpatih Pandak pun masuklah menghadap, maka titah Seri Rana Wikrama pada Tun Perpatih Pandak, "Sekarang kita adulah Bendarang dengan Badang." Maka sembah Tun Perpatih Pandak, "Tuanku, janganlah kita adu, karena jikalau alah seorang, takut mengadu duli tuanku dengan paduka adinda." Maka baginda Seri Rana Wikrama pun tersenyum sebab mendengar sembah Tun Perpatih Pandak itu, maka titah baginda, "Baiklah, mana kata Tun Perpatih Pandak, tiada kita lalulah."

Maka Tun Perpatih Pandak itu pun mohonlah kembali. Maka baginda Seri Rana Wikrama pun memberi[52] dan kiriman kepada [35] Raja Perlak. Maka Tun Perpatih Pandak pun berlayarlah kembali ke Perlak. Pada satu

---

49 درسقن (d-r-s-q-ny) W (69) disusaknya.

50 كلون (k-l-w-n) B (214-9) mengagakkan perkataan sebenar yang mahu ditulis salah kelakuan.

51 W "Adapun akan kelawan Badang dengan Benderang itu seorang pun tiada melihat dia melainkan ia dua orang jua yang tahu."

52 W (70) "memberi surat."

riwayat. Bendaranglah yang meretangkan[53] batu tanfai yang di Singapura itu. Setelah Tun Perpatih Pandak sampai ke Perlak, maka surat itu pun diarak oleh Raja Perlak bergajah, dikepilkan ke balai, maka surat pun dibaca baginda, terlalulah sukacita hatinya Raja Perlak menengar bunyinya surat itu. Maka baginda bertanya kepada Tun Perpatih Pandak, "Oleh apa maka tiada jadi dhadu Bendarang dengan Badang?" Maka oleh Tun Perpatih Pandak segala peri[54] tatkala minum itu semuanya dipersembahkannya. Maka Raja Perlak pun dapat menengar sembah Tun Perpatih Pandak itu.

Hatta berapa lamanya, Badang pun matilah, maka ditanamkan oranglah di Buru. Setelah kedengaranlah ke benua Keling Badang sudah mati, maka dikirim oleh Raja benua Keling nisan batu; itulah nisannya ada sekarang ini.

Setelah tiga belas tahun umur baginda Seri Rana Wikrama di atas kerajaan, maka baginda pun mangkatlah, maka anakanda baginda Dema Rajalah naik raja menggantikan kerajaan ayahanda baginda, gelar baginda di atas kerajaan, Paduka Seri Maharaja. Maka isteri baginda, Dema Puteri pun bunting. Setelah genap bulannya maka baginda pun berputera[55] seorang laki-laki. Tatkala anak raja itu keluar, ditumpu oleh bidannya kena kepala baginda, menjadi lembang sama tengah, tinggi kiri kanan[56], maka dinamai oleh baginda Raja Iskandar Zulqarnain. *Wallahu a'lam bissawab.*

---

53 مرتفكن (m-r-t-f-k-n) W: "merentangkan"

54 W: "peri hal (Bendarang dan Badang)"

55 Dieja: مرغتري (b-r-p-u-t-r-y).

56 W: "tatkala anak raja itu jadi, ditumpu oleh bidannya akan kepala baginda, jadilah lembang sama tengah, tinggi kiri kanan"

6

ALQISAH

Maka tersebutlah perkataan Raja Pasai, demikian mulanya perkataannya diceriterakan oleh orang yang empunya cerita ini. Ada Merah dua bersaudara diam hampir Pasangan. Adapun akan asal Merah itu dari Gunung Sengkuang[57] yang tuha Merah Caga namanya, yang muda Merah Silau[58] namanya. Maka Merah Silau menahan lukah kerjanya, kena gelanggelang, dibuangkannya. Maka ditahannya pula lukahnya itu, kena pula gelang-gelang itu. Setelah berapa lamanya demikian juga, maka oleh Merah Silau gelang-gelang itu direbusnya, maka gelang gelang itu menjadi emas, buhnya menjadi perak. Maka oleh Merah Silau ditahannya pula lukah, gelang itu direbusnya jadi emas seperti dahulu itu juga[59]. Setelah banyaklah Merah Silau beroleh emas, maka terdengarlah kepada Merah Caga, dipersembahkan orang kepada Merah Caga, "Bahawa adinda Merah Silau santap gelang gelang". Maka Merah Caga pun amarah akan adinda baginda Merah Silau, hendak [36] dibunuhnya. Setelah didengar oleh Merah Silau, ia pun lari ke Rimba Jerun. Adapun tempat Merah Silau beroleh gelanggelang itu, Padang Gelanggelanglah namanya datang sekarang.

Maka tersebutlah perkataan Merah Silau diam di Rimba Jerun. Maka orang yang di Rimba Jerun itu pun diemutsinya, maka sekalian orang itu pun semuanya menurut katanya. Pada suatu hari, Merah Silau pergi berburu, maka anjing Merah Silau bernama Si Pasai pun menyalak. Maka dilihat oleh Merah Silau Si Pasai menyalak di atas tanah tinggi seperti ditimbun tupanya; maka Merah Silau naik ke atas tanah tinggi itu, maka dilihatnya seekor semut besarnya seperti kucing. Maka oleh Merah Silau semut itu diambilnya, dimakannya. Maka tanah tinggi itu diperbuatnya akan tempat, maka dinamai Semudra, ertinya semut besar.

Maka tersebutlah pada zaman RasululLahi sallalLahu 'alayhi wasallam, bersabda pada segala sahabat, "Pada akhir zaman, sebuah

57 سنغكوغ (s n n g- k w n g) W "Sanggong"

58 W "Merah Silu"

59 W "Maka oleh Merah Silu ditahannya pula lukah itu, (kena) gelang gelang itu direbusnya jadi mas seperti dahulu itu juga"

negeri di bawah angin, Semudra namanya, maka apabila kamu dengan khabarnya negeri Semudra itu, maka segeralah kamu pergi ke negeri Semudra itu, bawa ia isi negeri Semudra itu berpihak kepada agama Islam[60], karena di dalam negeri Semudra itu banyak wali Allah akan jadi, tetapi ada pun[61] seorang fakir negeri Ma'bari[62] namanya, ialah kamu bawaserta kamu". Setelah berapa lamanya kemudian daripada sabda Nabi sallallLahu 'alayhi wasallam, maka terdengarlah kepada segala isi negeri Makkah nama negeri Semudra. Maka Syarif Makkah pun menyuruhkan sebuah kapal membawa segala perkakas kerajaan, seraya disuruhnya singgah ke negeri Ma'bari. Adapun nama nakhoda kapal itu Syaikh Ismail namanya.

Maka kapal itu pun berlayarlah lalu ia singgah di negeri Ma'bari. Maka kapal Syaikh Ismail itu pun berlabuh di laut. Adapun raja dalam negeri itu Sultan Muhammad namanya. Maka baginda menyuruh bertanya, "Kapal dari mana ini?" Maka sahut orang kapal itu, "Kami kapal dari Makkah hendak pergi ke negeri Semudra". Adapun Sultan Muhammad itu daripada anak cucu hadrat Abu Bakar as-Siddiq radiyalLahu 'anhu. Maka ujar orang kapal itu, "Karena kami pergi ini dengan sabda RasululLahi sallallLahu 'alayhi wasallam", dikatakan oleh mereka itu. Maka [oleh Sultan Muhammad] diperkatakannya anaknya yang tertua di negeri Ma'bari akan gantinya kerajaan[63], maka baginda dengan anaknya yang muda memakai pakaian fakir, meninggalkan kerajaannya, turun dari istana lalu naik kapal itu, katanya pada orang kapal itu, "Kamu bawa hamba ke negeri Semudra". Pada hati segala orang isi kapal itu, "Bahawa inilah sudah matahari[64] fakir yang seperti sabda RasululLahi [37] sallallLahu 'alayhi wasallam itu". Maka fakir pun dibawanyalah naik kapal itu lalu berlayar. Berapa lamanya di laut, maka sampailah kepada sebuah negeri, Fansuri namanya, maka segala orang isi negeri Fansuri itu pun masuklah Islam. Setelah esok hari, maka fakir itu pun naiklah ke darat membawa Quran, maka disuruhnya baca pada orang isi negeri Fansuri, seorang pun tiada dapat membaca dia. Maka kata fakir itu dalam

60 W(71) "maka segeralah kamu pergi ke negeri Semudra itu, bawa isi negeri itu masuk ke dalam agama Islam".

61 W pula

62 W "Ma'abri"

63 W "Karna kami pergi ini dengan sabda Rasul Allah salla llahu 'alaihi wa ssallama (Setelah didengar oleh Sultan Muhammad), maka dirajakannya anaknya yang tertua di negeri Ma'abri akan gantinya kerajaan"

64 B (215.c.107b) mudah mudahan. Saranan B nampak munasabah tetapi tidak seconok dengan ejaan [illegible] Cuba b u dal u n naskhah

hatinya, "Bukan negeri ini yang seperti sabda Nabi kita Muhammad sallaiLahu 'alayhi wasallam" Maka berlayar pula Nakhoda Ismail.

Berapa lamanya maka sampai kepada sebuah negeri pula, Lamiri[65] namanya, maka orang Lamiri itu pun masuk Islam. Maka fakir itu pun naiklah ke darat membawa Quran, maka disuruhnya baca pada orang negeri Lamiri itu Surat[66] itu, seorang pun tiada dapat membaca dia; maka fakir itu pun naik ke kapal lalu berlayar. Berapa lamanya, maka sampailah ke negeri Haru[67] namanya, maka segala orang dalam negeri Haru itu pun masuk agama Islam. Maka fakir naik ke kapal, maka ia turun membawa Quran, maka disuruhnya baca, maka seorang pun tiada tahu membaca dia, maka al-Fakir itu pun bertanya pada orang dalam negeri itu, "Yang bernama di mana negeri Semudra?"[68] Maka kata orang Haru itu, "Sudah lalu". Maka fakir itu pun naiklah ke kapal lalu berlayar pula. Maka jatuh ke negeri Perlak, maka mereka itu pun diislamkannya. Maka kapal itu pun berlayarlah ke Semudra.

Setelah sampailah ke Semudra, maka fakir itu pun naik ke darat, maka ia bertemu dengan Merah Silau berkarang di pantai. Maka fakir itu pun bertanya padanya, katanya, "Apa nama negeri ini?" Maka sahut Merah Silau, "Adapun nama negeri ini Semudra". Maka kata fakir itu, "Siapa nama pengetuanya dalam negeri ini?" Maka sahut Merah Silau, "Hambalah pengetuanya sekalian mereka itu". Maka oleh fakir itu Merah Silau itu pun diislamkannya, dan diajarnya kalimah al-syahadah. Setelah Merah Silau sudah Islam, maka Merah Silau pun kembalilah ke rumahnya, maka fakir pun kembalilah ke kapalnya.

Pada malam, maka Merah Silau pun tidur, maka ia bermimpi[69] dirinya berpandangan dengan RasululLahi sallalLahu 'alayhi wasallam, maka sabda RasululLahi sallalLahu 'alayhi wasallam pada Merah Silau "Hei Merah Silau, ngangakan olehmu mulutnya",[70] maka dingangakannya oleh Merah Silau mulutnya, maka diludahi Nabi sallalLahu 'alayhi wasallam mulut Merah Silau. Maka Merah Silau pun terjaga daripada tidurnya, maka diciumnya bau tubuhnya seperti bau narwastu.

Setelah hari siang, maka fakir pun naik ke darat membawa Quran,

65 Ejaannya nampak seakanakan طبري (t b r y) (Labri).

66 Tiada dalam W. Barangkali juga, "Surah".

67 هاري (h a r y). Boleh juga dibaca "Haru". W(72): "Haru".

68. Mungkin ini satu lagi kesilapan penyalin. Ayat itu mungkinsebaliknya berbunyi "Di mana negeri yang bernama Semudra?"atau "Negeri yang bernama Semudra di mana?"

69. "tidur, maka ia bermimpi" diulangi dua kali.

70. W "Hai Merah Silu, ngangakan mulutmu".

maka [38] disuruhnya baca pada Merah Silau, maka oleh Merah Silau dibacanya Quran itu. Maka kata fakir kepada Syaikh Ismail, nakhoda kapal, "Inilah negeri Semudra yang seperti sabda Nabi sallall ahu 'alayhi wasallam itu". Maka oleh Syaikh Ismail segala perkakasan kerajaan yang dibawanya itu semuanya diturunkannya dari dalam kapalnya, maka Merah Silau dirajakan, maka dinamai Sultan Malik al-Salih.[71]

Adapun orang yang besar-besar dalam negeri itu dua orang. Seri Kaya seorang namanya, Bawa Kaya seorang namanya; kedunya masuk Islam. Seri Kaya dinamai Saidi[72] Ali Ghiyasuddin. Bawa Kaya dinamai Saidi Semayad.[73] Maka Syaikh Ismail pun berlayarlah ke Makkah. Fakir itu tinggallah di negeri Semudra akan menetapi Islam isi negeri Semudra. Kemudian dari itu, maka Sultan Malik al-Salih menyuruhkan Saidi Ali Ghiyasuddin ke Perlak meminang anak Raja Perlak. Adapun Raja Perlak itu ada beranak tiga orang perempuan, dua orang itu anak gara, seorang anak gundik, Puteri Ganggang namanya. Setelah Saidi Ali Ghiyasuddin datang ke Perlak, ketiga anakanda baginda itu ditunjukkkan kepada Saidi Ali Ghiyasuddin, puteri yang dua bersaudara itu didudukkannya di bawah, anaknya Puteri Ganggang disuruhnya duduk di atas pada tempat yang tinggi, mengupas pinang; akan saudaranya, berkain warna bunga ai mawar, berbaju warna bunga jambu, bersubang lontar muda, memegang bunga jengkelenar, terlalu baik parasnya. Maka sembah Saidi Ali Ghiyasuddin pada Raja Perlak, "Anakanda yang duduk di atas inilah dipohonkan oleh paduka anakanda itu", tetapi Saidi Ali Ghiyasuddin tiada tahu akan Puteri Ganggang itu anak gundik Raja Perlak. Maka Raja Perlak pun tertawa gelak-gelak, katanya, "Baiklah! Mana kehendak anakku".

Maka raja Perlak pun menyuruh berlengkap seratus buah perahu. Tun Perpatih disuruhkan mengantarkan Puteri Ganggang ke Semudra. Setelah sampailah ke Semudra, maka Sultan Malik al-Salih pun keluar mengalu-alukan Tuan Puteri Ganggang hingga Jambu Air, dibawanya masuk ke negeri Semudra dengan seribu kemuliaan dan kebesaran. Setelah datang ke Semudra, maka baginda pun memulai pekerjaan bejaga-jaga berapa hari berapa malam lamanya. Setelah itu maka baginda pun kahawinlah dengan Tuan Puteri Ganggang itu. Setelah sudah kahawin, maka baginda

71 Perlu dibaca Malik us-Salih

72 سايد

73 سايد (s m a y d) W 73: "Saidi Asmayu d(Din)". Ditempat lain ia ditulis W sebagai Saidi Ali Asmayud(Din)

pun memberi kurnia akan segala hulubalang[74] dan memberi derma akan segala fakir miskin dalam negeri Semudra itu daripada emas dan perak, dan akan Tun Perpatih Pandak. Setelah sudah baginda kahawin, beberapa antaranya maka Tun Perpatih Pandak pun memohon kembali ke Perlak. Setelah itu maka Sultan Malik alSalih dengan Puteri [39] Ganggang beranak dua orang, keduanya laki-laki: yang tuha dinamai oleh baginda Sultan Malik al-Zahir,[75] yang muda itu dinamai oleh baginda Sultan Malik al Mansur. Anakanda baginda yang tuha itu diserahkan oleh baginda kepada Saidi[76] Ali Ghiyasuddin, anakanda baginda yang muda diserahkan baginda kepada Saidi Semayad.

Berapa lamanya, Sultan Malik al Zahir dan Sultan Malik al-Mansur pun besarlah di negeri Perlak. Perlak pun alah oleh musuh dari seberang, maka orang Perlak itu pun pindahlah ke negeri Semudra. Maka Sultan Malik al Salih pun fikir di dalam hatinya hendak berbuat negeri akan tempat anakanda baginda. Maka titah Sultan Malik alSalih pada segala orang besar-besar, "Esok harilah kita pergi bahuru". Setelah pagi-pagi hari, maka Sultan Malik al Salih pun naik gajah yang bernama Perma Dewana lalu berangkat ke seberang. Datang ke pantai, maka anjing bernama Si Pasat itu pun menyalak, maka Sultan Malik al-Salih pun segera mendapatkan anjing itu, maka dilihatnya anjing itu menyalak tanah tinggi sekiratkira seluas tempat istana dengan kelengkapannya, terlalu amat baik, seperti ditambak rupanya. Maka oleh Sultan Malik al-Salih tanah tinggi itu disuruhnya oleh baginda tebas, maka diperbuat negeri pada tempat tanah yang tinggi itu, dan diperbuatnya istana, maka dinamainya Pasai, menurut nama anjing itu. Maka anakanda baginda Sultan Malik al-Zahirlah dirajakan oleh ayahanda baginda di Pasai, Saidi Ali Ghiyasuddinlah dijadikan baginda Mangkubumi. Maka oleh Sultan Malik al-Salih segala rakyat, gajah, kuda, dan segala perkakas kerajaan semuanya dibahagi dua, sebahagi diberikan akan anakanda baginda tatu Sultan Malik al-Zahir dan sebahagi diberikan oleh baginda akan anakanda baginda Sultan Malik al-Mansur.

Setelah berapa antaranya, maka Sultan Malik al-Salih pun gemmlah. Maka baginda pun menyuruh[77] mengimpunkan segala orang besarbesar dalam negeri Semudra, dan kedua anakanda baginda diruah. Setelah

74 W "segalamenteri hulubalang"
75 W "Maliku 'l Thahir"
76 Pertama kali dieja, سيدى (Ss-y d y").
77 Ditulis dua kali

datanglah segala pegawai kerajaan dan anakanda baginda kedua dan segala orang yang besar, maka Sultan Malik al-Salih bertitah pada anakanda baginda kedua dan segala orang besarbesar, "Hei anakku kedua, dan segala tuulanku, kamu pegawaiku, bahawa aku ini telah hampirlah jikalau[a] akan mati, adapun barkbark kamu sekalian pada penunggalku ini. Hei anakku, jangan berbanyak tanak kamu akan segala ara orang dan jangan kamu ingin akan isteri anak hamba kamu, kamu kedua ini mualakat dua bersaudara dan jangan kamu [40] bersalahan dua bersaudara". Maka baginda bertitah pula pada Saidi Ali Ghiyasuddin dan Saidi Semayad, "Hei saudaraku, baik kamu kedua ini memeliharakan akan anak kamu kedua ini, dan jangan kamu bersalahan ia dua bersaudara, hentaklah kedua kamu jangan lagi mengubahkan setia kamu pada anakku keduanya, dan jangan kamu menyembah raja lain daripada anakku kedua ini". Maka kedua mereka itu pun sujud seraya menangis, maka sembah Saidi Ali Ghiyasuddin dan Saidi Semayad, "Hei tuanku, cahaya mata kami, demi Allah Ta'ala, Tuhan yang menjadikan semesta sekalian, bahawasanya kami kedua yang diperhamba, bahawa jadalah kami kedua ini mengubahkan wa'ad kami dan setia kami akan menyembah raja lain daripada paduka anakanda kedua ini".

Maka oleh Sultan Malik al-Salih anaknya Sultan Malik al-Mansur dirajakannya di Semudra. Selang tiga hari lamanya, maka Sultan Malik alSalih pun mangkatlah, maka ditanamkan di sisi istana baginda juga, maka disebut oranglah sekarang "Marhum di Semudra". Maka Sultan Malik alZahir dan Sultan Malik al-Mansur, kemudian daripadaayahanda baginda hilang, menyuruh mengumpunkan segala hulubalang dan segala rakyat, gajah dan segala alat kerajaan. Negeri Pasai makin besarlah, terlalu ramai.

Maka tersebutlah perkataan Raja Syahrun Nuwi, terlalu besar kerajaannya syahadan terlalu banyaklah hulubalangnya, dan rakyatnya tiada tepermanai lagi. Maka diceriterakan orang kepada Raja Syahrun-Nuwi, "Negeri Samudra terlalu ramai, segala dagang dan saudagar banyak dalam negeri Semudra, dan rajanya terlalu besar kerajaannya". Maka Raja Syahrun-Nuwi pun bertitahlah pada segala hulubalangnya, "Siapa kamu dapat menangkap raja Semudra?". Maka ada seorang hulubalang terlalu gagah berani, Awi Dicu namanya, maka sembahnya, "Tuanku, jikalau ada kurnia duli tuanku, empat ribu hulubalang diberi akan patik, patiklah menangkap Raja Semudra dan membawa dengan hidupnya ke bawah Duli

(a. W.G4) "ajalku".

Yang Dipertuan". Maka oleh Raja Syahrun-Nuwi diambilnya empat ribu hulubalang, dan seratus buah pilau, diserahkannya kepada hulubalangnya itu. Maka oleh hulubalang itu, jong yang seratus buah itu setelah sudah musta'idlah, maka disuruhnya berlayar ke negeri Semudra pura-pura berniaga, hingga habislah pilau itu berlayar. Maka Awi Dicu pun berlayarlah, mengatakan dirinya utusan daripada Raja Syahrun Nuwi. Setelah didengar oleh Semudra khabar utusan datang daripada Raja Syahrun-Nuwi, maka disuruh baginda alu-alukan pada segala hulubalang baginda.

Setelah sampai ke darat, maka surat pun dibawa oranglah. Maka oleh [41] Awi Dicu disinya peti empat orang hulubalang yang gagah-gagah, maka kata Awi Dicu pada hulubalang empat orang dalam peti itu, "Apabila datang kamu kelak ke hadapan Raja Semudra, kamu bukalah peti ini, keluarlah keempat kamu, tangkaplah Raja Semudra". Maka peti itu pun dikacinnya[79] dari dalam, maka diarahlah peti itu, dikatakannya bingkis daripada Raja Syahrun-Nuwi. Setelah ke hadapan Raja Semudra, maka surat pun dibacanya oleh orang demikian bunyinya. Maka peti itu pun dihantarkan oranglah di hadapan Raja Semudra, maka hulubalang Syahrun-Nuwi yang dalam peti itu pun masingmasing membuka pintunya, maka keluarlah ia, maka tangkapnya Raja Semudra. Maka segala hulubalang Raja Semudra pun ngeranglah, masing-masing mengunus senjatanya, hendak berperang dengan hulubalang Syahrun-Nuwi. Maka kata hulubalang Syahru-Nuwi, "Jikalau kamu perangi kami nescaya raja kamu ini kami bunuh!" Maka segala Pasai itu pun masing-masing berdiam dirinya, tadalah jadi berperang dengan segala hulubalang Syahrun-Nuwi itu. Maka Awi Dicu pun, dan segala hulubalang Syahrun-Nuwi pun turunlah ke jongnya membawa Raja Pasai lalu dilayarkannya kembali ke negeri Syahrun-Nuwi[80].

Datanglah ke negeri Syahrun Nuwi, maka Raja Pasai dipersembahkannya oleh Awi Dicu kepada Raja Syahrun-Nuwi. [Raja Syahrun-Nuwi] pun terlalu sukacita, maka Awi Dicu dan segala hulubalang yang pergi itu semuanya dipersalininya oleh baginda seperti pakaian segala raja-raja. Adapun akan Raja Pasai disuruhnya mengebala hayamnya.

Maka tersebutlah perkataan Saidi Ali Ghiyasuddin muafakat di negeri

79 [illegible] d k t y n y i W(75) "dikuncinya"

80 W "Maka Awi Dicu pun dan segala hulubalang Syahrun-Nuwi pun turunlah ke negeri Syahrun Nuwi". W teringgal "ke jongnya ... kembali"

Pasai dengan segala menteri yang tuha-tuha. Maka ia berkerah[81] kapal dan membeli segala dagangan Arab, karena segala orang Pasai pada zaman itu semuanya tahu bahasa Arab. Maka Saidi Ali Ghiyasuddin dan segala lasykarnya dalam kapalnya[82] itu sekaliannya memakai cara pakaian Arab. Maka Saidi Ali Ghiyasuddin pun naik ke atas kapalnya; setelah musta'idlah segala alat kapal itu, maka Saidi Ali Ghiyasuddin pun berlayarlah ke negeri Syahrun-Nuwi. Berapa lantanya di laut, maka sampailah ke negeri Syahrun-Nuwi. Maka Saidi Ali Ghiyasuddin pun [turun]lah ke darat lalu mengadap Raja Syahrun-Nuwi membawa persembahnya diperbuatnya sepohon kayu emas dan buahnya [42] daripada pelbagai permata, kira-kira sebahara emas harganya. Setelah melihat Raja Syahrun-Nuwi persembah Saidi Ali Ghiyasuddin, maka titah Raja Syahrun-Nuwi, "Apa juga kehendakmu kepadaku?" Maka sembah Saidi Ali Ghiyasuddin dan segala tentannya, "Tiada maya[83] kehendak kami." Maka baginda pun terlalu amat hairan melihat persembahan mereka itu sekaliannya, maka Raja SyahrunNuwi pun fikir dalam hatinya, "Apa mudahmudahan yang dikehendaki oleh mereka itu sekalian maka demikian persembah mereka itu kepada aku?" Maka sekalian mereka itu pun kembalilah ke kapalnya.

Setelah berapa antaranya, maka nakhoda kapal pun turun pula mengadap Raja Syahrun-Nuwi seraya membawa persembahan mereka itu, papan catur emas, buahnya permata, itu pun ada qimatnya[84] sebahara emas harganya. Maka kata Raja Syahrun-Nuwi, "Maya juga kehendak hati kamu kepada aku supaya kuberi akan kamu?" Maka sembah mereka itu, "Tiada maya kehendak kami tuanku", maka mereka itu pun kembali. Setelah berapa hari antaranya, musim akan kembali pun datanglah, maka Saidi Ali Ghiyasuddin pun membaiki alat kapalnya akan berlayar. Maka mereka itu pun mengadap Raja Syahrun-Nuwi dan membawa persembahannya itik emas bertatahkan ratna mutu manikam, dua ekor laki bini, kira-kira sebahara emas harganya, dan sebuah pasu emas besar, isinya air penuh. Maka itik itu pun keduanya dilepaskannya dalam pasu emas itu, maka itik itu pun keduanya berenang menyelam berambat-ambatan. Maka Raja Syahrun-Nuwi pun terlalu amat hairan melihat perbuatan itik hikmat itu. Maka titah Raja Syahrun-Nuwi, "Berkata

81 W(76) "berbuat sebuah"

82 Diem كفدان (kpd-a-ny)

83 ماي (Ma-y)

84 قيمتن (qymtn-y) Lihat juga B (c. 23)

benarlah kamu sekalian ini, maya juga kehendak kamu! Demi Tuhan yang kusembah ini, segala barang kamu kehendaki, tiada akan kami tahani".

Maka sembah Saidi Ali Ghiyasuddin, "Ya tuanku, jikalau ada kurnia Raja akan kami sekalian, orang ngembala bayan Raja itu kami pohonkan ke bawah duli Raja".[85] Maka titah Raja Syahrun-Nuwi, "Adapun ia ini Raja Pasai, oleh kamu kehendaki, maka kuanugerahakan". Maka sembah mereka itu, "Oleh ia Islam, maka kami pohonkan ke bawah duli Raja". Maka oleh Raja Syahrun-Nuwi pun, Sultan Malik al-Zahir pun dianugerahakannya kepada Saidi Ghiyasuddin, lalu dibawanya ke kapal. Setelah datang naik kapal maka dijandikannya dan dipersalinnya dengan pakaian kerajaan. Angin pun bertiup, sauh pun dibongkar oranglah, kapal [43] berlayarlah berapa pula hari di laut.

Maka tersebutlah perkataan Raja Malik al-Mansur di Semudra, pada suatu hari maka baginda memberi titah pada Saidi Semayad, "Aku hendak melihat abangku, betapa gerangan halnya". Maka sembah Semayad, "Jangan tuanku berangkat, kalau fitnah". Beberapa sabda Saidi Semayad maka Sultan Malik alMansur tiada juga didengarkannya oleh baginda. Maka Saidi Semayad pun diamlah. Maka disuruhnya memalu momongan,[86] demikian bunyinya, "Bahawa Sultan Malik al-Mansur hendak berangkatlah melihat negeri saudaranya". Pada Saidi Semayad tiada berkenan padanya karena ia menteri tuha lagi tahu pada segala pekerjaan, tiada dapat tiada fitnah juga. Maka oleh Sultan Malik al-Mansur digagahinya juga dirinya, berangkat juga ia mengelilingi negeri Pasai lalu masuk ke istana Sultan Malik alZahir. Maka baginda pun berahi akan perempuan dayang-dayang paduka baginda Sultan Malik al-Zahir, maka diambilnya, dibawanya kembali ke istananya. Maka baginda bertitah pada Saidi Semayad, "Hei bapaku, bahawa aku kedatangan suatu pekerjaan yang termusykil, dan hilanglah budi bicaraku karena terlalu-talu[87] oleh nafsuku, dan binasalah pekerjaanku sebab terkeras hawa nafsuku". Maka sembah Saidi Semayad, "Telah berlakulah[88] hukum Allah atas segala makhluknya".

---

85 Dalam naskhah RB terdapat ungkapan "SyahrunNuwi puri'selepas ini. Ini nyata kesilapan penulis/penyalin.

86. [illegible] (m-m-w-ng-n) W (77) "mong-mong"

87. W "terlawan"

88 Dieja [illegible] (b-r-l-k-l-h). Besar kemungkinan ini kesilapan penyalin. W "berlakulah"

Setelah itu maka kedengaranlah khabar Sultan Malik al-Zahir dikhabar akan orang sudah ada di Jambu Air, dan khabar Sultan Malik al-Mansur pun telah kedengaranlah. Maka Sultan Malik al-Zahir pun menaruh dendam dalam hatinya, tiada juga dikeluarkannya pada seorang pun. Maka menyuruh Sultan Malik al-Zahir pada Sultan Malik al-Mansur minta dialu-alukan raja penjaru[84] juga. Maka Sultan Malik al-Mansur pun keluarlah dari negeri Semudra, hilir ke kuala. Adapun Sultan Malik al-Zahir naik dari Sungai Ketul, lalu berjalan ke istana baginda. Maka Sultan Malik al-Mansur pun kembali ke Semudra, adalah ia fikir akan pekerjaannya yang telah lalu itu sebab ia tiada mau menurut bicara Saidi Semayad itu, tiadalah berguna sesalnya. Tetapi Sultan Malik al-Zahir sudah tergerak hatinya akan Sultan Malik al-Mansur.

Bermula akan Sultan Malik al-Zahir itu ada seorang anakanda baginda, Sultan Ahmad namanya, tatkala Sultan Malik al-Zahir tertangkap, anakanda baginda itu lagi kecil. Tatkala Sultan Malik al-Zahir kembali dari Syahrun-Nuwi, [44] akan Raja Ahmad, anakanda baginda itu, telah besarlah. Adapun Saidi Ali Ghiyasuddin itu pun menguar[85] akan dirinya, maka ada seorang menterinya Tun Perpatih Tulus Tukang Segara, ia jadi Mangkubumi akan ganti mentuhanya. Pada satu hari, Sultan Malik al-Zahir bertitah, "Tun Perpatih Tulus Tukang Segara, apa bicara tuan hamba akan pekerjaan Sultan Malik al-Mansur?" Maka sembah Tun Perpatih Tulus Tukang Segara, "Ada suatu mushihat kita." Maka titah Sultan Malik al-Zahir, "Kalau Sultan Malik al-Mansur mati?" Maka sembah Tun Perpatih Tulus Tukang Segara, "Jika mati Sultan Malik al-Mansur, bukanlah tukang namanya. Mari paduka anakanda Sultan Ahmad kita khatankan, maka Sultan Malik al-Mansur kita jemput, pada ketika itu juga kita kerjakan."

Maka Sultan Malik al-Zahir pun menyuruh mengasi negerinya dan balai rung; maka baginda pun memulai pekerjaan berjaga-jaga akan berkerja. Maka Sultan Malik al-Mansur pun datang, maka oleh Malik al-Zahir akan Sultan Malik al-Mansur dan Saidi Semayad juga disuruhnya masuk ke dalam, segala hulubalangnya semuanya tinggal di luar. Maka Sultan Malik al-Zahir akan Sultan Malik al-Mansur disuruh baginda tangkap keduanya dengan Saidi Semayad. Maka Sultan Malik al-Mansur

---

[84] فنجارو (penjaru) "Jaru" berarti "hirit" atau "penjahat". Mungkin juga yang dimaksudkan di sini ialah "penjarah" yang bermaksud "perampas", yakni merujuk kepada perbuatan Sultan Malik al-Mansur merampas gundik Sultan Malik al-Zahir itu. Daripada kata kerja "kuar".

disuruhnya bawa ke Manjung pada seorang hulubalang baginda. Kemudian dari itu, maka baginda bersabda kepada Saidi Semayad, "Engkau tinggal di sini, jangan serta pergi dengan Sultan Malik al-Mansur, jika engkau hendak pergi juga nescaya kusuruh panggal lehernya" [91] Maka sahut Saidi Semayad, "Baiklah kepala berceerai dengan badan, jangan berceerai dengan tuan" Maka oleh Sultan Malik al-Zahir disuruhnya kerat lehernya Saidi Semayad, kepalanya itu dibuangkan ke laut, badannya diselaka"[92] di Kuala Neh [93]

Adapun Sultan Malik al-Mansur dibawa oranglah berperahu ke timur. Setelah datanglah ia ke sebelah Jambu Air arah ke timur, maka dilihatnya oleh orang[94] kepala manusia lekat pada kemudi, maka diberi orang tahu Sultan Malik alMansur, maka disuruh baginda ambil. Maka dilihatnya kepala Saidi Semayad, maka baginda pun memandang ke darat, maka titah baginda, "Padang maya ini?" Sekarang pun "Padang Maya" juga disebut [45] orang. Maka Sultan Malik al-Mansur pun naiklah ke padang itu. Maka Sultan Malik al-Mansur pun menyuruh memohonkan maya Saidi Semayad kepada Sultan Malik al-Zahir, maka oleh baginda maya itu diberikan kepada Sultan Malik al-Mansur, maka oleh Sultan Malik al-Mansur maya Saidi Semayad serta kepalanya ditanamkan di Padang Maya itu. Setelah sudah, baginda pun pergilah ke Manjung. Penunggal Sultan Malik al-Mansur itu, Sultan Ahmad pun dikhatankan oleh paduka ayahanda baginda.

Setelah tiga tahunlah lamanya Sultan Malik al-Mansur di Manjung, maka Sultan Malik alZahir pun tersedarlah akan saudaranya iaitu baginda Sultan Malik al-Mansur, maka titahnya, "Wah, terlalu sekali hamak[95] budiku! Karena perempuan seorang, maka saudaraku kutunuhkan dari atas kerajaannya, dan menterinya pun kubunuh" Maka baginda pun menyesal

---

91 W(78) "lehermu"

92 دسلاك (d s-l-ak) W "disulakan" Mungkin agaknya W tepat

93 ني (n i y) W "Pasir"

94 Dieja فوارغ ("p w a r a ng") Suku ditentukan apakah sebenarnya perkataan itu. Adakah ia "perong" atau "porong" iaitu sepenggal laut? Barangkali ف (p) waktu telah tersilap dituliskan pensalin, tetapi agar naskhahnya tidak comot seperti di beberapa tempat lain, kesilapan itu tidak diputong. Hal ini bertambah jelas apabila "orang" sekali lagi ditambahkan sehingga ayat yang asalnya "maka dilihat oleh orang kepala manusia lekat pada kemudi" menjadi "maka dilihat oleh orang kepala manusia lekat pada kemudi orang". Kalaulah agaknya Winstedt ini tepat, maka inilah satu situasi perkataan "parang" dalam *Sulalat us-Salatin* naskhah RB

95 حسق (h-t-q)

dirinya, maka baginda pun menyuruhkan hulubalang berapa buah perahu menjemput saudaranya ke MANJUNGMaka Sultan Malik al-Mansur pun dibawa oranglah dengan tertib kerajaan. Setelah datanglah ke Padang Maya, maka Sultan Malik al-Mansur pun singgahlah ke darat mendapatkan kubur Saidi Semayad. Maka Sultan Malik al-Mansur pun memberi salam, katanya, "Assalamu 'alaykum, hei bapaku, inggallah bapaku di sini, karena hamba hendak pergi di Jambu[96] oleh abang hamba"Maka sahut Saidi Semayad di dalam di kuburnya, demikian katanya, "Ke mana pula baginda pergi? Baiklah kita di sini"Setelah didengar oleh Sultan Malik al-Mansur, maka baginda pun mengambil air sembahyang, lalu ia sembahyang dua raka'at sesalam[97] Setelah sudah sembahyang, maka baginda bergulinglah di sisi kubur Saidi Samayad, lalu baginda pun putuslah nyawanya lalu ia mati.

Maka dipersembahkan orang kepada Sultan Malik al-Zahir, bahawa paduka adinda sudahlah hilang di Padang Maya di sisi kubur Saidi Semayad. Maka baginda pun segera pergi mendapatkan paduka adinda baginda. Setelah datanglah ke Padang Maya, maka mayat Sultan Malik al-Mansur pun ditanamkan oleh paduka baginda seperti tertib rajaraja yang besar-besar, maka baginda pun kembalilah ke negeri Pasai dengan persintaannya. Maka oleh Sultan Malik alZahir, anakanda baginda yang bernama Sultan Ahmad dirajakannya, maka ia turunlah dari atas kerajaannya.

Setelah berapa lamanya, Sultan Malik al-Zahir pun geringlah, maka baginda pun berwasiat anakanda baginda Sultan [46] Ahmad, katanya, "Hei anakku, cahaya mataku, buah hatiku, jangan engkau melalui sembah segala hambamu barang suatu pekerjaanmu. Hendaklah engkau musyawarah[98] dengan segala menterimu, dan jangan engkau segera menggerakkan hati hambamu, dan hendaklah kau perbanyak sabar pada segala pekerjaan yang keji, dan jangan kau penggaruingan ibadatmu akan Allah Subhanahu wa Ta'ala, dan jangan engkau mengambil hak segala manusia dengan tiada sebenarnya"Maka Sultan Ahmad pun menangis menengar wasiat ayahanda baginda. Setelah berapa hari antaranya[99] maka Sultan Malik alZahir pun hilanglah, maka ditanamkan anakanda baginda hampir masjid. Maka Sultan Ahmadlah di atas kerajaan.

96 W (79) "dipemput"

97 W "salang"

98 مشاورة (musyawarah). Boleh juga dibaca "musyawarat" W "masyuarat"

99 W "lamanya"

Maka ada seorang hamba Allah di Pasai, Tuan[100] Jana Khatib namanya, maka ia pergike Singapura. Setelah datang ke Singapura, maka Tuan Jana Khatib pun berjalan di pakan[101] Singapura, ketika itu ia bersahabat dengan Tuan di Bungoran dan Tuan di Selangor. Maka sekali persetua, Tuan Jana Khatib berjalan hampir istana Raja Singapura, maka Tuan Puteri pun ada menengok, maka terpandang oleh Tuan Jana Khatib. Maka ada sebatang pinang hampir istana, maka ditikkan oleh Tuan Jana Khatib, menjadilah dua batang pinang itu. Setelah Paduka Seri Maharaja melihat peri hal itu, maka baginda pun terlalu amat murka, maka titah baginda, "Budinya Tuan Jana Khatib! Lagi diketahuinya isterinya kita menengok, maka ia menunjukkan pengetahuannya!" Maka disuruh baginda bunuh. Maka dibawa oranglah Tuan Jana Khatib ke ngumbuhan,[102] hampir tempat itu ada orang berbuat bikang, serta ditikam orang Tuan Jana Khatib, darahnya pun titik ke bumi, badannya lenyap terhantar di Langkawi. Maka oleh orang yang berbuat bikang itu sekepir[103] darah Tuan Jana Khatib itu diserkupnya dengan tutup pembikangan, lalu menjadi batu, itulah datang sekarang.

Setelah berapa lamanya, maka datanglah todak menyerang Singapura, maka segala orang yang di pantai itu dilompatinya oleh todak: jikalau kena dadanya, terus lalu mati, jikalau kena lehernya, terpelanting kepalanya lalu mati, dan jikalau kena pinggangnya, terus lalu mati. Maka banyaklah orang dibunuhnya oleh todak itu. Maka orang pun gemparlah berlarian mengatakan, "Todak datang menyerang kita, terlalu amat banyak sudah orang kita mati dibunuhnya!". Paduka Seri Maharaja pun naik ke atas gajah lalu keluar diiringkan oleh segala perdana menteri dan hulubalang, sida-sida bentara sekalian datang ke pantai. Maka baginda pun hairan [47] melihat peri hal todak itu; dilompatinya, barang yang kena ditikam todak itu berkontang-kanjang menyilih; makin banyak pula orang mati ditikam oleh todak itu. Maka baginda menitahkan segala rakyat berkotakan betis. Maka oleh todak itu dilompatinya, barang yang kena tikam todak itu lagi mati. Adapun todak itu seperti ujan rupa datangnya, orang mati pun tiada terkira-kira lagi banyak.

Maka pada antara itu, berkata seorang budak, "Apa kerja kita berkotakan betis ini? Mengapatah kita berdayakan[104] diri kita? Jikalau

100 W(80) "Tun"

101 فاكن ("pakan")

102 كڠمبوهن (ngumbuhan) W "ke pembunuhan"

103 سكفر (sikapir) yakni "seperekan". B(217c 137) sekepal

104 W "perdayakan"

kita berkotakan batang pisang, alangkah baiknya?" Setelah didengar Raja, maka titah Paduka Seri Maharaja, "Sungguh seperti kata budak ini". Maka baginda pun mengerah segala rakyat baginda berkotakan batang pisang. Maka todak itu pun datanglah serta melompat ia, lekat jongornya pada batang pisang itu, maka datanglah orang bantu memarang dia. Maka tiadalah terkira-kira lagi banyaknya mati, todak itu pun tiadalah melompat lagi.

Maka Paduka Seri Maharaja pun kembalilah ke istana baginda, maka sembah segala orang besar-besar, "Tuanku, budak itu jikalau sudah besar, nescaya besarlah akalnya. Baiklah ia kita bunuh". Maka titah Paduka Seri Maharaja, "Sungguh seperti kata tuan hamba sekalian itu". Maka budak itu pun disuruh baginda budak itu dibunuh;[105] tatkala ia akan dibunuh itu, maka ia menanggungkan haknya atas negeri itu.

Setelah datanglah umur baginda pada dua belas tahun enam bulan,[106] maka Paduka Seri Maharaja pun mangkatlah, maka anakanda baginda Seri Sultan Iskandar Syah di atas kerajaan. Maka baginda beristerikan anak Tun Perpatih Tulus, maka baginda pun beranak seorang laki-laki bernama Raja Kecil Besar. Maka ada seorang bendahari baginda, Sang Ranjuna[107] Tapa gelarnya, asalnya Saidi, orang Singapura, maka ada ia beranak seorang perempuan terlalu amat baik parasnya, dipakai oleh Raja, terlalu sangat dikasihi baginda. Maka difitnahkan oleh segala gundik raja yang lain, dikatakannya berbuat jahat. Maka Sultan Iskandar Syah pun terlalu murka, disuruh baginda perjenggikan[108] di ujung pasar. Maka Sang Ranjuna Tapa pun terlalu malu melihat hal anaknya itu, maka katanya, "Jikalau sungguh sekalipun anak hamba ada berbuat jahat, bunuh ia saja-saja[109]; mengapatah maka diberi malu demikian itu?" Maka Sang Ranjuna Tapa pun berkirim surat ke Jawa, demikian bunyinya, "Jikalau Batara Majapahit hendak menyerang Singapura, hendaklah segera datang, karena hamba adalah bantu dari dalam negeri".

Setelah Batara Majapahit [48] menengar bunyi surat bendahari Raja Singapura itu, maka Batara Majapahit pun segera menyuruh berlengkap

---

105 W (81): "Maka budak itu pun disuruh bunuh oleh baginda". Barangkali dalam naskhah asal ia berbunyi: "Maka budak itu pun disuruh baginda bunuh, maka budak itu dibunuh".

106 Yang dimaksudkan di sini ialah: "Setelah datanglah umur baginda pada dua belas tahun enam bulan di atas kerajaan".

107 رنجون

108 Didedahkan. Lihat W (218c, 143).

109 Teks: ساج (s-a-j-2).

tiga ratus buah jong, lain daripada itu kelulus, pilang, jongkong, tiada terbilang lagi banyaknya, maka dua keti[110] rakyat Jawa yang pergi itu, maka segala rakyat Jawa pun pergilah. Setelah datang ke Singapura, maka berperanglah dengan orang Singapura.

Ada berapa hari, maka Sultan Iskandar Syah menyuruhkan mengeluarkan beras pada bendahari akan pelabor segala rakyat, maka sembah Sang Ranjuna Tapa,"Beras tiada lagi", karena ia hendak belot. Setelah dinihari, maka Sang Ranjuna Tapa membuka pintu kota, maka Jawa pun masuklah, maka beramuklah dengan segala orang Singapura di dalam kota. Daripada banyak kedua pihak rakyat itu mati, darah pun seperti air sebak, penuhlah melimpah dalam kota Singapura di tepi pantai itu; itulah darahnya yang ada sekarang dalam padang Singapura itu. Maka patahlah perang orang Singapura. Maka Sultan Iskandar Syah pun berlepaslah dirinya turun dari Seletar[111] lalu ke Muar. Dengan takdir Allah Ta'ala rumah Sang Ranjuna[112] Tapa dua laki isteri menjadi batu, itulah yang ada sekarang di parit Singapura itu. Setelah Singapura sudah alah oleh Jawa, maka Jawa itu pun kembalilah ke Majapahit.

Maka Sultan Iskandar Syah pun sampailah ke Muar, maka baginda diam pada satu tempat. Serta hari malam, datanglah biawak terlalu banyak. Setelah hari siang, maka dilihat orang biawak naik penuh pada tempat itu, maka dibunuh oranglah biawak itu dan dibuangkan orang ke sungai, dan berapa yang dimakan orang. Apabila malam, datang pula biawak itu, bertimbun-timbun, serta siang, dibunuh orang pula, dan dibuangkan orang. Serta malam, datang pula biawak itu. Maka menjadi busuklah tempat itu; datang sekarang pun nama tempat itu "Biawak Busuk" disebut orang.

Maka Sultan Iskandar Syah pun berpindahlah daripada tempat itu lalu berjalan pada satu tempat, maka baginda pun berkota di sana. Pada siang hari dirikan kota itu, serta malam, buruk, maka dinamai orang tempat itu datang sekarang, "Kota Buruk". Maka Sultan Iskandar Syah pun berpindah dari sana lalu mendarat, berapa hari di jalan, maka baginda terus ke Naning[113] Ujung, maka dilihat oleh Sultan Iskandar Syah tempat itu baik, maka ditinggalkan baginda seorang menteri di sana, itulah maka

110. دوکه (d w k h)

111. Ditulis سله تر (s -l-h t r). Mungkin yang dimaksudkan ialah "turun dan sebelah seletar lalu ke Muar"

112. Di sini dieja ... (... j u n)

113. كننغ ("k n - n g") W (82) "Senng"

tempat itu menteri datang sekarang. Maka Sultan Iskandar Syah pun [49] berjalan berbalik dari sana terus ke tepi pantai, pada satu sungai, Bertam namanya. Maka Sultan Iskandar Syah berdiri di bawah sepohon kayu, maka baginda pun berburu, maka anjing diterjangkan oleh pelanduk putih. Maka titah Sultan Iskandar Syah, "Baik tempat ini, sedang pelanduknya lagi gagah, baik kita perbuatkan negeri".Maka sembah orang besar-besar, "Benarlah, tuanku, seperti titah Duli Yang Dipertuan itu". Maka disuruh baginda perbuatlah negeri pada tempat itu. Maka titah Sultan Iskandar Syah, "Apa nama kayu tempat kita berdiri ini?" Maka sembah orang sekalian, "Melaka namanya kayu ini". Maka titah Sultan Iskandar Syah, "Jika demikian, Melakalah nama negeri ini".

Maka Sultan Iskandar Syah pun diamlah di Melaka. Maka Sultan Iskandar Syah pun memerintahkan istiadat kerajaan baginda ialah: pertama, baginda berbuat menteri empat orang duduk di balai akan mangacara[114], dan berbuat bentara berdiri di tapakan empat puluh sebelah, akan menyampaikan barang suatu titah raja; dan membuat segala anak tuan-tuan akan biduanda kecil, pekerjaannya akan membawa segala alat raja.

Adapun akan Sultan Iskandar Syah Singapura, kerajaan baginda baharu tiga tahun Singapura pun alah oleh Jawa, lalu ke Melaka, karar baginda di Melaka dua puluh tahun, menjadi baginda di atas kerajaan dua puluh lima tahun. Maka datanglah pada peredaran dunia, maka Sultan Iskandar Syah pun mangkatlah. Maka anakanda baginda Raja Kecil Besarlah kerajaan menggantikan ayahanda; gelar baginda di atas kerajaan, Sultan Makota[115].

Adapun akan Tun Perpatih Tulus pun sudah hilang; anaknya jadi Bendahara. Maka Sultan Makota beristerikan anak Bendahara, maka baginda beranak tiga orang laki-laki, seorang bernama Radin Bagus, seorang bernama Raja[116] Tengah, seorang bernama Radin Anum. Setelah dua tahun lama baginda di atas kerajaan, maka Sultan Makota pun mangkatlah. Maka anakanda baginda yang bernama Raja Tengahlah kerajaan menggantikan ayahanda baginda, beristerikan anak Tun Perpatih Muka[117] Berjajar, beranak seorang laki-laki bernama Raja Kecil Bambang. Setelah Raja Tengah berapa lama di atas kerajaan, maka baginda pun terlalu adil pada memeliharakan segala rakyat, seorang pun

114 Dieja مڠچاري (ng g a r y) menggajari % B te 46
115 W "Megat"
116 W "Radin"
117 Besar kemungkinan yang dimaksudkan ialah "Permuka"

raja-raja di dalam alam ini tiada samanya pada zamannya itu.

Hatta pada suatu malam, baginda pun bermimpi berpandangan dengan elok Nabi kita Muhammad Mustafa sallalLahu 'alayhi wasallam, maka sabda RasululLah sallalLahu 'alayhi wasallam pada Raja Tengah, "Ucapkan olehmu 'Asyhadu an lailaha illalLah Wa asyhadu anna Muhammad ar-RasululLah'". Maka oleh Raja Tengah [50] seperti sabda RasululLahi sallalLahu 'alayhi wasallam itu diturutnya. Maka sabda RasululLahi sallalLahu 'alayhi wasallam pada Raja Tengah, "Adapun namamu Muhammad. Esok hari, apabila waktu asar, datang sebuah kapal dari Jeddah, maka turun orang dari kapal itu di pantai Melaka ini, hendaklah kau ikut barang katanya". Maka sembah Raja Tengah, "Baiklah". Maka Nabi Allah sallalLahu 'alayhi wasallam pun lenyaplah daripada mata Raja Tengah.

Setelah hari pun siang, maka Raja Tengah pun terkejut daripada beradu[118], maka dilihatnya kalamnya sudah khatan, dan mulut baginda pun tiada lepas daripada menyebut "Asyhadu an lailaha illalLah Wa asyhadu anna Muhammad ar-RasululLah". Maka segala dayang di dalam istana itu pun semuanya hairan menengar yang disebut raja itu. Maka kata menteri baginda, "Takutkan syaitan gerangan raja ini, atau gilakah kutaha? Baik kita segera memberitahu Bendahara[119]". Maka dayang-dayang itu pun memberitahu Bendahara[120], maka Bendahara pun datanglah, lalu masuk ke dalam istana. Maka dilihat raja itu tiada juga berhenti daripada menyebut, "Asyhadu an lailaha illalLah Wa asyhadu anna Muhammad ar-RasululLah".

Maka kata Bendahara, "Bahasa mana yang disebut Raja ini?" Maka titah, "Semalam kita bermimpi berpandangan dengan elok hadrat Nabi Muhammad sallalLahu 'alayhi wasallam". Maka mimpi baginda itu semuanya dikatakannya kepada Bendahara. Maka kata Bendahara, "Apa alamatnya, jikalau benar mimpi Raja itu?" Maka kata Raja Tengah, "Kalam hamba seperti dikhabarkan orang, itulah alamatnya tanda sah hamba mimpi RasululLahi sallalLahu 'alayhi wasallam, dan sabda RasululLah pada hamba, 'Waktu asar, pada saat lagi, datang sebuah kapal dari Jeddah[121], maka turun orang dari dalam kapal itu sembahyang di pantai Melaka ini, turutlah olehmu barang katanya'". Maka kata Bendahara, "Jikalau sungguh datang sebuah kapal pada waktu asar ini,

118 Ditulis "beradap"
119 W18 "bendahari"
120 Dieja بندهاری ("b-n-dh-a-r-y")
121 W "Asar sekarang datang sebuah kapal dari Judah"

sungguhlah mimpi Raja itu, jikalau tiada datang, maka bahawasanya syaitanlah yang mengaru-maru Raja ini". Maka titah Raja, "Benarlah seperti kata tuan hamba itu". Maka Bendahara[122] pun kembalilah ke rumahnya.

Hatta hari pun asarlah, maka datang sebuah kapal dari Jeddah, lalu ia berlabuh. Maka turunlah makhdum dari dalam kapal itu, Sayyid Abdul Aziz namanya, lalu sembahyang di pantai itu. Maka hairanlah segala orang melihat kelakuannya itu, maka kata segala orang itu, "Mengapa ini, tunggang-tunggit?" Berebutlah orang melihat dia, sehingga penuh, tiada bersela lagi,[123] dan harubiru bunyinya. Maka sampailah bunyinya ke dalam, kepada raja, maka raja pun segera naik gajah lalu berangkat diiringkan oleh orang besarbesar. Maka dilihat raja kelakuan makhdum sembahayang itu nyatalah yang seperti dalam mimpi baginda, maka titah raja kepada Bendahara dan kepada segala [51] orang besarbesar, "Nyatalah demikian yang seperti dalam mimpi kita itu".

Setelah sudah makhdum Sayyid Abdul Aziz sembahyang, maka raja pun menderumkan gajah, maka makhdum pun dibawa baginda naik gajah, lagi dibawa ke istana baginda. Maka Bendahara dan segala orang besarbesar pun masuk agama Islamlah. Maka segala orang Melaka, kecil besar, sekuanya disuruh raja masuk Islam kalian. Maka raja pun berguru kepada makhdum Sayyid Abdul Aziz. Maka baginda pun bergelar Sultan Muhammad Syah, adapun Bendahara bergelar Seri Amar Diraja, Syahadan Tun Perpatih Besar dijadikan baginda Penghulu Bendahari, bergelar Seri Nara Aldiraja[124], maka ia beranak seorang perempuan bernama Tun Pertana Sendaraya[125].

Maka Sultan Muhammad Syah pun mengatur takhta kerajaan baginda. Syahadan bagindalah yang pertama meletakkan kekuningan larangan[126], tiada dapat dipakai orang dan diambil akan sapu tangan, dan tiada dapat dibuat akan bibir tabir, dan ulas bantal besar, dan akan

122 Dieja, "bendahari"

123 W (84) "Maka berebutlah orang melihat dia sesak penuh, tiada bersela lagi"

124 الدراج (al-dra'j) W "diraja". Satu hal penting di sini ialah gelaran "Aldiraja dengan ejaan seperti yang dinyatakan itu digunakan terus menerus dalam naskhah RB. "Aldiraja" didapati digunakan di dalam beberapa gelaran lain termasuk "Seri Raja Aldiraja". Saya berpendapat ia tidak sebarangnya disebut "diraja"sahaja kerana ejaan دراج (dr-aj) memang ada digunakan untuk beberapa gelaran tertentu seperti "Seri Amar Diraja" di atas.

125 W "Tun Rana Sandari"

126 Kelihatan seperti "gerungan"

bungkus akan tilam[127] dan jangan diambil akan karang-karang benda kamu; dan jangan diambil akan perhiasan rumah[128] kamu, dan lain-lain daripada itu pun tiada juga dapat, melainkan akan kain, baju dan dastar, tiga perkara itu juga yang dapat. Dan larangan berbuat rumah peranjungan dan bertiang gantung tiada teletak[129] ke bawah yakni ke tanah, dan bertiang terus[130] dari hatap, dan berperangiman, jikalau pada perahu, bertingkap dan berpenghadapan, itulah yang larangan. Adapun pada payung, lebih putih daripada kuning, karena payung putih pekaran kerajaan, payung kuning payung anak raja-raja.

Bermula tiada dapat orang keluar memakai medapan[131] dan terapan keris; dan tiada dapat anak orang keluaran itu memakai kaki emas[132], jikalau emas berkepala perak, itu pun larangan Raja Melayu, barang siapa melalui dia, salah ke bawah duli, hukumnya denda mati. Sebermula segala orang beremas, sebagai mana sekalipun kayanya, tiada dapat dipakai, anugerah jikalau anugerah, dapatlah dipakainya selama-lamanya[133].

Sebermula jikalau orang masuk ke dalam, jikalau tiada berkain panjang dan berkeris di hadapan dan berseban, tiada dapat masuk, barang siapa pun baik; jikalau berkeris di belakang, dirampas oleh orang tunggu pintu, barang siapa melalui dia, denda mati.

Bermula jikalau baginda diadap orang, maka segala menteri yang besar-besar dan hulubalang yang besar-besar dan sida-sida[134] duduk di seri balai, maka segala anak raja-raja di kelek-kelekan kiri, segala anak cateria di kelek kelekan [52] kanan, segala abentara dan hulubalang muda-muda berdiri di tapakan memikul pedang, abentara yang di kiri itu daripada anak cucu menteri yang patut akan jadi Bendahara dan Penghulu

127 W menjuda bahagian ini menjadi "dan alasan bantal besar, dan tilam, dan bungkus barang apa-apa"

128 ?????

129 تلتح (t-l-ḥ)

130 Ejaannya kelihatan seperti untuk "besar" atau "lebar"

131 ?????? (m-d-p) W "pendok"

132 "[gelang] kaki emas" W "Bermula tiada dapat orang keluar memakai pendok dan terapan keris, sebesar besar orang keluaran tiada dapat bergelang kaki emas"

133 Nampaknya maksud ayat ini ialah "Sebermula segala orang beremas, sebagai mana sekalipun kayanya, tiada dapat dipakai[nya emas jikalau tiada dianugerah, jikalau dianugerah, dapatlah dipakainya selama lamanya" W "Bermula segala orang bemas, sebagaimana sekali pun kayanya tiada dapat dipakai, enggan jikalau anugerah, dapatlah dipaka selama lamanya"

134 Dieja, ????? ("s-y-d-y"). Mungkin "saidi"

Bendahari dan Temenggung. Kepala abentara yang di kanan itu anak cucu hulubalang yang akan dapat jadi Laksamana atau Seri Bija Aldiraja[135]; barang siapa bergelar Sang Guna, baik[136] Laksamana, barang siapa bergelar Sang Setia, bakal Seri Bija Aldiraja, dan barang siapa bergelar Tun Fikrama, bakal Bendahara, dan jikalau pada menjunjung duli, dulu abentara yang empat lima orang itu daripada segala sidasida yang duduk di seri balai itu, melainkan segala menteri yang besar-besar. Adapun segala nakhoda Campa yang pilihan dan anak tuan-tuan yang[137] duduk di selasar balai itu.

Adapun segala alat raja-raja seperti ketur dan kendi dan kipas dan pertsat dan panah diselang duduknya, melainkan puan jua dikelek-kelekan. Bermula pedang kerajaan, Laksamana, anak[138] Seri Bija Aldiraja memikul dia, duduknya di kelek-kelekan kiri. Bermula jikalau ada utusan datang, yang menyambut surat di balai kepala abentara yang di kanan; yang menyampaikan titah raja pada utusan kepala abentara dari kiri. Adapun perintah utusan datang atau pergi, kerikal dan cepe[139] dibawa hamba raja dari dalam, maka kerikal disambut abentara yang di kanan diletakkan had Bendahara. Maka tetapan[140] dan cepet diberikan pada orang yang membawa surat; jikalau seperti surat dari Pasai, dijemput dengan selengkap alat kerajaan: nafiri, nagara, payung putih dua berapit, gajah dikepitkan di ujung balai, karena raja dua buah negeri itu sama; jikalau tua muda sekalipun berkirim salam juga. Tetapi jikalau surat daripada yang lain, dikurangkan hormatnya daripada itu, sekadar gendang dan serunai dan payung kuning juga; jikalau patut, bergajah, jikalau patut, berkuda, diturunkan di luar pintu yang di luar. Jikalau raja yang besar sedikit, diberi bernafiri dan payung, satu putih, satu kuning, gajah diderumkan di luar pintu dari dalam.

Bermula utusan orang, jikalau pulang, dipersalini, bermula jika utusan dari Rekan, dipersalini juga; jikalau utusan kita akan pergi sekalipun, dipersalini juga.

---

135 W(85) "Seri Bija Diraja".

136 Dilihat daripada pernyataan seterusnya nampaknya yang dimaksudkan di sini ialah "bakal". W(85) "bakal".

137 "yang" di sini besar kemungkinan telah ditulis secara tidak sengaja disebabkan penyalin dipengaruhi pernyataan sebelumnya, "nakhoda Campa yang pilihan".

138 W "anak".

139 چيڤ (c y - p y) Dilihat daripada pernyataan seterusnya ia bermaksud cepet. W "cepu".

140 تتافن (t t a p n)

Bermula baginda jikalau menggelar orang, maka Raja diadap orang serta[141] adat utusan datang. Maka disuruh jemput orang bergelar itu; jika ia datuk[142], orang besar[143] juga menjemput dia, jikalau ia[144] orang kecil, orang [53] sedang menjemput dia[145]. Jikalau orang patut bergajah, dibawakan gajah, maka jika ia patut berkuda, dibawakan kuda; jikalau tiada patut berkuda, jalan saja dengan payung dan gendang dan serunai, tetapi payungnya ada yang patut berpayung hijau, ada yang patut berpayung biru, ada yang patut berpayung merah, sebesar-besarnya berpayung kuning, karena payung kuning payung anak raja-raja dan orang besar-besar, dan payung merah dan ungu itu akan payung sida-sida abentara hulubalang sekalian. Adapun payung biru itu, barangbarang orang bergelar.[146]

Setelah orang bergelar itu datang, maka dihentikannya, maka ciri dibaca orang di dalam, di hadapan raja, setelah sudah dibaca di hadapan raja, maka dibawa orang keluar. Adapun yang menyambut ciri itu daripada kaum keluarga orang yang bergelar jua, disampaikan tetapan, maka yang membaca ciri itu juga yang mengenakan kepada orang bergelar itu, maka dibawalah masuk, maka dibentangkan tikar barang di mana dikehendaki raja supaya kemudian pun di sanalah ia duduk. Maka datanglah persalin, jikalau akan Bendahara, lima ceper persalinnya seceper baju, seceper dastar, seceper sehai, seceper ikat pinggang, seceper kain. Bermula jikalau anak raja dan menteri dan ceteria, empat ceper persalinnya, ikat pinggang tiada. Sebermula jikalau hulubalang dan abentara sida-sida, tiga ceper kain seceper, baju seceper, dastar seceper dengan sehai disatukan seceper. Ada yang patut dua ceper, kain seceper, baju seceper, baju dengan dastar. Ada yang semuanya seceper. Ada yang tiada berceper: kain, baju, dastar dibirau-birau maka dampu oleh hamba raja yang membawa itu datang kepada orang yang bergelar itu, maka dipeluknya oleh orang itu lalu dibawanya keluar. Jikalau persalin akan utusan pun demikian juga adatnya, masing-masing pada patutnya.

---

141 W: "seperti".

142 Dieja, ‹d a t c h›. Mungkin bunyinya "datuh".

143 Ditulis terbalik: besar orang.

144 Ditulis "ada".

145 Dalam teks tertulis: "Maka disuruh jemput orang bergelar itu jika ia datuh [?] besar orang juga menjemput dia jikalau ada orang kecil orang sedang menjemput dia".

146 Terdapat beberapa kesilapan menulis/menyalin dalam petanggan ini. "Ada yang patut berpayung hijau"umpamanya, ditulis dua kali. "Sida-sida" ditulis "ma sidasida".

Setelah datang persalin, maka orang bergelar itu turun bersalin, sudah bersalin, masuk pula, dikenakan orang pula petam dan puntu[147] karena orang bergelar semuanya berpuntu, tetapi masing-masing pada patutnya ada yang berpuntu bernaga dengan penyagganya, ada yang berpuntu permata, ada yang berpenyangga sahaja, ada yang berpuntu perbuatannya seperti pelepah berah, ada yang berpuntu perak. Setelah sudah, maka ia menjunjung duli, sudah itu, lalu pulang, disuruh hantarkan pada barang siapa yang patutnya, atau orang yang menjemput itu juga mengantar dia. Maka beraraklah orang bergelar itu, ada yang bergendang seruna saja, ada yang bernafiri, ada yang bernagara dan berpayung putih, [54] tetapi mahallah adanya diperoleh pada zaman dahulu kala payung putih dan nagara itu, sedang payung kuning dan nafiri lagi sukar diperoleh.

Adapun jikalau raja berangkat hari berusung, Penghulu Bendahari memegang kepala usungan dan yang dari kanan, Temenggung memegang usungan dan yang di kiri kepala usungan, yang dari belakang, kepala abentara keduanya memegang dia, yang betul di tepi dekat lutut raja itu, Laksamana memegang dia yang dari kanan, Seri Bija Aldiraja memegang dia yang dari kiri. Maka segala abentara dan hulubalang berjalan dahulu di hadapan raja masing-masing dengan jawatannya. Maka alat kerajaan dibawa orang berjalan di hadapan raja, tombak kerajaan sebatang dari kanan, sebatang dari kiri, di hadapan raja segala alat itu. Segala abentara yang memikul pedang di hadapan segala orang berlembing. Adapun jogan namanya, di hadapan raja, dan di hadapannya gendang nagara dan kanan raja, nafiri dari kiri, karena pada berjalan, lebih kanan daripada kiri, pada kedudukan, lebih kiri daripada kanan. Pada mengadap pun demikian juga. Orang yang berjalan di hadapan raja itu, barang yang kecil dahulu. Adapun tombak dan segala pawai dahulu sekali, dan pelbagai bunyi-bunyian daripada serba jenis, sekalliannya dahulu. Adapun Bendahara berjalan di belakang raja dengan segala menteri yang besar-besar dan Kadi.

Bermula jikalau raja bergajah, Temenggung di kepala, laksamana atau Seri Bija Aldiraja di buntut, memikul pedang kerajaan. Adapun jikalau pada mengadap nobat, barang orang besar-besar, dari kiri gendang, barang yang orang kecil, dari kanan gendang. Adapun yang kena sirih nobat itu, pertama anak rajaraja dan Bendahara.[148] Penghulu Bendahari dan Temenggung dan empat orang menteri dan Laksamana dan

147 Dieja. [illegible] p.n.k.w.t W (86) "pontoh"

148 W tertinggal "Bendahara"

Seri Bija Aldiraja dan sida-sida yang tuha-tuha dan ceteria, tupun jikalau Bendahara mengadap nobat, maka dinugerahai sirih nobat, jikalau tada Bendahara mengadap nobat, tada dianugerahai sirih nobat jikalau ada anak raja-raja sekalipun.

Bermula jikalau raja berkerja, Penghulu Bendaharilah yang memerintahkan di dalam dan menyuruh mementang[149] tikar di balai dan mengias balai rong, mementang langitlangit dan menggantung tabir dan melihat makanan orang dan menyuruh mengucapi orang dan[150] memanggil orang, karena segala hamba raja dan segala bendahari raja semuanya terserah pada Penghulu Bendahari, seperti Syahbandar dan segala yang memegang hasil negeri raja, [55] sekalliannya dalam kirakira Penghulu Bendahari. Maka Penghulu Bendaharilah menyuruh memanggil orang; dan yang mengatur orang makan di balai rong itu Temenggung. Maka orang makan itu, had empat orang sedangan, terus lalu ke bawah demikian juga; jika temannya makan, tada seorang, tinggal tiga, jikalau tada dua, tinggal dua, jikalau tada tiga, tinggal seorang, makan juga ia, tada dapat yang di bawah itu naik menggenapi dia, istimewa yang di atas. Adapun Bendahara istiadatnya makan seorang sehidangan, atau dengan anak raja. Demikian lagi istiadat pada zaman Melaka, banyak lagi lain dari itu, jikalau dikatakan semuanya, nescaya bigung[151] hati orang menengar dia.

Bermula jikalau pada malam dua puluh tujuh, taikala pada siangnya mengarak sajadah ke masjid, Temenggung mengepalakan gajah, maka puan dan segala alat raja, kentungkentung,[152] semuanya di bawa ke masjid. Setelah malam, maka raja pun berangkat ke masjid seperti istiadat hari raja sembahyang 'Isya', lalu Tarawih, sudah itu, maka berangkat kembali. Setelah esok harinya, maka Laksamana mengarak serban kama adat raja Malayu berangkat ke masjid berserban dan berbaju jubah, itu pakaian larangan, maka jadi tiada dapat dipakai orang kahawin, melainkan barang siapa yang beroleh kurnia maka dapat memakai dia, dan memakai cara Keling taikala kahawin atau sembahyang hari raya, barang siapa orang yang sedia pakaiannya, dapatlah dipakainya.

149 منتغ (m-n-t-ng)

150 "dan" ditulis dua kali

151 بيغغ (b-yng-ng) W(87) "babang"

152 كنتغ ٢ (k-n-t-ng2) W "gantang gantang"

Setelah hari raya kecil atau hari raya besar, maka Bendahara dan segala orang besar-besar pun masuklah ke dalam; maka usungan pun diarak masuk oleh Penghulu Bendahari. Setelah melihat usungan masuk, maka segala orang yang duduk di balai habis turun, maka raja pun beraraklah dari dalam, keluar dari dalam[53] di atas gajah lalu ke astaka, maka raja pun naik ke astaka. Setelah segala orang yang melihat raja maka semuanya duduk di tanah, maka usungan itu pun terkepil di astaka; maka Bendahara segera naik menyambut raja, naik ia ke usungan, maka berangkatlah ke masjid maka seperti peraturan yang tersebut dahulu itu. Inilah istiadat bagi diperbenar, jikalau barang jahatnya, harus diperbaiki barang siapa yang ada ingat akan centeranya, jangan kiranya fakir diperkecilkan.

Sebermula berapa lamanya Sultan Muhammad Syah di atas kerajaan, maka terlalulah adil baginda memeliharakan segala rakyat. Maka negeri Melaka pun terlalu besarlah, dan segala dagang pun berkampung, dan jajahan Melaka pun makin [56] banyaklah, arah dari barat sehingga Beruas Ujung, arah timur hingga Terengganu Ujung Karang. Maka masyhurlah dari bawah angin datang ke atas angin bahawa negeri Melaka terlalu besar syahadan rajanya daripada bangsa anak cucu Iskandar Zulqarnain. Maka raja-raja pun sekaliannya pun datang ke Melaka mengadap Sultan Muhammad Syah. Maka oleh Sultan segala rajaraja yang datang itu semuanya dihormati oleh baginda dengan sepertinya dan dianugerahai persalin yang mulia-mulia dan dianugerahai ada dan emas perak terlalu amat banyak. *Wallahu a'lam bisawab wailaihil marji'u walmaab.*

[53] Jari dikira keluar dari dalam, pada dalam.

7

ALQISAH

Akatersebutlah perkataan ada sebuah negeri dibenua Keling. Pahuh namanya. Nizamul Muluk Akar Syah, nama rajanya. Adapun akan raja itu Islam dalam agama Nabi Muhammad Rasulullahi SallalLahu 'alayhi wasallam. Maka baginda pun beranak dua orang lakilaki, seorang perempuan, yang tuha lakilaki, Baginda Mani Purindan namanya, adapun yang tengah, Raja Akar Muluk Syah namanya. Maka baginda ayahanda[1] Raja Nizamul Muluk Akar Syah telangkah, maka anakanda baginda yang muda bernama Raja Akar Muluk Fad Syahlah yang kerajaan menggantikan ayahanda baginda. Maka baginda tiga bersaudara berbahagi pesaka: seperti dalam hukum Allah, demikianlah maka diturutnya.

Maka datanglah kepada cuki emas bepermata buahnya, sebelah permata merah, sebelah permata hijau, maka kata Baginda Mani Purindan kepada adiknya Raja Akar Muluk Fad Syah, "Cuki ini berkanlah akan saudara kita yang perempuan itu, karena bukan layak kita memakai dia"Maka kata Raja Akar Muluk Fad Syah, "Tuda hamba mau demikian, adapun yang kehendak hamba, kita nilaikan juga harganya cuki itu, jika saudara kita perempuan hendakkan dia, diberinya harganya pada kita"Baginda Mani Purindan pun malu oleh karena katanya tiada diturut oleh saudara, maka ia pun fikir di dalam hatinya, "Sedang pekerjaan kecil lagi tiada diturutnya oleh saudaraku, ini pula[3] jikalau pekerjaan besar, berapa lagi? Jikalau demikian, baik aku membuangkan diriku buang ke mana, jika aku di sini pun bukan aku kerajaan dalam negeri ini. Tetapi ke mana baik aku pergi? Melainkan ke Melaka juga, karena raja Melaka pada zaman ini raja besar, patutlah akan aku sembah, karena baginda [57] pun dapatlah anak cucu Iskandar Zulkarnain"Setelah demikian fikirnya maka Baginda Mani Purindan pun berlengkaplah ada berapa buah kapal, lalu berlayar ke Melaka.

Setelah datang ke Jambu Air, maka angin besar pun turun, maka kapal Baginda Mani Purindan tenggelamlah, maka Baginda Mani

1. W(88) "ayahanda baginda"
2. Beberapa akhir kata W menulis "Baginda" dengan huruf kecil
3. "pula" tiada dalam W

Purindan pun jatuh ke dalam air, terselepang pada belakang ikan alu-alu maka oleh ikan itu dilarikannya ke darat. Setelah terlanggar ke darat, maka Baginda Mani Purindan hendak naik ke darat berpengganggi[4] pada pohon gandasuli, maka Baginda Mani Purindan pun naiklah ke darat, itulah sebabnya maka dilarangkan oleh baginda itu segala anak cucunya jangan makan ikan alu-alu dan memakai bunga gandasuli. Maka Baginda Mani Purindan pun lagi ke Pasai, maka oleh Raja Pasai dudukkannya dengan anakanda baginda, pancar anak cucunyalah segala raja-raja Pasai. Maka Sultan Khamis, ayah Raja Suta yang diceraikannya itu berkeluarga dengan Melayu.

Setelah berapa lamanya ia di Pasai, maka Baginda Mani Purindan kembali ke benua Keling berlengkap. Setelah musim datang, maka Baginda Mani Purindan pun berlayarlah ke Melaka dengan segala layskarnya, penghulu lasykarnya Khoja Ali seorang namanya, Tandil Muhammad seorang namanya, dengan lima buah kapal sertanya. Setelah datang ke Melaka, maka diambil menantu oleh Seri Nara Aldiraja, didudukkannya dengan anaknya yang bernama Tun Ratna Sandari. Maka Baginda Mani Purindan pun beranak dengan Tun Ratna Sandari dua orang, seorang laki-laki, Nina Madi namanya, seorang perempuan, Tun Ratna Uti[5] namanya, maka diambil oleh Bendahara Seri Amar Diraja akan isterinya, beranak seorang laki-laki, Tun Ali namanya.

Hatta maka Bendahara Seri Amar Diraja pun kembalilah ke rahmatullah, maka Perpatih Sandanglah jadi Bendahara, bergelar Seriwa Raja. Hatta Seri Nara Aldiraja pun hilanglah, maka Tun Ali, anak Bendahara Seri Amar Diraja dengan Tun Ratna Uti anak Baginda Mani Perindan[6] itu, jadi Penghulu Bendahari, maka ia bergelar Seri Nara Aldiraja.

Maka Sultan Muhammad Syah beristerikan puteri Rekan, maka beranak seorang laki-laki bernama Raja Ibrahim, maka dengan isteri baginda anak Bendahara pun, baginda beranak laki-laki juga, bernama Raja Kasim. Adapun Raja Kasim itu tuha daripada Raja Ibrahim. Kehendak hati Raja Perempuan hendakkan Raja Ibrahim juga kerajaan menggantikan ayahanda baginda, maka diturutkan oleh Sultan [58] Muhammad Syah, tetapi Sultan Muhammad Syah kasih juga akan anakanda baginda Raja Kasim; daripada malunya akan Raja Perempuan

4 برفغكڠي (b r - p n g g - y) W (89) "beserta perpenggang"

5 اوتي (a w t y) W "Wati"

6 "Uti anak Baginda Mani Purindan" ditulis dua kali

juga, nadalah baginda berdaya lagi. Maka akan anak baginda Raja Ibrahim barang lakunya[7] baginda dibiarkan oleh Sultan Muhammad Syah. Adapun akan Raja Kasim, jikalau terambil kepada sirih orang secarik pun, dimurkai baginda. Maka segala rakyat pun benerlah akan Raja Ibrahim, kasihkan akan Kasim.

Hatta maka Raja Rekan pun datang mengadap ke Melaka, maka sangat dipermuha oleh Sultan Muhammad Syah karena [Raja] Perempuan itu keluarganya, maka didudukkan oleh baginda tara Bendahara, tetapi jikalau makan, ke bawah. Maka sembah segala hulubalang Rekan kepada rajanya, "Mengapatah kita seperti hayam, tidur di bumbungnya, makan di bawah rumah?' Baik mohon sekali-kali." Maka Raja Rekan pun duduk di bawah Bendahara. Maka diturutkan oleh Sultan Muhammad Syah, maka jadi Raja Rekan duduk di bawah Bendahara.

Setelah itu genaplah lima puluh tujuh tahun umur baginda di atas kerajaan, datanglah peredaran dunia, maka Sultan Muhammad Syah pun berpindahlah dari negeri yang fana ke negeri yang baqa. *Qalu inna lilLahi wainna ilayhi raji'un*. Setelah Sultan Muhammad Syah mangkat, maka anakanda baginda Raja Ibrahimlah kerajaan menggantikan kerajaan ayahanda baginda, gelar baginda di atas kerajaan Sultan Abu Syahid. Maka Raja Rekanlah memangku Sultan Abu SyahidMaka negeri Melaka pun seperti terhukumlah oleh Raja Rekan. Maka Raja Kasim ditahkan oleh Raja Rekan diam serta sang pengail ke laut. Adapun akan Raja Rekan seolah-olah ialah kerajaan dalam negeri Melaka, karena Sultan Abu Syahid itu lagi budak.

Maka segala orang besar-besar dan segala menteri dan hulubalang semuanya datang berkampung kepada Bendahara musyawarat, maka kata segala menteri dan hulubalang, "Apa halnya kita sekalian ini? Karena sekarang penaka Raja Rekanlah tuan kita, bukannya Raja Abu Syahid". Maka sahut Bendahara Seriwa Raja, "Apatah daya kita? Karena Raja Rekan tiada penah bercerai dengan Yang Dipertuan". Setelah menengar kata Bendahara itu, maka segala orang besar-besar itu pun sekalannya berdiam dirinya lalu masing-masing kembah ke rumahnya. Maka Seri Nara Aldiraja pun berbicara dalam hatinya akan pekerjaan itu. Maka Raja Kasim nerasa dipanggilnya, diberinya makan, karena Raja Kasim itu sepupu dengan Seri Nara Aldiraja.

Hatta berapa lamanya, maka datang sebuah kapal dari atas angin. [59] Setelah kapal itu berlabuh, maka segala nelayan sekalannya datang

7. Ditulis: بارغكون (barang guna).

berjual ikan pada orang dalam kapal itu. Maka Kasim[8] pun datang berjual ikan seperti laku pengail banyak itu. Adapun dalam kapal itu ada seorang maulat, namanya Maulana Jalaluddin. Setelah ia melihat Raja Kasim maka segera disuruhnya naik dan diberinya hormat sepertinya. Maka kata Raja Kasim, "Mengapa maka tuan hamba menghormati hamba? Karena hamba ini nelayan berjual ikan". Maka kata Maulana Jalaluddin, "Bahawa engkau ini anak Raja dalam negeri ini, kelak menjadi Raja Melaka". Maka kata Raja Kasim, "Apa daya hamba menjadi Raja? Jika dengan afwah Maulana mau menolongi hamba, maka dapat hamba menjadi Raja". Maka kata Maulana, "Pergilah tuan hamba ke darat, cahari[9] orang yang dapat mengerjakan pekerjaan tuan hamba. Insya Allah Ta'ala hasillah pekerjaan tuan hamba. Tetapi ada suatu janji kupinta kepadamu puteri yang diperisteri Raja Rekan itu, berikan kepada aku". Maka kata Raja Kasim, "Baiklah, jikalau hamba menjadi Raja". Maka kata Maulana, "Segeralah tuan hamba naik ke darat, bekerjalah[10] tuan hamba pada malam ini, bahawa Allah Subhanahu wa Ta'ala ada menyertai tuan hamba".

Maka Raja Kasim pun naik ke darat, maka Raja Kasim fikir, "Ke mana lagi aku pergi? Jika demikian, baiklah aku pergi pada Seri Nara Aldiraja karena ia saudara sepupu dengan daku, kalaukalau mau ia menolong duku". Setelah demikian fikirnya, maka Raja Kasim pergi kepada Seri Nara Aldiraja, maka segala kata Maulana itu semuanya dikatakannya pada Seri Nara Aldiraja. Maka kata baginda pada Seri Nara Aldiraja, "Maukah tuan hamba menyertai mengambil kerajaan ini?" Maka kata Seri Nara Aldiraja, "Baiklah". Setelah sudah ia berteguh-teguhan janji, maka Seri Nara Aldiraja pun berlengkap menghimpunkan orang. Maka Raja Kasim pun naik gajah yang bernama Juru Demang, Seri [Nara] Aldiraja mengepalakan gajah[11] Maka orang isi kapal itu pun semuanya naik ke darat dengan segala senjatanya. Maka kata Seri Nara Aldiraja pada Raja Kasim, "Apa bicara tuan hamba? Karena jikalau Bendahara tiada turut kepada kita, tiada ada kita akan menang". Maka kata Raja Kasim, "Apatah bicara orangkaya?" Maka kata Seri Nara

8. W (91) "Raja Kasim".
9. عبارة W "cari".
10. Pertama kali "bekerja" tidak deja "berkerja".
11. Tulisan asalnya berbunyi "Maka Raja Kasim pun naik gajah yang bernama Juru Demang pun ada bersama-sama dengan Seri Aldiraja mengepalakan gajah". Ini nyata kesilapan penyalin.

Aldiraja. "Mari kita pergi kepada Bendahara". Maka kata Raja Kasim. "Baiklah, mana bicara orangkaya, beta ikut". Maka pergilah Raja Kassim dan Seri Nara Aldiraja kepada Bendahara. Setelah datang ke luar pagar Bendahara, maka kata Seri Nara Aldiraja, "Segera beri [60] tahu Bendahara Seriwa Raja Yang Dipertuan nanti di luar". Maka segera diberi orang tahu Bendahara, maka Bendahara pun segera turun dari rumahnya, berkeris pun tiada, berdastar pun di jalan. Ada pun mafan itu sangat kelam kabut. Setelah datang Bendahara ke bawah gajah itu pun diderumkan oleh Seri Nara Aldiraja, maka katanya, "Bendahara, ilah menyuruh naik gajah". Maka Bendahara pun segera naik ke atas gajah itu, maka gajah itu pun berdiri lalu berjalan. Maka dilihat oleh Bendahara kilat senjata terlalu amat banyak, dan Raja pun bukannya Sultan Abu Syahid, maka Bendahara pun terlalu amat hairan melihat hal itu. Maka kata Seri Nara Aldiraja kepada Bendahara, "Apa bicara tuan hamba bahawa Raja Kasim hendak membunuh Raja Rekan?" Maka Bendahara pun tiada berdaya lagi, maka sahut Bendahara, "Sukalah hamba, karena Raja Kasim pun tuan hamba. Selamanya diikut hamba, hendak mengerjakan Raja Rekan itu". Maka baginda Raja Kasim pun terlalu sukacita mendengar kata Bendahara itu.

Maka baginda pun masuklah melanggar ke dalam, maka orang pun gemparlah mengatakan Raja Kasim melanggar ke dalam. Maka segala orang besar-besar dan orangkayakaya dan segala hulubalang sekalannya pun datang mengusir Bendahara sekalian mereka itu bertanya, "Mana Bendahara?" Maka sahut orang, "Bendahara sudah pergi bersamasama dengan Raja Kasim". Maka pada hati segala orang besar-besar itu, "Bendaharalah empunya pekerjaan ini!" Maka sekalian mereka itu pun mendapatkan Bendahara, sertalah dengan Raja Kasim, karena segala orang banyak pun sedia kasihkan akan Raja Kasim. Maka dalam itu pun alah. Adapun Raja Rekan tiada bercera dengan Sultan Abu Syahid. Maka kata Seri Nara Aldiraja, "Bahawa inah menyuruh menchut Sultan Abu Syahid, takut dibunuh Raja Rekan", berseru-seru melarangkan orang, "Jangan menikam Raja Rekan dahulu". [13] Maka tiada dengar akan orang sekalian, karena sangat sabur. Maka dirikam oranglah Raja Rekan tetus menetus. Setelah Raja Rekan merasai luka itu, maka dilikammya Sultan

12 W: "syukurlah"

13 Bahagian ini barangkali sepatutnya berbunyi "Maka kata Seri Nara Aldiraja, 'Bahawa inah menyuruh menchut Sultan Abu Syahid, takut dibunuh Raja Rekan', maka berseru-seru melarangkan orang, 'Jangan menikam Raja Rekan dahulu'"

Abu Syahid, maka baginda pun mati syahidlah, adapun umur baginda di atas kerajaan setahun lima bulan.

Setelah Raja sudah mangkat, maka Raja Kasimlah menggantikan kerajaan baginda, dirabalkan orang, bahawa gelar baginda kerajaan.[14] Sultan Muzaffar Syah. Maka Maulana pun minta janji dengan selengkapnya pakaiannya, maka diberikan kepada Maulana maka dikatakannya Puteri Rekan.[15] Maka pada hati Maulana ialah Puteri Rekan, maka segera [61] diambilnya lalu dibawanya ke atas angin.

Setelah Sultan Muzaffar Syah kerajaan, terlalulah baik lagi baginda dengan adilnya dan murahnya dan saksamanya pada memeriksa segala rakyat baginda syahadan ialah menyuruhkan menyurat kitab undang-undang supaya jangan lagi bersalahan segala hukum menterinya. Bermula akan Seri Nara Aldiraja terlalu sangat dikasih oleh raja barang suatu kataanya dan sembahnya tiada dilalui oleh baginda. Arakian, maka Sultan Muzaffar Syah pun beristerikan anak Radin Anum; maka [62] ia pun beranak seorang laki-laki terlalu baik parasnya, maka dinamai anakanda baginda Raja Abdul.

Maka suatu ketika Sultan Muzaffar Syah dihadap orang. Setelah sudah lama Raja dihadap orang, maka Bendahara pun[16] masuk hendak mengadap Sultan, maka Sultan Muzaffar Syah pun masuk ke dalam sebab sudah lama baginda duduk dihadap orang itu, tiada baginda tahu Bendahara datang itu, maka pintu tertutup ditup oleh angin. Maka pada hati Bendahara Seriwa Raja, "Bahawa Yang Dipertuan ini, murka kepada aku. Serta aku datang, Raja masuk, dan pintu pun ditutup." Maka Bendahara Seriwa Raja pun kembalilah ke rumahnya lalu makan racun. Maka Bendahara pun matilah sebab makan racun itu.[17] Maka dipersembahkan oranglah kepada Sultan Muzaffar Syah Bendahara sudah mati makan racun; maka segala peri hal ehwal sebabnya makan racun itu pun semuanya dipersembahkan orang kepada Sultan Muzaffar Syah. Maka baginda pun terlalu amat dukacita pergi mendapatkan[18] Bendahara

11 "di atas kerajaan".

13 Supaya maksud penyataan ini lebih jelas, berdasarkan Shellabear, W menambahkannya sebagai "Maka Maulana pun minta janjinya kepada raja, maka disuruh bayarkan harga seorang dayang-dayang yang baik rupanya dengan selengkap pakaian, maka diberikan kepada Maulana, maka dikatakannya Puteri Rekan".

16 "maka Bendahara pun" ditulis dua kali.

17 Dalam W (93), ayat ini hanya berbunyi "Maka Bendahara pun matilah".

18 W "menanakan". W meringkaskan ayat ini dan ayat berikutnya begini "Maka baginda pun terlalu amat dukacita pergi menanakan Bendahara Seriwa Raja seperti adat yang telah lalu. Maka tuah kan sejuk maka baginda tiada mikat sebab bercinakan Bendahara".

Seriwa Raja. Seperti adat yang telah lalu, maka tujuh hari tujuh malam baginda tiada nobat sebab berentakan Bendahara.

Setelah itu, maka Seri Nara Aldiraja dijadikan baginda Bendahara. Maka ada anak Bendahara Seriwa Raja tiga orang, yang tuha sekali perempuan, muda[19] keduanya laki-laki: yang perempuan itu Tun Kudu namanya, terlalu baik parasnya, maka diperisteri oleh Sultan Muzaffar Syah. Adapun anaknya yang tengah itu, Tun Perak[20] namanya, yang bungsu, Tun Perpatih Putih[21] namanya. Adapun akan Tun Perak itu tiada kena kerja raja, maka ia pergi beristeri ke Kelang, maka ia pun diamlah di Kelang sekali. Hatta berapa lamanya, orang Kelang pun menolak penghulunya, maka orang Kelang mengadap ke Melaka hendak memohonkan penghulu yang lain. Maka titah Sultan Muzaffar Syah, "Siapatah yang kamu kehendaki akan penghulu kamu?" Maka sembah orang, "Tuanku, jikalau ada kurnia Duli, Tun Peraklah patik pohonkan [62] akan penghulu patik sekalian." Maka titah Sultan Muzaffar Syah, "Baiklah." Maka Tun Perak menjadi penghulu Kelang itu.

19 [yang] muda.

20. Dieja فيري (p-y-r-y). Selepas ini ditulis فيرق (p-y-r-q).

21 Ditulis فوتن (p-w-t-n). Ini tentunya kesilapan penyalin yang pertama kali berjumpa nama tersebut, yang tidak jelas tulisannya dalam naskhah asal. Selepas ini, nama ini memang dieja فوته (p-w-t-h) W "Puth".

8

ALQISAH

Maka tersebutlah perkataan raja benua Siam. Daripada zaman dahulu kalanya, bahawa negeri Siam itu Syahrun-Nuwi namanya disebut orang, segala raja-raja yang di bawah angin ini semuanya takluk kepadanya, Bubunnya nama rajanya. Setelah kedengaranlah ke benua Siam bahawa Melaka negeri besar tiada takluk kepadanya, maka paduka Bubunnya pun menyuruh ke Melaka hendak minta surat sembah. Maka Sultan Muzaffar Syah pun tiada mau menyembah ke benua Siam. Maka raja benua Siam pun terlalu amarah, lalu menyuruh berlengkap akan menyerang Melaka; Awi Cakra nama panglimanya, membawa rakyat terlalu banyak. Maka diwartakan oranglah kepada Sultan Muzaffar Syah bahawa Raja benua Siam menyuruhkan hulubalangnya, Awi Cakra namanya, membawa rakyat terlalu banyak tiada tepermanai, berjalan darat terus ke hulu Pahang.

Maka Sultan Muzaffar Syah pun menengar khabar itu, dan menyuruh mengimpunkan segala rakyat yang di teluk rantau, disuruh mudik ke Melaka. Maka berkampunglah orang teluk rantau itu ke Melaka. Maka Tun Perak pun membawa orang Kelang mudik ke Melaka dengan anak isterinya sekali. Maka orang Kelang pun mengadap raja persembahkan segala perihal, demikian sembahnya, "Ya tuanku, segala teluk rantau yang lain semuanya mengadap ke Melaka dengan segala lakilaki juga. Akan patik sekalian dibawak oleh Tun Perak dengan anak, perempuan, sekali". [W] Setelah Sultan Muzaffar Syah menengar sembah orang Kelang itu, maka titah Sultan Muzaffar Syah pada seorang abentara baginda, Seri 'Imarat[23] namanya, "Jikalau Tun Perak kelak datang mengadap, katakan Seri 'Imarat seperti sembah orang Kelang itu, kepadanya". Adapun akan Seri 'Imarat itu asalnya daripada orang Pasai, tanah Semudra namanya, sebab ia terlalu cerdik lagi tahu berkata-kata, maka digelar baginda "Seri 'Imarat". Maka diperbuatkan oleh baginda suatu mangkubumi[24] betul-betul di bawah lutut baginda; di sanalah ia memikul pedang, talah yang

W(234) "Yatuanku, segala teluk rantau yang lain semuanya mengadap segala laki-laki juga. Akan patik sekalian dibawa oleh Tun Perak dengan perempuan sekali"

[H] عمارة (tga-r-t) W "Amarat"

24 W "suatu bangku tebal"

menyampaikan barang suatu titah raja.

Setelah itu, maka Tun Perak pun datanglah mengadap raja, maka kata bentara yang bergelar Seri 'Imarat kepada Tun Perak, "Tun Perak, segala orang Kelang ini, semuanya ia mengadukan halnya ke bawah Duli Yang Dipertuan; adapun akan segala orang teluk rantau [63] yang lain semuanya mengadap laki-laki juga, adapun akan orang Kelang ini mengadap, maka Tun Perak bawa dengan bawa semuanya, dengan perempuan sekali. Mapatahkah[25] maka demikian hal tuan hamba!" Maka tiada disahut oleh Tun Perak katanya itu. Maka sekali lagi pula katanya oleh Seri 'Imarat, tiada juga disahutinya oleh Tun Perak. Setelah genap tiga kali Seri 'Imarat berkata demikian itu, maka baharulah disahutinya oleh Tun Perak, katanya, "Hei, Si 'Imarat, tuan hamba dengan pedang sebilah itu juga hendaklah tuan hamba peliharakan baik-baik, jangan diberi berkata duli, jangan kemakanan[26] Akan pekerjaan kami orang bekerja, di mana tuan hamba tahu? Akan Duli Yang Dipertuan dalam negeri ini dengan anak isteri baginda dan segala perkakasannya, benarkah pekerti tuan hamba kami sekalian datang dengan laki-laki sahaja dengan jauh selat? Jika barang suatu hal negeri ini, apa hisabku padanya? Sebab itulah maka segala orang Kelang ini kami bawa dengan segala anak isterinya sekali, supaya ia berperang dengan musuh bersungguh-sungguh hati, kurang ia berlawankan Duli Yang Dipertuan, ia bertikamkan anak isterinya bersungguh-sungguh." Setelah Sultan Muzaffar Syah menengar kata Tun Perak itu, maka baginda pun tersenyum, maka titah baginda, "Benar seperti kata Tun Perak itu". Maka diambil oleh baginda sirih puan, diberikan baginda Tun Perak. Maka titah baginda, "Tun Perak tadalah patut duduk di Kelang lagi. Baiklah Tun Perak duduk di negeri".

Hatta maka orang benua Siam pun datanglah, lalu berperang dengan orang Melaka. Ada berapa lamanya berperang, maka banyaklah rakyat Raja Siam itu mati, Melaka pun tiada alah oleh Siam. Maka Siam pun kembalilah, seraya ia pulang itu, segala rotan ikat barang-barangnya itu semuanya dihimpunkannya di hulu Muar, maka rotan itu pun tumbuh, ada sekarang, itulah dinamai orang "rotan Siam", dan ka[yu] pasungan kayu bara itu pun tumbuh, ada sekarang di hulu Muar juga. Syahadan tunang tungku Siam, bekas menanak, itu pun tumbuh juga, datang sekarang. Setelah orang benua Siam sudah pulang, segala orang teluk rantau pun masing-masing pulang ke tempatnya. Maka Tun Perak pun tiada diberi

25. مقاله (mata/patah) Kependekan kepada "mengapatah". W "Mengapatah"
26. W "jangan diberi berkata, jangan kemakanan matanya"

juga pulang ke Kelang lagi, dan di Melakalah.

Maka ada seorang Keling[19] dianiaya di Kelang, teramaya oleh Tun Perak sedikit, maka ia berdatang sembah ke bawah duli Yang Dipertuan mengadukan halnya. Maka Sultan Muzaffar Syah memberi titah Seri Imarat menyuruh berkata kepada Tun Perak, 'Bahawa orang ini mengadukan halnya ke bawah Duli Yang Dipertuan bahawa ia teramaya [64] konon oleh Tun Perak'. Maka tada disahuti oleh Tun Perak. Setelah genap tiga kali ia berkata, maka bahasalah disahutinya oleh Tun Perak, katanya, "Tuan Seri 'Imarat, akan pedang sebilah itu juga tuan hamba asang jangan kemakanan. Akan pekerjaan kami orang menegang negeri maya dengan taduh tuan? Jikalau sebesar tempurung sekalipun, negeri namanya, baik juga kepada kami, kami kerjakan, karena Yang Dipertuan tiada tahu akan jahatnya, akan baiknya juga Yang Dipertuan tahu. Tetapi jikalau Duli Yang Dipertuan hendak mengacarakan kami dengan dia, pecahlah hamba dahulu seraya Keling itu maka kamu acarakanlah hamba, jikalau hamba belum dipecat, sebagai mana hamba diacarakan dengan sakalian."[20] Setelah sudah didengar Sultan Muzaffar Syah kata Tun Perak itu, maka berkenan pada hati baginda, maka titah Sultan Muzaffar Syah, "Adapun Tun Perak ini tadalah patut menjadi bentara lagi." Maka digelar oleh Sultan Muzaffar Syah, "Paduka Raja," maka disuruh baginda duduk di seri balai bertimbalau dengan Seri Nara Aldiraja.

Adapun akan Seri Nara Aldiraja itu telah tuhalah, tada beranak, telapi ada beranak dengan gundik seorang, tada diakunya, namanya Tun Syahid Madi. Setelah Tun Syahid Madi telah besar, maka Tun Syahid Madi pun beranak berceculah. Sekali persetua Seri Nara Aldiraja duduk di balai, dadap orang, maka Tun Syahid Madi pun lalu, maka dipanggil oleh Seri Nara Aldiraja, telah datanglah lalu diribanya oleh Seri Nara Aldiraja. Maka kata Seri Nara Aldiraja pada orang duduk itu, "Inilah anak hamba." Maka sahut segala orang banyak itu, "Sahaya sekalian pun tahu juga. Oleh tuanku juga mengaku itu, maka sahaya sekalian pun takutlah mengatakan dia." Maka Seri Nara Aldiraja pun tersenyum.

Bermula Baginda Mani Purindan pun telah kembalilah ke rahmatull ah. Ada anaknya seorang laki-laki bernama Nina Madi, tetah

---

19 Oleh sebab namanya sama dengan "Keling" boleh juga diberi'a 'Kelang'.

20 W (65) "Maka ada seorang Kelang mengadu ke dunya teramaya oleh Tun Perak sedikit."

20 W "Akan pekerjaan kami orang menegang negeri maya beduli tuan." Tetapi jikalau duli yang dipertuan hendak mengacarakan kami, pecahlah hamba dahulu, maka acarakanlah hamba, jikalau hamba belum dipecat, sebagai mana hamba diacarakan

menggantikan dia, bergelar Tun Bijaya Maha Menteri. Setelah Paduka Raja jadi orang besar, maka anak Melayu pun berbahagi dualah, setengah kepada Paduka Raja, setengah kepada Seri Nara Aldiraja, karena kedua sama orang asalı, maka Seri Nara Aldiraja tada muafakat dengan Paduka Raja. Bermula Sultan Muzaffar Syah pun tahu akan peri hal itu, maka baginda fikir berbicara hendak muafakatkan Seri Nara Aldiraja dengan Paduka Raja. Maka Sultan Muzaffar Syah menyuruh memanggil Seri Nara Aldiraja, maka Seri Nara Aaldiraja pun datanglah. Maka titah Sultan Muzaffar Syah, "Maukah Seri Nara Aldiraja [65] beristeri?" Maka sembah Seri Nara Aldiraja, "Jikalau dengan anugerah Yang Dipertuan baiklah tuanku". Maka titah Sultan Muzaffar Syah, "Maukah Seri Aldiraja[30] akan Tun Kumalu?" Maka sembah Seri Nara Aldiraja, "Mohon patik". Maka titah baginda, "Maukah Seri Nara Aldiraja akan Tun Bulan, anak Orangkaya Hitam?" Maka sembah Seri Nara Aldiraja, "Mohon patik". Maka beberapa segala anak orang besar-besar disebut oleh Sultan Muzaffar Syah, Seri Nara Aldiraja tiada juga berkenan, padanya mohon juga ia.[31] Maka titah Sultan Muzaffar Syah, "Mahukah Seri Nara Aldiraja akan Tun Kudu?" Maka sembah Seri Nara Aldiraja, "Daulat tuanku!"

Sebermula[32] akan Tun Kudu itu saudara Paduka [Raja] yang anak Bendahara Seriwa Raja, lagi diperisteri oleh Sultan Muzaffar Syah. Setelah Sultan Muzaffar Syah menengar sembah Seri Nata Aldiraja mau itu, maka dengan ke saat itu juga ditalak oleh baginda, maka dihantarkan ke rumah Paduka Raja. Maka kata segala anak buah Seri Nara Aldiraja, "Baganmana datuk hendak beristeri, karena datuk sudah tuha, dan bulu kening datuk pun sudah putih?" Maka kata Seri Nara Aldiraja, "Di mana engkau semuanya tahu! Jikalau demikian, sia-sialah yang dibeli oleh bapaku sekati di benua Keling itu".[33] Setelah sudah lepas 'iddah, maka Seri Nara Aldiraja pun duduklah dengan Tun Kudu. Maka menjadi patutlah Seri Nara Aldiraja dengan Paduka Raja, menjadi berkasih-kasihan seperti saudara sejalan jadi. Maka sembah Seri Nara Aldiraja pada Sultan Muzaffar Syah, "Tuanku, baiklah Paduka Raja dijadikan Bendahara,[35] karena ia sedia anak Bendahara". Maka titah Sultan

30 "[Nara] Aldiraja"

31 W(36): "Maka beberapa ... tiada juga berkenan pada Seri Nara Aldiraja"

32 W: "Adapun"

33 W: "demikian"

34 W: "sia-sialah (cula) yang dibeli oleh bapaku sekati (mas)"

35 Deja, L: ("bendara"): Barangkali bunyinya"bendara"

Muzaffar Syah, "Baiklah". Maka Paduka Raja dijadikan raja Bendahara.

Adapun Bendahara Paduka Raja itulah yang dikatakan orang bijaksana, karena pada zaman itu tiga buah negeri sama besarnya: pertama Majapahit, kedua Pasai, ketiga Melaka. Dalam negeri yang tiga buah itu, tiga orang yang bijaksana: di Majapahit, Anta Gajah Mada namanya; di Pasai, Orangkaya Raja Kenayan namanya; di Melaka, Bendahara Paduka Raja namanya. Maka Seri Nara Aldiraja pun menjadi Penghulu Bendahari.

Hatta berapa lamanya, maka datanglah orang benua Siam menyerang Melaka, Awi Dicu, nama panglimanya. Maka kedengaranlah khabarnya ke Melaka. Maka Sultan Muzaffar Syah pun menitahkan Bendahara Paduka Raja berlengkap akan mengeluari ia orang benua Siam, dengan Seri Bija Aldiraja dan segala hulubalang sekalian dititahkan mengiringkan Bendahara. Adapun akan Seri Bija Aldiraja itu asal Melayu, bermula asalnya kunu[36] daripada mutah lembu, ialah yang dipanggil [66] orang "Datuk Bongkok", apabila ia berjalan atau duduk, bongkok ia, serta ia menengar khabar musuh, betul, daripada sangat gagah beraninya maka digelar Seri Bija Aldiraja, jadi hulubalang besar, duduk di atas segala hulubalang. Setelah sudah lengkap, maka Bendahara pun pergilah mengeluari Siam itu bersama-sama dengan Seri Bija Aldiraja dan hulubalang banyak.

Maka Siam pun hampirlah sampai ke Batu Pahat. Maka ada seorang anak Seri Bija Aldiraja, Tun Umar namanya, terlalu berani, kelakuannya gila-gila basa,[37] maka Tun Umar itu disuruhnya oleh Bendahara solu,[38] maka Tun Umar pun pergilah dengan sebuah[39] dirinya, perahunya olang-oleng. Setelah bertemu dengan perahu orang Siam yang banyak itu, maka dilanggarnya sekali, dua tiga buah perahu Siam itu alah, lalu ia terus ke sebelah; maka ia berbalik pula, dilanggarnya pula yang lain, itu pun dua tiga buah perahu Siam itu alah olehnya; maka Tun Umar pun kembalilah. Maka orang Siam itu pun terlalu hairan.

Setelah hari malam, maka Awi Dicu pun datanglah. Maka oleh Bendahara Paduka Raja segala pohon bakau, dan pohon nyirih, dan pohon tumu, dan pohon api-api, dan segala pohon kayu itu sekaliannya

36 كنو (k-n-w) kuno. Mungkin juga kesalahan ejaan untuk "koneh".

37 بلاس (b-l-s)

38 صولو (s-w-l) = sulub

39 Yang dimaksudkan di sini ialah "seorang".

diambannya puntung api. Setelah dipandang oleh orang Siam api tiada lagi terlalang banyaknya, maka kata hulubalang Siam, "Terlalu amat banyak kelengkapan perahu Melayu ini, tiada terbilang lagi peri banyaknya. Jikalau ia datang, betapa hal kita? Sedang sebuah perahunya tadi lagi tiada terlawan oleh kita." Maka kata Awi Dicu, panglima Siam itu, "Benar seperti kata kamu itu. Marilah kita kembali." Maka segala orang Siam itu pun kembalilah. Adapun perigi Batu Pahat itu, orang Siamlah yang menahan" dia. Maka dipenkut oleh Bendahara Paduka Raja hal Singapura.

Maka Bendahara Paduka Raja pun kembalilah ke Melaka mengadap Sultan Muzaffar Syah, maka segala peri hal ehwal itu sekaliannya dipersembahkannya kepada Sultan Muzaffar Syah. Maka Sultan Muzaffar Syah pun terlalu sukacita, maka baginda memberi anugerah pesalin akan Bendahara pakaian yang indra-mulia dan Seri Bija Adiraja dan segala hulubalang yang mengiringkan Bendahara Paduka Raja sekaliannya diberi anugerah oleh Sultan Muzaffar Syah.

Maka tersebutlah perkataan orang Siam yang kembali itu. Setelah datang ke Syahrun Nuwi, maka Awi Dicu pun masuk mengadap Bubunnya, maka segala peri hal ehwal itu sekaliannya dipersembahkan oleh Awi Dicu kepada Bubunnya. Maka ada seorang anak Bubunnya, Cau Pandan namanya, telah yang sakap kepada ayahanda baginda, akan menyerang Melaka. Maka Bubunnya pun menyuruhkan orang [67] berlengkap akan pergi ke Melaka. Hatah maka dinyanyikan orang:

Cau Pandan anak Bubunnya
Hendak menyerang ke Melaka
Ada empat belas bunga
Bunga berseri ampat mata

Maka kedengaranlah ke Melaka bahawa Cau Pandan, anak Bubunnya, akan dititahkan baginda menyerang ke Melaka. Maka ada seorang Sayyid, hamba Allah, diam di Melaka, maka tuan itu bernama

bertam panah, batang ke mana ia pergi panahnya dibawanya juga. Adapun pada ketika itu, Sultan Muzaffar Syah sedang dihadap segala orangkaya-kaya, semuanya berkampung mengadap baginda. Tuan Sayyid itu pun ada hadir mengadap baginda. Setelah Tuan Sayyid itu menengar khabar orang itu, maka Tuan Sayyid itu pun memanah di hadapan Sultan Muzaffar Syah, dihadapkannya ke benua Siam. Maka kata Tuan Sayyid tatkala memanah itu, "Sudah mati Cau Pandan". Adapun Cau Pandan pada ketika itu lagi di benua Siam, maka berasa pada dada Cau Pandan seperti rasa kena panah, maka Cau Pandan muntahkan darah lalu mati. Maka tadalah Siam itu pun menyerang ke Melaka. Maka kedengaranlah ke Melaka bahawa Cau Pandan sudah mati, dadanya seperti kena panah. Setelah Sultan Muzaffar Syah menengar khabar itu, maka titah baginda, "Sungguhlah seperti kata Tuan Sayyid itu". Maka baginda pun memberi anugerah akan Tuan Sayyid itu.

Arakian Sultan Muzaffar Syah pun memberi titah pada sekalian menteri dan sidasida dan abentara dan hulubalang sekalian, "Apa bicara kamu sekalian? Baiklah kita mengutu ke benua Siam. Apa sudah kita berkelah dengan dia?" Maka sembah Perdana Menteri, "Benarlah seperti titah itu, karena daripada banyak seteru, baik sahabat". Maka oleh Sultan Muzaffar Syah Tun Telanai, anak Bendahara Paduka Raja, dititahkan baginda utusan ke benua Siam. Menteri Jana Putera akan pedutanya, maka Tun Telanai berlengkaplah. Adapun akan Tun Telanai itu pegangnya Sur, pada zaman itu dua puluh kelengkapan Sur, lancaran yang tiga. Itulah maka dinyanyikan orang,

Lalu mana bulan dikelam?
Kaka Tun Telanai mana pungutan?
Pungutan lagi di Tanjung Jati.

Setelah sudah lengkap, maka titah Sultan Muzaffar Syah kepada Bendahara Paduka Raja dan segala menteri, "Hendaklah tuan-tuan sekalian serta kita ke benua Siam itu. Kehendak kita, sembah pun jangan, dalam pun jangan, surat kasih pun jangan". Setelah sudah menengar titah itu, maka kata Bendahara Paduka Raja pada segala pegawai sekalian, "Hendak tuan sekalian kaming surat seperti titah itu?". Maka seorang pun tiada berceakap. Maka sekalian orang itu semuanya ditanyai oleh Bendahara, datangkan yang membawa epok dan kemendelu, seorang pun orang itu tiada tahu. Maka Bendaharalah yang mengarang surat itu, dengkrah bunyinya lafaz surat itu. [68] "Hendaklah ditawan, takut

mudarat ke atas nyawa, sungguh dalam lawan terlalu takut akan Paduka Bubunnya, daripada sangat harap akan ampun dan kurnia, maka menyuruhkan Tun Telanai dan Menteri Jana Putera Kemudian maka kata yang lainlah pula. Maka berkenanlah bunyi lafaz surat itu kepada Sultan Muzaffar Syah.

Setelah surat sudah, maka surat diaraklah di atas gajah dikepilkan di balai. Adapun yang membawa surat itu, anak ceteria, yang mengepalakan gajah, abentara, yang mengantar surat itu, menteri. Maka diaraklah berpasung puteh dua, gendang, serunai, nafir, nagara. Maka Tun Telanai dan Menteri Jana Putera pun menjunjung dulilah, keduanya dipersalini bagainda. Setelah itu, maka Tun Telanai dan Menteri Jana Putera pun pergilah.

Setelah datang ke benua Siam, maka diwartakan oranglah kepada Bubunnya itu, "Utusan daripada Melaka datang". Maka oleh Bubunnya disuruh jemput surat itu, dan disuruh arak. Setelah datang ke balai, maka oleh Bubunnya surat itu disuruh baca pada menterinya. Setelah Paduka Bubunnya menengar bunyi surat itu, maka titah Paduka Bubunnya, "Siapa mengarang surat ini?" Maka sembah Tun Telanai, "Mangkubumi kepada Raja Melaka, tuanku". Maka titah Bubunnya pada Tun Telanai, "Siapa nama Raja Melaka?" Maka Tun Telanai, "Sultan Muzaffar Syah". Maka titah Bubunnya, "Apa cita Muzaffar Syah?" Maka Tun Telanai diam. Maka sembah Menteri Jana Putera, "Cita Muzaffar Syah, Raja yang ditolong Allah daripada sekalian". Maka titah Raja Siam, "Apa sebabnya maka Melaka diserang orang Siam, tiada salah?" Maka Tun Telanai menyuruh mentanggil seorang orang Suir nama, lagi buntut kedua kakinya, maka disuruh Tun[46] bermain lembing di hadapan Raja Siam. Maka oleh orang Suir itu ditambung lambungnya lembing itu, maka ditahankannya belakangnya, maka lembing itu pun patah lalu mengambul di atas belakangnya, sedikit pun tiada luka. Maka sembah Tun Telanai, "Inilah sebabnya, tuanku, Melaka tiada alah diserang oleh Siam, karena orang Melaka sekalian gila-gilalah". Maka sahut Raja Siam, "Sungguh juga sedang orang yang jahat lagi kebal, istimewa pula orang yang baik-baik berapa lagi".

Setelah itu, maka Paduka Bubunnya pun pergi menyerang sebuah negeri hampir negeri Siam juga. Maka Tun Telanai dan Menteri Jana Putera dibawanya dengan segala orangnya, maka diberi oleh Raja Siam, ketumbukan yang keras tetapi tempatnya mengadap ke matahari mati.

46 Tun [Telanai]

Maka Tun Telanai pun masyhuarai[47] dengan Menteri[48] Jana Putera, maka kata Tun Telanai, "Apa daya kita, karena kita disuruhnya pada tempatnya yang keras, orang hanya sedikit?" Maka kata Menteri [69] Jana Putera, "Sedikit kita mengadap, sebicara abentaralah berdatang sembah" [49] Maka Tun Telanai dan Menteri Jana Putera pun pergilah mengadap Bubunnya, maka sembah Menteri Jana Putera, "Tuanku, akan adat agama Islam, jikalau sembahyang, mengadap ke matahari mati, jikalau berperang, nada beroleh mengadap ke matahari mati." Jikalau dianugerah Pra Cau, biarlah patik pada ketumbukan yang lain". Maka titah Paduka Bubunnya, "Jikalau kamu tiada beroleh mengadap ke matahari mati, pindahlah kamu kepada tempat yang lain". Maka diberi oleh Pra Cau pada tempat yang lain, mengadap ke matahari hidup, ada pun tempat itu ada tertipis sedikit, lagi terkurang alatnya. Moga-moga dengan takdir Allah Ta'ala negeri itu pun alah, tetapi orang Melakalah yang pertama menempuh dahulu, kemudian maka orang Siam.

Setelah negeri itu sudah alah, maka Pra Cau pun memberi anugerah akan Tun Telanai dan Menteri Jana Putera dengan segala orangnya, maka Tun Telanai dianugerah Pra Cau puteri seorang, Orang Minang namanya, maka diperisteri oleh Tun Telanai. Maka Tun Telanai pun mohonlah pada Pra Cau. Maka Pra Cau berkirim surat dengan bingkis, maka diarak ke perahu, maka Tun Telanai pun berlayarlah.

Berapa lamanya di jalan, sampailah ke Melaka; maka oleh Sultan Muzaffar Syah surat itu disuruh jemput, suruh arak seperti adat pergi itu juga. Setelah datang ke balai rong, maka gajah itu diderumkan di balai rong, maka surat itu disambut oleh abentara, lalu disuruh baca pada khatib, seraya menengar bunyinya, demikianlah bunyinya:[51] Setelah Sultan Muzaffar Syah menengar bunyi lafaz surat itu, maka baginda pun terlalu sukacita, maka baginda pun memberi anugerah akan Tun Telanai dan Menteri Jana Putera, dan akan segala utusan Siam. Setelah datanglah

47 مشهور (m-sy-h-W-r-t)

48 Ditulis "menterinya"

49 W (99) "Marilah kita mengadap (? sebicara) abentaralah berdatang sembah (kepada Pra Cha..."

50 "jikalau berperang ... mati" ditulis dua kali

51 Dengan mengenepikan beberapa perkataan dan menambah beberapa perkataan (130) menurunkannya begini: "Beberapa lamanya di jalan, maka sampailah ke Melaka maka oleh Sultan Muzaffar Shah surat itu disuruh arak seperti adat pergi itu juga. Setelah datang ke balai-ruang maka surat itu disambut oleh abentara, lalu disuruh baca pada khatib, serta menyelampai tetapikan demikian bunyinya: "Ini surat daripada Pra Cau Wadi datang kepada Awr Melaka'sudah itu maka kata-kata yang lain"

utusan akan kembali, maka utusan Siam pun mohonlah, maka baginda memberi persalin akan utusan Siam dan membalas surat Raja benua Siam. Maka utusan itu pun kembalilah.

Adapun diceriterakan oleh orang yang empunya cerita ini, bahwa Tun Telanai beranak dengan Orang Mujang ada berapa orang laki-laki dan perempuan, seorang bernama Tun Ali Hati itu, laksamana.

Hatta setelah empat puluh tahun Sultan Muzaffar Syah di atas kerajaan, maka datanglah peredaran dunia, maka baginda pun mangkatlah. *Qulu inna lillahi wa inna ilaihi raji'un*. Maka anakanda baginda Sultan Muzaffar Syah yang bernama Sultan Abdul itu naik Raja menggantikan kerajaan ayahanda baginda, gelar baginda di atas kerajaan Sultan Mansur Syah, umur baginda tatkala itu tujuh belas tahun, sudah beristerikan saudara Sri Nara Aldiraja [70] tetapi belum beranak; ada beranak seorang dengan gundik bernama Puteri Bakal. Sultan Mansur Syah di atas kerajaan, maka terlalulah adil baginda, lagi dengan murahnya, syahadan dengan baik parasnya, pada zaman itu seorang pun tiada ada samanya. *Wallahu a'lam bissawab wa ilaihil marji'u wilmaab*.

9

ALQISAH

Maka tersebutlah perkataan Battra Majapahit sudah hilang, tiada beranak laki-laki, ada anak baginda seorang, perempuan. Radin Galuh Ayu Kesuma namanya, telah dirajakan oleh Patih Arta Gajah Mada.

Hatta maka ada seorang penyadap pergi bermain ke laut dengan perempuan. Setelah ia datang ke laut, maka ia mendapati seorang budak hanyut pada sekeping papan, maka diambilnya budak itu, dinaikkannya ke perahunya.[52] Maka dilihatnya budak itu tiada khabar akan dirinya, daripada lama di laut tiada makan dan tiada minum air, belum lagi mautnya, maka belum mati, seperti kata baginda Ali radiyalLahu 'anhu, "*Lamauta illa bil ajal*", yakni "Tiada mati melainkan dengan ketikanya". Maka oleh si penyadap dititikkannya air kanji ke mulut budak itu, maka budak itu pun membuka matanya, maka dilihatnya dirinya di atas perahu. Maka oleh si penyadap budak itu dibawanya kembali ke rumahnya, dipeliharakannya dengan sepertinya.

Ada beberapa hari lamanya, budak itu pun baiklah, maka si penyadap pun bertanya pada budak itu, "Siapa engkau, dan apa sebabnya maka engkau hanyut pada sekeping papan ini?" Maka sahut budak itu, "Aku ini raja Tanjung Pura, piat-piut [53] pada Sang Manaka, yang pertama turun di Bukit Si Guntang Maha Miru, nama hamba Radin Perlangu, akan hamba ini beradik dua orang, maka seorang perempuan[54] Sekali persetua ayah hamba, Raja Tanjung Pura, pergi beramai-ramaian ke Pulau Permain, setelah datang ke tengah laut, maka ribut pun turun, ombak pun besar, maka kenaikan ayah hamba Raja Tanjung Pura pun tiada teperbelakan oleh segala rakyat, maka perahu itu pun rosak. Maka ayah hamba Raja Tanjung Pura, dan bonda hamba pun tiada sempat naik ke sampan, sekaliannya berenangan[55] mengusir perahu yang lain. Maka hamba

52 W "Hatta maka ada seorang penyadap pergi bermain ke laut dengan perempuannya, maka ia mendapat seorang budak hanyut, (berpegang) pada sekeping papan. Maka diambilnya budak itu dinaikkannyake perahunya"

53 Jawa فيت (p-yt-2)

54 W (101) "akan nama hamba Radin Perlangu, akan hamba ini iga beradik, dua orang (laki laki) seorang perempuan"

55 Jawa برانڠ (br-n-ang-w)

berpegang pada sekeping papan, lalu dibawa oleh harus dan ombak ke tengah laut, tujuh hari tujuh malam lama hamba di laut, tiada makan dan tiada minum air, menyampang bertemu dengan bapa berbuat kasih akan hamba ini, tetapi jika sepala tuan hamba kasih akan hamba, hantarkan hamba kepada ayah bonda hamba ke Tanjung Pura, supaya tuan hamba diberinya arta yang tiada [71] terkira-kira akan banyaknya".

Maka kata si penyadap, "Benarlah kata tuan hamba, tetapi di mana kuasa hamba akan mengantarkan tuan hamba ke Tanjung Pura? Diamlah tuan hamba di sini serta hamba, biarlah hamba ambil akan anak hamba, karena hamba pun tiada beranak, lagi pula rasa hamba pun sangkut melihat muka tuan hamba yang amat elok imlah". Maka kata Radin Perlangu,[56] "Baiklah, mana kehendak bapa tiada hamba lalui". Maka oleh si penyadap akan anak Raja Tanjung Pura itu dinamainya Ki Mas Jiwa. Maka terlalulah kasihnya si penyadap kedua laki bini akan dia, ketiasa ditimangnya, katanya, "Tuanlah kelak menjadi Raja Majapahit, duduk dengan Puteri Nai Kesuma; tetapi jikalau tuan menjadi Batara Majapahit, beta kelak jadikan paman Arta Gajah Mada". Maka sahut Kiai[57] Mas Jiwa, "Baiklah, jikalau beta jadi Batara Majapahit, pak[58] paman kelak beta jadikan Patih Arta Gajah Mada".

Hatta berapa lamanya Puteri Nai Kesuma anak Batara Majapahit di atas kerajaan, Patih Arta Gajah Mada menangku dia, maka adalah setengah orang berkata memuji Patih Arta Gajah Mada mengatakan dia hendak duduk dengan anak raja[59] Sekali persetua, pada suatu hari, maka Patih Arta Gajah Mada berkain buruk, turun berdayung samasama dengan hamba orang banyak, tiada ia dikenal orang banyak. Maka budak-budak itu semuanya berkata kata, maka kata seorang, "Jika aku seperti Patih Arta Gajah Mada, kujempani[60] puteri itu supaya aku menjadi Raja, alangkah baiknya!" Maka kata seorang lagi, "Sahaja akan diperhininya juga puteri itu oleh Patih Arta Gajah Mada, karena ia orang besar upama[61] Raja dalam negeri ini, siapa dapat menyalahi katanya?" Setelah Patih Arta Gajah Mada mendengar kata budak-budak itu, maka ia fikir dalam hatinya, "Jikalau demikian, sia-sialah kebaktianku".

---

56 dieja قرڠو (p r ng-u)

57 Diatas tadi, dieja, كي ي , kata dieja كياي (k i y a y)

58 فاه / فاد (p a h)

59 W(101) "setengah orang berkata Patih Arta Gajah Mada itu mengatakan dia hendak duduk dengan anak raja itu"

60 جمڤاني (k- w -mp- n -y) W "kelompah"

61 اڤام (a p a m)

Setelah hari siang, maka Patih Aria Gajah Mada pun masuk mengadap Puteri Nai Kesuma, maka sembah Patih Aria Gajah Mada, "Tuanku, pada pemandangan patik, tuanku besarlah sudah, baik juga tuanku bersuami, karena tiada baik rupanya tuanku tiada berlaki." Maka titah Puteri Nai Kesuma, "Jikalau mamak pamanda hendak memberi beta bersuami, kampunglah segala orang dalam negeri ini, itulah beta pilih; barang siapa yang berkenan kepada beta, itulah beta[62] perlakikan." Maka sembah Patih Aria Gajah Mada, "Baiklah, tuanku, patik menghimpunkan orang, jikalau anjing kucing sekalipun, barang yang berkenan ke bawah duli tuanku, patik pertuan."

Maka Patih Aria Gajah Mada pun menyuruh memukul canang pada segala negeri peninggiri Majapahit, disuruhnya berkampung ke Majapahit, karena Tuan Puteri hendaklah memilih laki. Setelah sudah, maka segala rajaraja [72] dan para menteri[63] dan segala sidasida, bentara, hulubalang dan segala rakyat, kecil besar, tua muda, bongkok tempang pun sekalian berkampunglah ke Majapahit, kurangkurang dikerah orang, datang sendirinya terlebih banyak, oleh mendengar Tuan Puteri Nai Kesuma akan memilih laki, karena pada bicaranya mudah-mudahan pada hatinya ia dikehendak oleh Puteri Nai Kesuma.

Setelah berkampunglah segala orang banyak itu, maka Tuan Puteri Nai Kesuma pun naik ke atas peranginan melihat ke jalan, maka segala orang itu pun disuruh oleh Patih Aria Gajah Mada lalu dari hadapan Tuan Puteri seorang. Setelah habislah orang lain, seorang pun tiada berkenan pada hatinya. Setelah kemudian daripada orang banyak itu, maka lalulah anak angkat si penyadap tadi, setelah dilihat oleh Puteri Nai Kesuma anak si penyadap itu, maka ia berkenan pada hatinya baginda, maka titah Tuan Puteri Nai Kesuma pada Patih Aria Gajah Mada, "Anak si penyadap itulah yang berkenan pada hati beta." Maka sembah Patih Aria Gajah Mada, "Baiklah, tuanku, barang siapa pun baik, lamun tuanku bersuami juga." Maka oleh Patih Aria Gajah Mada[64] anak si penyadap itu disuruhnya panggil, maka dibawanya pulang ke rumahnya, maka dipeliharakan baik.

Maka Patih Aria Gajah Mada pun memulai pekerjaan berjaga-jaga tujuh hari tujuh malam mengawinkan Puteri Nai Kesuma itu dengan anak si penyadap. Setelah genaplah tujuh hari tujuh malam, maka anak si

---

62) "itulah beta" ditulis dua kali.
63) Kelihatan seperti "para puteri".
64) Ditulis "Aria Patih Kaja Mada".

penyadap pun diarak oranglah berkeliling negeri, lalu dikawinkan dengan Tuan Puteri Nai Kesuma. Setelah sudah kawin, maka keduanya terlalu amat berkasih-kasihan. Maka anak si penyadap itulah yang menjadi Batara Majapahit, bergelar Sang Aji Ningrat[65]

Maka si penyadap, bapa angkat baginda pun masuk, maka sembah si penyadap, "Manatah janji Paduka Batara dengan aku dahulu, hendak menjadikan kula Patih Aria Gajah Mada?" Maka titah Batara Majapahit, "Sabarlah dahulu paman, lagi hamba bicarakan"[66]. Maka si penyadap pun kembalilah ke rumahnya, maka Batara Majapahit pun fikir dalam hatinya, "Tiada apa salahnya kepadaku, karena Patih Aria Gajah Mada ini penaka turusan bumi Majapahit, jikalau tiada ia, nescaya binasalah Majapahit. Tetapi janjiku dengan bapa angkatku ini, apa akan aku balaska?" Dengan demikian fikir baginda, maka baginda pun masyghul terlalu sangat, dua tiga hari tiada keluar.

Setelah dilihat oleh Patih Aria Gajah Mada kelakuan Batara Majapahit demikian itu, maka Patih Aria Gajah Mada masuk mengadap ke dalam, maka sembah Patih Aria Gajah Mada, "Tuanku, apa mulanya maka tuanku tiada keluar dua tiga hari ini?" Maka titah Batara Majapahit, "Tubuh hamba sakit". Maka sembah Patih Aria Gajah Mada, "Pada pemandangan patik ada juga suatu kedukaan tuanku; katakan kepada patik [73] mudah-mudahan dapat patik mecarakan"[67] dia. Maka titah Batara Majapahit pada Patih Aria Gajah Mada, "Adapun paman, dia hamba ini bukannya anak si penyadap, bahawa hamba ini anak Raja Tanjung Pura, anak cucu raja Bukit Si Guntang Maha Miru". Maka segala peri hal ehwal ayahanda baginda bermain, dan perinya rosak, dan peri ia didapat oleh si penyadap, dan peri hutang si penyadap akan dia itu, semuanya dikatakannya pada Patih Aria Gajah Mada. "Sekarang, itulah, bapa angkat hamba itu menuntut janji kepada hamba menjadikan dia akan ganti paman, itulah yang hamba masyghulkan".

Maka Patih Aria Gajah Mada pun terlalu sukacita oleh menengar Batara Majapahit anak Raja Tanjung Pura, maka sembah Patih Aria Gajah Mada, "Tuanku, baiklah si penyadap itu tuanku jadikan ganti patik, biarlah patik turun, karena patik pun sudah tuha". Maka titah Batara

65 Disambung selepas perkataan itu dengan: "jadi Batara Majapahit".
66 W.(403): "Maka Batara Majapahit pun fikir dalam hatinya, 'Betapa peri aku ... Patih Aria Gajah Mada ini?' maka pun tiada apa salahnya kepadaku, lagi ia penaka turus bumi Majapahit, jikalau tiada ia nescaya binasalah Majapahit."
67 W: "membicarakan"

Majapahit. "Itada namun"[69] mau memesat paman, karena pada bicara beta tiada akan jadi olehnya pekerjaan kita". Maka sembah Patih Ana Gajah Mada, "Jikalau demikian apabila ia datang menuntut janji kepada tuanku, dengkan mati Batara. Adapun paman, sungguhpun kebesaran Patih Ana Gajah Mada itu terlalu besar, hanya susahnya pun terlalu sangat, tiada akan terkerjakannya oleh paman. Tetapi ada lagi kebesaran lebih dari itu, jika mau paman, kuberikan kepada paman segala si penyadap dalam negeri ini, semuanya kuserahkan kepada paman, pamanlah akan penghulunya". Tiada dapat tiada, suka kelak ia"[70] Maka titah Batara Majapahit pada Patih Ana Gajah Mada, "Sebarkanlah bicara paman itu". Maka Patih Ana Gajah Mada pun mohonlah keluar. Setelah esuk hari, maka si penyadap pun masuklah mengadap Batara, maka ia berdatang sembah menuntut janji Batara. Maka oleh Batara Majapahit, sepeti kata Patih Ana Gajah Mada itu semuanya dikatakannya. Maka si penyadap itu pun terlalu sukacita.

Hatta berapa lamanya, negeri Majapahit pun besarlah, segala tanah Jawa semuanya takluk ke Majapahit. Maka Raja Tanjung Pura pun tahulah akan Batara Majapahit itu anaknya, maka Raja Tanjung Pura pun menyuruhkan orang ke Majapahit melihat Batara Majapahit.[71] Maka orang itu pun pergilah ke Majapahit, maka dilihatnya tuan raja itu anak Raja Tanjung Pura, maka ia segera kembali, dipersembahkannya kepada Raja Tanjung Pura, "Tuan Batara Majapahit itu paduka anakanda". Maka Raja Tanjung Pura pun terlalu amat suka. Maka masyhurlah pada segala negeri tanah Jawa, bahawa yang jadi Raja Majapahit itu tuan anak Raja Tanjung Pura. Maka Batara pun beranak seorang perempuan dengan Putri Nur Kesuma, namanya Radin Galuh Cendera Kirana, terlalu baik parasnya, maka masyhurlah pada segala negeri, ke Melaka pun kedengaranlah.

Maka Sultan Mansur [74] Syah pun beraturlah rasa hati hendak akan Radin Galuh Cendera itu, maka baginda berkira-kira hendak berangkat ke Majapahit. Maka baginda memberi titah pada Bendahara Paduka Raja

---

69 W "beta".

70 W "Jikalau demikian apabila ia datang menuntut janji kepada tuanku, dengkan mati Batara. Sungguhpun kebesaran Patih Ana Gajah Mada itu terlalu besar, hanya susahnya pun terlalu sangat, tiadakan terkerjakan oleh paman. Tetapi ada lagi kebesaran lebih dari itu, jika mau paman, kuberikan kepada paman segala si penyadap dalam negeri ini kuserahkan".

71 Ditulis "orang".

71 W "Maka bagenda pun menyuruhkan orang ke Majapahit melihat Batara Majapahit".

72 Ditulis "Maka bagenda akan mendengar titah".

menyuruh berlengkap. Maka Bendahara Paduka Raja pun kerahkan[73] sekalian orang berlengkap dan berbaiki alat, lima ratus banyaknya perahu yang besar-besar, yang lain, daripada perahu yang kecil-kecil itu tiada terbilang lagi banyaknya, karena pada zaman itu kelengkapan Singapura juga empat puluh lancaran bertiang tiga. Maka Bendahara dan Seri Nara Aldiraja, dan Seri Bija Aldiraja, dan segala hulubalang yang besar-besar, sekaliannya ditinggalkan oleh Sultan Mansur Syah menunggu negeri. Maka baginda memilih anak tuan-tuan yang baik-baik empat puluh pula banyaknya, dan perawangan[74] yang asal-berasal itu empat puluh banyaknya. Tun Bijaya[75] Sura akan penghulunya. Adapun akan Tun Bijaya Sura itulah ayah Tun Zainal Nina[76] Seri Bijaya Aldiraja yang bernama Tun Sebab. Maka Hang Tuah dan Hang Jebat dan Hang Kasturi dan Hang Lekir dan Hang Lekiu[77] dan Hang Khelembak dan Hang Ali dan Hang Iskandar, sekalian orang itu tiada tersuruh[78] oleh orang yang lain. Sebermula akan Hang Tuah barang lakunya terlalulah cerdik dan perkasa jika ia bermain daripada orang lain;[79] jika ia memangkis atau bergurau sama muda, maka disingsingnya tangan bajunya seraya katanya "Laksamana lawanku!", maka ia dipanggilnya oleh sama muda-muda "Laksamana", jadi lekatlah namanya Laksamana disebut orang. Maka Sultan Mansur Syah pun menyuruh ke Inderagiri pada Maharaja Merlang, dan pada Raja Palembang, dan pada Raja Jambi, dan Raja Tungkal, dan Raja Lingga, mengajak pergi ke Majapahit. Maka sekalian raja itu pun sekalian mahulah mengiringkan baginda.

Setelah sudah hadirlah sekalian, maka Sultan Mansur Syah pun berangkatlah ke Majapahit, diiringkan orang Palembang, dan Raja Inderagiri, dan Raja Jambi, dan Raja Tungkal, dan Raja Lingga.[80] Maka

---

73 Diulis "serahkan"

74 Dieja پروان (p-r-w-n). Mungkin "perawan" tetapi besar kemungkinannya "perwangan" yakni merujuk kepada "perawangan empat puluh" yang diajbanti Tun Bijaya Sura "menyarungkan keris" seperti yang dikehendaki Batata Majapahit itu "perwira"

75 Dieja بيج (b-y-j). Tetapi selepas ini semuanya dieja بجاي (b-j-ay)

76 زينى (z-y-n). Barangkali salah cetak untuk "naida"

77 لوكيو (l-w-k-y-w)

78 W "tertuntut"

79 "jika ia bermain daripada orang lain" tiada dalam W

80 W "maka Sultan Mansur Syah pun berangkatlah ke Majapahit diiringkan oleh segala raja-raja itu"

segala hulubalang muda-muda sekalian dibawa baginda. Segala orang besar-besar sekaliannya tinggal bertunggu negeri.

Setelah berapa lamanya di jalan, maka sampailah ke Jawa. Maka kedengaranlah kepada Batara Majapahit, maka disuruh baginda alu-alukan kepada segala perdana menteri dan segala orang besar-besar; semuanya pergi. Adapun pada ketika itu, Raja Daha, dan Raja Tanjung Pura, adik kepada Batara Majapahit, keduanya ada mengadap Batara Majapahit. Maka Raja Melaka pun datanglah, maka terlalu sangat dipermulia oleh Raja Majapahit, diberinya oleh baginda persalin pakaian bertatahkan ratna mutu manikam syahadan didudukkan di atas kerajaan banyak, dan dianugerahai keris kunca kerawang sebilah, empat puluh keris yang lain akan pengiringnya, sekalian [75] dipecahkan sarungnya.

Adapun keris itu pertama dianugerahakan baginda kepada Raja Daha, demikian juga empat puluh pengiringnya, dipecahkan juga sarungnya; maka disuruhnya sarungkan oleh Raja Daha keempat puluhnya, maka disuruh Raja Majapahit periksa, keempat puluhnya dapat diambilnya. Maka dianugerahakan baginda pula pada Raja Tanjung Pura itu pun demikian juga, maka disuruhnya sarungkan oleh Raja Tanjung Pura, maka oleh Batara Majapahit disuruh baginda periksa, itu pun dapat juga keempat puluhnya. Setelah datang kepada Raja Melaka, maka disuruh baginda sarungkan kepada Tun Bijaya Sura, maka oleh Tun Bijaya Sura disarungkannya kepada segala perawangan empat puluh itu, sebilah seorang. Maka oleh segala perawangan itu, dibawanya keris itu kepada segala penyarung, disuruhnya sarungkan, ditunggunya segala penyarung itu, maka pada sehari itu juga sudah sekalian, maka tadalah dapat diperiksa oleh segala Jawa itu. Maka kata Batara Majapahit, "Terlalu sekali cerdik Raja Melaka ini daripada raja yang lain".

Adapun tempat Batara diadap orang itu tinggi, tiga mata anak tangganya, ditambatnya seekor anjing, diberinya berantai emas, jadi di hadapan Raja Melakalah anjing itu. Setelah dilihat Tun Bijaya Sura peri hal itu, maka Tun Bijaya Sura pun memakai cara pendekar[81] perisainya bergera, maka ia pun berlayamlah di hadapan Batara Majapahit. Maka disuruh Batara naik ke atas balai, maka Tun Bijaya Sura pun naiklah ke atas balai, maka ia pun berlayamlah di atas balai itu pelbagai lakunya; digertuknya perisainya, maka[82] dikirap-kirapnya[83] anjing itu dua tiga kali,

81 WC10 "pedikir"

82 "digertuknya perisainya, maka" tiada dalam

83 Ejaan دكركڤ (d k r k r p - n y a)

maka anjing itu pun merentak rantainya lalu putus, lari ke hutan, maka tiadalah lagi ditambatnya anjing itu di situ.

Sebermula dekat akan pesebaran itu ada sebuah balai larangan itu, barang siapa naik ke atas balai itu, ditombaki oleh segala Jawa, seorang pun tiada berani naik ke atas balai itu. Maka kata Hang Jebat dan Hang Kasturi, "Mari kita cuba naik ke atas balai larangan ini!" Maka kata Hang Kasturi, "Baiklah". Maka pada satu hari ketika Batara diadap orang, maka segala raja-raja dan segala orang besar-besar semuanya berkampung, maka Hang Jebat dan Hang Kasturi pun naiklah ke atas balai yang larangan itu. Setelah dilihat oleh segala Jawa, maka segala Jawa itu pun datang menombak Hang Jebat dan Hang Kasturi, bersamaan rupa datang tombak Jawa itu. Maka oleh Hang Jebat dan Hang Kasturi dihunusnya kerisnya, maka ditetaknya segala tombak Jawa itu habis putus-putus, sebilah pun tiada mengenai dia. Maka berkati-kati keratan mata tombak itu pun diangkat orang, maka orang pun gempitalah. Maka titah Batara Majapahit, "Mengapa[84] maka orang gempar?" Maka dipersembahkan oranglah peri Hang Jebat dan Hang Kasturi itu. Maka titah Batara Majapahit, [76] "Biarlah ia duduk di atas balai itu, jangan dilarang". Setelah segala Jawa itu mendengar titah Batara Majapahit itu, maka segala Jawa itu pun berhentilah; maka Hang Jebat dan Hang Kasturi pun duduklah di atas balai larangan itu. Demikianlah sentiasa pada tiap-tiap hari; apabila Batara Majapahit duduk diadap orang, Hang Jebat dan Hang Kasturi duduk juga diatas balai larangan itu.

Hang Tuah, barang tempat ia pergi, terlalu gegak orang daripada hebat memandang sikapnya. Jika ia ke pesebaran, di pesebaran gempar, dan jika ia pergi ke pasar, maka segala orang di pasar pun gempar, jika ia pergi pada kampung orang, maka segala orang di kampung itu gempar, segala Jawa itu pun hairan memandang lakunya, dan jika Hang Tuah lalu, maka segala orang di dalam pelukan lakinya itu pun terkejut bertiarapan hendak keluar menengok dia.[85] Itulah sebabnya maka digurikan oleh orang Jawa, demikian bunyinya:

---

84 Ditulis "mengadap"

85 W (106): "(Ada pun akan) Hang Tuah barang tempat ia pergi, terlalu gegak gempita orang daripada [illegible] memandang sikapnya. Jika ia ke pasebaran, di pasebaran gempar, dan jika ia pergi ke pasar, maka segala orang pasar pun gempar dan segala perempuan Jawa anak dara-dara, jika [illegible] ia berjalan ke pasar atau barang ke mana, banyaklah yang gilakan Hang Tuah itu, dan jika Hang Tuah lalu, maka segala orang perempuan di dalam pelukan lakinya itu pun terkejut bertiarapan hendak keluar mengintai."

Anno tenggapano penglipo saben dano katon p[illegible] ang ago
Ertinya: sirih sambut olehmu akan menghiburkan rasa berahi sehari, sungguhpun demikian, rindu juga.

Kab kari sang ano kabah laksamano lumaku penjuru tano Melayu
Ertinya: gempar segala anak buanya orang dan segala anak daradara sekalinya sebab melihat Laksamana lalu, hulubalang Raja Melaka.

Ano-ano anake wong pande mesi, panen tan ano saben dano dan gundo
Ertinya: baik-baikkannya anak orang pandai besi, samunkan baik sentosa dibicaranya.

Kaget hang ing pekan dene Laksamano rumadang. Laksamano rumadang, penjuru tano ing sibatang. Ertinya: terkejut orang dalam pangkuan sebab melihat Laksamana datang. Laksamana lagi hulubalang lagi seberang.

Tatatana' sen ing ke tan patenano kano ketelu liwan pammun mato
Ertinya: ikut olehmu! Jikalau bertemu, bunuh kedua duanya, ketiga dengan suruh-suruhannya.

Gegar rang sa dene Laksamano teko. Laksamano p[illegible] anat Ratu Melako
Ertinya: gempalah orang di pasar oleh Laksamana datang, hulubalang Raja Melaka.

Wes lalino kungkukungku nyang sumbalunge lipat kang hati saben gelak kang. Ertinya: baik sudah lupa yang dilalukan itu, datang rindu juga, sungguhpun kuabaiabaikan, yang hatiku sentosa dendam juga.

Gegar rang pasaban dene Laksamano lmat. Laksamano lmat penjuru Ratu Melako. Ertinya: gempar orang di pengadapan sebab Laksamana, hulubalang Raja Melaka.

Den arat rambute, dan tangisi tangisi rambute utlu tan dirame
Ertinya: usirkan rambutnya, ditangisinya, "Wah, rambutku ini, dia pun tumbuh tadi rupanya."

Demikianlah peri hal Laksamana dalam negeri Majapahit diberahikan oleh perempuan. Maka oleh samanya maka diperbuatkannya nyanyi,

Titik embun di daun dastun.
Anak curan di daun birah
Sikino yasbut katon
Kayo edan raso manro aktiang
[77] Busuk inak den tunu di pangan kelawan
Bawang bisak asin mat pu sumut dikawang

Adapun akan Laksamana pada masa itu tiadalah bandingan melainkan Sangka Ningrat, hulubalang Raja Daha, itulah yang dapat sedikit berlawan dengan Laksamana. Maka dikuritkannya oleh Jawa, demikian bunyinya

Leg wong panggung dene Sangka Ningrat teko punjuri. Ratu ing [hang] Daha. Ertinya: Gempar orang di atas panggung sebab melihat Semangganingrat datang, Sangka Ningrat hulubalang Raja Daha.

Demikianlah kelakuan orang Melaka yang ke Majapahit, masing-masing dengan zamannya.

Hatta setelah dilihat oleh Batara Majapahit akan Sultan Mansur Syah terlalu bijaksana syahadan dengan baik barang lakunya terlebih daripada segala raja-raja yang lain, dan segala hamba sahaya pun baik-baik belaka dengan cerdik puah,[86] maka pada hati Batara Majapahit, "Baiklah Sultan Mansur Syah ini kuambil akan menantuku, kududukkan dengan anakku Radin Galuh Cendera Kirana". Maka Batara Majapahit menyuruh orang berjaga empat puluh hari empat puluh malam. Maka segala bunyi-bunyian pun berbunyilah terlalulah 'azmat bunyinya: gong, gendang, serunai, nafiri, nagara, gendir, sampirang, birat, sangka, merdangga, perayun, sekati, bidang, giring, selukat, celimpong gangsa, suling, gambang, beletung, getar, gelinang, bandi, kopak, rebab, kecapi, murai, bangsi, dandi, udipan, madah, masir, gunala[87] gemuruh bunyinya, tiada sangka bunyi lagi bunyinya. Maka orang bermain pun terlalu ramai: ada yang menapak, ada yang mengigal, ada yang bertandak, ada yang berseloma, ada yang main wayang, ada yang perang tuap, ada yang dayung, ada yang merakat, ada yang mengidong, ada yang berkekawinan, ada melepang memanjang, masing-masing pada pengetahuannya. Maka segala yang melihat pun terlalu suka, sesak penuh tiada bersela lagi.

Maka Batara Majapahit pun memberi titah pada Raja Melaka. Akan titah Batara Majapahit, "Adapun akan segala orang Jawa ini, telah bermainlah masing-masing pada permainannya, akan orang Melaka jua tiada bermain". Maka Sultan Mansur Syah pun memberi titah pada Tun Bijaya Sura, "Titah Batara Majapahit menyuruhkan orang Melaka

---

* Tulisan kurang jelas. Kelihatan juga seakan akan "Semangka Ningrat".

86 ع ف ا (p w h) Satu sebutan lain untuk "afwah" yang bermaksud "mulut". Tulisannya tidak begitu jelas. Mungkin juga "fuah".

87 kurkuat ?

bermain". Maka sembah Tun Bijaya Sura, "Apatah, tuanku, ada permainan kita Melayu ini? Hanyalah sapu-sapu rengit".[88] Maka oleh Sultan Mansur Syah segala kata Tun Bijaya Sura itu dipersembahkannya kepada Batara Majapahit. Maka titah Batara Majapahit, "Bagaimana permainan sapusapu rengit itu? Suruh permainlah pada Tun Bijaya Sura. Radin Galuh hendak melihat dia".

Maka oleh Tun Bijaya Sura dipilihnya anak tuan-tuan itu empat lima belas orang, dibawanya bermain. Maka Tun Bijaya Sura dan segala anak tuan-tuan itu pun berunjurlah[89] di hadapan Batara Majapahit, maka kainnya had lututnya. (78) maka bermainlah ia bersapu rengit. Setelah dilihat oleh Jawa, dilarangnya, katanya, "*Jan tapulak tampil ko ko urso*[89b] lunjur di hadapan Batara!". Maka sahut Tun Bijaya Sura, "Kami semua ini dititahkan Batara bermain, maka kami semua bermain. Jikalau tuda dengan titah raja, gilakah kami? Jikalau tuan hamba semua tegah kami, berhentilah kami bermain". Maka titah Batara, "Biarnya bermain; jangan ditegah". Maka Tun Bijaya Sura pun bermainlah. Setelah ia sudah bermain, maka Tun Bijaya Sura dan segala temannya itu semuanya dianugerahat persalin. Maka titah Batara, "Adapun akan orang Melaka ini terlalulah cerdiknya daripada segala orang yang di negeri lain, barang mainnya pun tewas juga oleh orang Melaka".

Maka Batara Majapahit pun menyuruh memanggil seorang penjurit yang terlalu kosa daripada yang lain, maka titah Batara pada[90] penjurit itu, "Sendalkan akan keris Tun Bijaya Sura itu, karena ia cerdik amat kulihat". Maka sembah penjurit, "Pada kula menyendal dia? Karena Melayu itu berkeris dari hadapan. Jikalau ia berkeris dari belakangnya, dapat patik ambil".[91] Maka titah Batara, "Baiklah! Aku menyuruh dia berkeris dari belakang". Setelah esok harinya, maka Batara pun keluarlah dihadap orang, maka segala raja-raja pun semuanya hadir mengadap. Sultan Mansur Syah pun ada hadir. Maka titah Batara pada Tun Bijaya Sura, "Tahukah Tun Bijaya Sura memakai cara Jawa?"[92] Maka sembah Tun Bijaya Sura, "Jikalau dengan kurnia Batara, jikalau tuda tahu pun

88 [illegible] (T,A4) W(108) "rangit"

89 W "berangurlah"

89b Bermaksudkira kira "Jangan sekali kali tampil kamu"

90 Ditulis "daripada"

91 W(109) "Apa daya kula menyendal dia? Karena Melayu itu berkeris dari hadapan. Jikalau ia berkeris dari belakang, dapat juga patik sendal"

92 W "Setelahesok hari, maka Batara pun keluar dihadap orang, maka segala tajarapa pun sekalian ada hadir mengadap. Maka titah Batara pada Sultan Mansur Syah, "tahukah Tun Bijaya Sura memakai cara Jawa?"

berajar-ajarlah, patik kerjakan juga." Maka disuruh Batara perbuatkan persalin cara Jawa. Maka Tun Bijaya Sura pun memakai cara Jawa, berkeris dari belakang. Setelah itu maka Batara pun turunlah mengadap[93] orang yang menyabung.

Maka orang penyabung pun terlalu ramai, dan bunyi sorak orang pun gemuruh seperti akan sampai ke langit. Maka dalam sabur itu, maka oleh penjurit itu disendalnya keris Tun Bijaya Sura, dapat. Maka Tun Bijaya Sura menoleh ke belakang, dilihatnya keris tiada, maka kata Tun Bijaya Sura, "Ayo! Kesendalan aku oleh Jawa ini". Maka oleh Tun Bijaya Sura didekatinyalah orang membawa puan Batara, maka disembatnya keris Batara, dapat, lalu dipakainya oleh Tun Bijaya Sura.

Setelah berhentilah orang menyabung itu, maka Batara pun duduklah di pengadapan, maka segala orang mengadap pun duduklah masing-masing pada tempatnya, maka keris Tun Bijaya Sura pun ditindih oleh Batara di bawah pahanya. Maka Tun Bijaya Sura pun dipanggil oleh Batara[94] Maka titah Batara, "Mari Tun Bijaya Sura!" Maka Tun Bijaya Sura pun segera duduk di bawah. Maka oleh Batara diambilnya keris Tun Bijaya Sura dari bawah pahanya, maka ditunjukkannya kepada Tun Bijaya Sura, maka titah Batara, "Kita baharu beroleh keris terlalu baik perbuatannya. Adakah Tun Bijaya [79] Sura memandang keris seperti ini?"Setelah dilihat oleh Tun Bijaya Sura keris itu, dikenalnya bahwa ia kerisnya. Maka oleh Tun Bijaya Sura segera dihunusnya kerisnya dari pinggangnya, maka sembah Tun Bijaya Sura, "Mana baik daripada keris kula ini?"Setelah dilihat oleh Batara keris pada Tun Bijaya Sura, keris itu dikenalnya oleh Batara, karena adat Raja Jawa keris yang kerajaan, lengkap dengan alatnya itu, orang menjawat dia[95] itu pun ada hadir. Maka titah Batara, "Terlalu cerdik sekali Bijaya Sura, tiada tersemu oleh kita". Maka keris Tun Bijaya Sura itu pun dikembalikan Batara pada Tun Bijaya Sura, dan keris baginda itu pun dianugerahakan Batara sekali pada Tun Bijaya Sura.

Hatta orang berjaga itu pun genaplah empat puluh hari empat puluh malam. Setelah pada ketika yang baik, maka Sultan Mansur Syah pun dikawinkan oranglah dengan Radin Galuh. Setelah sudah kawin, masuklah ke dalam peraduan, maka Sultan Mansur Syah dan Radin

93. W: melihat
94. Ayat ini tiada dalam W
95. W [illegible] "[illegible]" Barangkali juga kesilapan ejaan bagi "menyendal dia"

Galuh Cendera Kirana pun terlalu sangat berkasih-kasihan. Syahadan Batara pun sangat kasih akan Sultan Mansur Syah, dibawa baginda duduk sama-sama. Jikalau Batara diadap oleh orang, bersama dengan Sultan Mansur Syah; jikalau santap pun sama-sama juga.

Setelah berapa lamanya Sultan Mansur Syah di Majapahit, maka baginda pun hendak kembali; maka Sultan Mansur Syah mohonlah kepada baginda Batara Majapahit hendak kembali membawa Radin Galuh Cendera Kirana, maka kabullah pada Batara Majapahit. Maka Sultan Mansur Syah pun berlengkap. Setelah sudah lengkap, maka Sultan Mansur Syah pun menyuruhkan Tun Bijaya Sura, suruh memohonkan Inderagiri kepada Batara Majapahit.[96] Maka Tun Bijaya Sura pun pergilah mengadap Batara Majapahit, maka sembah Tun Bijaya Sura, "Tuanku, paduka anakanda empunya sembah ke bawah duli tuanku hendak mohonkan Inderagiri. Jikalau diberi pun, dialpa; jikalau tada diberi pun dialpa." Maka titah Batara pada segala orang besar-besar, "Apa bicara kamu sekalian? Karena anak kita hendak akan Inderagiri." Maka sembah segala orang besar-besar, "Baiklah tuanku anugerahakan, supaya kita jangan mularik lagi dengan dia." Maka titah Batara pada Tun Bijaya Sura, "Baiklah! Kita anugerahakan Inderagiri itu kepada anak kita, karena pada bicara[97] kita jangankan seperti tanah Inderagiri ini, dan segala lutah tanah Jawa itu pun siapatah empunya dia, jikalau tiada anak kita, Raja Melaka?" Maka Tun Bijaya Sura pun memohon pada Batara, lagi kembali, dipersembahkan talah segala peri hal itu pada Sultan Mansur Syah.[98] Maka terlalulah [80] suka baginda.

Maka Hang Tuah pun dititahkan baginda memohonkan Siantan kepada Batara. Maka Laksamana Hang Tuah[99] pun pergilah mengadap baginda memohonkan Siantan. Setelah datang pada Batara, maka sembahnya, "Tuanku, kula hendak memohonkan Siantan,[100] jikalau dianugerahakan pun, dipada,[101] jikalau tiada dianugerahakan pun,

96 W I I O: "setelah sudah berlengkap, maka Sultan Mansur Syah pun menyuruhkan Tun Bijasa Sura memohonkan Inderagiri".

97 Ditulis "bijaya".

98 W: "Maka Tun Bijaya Sura pun memohonlah kembali pada Batara lalu dipersembahkan talah segala peri hal itu pada Sultan Mansur Syah".

99 Ditulis "Laksamana dan Hang Tuah".

100 D ... ditulis "Siatan".

101 ... (diq-d). W "diqad". Tidak dapat dipastikan dari mana W mendapat perkataan itu, ia pastinya bukan perkataan Arab. Dalam bahasa Arab terdapat ekspresi "qad" yang bermaksud "sesungguhnya". Kalau benarlah yang tertulis itu "qad" maka ia seharusnyalah ditulis "diqad". Barangkali yang sebenarnya maksud ...

dipada". Maka titah Batara, "Baiklah! Jangankan Siantan, jikalau Palembang sekali pun dipohonkan oleh laksamana, nescaya kita anugerahakan". Itulah sebabnya maka Laksamana, datang kepada anak cucunya, memegang Siantan itu. Setelah itu maka Sultan Mansur Syah pun kembalilah ke Melaka.

Berapa lamanya di jalan, sampailah ke Melaka. Setelah datang ia ke Melaka, ke ulu Sepintu,[102] maka Bendahara pun datang, dan Penghulu Bendahari dan segala orang besar-besar dan orangkaya-kaya pun sekaliannya datang mengalu-alukan Sultan Mansur Syah, membawa segala bunyian, gendang, serunai, nafiri, dan alat kerajaan. Maka rupa perahu pun tiada terbilang lagi banyaknya. Setelah bertemu dengan Sultan Mansur Syah, maka segala orang-orang besar-besar dan orangkaya sekaliannya menjunjung duli Sultan Mansur Syah. Setelah sampailah ke Melaka, maka baginda pun berangkatlah ke istana sama-sama dengan Radin Galuh Cendera Kirana sekali lagi. Maka oleh Sultan Mansur Syah, Maharaja Merlang Inderagiri itu didudukkan dengan anakanda baginda yang tuha yang bernama Puteri Bakal, dengan Maharaja Merlang itulah beranakkan Raja Nara Singa, yang bergelar Sultan Abdul Jalil Syah. Setelah berapa lamanya, maka Sultan Mansur Syah pun beranak dengan Radin Galuh Cendera Kirana seorang laki-laki, maka dinamai baginda Ratu di Kelang.

Hatta sekali persetua, kuda baginda, kenaikan Raja, jatuh di pelendap angin,[103] maka orang pun berkampung hendak menaiki kuda itu, seorang pun tiada bercakap menurunt dia akan menambatkan[104] tali. Setelah dilihat oleh Hang Tuah peri hal demikian itu, maka ia pun segera terjun ke dalam pelindungan itu, maka ditambatkannyalah tali pada leher kuda itu, maka diudar oranglah ke atas. Setelah kuda itu sudah naik, maka Hang Tuah pun naik lah ke atas lalu pergi mandi berlangir. Setelah Sultan Mansur Syah melihat kuda itu sudah naik ke atas, maka terlalu sukacita baginda, maka Hang Tuah pun terlalu sangat dipuji baginda syahadan diberi anugerah persalin dengan sepertinya.

Setelah itu, maka ada seorang Jawa, demam; maka oleh segala orang muda-muda ditertawakannya. Maka Jawa itu pun malulah ia lalu

---

pengarang/penyalin ialah "d-p-d" (dipada) kerana daripada segi maksud ini selaras dengan "dialpayang digunakan sebelum ini.

102 سڤنت (s-p-n-t) Sepenat

103 ڤلندڠ عن (p-l-n-d-ng/p-ang-n) W (111) "pelindongan"

104 Tulisan tidak jelas. W (111) "menambat"

mengamuk dengan golok Sunda, maka orang pun banyak mati dibunuh oleh Jawa yang mengamuk itu, seorang pun tiada dapat [81] mengembari dia. Maka orang pun gempar, habis berlarian sana sini, sedang Hang Tuah pun segera datang. Setelah dilihat Hang Tuah Jawa itu, lalu diusirnya. Maka Hang tuah pun pura-pura undur, kerisnya pun dijatuhkannya dari tangannya. Maka dilihat oleh Jawa itu, maka dibuangkannya goloknya, diambilnya keris Hang Tuah itu, pada hatinya, "Keris ini baik, karena Hang Tuah terlalu tahu melihat keris". Setelah dilihat oleh Hang Tuah golok itu sudah dibuangkannya oleh Jawa itu, maka segera diambilnya lalu diusirnya Jawa itu. Maka oleh Jawa itu ditikamnya Hang Tuah dengan kerisnya; maka Hang Tuah pun melompat, tiada kena. Maka ditikamnya pula oleh Hang Tuah Jawa itu dengan golok Sunda, kena dapur-dapur susunya terus. Maka Jawa itu pun matilah. Maka dipersembahkan orang kepada Sultan Mansur Syah, "Bahawa Jawa itu sudah mati, Hang Tuah membunuh dia". Maka Sultan Mansur Syah memanggil Hang Tuah, diberi baginda persalin.

Hatta berapa lamanya, datang hujjatul alatah[105] akan Hang Tuah. Maka Hang Tuah pun berkendak dengan seorang dayang-dayang dalam istana raja, ketahuan pada raja. Maka oleh Sultan Mansur Syah Hang Tuah disuruh baginda bunuh pada Seri Nara Aldiraja. Maka fikir Seri Nara Aldiraja pada hatinya, "Belum patut dosanya Hang Tuah ini aku bunuh". Maka disuruh sembunyikan oleh Seri Nara Aldiraja pada satu dusun, dipasungnya, maka dipersembahkannya kepada raja, dikatakannya sudah dibunuh. Maka Sultan Mansur Syah pun diamlah.

Setelah sudah setahun lamanya, maka Hang Kasturi pun berkendak dengan dayang-dayang yang dipakai raja [lalu] kesiangan[106] dalam istana. Maka Sultan Mansur Syah dengan Raja Perempuan turun dari istana itu, pindah ke istana lain. Maka Hang Kasturi pun dikepung oranglah. Maka Sultan Mansur Syah pun duduk pada sebuah balai kecil; maka Bendahara dan Penghulu Bendahari, dan segala orang besar-besar dan orang kaya-kaya sekalian hadir mengadap. Maka orang mengepung Hang Kasturi itu penuh berlapis-lapis, seorang pun tiada dapat menaiki Hang Kasturi. Maka oleh Hang Kasturi semuanya pintu istana dikancingnya, suatu di hadapan Hang Kasturi juga dibukanya. Maka batil, talam, kerikal, dulang gangsa sekalian dikaparkannya di lantai,[107] maka di atas talam batil[108]

104 Tulisan
105 W(111) "hujjatul-baligh"
106 Kelihatan seperti "dipakai raja kayangan"
107 Dieja دڠني (d-n-g-y)
108 Dieja بتق (b-a-t-k) W(112) "Batak"

itulah ia berjalan[109] Maka perempuan kendakan[110] itu pun dibelahnya mukanya lalu ke perutnya, maka terlanjangnya.

Maka Sultan Mansur Syah pun memberi titah menyuruh menaiki Hang Kasturi, maka seorang pun tiada berkata pada zaman itu Hang Kasturi bukan barang barang orang. Maka Sultan Mansur Syah pun mengenang Hang Tuah, maka titah bagında, "Sayangnya Si Tuah tiada. Jikalau ia ada, dapatlah ia mengaputkan kemaluanku" Maka Seri Nara Aldiraja diam menengar titah itu. Setelah dua tiga kali [82] raja mengenang Hang Tuah, maka sembah Seri Nara Aldiraja, "Tuanku, pada pemandang patik, sangat benma Duli Yang Dipertuan mengenang Hang Tuah. Jikalau sekiranya ada Hang Tuah hidup, adakah ampun Yang Dipertuan akan dia?" Maka titah Sultan Mansur Syah, "Adakah Si Tuah diaruh Seri Nara Aldiraja?" Maka sembah Seri Nara Aldiraja, "Gila apakah patik menaruh dia" Dengan titah tuanku menyuruh membuangkan dia, sudah patik buangkan". Maka titah Sultan Mansur Syah, "Adapun jikalau ada Si Tuah, jikalau seperti bukan sekalipun besar dosanya, nescaya kita ampuni juga. Pada hicara hati kita, ada juga Si Tuah, Seri Aldiraja"[111] Maka sembah Seri Aldiraja, "Sungguh tuanku, seperti titah itu, tetapi titah tuanku menyuruh membunuh Hang Tuah itu, pada fikir patik tiada patut Hang Tuah dibunuh karena dosanya itu, maka oleh patik, patik pasung, karena Hang Tuah bukan barang-barang hamba takut ada pergunaannya ke bawah duli kemudian harinya." Maka Sultan Mansur Syah pun terlalu sukacita menengar sembah Seri Nara Aldiraja itu, maka titah bagında, "Bahawasanya Seri Nara Aldirajalah yang sempurna hamba". Maka Seri Nara Aldiraja dianugerah persalin sepertinya. Maka titah Sultan Mansur Syah, "Segera Seri Nara Aldiraja suruh membawa Hang Tuah kemari". Maka Seri Nara Aldiraja pun menyuruhkan orangnya memanggil.

Hang Tuah pun dibawa oranglah ke hadapan Sultan Mansur Syah. Adapun Hang Tuah berjalan itu belum tetap lagi, teranggar-anggar, karena lama sangat dalam pasungan itu. Setelah datang ke hadapan Sultan Mansur Syah, maka oleh Sultan Mansur Syah diambil bagında keris dari pinggang bagında, diberikan kepada Hang Tuah, maka titah Sultan

---

109. W telah tersalah membaca dua ayat ini menjadi "Maka oleh Hang Kasturi semuanya puteri Istana dikawininya, satu di hadapan Hang Kasturi juga dibukanya dan bantal tilam kurikal datang ganggang sekalian dikapurkannya di lantai. Maka di atas tilam Hang Kasturi ia berjalan".

110. W "kendakinya"

111. "Nara" ganda dalam naskhah BB

Mansur Syah, "Ambil kerisku ini, bunuhkan akan Kasturi".[112] Maka sembah Hang Tuah, "Baiklah, tuanku". Maka Hang Tuah menjunjung duli. Maka Hang Tuah pun pergilah mendapatkan Hang Kasturi.

Setelah ia datang ke tangga, maka Hang Tuah berseru, "Hang Kasturi! Turunlah!" Maka Hang Kasturi melihat Hang Tuah datang, maka kata Hang Kasturi, "Adalah engkau lagi![113] Kusangka engkau sudah mati, maka aku mau berbuat pekerjaan demikian ini. Hanya kita bertemu sama sebilah. Marilah engkau naik". Maka kata Hang Tuah, "Baiklah". Maka Hang Tuah pun naiklah.[114] Baharu dua tiga mata tangga, lalu diterpanya oleh Hang Kasturi, maka Hang Tuah pun terjun.[115] Maka dinaikinya pula, itu pun demikian juga. Setelah dua tiga kali demikian juga, maka kata Hang Tuah pada Hang Kasturi, "Bagaimana aku akan naik? Baharu dua tiga kali mata tangga, engkau terpa aku.[116] Jika engkau laki-laki, marilah engkau turun supaya kita bertikam sama seorang, supaya termasa [83] orang melihat dia". Maka kata Hang Kasturi, "Bagaimana aku turun? Karena orang banyak amat. Aku bertikam dengan engkau, kelak orang lain datang membantu aku". Maka kata Hang Tuah, "Seorang pun tiada kuberi menolong, kadar kita bertikam sama seorang juga". Sahut Hang Kasturi, "Di mana pula demikian? Jikalau aku turun, nescaya dibantu orang juga. Engkau hendak membunuh aku, marilah engkau naik". Maka kata Hang Tuah, "Jikalau engkau hendakkan aku naik, nyisihlah engkau sedikit". Maka kata Hang Kasturi, "Baiklah". Maka Hang Kasturi pun menyisihlah.

Maka Hang Tuah pun naik. Maka dilihat oleh Hang Tuah pada dinding istana ada sebuah utar kecil, maka segera diambil oleh Hang Tuah. Maka Hang Tuah bertemu, tikamlah Hang Tuah dengan Hang Kasturi. Adapun Hang Tuah berutar-utar, dan Hang Kasturi tiada. Maka dilihat oleh Hang Tuah gundik raja yang diperkendakinya oleh Hang Kasturi itu, sudah dibunuhnya maka ditelanjanginya, maka oleh Hang Tuah seraya ia bertikam itu sambil dikuiskannya kain perempuan itu dengan kakinya, rupanya seperti diselimut orang miskin. Hang Tuah orang baharu lepas dari dalam pasungan, angin ia berdiri lagi belum tetap.

112. W: (11 b) "Adapun Hang Tuah bertahan [illegible] belum tetap lagi [illegible] karena [illegible] Sultan Mansur Syah [illegible] pada Hang Tuah, maka titah baginda, "Ambil kerisku ini, bunuhkan Kasturi".
113. W: "Adakah engkau lagi?"
114. Ayat ini tiada dalam [illegible] W.
115. Ditulis: terjani.
116. "Bagaimana [illegible] terpa aku" tiada dalam W.

maka ia bertikam itu pun lagi gamang rasanya. Maka Hang Tuah bertikam pada papan dinding istana itu lekat kerisnya. Maka hendak ditikamnya oleh Hang Kasturi, maka kata Hang Tuah, "Adakah adat laki-laki menikam orang demikian? Jika engkau sungguh laki-laki, berilah aku menanggalkan kerisku dahulu". Maka kata Hang Kasturi, "Tanggalkanlah kerismu". Maka Hang Tuah pun menanggalkan kerisnya dan diperbaikinya.

Setelah sudah baik, maka bertikam pula ia dengan Hang Kasturi. Maka Hang Tuah pun bertikam pula pada tiang, disuruhnya juga oleh Hang Kasturi tanggalkan kerisnya, maka ditanggalinya oleh Hang Tuah, bertikam pula ia. Dua tiga kali demikian juga, Hang Tuah bertikam pada dinding dan pada tiang, disuruhnya tanggali juga oleh Hang Kasturi. Moga-moga dengan takdir Allah Ta'ala, Hang Kasturi pula bertikam pada dinding pintu itu, lekat kerisnya. Maka segera ditikamnya oleh Hang Tuah dari belakangnya terus ke hulu hatinya. Maka kata Hang Kasturi, "Hei Tuah! Demikianlah laki-laki mengubahkan waadnya? Engkau dua tiga kali lekat kerismu, kusuruh tanggal juga, maka aku, sekali juga lekat kerisku, engkau tikam". Maka sahut Hang Tuah, "Siapa berseteru dengan engkau? Karena engkau orang derhaka". Maka sekali lagi pula ditikamnya oleh Hang Tuah, maka Hang Kasturi pun matilah.

Setelah Hang Kasturi sudah mati, maka Sultan Mansur Syah pun terlalu sukacita, maka segala pakaian yang dipakai baginda semuanya dianugerahkan kepada Hang Tuah. Maka bangkai Hang Kasturi pun ditarik oranglah, dibuangkan ke laut, dan segala [84] anak isterinya pun habis berambut.[117] datangkan tanah kaki tiangnya pun digali dibuangkan ke laut. Setelah itu, maka Hang Tuah digelar Laksamana, dianak adat segala anak raja-raja, maka didudukkan setara dengan Seri Bija Aldiraja.[118] Hang Tuahlah yang pertama jadi Laksamana, apabila Seri Bija Aldiraja[119] tiada, dan[120] Laksamanalah menggantikan memikul pedang kerajaan karena adat dahulu kala Seri Bija Aldiraja memikul pedang kerajaan, duduk dikelekan; itulah yang diturut orang datang sekarang.

117 [illegible] juga "bermati" yang bermaksud "dibunuh" atau "dihalau"? Bermati bermaksud "dibunuh".
118 W(131) 4r tersilap menuliskannya sebagai "Seri Nara Aldiraja".
119 W: "Seri Nara Aldiraja".
120 Kehadiran "dan" di sini mengelirukan [illegible] tidak sempurna. Terdapat banyak pengulangan "dan" seperti ini di dalam naskhah RH ini.

Adapun akan Sultan Mansur Syah, tiadalah mahu lagi diam di istana yang tempat Hang Kasturi mati itu. Baginda memberi titah pada Bendahara Paduka Raja menyuruh berbuat istana. Maka Bendahara sendiri mengadapi dia,[121] karena adat Bendahara pegangannya Bintan. Besar istana itu tujuh belas ruang, ruangnya tiga-tiga depa, besar tiangnya sepemeluk, tujuh pangkat, kemuncaknya pula tujuh[122].

Pada antara itu diberinya berkok, maka pada segala kok itu diberinya gajah menyusu itu, diberinya bumbungan melintang, sekaliannya bersayap layang-layang, dan sayap-sayap[123] layang-layangnya itu semuanya berukir, pada antara tingkap itu, diperbuatnya helalang bersagi, sekaliannya berjurai dan bergegunungan. Adapun segala tingkap istana itu, sekaliannya dicatnya dengan air mas, kemuncaknya kaca merah, apabila kena sinar matahari, bernyala-nyalalah, rupanya seperti api. Maka dinding istana itu pun sekalian berumbai-umbai, maka ditampalinya cermin Cina yang besar-besar, apabila kena panas matahari bernyala-nyala rupanya, kilau-kilauan, tiada t-a-[124] betena dipandang orang. Adapun rasuk istana itu kulim, sehasta lebarnya, sejengkal tiga jari tebalnya, akan bitainya dua hasta lebarnya, sehasta tebalnya.[125] Diukirnya rembatan pintunya itu, puluh[126] banyaknya, sekaliannya dicatnya dengan air mas. Terlalu indah-indah perbuatan istana itu, sebuah pun istana raja-raja dalam dunia ini tiada sepertinya pada zaman itu. Istana itulah yang dinamai orang mahligai, atapnya tembaga dan timah disirap.

Setelah hampirlah sudah istana itu, maka Sultan Mansur Syah pun berangkat ke istana itu hendak melihat. Maka raja pun berjalanlah dalam istana itu, maka segala hamba raja berjalan dari bawah rumah. Maka Sultan Mansur Syah pun berkenan melihat perbuatan istana itu. Maka baginda lalu ke penanggahan, maka dilihat oleh Sultan Mansur Syah sebiji rasuk penanggahan itu hitam lagi kecil, maka titah Sultan Mansur Syah, "Apa rasuk ini?" Maka sembah segala raja-raja, "Ibul, tuanku". Maka titah Sultan Mansur Syah, "Hendak bangat gerang, Bendahara!" Setelah itu maka Sultan Mansur Syah pun kembalilah dari istana itu, tatkala Tun Indera Segara ada mengiringkan Sultan Mansur Syah. Adapun

121 Dieja مڠادڤ (m n g a a n - d y).
122 W = besar tiangnya sepemeluk, tujuh pangkat kemuncaknya"
123 ساي (s y a p 2) W "siapa-siapa"
124 Tidak dapat dipastikan perkataannya. Mungkin juga "mata"
125 Ditulis "akan bitai itu dua hasta tebalnya, akan bitainya dua hasta lebarnya, sehasta tebalnya."
126 W "(empat) puluh"

akan Tun Indera Segara itulah [85] asal sidasida.

Maka Tun Indera Segara segera pergi memberitahu Bendahara mengatakan, "Yang Dipertuan tadi murka oleh rasuk sebatang itu kecil." Setelah didengar oleh Bendahara kata Tun Indera Segara itu, maka Bendahara segera menyuruh meramu rasuk kulim sehasta lebarnya, sejengkal tebalnya. Maka dengan sa'at itu juga datang orang beramu rasuk itu. Maka Bendahara Paduka Raja sendiri pergi ke penanggahan memahat, mengenakan rasuk itu. Maka oleh orang bekerja itu kedengaran pada Sultan Mansur Syah, maka baginda bertanya, "Mengapa orang itu gegak?" Maka sembah Tun Indera Segara, "Tuanku, patik itu Bendahara, mengganti rasuk yang kecil tadi, sendiri patik itu, Bendahara, memahat mengenakan dia." Maka Sultan Mansur Syah segera menyuruh membawa persalin akan Bendahara dengan selengkapnya pakaian. Maka Tun Indera Segara dinamai orang "Syahmura'Hana maka istana itu pun sudahlah. Maka Sultan Mansur Syah pun segera memberi persalin akan segala orang yang bekerja[127] syahadan maka Sultan Mansur Syah pun pindahlah ke maligai yang baharu itu.

Hatta berapa lamanya, dengan takdir Allah Ta'ala maligai itu pun terbakar, tiba-tiba di atas kemuncak maligai itu api. Maka Sultan Mansur Syah dan Raja Perempuan dan segala dayang-dayang pun larilah dari istana itu. Maka segala raja-raja dalam istana. Maka orang pun semuanya datanglah berbelakan, tiada teperbela lagi. Maka segala arta yang dalam istana itu pun semuanya diperlepas orang. Adapun timah hatap itu pun hancurlah, cucur dari cucuran, hatap istana itu pun cucurlah seperti hujan yang lebat. Maka daripada timah yang cucur itulah orang yang merebut segala arta dalam istana itu. Maka Tun Muhammad Pantas pun masuk merebut arta itu yang dalam istana itu, orang sekali masuk membawa arta itu keluar, ia dua tiga kali,[128] sebab itulah maka dinamai orang Tun Muhammad Pantas. Adapun akan Tun Muhammad Pantas[129] itu, sekali ia masuk, bawakan orang dua tiga orang sekali dibawanya keluar, sebab itulah maka ia dinamai orang Tun Muhammad Unta. Maka segala arta dalam maligai itu pun semuanya habis lepas, tiada berapa yang terbakar, maligai itu pun habislah hangus, maka api pun padamlah.

Maka Sultan Mansur Syah pun memberi nugerah akan segala orang dalam yang berlepaskan segala arta dalam maligai itu. Yang patut persalin

127 Ditulis بكر (b-k-r)

128 W (jl. 5) "orang segala masuk membawa arta itu keluar ia dua tiga kali"

129 W "Tun Muhammad Unta"

dianugerahai persalin, yang patut bersalut dianugerah salut,[130] dan yang patut berpedang dianugerahai pedang, dan yang patut bergelar [digelar] baginda.[131] Maka Sultan Mansur Syah pun memberi titah pada Bendahara Paduka Raja menyuruh berbuat istana dan balai rong. Maka Bendahara [86] pun mengarahkan orang berbuat istana dan balai rong. Maka orang Ungaran dan orang Sugal berbuat istana sertanya, orang Bintan karangan biram akan dia, orang Pancur Serapung berbuat balai rong, orang Buru balai mendapa, orang Sun berbuat dia itu apit pintu yang dari kanan, orang Sudir buat dia balai apit pintu yang di kiri itu, orang Savung berbuat dia kandang, orang Upang berbuat dia danu gajah, orang Merbau berbuat dia penanggahan, orang Sawang berbuat dia danu pemandian, orang Tungkal berbuat dia danu masjid, orang Tenta berbuat dia pintu pagar istana, orang Muda berbuat dia danu kota orang. Adapun istana itu baik pula daripada dahulu. Setelah sudahlah sekalliannya itu, maka Sultan Mansur Syah pun menugerahai segala orang yang bekerja itu. Maka baginda pun diamlah di istana baharu itu, karadah selamalamanya!

Bermula akan Seri Nara Aldinaja pun beranak dengan Tun Kudu dua tiga orang; laki-laki Tun Zaahir[133] namanya yang tengah perempuan, Tun Syah namanya, yang bungsu lakilaki, Tun Muzahir[134] namanya, terlalu baik rupanya. Hatta Tun Kudu pun kembalilah ke rahmatullah, berpindah dari negeri yang fana ke negeri yang baqa. Maka Seri Nata Aldinaja pun beristeri pula akan anak Melayu juga, beranak dua orang, seorang laki-laki, Tun 'Abdul namanya, terlalu olahan, seorang perempuan, Tun Naja namanya.

Setelah kedengaranlah khalvar kebesaran Raja Melaka itu ke benua Cina, maka Raja Cina pun mengutus ke Melaka. Maka disuruh pingkirnya jarum, surat sebuah pilau itu dengan jarum juga. Setelah datanglah ke Melaka, maka disuruh baginda jemputlah surat Raja Cina itu, disuruh arak. Setelah datang ke dalam, maka disambut oleh bentara maka diberikannya kepada khatib, maka dibaca oleh khatib surat itu, demikian bunyinya, "Ini surat dari bawah kaus Raja Langit datang kepada Raja Melaka. Bahawa kita dengar warta Raja Melaka raja besar; maka kita

130 سلة (s l t). Pandangan C.C. Brown (233, n. 116) bahawa ejaan tersebut bermaksud "salut" adalah munasabah. W (116) "selat".

131 Bahagian akhir ayat ini ditulis "dan yang patut berpedang dianugerahi pedang dan patut bergelar baginda".

132 Dua ayat terakhir tiada dalam W.

133 ظاهر (z-a-h-r). W "Tahir".

134 مظاهر (z-a-h-r). W "Mutahir".

hendak bersahabat dengan Raja Melaka. Bahawa tiada ada lagi raja-raja besar dalam dunia ini daripada kita dan tiada siapa pun tahu akan bilang rakyatnya;[135] maka daripada sebuah rumah sebutir jarum kita pintakan, itulah jarumnya sarat sebuah pilau kita kirimkan ke Melaka."

Setelah Sultan Mansur Syah menengar bunyi surat itu, maka baginda pun tersenyum; maka disuruh naikkanlah segala jarum yang di pilau itu, disuruh baginda isi dengan sagu rendang hingga sarat. Maka Tun Perpatih Putih, adik[136] Bendahara Paduka Raja, dititahkan Sultan Mansur Syah utus ke benua Cina. Maka Tun Perpatih Putih pun pergilah.

Setelah berapa lamanya di jalan, maka sampailah ke benua Cina. Maka oleh Raja Cina disuruh arak surat dari Melaka itu, dihentikan di rumah Perdana Menteri yang bernama Li Po[137] Hampu diuhari. [87] maka masuklah Li Po dan segala orang besar-besar mengadap Raja Cina. Maka Tun Perpatih Putih pun serta masuk sama-sama, dan gagak pun turun masuk. Setelah datang kepada pintu di luar, maka Li Po dan segala orang besar-besar yang sertanya pun berhenti, gagak pun berhenti. Maka berbunyilah gong pengerah, gemuruh bunyinya, maka Li Po dan orang itu pun berjalanlah masuk ke dalam, dan gagak pun turut masuk. Setelah datang ke pintu selapis, lalu berhenti pula, gagak pun turun[138] berhenti. Maka berbunyi[139] pula gong pengerah, maka sekaliannya orang itu pun masuklah. Datang kepada tujuh lapis pintu, demikian juga. Setelah hari pun siang, datanglah ke dalam, duduk di balai. Daripada kebanyakan orang mengadap itu, hingga bertemu temu lutut juga. Maka gagak pun mengembangkan sayapnya menaungi segala orang mengadap itu. Maka berbunyilah guruh petir kilat sabung-menyabung, alamat Raja Cina keluar.

Maka Raja pun keluar, berbayangbayang rupanya kelihatan dari dalam mungkur kaca dalam mulut naga. Maka segala orang duduk mengadap itu sekaliannya tunduk, tiada mengangkatkan mukanya. Maka surat dari Melaka itu pun dibaca oranglah, maka terlalulah sukacita Raja Cina menengar dia, dan sagu pun diangkat oranglah. Setelah datanglah ke hadapan Raja Cina, maka kata Raja Cina, "Bagaimana berbuat dia ini?"

---

135 W: "Bahawa tiada raja besar dalam dunia ini daripada kita dan tiada siapa pun tahu akan bilangan rakyat kami"
136 D: tulis "adalah"
137 W (1.7): "Lang Chu"
138 W: "turun"
139 W: "berbunyi"

Maka sembah Tun Perpatih Putih, "Itulah, tuanku, pada seorangseorang disuruh raja kamu orang menggolek dia. Demikianlah peri banyak rakyat raja kamu, tiada seorang jua pun yang tahu akan bilangan" [140] Maka titah Raja Cina, "Besar sungguh Raja Melaka ini, terlalu sekali banyak rakyatnya, tiada beda dengan rakyat kita, baiklah ia kuambil akan menantuku". Maka titah Raja Cina pada Li Po, "Sedang Raja Melaka lagi kuasa menyuruh rakyatnya menggolek ini, istimewa pula aku. Adapun beras akan kumakan itu, hendaklah dikupas, jangan lagi ditutuk" [141] Maka sembah Li Po, "Baiklah." Itulah sebabnya maka Raja Cina tiada makan beras ditumbuk datang sekarang, melainkan dikupas juga.

Adapun Tun Perpatih Putih mengadap itu, semuanya jarinya dibubuh cincin, barang siapa memandang pada cincinnya itu lekat matanya, maka dibernya oleh Tun Perpatih Putih sebentuk. Lagi pula memandang, itu pun demikian juga. Demikianlah nenasa pada tiap-tiap hari apabila Tun Perpatih Putih mengadap.

Sekali peristua, Raja Cina memberi titah pada Tun Perpatih, "Apa makanan kegemaran orang Melayu?" Maka sembah Tun Perpatih Putih, "Tuanku, kegemaran patik sayur kangkung, jangan dikerat-kerat, dibelah sepanjang-panjangnya". Maka oleh Raja Cina maka disuruhnya sayurkan seperti kata Tun Perpatih Putih itu[142] Setelah sudah masak, [88] maka dihantarkan ke hadapan. Tun Perpatih Putih dengan segala orang Melayu pun semuanya makanlah. Maka dibibitnya ujung kangkung itu seraya tengadah, maka baharulah Tun Perpatih Putih dengan segala orang Melayu itu melihat Raja Cina.

Hatta datanglah musim akan pulang. Maka Raja Cina pun menitahkan Li Po berlengkap akan mengantarkan anakanda baginda ke Melaka.[143] Maka Li Po pun berlengkaplah. Setelah sudah akan berlengkap, maka oleh Raja Cina, lima ratus anak putera[144] yang muda

140 W "Itulah, tuanku, pada seorang orang disuruh Raja kamu orang menggolek dia (hingga sarat sebuah pilu). Demikianlah peri banyak rakyat Raja kamu, tiada seorang jua pun tahu akan bilangannya"

141 ديتوتوق (d-t-w-t-q/p) W "ditumbuk"

142 W (118) "Maka oleh Raja Cina disuruhnya sayurkan kangkung itu, seperti kata Tun Perpatih Putih itu"

143 W (118) "Maka Raja China pun menitahkan Lang Ho berlengkap akan mengantarkan Lang anak anda baginda ke Melaka"

144 Dieja فترى (p-t-r-y). Barangkali juga yang dimaksudkan di sini ialah "anak menteri" kerana ini selaras dengan pernyataan sebelum ini bahawa "menteri Cina yang lima ratus itu disuruh diam di Bukit Cina"

muda, dan seorang pun menteri yang terbesar akan penghiburnya, mengantarkan anakanda baginda Puteri Hang Liu itu; dan beberapa ratus dayang-dayang-dayang-dayang yang baik rupanya, serta anakanda baginda itu. Setelah sudah lengkap, maka Tun Perpatih Putih pun mohonlah kembali. Maka surat pun diarak oranglah ke perahu, maka Tun Perpatih Putih pun berlayarlah kembali[145].

Berapa lamanya di jalan, sampailah ke Melaka. Maka dipersembahkan oranglah kepada Sultan Mansur Syah, "Bahawa Tun Perpatih Putih sudah datang membawa anak Raja Cina". Maka Sultan Mansur Syah terlalu sukacita, maka disuruh baginda hadirkan kepada segala orang yang besar-besar dan hulubalang sekalian. Setelah bertemu, maka dengan seribu kemuliaan dan kebesaran dibawanya masuk ke dalam. Setelah datang ke dalam, maka Sultan Mansur Syah pun terlalu hairan melihatnya, Puteri Hang Liu, anak Raja Cina, hatta maka disuruh baginda masuk Islam. Setelah sudah Islam, maka Sultan Mansur Syah pun kawinlah dengan puteri anak Raja Cina itu. Maka baginda beranak seorang laki-laki, dinamai Paduka Minat, maka Paduka Minat beranakkan Paduka Seri Cina, Paduka Seri Cina beranakkan Paduka Ahmad, ayah Paduka Isap. Maka segala menteri[146] Cina yang lima ratus itu disuruh diam di Bukit Cina. Itu pun maka dinamai "Bukit Cina" datang sekarang, ialah berbuat peng di Bukit Cina, anak cucu orang itulah dinamai "Induanda Cina". Maka Sultan Mansur Syah memberi persalin menteri Cina yang mengantar puteri. Maka ia pun mohonlah kembali.

Maka Tun Telanai dan Menteri Jana Putera dititahkan baginda ke benua Cina, baharulah Sultan Mansur Syah berkirim sembah pada Raja Cina, sebab sudah jadi menantu. Maka Tun Telanai dan Menteri Jana Putera pun berlayarlah ke benua Cina. Maka dengan takdir Allah Ta'ala angin besar pun turun, maka Tun Telanai dan Menteri Jana Putera pun bias ke Beruna. Maka Tun Telanai dan Menteri Jana Putera masuk mengadap Raja Beruna. Maka kata raja pada Tun Telanai, "Apa bunyi surat ayah kita Raja Melaka pada Raja Cina?" Maka sembah Tun Telanai,

145 V.V.18: "Setelah sudah akan berlengkap, maka oleh Raja Cina dipilih lima ratus anak putera yang dituda muda dan seorang pun menteri yang terbesar akan penghiburnya menghantarkan anakanda baginda. Setelah sudah lengkap, maka Tun Perpatih Putih pun berlayarlah kembali."

146 Besar kemungkinan yang dimaksudkan di sini ialah sama ada "anak putera" atau "anak menteri" seperti yang dinyatakan sebelum ini.

"Demikian bunyinya, 'Sahaya Raja Melaka empunya sembah kepada Paduka ayahanda Raja Cina'". Maka titah Raja Berunai, "Berkirim sembahkah Raja Melaka kepada Raja [89] Cina?" Maka sembah Menteri Jana Putera, "Tuanku, ertinya 'sahaya' itu pada bahasa Melayu, 'hamba'. Patik sekalianlah yang berkirim surat sembah itu, tiada paduka ayahanda berkirim surat sembah itu". Maka Raja Berunai pun diam.

Setelah datanglah musim akan pulang, maka Tun Telanai dan Menteri Jana Putera pun mohonlah kembali. Maka Raja Berunai berkirim surat ke Melaka, demikian bunyinya, "Paduka anakanda empunya sembah, datang kepada paduka ayahanda". Setelah itu, maka Tun Telanai dan Jana Putera pun kembalilah ke Melaka. Maka surat daripada Raja Berunai itu dipersembahkannya kepada Sultan Mansur Syah, maka segala peri hal ehwalnya semuanya dipersembahkan ke bawah duli Sultan Mansur Syah. Maka terlalu sukacita baginda menengar dia, maka baginda memberi anugerah persalin akan Tun Telanai dan Menteri Jana Putera syahadan beberapa pula[147] baginda akan Menteri Jana Putera.

Hatta maka Sultan Mansur Syah pun menitahkan Bendahara Paduka Raja menyerang PahangMaka Bendahara pun pergilah bersama-sama dengan Tun Bija Aldiraja dan Laksamana, dan Sang Setia, dan Sang Guna, dan Sang Nyaya,[148] dan Sang Jaya Pikrama, dan segala hulubalang sekalian pergi mengiringkan Bendahara, dua ratus banyaknya kelengkapan besar kecil. Setelah berapa lamanya di jalan, maka sampailah ia ke Pahang, maka berperanglah orang Melaka dengan orang Pahang. Adapun akan negeri Pahang, dahulu kala negeri besar, takluk ke benua Siam; Maharaja Sura[149] nama rajanya, saudara sepupu kepada Paduka Bubunnya. Setelah Bendahara datang ke Pahang, maka berperanglah orang Pahang dengan orang Melaka, terlalu ramai. Berapa lamanya berperang, maka dengan Allah[150] Subha nahu wata'ala, Tuhan yang berlakukan kudratnya atas segala hambanya, maka dengan mudahnya juga, negeri Pahang itu pun alahlah. Maka segala orang Pahang semuanya lari. Maharaja Sura pun berlepas dirinya lari ke hulu. Maka disuruh oleh Bendahara ikut pada Seri Bija Aldiraja dengan Laksamana, dan Seri Akar

147 W (119) "pun"

148 Besar kemungkinan tersalah eja untuk "Naya"

149 Dieja: سورا (s-w-r-a) Siam/suara? Selepas ini kadangkala dieja: سور (s-w-r) dan سوار (s-w-r-a)

150 Barangkali sepatutnya berbunyi "dengan [kehendak] Allah"

Raja dan Sang Setia dan Sang Guna dan Sang Naya dan Sang Jaya Pikrama dan Sang Surana dan Sang Ana dan Sang Radin dan Sang Sura Pahlawan dan Sang Sura dan segala hulubalang semuanya pergi mengikut Maharaja Sura.

Adapun Seri Bija Aldiraja mengikut itu seraya buru kerbau jalang dan memikat hayan hutan, batang di mana pasir yang baik, ia singgah bermain. Maka kata segala anak buah Seri Bija Aldiraja, "Bagaimana Orangkaya ini? Karena pekerjaan kita itu lain rupanya karena orang semuanya sudah pergi sungguh-sungguh mengikut Maharaja Sura, akan Orangkaya lagi bermain dan berburu juga. Jika orang lain kelak bertemu, orang lainlah yang beroleh jasa, kita suatu pun tiada beroleh pemalehan." Maka kata Seri Bija Aldiraja, "Di mana orang mudamuda tahu! Karena Maharaja Sura tiada ia lepas aku daripada matuku. Kira-kira aku namanya di bawah namaku, harinya di bawah hariku, ketikanya di bawah [90] ketikaku[151]. Di mana ia akan lepas daripada tanganku?"

Adapun akan Maharaja Sura, tiga malam ia dalam hutan, tiada makan dan tiada minum air. Maka ia terus pada sebuah rumah perempuan tua, ia minta nasi Maharaja Sura. Maka orang tua itu fikir pada hatinya, "Adapun kudengar khabawa raja ini dikut oleh Seri Bija Aldiraja. Jikalau ketahuan ia ada di rumahku ini, apa halku demikian ini? Baiklah aku pergi memberi tahu Seri Bija Aldiraja." Maka perempuan tua itu pun berkata pada Seri Maharaja Sura, "Duduklah tuanku di sini dahulu. Patik pergi mencari sayur-sayuran." Maka perempuan tua itu pun pergi ke pantai, kasadnya hendak memberi tahu segala orang mengikut itu. Adapun segala orang mengikut itu sudah terdahulu Seri Bija Aldiraja lagi kemudian. Maka perempuan tua itu bertemu dengan Seri Bija Aldiraja, maka dikatakannya kepada Seri Bija Aldiraja. Maka oleh Seri Bija Aldiraja disuruhnya orang naik mengepung Maharaja Sura. Maka Maharaja Sura pun ditangkap oranglah, dibawa kepada Seri Bija Aldiraja.

Maka Seri Bija Aldiraja pun kembali membawa Maharaja Sura kepada Bendahara Paduka Raja, tetapi akan Maharaja Sura itu sungguh pun ditangkap Seri Bija Aldiraja, tiada dipasungnya, dan tiada dikatanya. Setelah datang kepada Bendahara, maka diserahkan oleh Seri Bija Aldiraja Maharaja Sura itu kepada Bendahara. Maka oleh Bendahara pun demikian juga, seperti istiadat kerajaan juga ditaruhnya. Maka gajah kenaikan Maharaja Sura yang bernama Iyut Di Kanyang[152] pun disuruh

151 Ditulis: "Karena Maharaja Sura tiada ia lepas akan daripada matuku, kira-kira akan namanya di bawah namaku, harinya di bawah hariku."

152 W (120): "Yadikenya".

bawa oleh Bendahara ke Melaka. Setelah berkampunglah segala orang yang mengikut itu, maka Bendahara pun kembalilah ke Melaka membawa Maharaja Sura.

Setelah berapa lamanya, maka Bendahara Paduka Raja pun sampailah ke Melaka, maka Bendahara pun masuklah mengadap Sultan Mansur Syah membawa Maharaja Sura. Maka Sultan Mansur Syah pun terlalu sukacita, maka baginda memberi anugerah persalin akan Bendahara Paduka Raja daripada pakaian yang muka-muka, dan segala hulubalang yang pergi itu pun sekalian dianugerahi persalin oleh baginda. Maka Seri Bija Aldiraja pun dianugerahi Sultan Mansur Syah payung, gendang, serunai dan nafiri, melainkan nagara juga yang tiada; oleh jasanya menangkap Maharaja Sura itu. Apabila ia keluar dari Melaka, lepas Melaka juga maka Seri Bija Aldiraja pun dimohonkan. Maka Seri Bija Aldiraja dimintakan baginda dian di Pahang, maka Seri Bija Aldiraja pun pergilah ke Pahang, maka ia dian di Pahang, lalah memintahkan Pahang itu.

Sebermula akan Maharaja Sura disetahkan Sultan Mansur Syah pada Bendahara Paduka Raja, itu pun oleh Bendahara tiada dipasungnya. Maka oleh Bendahara disetahkan pula [91] pada Seri Nara Aldiraja, maka oleh Seri Nara Aldiraja dipenjarakannya di ujung balainya, tempatnya dihadap orang, tetapi sungguhpun dipenjarakannya oleh Seri Nara Aldiraja, di dalamnya bertilam dan berbantal, jika ia makan, dibawakan hidangan dan disapukan tetapan, disunthinya orang mengadap seperti adat kerajaan.

Sekali peristua Seri Nara Aldiraja dudap orang, maka kata Maharaja Sura, "Adapun tatkala alah negeri hamba, maka hamba tertangkap oleh Seri Bija Aldiraja, perasaan hamba seperti dalam kerajaan hamba juga, setelah hamba datang pada Bendahara, itu pun demikian juga, perasaan hamba seperti dalam kerajaan juga. Bahanulah pada orang tuha ini, hamba pusat penjara." Maka kata Seri Nara Aldiraja, "Hei Maharaja Sura! Sungguhpun tuan hamba raja, buh tuan hamba kurang. Akan Seri Bija Aldiraja hulubalang besar, negeri tuan hamba lagi dapat dalahkannya, istimewa tuan hamba seorang, apa beheranya padanya? Akan Bendahara orang besar, syahadan orangnya pun banyak, ke mana lepas tuan hamba? Akan hamba ini seorang takut, jikalau tuan hamba lepas, nescaya Yang Dipertuan murka akan hamba, sebab itulah maka tuan hamba ini

penjarakan".[153] Maka kata Maharaja Sura, "Syabaslah! Tuan hamba yang sempurna". Setelah berapa lamanya Maharaja Sura dalam penjara, sekali persetua gajah yang bernama Iyu Kanyang itu pun dibawa orang mandi lalu di hadapan penjara Maharaja Sura. Maka dipanggilnya oleh Maharaja Sura. Setelah datang gajah itu, maka ditatapnya oleh Maharaja Sura, dilihatnya kukutnya[154] tiada satu. Maka kata Maharaja Sura, "Selamanya tiada aku penah memandang gajahku seperti ini, haruslah maka negeriku alah".

Hatta gajah kenaikan Sultan Mansur Syah yang bernama Kancanet itu pun lepas. Maka beberapa disuruh cari oleh Seri Rama, karena ia panglima gajah, tiada dapat. Jikalau orang bertemu dengan gajah itu dalam paya atau dalam duri, maka tiada dapat terambil. Maka kata Seri Rama,[155] dipersembahkannya segala hal itu pada Sultan Mansur Syah, maka disuruh baginda, "Talahhus dalam negeri ini".[156] Maka dipersembahkan orang kepada Sultan Mansur Syah, "Bahawa Maharaja Sura terlalu tahu pada gajah". Maka baginda menyuruh pada Maharaja Sura, minta diambilkan gajah baginda itu. Maka kata Maharaja Sura pada orang membawa mat baginda itu, katanya, "Sembah hamba ke bawah Duli Yang Dipertuan, 'Jikalau patik dilepaskan, dapatlah patik mengambil gajah itu'". Maka orang yang dititahkan raja itu pun kembalilah bepersembahkan segala kata Maharaja Sura itu kepada Sultan Mansur Syah. Maka oleh Sultan Mansur Syah maka disuruh baginda lepaskan. Setelah Maharaja Sura sudah dilepaskan orang, maka gajah pun diambil [92] oranglah. Maka oleh Sultan Mansur Syah segala anak tuan-tuan semuanya disuruhkan baginda kepada Maharaja Sura berajar, karena adat Sultan Mansur Syah, apabila orang tahu pada gajah dan tahu mengenderai kuda dan tahu bermain senjata, maka segala anak tuan-tuan yang berajar itu Sultan Mansur Syah semuanya memberi sarenya. Bermula akan Seri Rama itu asal ceteria, duduk dikelek-kelekan kanan, sirih bertetapan.

Sebermula ada saudara Seri Nara Aldiraja seorang, perempuan, diperisteri Sultan Mansur Syah; beranak empat orang, dua orang laki-laki, dua orang perempuan, yang laki-laki itu bernama Raja Ahmad. Hatta maka Seri Nara Aldiraja pun sakitlah. Setelah dilihatnya dirinya akan mati, maka Seri Nara Aldiraja menyuruh memanggil Bendahara Paduka

153. [di]penjarakan

154. ككوتن / ككوتن (k-k-w-t-n) W(12): "kukunya"

155. Seperulnya "Maka oleh Seri Rama"

156. W"Talahhus dalam negeri ini (kalau kalau ada orang tahu [h]i gajah)"

Raja datang. Maka kata Seri Nara Aldiraja pada Bendahara Paduka Raja, "Adapun yang sakit beta sekali ini, nescaya matilah rasanya. Akan anak beta sekalian ini, budak belaka. Pertama kepada Allah Subha nahu wata'ala beta serahkan, kemudian kepada adiklah, tambahan ia sedia anak adik. Suatu pun tiada pusaka beta tinggalkan akan dia melainkan emas empat buah candapett empat orang membawa dia, sekalannya itu pemintah adik". Setelah itu, maka Seri Nara Aldiraja pun kembalilah ke rahmatullah. Maka Sultan Mansur Syah pun datanglah menanamka[157] Seri Nara Aldiraja; dianggerahan bagnda payung dan gendang, serunai, nafiri, nagara. Setelah sudah ditanamkan orang, maka raja pun kembalilah ke istana bagnda dengan dukacitanya. Maka anak Seri Nara Aldiraja itu semuanya diam pada Bendahara Paduka Raja. Maka anak Seri Nara Aldiraja yang bernama Tun Zahir menggantikan ayahnya bergelar Seri Nara Aldiraja, jadi Penghulu Bendahari. Anak Seri Nara Aldiraja yang muda bernama Tun Muzahir itu digelar Seri Zaidraja, ditadikan Temenggung. Seorang lagi anak Seri Nara Aldiraja, Tun 'Abdul namanya, lain bondanya, akan Tun 'Abdul itu terlalu olahan, pada berbuang-buangkan, tiga hari, maka sudah; jika berkuda pada bayang-bayang panas; membaiki dirinya berpenamak, terlalu sekali olahannya. *Wallah a'lam bissawab.*

157 W 122: 'menangiskan'

10

ALQISAH

Maka tersebutlah perkataan Raja benua Cina. Setelah utusan yang mengantarkan puteri anak Raja Cina dengan Tun Perpatih itu kembali[1] maka surat Raja Melaka pun diaraklah. Setelah [93] datang ke pengadapan, maka disuruh dibaca oleh raja pada Perdana Menteri. Setelah diketahui erinya, maka raja pun terlalu sukacita menengar Raja Melaka berkirim sembahlah padanya. Hatta dengan saat itu juga, Raja Cina pun sakit lalu kedal semuanya tubuh baginda. Maka Raja Cina pun menyuruh memanggil tabib, minta ubat, maka diubati oleh tabib itu, tiada juga sembuh. Maka beberapa pada ratus tabib disuruh Raja Cina mengubati diri baginda, tiada juga sembuh. Maka ada seorang tabib tuha berdatang sembah, demikian sembahnya itu, "Ya tuhanku! s-w-k-p-y-a,[2] adapun penyakit kenohong ini tiadalah seruhat oleh patik sekalian, karena penyakit ini bersebab". Maka titah Raja Cina, "Apa sebab?" Maka sembah tabib tuha itu, "Tuanku, oleh-oleh Raja Melaka berkirim-berkirim sembah itulah tuanku, tulah. Jikalau tiada air basuh kaki Raja Melaka tuanku santap dan tuanku permandi, tiada akan sembuh penyakit tuanku ini". Setelah Raja Cina menengar sembah tabib tuha itu, maka baginda menitahkan utusan ke Melaka, minta air basuh kaki Raja Melaka. Setelah sudah lengkap, maka utusan itu pun pergilah ke Melaka.

Setelah berapa lamanya di jalan maka sampailah ke Melaka. Maka dipersembahkan oleh orang kepada Sultan Mansur Syah mengatakan, "Utusan Raja Cina datang, hendak minta air basuh kaki Yang Dipertuan". Maka Sultan Mansur Syah keluarlah ke balai, dihadap orang. Maka surat dari benua Cina itu pun disuruh jemput, diarak lagi ke balai, maka disuruh baginda baca pada khatib, demikian bunyinya, "Surat daripada paduka ayahanda datang kepada paduka anakanda. Jikalau ada kasih pada paduka ayahanda akan paduka anakanda, bahawa paduka ayahanda hendak minta kasih air basuh kaki paduka anakanda". Maka oleh Sultan Mansur Syah pun diberi baginda air basuh kaki "Sultan Mansur Syah"; maka surat pun

---

1 تهنكو (T h n k w) Besar kemungkinan yang dimaksudkan ialah "tuanku". Lihat hlm. 165 W. "tuan ku".

2 سركتيا

disuruh balas, maka utusan Cina dipersalin.[1]

Maka surat pun dan air basuh kaki Sultan Mansur Syah itu pun diarak ke perahu, maka utusan Cina itu pun kembalilah. Berapa lamanya di jalan, maka sampailah ke Cina. Maka surat dan air basuh kaki Sultan Mansur Syah itu pun diarak oranglah, dibawa oranglah masuk kepada Raja Cina. Air basuh kaki Sultan Mansur Syah itu pun disantap dan dipermandi baginda, maka penyakit kedal dapada tubuh baginda itu pun semuanya hilanglah, maka Raja Cina pun sembuhlah, maka ia bersumpah tada mau disembah oleh Raja Ujung [94] Tanah, datang sekarang. Maka titah Raja Cina, "Adapun segala anak cucuku, jangan lagi berkehendakkan sembah kepada Raja Melaka datang kepada anak cucunya, tetapi muafakat berkasih-kasihan juga."

1 W (12 b): "Dikalam, bahawa puduka ayahanda mengak mutu kasih air basuh kaki Sultan Mansur Syah." Maka oleh Sultan Mansur Syah pun diberi baginda air basuh kaki, maka surat pun dilalus dan utusan Cina dipersalin."

11

ALQISAH

Maka tersebutlah perkataan Sultan Mansur Syah hendak menyuruh menyerang Siak. Karena Siak itu dahulu negeri besar, rajanya daripada anak cucu Raja Pagar Ruyung yang asal daripada Sang Sapurba yang turun daripada Bukit Si Guntang Maha Miru, tiada ia menyembah ke Melaka, sebab itulah maka baginda pun menyuruh menyerang. Maka Seri Awadana[1] dititahkan baginda; enam puluh hulubalang banyaknya; Sang Jaya Pikrama dan Sang Surana dititahkan baginda bersama-sama dengan Seri Awadana. Adapun akan Seri Awadana itu anak cucu Bendahara Seri Amar Diraja karena Bendahara Seri Amar Diraja itu banyak beranak; yang tua sekali namanya Tun Hamzah. Tun Hamzah itu beranakkan Seri Awadana; akan Seri Awadana itu Perdana Menteri pada Sultan Mansur Syah. Maka Seri Awadana beranak dua orang, bernama Tun Abu Saban, seorang bernama Tun Perak. Akan Tun Saban bernakkan Orangkaya Tun Hassan. Akan Tun Perak beranak perempuan, Tun Esah, seorang laki-laki bernama Tun Ahmad. Adapun akan pegangan Sri Awadana, Merbau. Karena Merbau pada zaman itu ke luar, kelengkapan Merbau tiga puluh lancaran bertiang tiga. Setelah sudah lengkap, maka Seri Awadana pun pergilah. Khoja Baba pun pergilah sama-sama dengan hulubalang sekalian.

Adalah berapa hari di jalan, sampailah ke Siak. Adapun Raja Siak Maharaja Peri Sura[2] namanya, Tun Jana Muka Bebal nama Mangkubuminya. Setelah sudah didengarnya orang Melaka datang, maka ia pun berlengkap dan meneguh kotanya, dan mengumpunkan segala rakyat. Maka orang Melaka pun mudiklah. Adapun kota Siak itu di tepi air, maka oleh orang Melaka kelengkapannya dikepilkan bersembir[3] dengan kota sekali-sekali, maka ditumpahinya[4] oleh segala orang Melaka dengan senjata, seperti air turun dari atas bukit rupanya. Maka rakyat Siak

---

1. Dieja اورداد. Lepas itu lebih kerap dieja اردا atau اوردا
2. فري سورا (p-r-y-s-w-r / s-w-a-r) W (124) "Permasura"
3. ـــــــ (b-r-s-m-b-r) W "berkembur"
4. Agakan B (235.c 37) adalah munasabah. Namun ia juga boleh berbunyi "ditumpahinya" W "ditimpanya"

pun banyak matinya. Bermula Maharaja Peri Sura berdiri di kepala kota, mengerahkan segala rakyat berperang. Setelah dilihat oleh Khoja Baba, maka segera dipanahnya, kena dada Maharaja Peri Sura terus, maka Maharaja Peri Sura pun matilah. Setelah rakyat Siak melihat rajanya sudah mati, maka segala rakyat Siak pun pecahlah lalu lari cerai; maka kota pun dibelah oleh [95] orang Melaka, dimasukinya sekali.[8] Maka orang Melaka pun merampaslah, terlalu banyak beroleh rampasan.

Maka ada anak Maharaja Peri Sura, Megat Kudu namanya, ditangkap orang dibawa kepada Seri Awadana. Maka oleh Seri Awadana[...?].[9] Setelah itu, maka Seri Awadana pun kembalilah ke Melaka. Setelah datang ke Melaka, maka Seri Awadana pun masuklah mengadap raja, membawa Megat Raja Kudu. Maka Sultan Mansur Syah pun terlalu sukacita, syahadan memberi anugerah akan Seri Awadana, akan Khoja Baba, dan akan segala orang pergi sertanya. Maka Megat Kudu pun dipersalini baginda, maka didudukkannya baginda dengan anakanda baginda, maka dirajakan pula di Siak, digelar baginda Sultan Ibrahim; Tun Jana Muka Bebal juga akan Mangkubuminya. Maka baginda beranak dengan isterinya baginda, anak Paduka Seri Sultan Mansur Syah, seorang laki-laki bernama Raja 'Abdul.

Maka tersebutlah perkataan Raja Muhammad dan Ahmad, anak Sultan Mansur Syah, setelah anak raja keduanya itu pun telah besarlah. Adapun kasad Sultan Mansur Syah, Raja Muhammadlah hendak dirajakan baginda Raja, akan ganti baginda, karena Raja Muhammad itu sangat dikasihi baginda. Sekali persetua Raja Ahmad dan Raja Muhammad pergi bermain berkuda. Tatkala itu Tun Besar, anak Bendahara Paduka Raja lagi bermain sepak raga di lebuh dengan orang muda-muda. Maka Raja Ahmad dan Raja Muhammad pun lalu. Tun Besar pun sedang menyepak raga, kena dastar Raja Muhammad jatuh. Maka kata Raja Muhammad, "Jatuh dastar kita!" Maka berlari lari orang yang membawa puan, maka ditikamnya Tun Besar, kena hulu hatinya, maka Tun Besar pun matilah.

Maka orang pun gempartah. Maka Bendahara pun keluar bertanya, "Apa sebabnya maka orang gempar itu?" Maka sahut orang, "Anakanda sudah mati, dibunuh oleh Raja Muhammad!" Maka segala peri hal ehwalnya itu semuanya dikatakan orang kepada Bendahara, maka kata

---

8 Dibaca "dirasukinya"

9 Ayat selebihnya terputus di sini. W. tidak meneruskannya. Satu lagi contoh kesilapan penyalin.

Bendahara, "Apatah maka kamu sekalian ini berlengkap?" Maka kata segala anak buah Bendahara, "Sahaya semua hendak balaskan kematian saudara sahaya!" Maka kata Bendahara, "Karena istiadat hamba Melayu tiada penah derhaka" Maka kata Bendahara, "Her! Hendak durhakalah ke bukit? Hendak durhaka ke busut? Nyah kamu semua! Nyah! Karena istiadat hamba Melayu tiada penah durhaka[7] Tetapi akan kita berbuat tuan anak raja seorang ini, janganlah" Setelah itu, maka segala anak buah Bendahara itu pun diamlah. Maka Tun Besar pun ditanamkan oranglah.

Maka dipersembahkan oranglah segala peri hal itu semuanya pada Sultan Mansur Syah, maka titah Sultan Mansur Syah, "Apa kata Bendahara?" Maka sembah orang itu, "Akan kata Bendahara, 'Yang adat hamba Melayu tiada penah durhaka, tetapi kita bertuan raja seorang ini janganlah'" Maka Sultan Mansur Syah pun terlalu murka, maka Sultan Mansur Syah [96] menyuruh memanggil Raja Muhammad. Setelah Raja Muhammad datang, maka Sultan Mansur Syah pun terlalu murka akan Raja Muhammad terlalu sangat, tiada dapat terkatakan. Maka titah Sultan Mansur Syah, "Celaka sekali Si Muhammad ini! Apa dayaku? Engkau ditolak bunia!"

Maka Sultan Mansur Syah menyuruh memanggil Seri Bija Aldirajake Pahang. Maka berapa lamanya, Seri Bija Aldiraja pun datanglah. Maka Raja Muhammad diserahkan Sultan Mansur Syah kepada Seri Bija Aldiraja, dan disuruh bagindа rajakan di Pahang; maka dari Sedili Besar datang ke Terengganu, dianugerahakan bagindа akan Raja Muhammad syahadan diberi bagindа yang akan patut jadi Bendahara dan yang akan patut jadi Penghulu Bendahari dan yang akan patut akan jadi Temenggung. Setelah lengkap, maka Seri Nara Aldiraja[8] pun pergilah ke Pahang. Maka oleh Seri Nara Aldiraja dirajakannyalah anak raja itu di Pahang, disebut orang Sultan Muhammad Syah. Setelah sudah itu, maka Seri Nara Aldiraja pun pulanglah ke Melaka.

---

7 هلك (d-r-w-h-k) derhaka. Oleh sebab dalam beberapa contoh yang kemudian ini ta dieja d w a h k saya menganggap perkataan ini boleh juga disebut "durhaka". Sebelum ini ta kerap dieja درهك (d-r-h-k) derhaka.

8 W (125) Maka kata segala anak buah Bendahara, "Sahaya semua hendak balaskan kematian saudara sahaya" Maka kata Bendahara, "Ha, hendak derhakalah ke bukit hendak derhaka ke busut. Nyah kamu semua, nyah, kaja istiadat hamba Melayu tiada penah derhaka. Tetakan kita buat tuan anak raja seorang janganlah"

9 Seri Bija Aldiraja

Maka masyhurlah kebesaran negeri Melaka, dari atas angin datang ke bawah angin; maka oleh segala Arab dinamainya "Malaqat". Pada zaman itu sebuah pun negeri tiada menyamai Melaka melainkan Pasai. Haru tiga buah negeri itu, tuha muda pun rajanya, berkirim salam juga. Tetapi orang, barang dari mana surat datang, dibacakannya "sembah" juga.[10] *Wallahu a'lamu bissawab.*

10. W: "Tetapi orang (Pasai) barang dari mana surat datang (jika salam pun) dibacakannya sembah juga".

12

ALQIS AII

Alkisah tersebutlah pakataan Semerluki, Raja Mengkasar, demikian ceriteranya diceriterakan oleh orang yang empunya cerita ini. Ada sebuah negeri di tanah Mengkasar, Balaluq namanya, terlalu besar kerajaannya, sekalian negeri takluk kepadanya syahadan Mejukok nama rajanya. Maka ia beristerikan Keraeng di Tandering Joknak tujuh orang bersaudara, puteri itu ketujuhnya diperisteri baginda, tetapi puteri yang bungsu itu terlalu amat baik patutnya. Hatta maka puteri yang tuha sekali beranak seorang laki-laki, dinamai oleh ayahanda baginda Keraeng Semerluki. Hatta berapa lamanya, Keraeng Semerluki pun besarlah, terlalu berani, lagi dengan perkasanya, tiada berbagai di tanah Mengkasar. Maka Keraeng Semerluki hendak akan puteri bungsu itu, isteri Keraeng Mejukok. Maka Keraeng Mejukok pun tahu akan kelakuan anaknya itu, maka tiada memberinya oleh ayahanda baginda Keraeng Mejukok. Maka Keraeng Mejukok pun berkata kepada anakanda baginda Keraeng Semerluki, "Hei anakku! Jikalau hendak beristeri baik patutnya seperti Mak Bungsu itu, pergilah mencari ke Hujung [97] tanah mencari perempuan serupa dengan dia."[11]

Maka Keraeng Semerluki pun berlengkap dua ratus kelengkapan, berbagai rupa perhiasnya. Setelah sudah lengkap, maka Keraeng Semerluki pun pergilah, kasadnya hendak mengalahkan segala negeri di bawah angin ini. Maka pertama ia pergi ke Jawa, maka banyak disuwu dirosakkannya jajahan Jawa. Maka pada barang negeri ia pergi, tiada berani orang mengeluari dia. Maka Keraeng Semerluki lalu ke laut Hujung Tanah, maka dirosakkannya segala teluk rantau Melaka. Maka dipersembahkan orang pada Sultan Mansur Syah, "Bahawa teluk rantau kita habis diperibinasa oleh Mengkasar, raja yang bernama Semerluki itu." Setelah Sultan Mansur Syah menengar khabar itu, maka baginda memanggil Laksamana memberi[12] Semerluki; maka Laksamana pun

11 W 126: "Maka keraeng Semerluki itu berkata akan puteri bungsu itu. Maka Keraeng Mejukok pun tahu akan kelakuan anaknya itu, maka tiada diberinya oleh Keraeng Mejukok. Katanya, 'Hai anakku! Jikalau hendak beristeri baik patutnya seperti emak bungsu itu pergilah engkau mencari ke Hujung tanah mencari perempuan serupa dengan dia.'"

12. W "menayuri"

berlengkap. Setelah sudah lengkap, maka Keraeng Semerluki pun datanglah ke laut Melaka. Laksamana pun keluar dengan segala kelengkapannya, setelah bertemu dengan kelengkapan Mengkasar lalu berparang berlanggar-langgaran, rupanya panah dan sumpitnya seperti mana hujan[13] yang lebat. Maka Laksamana bertemu dengan Keraeng Semerluki, maka oleh Semerluki dicampakinya sauh terbang perahu Laksamana, lekat, maka disuruhnya putar, maka disuruh tetas oleh Laksamana. Maka kelengkapan banyak itu pun alah oleh kelengkapan laksamana, tetapi orang Melaka banyak mati oleh sumpitnya, karena orang Melaka belum lagi tahu akan tawar upuh.

Maka Semerluki pun lagi ke Pasai, maka jajahan Pasai pun banyak diperbinasanya. Maka Raja Pasai pun menyuruhkan Orangkayakaya Raja Kenayan mengeluari Keraeng Semerluki, maka Orangkaya-kaya Raja Kenayan pun berlengkap. Setelah sudah lengkap, maka Raja Kenayan pun keluarlah bertemu dengan Keraeng Semerluki di Teluk Nerli,[14] maka berparanglah kelengkapan Mengkasar dengan kelengkapan Pasai. Maka Keraeng Semerluki pun bertemu dengan Raja Kenayan, maka disuruh oleh Keraeng Semerluki campakkan sauh terbang, maka kena perahu Raja Kenayan, lekat, maka disuruh putarlah oleh Keraeng Semerluki. Maka kata Raja Kenayan, "Putar olehmu! Jika dekat kelak, kulompati kuhanuk dengan jenawi bertumit". Maka kata Keraeng Semerluki pada orangnya, "Segera tetas!"[15] Maka ditetas oranglah, maka berceraiah perahu itu. Maka kata Keraeng Semerluki, "Berani Raja Kenayan daripada Laksamana".

Maka Keraeng Semerluki pun kembalilah, lalu dari laut Melaka, maka dikut oleh Laksamana, barang yang terpenci habis dialahkannya,[16] maka banyaklah rosak kelengkapan Keraeng Semerluki. Maka baginda pun datanglah ke Ungaran, maka diambilnya batu tolak baranya, dicampakkannya dalam Selat[17] Ungaran itu, katanya, "Timbul batu ini, maka aku akan datang ke laut Ujung Tanah ini". Itulah maka pada tempat itu dinamainya [98] oleh orang "Tanjung Batu", ada lagi batunya datang sekarang. Keraeng Semerluki pun kembalilah ia ke Mengkasar. Maka Laksamana pun kembalilah ke Melaka mengadap Sultan Mansur Syah.

13 Dieja حرجع (h-w-jng) Hujang/hujung
14 Besar kemungkinan Nerli (atau Nelr) ini sama namanya dengan tempat bulan Sayyid Semayad disebutkan sebelum ini. W "Terni"
15 W (2 7) "tepis"
16 Ditulis "dilahkannya"
17 Dieja سلت (s-l-h)

maka Sultan Mansur Syah pun memberi persalin akan Laksamana dan akan segala orang yang pergi itu.

Setelah itu, Maulana Abu Bakar turun dari atas kapal membawa kitab **Dur Manzum**. Setelah datang ke Melaka, maka sangat dipermulia oleh Sultan Mansur Syah, maka disuruh baginda arak lalu ke balai. Maka Sultan Mansur Syah pun berguru pada Maulana Abu Bakar. Maka oleh Maulana Abu Bakar akan Sultan Mansur Syah sangat dipunyanya, terlalulah terang hati baginda, banyaklah ilmu diperolehlah baginda. Maka Sultan Mansur Syah, *Dur Manzum* itu disuruh baginda ertikan ke Pasai kepada Tuan Pematakan, maka oleh Tuan Pematakan diertikannya, setelah sudah, maka dibantarkannya ke Melaka. Maka terlalulah sukacita Sultan Mansur Syah, maka erti **Dur Manzum** itu ditunjukkan pada Maulana Abu Bakar, maka berkenan pada Maulana Abu Bakar bunyi erti *Dur Manzum* itu, maka berapa puji akan Tuan Pematakan.

Setelah itu, maka Sultan Mansur Syah pun menitahkan Tun Bija Wangsa ke Pasai bertanyakan suatu masalah. "Segala isi syurga itu kekalkah ia dalam syurga? Dan bagi isi naraka[18] itu, kekalkah ia dalam naraka?" Dan membawa emas urai tujuh tahil, dan membawa perempuan dua orang, seorang peranakan Mengkasar, Dang Bunga namanya, seorang anak biduanda Mula.[19] Dang Biba namanya, hingkis Sultan Mansur Syah akan Sultan Pasai, kimka kuning dan kimka ungu berbunga. Maka Sultan Mansur Syah memberi titah kepada Tun Bija Wangsa, "Tanyakan oleh Tun Bija Wangsa pada segala pendita di Pasai, 'Segala isi syurga dan isi naraka itu kekallah ia dalam syurga dan kekalkah ia dalam naraka, atau tiadakah?' Barang siapa dapat mengatakan dia, berikan oleh Tun Bija Wangsa emas urai tujuh tahil ini dengan perempuan dua orang ini padanya, dan kata yang dikatakannya itu pun tabalkan oleh Tun Bija Wangsa, bawa ke mari." Maka sembah Tun Bija Wangsa, "Baiklah tuanku." Maka disuruh arak surat itu ke perahu seperti "hampa beta" kerajaan. Maka Tun Bija Wangsa pun pergilah ke Pasai.

Maka surat itu pun dijemput oleh Raja Pasai dengan sempurna kebesaran dan sempurna kemuliaan. Setelah datanglah ke balai, maka disuruh baca, maka terlalu sukacita Raja Pasai menengar bunyi surat itu. Maka Tun Bija Wangsa pun menjunjung duli. Maka titah Raja Pasai pada Tun Bija Wangsa, "Tun Bija Wangsa, utusan saudara [99] kita pada Tun Bija Wangsa?"[20] Maka sembah Tun Bija Wangsa, "Tuanku, akan titah

18 نارك (n a r k)

19 W (127) "Muar"

20 W (128) "Maka titah Sultan Pasai pada Tun Bija Wangsa, 'Apa pesan saudara kita pada Tun Bija Wangsa?'"

paduka kekanda, barang siapa mengatakan ertı masalah yang sepert dalam surat ini, dengan perempuan ini dan emas urai tujuh tahil disuruh berikan kepadanya, dan kata itu pun disuruh tabalkan, bawa ke Melaka". Maka Raja Pasai segera menyuruh memanggil Tuan Makhdum Mua, maka Tuan Makhdum Mua pun datanglah, dibawa duduk sama-sama dengan Raja Pasai. Maka kata Raja Pasai kepada Tuan Makhdum Mua, "Tuan, Raja Melaka menitahkan Tun Bija Wangsa ke mari bertanyakan segala isi syurga dan isi naraka itu kekallah ia di dalam keduanya atau tiadakah? Hendaklah tuan beri kehendaknya, supaya kita jangan kemaluan". Maka kata Tuan Makhdum Mua, "Isi syurga kekallah[21] ia dalam syurga, isi naraka kekal dalam naraka". Maka sahut Tun Bija Wangsa, "Tiadakah lain daripada itu?" Maka kata Makhdum Mua, "Tiadalah, karena sudah dengan dalil Quran, *'khalidina fiha abada'*". Tatkala ini Tun Hassan, murid Tuan Makhdum Mua pun duduk, maka ia menulis, tiada berkenan akan kata Tuan Makhdum Mua itu. Setelah itu maka raja pun masuklah. Segala yang mengadap pun kembali ke rumahnya.

Setelah Tuan Makhdum Mua datang ke rumahnya, maka Tun Hassan pun datang ke rumah Tuan Makhdum Mua, mengadap Tuan Makhdum Mua. Maka kata Tun Hassan, "Bagaimana kata tuan tadi pada utusan raja tadan? Jikalau seperti itu, adalah orang Melaka pun tahu akan dia, mengapa pula maka kata itu ditanyakan ke mari? Kalau lain daripada ini juga[22] kehendaknya". Maka kata Tuan Mua, "Bagaimana benarnya kepadamu?" Maka kata Tun Hassan, "Pada hamba demikian benarnya". Maka kata Tuan Makhdum Mua, "Sungguh katamu! Khilaf aku! Tetapi apa daya kita? Karena kataku sudah teranjur[23]". Maka kata Tun Hassan, "Mudah juga kerja itu. Tuan suruh panggil utusan itu, maka tuan kata padanya, 'Tadan kamu bertanya di hadapan khalayak banyak itu, demikian kataku, sekaranglah pada tempat yang sunyi, kukatakan padamu, olah yang tahqiqnya'". Maka kata Makhdum Mua, "Benarlah kata[24]".

Maka Makhdum Mua pun memanggil Tun Bija Wangsa. Maka Tun Bija Wangsa pun datang, maka diberi makan oleh Tuan Makhdum Mua. Setelah sudah makan, maka dibawanya pada suatu tempat yang sunyi, maka kata Tuan Makhdum Mua pada Tun Bija Wangsa, "Tahun tuan bertanya pada hamba tengah majlis, di hadapan segala khalayak banyak,

21 W: "lah"
22 Dudi: "kekallah"
24 W (128): "tiadakah"

demikian kata hamba. Sekaranglah hamba katakan tahqiqnya kepada tuan hamba, inilah ia". Maka Tun Bija Wangsa pun terlalu sukacita menengar kata Tuan Mua itu, maka emas urat tujuh tahil dan perempuan dua orang diberikannya kepada Tuan Mua. Maka oleh Makhdum, Dang Biba itu dinamainya Dang Aliah Bendahari.[24]

Maka kata itu ditabalkan dibawa turun [100] ke perahu. Maka Raja Pasai bertanya, "Apa yang ditabalkan utusan itu?" Maka sembah Penghulu Bujang Kara, begelar Tun Jana Makhluk Biri-Biri, "Tuanku, tanya yang ditanyakan itu telah diperolehnya ertinya, dikatakan oleh Makhdum Mua, sebab diingatkan oleh Tun Hassan". Maka terlalulah sukacita baginda menengar dia, beberapa puji akan Tun Hassan.

Setelah itu, maka Tun Bija Wangsa pun mohonlah kepada Raja Pasai. Maka Raja Pasai membalas surat Raja Melaka, diarak dengan sepertinya, dan Tun Bija Wangsa pun dipersalinnya dengan selengkapnya pakaian. Setelah itu, maka Tun Bija Wangsa pun kembalilah ke Melaka dengan tabal masalah taban. Setelah datang ke Melaka, maka erti tanya itu diarak dahulu, kemudian maka surat daripada Raja Pasai. Maka terlalulah sukacita Sultan Mansur Syah menengar erti masalah itu syahadan berkenan pada Maulana Abu Bakar. Maka berapa puji baginda akan Tuan Mua.

Sebermula pada masa itu Kadi di Melaka, dan Kadi Yusuf namanya, cicit pada Makhdum Sayyid Abdul Aziz yang mengislamkan segala orang Melaka. Maka Kadi Yusuf itada berguru pada Maulana Abu Bakar, karena ia pun terlalu 'alim. Sekali peristiwa Kadi Yusuf hendak pergi sembahyang Jumaat, maka betul pintu Maulana Abu Bakar, tatkala itu Maulana Abu Bakar ada berdiri dipintunya, maka dilihat oleh Kadi Yusuf akan Maulana Abu Bakar di keliling oleh cahaya seperti sumbu dian yang dikeliling apinya, demikianlah rupanya. Maka Kadi Yusuf pun segera berlari, datang menyembah pada Maulana Abu Bakar. Maka segera disambut oleh Maulana Abu Bakar seraya ia tersenyum. Maka Kadi Yusuf pun berguru pada Maulana Abu Bakar. Maka Kadi Yusuf pun jununlah, maka ia lalu memecat dirinya daripada Kadi, maka anaknya bernama Kadi Munawar,[25] ialah pula menjadi Kadi, diamlah di negeri Melaka.

Arakian pada suatu hari, Sultan Mansur Syah diadap oleh orang besar-besar dan segala menteri, sida-sida, hulubalang sekalannya. Maka

24 Daku = teks asal, ayat terakhir ini diletakkan selepas, "Maka sembah Penghulu Bujang Kara begelar Tun Jana Makhluk Biri-Biri" di bawah.

25 Dieja [illegible] (MBMS).

Sultan Mansur Syah memberi titah pada segala orang besar-besar, "Adapun pahawa syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wataala, kita beroleh kerajaan yang amat besar dianugerahakan Allah pada kita, tetapi suatu lagi maksud kita. Jikalau dapat kita pohonkan ke hadrat Allah pahawa kita hendak bensten yang lebih daripada segala rajaraja dalam dunia ini." Maka segala orang besar-besar,[26] "Adalah tuanku yang seperti tuanku kehendaki itu, karena puteri Jawa dan puteri Cina telah dipensteri Yang Dipertuan. Apa pula yang lebih daripada itu? Karena pada zaman dahulu kala Raja Iskandar Zulqarnain hanya yang bensterikan anak raja Cina, akan sekarang, Yang Dipertuanlah." Maka titah Sultan Mansur Syah, "Jikalau bensterikan [101] sama anak raja-raja [27] adalah raja yang lain pun demikian. Tetapi yang kukehendaki, barang yang tiada pada raja-raja yang lain; itulah kehendak kita pensteri." Maka sembah segala orang besarbesar, "Yang mana titah tuanku itu supaya patik sekalian kerjakan?" Maka titah Sultan Mansur Syah, "Kita hendak meminang Puteri Gunung Ledang." Laksamana dan Sang Setialah kita tuhkan." Maka sembah Laksamana dan Sang Setia, "Baiklah, tuanku." Maka Tun Mamad dititahkan pergi sama-sama membawa orang Inderagiri akan menebas jalan karena Tun Mamad itu penghulu orang Inderagiri. Maka Laksamana dan Sang Setia pun pergilah sama-sama dengan Tun Mamad.

Telah berapa hari lamanya di jalan, sampailah ke kaki Gunung Ledang, maka sekalannya naik ke Gunung Ledang. Baharu kira-kira setengah naik gunung itu, angin pun terlalulah keras, maka tadalah dapat ternaik oleh orang itu syahadan jalan naik itu pun terlalu sukar. Maka kata Tun Mamad pada Laksamana dan Sang Setia, "Inggallah Orang Kaya Laksamana semuanya di sini; hari beta naik." Maka kata Laksamana, "Baiklah." Maka Tun Mamad pun pergi dengan dua tiga orang yang pantas berjalan sertanya, berjalan naik gunung itu. Setelah dekatlah pada bukit pemudu, seperti akan terbanglah rasanya orang yang naik gunung itu daripada sangat keras angin itu. Maka awan pun seperti dapat rasanya, dan bunyinya buluh pemudu di atas gunung itu terlalu merdu bunyinya, barang terbang itu pun berhenti mendengar bunyinya, dan segala mergastua yang meneng ar itu sekalannya haran tercengang.

Maka Tun Mamad pun bertemu dengan suatu taman, maka Tun Mamad pun masuklah di dalam taman itu. Maka Tun Mamad pun

26 "Maka[sembah] segala orang besar-besar."
27 W1(29): "adakah".
28 Hobbs: "kuda".

bertemu dengan orang, empat orang perempuan; yang seorang itu tuha, baik rupanya, meyelempat kain medukung, maka ia bertanya pada Tun Mamad, "Siapa kamu ini dan orang mana kamu ini?" Maka sahut Tun Mamad, "Hamba orang Melaka. Nama hamba Tun Mamad, dititahkan oleh Sultan Mansur Syah meminang Tuan Puteri Gunung Ledang. Tetapi, tuan hamba, siapa nama tuan hamba?" Maka sahut perempuan itu, "Nama hamba Dang Raya[29] Rani. Hambalah pengenduh Puteri Gunung Ledang. Nantilah hamba di sini oleh tuan hamba. Biar hamba persembahkan segala kata tuan hamba itu pada Tuan Puteri." Setelah ia sudah berkata-kata, maka Dang Raya Rani dan perempuan sertanya itu pun lenyaplah.

Ada kadar sesaat, maka kelihatan pula seorang perempuan tuha, bongkok lipat tiga belakangnya, maka ia berkata pada Tun Mamad, "Ada pun segala kata tuan hamba itu telah sudah dipersembahkan oleh Dang Raya Rani pada Puteri [102] Gunung Ledang. Akan tetapi, Puteri, 'Jikalau Raja Melaka hendak akan daku, buatkanlah aku jambatan emas satu, jambatan perak satu, dari Melaka datang ke Gunung Ledang. Akan peminangnya, hati nyamuk, tujuh dulang; hati kuman, tujuh dulang; air pinang muda setempayan, air mata setempayan, darah Raja semangkuk, dan darah anak raja-raja semangkuk. Jika demikian maka kabullah hamba akan kehendak Raja Melaka itu.'" Setelah sudah ia berkata-kata, maka ia pun lenyaplah. Diceriterakan oleh orang yang empunya centera ini, orang tuha yang berkata-kata itulah Puteri Gunung Ledang merupakan dirinya.

Setelah itu, maka Tun Mamad pun turunlah dari sana, kembali kepada Laksamana. Maka segala kata Puteri Gunung Ledang itu semuanya dikatakannya pada laksamana, pada Sang Setia. Maka Laksamana dan segala orang temannya itu sekalian turun dari atas Gunung Ledang itu, berjalan kembali ke Melaka. Berapa lamanya di jalan maka sampailah ke Melaka. Maka laksamana dan Sang Setia dan Tun Mamad pun masuklah mengadap kepada Sultan Mansur Syah, maka segala kata yang didengarnya daripada Puteri Gunung Ledang semuanya dipersembahkannya kepada Sultan Mansur Syah. Maka titah Sultan Mansur Syah, "Semuanya dapat kita adakan, tetapi akan mengeluarkan darah anak kita itulah yang tiada dapat kita adakan, karena tiada sampai hati." *Wallahu a'lamu bissawab.*

---

29 Di sini dieja دارى (Darya) 'Ana'? Selepas ini dieja راى (Raya).

13

ALQISAH

Maka tersebutlah perkataan Raja Pasai, Sultan Zainal Abidin, nama rajanya. Adapun akan Raja Pasai itu dua bersaudara, yang muda hendak merebut kerajaan abangnya. Maka segala orang Pasai pun sertalah durhaka hendak membunuh rajanya. Maka Sultan Zainal Abidin pun larilah berperahu kecil, lalu ia ke Melaka, berhindungkan dirinya kepada Sultan Mansur Syah. Maka Sultan Mansur Syah pun berlengkaplah mengantarkan Sultan Zainal Abidin ke Pasai. Setelah lengkap, maka Bendahara Paduka Raja dan Seri Bija Aldiraja dan Laksamana dan segala hulubalang semuanya dititahkan Sultan Mansur Syah pergi mengantarkan raja itu ke Pasai.

Setelah berapa lamanya di jalan, maka sampailah ke Pasai. Maka berpuranglah segala orang Melaka itu, tiada juga alah Pasai, karena rakyat Melaka yang datang itu dua laksa bayaknya, akan rakyat Pasai sebelas laksa banyaknya, itu pun pada sebuah dusun, seorang dihilangkannya. Maka Laksamana dan Seri Bija Aldiraja [103] dan segala hulubalang sekalian berkampung pada Bendahara Paduka Raja tatta musyawarat membicarakan pekerjaan itu pun. Maka kata Bendahara, "Apa bicara tuan sekalian? Lamalah sudah kita di sini, suatu pun pekerjaan kita tiada bertentu. Jikalau demikian, baiklah kita kembali, supaya Yang Dipertuan jangan asa-asaan". Maka kata Tun Pikrama, anak Bendahara, "Mengapa tuanku hendak pulang? Adakah kita sudah perang besar? Pada bicara beta, baik juga kita naiki sekali lagi. Biarlah kita naik bersama-sama Laksamana dan Seri Bija Aldiraja dan segala hulubalang sekalian". Maka kata Laksamana dan Seri Bija Aldiraja pada Bendahara Paduka Raja, "Benarlah seperti kata anakanda itu, biar sahaya semua naik". Maka kata Bendahara Paduka Raja, "Baiklah! Esok hari kita naik samasama".

Setelah pergi pagi-pagi hari, maka berkampunglah segala orangkaya-kaya itu pada Bendahara. Maka Bendahara menyuruh bersapi nasi akan memberi makan segala orang itu. Maka kata pendapa "mongkong panggang kita tiada cukup,[30] karena orang yang diberi makan ini dua

30 مفكخ فنكي (mepikang panggang) W 1132: "Maka kata penanak'Pinggan mangkuk kita tiada cukup".

puluh hidangan pun lebih" Maka kata Bendahara pada segala orangkaya-kaya dan segala hulubalang, "Adapun akan berparang, baiklah kita makan sedaun" Maka kata segala orangkaya-kaya, "Baiklah" Maka oleh Bendahara disuruhnya hamparkan daun sepanjang pantai itu, maka disuruhnya bawa nasi ke pantai itu; maka segala orangkayakaya dan segala hulubalang dan segala rakyat hina-dina pun makanlah sedaun

Setelah sudah makan, maka Bendahara Paduka Raja dan Seri Bija Aldiraja dan Laksamana dan Seri Akar Raja dan Tun Pikrama dan Tun Telanai dan Tun Bijaya dan Tun Maha Menteri dan Tun Bija Aldiraja dan Sang Naya dan Sang Setia dan Sang Guna dan Tun Bijaya Sura dan Sang Jaya Pikrama dan Sang Surana dan Sang Arta[31] dan Sang Rana dan Sang Sura Pahlawan dan Sang Setia Palawan dan Sang Raja Indera Pahlawan dan Seri Raja Pahlawan dan Raja Dewa Pahlawan dan segala hulubalang pun naiklah ke darat, gemuruh bunyinya rakyat, rupa kilat senjata sabung menyabung

Maka rakyat Pasai pun keluarlah, gemuruh bunyi dan tempik soraknya, maka rupa rakyat Pasai seperti air pasang penuh, tunggul panji-panji seperti pohon kayu. Maka berhadapanlah kedua pihak rakyat itu, maka berparanglah kedua pihak rakyat itu, tiada sangka bunyi lagi, tempik sorak segala hulubalang bercampur dengan bunyi gajah dan kuda, terlalu gemuruh bunyinya, jikalau halilintar di langit sekalipun, tiada akan kedengaran lagi Maka daripada kedua pihak rakyat pun banyaklah mati, dan rupa darah seperti air yang sebak, bangkai berhantaran di bumi Maka daripada sangat [104] tempik[32] hulubalang Pasai, maka rakyat Melaka pun pecah berhamburan datang ke air Maka Bendahara berdiri di tebing, seraya memandang ke belakang, dilihatnya air Maka ada seorang budak-budak Bendahara membawa lembing, "Kerangkang" namanya, maka kata Bendahara Paduka Raja, "Ambil lembangku! Embuh-embuhan tuha, seorangku kulopori!"

Adapun Tun Pikrama bertahan tiga orang Hang Isak dan Nama Sahak, senjatanya panah Pasai Maka segala rakyat Pasai pun tiada beroleh tampil, barang yang tampil habis mati. Maka rakyat Pasai pun bertahanlah Maka berkata Nama Sahak pada Tun Pikrama, "Orangkaya! Bagaimana kita akan bertahan ini karena kita hanya tiga! Orang yang lari itu tiada tahu akan kita bertahan ini Tinggallah Orangkaya dua orang,

31 W "Sang Arta diraja"

32 تمڤك at-mpk) W "tempuh"

Biarlah beta pergi membalikkan segala orang yang lari itu". Maka kata Tun Pikrama, "Baiklah!" Nama Sahak pergi membalikkan segala orang yang lari itu; barang siapa bertemu dengan dia, disuruhnya balik mendapatkan Tun Pikrama. Maka sekalian orang pun semuanya berbaliklah. Maka Nama Sahak bertemu pula dengan Hang Hamzah, menantu Tun Pikrama lari merapah[33] tiada memandang belakang lagi, tiada ia menurut jalan benar. Maka diseru[34] ia oleh Nama Sahak, katanya, "Hei, Hang Hamzah! Mengapa maka tuan hamba lari membrawak? Sebab tuan hamba diambil oleh Orangkaya Tun Pikrama akan menantu, bukankah karena baik rupa tuan hamba yang baik, dan sikap tuan hamba baik? Dan bukankah karena sikap tuan hamba baik, dan rambut tuan hamba ikal? Pada sangka orang, heran juga tuan hamba!" Maka kata Hang Hamzah, "Lagikah Orangkaya di darat?" Maka kata Nama Sahak,"Lagi!" Maka Hang Hamzah pun berbalik, perisainya bergenta, lembingnya berhulu andung; maka ia bertempik melambung-lambung dirinya, "Akulah Hamzah akhir zaman!" Maka ia pun menempuh ke dalam rakyat Pasai yang seperti laut itu.

Maka segala orang Melaka pun menempuh segala rakyat Pasai perang; segala yang bertemu habis dibunuhnya. Maka segala rakyat Pasai pun pecah, habis lari cerai-berai, syahadan banyaklah matinya. Maka oleh segala rakyat Melaka Gentian Muhammadiah lalu dimasukinya sekali daripada pintu tani,[35] maka dapatlah istana; Pasai pun alahlah. Maka Sultan Zainal Abidin pun dirajakan oleh Bendahara Paduka Raja. Maka ada berapa hari Bendahara memerintahkan kerajaan Sultan Zainal Abidin, maka Bendahara Paduka Raja pun mohonlah kepada Sultan Zainal Abidin, maka kata Bendahara kepada Sultan Zainal Abidin, "Apa sembah tuanku kepada paduka ayahanda?" Maka titah Sultan Zainal Abidin, "Yang disembah di Melaka itu, tinggallah di Melaka". Maka Bendahara Paduka Raja pun terlalu amarah menengar kata itu, maka kata Bendahara, "Sembah hamba yang di Pasai itu pun tinggallah di Pasai", [105] lalu ia turun ke perahu. Maka Bendahara dan segala orang Melaka pun kembalilah.

Setelah datang ke Jambu Air, maka orang pun datang darat[36] mengatakan Sultan Zainal Abidin sudah didatangi oleh orang Pasai pula.

---

33 W(13) ... "merapat"

34 Dep. دسرو (ds-wr)

35 Mungkin "tepi" atau "lanai".

36 [dari] darat

Maka Bendahara Paduka Raja memanggil Seri Bija Aldiraja dan Laksamana dan segala hulubalang semuanya. Setelah sudah kampung, maka Bendahara pun musyawaratlah. Maka kata Laksamana, "Marilah kita kembali pula merajakan Sultan Zainal Abidin." Maka kata Bendahara, "Tiada hamba mau lagi, karena ia tiada mau menyembah Yang Dipertuan!" Maka kata segala orangkayakaya sekalian, "Baiklah! Mana bicara Bendahara, beta semuanya menurut." Maka Bendahara pun kembalilah ke Melaka.

Setelah berapa lamanya di jalan, maka sampailah ke Melaka. Maka segala orangkayakaya semuanya masuk mengadap Sultan Mansur Syah, maka Sultan Mansur Syah pun murka akan Bendahara oleh karena tiada mau kembali ke Pasai merajakan Sultan Zainal Abidin. Maka Sultan Mansur Syah menyuruh memanggil Laksamana. Setelah datang, maka Sultan Mansur Syah pun bertanya kepada Laksamana segala peri hal Pasai. Maka Laksamana berdatang sembah, berjahat Bendahara. Maka makin sangatlah murka Sultan Mansur Syah akan Bendahara. Tatkala itu segala anak buah Bendahara semua ada mengadap Sultan Mansur Syah. Setelah itu, maka Sultan Mansur Syah pun berangkatlah masuk ke dalam, maka segala orang itu pun masing-masing kembali ke rumahnya. Maka anak buah Bendahara pun datang kepada Bendahara, maka segala kata Laksamana berjahatkan Bendahara kepada raja itu, semuanya dipersembahkannya kepada Bendahara. Maka Bendahara Paduka Raja pun berdiam dirinya.

Setelah esok hari, maka Sultan Mansur Syah pun keluar dihadap orang. Maka segala pegawai semuanya hadir. Laksamana juga tiada mengadap. Maka Sultan Mansur Syah menyuruh memanggil Bendahara Paduka Raja, maka Bendahara Paduka Raja pun datang mengadap. Maka Sultan Mansur Syah pun bertanya kepada Bendahara akan kelakuan tatkala di Pasai. Maka Bendahara berdatang sembah, memuji Laksamana bagai-bagai pujian. Maka Sultan Mansur Syah pun terlalu heran, maka baginda memberi akan Bendahara persalin. Tatkala itu anak buah Laksamana semuanya ada mengadap. Setelah raja sudah masuk, maka segala orang yang mengadap masing-masing pulang ke rumahnya. Maka segala anak buah Laksamana kembali kepada Laksamana, maka segala kata Bendahara memuji Laksamana di hadapan raja itu semuanya dikatakannya kepada Laksamana. Maka Laksamana pun segera pergi kepada Bendahara, maka didapatinya Bendahara [106] duduk seorang diadap orang. Maka Laksamana pun datang, lalu menanap menyembah pada kaki Bendahara Paduka Raja, maka kata Laksamana pada

Bendahara. "Sungguhlah tuanku orang besar" Diceterakan orang dahulu kala, tujuh kali laksamana yang menyembah, menarap pada kaki Bendahara Paduka Raja.

Setelah itu, maka Sultan Mansur Syah pun memberi anugerah persalin Tun Pikrama, dan akan Hang Hamzah. Maka Tun Pikrama dan Hang Hamzah[37] digelar bagında "Paduka Tuan" dianugerahan ia Buru oleh jasanya memecahkan Pasai itu; akan kelengkapannya pada zaman itu empat puluh. Maka anak Tun Pikrama yang bernama Tun Ahmad itu pula bergelar "Tun Pikrama Wira". Maka Hang Hamzah dinugerahat serta digelar "Tun Perpatih Qasim" adalah yang beranakkan Tun Puteri, bında Seri Pikrama Raja Tun Zahir itu, Tun Ulusan, kata setengah Laksamana Sura Adiraja anak Tun Perpatih juga. *Wallahu a'lam bissawab.*

37 Besar kemungkinan nama Hang Hamzah telah disebutkan secara tidak sengaja di sini yang sudah dahulu tadi "Maka Tun Pikrama dengan bagında Paduka Tuan".

14

ALQISAH

Maka tersebutlah perkataan Raja Campa, demikian bunyinya, diceriterakan oleh orang yang empunya cerita ini.

Ada seorang Raja Campa diam pada suatu negeri. Malalasat[38] namanya. Hampir istana Raja Campa itu ada sepohon pinang, maka pinang itu bermayang, terlalu besar mayangnya, dinantikan mengurai, tiada juga mengurai. Maka kata Raja Campa kepada hambanya, "Panjat olehmu, lihat apa halnya mayang itu". Maka dipanjat oleh budak itu lalu diambilnya, dibawanya turun. Maka dibelah oleh raja, dilihat baginda ada seorang budak laki-laki terlalu baik parasnya. Maka seludang mayang itu menjadi gong, "Jening" namanya; bidangnya menjadi pedang, "Beladau" namanya, itulah pedang kerajaan Raja Campa. Maka Raja Campa pun terlalu sukacita akan budak itu, maka dinamai Raja Po Gelang. Maka disuruh susui pada binanya segala raja-raja dan perdana menteri, tiada ia mau menyusu. Maka ada seekor lembu Raja Campa, bulunya pancawarna, beranak muda, maka perah baginda air susu lembu itu, diberikannya diminum budak itu, maka budak itu pun mau minum air susu itu, sebab itulah sekarang[39] maka Campa tiada mau makan susu lembu dan membunuh dia.

Hatta Po Gelang pun besarlah. Adapun akan Raja Campa yang mendapat Po Gelang ada beranak perempuan, Po Bia namanya. Maka oleh Raja Campa anakanda baginda itu dudukkan[40] baginda dengan Po Gelang yang keluar dari mayang pinang itu. Hatta berapa lamanya, Raja Campa pun matilah, dan Po Gelanglah naik raja, menggantikan kerajaan mentua baginda. Setelah Po Gelang di atas kerajaan, maka baginda berbuat sebuah negeri terlalu besar, [107] tujuh buah gunung dalamnya, dan luasnya pada sepenyampang sehari berlayar angin tegang kelat. Setelah sudah negeri itu, maka dinamai baginda Yak[41].

---

38 ملفلات (m a l f l s a t)

39 W (135) "Sebab itulah darang sekarang pun"

40 [di]dudukkan

41 يك (y k)

Hatta berapa lamanya, Po Gelang beranak seorang laki-laki, Po Teri namanya; setelah ia besar, maka Po Gelang pun matilah. Maka Po Tenlah naik raja, menggantikan kerajaan ayahanda bagında. Maka Po Teri beristerikan seorang puteri, Bia Suri namanya; maka Po Teri pun beranak dengan Bia Suri seorang laki-laki, dinamainya Po Gema. Hatta berapa lamanya, Po Gema pun besarlah, maka Po Teri pun matilah. Maka Po Gema naik raja, menggantikan kerajaan ayahanda bagında.

Maka Po Gema pun berlengkap hendak mengadap ke Majapahit, setelah sudah lengkap, maka bagında pun berangkatlah ke Majapahit.[42] Setelah berapa hari lamanya di jalan, sampailah ke Majapahit. Maka kedengaranlah kepada Batara Majapahit mengatakan Raja Campa hendak datang mengadap Batara; maka suruh[43] alu-alui oleh Batara Majapahit pada segala orang besar-besarnya. Setelah bertemu dengan Po Gema, maka dibawanya masuk ke Majapahit dengan sempurna kebesaran dan kemuliaan. Setelah datang ke Majapahit, maka Po Gema didudukkan oleh Batara Majapahit dengan anakanda bagında yang bernama Radin Galuh Ajeng. Hatta berapa lamanya, maka Radin Galuh pun bunting. Setelah itu, maka Po Gema pun mohon kembali ke negerinya, maka titah Batara Majapahit, "Baiklah, tetapi anak hamba tiada hamba beri dibawa." Maka sembah Po Gema, "Baiklah, yang mana titah Andika Batara tiada patik lalui, tetapi patik pun, jikalau tiada mati, segera juga patik datang mengadap Duli Batara."

Maka Po Gema pun mohonlah kepada isterinya, Radin Galuh Ajeng, maka kata Radin Galuh Ajeng, "Jikalau anak tuan hamba itu jadi, apa namanya?" Maka kata Po Gema, "Jikalau anak hamba jadi, namanya Raja Jaka Anak;[44] jikalau ia sudah besar, suruh mendapatkan hamba ke Campa". Maka kata isterinya, "Baiklah". Setelah sudah demikian itu, maka Po Gema pun ke pangannya,[45] lalu berlayar kembalilah ke Campa.

Peninggal Po Gema itu, Radin Galuh Ajeng pun beranak laki-laki, dinamainya Raja Jaka Anak. Setelah ia besar, maka oleh bondanya segala pesan ayahnya Po Gema itu semuanya dikatakannya kepada anakanda bagında. Setelah Raja Jaka Anak pun menengar kata bondanya itu, maka ia pun menyuruh berbuat papan perahu berapa puluh buah. Setelah sudah, maka Raja Jaka Anak pun mohon kepada Batara Majapahit hendak pergi

42 "setelah sudah ... ke Majapahit"tiada dalam W

43 [di]suruh

44 ... (r a j a k a n q) Raja Jika/Jaga Anak W (136) "Raja Jakamk"

45 ... (k-p-a-ng-n-ny)

ke Campa, pergi mendapatkan ayahanda baginda. Maka titah Batara Majapahit, "Baiklah". Setelah itu, maka Raja Jaka Anak pun berlayar ke Campa.

Setelah berapa lamanya di jalan, maka sampailah ke Campa, maka Raja Jaka Anak pun masuklah mengadap ayahanda baginda Po Gema. Maka terlalulah sukacita Po Gema melihat anakanda baginda itu, maka dirajakan baginda di Bal[46].

Hatta berapa [108] lamanya maka Po Gema pun matilah, maka Raja Jaka Anaklah kerajaan, menggantikan kerajaan ayahanda baginda. Maka baginda beristeri akan seorang perempuan, Po[47] Jihatji, beranak seorang laki-laki, Po Kubah namanya. Setelah Po Kubah besar, maka Raja Jaka Anak pun matilah, maka Po Kubah kerajaan. Maka baginda beristeri akan Po Mecat, maka baginda beranak berapa orang perempuan. Ada seorang anakanda baginda perempuan terlalu baik parasnya, maka dipinang oleh Raja Kuci, tiada diberinya oleh Po Kubah. Maka diserangnya oleh Raja Kuci, maka orang Kuci pun berperanglah dengan orang Campa, terlalu ramai. Pada suatu hari, Raja Kuci menyuruh pada Penghulu Bendahari Campa, dibawanya muafakat. Maka Penghulu Bendahari Campa pun kabullah membukai pintu. Hatta serta dimahari, maka dibukanyalah pintu, maka segala orang Kuci pun masuklah beramuklah dengan orang Campa, setengah berlepas anak bininya, setengah melawan. Hatta Bal pun alah, Raja Campa pun mati.

Maka anak Raja Campa dan segala menterinya pun lalah membawa dirinya, cerai-berai tiada berketahuan. Maka ada dua orang anak raja Campa, Indera Berma Syah seorang namanya, Syah Palembang seorang namanya, maka keduanya lari berperahu, maka Syah Palembang lalu ke Aceh. Maka Syah Indera Berma berperahu lalu ke Melaka, maka terlalulah sukacita Sultan Mansur Syah melihat sekalian mereka itu, maka sekaliannya disuruh baginda masuk Islam. Maka Syah Indera Berma dengan isterinya, Kini Mertam, dengan segala orang temannya itu pun masuk Islam. Maka Syah Indera Berma dijadikan Sultan Mansur Syah menteri, terlalu sangat dikasihi oleh baginda akan Syah Indera Berma. Itulah asal Campa Melaka. Segala Campa Melaka yang asal itu daripada segala anak cucunyalah.

Setelah tujuh puluh tiga tahun umur Sultan Mansur Syah di atas kerajaan, datanglah peredaran dunia, maka baginda pun geringlah. Maka

46 بل (b-l)

47 Dieja فو (p-w-t) "Puan"

baginda menyuruh memanggil anakanda baginda dan Bendahara, dan segala orang besar-besar. Maka titah Sultan Mansur Syah pada segala mereka itu, "Ketahui olehmu kamu sekalian, bahawa dunia ini lepaslah rasanya pada penggamanku; melainkan negeri akhiratlah semata-mata yang kehendakku. Adapun peteruh kita pada Bendahara Paduka Raja dan orangkaya-kaya sekalian anak kita Raja Radin ini, tolah akan ganti pada tuan sekalian. Jikalau ada barang sesuatu salahnya, hendaklah dimaafkan oleh tuan-tuan sekalian, karena ia budak muda tahu akan istiadat. Lebih segala orangkaya sekalian mengajari dia pada barang sesuatu bahaya." Maka baginda memberi titah pula pada anakanda baginda Raja Radin. [109] "Adapun engkau, hendaklah baik memeliharakan hambamu sekalian, barang salahnya hendaklah banyak ampunmu akan dia, karena tuntun Allah Ta'ala *'Innallaha ma'as shabirin'*. Syahadan jikalau datang sesuatu pekerjaanmu, hendaklah engkau sangat sangat menyerahkan dirimu ke hadrat Allah, karena sabda Nabi *'Man tawakkal 'alallahi kafi'* Ertinya, anakku, tuntut seperti ini, nescaya adalah engkau berkat diberi Allah Ta'ala dan berkat Nabi Sallallahu 'alayhi wasallam".

Setelah mereka itu sekalian menengar titah Sultan Mansur Syah itu, maka sekalian mereka itu pun menangislah terlalu sangat sangat. Maka sembah Bendahara Paduka Raja dan segala menteri, "Ya tuanku, jangan apa kiranya diperbuasakan hati patik sekalian dengan titah demikian itu. Bahawa patik sekalian adalah berkatil, jikalau dianugerahkan Allah Ta'ala kiranya Yang Dipertuan daripada sakit sekali ini, habislah segala anta yang dalam khazanah itu, patik-patik sekalian sedekahkan kepada segala fakir miskin, tetapi jangan diberi Allah Ta'ala demikian itu. Jikalau kiranya lalu rumput halaman Yang Dipertuan itu, sahaja seperti titah Yang Maha Mulia itulah patik sekalian kerjakan." Setelah itu, maka Sultan Mansur Syah pun mangkatlah, dikeluarkan oranglah seperti istiadat rajaraja yang telah lalu itu.

Setelah itu, maka Raja Radinlah kepalakan[a] oleh Bendahara Paduka Raja, gelar baginda di atas kerajaan Sultan 'Alauddin Riayat Syah. Adapun akan Sultan 'Alauddin itu terlalu perkasa pada zaman itu. Setelah berapa lamanya, maka Sultan 'Alauddin pun gerhanalah, terlalu sangat sakit buang air, pada sehari dua belas kali. Maka Bendahara Paduka Raja dan Laksamana pada sehari sepuluh kali dua puluh kali menyuap raja, dan Laksaman pada sehari dua tiga puluh kali membasuh raja. Adapun akan Sultan 'Alauddin ada mempunya perempuan,

[a] *dirkepakan*. Maksudnya "diangkat" atau "ketajam".

honda Raja Mansur Syah, disebut orang "Raja Tuha", terlalu kasih akan cucunda baginda Sultan Muhammad yang kerajaan[49] itu. Maka kasad Raja Tuha suka akan Sultan 'Alauddin supaya mati, supaya Sultan Muhammad Syah kerajaan di Melaka.

Ada berapa hari lamanya, Sultan 'Alauddin pun adalah baik sedikit, maka baginda santap nasi susu, lalu bentan, nyawa lepas dari tangan. Maka diberi orang tahu Bendahara Paduka Raja dan laksamana, maka Bendahara dan Laksamana pun datang. Maka yang kasad Raja Tuha, "Aku datang kelak, kuthatapi[50] Sultan 'Alauddin, kutangisi, supaya matilah ia dalam [illegible] itu."Setelah Raja Tuha datang, maka baginda hendak hampir pada Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah, maka sembah Bendahara Paduka Raja dan laksamana pada Raja Tuha, "Tuanku! Jangan hampir kepada cucunda!"Maka titah Raja Tuha, "Mengapa maka hamba tiada diberi dekat?"Maka sembah Bendahara dan Laksamana, [110] "Jika tuanku dekat, patik amuk!" Maka titah Raja Tuha, "Syahdan Melayu hendak durhaka!"Maka sembah Bendahara dan Laksamana, "Sekali inilah Melayu durhaka, jika tuanku bergagah juga dekat cucunda sahaja patik amuklah". Maka Raja Tuha pun tiadalah mahu hampir kepada Sultan 'Alauddin. Maka oleh Bendahara Paduka Raja dan Penghulu Bendahari dan Laksamana, dipeliharakannyalah Sultan 'Alauddin, syahadan maka dipeliharakan Subhanahu Wa Ta'ala, belum lagi lepas surat azal[51] baginda.

Maka Sultan 'Alauddin pun sembuhlah. Maka baginda memberi anugerah persalin akan Bendahara Paduka Raja dan Laksamana, dan dianugerahai baginda seorang sebuah usungan, barang ke mana ia pergi berjalan, disuruh baginda berusung, anak buahnya mengiringkan dia. Adapun akan Bendahara Paduka Raja, usungannya itu dibungkusnya dengan kekumpan, pada tempatnya duduk dihadap orang. Maka sembah segala anak[52] Bendahara pada Bendahara, "Bagaimana datuk ini bagai pak si bendul? Karena Laksamana dianugerahai baginda usungan dan berusung ia ke sana ke mari, anak buahnya mengiringkan dia di bawah usungannya, alangkah baik dipandang orang! Datuk, jika ia berusungan, seorang pun kami tiada di bawahnya."Maka kata Bendahara Paduka Raja, "Akulah pak si bendul? Akan Laksamana itu, ia berusung, anak

49 [illegible] Pahang]"
50 [illegible] (138) "kuthatapi"
51 [illegible] "ajal"
52 anak [buah]

buahnya di bawah usungannya jika dipandang oleh segala dagang, maka ditanyai orang, 'Siapa berusung itu?' maka kata orang 'Laksamana'. Maka katanya, 'Orang besarkah Laksamana itu?', maka sahutnya, 'Orang besar juga'. Maka kata segala dagang, 'Adakah lagi orang besar dampadanya?' maka sahut orang, 'Ada, Bendahara Paduka Raja terlebih besar pula dampadanya'. Maka aku pun kelak berusung[51] itu pun ditanya orang juga, 'Orang besarkah Bendahara itu?', maka sahut orang kelak, 'Orang besar juga'. Maka katanya, 'Adakah lagi orang besar dampadanya?', maka sahut orang, 'Ada'. Nescaya pada pemandangan orang, segala yang tiada tahu, akulah raja, karena raja pun lagi budak. Seperkara[52] lagi, jika berusung pun engkau semua juga di bawah usungan raja; jadi, salah aku dengan raja. Manatah kelebihan raja daripada aku? Akan Laksamana, segala anak buahnya tiada berampur pada majlis raja. Akan engkau semuanya sedat akan isi balai yang raja.' Maka segala anak buah Bendahara Paduka Raja pun diamlah menengar kata Bendahara itu.

Adapun adat Bendahara Paduka Raja, apabila ia beroleh perahu yang baik atau senjata yang baik, maka diberikan orang kepada Laksamana. [maka kata Laksamana:] 'Mari sahaya lihat'. Maka itu ditunjukkan oleh Bendahara; maka digagahinya juga oleh Laksamana, benda dilihatnya juga. Setelah sangat Laksamana hendak melihat dia, maka ditunjukkan oleh Bendahara Paduka Raja. Setelah dilihat oleh Laksamana, lalu diambilnya. Demkianlah pada sedia kala. Maka kata [111] segala anak buah Bendahara, 'Bagaimana datuk ini bagai pak si bendul? Jikalau ada senjata yang baik atau perahu yang berkbaik habis diberikan kepada Laksamana, menjadi segala anak buah dari suatu pun tiada dipeolehnya.' Maka kata Bendahara Paduka Raja, 'Akulah pak si bendul? Engkaukah pak si bendul? Jikalau ada gajah yang baik, atau kuda yang baik, semua pintu kepada aku. Pada pekerjaan yang demikian di mana engkau semua tahu? Karena akan Laksamana itu hulubalang besar, sebab itulah maka senjata yang baik itu kubenkan kepadanya apabila musuh raja datang, supaya ialah kita adu berperang; nescaya jikalau orang bukanlah ia hulubalang raja, peraka hulubalang kitalah.' Maka segala anak buah Bendahara pun diamlah menenga kata Bendahara itu.

Setelah berapa lamanya Sultan Alauddin di atas kerajaan, maka beristerakan dengan isterinya bernama Tun Raja, anak Seri Nara Aldiraja yang tua, saudara Seri Maharaja itu, beranak ada berapa orang laki-laki

[51] W: 'Jikalau aku pun kelak berusung lah'.

[52] Dituli: 'sajoan kan'.

dan perempuan, yang laki-laki itu, Sultan Ahmad seorang namanya, Sultan Abdul Jalil seorang namanya. Maka oleh Sultan 'Alauddin, anakanda baginda perempuan yang tuha itu didudukkan baginda dengan raja yang bernama Sultan Ahmad itu. Adapun Sultan 'Alauddin, isteri baginda sama raja pun, baginda beranak dua orang lakilaki, seorang namanya Raja Munawar Syah, seorang bernama Raja Zainal, tetapi akan Raja Munawar itu tuha daripada Raja Mahmud. Adapun kehendak Sultan 'Alauddin, Raja Mahmud juga kerajaan menggantikan baginda.

Hatta sekali persetua pencuri terlalu buas dalam negeri Melaka, maka orang kehilangan pun sebagailah tiada berhenti, pada semalam-semalam.[55] Setelah Sultan 'Alauddin menengar pencuri terlalu ganas, maka baginda pun terlalu masyghul. Setelah hari malam, maka Sultan 'Alauddin pun memakai cara[56] pakaian pencuri, maka baginda berjalan dengan Hang Isap dan Hang Isak menyamar berkeliling negeri, hendak melihat segala hal kelakuan negeri.

Setelah datang kepada suatu tempat, maka baginda bertemu dengan pencuri lima orang mengusung peti. Setelah dilihat baginda, maka diusirnya, maka pencuri itu pun terkejut lalu lari kelimanya; maka peti itu dibukanya. Maka titah Sultan 'Alauddin pada Hang Isak, "Tunggui olehmu peti itu!" Maka sembah Hang Isak, "Baiklah Tuanku". Maka Sultan 'Alauddin dengan Hang Siak[57] pergi mengikut pencuri lima orang itu. Maka pencuri itu lari ke atas bukit. Maka diikut oleh baginda ke atas bukit, maka bertemu di bawah bodi, maka Sultan 'Alauddin pun bertampik lalu diparang baginda [112] seorang, kena pinggangnya putus seperti mentimun, panggal dua. Maka yang empat orang itu lari ke jambatan, diperturut oleh baginda ke jambatan. Setelah datang ke hujung jambatan, dibunuh baginda pula seorang, yang tiga orang lalu[58] terjun ke air, lalu berenang ke seberang. Setelah itu, maka Sultan 'Alauddin pun berjalanlah kembali. Setelah datang kepada pintu[59] tempat ditunggui Hang Isak itu, maka titah baginda kepada Hang Isak, "Bawa peti ini ke rumahmu!". Maka sembah Hang Isak, "Baiklah, tuanku". Maka Sultan 'Alauddin pun kembalilah ke istana baginda.

Setelah hari siang, maka Sultan 'Alauddin pun keluarlah diadap

56 Dieja چاري (c a r y)

57 سيق (s-y-q). Ada suatu macam kekeliruan di sini. Agakan paling munasabah ialah, "Hang Siak" itu nama lain bagi Hang Isap.

58 W (140) "lagi"

59 Barangkali yang dimaksudkan ialah "peti"

orang. Maka Bendahara Paduka Raja dan segala orang besar-besar, dan perempuan,[60] dan cetera, suka-suka, abentara, hulubalang sekalian hadir mengadap. Maka titah Sultan 'Alauddin kepada Seri Maharaja, karena ia Temenggung, titah bagimda, "Adakah kawal semalam?" Maka sembah Seri Maharaja, "Ada, tuanku." Maka titah Sultan 'Alauddin, "Kita dengar ada seorang orang mati di atas bukit, di hujung tanjoran seorang, pikalau demikian seorang orang, siapa membunuh dia?" Maka sembah Seri Maharaja, "Tiada patik tahu, tuanku." Maka titah Sultan 'Alauddin, "Sia-sialah kawal Seri Maharaja, karena penecur terlalu gajas kita dengar dalam negeri ini."

Maka Sultan 'Alauddin segera menitahkan orang memanggil Hang Isak dan Hang Siak membawa peti. Maka Hang Isak dan Hang Siak peti itu pun ada dibawanya. Maka titah Sultan 'Alauddin pada Hang Siak dan Hang Isak, "Apa ada penengaranu semalam? Beritakan kepada Bendahara Paduka Raja, pada segala orang besar-besar ini." Maka Hang Isak dan Hang Siak pun bertanyalah[61] akan segala peri hal ehwalnya, sekalian habis dikatakannya. Maka segala orangkaya-kaya sekalian menyembah kepada Sultan 'Alauddin dengan takutnya, semuanya menundukkan kepalanya. Maka oleh Sultan 'Alauddin disuruh bagimda tafahhus orang yang empunya peti itu; maka difahhus oranglah. Ada seorang saudagar, Ki Hulubalang namanya, ialah empunya peti itu. Maka disuruh Sultan 'Alauddin kembalikan peti itu pada saudagar itu. Setelah itu maka Sultan 'Alauddin pun masuklah; maka segala orangkaya-kaya pun kembalilah masing-masing ke tumahnya.

Setelah hari malam, maka Seri Maharaja pun berkawallah terlalu ketas. Maka Seri Maharaja bertemu dengan seorang penecur, maka diparangnya oleh Seri Maharaja, putus bahunya, maka tangannya tersampai kepada alang kedai. Setelah hari siang, maka orang kedai itu pun hendak berkedai, maka dilihatnya tangan orang kepada alang kedainya, maka ia pun terkejut lalu menjerit. Maka dapadah hari itu datang kepada kesudahannya, pada penecur lagi di negeri [113] Melaka. Demikianlah peri hal Sultan 'Alauddin di negeri Melaka.

Hatta sekali peristua ada seorang orang berdosa kepada Raja Mahmud, anak Sultan 'Alauddin yang akan ganti bagimda kerajaan itu, salahnya pun tiada apa bebenia. Maka oleh Seri Maharaja, disuruhnya bunuh orang itu pun matilah. Setelah didengar oleh Bendahara Paduka

60 W "perempuan". Antara W barangkali betul tetapi yang tertulis ialah "perempuan".
61 ialah berkatanyalah

Raja, maka kata Bendahara Paduka Raja, "Lihatlah Seri Maharaja! Anak harimau diajarnya makan daging! Kelak ditangkapnya".

Hatta berapa lamanya, Raja Maluku[62] pun datang mengadap ke Melaka, dan Telanai Terengganu dan Raja Rekan[63] pada ketika itu ada di Melaka mengadap Sultan 'Alauddin. Akan Raja Maluku itu dipersalini baginda dan diberi nugerah sepertinya. Ada pun akan Raja Maluku itu terlalu tahu bermain sepak raga, maka segala anak tuan-tuan bermainlah dengan Raja Maluku, maka menjadi ibu. Setelah raga datang kepadanya, maka disepaknya setatus tengah dua ratus maka baharulah diberikannya kapada orang lain. Maka barang siapa hendak diberikannya, ditunjukinya, tiada salah lagi. Setelah itu, maka ia pun duduk di atas kursi merintuhkan[64] lelahnya, dikipas dua-dua orang. Maka segala orang mudamuda itu bermainlah. Setelah datang raga itu pada Raja Maluku, maka disepakkan sendirinya berpenanak nasi raga itu di atas, tiada turun lagi, melainkan apabila hendak ditunjukkannya pada orang. Demikianlah peri halnya tahu bersepak raga.

Bermula Raja Maluku itu terlalu gagah. Jika nyiur duduk umbi, ditetaknya dengan beladaunya, putus. Adapun akan Telanai Terengganu pun, jika nyiur duduk umbi, ditikamnya dengan lembingnya, terus menyebelah. Akan Sultan 'Alauddin pun perkasa lagi. Jikalau nyiur duduk u[illegible], dipanah baginda, terbang. Maka Sultan 'Alauddin pun terlalu sangat kasih akan Raja Maluku dan Telanai Terengganu.

Adapun pada suatu hari, Raja Maluku minjam kuda pada Maulana Yusuf, itulah maka diperbuat orang nyanyi:

Raja Belawa[65] minjam kuda,
Minjam kuda pada Maulana
Tuanku nyawa orang muda,
Bertambah 'arif bijaksana.

Setelah berapa lamanya di Melaka, maka Raja Maluku dan Telanai Terengganu mohonlah kepada Sultan 'Alauddin, masing-masing kembali ke negerinya.

Hatta kedengaranlah kepada Sultan Muhammad yang di Pahang,

---

62 Ditulis: Melaka

63 Ditulis: Rakan

64 [illegible] (merinuhkan) W(141): "meletakkan"

65 [illegible] (b-l-a-w) W: "Maluku"

bahawa Tun Telanai Terengganu mengadap ke Melaka tiada memberi tahu lagi dia. Maka Sultan Muhammad pun menitahkan Seri Akar Raja ke Terengganu membunuh Telanai. Setelah Seri Akar Raja datang ke Terengganu, maka disuruhnya panggil Telanai, maka Telanai tiada mau, [katanya], "Adakah adat hulubalang dipanggil samanya hulubalang?"[66] Maka oleh Seri Akar Raja disuruhnya datang, Telanai, disuruhnya bunuh. Maka Telanai pun matilah. Maka Seri [114] Akar Raja pun kembalilah ke Pahang. Maka oleh Sultan Muhammad, Terengganu diserahkan baginda pada Seri Akar Raja memegang dia.

Hatta maka kedengaranlah ke Melaka bahawa Telanai Terengganu sudah mati, disuruh bunuh oleh Raja Pahang pada Seri Akar Raja. Maka Sultan 'Alauddin pun terlalu murka, maka titah baginda, "Yang Pahang itu menunjukkan kahanya kepada kita, baik kita suruh serang negerinya". Maka sembah Bendahara Paduka Raja, "Tuanku, ampun sembah ampun atas batu kepala patik. Pada bicara patik, jangan segera kita membinasakan Pahang. Barang suatu hal baginda[67] tuanku juga kerugian. Baik patik laksamana dititahkan ke Pahang". Maka titah Sultan 'Alauddin, "Baiklah, mana kata Bendahara, kita turut". Maka Laksamana pun berlengkap. Setelah sudah mustaid, maka surat pun dirakitlah ke perahu. Setelah itu, maka Laksamana pergilah ke Pahang.

Setelah berapa lamanya, sampailah ke Pahang, maka dipersembahkan orang kepada Sultan Muhammad, Raja Pahang, "Bahawa Laksamana datang, dititahkan paduka ayahanda dari Melaka, mengadap tuanku". Maka baginda pun keluarlah diadap orang. Maka Sultan Muhammad pun menyuruh menjemput surat. Seri Pikrama Raja Pahlawan, Bendahara Pahang, yang dititahkan menjemput surat itu. Setelah datang ke perahu Laksamana, maka Laksamana pun naiklah, maka surat pun disambut, dibawa naik ke atas gajah, maka dirakitlah dengan payung putih dua, berapit gendang dan serunai nafiri. Maka Laksamana pun berpesan kepada orang-orangnya, "Jika surat itu sudah dibaca, hendaklah lengkap, hendaklah bunuh seorang keluarga Seri Akar Raja".[68] Maka kata orang yang dipesani itu, "Baiklah". Maka surat pun sampailah. Maka segala orang yang mengadap Raja Pahang itu semuanya turun dari atas balai,

---

66 W [142] "Setelah Seri Akar Raja datang ke Terengganu, maka disuruhnya panggil Telanai, maka Telanai tiada mau datang, katanya, "Adakah adat hulubalang dipanggil samanya hulubalang".

67 W "kekanda".

68 W "jikalau surat itu sudah dibaca, hendaklah lengkap bunuh seorang keluarga Seri Akar Raja".

melainkan Raja Pahang juga hanya seorang tinggal. Maka gajah dikepilkan di balai, maka surat pun disambut orangfah, lalu dibaca, demikian bunyinya, "Salam do'a paduka adinda, datang kepada paduka kekanda".

Setelah sudah dibaca orang, maka orang pun duduk masing-masing pada tempatnya. Maka Laksamana pun menjunjung duli lalu duduk, saat duduk, maka bunyi orang gempar di luar. Maka Raja Pahang pun bertanya, "Apa gempar itu?" Maka sambut orang, "Tuanku, orang Laksamana Melaka membunuh saudara sepupu Seri Akar Raja"Maka titah Raja Pahang pada Laksamana, "Orang tuan membunuh saudara sepupu Seri Akar Raja, baiklah tuan periksa", karena adat Raja Pahang memanggil orangkaya-kaya Melaka "tuan" juga. Maka laksamana menyuruh membawa orang yang membunuh itu masuk, maka ia pun masuklah dekat. Maka ditanya oleh Laksamana, "Mengapakah[69] tuan hamba membunuh [115] saudara Seri Akar Raja?" Maka sembah orang itu, "Sungguh, tuanku"Maka sembah Laksamana pada Raja Pahang, "Sungguh patik itu membunuh saudara sepupu Seri Akar Raja, tetapi tiada patik beri dipengapa-pengapa, karena salah Seri Akar Raja ke bawah duli paduka adinda pun adalah membunuh Telanai Terengganu tiada memberitahu ke Melaka". Maka Raja Pahang pun diamlah. Berapa lamanya laksamana di Pahang, maka ia pun memohon kepada Raja Pahang. Maka Raja Pahang pun membalas surat itu, demikian bunyinya surat itu, "Kekanda empunya sembah datang kepada paduka adinda", dan Laksamana pun dipersalini baginda. Maka surat pun diarakkan ke perahu seperti adat. Setelah itu, maka Laksamana pun kembalilah ke Melaka.

Setelah [sampai], maka Sultan 'Alauddin menyuruh menjemput surat dan suruh arak bergajah, payung satu putih, satu kuning. Setelah datang ke pintu luar, maka diderumkan orang gajah, dan surat pun dibawa berjalan di tanah, gendang serunai semuanya tinggal di luar. Setelah ke dalam, maka disuruh sambut pada tanda[70] dari kanan, disuruh baca pada orang. Setelah surat sudah dibaca, maka Laksamana pun naiklah menjunjung duli lalu duduk pada tempatnya. Maka Sultan 'Alauddin pun bertanya pada Laksamana. Maka oleh Laksamana segala peri hal ehwalnya itu sekalinnya dipersembahkannya kepada Sultan 'Alauddin, maka Sultan 'Alauddin pun terlalu sukacita. Maka baginda memberi anugerah akan Laksamana dengan sepertinya.

69 W (134) "Sungguhkah"

70 [illegible] W "benara"

Maka tersebutlah perkataan Sultan Ibrahim, Raja Siak. Adi seorang orang Siak salah kepada bagında, maka disuruh bagında bunuh pada Tun Jana Fakil. Maka oleh Tun Jana Fakil dibunuhnyalah. Maka kedengaranlah ke Melaka Raja Siak membunuh orangnya tiada memberi tahu ke Melaka. Maka Sultan 'Alauddin menyuruhkan Laksamana ke Siak. Maka laksamana pun bersengkaplah dengan surat pun dibawa oranglah ke perahu. Maka laksamana pun pergilah ke Siak. Setelah sampailah ke Siak, maka oleh Sultan Ibrahim suruh jemput sepert adat Raja Pahang menjemput surat itu, demikianlah. Maka gajah pun dikepilkan ke balai, surat pun disambut oranglah lalu dibaca. Setelah dibaca, maka kata laksamana pada Tun Jana Fakil, "Sungguhkah tuan hamba membunuh Tun Anak?" Maka sahut Tun Jana Fakil, "Sungguhkah?[70] Dengan titah Raja." Maka laksamana [115] mengang kepada Sultan Ibrahim, mengadap kepada Tun Jana Fakil, maka ditunjukinya Tun Jana Fakil dengan tangannya kiri, katanya, "Tiada berbudi tuan hamba? Sungguhkah[71] tuan hamba orang hutan, maka tiada tahu akan [116] adat cara bisa? Benarkah membunuh orang tiada memberi tahu ke Melaka? Hendak merapalelakah dalam negeri Siak ini?" Maka Sultan Ibrahim dan segala orang besar sekalian diam, tiada menurutkan kata laksamana itu.

Setelah berapa lamanya laksamana di Siak, maka laksamana pun mohonlah. Maka Sultan Ibrahim pun memberi persalin akan laksamana dan bersembah surat ke Melaka, demikian bunyinya, "Paduka kekanda empunya sembah, datang kepada paduka adinda. Jikalau ada khilaf paduka kekanda, melainkan sayang paduka adindalah diperbanyakkan paduka kekanda." Maka surat pun dibawa oranglah, maka laksamana pun kembalilah. Setelah datang ke Melaka, maka surat pun dibawalah. Setelah datang ke dalam, maka surat pun dibaca oranglah. Setelah sudah surat itu dibaca, maka laksamana pun menjunjung duli lalu ia duduk pada tempatnya. Maka Sultan 'Alauddin pun bertanya kepada laksamana. Maka oleh laksamana segala perihal ehwalnya semuanya dipersembahkannya kepada Sultan 'Alauddin, maka baginda pun terlalu sukacita. Maka baginda memberi anugerah akan laksamana dengan sepertinya.

---

70 Barangkali tersalin untuk "Sungguhlah".

71 W: "Setelah sudah dibaca, maka kata laksamana pada Tun Jana Fakil, 'Sungguhkah tuan hamba membunuh Tun Cam anak Tun Ali?' Maka sahut Tun Jana Fakil, 'Sungguhlah, dengan titah Raja'."

72 W (144): "Sungguhlah".

73 W: "menyahut".

Alkisah, maka Bendahara Paduka Raja pun sakitlah terlalu sangat. Maka Bendahara pun suruh memanggil anak cucunya, yang sehari dua hari perjalanan disuruhnya panggil. Setelah sudah berkampung semuanya, maka Bendahara Paduka [Raja] pun berwasiat pada segala anak cucunya, demikian kata Bendahara, "Hei anak cucuku, jangan kamu tukarkan agama dengan dunia; yang dunia asti[75] tiada akan kekal adanya, syahadan yang hidup sahaja, akan mati juga kesudahan. Hendaklah kau tuluskan hatimu pada berbuat kebaktian pada Allah Subhanahu wata'ala dan akan Rasulullah sallallahu 'alayhi wasallam, dan berbuat kebaktian akan raja, dan akan jangan kamu kelupai pada segala hukamak[76] bahawa raja raja yang adil itu dengan Nabi Allah upama dua permata pada sebentuk cincin. Lagi pun yang raja itu upama ganti Allah, apabila berbuat kebaktian akan nabi Allah, serasa berbuat kebaktian akan Allah, seperti firman Allah Ta'ala di dalam Quran, *'Ati 'ullaha wa ati 'rrasula wa ulilamrminkum'* yakni berbuat baktilah kamu akan Allah dan akan Rasul Allah. Inilah wasiatku kepada kamu semuanya, hendaklah jangan semua lupa, supaya kebesaran dunia akhirat kamu sekalian peroleh".

Setelah itu, maka Bendahara memandang pula pada Seri Nara Aldiraja, maka kata Bendahara pada Seri Nara Aldaraja, Seri Maharaja Muzahir.[77] "Muzahir, engkaulah kelak menjadi orang besar, daripada aku pun lebih kebesaranmu. Tetapi jangan pada bicaramu engkau bapa saudara raja, jikalau melintas pada hatimu engkau bapa saudara raja engkau dibunuh orang". Maka Bendahara mengadap pula pada Tun Zainal Abidin, maka kata Bendahara, "Hei, Zainal Abidin, jika engkau tiada berkerja raja, hendaklah engkau diam di hutan, karena perut panjang sejengkal oleh taruk kayu dan daun kayu pun kaki isinya". Maka Bendahara berkata pada Tun Pauh, "Pauh, jangan engkau diam di negeri. Diam [117] engkau ke rantau, supaya sampah sarap pun sekalian menjadi emas". Maka Bendahara berkata pula pada Tun Isak, "Isak, jangan mencari pencarianmu di balai rong raja". Demikianlah wasiat Bendahara Paduka Raja pada segala anak cucunya, tiada sekata, pada seorang, lain masing pada patutnya[78]

Setelah Sultan 'Alauddin Syah mendengar Bendahara Paduka Raja sangat sakit, maka Sultan 'Alauddin pun datang mendapatkan Bendahara

---

75 اسنى (a s t y) Pasti?

76 [kata] hukamak

77 Di sini ditulis Mutahir

78 W 145 "Demikianlah wasiat Bendahara Paduka Raja pada segala anak cucunya tiada sekata, pada seorang seorang lain, masing-masing pada patutnya"

Paduka Raja. Maka Bendahara Paduka Raja menyembah pada Sultan 'Alaiddin, maka sembah Bendahara pada Sultan 'Alauddin, "Adapun tuanku, pada penasaan patik, duma ini luputlah daripada genggaman patik, melainkan negeri akhiratlah semata patik harap. Hendaklah jangan tuanku dengar-dengaran akan sembah orang yang tiada sebenarnya; jikalau tuanku dengarkan sembah orang yang demikian itu, akibatnya, tuanku menyesal. Yang kehendak natsu, jangan tuanku turutkan, karena banyak raja-raja yang dibinasakan Allah Ta'ala kerajaannya sebab menurutkan hawa nafsunya".

Setelah itu, maka Bendahara Paduka Raja pun kembalilah ke rahmatullah; maka dikerjakan Sultan 'Alauddin seperti adat Bendahara mati. Maka Tun Perpatih Putih, adik Bendahara Paduka Raja, itulah yang dijadikan oleh Sultan 'Alauddin Bendahara, disebut orang "Bendahara Putih". Maka Bendahara Putih pun beranak seorang laki-laki, baik rupanya, bernama Orangkaya Tun Abu Sayit[79] Maka Orangkaya Tun Abu Sayit beranak dua orang laki-laki, yang tua bergelar Seri Amar Bangsa, yang muda bernama Orangkaya Tun Muhammad, itulah beranakkan Orangkaya Tun Udani[80] dan Orangkaya Tun Sulai dan bonda Tun Hamzah dan bonda Datuk Darat. Adapun akan Orangkaya Tun Muhammad itu, jikalau duduk pada jumlah Melayu, ialah alim, tahu akan sarat nahu sedikit, akan ilmu fiqah sedikit, akan ilmu usul pun mengerti.

79 Mungkin "Sayat".

80 Cf. n.d. n1. "Adan/Udan/Udana".

15

ALQISAH

Maka tersebutlah perkataan Haru, Maharaja Aldiraja nama rajanya, anak Sultan Sujak, asalnya turun dari Perbatu[1].

Maka Maharaja Aldiraja mengutus ke Pasai, Raja Pahlawan yang diutuskan. Setelah datang ke Pasai, maka diaraknyalah surat itu dibawanya ke dalam. Maka dibawanya, disambut oleh orang yang membawa surat, lalu dibacanya. Adapun dalam surat itu, "Adinda empunya salam" maka dibaca oleh orang itu, "Paduka adinda empunya sembah datang kepada paduka kekanda". Maka kata Raja Pahlawan, "Lain surat, lain bacanya!" Maka dibacanya juga oleh orang itu, "Paduka adinda empunya sembah datang kepada paduka kekanda". Maka katanya pula, [118] oleh Raja Pahlawan, "Lain surat, lain dibacanya! Remak mati di tanah Pasai, jangan mati di tanah Haru! Jika dimakan anjing Pasai pun, ia tahu akan sebuah sepatah!" Maka dibaca juga oleh orang Pasai itu. Maka Raja Pahlawan pun terlalu marah, maka amuknya[2] oleh Raja Pahlawan segala orang Pasai itu, banyak matinya. Maka oleh segala orang Pasai dibunuhnya Raja Pahlawan dan segala Haru itu, sebab itulah maka Pasai berkelahi dengan Haru.

Setelah itu maka Maharaja Aldiraja menitahkan hulubalang Haru[3], Seri Indera, namanya, merosakkan segala jajahan Melaka. Adapun pada zaman itu, dari Tanjung Tuan datang ke Jugra, tiada putus rumah orang, itulah yang dirosakkan orang Haru itu.

Setelah didengar oleh Sultan 'Alauddin Syah, maka baginda menitahkan Paduka Tuan, anak Bendahara Paduka Raja, dan Laksamana dan Seri Bija Aldiraja dan segala hulubalang sekalian disuruhkan pergi mengiringkan Paduka Tuan memayar kelengkapan Haru itu. Maka Paduka Tuan dan segala hulubalang itu pun pergilah. Hatta maka segala kelengkapan Melaka pun datanglah had laut Tanjung Tuan, maka bertemulah dengan kelengkapan Haru, lalu berlanggar, terlalu hazamat bunyi perang itu pada ketika itu, seperti akan kiamatlah lakunya. Tetapi

1 W: "pabata".
2 Ialah amarahnya.
3 Ditulis "Pasai", lupa(kan) kesilapan penyalin.

kelengkapan Haru itu amat banyak daripada kelengkapan Melaka, maka perahu Seri Bija Aldiraja sebuah, tiga buah perahu orang Haru; rupa senjata seperti hujan. Maka dinaikinya perahu Seri Bija Aldiraja, maka perahu Seri Bija Aldiraja pun alah dan segala sakai semuanya terjun.

Adapun pada ketika itu, Tun Isap[4] Barakah, anak Tun Pikrama Wira, cucu Paduka Tuan, cicit Bendahara Paduka Raja, ada naik perahu Seri Bija Aldiraja. Maka Tun Isap Barakah dan Seri Bija Aldiraja juga yang tiada terjun, menahan dalam perahu. Maka orang Haru pun sudah naik sekerat haluan, maka kata Tun Isap pada Seri Bija Aldiraja, "Orangkaya! Mari kita amuk orang Haru ini!" Maka kata Seri Bija Aldiraja, "Sabar dahulu!" Maka orang Haru pun datanglah ke tiang agung, maka kata Tun Isap, "Marilah kita amuk!" Maka sahut Seri Bija Aldiraja, "Belum ketikanya". Maka orang Haru pun lalulah ke tambun,[5] maka kata Tun Isap, "Orangkaya! Mari kita amuk!" Maka kata Seri Bija Aldiraja, "Sabar dahulu, Orangkaya. Belum datang pada ketikanya". Setelah demikian katanya, maka Seri Bija Aldiraja pun masuklah ke jambatan, maka kata Tun Isap, "Ceh! Kusangka beram Seri Bija Aldiraja ini, maka aku mau naik perahunya. Jika aku tahu akan dia penakut, baik aku naik perahu Laksamana".

Maka orang Haru pun datanglah ke muka pekajangan, maka Seri Bija Aldiraja pun baharulah keluar dari pekajangan itu. Maka kata Seri Bija Aldiraja pada Tun Isap, [119] "Encik Isap, marilah kita amuk. Sekaranglah kita amuk!" Maka kata Tun Isap, "Baiklah!" Maka Seri Bija Aldiraja dan Tun Isap pun mengamuklah, maka segala orang Haru pun pecah bertelunan ke air, setengah lari ke perahu sendiri. Maka diperikuti[6]lah oleh Seri Bija Aldiraja dan Tun Isap, lalu dinaikinya sekali perahu;[7] orang Haru itu pun alah. Maka oleh orang Seri Bija Aldiraja yang terjun itu sekalinnya nariklah.[8] Maka oleh Seri Bija Aldiraja dan segala hulubalang Melaka dilanggarinya sekali, maka kelengkapan Haru pun patah lalu lari. Maka diperikutnya oleh segala orang Melaka itu, dilanggari sekali kali;[9] maka orang Haru pun larilah mengadap rajanya.

Maka Maharaja Aldiraja pun menengar kelengkapannya alah itu. Maka Maharaja Aldiraja pun terlalu amarah, katanya, "Jikalau aku di atas gajahku Si Betung, Melaka se-Melakanya, Pasai sePasainya juga, jangan

4 Mungkin juga "Isak" seperti yang dirumikan W.

5 Jal. (tambun).

6 W(147) "segala".

7 Dituhs "baiklah".

8 W "sekali lagi".

karena padah[9] melintang, nescaya kulanggar kota Melaka itu dengan gajahku Si Betung ini". Maka disuruh keluari pula orang Melaka sekali lagi. Maka segala orang Haru pun keluarlah. Adapun segala kelengkapan Melaka pada ketika itu datanglah ke pengkalan ruangnya lalu berhenti. Maka segala orang Melaka pun naik ke darat, ke sungai. Maka ia bertemu dengan seekor kambing randuk, maka pada pandangan Mia Duzul[10] seperti orang negeri, maka Duzul pun terkejut lagi[11] lari, tunggang-tungging, maka ia berbangkit lalu lari pula terngahngah mengusir orang banyak.[12] Maka segala orang itu pun gempar melihat Mia Duzul terlalu lari itu, maka kata segala orang itu, "Mengapa Mia Duzul?" Maka kata Mia Duzul, "Kita bertemu dengan Haru tuha, kita hudu,[13] dia zu'ul[14]". Setelah segala orang itu menengar kata Mia Duzul itu, maka segala orang itu pun naiklah sekalian ke darat dengan senjatanya. Setelah datang ke sana, maka dilihatnya kambing randuk, bukannya orang, maka segala orang itu pun semuanya tertawa, maka kata orang itu, "Cis! Mia Duzul, kita semua diperdayakannya". Maka semua orang itu pun kembalilah ke perahu.

Maka kelengkapan Haru pun datang lalu bertemu dengan kelengkapan Melaka, maka berperanglah tada disangka bunyinya lagi, maka rupa panah seperti hujan lebat. Maka oleh orang Melaka dilanggarinya sekalisekali, ditumpahinya sekali dengan sehgi, maka kelengkapan Haru pun patah lalu lari ke hulu. Paduka Tuan dan segala orangkaya-kaya dan segala hulubalang pun kembalilah ke Melaka.

Setelah berapa lamanya di jalan, maka Paduka Tuan dan segala hulubalang itu pun semuanya masuk mengadap Sultan 'Alauddin. Maka baginda pun terlalu sukacita menengar peperangan baginda jaya itu. Maka Sultan 'Alauddin pun memberi anugerah akan Paduka Tuan dan akan Laksamana dan akan Seri Bija Aldiraja dan [120] akan segala hulubalang, sekaliannya dipersalin oleh baginda. Setelah berapa antaranya, maka Seri

9 Mungkin "patah". W: "farat"

10. دوزل (d-u-z / u-z-l)

11. W: "lalu"

12. W: "Maka ada seorang Keling Mitri Duzul namanya, Keling Melaka, mengikut pergi. Maka Mia duzul pun turut naik) maka ia bertemu dengan seekor kambing randuk, maka pada pandangan Mitri Duzul seperti orang. Maka Mitri Duzul pun terkejut lalu lari tunggangtunggang, maka ia berbangkit lalu berlari pula terngahngah mengusir orang banyak"

13 هودو (h-w-d-w)

14 دوفل (z-w-f-l)

Bija Aldiraja pun matilah. Maka anak Seri Bija Aldiraja dua orang, seorang bernama Tun Kudu, bergelar Seri Bija Aldiraja, seorang bergelar Tun Bija Aldiraja, ialah beranakkan Sang Setia ketiganya.

Maka Sultan 'Alauddin pun menyuruh berlengkap akan menyerang Kampar; Seri Nara Aldiraja akan panglima. Setelah sudah langkap, maka Seri Nara Aldiraja pun pergilah sama-sama Sang Setia dan Sang Naya dan Sang Guna dan segala hulubalang sekalian, dan Ikhtiar Muluk pun pergi mengiringkan Seri Nara Aldiraja setelah datang ke Kampar. Adapun Raja Kampar Maharaja Jaya namanya, asalnya Pagaruyung, Pekan Tuha itulah negerinya. Setelah Maharaja Jaya menengar khabar Seri Nara Aldiraja datang menyerang, maka Maharaja Jaya memberi titah kepada Mangkubuminya, Tun Demang[15] namanya, menyuruh mengimpunkan segala rakyat: Maka Tun Demang pun keluarlah mengimpunkan segala rakyat semuanya, syahadan hadirlah dengan segala kelengkapan perang. Setelah itu, maka Seri Nara Aldiraja pun datanglah, maka segala orang Melaka pun naiklah. Maka dikeluarinya oleh Maharaja Jaya, naik gajah, Tun Demang di bawah gajahnya, bersenjata lembing. Maka bertemulah orang Kampar dengan orang Melaka, ada yang bertikamkan lembing, ada yang bertetakkan cipan, ada yang berpanah-panahan, maka daripada kedua pihak pun banyaklah mati, darah pun mengalir di bumi daripada sangat tempuh orang Melaka kepada orang Kampar.

Setelah dilihat oleh Maharaja Jaya dan Tun Demang, maka ia pun segera tampil[16] menempuh pada orang Melaka, diarungnya,[17] barang di mana ditempuhnya, bangkai bertimbunan. Orang Melaka pun habis lari, lalu ke air; melainkan Seri Nara Aldiraja dan Ikhtiar Muluk juga yang terdiri, tiada tergerak daripada tempatnya. Maka Maharaja Jaya dan Tun Demang pula sama-sama dengan segala orang Kampar yang banyak, maka rupa senjata seperti mana hujan. Maka kata Seri Nara Aldiraja pada Maharaja Jaya, "Tuanku, tanah sedikit ini sahaja pohonkan. Jika digagahi juga hendak diambil, lembing anugerah paduka kekanda ini sahaja persembahkan".[18] Maka oleh Tun Demang ditikamnya Ikhtiar Muluk dengan lembingnya, terus bahunya. Maka oleh Ikhtiar Muluk diambilnya dastarnya, maka katanya pada Seri Nara Aldiraja, "Orangkaya, beta luka!" Maka dibebatnya oleh Seri Nara Aldiraja.

15 Dieja [illegible] Selepas ini lebih kerap dieja دمغ

16 W (148) "tempik"

17 [illegible] (dya-rngnya) Tiada dalam [illegible]

18 W "Tuanku, tanah sedikit ini sahaja pohonkan, jika digagahi juga hendak diambil lembing anugerah paduka kekanda ini sahaja persembahkan"

Ikhtiar Muluk, sepatanya panah tarasi,[19] maka dipanahnya kena pelipisan Tun Demang, terus meleleh, maka Tun Demang pun tersungkur di bawah gajah Maharaja Jaya. Melihat Tun Demang mati, maka Maharaja Jaya menempuhkan gajahnya [121] mengusir Seri Nara Aldiraja. Maka oleh Seri Nara Aldiraja lembing yang pada tangannya itu ditikamnya pada Maharaja Jaya, kena dadanya terus jatuh dari atas gajahnya. Maka Maharaja Jaya pun matilah. Setelah dilihat Maharaja Jaya mati dan Tun Demang, maka orang Kampar pun pecahlah, maka diperikut oleh orang Melaka seraya dibunuhnya, lalu dihimpunkannya ke dalam kotanya sekali. Maka segala orang Melaka pun merampaslah terlalu banyak. Setelah itu, maka Seri Nara Aldiraja pun kembalilah dengan kemenangannya.

Berapa lamanya di jalan, sampailah ke Melaka, maka Seri Nara Aldiraja pun masuklah ke dalam, mengadap Sultan 'Alauddin. Maka baginda pun terlalu sukacita menengar pegeri itu alah, maka baginda memberi anugerah[20], akan Seri Nara Aldiraja, dan akan Ikhtiar Muluk ialah beranakkan bapa Khoja Bulan, beranakkan Khoja Muhammad Syah, maka berdiri di ketapakan sama-sama dengan abentara banyak. Maka Kampar pun diserahkan kepada Seri Nara Aldiraja, maka Seri Nara Aldiraja pertama meletakkan Adipati Kampar.

Araktian, baginda menyuruhkan Seri Nara Aldiraja ke Kampar, merajakan anakanda baginda yang bernama Raja Munawar Syah, Seri Amar Aldiraja akan Bendaharanya. Maka Seri Nara Aldiraja pun pergilah. Setelah datang ke Kampar, maka dirajakannya Sultan Munawar Syah Kampar. Setelah itu, maka Seri Nara Aldiraja pun kembalilah ke Melaka mengadap Sultan.

Setelah tiga puluh tiga tahun umur baginda di atas kerajaan, datanglah kepada peredaran dunia, maka baginda pun gerinalah. Setelah diketahui baginda diri baginda maut, maka baginda pun menyuruh memanggil anakanda baginda Raja Mamat, dan menyuruh memanggil segala orang besar-besar; maka semuanya pun datanglah mengadap baginda. Maka baginda minta disandar pada segala dayang-dayang, maka disuruh baginda hampir daripada antara orang banyak itu lima orang pertama, Bendahara; kedua, Penghulu Bendahari; ketiga, Temenggung; keempat, Kadi Munawar Syah; kelima, Laksamana. Maka titah baginda, "Ketahui oleh tuan-tuan, umurku ini pautlah[21] rasanya. Jikalau aku mati,

19 ترسی (T r a s y) W (148): "persar"
20 W (149): "persaim"
21 پوتله (P w t-h) W: "putuslah"

bahawa anakku Raja Mamat inilah kamu sekalian rajakan gantiku. Hendaklah sangatsangat dipelihara kamu akan dia, seperti mana kasih kamu sekalian akan daku, demikianlah kasih kamu sekalian akan dia. Jikalau ada khilaf bebalnya, kamu sekalian perbanyak mu'af, mengadap kamu sekalian akan dia, karena ia kanak-kanak".

Setelah segala mereka itu menengar titah Sultan 'Alauddin demikian itu, maka cucurlah air mata mereka itu sekalian, tiada berasa lagi. Maka sekalian mereka itu berdatang sembah dengan tangisnya, "Ya tuanku, barang dilanjutkan Allah kiranya umur Yang Dipertuan, karena patik sekalian belum lagi puas diperhamba Syah 'Alam, tetapi jangan diberi Allah demikian itu, jikalau layu bunga yang digenggam Yang Dipertuan, sedia seperti [122] titah yang maha mulia itu patik sekalian kerjaan[22], karena patik semuanya tiada mahu menyembah raja yang lain". Maka terlalu sukacita baginda menengar sembah mereka itu sekalian.

Maka baginda memandang muka anakanda baginda, Raja Mamat, maka titah Sultan 'Alauddin, "Hei anakku, ketahui olehmu bahawa dunia ini tiada akan kekal adanya. Hei anakku, yang hidup ini sedia akan mati jua sudahnya, melainkan iman, seperti itulah yang kekal selamanya. Adapun peninggalku ini, hendaklah anakku berbuat ibadat sangat-sangat. Jangan anakku mengambil hak segala manusia dengan tiada sebenarnya, karena segala hamba Allah semuanya terserah kepadanya. Jikalau kesukaran baginya, hendaklah segera engkau tolong, jikalau teraniaya ia, hendaklah segera kau periksai baik-baik supaya di akhirat jangan diberatkan Allah atasnya lehermu, karena sabda Nabi Sallallahu 'alayhi wasallam, *'Kullukum ra'in wakullukum masulun 'an ra'iyati'*, yakni 'Segala kamu yang mengebala, lagi akan ditanyai daripada kebilaan kamu', ertinya, segala raja-raja lagi akan ditanyai Allah daripada segala kebelaannya daripada segala rakyatnya. Sebab demikianlah, maka harus engkau berbuat 'adil dan saksama supaya di sana pakah jemah dipelihara Allah Ta'ala kiranya engkau dalam akhirat. Syahadan hendaklah engkau muafakat dengan segala perdana menteri dan segala orang besar-besar, karena raja-raja itu jikalau bagaimana sekalipun hijaksananya dan tahunya sekalipun, jikalau tiada ia muafakat dengan segala pegawai, tadalah akan sentosa adanya, dan tiada akan dapat ia melakukan 'adilnya. Adapun raja-raja itu upama api, segala perdana menteri upama kayu, karena api itu jikalau tiada kayu tiada akan nyala. *'Arra'iyatu juan bikhusta sultan*

22 كرجان ik-rja-an: Kerja[k]an?W "kerja[k]an"

durakht'[22b] ertinya yang rakyat itu upama akar, raja itu upama pohonnya; jikalau tiada akar, nescaya pohon tiada akan dapat berdiri; demikianlah raja-raja itu dengan segala rakyatnya. Adapun segala anak Melayu, jikalau bagaimana sekalipun besar dosanya, jangan segera kau bunuh, melainkan yang patut pada hukum Allah, karena segala Melayu itu ketuhaanmu, seperti hadis, '*Al'abdu tinul murabbi*,' ertinya 'yang hamba itu upama [tanah] tuannya'[22c], jikalau kau bunuh ia dengan tiada dosanya, bahawa kerajaanmu binasa. Hei, anakku, hendaklah kau ingat segala wasiatku ini; syahadan engkau kerajaan supaya berkat engkau diberi Allah". Setelah itu, maka Sultan 'Alauddin pun mangkatlah, berpindah daripada negeri yang fana ke negeri yang baqa. *Qalu inna lilLahi wainna ilayhi rajiun.*

Maka anakanda baginda Raja Mamatlah kerajaan menggantikan ayahanda baginda, maka gelar baginda di atas kerajaan Sultan Mahmud Syah. Adapun akan Sultan Mahmud[23] Syah itu terlalu baik sikapnya, tiada berbagai. Maka keris tempa Melaka yang panjang tiga jengkal itu dijadikan pendua juga. Maka Bendahara Putih berkata pada Seri Bija [123] Aldiraja, "Orangkaya, Yang Dipertuanlah amanat Marhum, akan ganti baginda".[24] Maka sahut Seri Bija Aldiraja, "Tiada beta menengar amanat". Setelah Sultan Mahmud Syah menengar kata Seri Bija Aldiraja itu, maka Sultan Mahmud Syah pun diam, tetapi dalam hati baginda berdendamlah akan Seri Bija Aldiraja. Maka Sultan Mahmud Syah pun beranak tiga orang, yang laki-laki namanya Sultan Ahmad, ialah yang akan ganti baginda kerajaan, yang dua orang lagi itu perempuan.

Bermula Seri Rama itu pun sudah mati, maka anaknya pula akan gantinya bergelar Seri Rama, menjadi panglima gajah juga, martabatnya seperti bapanya. Maka Seri Rama beranak dua orang laki-laki, seorang bergelar Seri Nata, seorang bergelar Tun Aria, akan Seri Nata beranakkan Tun Biajit Hitam. Adapun akan Tun Aria beranakkan Tun Mamat, akan Tun Mamat beranakkan Tun Asyjang[25] Tun Pelit[26].

Sekali persetua Seri Bija Aldiraja tiada mudik, sudah hari raya[27].

22b Ini hanya agakan. Ia bukan ungkapan dalam bahasa Arab. Edisi A. Samad Ahmad (160) dan Shellabear (127) menyebutnya sebagai "Kata Farsi".

22c Dalam teks: "yang hamba itu upama tuahannya/tuhannya". W (150): "yang hamba itu upama tuhannya".

23 Ditulis "Muhammad".

24 W: "Orang kaya, yang dipertuan amanat Marhum akan ganti baginda".

25 اشجغ (s-y-a-j-n-g); W (151): "Isahak".

26 فلير (p-l-y-w); W: "Pilu".

27 Dieja [illegible]

maka Seri Bija Aldiraja mudik. Maka Sultan Mahmud Syah murka akan Seri Bija Aldiraja, maka titah Sultan Mahmud Syah, "Apa sebabnya maka Seri Bija Aldiraja lambat datang? Tiadakah Seri Bija Aldiraja tahu akan 'adat?'" Maka sembah Seri Bija Aldiraja, "Patik lambat mudik, patik sangka bulan belum timbul semalam, maka alpalah patik, melainkan ampun tuanku juga". Maka titah Sultan Mahmud Syah, "Tahulah kita akan kehendak Seri Bija Aldiraja itu, tiada suka akan kita kerajaan ini". Maka disuruh baginda bunuh Seri Bija Aldiraja. Maka kata Seri Bija Aldarja pada orang hendak membunuh itu, "Apa dosa hamba pada Yang Dipertuan? Karena dosa hamba sedikit inikah maka hendak dibunuh?" Maka segala kata Seri Bija Aldiraja itu semuanya dipersembahkan orang kepada Sultan Mahmud Syah. Maka titah baginda, "Jikalau Seri Bija Aldiraja tiada tahu akan dosanya, tunjukkan surat ini padanya". Adapun dalam surat itu segala dosa Seri Bija Aldiraja adalah, empat lima perkara. Setelah Seri Bija Aldiraja memandang surat itu, maka Seri Bija Aldiraja pun diamlah, maka ia pun dibunuh oranglah. Maka anak Tun Seri Bija Aldiraja yang bernama Sang Setia Bentayan itulah menegang Singapura.

Maka pada suatu malam, Sultan Mahmud Syah pergi ke rumah perempuan, Tun Dewi namanya, maka didapati baginda Tun Ali seorang[28] ada di sana, maka Sultan Mahmud Syah pun berbalik. Maka baginda menoleh ke belakang, maka dilihat baginda Tun Biyajit, nenek Datuk Muar mengiringkan baginda. Tun Biyajit itu dua namanya, jika di Kampung Kelang, disebut orang Tun Isap, jika ke Kampung Tambaga, dipanggil orang Tun Biyajit. Maka oleh Sultan Mahmud Syah diambil baginda sirih daripada puan, diberikan baginda pada Tun Biajit. Tun Biyajit pun fikir pada hatinya, "Apa gerang ertinya maka Yang Dipertuan memberi {124} beta sirih ini? Pada bicaraku, gara-gara[29] Yang Dipertuan menyuruh membunuh Tun Ali Sandang juga gerang". Pada zaman dahulu kala, sirih daripada puan raja itu terlalu mulia, tiada barang orang dianugerahai raja.

Maka Tun Biyajit pun berbalik ke rumah Tun Dewi, maka ditikamnya Tun Ali Sandang, kena dadanya, maka Tun Ali Sandang pun matilah. Tun Ali Sandang sudah mati, maka Tun Biyajit pun turun mengadap Sultan Mahmud Syah. Maka orang pun gempar mengatakan Tun Ali sudah mati dibunuh oleh Tun Biyajit. Maka Seriwa Raja diberi orang tahu, karena Tun Ali Sandang keluarga Seriwa Raja. Maka Seriwa

28. Besar kemungkinan yang mahu ditulis di sini ialah "Sandang".

29. ڬرا (gaRa) (15 D) "kalau-kalau".

Raja pun terlalu amarah, maka disuruhnya adang Tun Biyajit, hendak dibunuhnya. Maka oleh Sultan Mahmud Syah, disuruhnya berlepas, maka Tun Biyajit pun berlepaslah, lagi ke Pasai. Maka Tun Biyajit tiada mahu menyembah Raja Pasai, katanya, "Akan Biyajit, lain daripada Sultan Mahmud Syah, raja yang lain tiadalah disembahnya". Maka Tun Biyajit lagi ke Haru,[30] itu pun tiada juga mau menyembah Raja Haru. Maka Tun Biyajit lalu ke Berunai, di Berunai pun, tiada mau menyembah Raja Berunai. Maka Tun Biyajit pun beristerikan anak Raja Berunai, maka beranak bercuculah di Berunai; sebab itulah Datuk Muar banyak berkeluarga di Berunai.

Maka kata Tun Biyajit, "Adapun akan Si Biyajit, tumpah darahnya pun di Melaka, matinya pun di Melaka". Maka Tun Biyajit pun kembali ke Melaka. Setelah datang ke Melaka, lalu masuk mengadap Sultan Mahmud Syah. Maka baginda pun santap, maka ayapan itu dianugerahakan baginda akan Tun Biyajit. Setelah sudah makan, maka oleh Sultan Mahmud Syah akan Tun Biyajit dipeluk dicium baginda, maka disuruh baginda ikat dengan astar[31] disuruh hantarkan pada Seriwa Raja, karena pada bicara Sultan Mahmud Syah, "Apabila kukat Tun Biyajit ini kuhantarkan pada Seriwa Raja, tiada akan dibunuhnya oleh Seriwa Raja".

Adapun tatkala itu Seriwa Raja sedang di atas gajah. Maka Tun Biyajit pun datang, dibawa oleh hamba raja. Maka kata hamba raja itu pada Seriwa Raja, "Tetah Duh Yang Dipertuan, inilah Tun Biyajit, jikalau barang suatu salahnya, Yang Dipertuan minta ma'af pada Orangkaya". Setelah Seriwa Raja melihat Tun Biyajit, maka segera dicungkilnya dengan kosa gajah kepala Tun Biyajit, kena ubun-ubunnya, pesuk, lalu mati.

Maka hamba raja itu pun kembali memberi tahu Sultan Mahmud Syah, mengatakan Tun Biyajit sudah mati dibunuh oleh Seriwa Raja, dicungkilnya dengan kosa gajah. Maka Sultan Mahmud Syah pun menengar[32] kata hamba raja itu, dari karena sangat kasih baginda akan Seriwa Raja, karena pada zaman itu empat orang yang dikasihi baginda: pertama, Seriwa Raja; kedua, Tun Umar; ketiga, Hang Isa [125], keempat, Hang Hassan[33] Cengang.

30. Deja كهاون (kahawn: h a w n)
31. استر (astar)
32. W (153a) "Maka Sultan Mahmud Syah pun [diam] menengar"
33. حسن (hs-n) W(152) "Husain"

Bermula pikalau Sultan Mahmud Syah akan berangkat berman-main berkayuhkayuhan, maka baginda berhenti Seriwa Raja.[34] menyuruh memanggil Seriwa Raja. berpenanak Sultan Mahmud Syah menanti di pengkalan, belum juga datang Seriwa Raja. karena adat Seriwa Raja apabila datang hamba raja memanggil, maka ia naik ke rumah tidur, serta dibangunkan oleh hamba raja itu, maka Seriwa Raja baru bangun lalu buang air dan mandi, sudah mandi, makan, sudah makan, berkain, dua tiga belas kah dirombaknya juga, belum baiknya;[35] sudah itu, berbaju lalu berdastar, itu pun demikian juga, belum baik, dibaikinya, bersebai pun demikian juga, empat lima belas kah, belum baik, dibaikinya. Sudah itu, maka turun hingga pintu pula, maka berkata pun Seriwa Raja, "Tuan hamba, tegur oleh tuan hamba maka cederanya pakaian hamba ini!" Jika belum baik, ditegur oleh isterinya, dirombaknya pula, dibaikinya. Setelah itu, maka turunlah, maka datang hingga halaman, berbalik pula ke rumah, duduk berbuat-buatan pula; maka dibangunkan oleh hamba raja, baharulah turun lalu berjalan mengadap raja.

Adapun pikalau raja hendakkan Seriwa Raja bangat datang, maka Tun Isap Barakah disuruh baginda memanggil Seriwa Raja. Setelah Tun Isap datang kepada Seriwa Raja, maka kata Tun Isap, "Orangkaya, titah dipanggil". Maka kata Seriwa Raja, "Baiklah". Maka Seriwa Raja pun naik ke rumah. Maka Tun Isap tahu akan adat Seriwa Raja itu, maka Tun Isap, tikar segulung, baring diserambi, maka kata Tun Isap berseru-seru pada Seriwa Raja, katanya, "Katakan pada Orangkaya! Beta minta nasi, perut beta lapar!" Maka segera diberi nasi oleh Seriwa Raja. Setelah sudah Tun Isap makan, maka katanya, "Beta haus, buatkan barang barang". Maka kata Seriwa Raja, "Lamun Si Isak juga datang, banyaklah kehendak hatinya. Marilah kain baju beta!" Maka Seriwa Raja pun segera berkain, berbaju,[36] berdastar, berkeris, dan bersebai, lalu turun berjalan mengadap Sultan Mahmud[37] Syah. Segala barang kelakuan Seriwa Raja itu, baik juga, daripada sangat kasih baginda akan dia.

Adapun akan Seriwa Raja itu, sangat ia dikasihi oleh Sultan Mahmud Syah. Sekali persetua Sultan Mahmud Syah menyuruh memanggil Seriwa Raja dan Tun Umar dan Hang Isa dan Hang Hassan Cengang, maka keempat orang itu datang mengadap Sultan Mahmud Syah. Maka titah

34 "berhenti [di pengkalan] Seriwa Raja"

35 "belum [baik, di]baikinya"

36 Dieja: بركاء (Berkaca')

37 Dieja: Muhammad

baginda pada keempat orang itu. "Apa kehendak tuan kamba sekalian? Pintalah pada kita supaya kita beri. Jikalau apa pun, tadakan beta tahani". Maka yang pertama berdatang sembah Seriwa Raja, demikian bunyinya, "Ya tuanku, jikalau karena[38] [126] Yang Dipertuan, patik hendak memohonkan jadi panglima gajah". Maka titah Sultan Mahmud Syah, "Kabullah kita akan kehendak Seriwa Raja itu, hanya apa daya kita, karena Seri Rama lagi ada, bagaimana kita mengambil[l] dia daripadanya? Hendak kita pecat, satu pun tiada salahnya pada kita. Jikalau Seri Rama sudah mati, nescaya Seriwa Rajalah kita jadikan panglima gajah".

Setelah itu, maka Tun Umar pula berdatang sembah, "Ya tuanku, jikalau ada karena duli tuanku, patik hendak memohonkan jadi raja di laut". Maka titah Sultan Mahmud Syah, "Baiklah, tetapi Laksamana lagi ada, apa daya kita mengambil daripadanya? Hendak pun ia kita pecat, salahnya tiada pada kita. Apabila Laksamana tiada, Tun Umarlah kita jadikan raja di laut".

Setelah dilihat Hang Isa Pantas dan Hang Hassan Cengang keduanya orang besar-besar itu tiada beroleh karena,[39] maka keduanya fikir seketika. Maka titah Sultan Mahmud Syah pada Hang Isa dan Hang Hassan, "Berdatang sembah engkau apa kehendakmu, pohonkanlah kepadaku". Maka sembah Hang Isa, "Tuanku, jikalau ada karena Yang Dipertuan, patik memohonkan emas barang tiga belas tahil dan dengan bintang empat tangga[40] dan kain sakhlat benian[41] Maka dengan sa'at itu juga, dianugerahai baginda. Maka Hang Hassan Cengang berdatang sembah pula ia, sembahnya, "Ya tuanku, patik hendak memohonkan kerbau barang dua tiga belas ibu dan dusun dua belas bidang". Itu pun dianugerahai baginda.

Sekali peristiwa Sultan Mahmud Syah pergi bermain dengan isterinya Tun Biyajit, anak Laksamana, ketika itu ia tiada di rumah, pergi ke pegangannya. Maka suatu ma'alum, baginda pergi ke rumah isteri Tun Biyajit. Setelah dimintai, maka baginda pun kembali segera, bertemu dengan Tun Biyajit bahan datang dari air diringkan segala orangnya terlalu banyak; akan Sultan Mahmud Syah, tiada berapa orang mengiringkan baginda. Maka Tun Biyajit pun tahu akan Sultan Mahmud Syah turun dari rumahnya, jikalau hendak dibunuhnya pada masa itu pun dapat. Daripada ia kamba Melayu tiada mau mengubahkan setianya juga.

38 W (153): "kurma"

39 Besar kemungkinannya yang mahu ditulis di sini ialah "kurma" W (154): "kurma"

40 "dan dengan barang empat tenak"?

41 [sel]lendan

sekadar lembingnya juga ditimangnya, katanya, "Hei Sultan Mahmud Syah! Demikianlah pekerti tuan hamba! Sayang, tuan hamba tuan pada hamba, jikalau tuan hamba bukan tuan pada hamba, nescaya lembing ini kutikamkan dada tuan hamba!" Maka segala hamba raja itu hendak gusar, maka titah baginda, "Jangan kamu sekalian amarah, karena kitab[42] itu benar, sebut[43] Saidi;[44] salah kita pada itu, hukumnya patut dibunuhnya. Oleh dia hamba Melayu tiada mau durhaka mengubahkan setianya, maka demikian itu lakunya".[45] Maka baginda pun kembali ke istanannya.

Maka oleh Tun Biyajit akan istrinya itu diberinya talaknya syahadan ia pun tiadalah mau [127] mengadap dan bekerja lagi. Maka oleh Sultan Mahmud Syah, akan Biyajit itu dibujuknya, dihantar baginda seorang gundik baginda, Tun Iram Sendari namanya, diambilnya oleh Tun Biyajit, tetapi sungguhpun demikian, tiada juga Tun Biyajit mau ke majlis.

Hatta sekali peristiwa maka Seriwa Raja pun hendak kahawin dengan anak Kadi Munawar[46] Syah, cucu Maulana Yusuf. Maka Kadi Munawar Syah pun berjagalah. Setelah datanglah pada ketika yang baik, maka Seriwa Raja pun beraraklah akan kahawin, di atas gajah kenaikan Sultan Mahmud Syah yang bernama Balidamesi. Tun Abdul Karim, anak Kadi Munawar Syah mengepalakan gajah, Tun Zainal Abidin bertimbalan rengka Seriwa Raja dan buntut gajah;[47] maka beraraklah ke rumah Kadi Munawar Syah. Adapun Kadi Munawar Syah berhadirlah di kampungnya dengan meriam dan periuk api, maka pintu pagar ditutupnya. Maka kata Kadi Munawar Syah, "Jikalau dapat Seriwa Raja masuk kampung hamba ini, maka hamba dudukkan dengan anak hamba ini, jikalau di luar pintu[48]...." Maka disuruh Kadi Munawar Syah pasanglah meriam dan periuk api, dan bunyinya tempik sorak orang gemuruh bunyinya, bercampur dengan bunyi segala bunyi-bunyian, terlalu azamat bunyinya.[49] Balidamesi pun terkejut lalu lari, beberapa pun ditahani oleh

42 كتاب (k-t-a-b) W(154) "katanya"

43 ـــــ (s-b-t)

44 سيدي (s-y-d-y)

45 W (154) "Jangan kamu sekalian marah, karna katanya itu benar, sudi salah kita padanya, hukumnya patut dibunuhnya oleh dia, oleh dia hamba Melayu."

46 Dalam "menyuruh" ini pastinya suatu kesilapan kerana selepas ini dieja dengan ejaannya yang betul.

47 W "Tun Zainal Abidin bertimbalan rengka Seri Awadana dibuntut gajah."

48 Kata-kata Kadi Munawar Syah terhenti setakat ini.

49 W (155) "Maka kata Kadi Munawar Syah, 'Jikalau dapat Seriwa Raja masuk kampung hamba ini, maka hamba dudukkan dengan anak hamba ini, jikalau tiada dapat tidaklah hamba kahwinkan biarlah hilang belanja hamba.' Setelah datang gajah Seriwa Raja di luar pintu, maka disuruh Kadi Munawar Syah azamat bunyinya."

Tun Abdul Karim tiada juga tertahan.

Setelah dilihat oleh Seriwa Raja, maka kata Seriwa Raja pada Tun Abdul Karim, "Abang, s-n-tay-k-s-n-t-a-y-k.[50] Undurlah abang ke tengah, biar beta ke kepala". Maka Tun Abdul Karim pun ke tengahlah, maka Seriwa Raja pun ke kepala gajah. Maka dipalungnya oleh Seriwa Raja Bahdamesi itu, lalu dilanggarkannya pada pintu Kadi Munawar Syah. Maka beberapa pun dipasang orang meriam dan periuk api, tiada ada lagi dihisabkannya, dirempanya juga lalu masuk ke dalam. Maka gajah pun terkepil di balai Kadi Munawar Syah, maka Seriwa Raja pun melompatlah ke balai, maka dikahawinkanlah oleh Kadi Munawar Syah dengan anaknya. Sultan Mahmud Syah pun mengadap. Setelah sudah kahawin, sekalian orang pun makanlah. Setelah sudah makan, maka Sultan Mahmud Syah pun kembalilah ke istana baginda.

Adapun akan Kadi Munawar Syah itu terlalu tahu menetakkan beladau, karena ia berajar pada Raja Maluku tatkala dalang mengadap ke Melaka pada zaman Sultan 'Alauddin. Apabila Kadi Munawar Syah duduk diadap orang banyak, akan serambi tuan itu ada berkisi-kisi libang, maka kata Kadi Munawar Syah pada segala orang yang mengadap itu, "Berapa batang kehendak tuan hamba putus kisi-kisi ini hamba tetak?" [128] Maka sembah orang mengadap, "[Dua] batang". Maka ditetaknya oleh Kadi Munawar, dua batang putus. Jika dikata orang tiga batang, maka tiga batang juga putus, berapa-berapa dikehendaki orang, putus juga ditetaknya.

Setelah berapa lamanya Seriwa Raja duduk dengan anak Kadi Munawar Syah, beranak seorang laki-laki, bernama Tun Umar, bergelar Seri Petam, disebut orang Datuk Rambat. Maka Seri Petam banyak beranak; yang tuha bernama Tun Daud, itulah Datuk di Baruh, laki-laki seorang lagi bernama Tun Ali Sandang, ayah Datuk Muar perempuan. Seorang lagi Tun Bebinan[51] namanya itu, ayah Tun Mat, seorang lagi Tun Hamzah namanya, ayah Manduru;[52] seorang lagi Tun Tugak namanya, ayah Umar yang mati di Petam. Banyak lagi lain dari itu, tadalah kami sebutkan semuanya.

Adapun akan Seriwa Raja itu terlalu tahu pada gajah dan kuda. Maka ada seekor kuda putih dipeliharakan oleh Seriwa Raja, terlalu sangat kasihnya. Maka seruang selasarnya itu lagi dilapangkannya akan tempatnya menambat kuda itu. Apabila orang hendak meminjam kuda itu

50. ستنايك Sentabuk?

51. (illegible) W: Bintan

52. W[155]: "ayah (Tun) Manduruh"

hendak dibawanya bermain terang bulan maka pinjamnya oleh Seriwa Raja. Maka dibawa orang itu berjalanlah dua tiga belit, maka dibawanya pula oleh kuda itu kembali ke tambatannya,[53] melainkan Isap Barakah juga yang dapat meminjam dia.

Apabila Tun Isap Barakah meminjam dia, maka dibawa-bawanyalah berjalan bermain sebelit dua belit, maka dibawanya kembali oleh kuda itu ke tambatannya. Maka kata Tun Isap Barakah pada budak-budak Seriwa Raja, "Beri tau Orangkaya aku haus, hendak minta barang apa". Maka diberi oleh Seriwa Raja. Setelah sudah ia makan, maka kata Tun Isap Barakah pada Seriwa Raja, "Beta bawa pula kuda itu bermain". Maka kata Seriwa Raja, "Bawalah". Maka dibawanya oleh Tun Isap Barakah dua tiga belit, maka dibawanya pula oleh kuda itu kembali ke rumah Seriwa Raja. Maka kata Tun Isap pada budak Seriwa Raja, "Beri tau Orangkaya, beta lapar, hendak minta nasi". Maka diberi oleh Seriwa Raja nasi. Setelah sudah makan, pergi pula, dibawanya bermain dua tiga belit, dibawanya kembali pula, dipintanya pula oleh Tun Isap barang apa yang sukar-sukar pada Seriwa Raja. Maka kata Seriwa Raja, "Lamun Isap datang juga, sahaja banyaklah kehendak hatinya. Kata kepadanya pergilah bawa kuda ini sekehendak hatinya bermain bersemalaman ini". Maka dibawanyalah oleh Tun Isap Barakah kuda itu bermain bersemalaman.

Kelakian pada suatu hari datang seorang Patan, terlalu tahu naik kuda. Maka disuruh oleh Sultan [129] Mahmud Syah dibawa kepada Seriwa Raja. Setelah datang kepada Seriwa Raja, "Orangkaya, itlah Yang Dipertuan, ini orang tahu naik kuda". Maka berkata Seriwa Raja pada Patan itu, "Tahukah Khoja naik kuda?" Maka sahut Patan itu, "Tahu, tuanku". Maka kata Seriwa Raja, "Naiklah tuan hamba ke atas kuda hamba itu". Maka kuda itu disuruh bubuh kekang dan pelana. Setelah sudah, maka Patan itu pun naiklah ke atas kuda itu, lalu digertaknya. Maka kata Seriwa Raja, "Khoja, cemeti kuda itu". Maka oleh Patan itu dicemetinya kuda itu, dibuangkannya Patan itu dari atas belakangnya, jatuh tunggang-langgang.[54] Maka kata Seriwa Raja, "Hei, Khoja! Oleh apa?" Maka Seriwa Raja pun menyeru kepada anaknya, katanya, "Umar!" Maka Tun Umar pun segera datang. Maka kata Seriwa Raja pada Tun Umar, "Cemeti kuda itu, Orang".[55] Maka dicemetinya oleh Tun Umar,

53 W(1156) "ke tempatnya"

54 W "Maka oleh Patan itu dicemetinya (maka oleh) kuda itu dibuangkannya Patan itu dari atas belakangnya jatuh tunggang langgang"

55 اورغ (aw-r-ng) W "Awang" Agakan W mungkin tepat dan mungkin juga tidak kerana di halaman 142 "Orang" lagi sekali digunakan apabila Seriwa Raja menunggil anaknya, Tun Umar

maka kuda itu pun menari. Maka terlalu hairan Patan[56] itu melihat kepandaian Seriwa Raja pada kuda itu.

Sebermula akan Umar itu dikasihi oleh Sultan Mahmud Syah itu. Ada anak Seri Bija Aldiraja, Datuk Bongkok, terlalu berani, bahawa Tun Umar itulah yang diakui oleh gurunya tiada mati oleh senjata seterunya sebab itulah maka kelakuannya gila basa, tiada apa behena akan lawan. Adapun akan Hang Isa Pantas, barang kelakuannya terlalu pantas. Ada suatu batang ditimnya di Sungai Melaka itu umbul berguling guling, jikalau durik orang tenggelam ia empoh[57] had mata kaki orang. Jikalau Hang Isa Pantas berjalan di sana, diriknya batang itu dari kanan berguling ke kiri, diriknya pula dari kiri, berguling ke kanan, dengan demikian, sampai ia ke seberang kual-kual, kura-kura,[58] kakinya pun tiada basah. Adapun akan Hang Hassan Cengang pun kahawin dengan anak Hang Usuh. Setelah sudah kahawin, maka makan nasi hadap-hadap. Setelah tiga suap seorang bersuap-suapan, maka hendak diangkat orang, namun gulai itu maka dipegangkan Hang Hassan Cengang, katanya, "Jangan diangkat dahulu. Anak tuan hendak, sudahlah. Hamba lagi hendak makan, karena belanja hamba banyak sudah habis".[59] Maka segala perempuan yang menengar katanya itu habis tertawa, maka dimakannya oleh Hang Hassan Cengang. Setelah nasi gulai itu habis, setelah itu, maka diangkat oranglah nasi itu. Hang Hassan Cengang pun masuklah ke dalam pelaminanlah ia.

Arakian maka Sultan Mahmud Syah pun hendak pergi mengaji maklumat pada Kadi Yusuf. Akan Kadi Yusuf itu telah junun, jika orang berlayang, layang itu lalu dari atas bumbungan, maka disuruhnya buang ali-ali, setelah dapat, maka disuruhnya kili layang layang itu, katanya, "Mengapa [130] biadap, lalu dari atas rumahku?" Demikianlah lakunya, maka tiadalah ia jadi Kadi lagi, anaknya Kadi Munawarlah jadi Kadi. Maka Sultan Mahmud Syah pun pergi bergajah ke rumah Maulana Yusuf diiringkan oleh segala hamba raja. Setelah datang ke luar pagar Maulana

55 عوڠ (a w ŋ g) W "Awang" Agakan W mungkin tepat dan mungkin juga tidak kerana di halaman 142 "Orang" lagi sekali digunakan apabila Seriwa Raja memanggil anaknya, Tun Umar

56 Ditulis puteri

57 W (157) "empat"

58 كورا (k w l ŋ -l) W "kurakura"

59 W "Setelah tiga suap seorang bersuap suapan, maka hendak diangkat orang tuan gulai itu. Maka dipegangkan Hang Husan Cengang, katanya, 'Jangan diangkat dahulu! Anak tuan hendak sudahlah, hamba lagi hendak makan, karna belanja hamba banyak sudah habis'"

Yusuf, maka kata hamba raja pada orang tunggu pintu Maulana Yusuf, "Beri tahu Maulana Yusuf, Yang Dipertuan Sultan Mahmud Syah datang". Maka diberi orang tahu Maulana Yusuf, maka kata Maulana Yusuf, "Tutup pintu! Apa kerja Sultan Mahmud Syah datang ke rumah fakir?" Maka kata Maulana Yusuf itu semuanya dipersembahkan orang kepada Sultan Mahmud Syah, maka baginda pun kembalilah ke istana baginda. Setelah hari malam, maka hamba raja disuruh baginda pulang. Setelah sunyi, maka Sultan Mahmud Syah pun pergi dua berbudak, kitab baginda sendiri membawa dia. Setelah datang di luar pintu Maulana Yusuf, maka titah baginda pada orang tunggu pintu Maulana Yusuf, "Beri tahu Maulana Yusuf".Maka titah baginda pada orang, "Fakir Mahmud datang".[60] Maka dibukanya pintu, karena fakir patutlah datang ke rumah sama fakir. Maka Maulana Yusuf segeralah keluar, lalu Sultan Mahmud Syah dibawanya naik duduk. Maka Sultan Mahmud Syah pun mengajilah pada Maulana Yusuf.

Hatta maka tersebutlah peri baik paras Raja Zainal Abidin, saudara Sultan Mahmud Syah, seorang pun tiada taranya pada zaman itu, baiknya tiada tercela lagi. Kelakuannya pun terlalu baik, sedap, manis, pantas, pangus[61] Jika baginda berkain memancung, pancungnya digantung daripada hendak baik perbuatannya pancung itu. Maka ada seekor kuda baginda, Ambangan namanya, terlalulah sangat dikasihi, dekat peraduan baginda itu seruang dilapangkannya, di sanalah kuda itu ditambatkannya. Maka dua tiga kali semalam dibangunnya oleh baginda. Apabila Raja Zainal Abidin akan berkuda, maka baginda memakai. Setelah sudah memakai, maka berpasak[62] jebat-jebatan digosokkan baginda pada kuda itu, maka pergilah baginda berkuda. Maka gemparlah segala orang di pekan melihat baginda lalu itu, segala anak bininya orang dan anak dara-dara orang yang taharuhan[63] sekaliannya berterpaan[64] hendak melihat Sultan Zainal Abidin, ada yang menengok pada pintu, ada yang

60 Terjadi suatu macam pengulangan di sini. Susunan semula oleh W menepati maksud asalnya. W: "maka titah baginda pada orang tunggu pintu Maulana Yusuf, 'Beri tahu Maulana Yusuf fakir Mahmud datang'".

61 W: "tangan"

62 (b-r-p-as-q). Mungkin kesilapan ejaan untuk "berpasu" seperti yang seakan-akan disarankan (244, c. 544a). Saya berpendapat ia sememangnya bermaksud "berpasak".

63 (t-a-h-r-uh-n). Taruhan. Mungkin juga "tahu ruahan".

64 Ini hanya agakan sahaja. Sukar dipastikan apakah sebenarnya yang mahu ditulis pengarang/penyalin. Kelihatan seperti يرتڤاوت (berterngawat ?)

menengok pada kisi-kisi, ada yang menengok pada tingkap, ada yang menengok pada atap, ada yang memesuk dinding, ada yang memanjat pagar. Maka rupa pengidah perempuan akan Raja Zainal Abidin pun tadalah tersebut lagi, maka rupa sirih masak berpuluh cepu gantal, dan lelat jangan dikata lagi. Maka bau-bauan dan narwastu beratus-ratus cembul, jebat masak bermandi-mandi, bunga[65] cempaka [131] digubah dan bunga melur diangkat berceper-ceper, putar-putar bunga apatah lagi? Maka barang yang berkenan, diambilnya oleh Raja Zainal Abidin, barang yang tiada berkenan, diberikan baginda pada segala orang mudamuda. Maka cabullah negeri Melaka pada masa itu.

Setelah Sultan Mahmud Syah menengar segala kelakuan Raja Zainal Abidin itu, maka baginda terlalu murka akan adinda baginda, tetapi murka-murkanya itu sekadar dalam hatinya juga, tiada dilahirkan. Maka Sultan Mahmud Syah pun menyuruh memanggil hamba raja yang kepercayaan. Setelah datang, maka titah Sultan Mahmud Syah pada segala hamba raja, "Siapa kamu dapat membunuh Zainal Abidin seorang pun jangan tahu?" Maka seorang pun tiada bercakap. Maka ada seorang penunggu pintu, enggan di hadapan raja, Hang Berkat namanya, ialah bercakap kepada Sultan Mahmud Syah. Maka titah Sultan Mahmud Syah [...][66]

[...]patahlah parang orang Kelantan, maka segala orang Melaka pun masuklah ke dalam kota merampas. Maka anak Raja Kelantan tiga orang perempuan, ketiganya tertawan. Otang Kentang seorang namanya, Cerpa seorang namanya, Cerbuk seorang namanya, maka ketiganya dibawa Seri Maharaja kembali ke Melaka. Maka Seri Maharaja pun sampailah ke Melaka. Maka Seri Maharaja pun masuk mengadap Sultan Mahmud Syah, maka ketiganya puteri itu dipersembahkannya ke bawah duli Sultan Mahmud Syah. Maka terlalu sukacita baginda oleh menengar Kelantan itulah[67] Maka baginda memberi nugerah akan Seri Maharaja dengan segala orang yang pergi itu. Maka puteri Kelantan itu ketiganya ditaruh di dalam. Maka Puteri Otang Kentang itu diperisteri oleh Sultan Mahmud Syah, maka beranak tiga orang, yang tuha perempuan, yang tengah laki-laki, Raja Nara namanya, yang bungsu perempuan. Setelah itu, maka Sultan Mahmud Syah beristeri pula akan anak Laksamana, Tun Birah namanya, beranak seorang perempuan, Raja Dewi namanya. *WalLahu a'lamu bissawab.*

65 [بو]نغ (bu[ng-a])

66 Jelas wujud suatu lompong di sini. Kisah ini tiba-tiba disambung teru- dengan kisah serangan Melaka ke atas Kelantan seperti di bawah.

67 itu [ja]lah'

16

ALQISAH

Maka tersebutlah perkataan Sultan Munawar Syah, Raja Kampar, pun sudah mangkat. Ada anakanda bagında laki-laki, Raja Abdullah namanya, maka Raja Abdullah mengadap ke Melaka. Setelah datang ke Melaka, maka oleh Sultan Mahmud Syah akan Raja Abdullah diambil bagında akan menantu, dudukkan dengan anakanda bagında saudara Raja Ahmad itu, maka disuruh rajakan pula di Kampar. Maka Sultan Abdullah pun kembalikah ke Kampar.

Hatta berapa lamanya, maka Bendahara Putih pun hilang, maka dikerjakan oleh Sultan Mahmud Syah seperti adat Bendahara mati. Setelah sudah ditanamkan, maka Sultan Mahmud Syah pun menghimpunkan segala orang yang patut menjadi Bendahara. [132] pertama, Tun Zainal Abidin; kedua, Tun Telanai; ketiga, Paduka Tuan, keempat, Seri Nara Aldiraja; kelima, Seriwa Raja; keenam, Seri Maharaja; ketujuhnya, Abu Sayid; kedelapan, Tun 'Abdul; kesembilan, Tun Bijaya Maha Menteri, tetapi berdirilah kesembilannya berbanjar di hadapan istana Sultan Mahmud Syah. Maka titah Sultan Mahmud Syah, "Siapa dampada antara Orangkaya sekalian akan jadi Bendahara? Barang siapa patut!"

Maka sembah Paduka Tuan, "Tuanku, sekalian yang sembilan orang ini sekuanya patutlah jadi Bendahara. Barang siapa yang dikehendaki Yang Dipertuan, itulah jadikan Bendahara"Maka bonda Sultan Mahmud Syah menengar dari balik pintu, maka bonda Sultan Mahmud Syah berkata pada anakanda bagında, "Tun Muzahirlah jadi Bendahara". Maka titah Sultan Mahmud Syah, "Pak Muzahirlah jadi Bendahara". Maka sekalian orang pun kabullah akan Seri Maharaja jadi Bendahara. Maka datang persalin seperti istiadat Bendahara, dinugerahai kuras bandan dengan sikapnya[68] alatnya. Adapun akan istiadat ada dahulu kala, apabila orang jadi Bendahara dan Penghulu Bendahari dan Temenggung dan segala Menteri, dinugerahai kuras bandan dengan selengkapnya alatnya; apabila Penghulu Bendahari dan Temenggung tiada bergobek,[69]

[68] Besar kemungkinan yang asalnya ditulis "selengkapnya" seperti yang digunakan dalam ayat berikutnya.

[69] W [159] "berkobak".

Bendahara diberi bergobek dan huli-huli dakwat, jikalau jadi Temenggung, diberi tombak betetapan.

Setelah Seri Maharaja jadi Bendahara, maka negeri Melaka pun makin makmurlah lagi dengan ramainya, karena Bendahara Seri Maharaja terlalu adil lagi dengan murahnya, syahadan terlalu sangat pada memeliharakan segala dagang lagi terlalu baik pada membawa orang. Maka akan adat apabila kapal dari atas angin akan berlayar ke Melaka, seraya ia membongkar sauh maka salawatlah mualim[70] Setelah sudah salawat maka katanya, "Salamun Bandar Melaka! Pisang jarum,[71] air Bukit Cina, Bendahara Seri Maharaja". Maka sahut segala khalasi, "Orang-orang berbayu tuk, berbayu".

Adapun akan Bendahara Seri Maharaja banyak anak, yang tuha sekali Tun Hassan namanya, ialah jadi Temenggung akan ganti ayahnya, terlalu baik rupanya syahadan dengan baik sikapnya. Bermula adat Temenggung mengatur orang makan di balai rong. Orang Tun Hassan Temenggung,[72] apabila mengatur orang makan di balai rong, maka ia memakai kain memancung dan bersebai dan berdastar halaman dan bertajuk, berguncir; maka ia berjalan di naga-naga mengatur orang makan, menunjuk dengan kipas, lakunya seperti pedekar menari. Syahadan Tun Hassan Temenggunglah yang pertama melabuhkan baju Melayu dan membesarkan pangkal tangan. Maka Tun Hassan Temenggung beranak laki-laki, Tun Ali namanya.

Sekali persetua Bendahara Seri Maharaja duduk [133] dihadap, maka kata Bendahara Seri Maharaja pada segala orang yang mengadap itu, "Baik Si Hassan ini dengan hamba?" Maka sembah orang yang mengadap itu, "Baik juga Datuk daripada anakanda". Maka Seri Maharaja,[73] "Salah kata tuan hamba sekalian, karena pun ada cermin pada mata hamba. Baik juga Hassan daripada hamba karena ia orang muda, tetapi terpantas manis hamba". Maka sahut segala orang banyak, "Sungguh gerang seperti sabda Datuk itu". Adapun akan Bendahara Seri Maharaja sedia orang baik rupa lagi sangat hiasan, pada sehari tujuh kali bersalin pakaian, baju juga seribu banyaknya pelbagai rupa, dastar sudah terikat pada kelebut juga dua tiga puluh, semuanya sudah dipakai belaka; cermin setinggi berdiri. Jika Bendahara Seri Maharaja memakai, sudah berkain, berbaju, berkeris,

70 W (160) "Maka adat kapal dari atas angin, apabila akan berlayar ke Melaka, serta ia membongkar sauh, maka selawatlah mualimnya"

71 پيسڠ جارم W "Jeram"

72 W "(Adapun) Tun Hassan Temenggung"

73 "Maka [kata] Seri Maharaja"

bersebar, maka Bendahara Seri Maharaja bertanya pada isterinya, "Tuan, dastar mana yang patut dengan kain baju hamba ini?" Maka kata Bendahara Perempuan, "Dastar anu itu yang patut". Maka barang yang dikatakan Bendahara Perempuan, itulah dipakai Bendahara Seri Maharaja.

Maka seorang lagi anak Bendahara Seri Maharaja Tun Biyajit Rupat namanya, seorang lagi Tun Lela Wangsa namanya. Maka anak Bendahara Seri Maharaja yang perempuan Tun Tangkala namanya, bergelar Tun Lela Wangsa,[74] duduk dengan Orangkaya Tun Abu Sayit, anak Seri Awadana, itulah yang beranakkan Orangkaya Tun Hassan.

Bermula akan Bendahara Seri Maharaja terlalu besar daripada Bendahara yang lain. Jika ia duduk di balai dadap orang, jikalau anak raja-raja datang, tiada diturunnya, sehingga diunjukkannya tangannya, katanya, "Naik"; melainkan anak raja yang akan ganti kerajaan maka diturunnya oleh Bendahara Seri Maharaja. Tetapi jikalau Raja Pahang datang, Bendahara datang.[75] Bendahara Seri Maharaja berdiri, maka Raja Pahang naik duduk sama-sama dengan Bendahara Seri Maharaja.

Akan Seri Nara Aldiraja Tun Zahir, kakak Bendahara Seri Maharaja pun Penghulu Bendahari juga. Maka Seri Nara Aldiraja beranak lima orang, tiga orang laki-laki. Tun Ali seorang namanya, Tun Hamzah seorang namanya, Tun Mahmud seorang namanya, dua orang perempuan, seorang Tun Kudu namanya, rupanya baik juga rupanya, diperisteri oleh Sultan Mahmud Syah, terlalu dikasihi, disuruh panggil pada segala orang dalam, "Datuk Tuan", sebutan segala kaum keluarga, "Datuk Putih".

Adapun akan Tun Abdul, adik Bendahara Seri Maharaja pun banyak beranak, ada berapa orang laki-laki, ada berapa orang perempuan [134] itu, seorang duduk dengan Orangkaya Tun Rana, beranakkan Tun Hidup[76] Panjang Datuk Jawa, seorang lagi[77] Tun Minda namanya, diangkat anak oleh Seri Nara Aldiraja.

Maka Pageran Surabaya yang bernama Patih Adam pun datang mengadap ke Melaka, maka dianugerahai persalin oleh Sultan Mahmud Syah, maka disuruh duduk tara menteri. Sekali persetua Patih Adam duduk di sebelah Seri Maharaja. Tatkala itu Tun Sinal[78] lagi kecil, baru

74 "bergelar Tun Lela Wangsa" tiada dalam W.

75 "Bendahara datang," tiada dalam W. Ungkapan ini barangkali suatu kesilapan, tetapi mungkin juga ia merujuk kepada Bendahara Pahang.

76 W (161) "Hidap".

77 Ditulis "laki laki".

78 (s-y-n-l). Nama ini kemudiannya disebut "Sinda" (s-y-n-d) dan kemudiannya "Menda" (m-y-n-d). Besar kemungkinannya "Tun Sinal" ini ialah "Tun Minda" anak angkat Seri Nara Aldiraja yang dengan tersalapnya dicatatkan kononnya

tahu berlari-lari jatuh, maka berlari-lari di hadapan Seri Nara Adiraja, maka kata Seri Nara Adiraja pada Patih Adam, "Dengarlah kata anak hamba ini! Ia hendak berlakikan tuan hamba konon!" Maka Patih Adam tunduk seraya menyembah, katanya, "Inggih".

Hatta maka datang musim akan kembali ke Jawa, maka Patih Adam pun mohonlah pada Sultan Mahmud Syah, maka dianugerahai persalin oleh Sultan Mahmud Syah dengan sepertinya. Maka oleh Patih Adam ditebusnya seorang budak perempuan yang sama umurnya Tun Sirnal dan besarnya pun sama maka dibawanya kembali ke Surabaya. Setelah sampai ke Surabaya, maka dipeliharakannya budaknya itu dengan sepertinya. Berapa lamanya, budak itu pun besarlah, patutlah akan bersuami, maka diberinya bersuami. Setelah itu, Patih Adam pun berlengkaplah hendak pergi ke Melaka, maka dipilihnya empat [puluh][79] anak perrai yang baik-baik. Setelah sudah lengkap, maka Patih Adam pun pergilah.

Setelah sampai ke Melaka, maka Patih Adam pun datang kepada Seri Nara Adiraja, maka berkata Patih Adam, "Mantra datang ini hendak minta janji andika pakanira hendakkan mantra dengan anakanda". Maka kata Seri Nara Adiraja, "Tiada hamba berjanji hendak mendudukkan anak hamba dengan tuan hamba". Maka sahut Patih Adam, "Tiadakah tatkala anakanda lagi berlari-lari maka berkata tuanku, 'Patih Adam, dengar kata anak hamba ini, ia hendak berlakikan tuan hamba'?" Maka sahut Seri Nara Adiraja, "Sungguh hamba berkata kata demikian, tetapi hamba bergurau juga dengan tuan hamba". Maka kata Patih Adam, "Adakah adat perrai dipergurauukan orang?" Maka Patih Adam pun kembalilah pada senggerahannya, maka ia berbicara dalam hatinya hendak mengogol Tun Sirala. Adapun akan Tun Sirala sudah besar, berumah sendiri. Maka oleh Patih Adam itu, diemasinya segala tunggu[80] pintu Seri Nara Adiraja, katanya pada tunggu pintu itu, "Berilah aku masuk ke rumah Tun Sirala dengan empat puluh perrai ini juga". Maka kabullah tunggu pintu itu memberi ia masuk ke rumah Tun Sirala, sebab ia kena emas itu, hilanglah setianya, sungguhlah seperti sabda Ali Karamallahu wajhah, [135] "*Jazamalwafa 'ala man aslalahu*" ertinya,

---

seorang lelaki. Ketidakjelasan ... apabila cerita tentang Tun Sirnal ini dikaitkan berturutan secara langsung dengan kisah Tun Sirala dan betapa terjadinya satu ... kecelakaan tentang ... anak/wanita yang dikaitkan dengan Patih Adam ...

79) Ditulis "empat" sahaja. Kisah selepas ... Kan bahawa yang mengiringi Patih Adam bukan empat, tetapi empat puluh orang perrai. Penyalin telah tertinggal perkataan "puluh".

80) MM 6 ... "penunggu".

"Sia-sia bersetia atas orang yang tiada berbangsa baginya".

Maka pada suatu malam masuklah Patih Adam dengan empat puluh anak perai yang dipilihnya itu, maka Patih Adam pun naiklah ke rumah Tun Memida.[81] Maka orang pun gemparlah. Maka Seri Bija Aldiraja[83] pun diberi orang tahu, maka Seri Bija Aldiraja pun terlalu amarah, menyuruh mengapunkan segala orang, maka orang pun semuanya berkampung dengan segala alat senjata. Maka dikepung oranglah rumah Tun Memida. Adapun Patih Adam duduk juga di sisi Tun Memida, ditindihnya paha Tun Memida, maka diurainya sabuknya, dikatnya pada pinggang Tun Memida sekerat, dan dikatnya pada pinggangnya sekerat, maka kerisnya dihunusnya. Maka orang mengepung pun terlalu banyak, rupa senjata berlapis-lapis. Maka segala anak perai itu pun melawan, empat puluhnya mati dibunuh orang, maka diberi orang tahu Patih Adam, "*Pinapa karsa andeka dening pemuka kabeh sampun pecah*" Maka kata Patih Adam, "*Dendamtene kang sampun pecah kabeh ingsun putera di dalem ikabela nanging penatera*".[84]

Hatta dinaiki oranglah rumah itu, maka hendak dibunuh oranglah Patih Adam, maka kata Patih Adam, "Jikalau aku dibunuh, anak orang ini kubunuh". Maka diberi orang tahu pada Seri Nara Aldiraja akan segala kelakuan Patih Adam itu. Maka kata Seri Nara Aldiraja, "Jangan ia dibunuh, takut anak hamba dibunuhnya, karena pada hamba jikalau seluruh Jawa itu pun sekali, jikalau anak hamba mati, tiada sama pada hamba". Maka tiadalah jadi dibunuh Patih Adam, maka dikahawinkan dengan Tun Memida.

Diceriterakan oleh orang bahawa Patih Adam selama di Melaka itu tiada penah ia bercerai barang sejari jua pun dengan Tun Memida, barang ke mana pun ia pergi, bersama-sama juga. Setelah datang musim ke Jawa, maka Patih Adam pun mohonlah pada Seri Nara Aldiraja hendak kembali membawa Tun Memida sekali. Maka dikabulkan Seri Nara Aldiraja. Maka Patih Adam pun mengadap Sultan Mahmud Syah mohon hendak kembali, maka dianugerahai baginda dengan selengkapnya pakaian. Setelah itu, maka Patih Adam pun kembalilah. Setelah berapa lamanya di jalan, maka sampailah ke Surabaya. Maka Patih Adam pun beranak dengan Tun Memida seorang laki-laki bernama Tun Husain, itulah moyang Pangeran Surabaya sekarang. *Wallahu a'lamu bissawab*.

---

81 W: "Lakhara Iwafat 'ala man la asha lahu".

82 [illegible]

83 W(162): "Seri Nara Aldiraja".

84 Berdasarkan teks lain, W (162) menambah "[illegible] semuanya, akan aku anak orang itu pun padalah".

17

ALQISAH

Maka tersebutlah perkataan Raja Kedah pun pergi mengadap ke Melaka hendak mohonkan nobat. Setelah datang [136] ke Melaka, maka didudukkan Sultan Mahmud Syah setara menteri. Maka terlalu banyak diberi nugerah oleh baginda akan Raja Kedah.

Sekali peristua Bendahara Seri Maharaja duduk di balainya sendirian diadap orang. Maka Tun Hassan[85] Temenggung dan segala menteri semuanya ada di duduk. Maka idangan pun dikeluarkan oranglah pada Bendahara Seri Maharaja. Bendahara Seri Maharaja pun makan seorang, segala orang banyak itu duduk sahaja menantikan Bendahara makan itu, karena adat Bendahara Melaka tiada makan sama-sama dengan orang, setelah Bendahara makan, maka orang lain makan, demikianlah adatnya. Hatta sedang pertengahan Bendahara Seri Maharaja makan, maka Raja Kedah pun datang, maka segera disuruh oleh Bendahara Seri Maharaja naik duduk, maka Raja Kedah pun naik duduk sama-sama dengan Tun Hassan Temenggung. Maka Bendahara pun sudah makan sirih, maka sisa Bendahara Seri Maharaja itu ditarik oleh Tun Hassan Temenggung dengan segala menteri itu. Maka kata Tun Hassan Temenggung pada Raja Kedah, "Raja, mari kita makan". Maka kata Raja Kedah, "Baiklah". Maka kata Bendahara, "Jangan Raja makan sisa hamba". Maka kata Raja Kedah, "Tiada mengapa, karena Bendahara orang tua, penaka bapa pada beta". Maka Raja Kedah pun makan sisa Bendahara itu bersama dengan Tun Hassan Temenggung dan segala menteri. Setelah sudah makan, maka sirih pun datang.

Hatta berapa lamanya Raja Kedah di Melaka, maka Raja Kedah pun mohonlah ke bawah duli Sultan Mahmud Syah hendak kembali ke Kedah. Maka oleh Sultan Mahmud Syah akan Raja Kedah dinugerah nobat dan diberinya persalin sepertinya. Maka Raja Kedah pun kembalilah ke Kedah, maka baginda pun nobatlah di Kedah.

Maka ada seorang menteri Sultan Mahmud Syah, Tun Perpatih Hitam,[86] asalnya daripada anak cucu Tun Jana Buga Dendang. Maka ada

85 Ditulis "Hipan"

86 Ditulis "Sultan Mahmud Syah dan Tun Perpatih Buang"

anak Tun Perpatih Hitam, Tun Husain namanya, terlalu baik sikapnya. Maka kata Tun Husain, "Jikalau ada bapaku diacarakan[87] orang, aku mengamuk". Maka dengan takdir Allah Ta'ala, Tun Perpatih Hitam pun besoal dengan seorang dagang, maka Tun Perpatih Hitam pun beracara[88] dengan dagang itu pada Bendahara. Takala itu Laksamana pun ada, karena adat Bendahara Melaka, jikalau mengacara, Laksamana dan Temenggung tiada bercerai dengan Bendahara; apabila orang biadab[89] lakunya pada Bendahara, Laksamanalah membunuh dia, apabila orang patut ditangkap dipasung, Temenggung menangkap dia. Demikianlah istiadat zaman Melaka.

Setelah Tun Perpatih Hitam diacarakan oleh Bendahara Seri Maharaja, maka Tun Husain, anak Tun Perpatih Hitam pun datang mendapatkan ayahnya acara itu. [137] Setelah Tun Perpatih Hitam melihat Tun Husain datang berkeris panjang, maka pada hati Perpatih Hitam, "Entah disungguhkannya oleh Tun Husain seperti kata yang dahulu itu?" Maka Tun Perpatih Hitam pun berdiri, maka dikuiskannya tikar dengan kakinya seraya katanya, "Menteri apatah ini, mengacarakan orang begini?" Maka Laksamana segera menghunus pedelegas.[90] maka kata Laksamana, "Mengapa maka Orangkaya biadab menguiskan tikar di hadapan Bendahara?", lalu diparangnya oleh Laksamana, maka orang lain pun sekaliannya menghunus senjata menikam Tun Perpatih Hitam. Maka berapa-berapa pun Bendahara Seri Maharaja melarang, tiada juga dikhabarkan orang, ditikam juga. Tun Perpatih Hitam pun matilah. Maka Tun Husain melihat bapanya mati itu, maka ia menghunus keris hendak melawan. Maka kata Laksamana, "Hendak durhakakah Tun Husain! Lakukan sekali!" Maka Tun Husain pun dibunuh oranglah.

Maka Laksamana pun masuklah mengadap Sultan Mahmud Syah. Maka segala peri hal ehwal itu semuanya dipersembahkan ke bawah duli Sultan Mahmud Syah, maka titah baginda, "Jikalau tiada ia dibunuh oleh Laksamana pada ketika itu, kemudian nescaya kita bunuh juga, karena kelakuannya biadab di hadapan Bendahara itu serasa di hadapan kita pun demikian juga". Maka Sultan Mahmud Syah memberi anugerah persalin akan Laksamana. *Wallahu a'lamu bissawab*.

87 داجركن (d a j r k n) "dajarkan"

88 براجار (b r a j a r)

89 Baca [illegible] (b n g a d p r)

90 ڤدلكس (p d l k s) "ped[ang] legas"

18

ALQISAH

Maka tersebutlah perkataan Maharaja Merlang, Raja Inderagiri itu pun telah hilanglah di Melaka. Maka ada anakanda baginda, Raja Nara Singa namanya, beranak dengan permaisuri anak Marhum Melaka itu, bagindalah pula memegang segala orang Inderagiri. Adapun pada ketika itu, sekalian anak tuan-tuan Inderagiri lalu dipanggilnya oleh anak tuan-tuan Melaka maka disuruhnya mendukung dia berjalan ke sana ke mari, sudah, maka seorang lagi pula minta dukung padanya. Maka tiada tertahan peri hal itu oleh segala orang Inderagiri. Maka orang Inderagiri pun mengadap pada Raja Nara Singa, maka sembah segala Inderagiri pada Raja Nara Singa, "Ya tuanku, mari kita mohon kembali ke Inderagiri, karena tiada kuasalah patik sekalian duduk di Melaka ini tiada sekali-kali diupamakan orang ini, dijadikannya seperti hambanya"Maka titah Raja Nara Singa, "Baiklah".

Maka Raja Nara Singa pun pergilah mengadap Sultan Mahmud Syah. Pada ketika itu Sultan Mahmud Syah sedang diadap orang. Maka Raja Nara Singa [138] pun berdatang sembah ke bawah duli Sultan Mahmud Syah, "Tuanku, jikalau ada karnia[91] Duli Yang Dipertuan akan patik, bahawa patik hendak mohonlah kembali ke Inderagiri, karena sungguhpun sudah dianugerahkan kepada patik Inderagiri itu, tiada patik melihat dia". Maka oleh Sultan Mahmud Syah tiada dilepas baginda. Maka Raja Nara Singa pun diam, menengar titah Sultan Mahmud Syah itu.

Setelah berapa lamanya antaranya, maka Raja Nara Singa berlepas kembali ke Inderagiri. Setelah datang ke Inderagiri, maka didapati baginda Maharaja Tuban, adik Maharaja Merlang itu pun sudah mati, tinggal anaknya seorang lagi, Maharaja Isap namanya, telah memegang Inderagiri. Setelah Maharaja Nara Singa datang ke Inderagiri, maka Maharaja Isap pun dimelikan oleh Tun Kecil dan Tun Balai[92] Nama, orang besar di Inderagiri. Maka Raja Isap lagi[93] ke Lingga, bernikah[94]

91 ك-ا-ر-ن-ي-ا (k-a-r-n-y-a)

92 بالى (b-a-l-y) W (1653) "Balia"

93 W "lari"

94 برنيكن (b-r-n-y-a-k-n) "bernikahkan"

anak Raja Lingga. Setelah Maharaja Lingga mati, maka Maharaja Isap pun naik raja di Lingga, maka baginda beranak banyak. Hatta maka Raja Nara Singa pun naik rajalah di Inderagiri.

Maka Sultan Mahmud Syah pun hendak menyuruh ke benua Keling membeli kain empat puluh bagai, pada sebagai empat helai kain, pada sebagai kain empat puluh bagai binaan[95] Maka Hang Nadim dititahkan baginda ke benua Keling. Adapun akan Hang Nadim itu sedia asal anak Melaka, menantu pada Laksamana, petuturan[96] keluarga pada Bendahara Seri Maharaja. Maka Hang Nadim pun pergilah naik kapal Hang Isap, maka berlayarlah ke benua Keling. Setelah berapa lamanya, sampai ke benua Keling, maka Hang Nadim mengadap Raja Keling, maka segala kehendak Sultan Mahmud Syah itu semuanya dikatakannya pada Raja Keling. Maka Raja Keling pun menyuruh mengampungkan segala orang yang tahu menulis, maka berkampunglah segala penulis itu, ada kadar lima ratus banyaknya. Maka disuruh oleh Raja Keling tuliskan pada segala penulis itu, yang seperti kehendak Hang Nadim, maka ditulisnyalah oleh segala Keling yang penulis, di hadapan Hang Nadim itu. Setelah sudah, maka ditunjukkannya pada Hang Nadim, maka tiada berkenan pada Hang Nadim, maka ditulisnya pula kain itu pun tiada berkenan juga pada Hang Nadim. Maka berapa bagai dituliskan oleh segala pandai Keling itu, tiada juga berkenan pada Hang Nadim. Maka kata segala penulis, "Baiklah itu. Hanyalah ini[97] pengetahuan kami sekalian. Jika lain daripada ini, tiadalah kami sekalian tahu, tetapi berilah teladan oleh Hang Nadim supaya kami sekalian turut". Maka kata Hang Nadim, "Marilah! Ambil peta dengan dakwat itu".

Maka diberikannyalah oleh Keling itu peta dan dakwat [139] pada Hang Nadim. Maka ditulisnyalah oleh Hang Nadim pada kertas itu bunga seperti kehendak hatinya. Setelah dilihat oleh segala Keling penulis itu, maka sekaliannya hairan, dan gementar tangannya melihat kelakuan Hang Nadim menulis itu. Setelah sudah ditulisnya oleh Hang Nadim, ditunjukkannya pada segala orang penulis itu, katanya, "Demikianlah bunga yang tuan hamba kehendaki". Maka dalam pada Keling beratus-ratus itu, melainkan dua orang hanya yang dapat menurut, barang yang ditulis Hang Nadim itu dituruinya. Maka kata segala Keling banyak itu, "Adapun kami tiadalah dapat menulis di hadapan Hang Nadim ini.

[95] [illegible] (b-a-[illegible]-n) W. "bunganya".
[96] ڤتوتورن (p-t-w-t-w-r-n) W. "Mungkin juga 'petuturan'".
[97] W. "Makakata segala penulis banyak itu, 'Hanyalah ini...'"

melainkan pulang ke rumah kamulah kelak maka kan[a] tulis". Maka kata Hang Nadim, "Baiklah". Maka segala Keling itu pun kembalilah ke rumahnya menulis.

Setelah sudah lengkap ditulisnya kain yang seperti dikehendaki Sultan Mahmud Syah itu, diserahkanlah pada Hang Nadim. Maka musim kembali pun datanglah, maka Hang Nadim pun kembalilah, menumpang pada kapal Hang Isap; maka oleh Hang Nadim segala artanya dinaikkannyalah kepada kapal itu.

Adapun akan Hang Isap ada membawa seorang Syarif menumpang pada kapalnya itu. Maka pada kira-kira Syarif itu ada emas sedikit lagi pada Hang Isap, maka kata Syarif itu pada Hang Isap, "Adapun emas hamba ada sedikit lagi pada Hang Isap, kembalikan kepada hamba". Maka kata Hang Isap, "Apa lagi kepadaku? Wali apa yang menuduh orang demikian ini? Buah pelir gerang?" Maka kata wali itu, "Hei, Hang Isap, aku seorang hamba Allah. Lengkap beri fikirmu. Adapun engkau kembali ini kharab, kharab". Maka kata Hang Nadim pada Syarif itu, "Tuan, sahaya mohonkan ampun. Adapun sahaya jangan dibawa kepada pekerjaan itu". Maka oleh Syarif itu disapunya belakang Hang Nadim, katanya, "Nadim, antun selamat". Maka Syarif itu pun pulanglah ke rumahnya, maka Hang Isap pun berlayarlah. Setelah datang ke tengah laut, tiga hari, tiba-tiba sekonyong-konyong kapal itu tenggelam. Maka Hang Isap dan segala isi kapal itu pun matilah. Maka Hang Nadim dan beberapa orang sertanya lepas, bersampan dengan segala artanya, sedikit pun tiada berbahaya, lalu ia ke Selan.

Setelah didengar oleh Raja Selan maka panggilnya[87] Hang Nadim oleh Raja Selan, disuruhnya berbuat tanglang telur. Maka diukirnya oleh Hang Nadim kulit telur itu, terlalu baik perbuatannya. Maka dipasangnya dian, terlalu indah rupanya. Setelah sudah, maka dipersembahkannya tanglong telur itu pada Raja Selan, memberi[88] anugerah bagai-bagai akan Hang Nadim, maka hendak dipegangkannya sekali, maka Hang Nadim berlepas menumpang kapal ke Melaka.

Setelah datang, lalu ia masuk mengadap Sultan Mahmud Syah; kain yang dibawanya itu, empat helai lepas, maka dipersembahkannya kepada Sultan Mahmud Syah. Maka segala [180] peri hal ehwalnya semuanya

---

[a] [a] Orang. Maka kata wali itu, "Hai Hang Isap, aku seorang hamba Allah engkau beri peh[illegible]. Adapun engkau kembali ini kharab kharab".

[87] [dipanggilnya]

[88] [barangkali bahagian itu sepatutnya berbuat [illegible] itu pada Raja Selan, [maka baginda] memberi]

dipersembahkannya pada Sultan Mahmud Syah. Maka titah Sultan Mahmud Syah, "Sudah diketahui Hang Isap disumpahi oleh Syarif itu, mengapa Hang Nadim menumpang juga pada kapalnya?" Maka sembah Hang Nadim, "Sebab pun patik naik pada kapal Hang Isap, karena kapal yang lain tiada pergi. Jika patik nanti kapal yang lain, lambatlah patik kembali." Maka Sultan Mahmud Syah pun terlalu sangat murka akan Hang Nadim.

Sebermula akan Laksamana Hang Tuah pun sudah mati, maka menantunya, Khoja Husain namanya, itulah dijadikan Sultan Mahmud Syah laksamana, karena laksamana Hang Tuah isterinya dua orang, seorang kaum Seri Bija Aldiraja, Datuk Bongkok, beranak tiga orang: yang tuha, perempuan, didudukkan dengan Khoja Husain; yang tengah, laki-laki, Tun Biajit namanya; yang bungsu, perempuan, Tun Sirah namanya, diperisteri oleh Sultan Mahmud Syah, beranakkan Raja Dewi. Seorang lagi isteri Laksamana kaum Bendahara Paduka Raja, keluarga pada Paduka Tuan, beranak dua, seorang laki-laki, bergelar Guna, seorang perempuan, duduk dengan Hang Nadim. Maka Khoja Husainlah jadi laksamana menggantikan mentuanya.[101] Maka Laksamana Khoja Husain beranak laki-laki bernama Tun Abdullah. *Wallahu a'lam.*

101 Tertulis "menantunya". Barangkali boleh juga dibaca "mertuanya".

19

ALQISAH

Maka tersebutlah perkataan Sultan Muhammad[1] Syah, Raja Pahang yang tuha itu telah mengkatlah. Maka anakanda baginda, Sultan Abdul Jamal, kerajaan menggantikan ayahanda baginda. Adapun akan Bendahara Pahang tatkala itu, Seri Amar Bangsa Aldiraja gelarnya, akan dia, beranak seorang perempuan. Tun Teja[2] Ratna Menggala[3] namanya, terlalu baik parasnya, dalam tanah Pahang seorang pun tiada samanya pada zaman itu, pada barang lakunya sedap manis tiada berbagai, itulah sebabnya maka dikatkan orang nyanyi, demikian bunyinya:

Tun Teja Ratna Menggala,
Pandai membelah lada sulah;
Jika tuan tiada percaya,
Marilah bersumpah kalamulLah.

Arakian maka Sultan Abdul Jamal hendakkan Tun Teja hendak diperisterinya. Maka Bendahara Pahang pun kabullah, sekadar lagi bertangguh musim datang akan berkerja.

Hatta maka Sultan Abdul Jamal pun menitahkan Seri Wangsa Aldiraja mengadap ke Melaka membawa rahap, dan memberi tahu akan ayahanda baginda sudah mangkat. Maka surat pun diaraklah ke perahu, maka Seri Wangsa Aldiraja pun pergilah ke Melaka. Maka berapa lamanya di jalan, sampailah ke Melaka. Maka Sultan Mahmud Syah pun keluarlah diadap [141] orang; surat disuruh baginda jemput. Setelah surat datang ke balai, lalu dibaca, demikian bunyinya, "Patik itu empunya sembah datang ke bawah Duli Yang Dipertuan. Adapun akan paduka ayahanda telah kembalilah ke rahmatulLah."

Setelah Sultan Mahmud Syah menengar Sultan Muhammad[4] Syah, Raja Pahang, sudah mangkat, maka baginda tiada nobat tujuh hari.

---

1 Ditulis "Mahmud"
2 Kadangkala dieja [illegible] (b-y-j) Bija
3 Kadangkala ditulis "Benggala"
4 Ditulis "Mahmud"

Setelah itu, maka baginda menitahkan Seriwa Raja ke Pahang dengan merajakan Sultan Abdul Jamal. Maka surat pun diaraklah. Maka Seri Wangsa Aldiraja pun dipersalini baginda. Setelah itu, maka Seriwa Raja pun pergilah ke Pahang bersama dengan Seri Wangsa Aldiraja. Setelah sampailah ke Pahang, maka Sultan Abdul Jamal pun terlalu sukacita, maka segera disuruh baginda jemput surat itu seperti adatnya dahulu. Setelah datang ke balai rong maka surat pun dibaca orang, demikian bunyinya, "Salam doa paduka adinda datang kepada paduka kekanda. Adapun yang telah berlaku pada hukum Allah, apa daya kita akan menyalah dia; itulah maka paduka adinda menitahkan patik itu Orangkaya Seriwa Raja merajakan paduka kekanda". Maka Sultan Abdul Jamal terlalu sukacita menengar bunyi surat adinda.[5]

Baginda pun memulai pekerjaan akan tabal, berjagajaga tujuh hari tujuh malam. Maka Sultan Abdul Jamal pun dinobatkan oleh Seriwa Raja. Setelah itu, maka Seriwa Raja pun mohonlah pada Sultan Abdul Jamal hendak kembali ke Melaka. Maka titah Sultan Abdul Jamal kepada Seriwa Raja, "Nantilah dahulu. Mari kita pergi menjerat gajah, karena musim ini gajah akan turun. Terlalu sekali tuan, kesukaannya orang menjerat gajah!" Maka sembah Seriwa Raja, "Tuanku, jikalau ada kurnia tuanku, patik mohon juga kembali, karena jikalau patik tiada keluar pada bulan ini, nescaya angin turunlah, jadi lamalah patik di sini, murka kelak paduka adinda akan patik. Tetapi hati patik terlalulah sangat hasrat hendak melihat orang menjerat gajah, dapatkah gerangan gajah jinak ini kita lepaskan dalam negeri, maka kita suruh jerat[5a] pula?" Maka titah Sultan Abdul Jamal, "Dapat".

Maka baginda menyuruh memanggil segala bomo[6] yang tahu-tahu dalam Pahang, maka sekaliannya segera datang, maka dikatakan bagindalah pada segala bomo seperti kehendak Seriwa Raja itu. Maka sembah segala bomo itu, "Sedang gajah liar lagi dapat kita jerat, ini konon gajah jinak!" Maka kata Seriwa Raja pada segala bomo itu, "Cuba jeratlah, hamba hendak melihat dia". Maka oleh Sultan Abdul Jamal disuruh baginda lepaskan seekor gajah jinak, maka dikepunglah dengan beberapa gajah yang lain, dan [142] berapa belas orang bomo yang tahu-tahu, memegang jerat seperti laku orang menjerat gajah liar. Maka disaukkannyalah jeratnya pada kaki gajah yang jinak dan yang

---

5 "adinda [baginda]"
5a Di sini dieja [illegible]
6 [illegible] (b-w-m-w)

dilepaskannya itu, tiada kena; maka kena pada gajah yang lain, dan kena leher samanya bomo dan kakinya. Maka segala bomo itu pun hairan, maka sembah segala bomo itu pada Sultan Abdul Jamal, "Adapun, tuanku, tiada dapat patik sekalian menjerat dia di hadapan Seriwa Raja, karena ia terlalu sangat tahu kepada gajah". Maka Sultan Abdul Jamal pun terlalu malu melihat peri hal itu, maka baginda pun masuk ke istana baginda. Maka segala orang yang mengadap pun sekalian pun pulanglah masing-masing ke rumahnya.

Setelah keesokan harinya, maka oleh Sultan Abdul Jamal, gajah baginda yang bernama Merkepal itu diminyakkan[7] baginda terlalu licin, maka tiada diberi baginda berbongkah. Adapun akan Merkepal buntutnya terlalu curam, sehingga dua orang jua hanya[9] yang dapat duduk, jikalau tiga orang, nescaya jatuh: dua itu pun, jikalau berbongkah maka dapat. Setelah itu, maka Sultan Abdul Jamal pun naiklah ke atas gajah Merkepal namanya, lalu berhala[10] ke rumah Seriwa Raja. Maka Seriwa Raja diberi orang tahu mengatakan Yang Dipertuan Pahang datang, maka Seriwa Raja segera turun berdiri di tanah. Maka titah Sultan Abdul Jamal pada Seriwa Raja, "Tuan, mana anakanda? Mari beta hendak membawa naik gajah". Maka sembah Seriwa Raja, "Ada, tuanku", maka pada hati Seriwa Raja, "Hendak dibunuhnyalah anakanda ini, maka gajah yang demikian curam dengan tiada berengka dan diminyakinya pula". Maka Seriwa Raja menyeru anaknya, "Orang[10] Umar! Mari! Baginda hendak membawa engkau bergajah". Maka Tun Umar segera datang, maka oleh Seriwa Raja dibisikinya Tun Umar. Setelah sudah, maka katanya, "Pergilah engkau dibawa oleh Sultan bergajah".

Maka Sultan Abdul Jamal pun menderumkan gajah. Maka Tun Umar pun segeralah naik ke pantat gajah, maka gajah pun berdirilah lalu berjalan ke Air Hitam. Maka oleh Sultan Abdul Jamal, pada cenderung yang tinggi-tinggi lagi dengan terjal, di sana dibawa baginda bergajah naik turun, pada hati baginda supaya Tun Umar ini jatuh. Adapun Tun Umar, apabila dirasainya akan terselulur, maka dipetekannya[11] pinggang[13] gajah itu dengan isyarat, maka berapa-berapa digerak oleh

7 Ditulis "dinanyakan"

8 بريڠكه (b-r-b-ngkh) W(169) "berengka"

9 W "pura"

10 برجالا (b-r-h-a-l-a) W "berjalan"

11 Awang? W "Omar, Omar mari"

12 دتكتن W "dipatkan"

13 "punggung"

Raja Pahang, tada juga mau gajah itu berjalan; dampada sangat gerak baginda, kakinya yang di hadapan terkapai-kapai hendak berjalan, kakinya yang di belakang tada juga bergerak. Setelah baik dirasa Tun Ujar duduknya, maka dilepaskannyalah; maka bahanalah gajah itu berjalan dua tiga kali demikian juga. Maka Sultan Abdul Jamal pun terlalu hairan. [145] Maka baginda pun kembalilah ke istana baginda.

Setelah itu, maka Seriwa Raja pun mohonlah kembali ke Melaka. Maka Sultan Abdul Jamal pun membalas surat, dan memberi persalin akan Seriwa Raja. Maka surat pun dianjaklah ke perahu. Setelah itu, maka Seriwa Raja pun kembalilah ke Melaka. Setelah sampai ke Melaka, maka surat dirarak ke dalam. Maka Sultan Mahmud Syah pun terlalu sukacita menengar bunyi surat itu syahadan menengar segala kelakuannya Seriwa Raja tatkala di Pahang itu, beberapa pun baginda akan Seriwa Raja itu, dan dianugerahat persalin sepertinya. Maka Seriwa Raja berdatang sembah pada Sultan Mahmud Syah, "Akan zaman ini tetapi duduk." Akan peri baik paras Tun Teja namanya, anak Datuk Bendahara Pahang, tadalah samanya seorang jua pun pada zaman ini, tetapi sudah bertunangan dengan Raja Pahang, hamparlah akan duduk."

Setelah Sultan Mahmud Syah menengar khabar Seriwa Raja itu, maka baginda pun ingatlah[1] rasanya akan anak Bendahara Pahang itu, maka titah baginda, "Barang siapa membawa anak Bendahara Pahang itu ke mari, apa yang dikehendakinya, kunugerahkan akan dia; jikalau ia hendakkan sekerat kota dengan kerajaan sekali pun kita nugerahkan." Tatkala itu Hang Nadim pun ada di bawah pengadapan. Setelah ia menengar titah demikian itu, maka Hang Nadim pun membicara dalam hatinya, katanya, "Baik aku pergi ke Pahang, mudah-mudahan dapat Tun Teja itu kubawake bawah Duli Yang Dipertuan." Setelah demikian fikir Hang Nadim, maka ia pegilah menumpang pada balok orang ke Pahang.

Setelah datang ke Pahang, maka Hang Nadim bersahabat dengan seorang Campa, Sadi Ahmad namanya, terlalu berkasih-kasihan. Maka kata Hang Nadim pada Nakhoda Sadi Ahmad, "Sungguh Tun Teja, anak Bendahara Pahang itu, terlalu baik parasnya. Ingin pula hamba hendak memandang rupanya." Maka kata Nakhoda Sadi Ahmad, "Sungguhlah, tetapi sudah bertunangan dengan Yang Dipertuan Pahang. Apa daya tuan hamba melihat dia, karena ia anak orang besar. Jangankan kita, sedang matahari dengan bulan lagi tiada melihat dia." Maka Hang Nadim pun membicara dalam hatinya, maka katanya, "Apa daya kita bedapat dia?"

[1] W "ingatlah."

Hatta maka lalulah seorang perempuan tuha pelulut, maka oleh Hang Nadim dipanggilnya masuk si pelulut itu, maka Hang Nadim pun berlulutlah padanya. Maka kata Hang Nadim pada si pelulut itu, "Mak[15] ini orang siapa?" Maka kata perempuan tuha itu, "Sahaya ini hamba Orangkaya Datuk Bendahara". Maka kata Hang Nadim, "Adakah mak masuk ke rumah Datuk Bendahara?" Maka kata si pelulut itu, "Biasa beta masuk ke rumah Datuk Bendahara; [144] makin anak Datuk Bendahara yang bernama Tun Teja itu, biasa berlulut pada beta". Maka kata Hang Nadim, "Sungguhlah, kudengar Tun Teja itu terlalu baik parasnya". Maka kata si pelulut itu, "Sahaja! Tiada samanya dalam negeri Pahang ini, sudah ditunangi oleh Yang Dipertuan, musim datang inilah akan kahawin". Maka kata Hang Nadim pada si pelulut itu, "Dapatkah mak[16] menanggung rahsiaku?" Maka kata si pelulut itu, "Insya Allah Ta'ala, dapat, karena beta pun biasa disuruh orang".

Maka oleh Hang Nadim, si pelulut itu diberinya emas dan kain dan baju terlalu banyak. Setelah ia memandang arta terlalu banyak itu, maka tertawanlah hatinya akan arta dunia, maka si pelulut mengakulah menanggung rahsia itu. Maka kata Hang Nadim, "Jikalau dapat, hendaklah barang daya mak, Tun Teja itu mak bawa kepadaku supaya kupersembahkan kepada Raja Melaka". Maka diberinya oleh Hang Nadim si pelulut itu suatu lagi pual lakor,[17] katanya, "Ini saputkan padanya". Maka kata si pelulut itu, "Baiklah".

Maka si pelulut pun masuklah ke dalam pagar Bendahara, maka ia berseru, katanya, "Siapa hendak berlulut? Mari beta lulut!" Maka kata Tun Teja pada dayang-dayangnya, "Panggil si pelulut itu! Aku hendak berlulut". Maka si pelulut itu pun masuklah melulut Tun Teja.

Setelah dilihat oleh si pelulut orang sunyi, maka kata si pelulut pada Tun Teja, "Sayang beta melihat rupa tuan yang baik paras ini oleh berlakikan raja ini; jikalau raja yang besar lagi, tuan, alangkah baiknya?" Maka kata Tun Teja, "Siapa pula raja besar daripada Raja Pahang ini?" Maka kata si pelulut, "Raja Melakalah raja besar, lagi dengan baik parasnya". Maka Tun Teja pun diamlah menengar kata si pelulut itu. Maka oleh si pelulut itu, pual kuti[18] daripada Hang Nadim itu disapukannya pada tubuhnya Tun Teja, seraya dibujuknya Tun Teja

15 [illegible] Barangkali disebut "Mak Wa" W (170) "Mak"

16 Kini dieja [illegible] pula

17 W (170) "pole cat"

18 [illegible] ikut

dengan kata yang manis-manis. "Sekarang pun ada hamba Raja Melaka di sini, Hang Nadim namanya, disuruh baginda mengambil tuan; hendak pun disuruh baginda pinta benar, kalau tiada diberi oleh Raja Pahang, sebab itulah maka disuruhnya cari pada Hang Nadim. Jikalau tuan mau dibawa, dibawanya ke Melaka, nescaya diperisterinya oleh Raja Melaka, karena baginda tiada beristeri. Tuanlah kelak jadi Raja Perempuan di Melaka. Jikalau tuan kelak diperisteri oleh Raja Pahang, bermadulah tuan dengan Raja Perempuan Pahang; jikalau tuan jadi isteri oleh Raja Melaka, tiada dapat tiada menyembah kelak Raja Perempuan Pahang." Maka Tun Teja pun radilah[19] mendengar kata perempuan tua pelulut itu. adalah seperti kata *"La ta' manamna 'ajuratun dakhalalkhama bal ta'manamna usadan na'al ghanama"* ertinya, "Jangan kamu percaya akan perempuan tua masuk ke rumah [145] kamu. Adakah harimau itu dipercaya serta kaum kambing?"

Setelah dilihat oleh perempuan tua akan Tun Teja itu telah radilah, maka perempuan tua pelulut itu pun pergilah memberi tahu Hang Nadim. Maka Hang Nadim pun terlalu sukacita mendengar kata si pelulut itu, maka ia pun pergilah kepada Nakhoda Saidi Ahmad, maka katanya, "Kasihkah tuan hamba akan hamba?" Maka kata Nakhoda Saidi Ahmad, "Mengapa maka hamba tiada kasih akan tuan hamba? Jikalau datang kepada bad nyawa sekalipun, yang kerja tuan hamba itu, sertai juga." Maka oleh Hang Nadim, segala perihalnya sudah berjanji dengan Teja itu semuanya dikatakannya kepada Nakhoda Saidi Ahmad. Maka kata Hang Nadim, "Jika tuan hamba kasih akan hamba, naiklah tuan hamba ke jong tuan hamba, nanti hamba di kuala Pahang, diminta kelak hamba hilir mendapatkan tuan hamba, lalulah kita ke Melaka, supaya tuan hamba dibesarkan Yang Dipertuan." Maka kata Nakhoda Saida Ahmad, "Baiklah." Maka Nakhoda Saidi Ahmad pun mengerahkan orang-orangnya, "Bersegera ke ajong,[20] hendak berlayar, karena musim telah dekat." Ada pun alat Nakhoda Saidi Ahmad itu bukannya barang-barang, orang telah perkatalah[21] segala orangnya. Maka ia pun naik ke ajongnya lalu hilir ke kuala Pahang, hingga di luar halangan, di sana ia berhenti.

Setelah hari malam, maka Hang Nadim pun memanggil si pelulut itu, disuruhnya mengemasi segala tunggu pintu Bendahara Pahang. Maka si pelulut itu pun pergilah mengemasi si tunggu pintu itu, maka segala

19 W(171) "redlalah"

20 جغ (ka-jng). Seperti yang ternyata selepas ini "jong" juga disebut "ajong"

21 W(171) "perkasalah"

tanggu pintu itu pun sedia tidah[22] dengan Hang Nadim. Setelah hampirlah dinihari, sedang ketika sedap orang tidur, maka oleh si pelulut itu dibawanya Tun Teja kepada si penunggu pintu, maka ia pun membukakan pintu. Hang Nadim pun telah hadir di luar. Maka oleh si pelulut, Tun Teja disuruhkannya[23] kepada Hang Nadim. Maka oleh Hang Nadim, tangannya dibungkusnya dengan kain, maka disambutnya Tun Teja, dibawanya ke perahu penambang, perahu pun telah hadir di pengkalan. Maka oleh Hang Nadim, Tun Teja dibawanya naik ke perahu itu lalu berkayuh ke hilir.

Adapun batangan Pahang pada masa itu dua lapis. Maka oleh Hang Nadim tangannya hujanya disinya pasir, maka dihamburkannya di air, bunyi seperti orang menjala. Maka ia minta dibukai batangan pada si penunggu batangan itu. Setelah didengar oleh si penunggu batangan bunyi orang menjala, maka dibukannya batangan itu, maka Hang Nadim pun keluar. Datang kepada selapis lagi pun demikian juga. Setelah lepas kedua lapis, maka Hang Nadim pun berkayuhlah sungguh-sungguh sampailah ke jong Nakhoda Saidi Ahmad. Maka oleh Hang Nadim, akan Tun Teja dibawanya naik ke atas jong itu. Angin pun turun, maka Nakhoda Saidi Ahmad menyuruh membangkat sauh lalu berlayar ke Melaka.

Setelah hari siang, maka maing pengasuh Tun Teja pun datang kepada Bendahara mengatakan "Anakanda ghaib, tiada kelihatan, ke mana perginya, sahaya semuanya [146] tiada tahu". Maka Bendahara pun hairan, maka disuruhnya cari segenap sana sini, tiada bertemu. Maka rubiah bunyi orang menangis dalam rumah Bendahara Pahang. Setelah Sultan Abdul Jamal mendengar khabar itu, maka baginda pun terlalu hairan, dengan dukanya. Maka disuruh baginda tafahhus ke sana ke mari.

Maka datang seorang dari kuala Pahang mengatakan dinihari tadi ia bertemu dengan Hang Nadim membawa seorang perempuan terlalu baik rupanya, dibawanya naik ke ajong Nakhoda Saidi Ahmad, dilayarkannya ke Melaka. Setelah Raja Pahang mendengar kata orang itu, maka baginda terlalu murka, menyuruh berlengkap perahu, sesaat itu juga lengkap empat puluh banyaknya. Maka Sultan Abdul Jamal sendiri, baginda pergi mengikut Hang Nadim. Maka segala hulubalang Pahang masing-masing pada perahunya pergi itu bersegera-segera.

Setelah datang ke Pulau Keban, bertemulah dengan jong Nakhoda Saidi Ahmad, maka diperanginyalah oleh orang Pahang terlalu sabur

22 Sebuah naskah W (172) "tidalah"

23 W "disuruhkannya"

rupanya. Maka tampil hulubalang Pahang mengat jong; dipanahnya oleh Hang Nadim akan orang mengat itu lalu mati. Maka perahu itu pun undurlah. Maka tampil pula sebuah lagi, demikian juga. Sehingga dua tiga buah demikian, maka seorang pun hulubalang Pahang tiada mau tampil lagi. Setelah dilihat oleh Sultan Abdul Jamal demikian, maka baginda pun menyuruh menampilkan kenaikan Raja Pahang. Maka kenaikan baginda pun dekatlah, maka oleh Hang Nadim segera dipanahnya dengan panah losong, kena kemuncak payung Raja Pahang, belah. Maka kata Hang Nadim, "Hei, orang Pahang! Ikhatlah tahuku memanah! Jikalau aku hendak melawan kamu sekalian, seorang-seorang dapat kamu kukeluarkan!" [3] Maka orang Pahang pun hairat rasanya melihat betul Hang Nadim memanah, karena Hang Nadim pada masa itu terlalu amat bijak memanah, upamanya membelah kayu pun dapat dipanahnya.

Hatta angin besar pun turun. Maka jong itu dilayarkannya oleh Nakhoda Sadi Ahmad ke tengah laut, maka segala kelengkapan Pahang pun tadalah beroleh mengikut karena ombak terlalu besar, akan perahu mereka itu sekalian kecil-kecil. Maka segala orang Pahang pun kembalah mengusir darat. Maka Nakhoda Sadi Ahmad pun berlayarlah ke Melaka.

Berapa lamanya sampailah ke Melaka. Maka dipersembahkan oranglah kepada Sultan Mahmud Syah, "Bahawa Hang Nadim datang dampada Pahang menumpang ajong Nakhoda Sadi Ahmad, anak Bendahara Pahang yang bernama Tun Teja itu ada dibawanya". Maka terlalulah sukacita Sultan Mahmud Syah menengar sembah orang itu. Setelah hari malam, maka Hang Nadim pun masuklah mengadap Sultan Mahmud Syah, bersembahkan Tun Teja. Maka baginda pun terlalu hairan, maka baginda mengucap, "*Subhanallahi 'amma yasifun*" syahdan beberapa pun baginda akan Hang Nadim [147] dan diberi persalin akan Hang Nadim selengkapnya, dinugerahat emas dan perak tiada terkira-kira lagi banyaknya. Maka Hang Nadim didudukkan oleh Sultan Mahmud Syah dengan saudara Paduka Tuan, maka Nakhoda Sadi Ahmad digelar Tun Sena Dinaja, diberi pedang, berdiri di ketapakan sama dengan segala hulubalang. Maka Tun Teja dikahwini oleh Sultan Mahmud Syah, terlalu kasih baginda akan dia. Maka Sultan Mahmud Syah beranak dengan Tun Teja seorang perempuan, Puteri Iam Dewi.

[3] Dalam "kuduakan" W dan "Hai, orang Pahang, Ikhatlah tahuku memanah! Jikalau aku hendak melawan kamu sekalian, seorang-seorang dapat kamu kukeluarkan dari mata [illegible]".

Pada suatu cerita, bahawa Sultan Mahmud Syah bertanya pada Tun Teja, "Bagaimana engkau tatkala dibawa oleh Hang Nadim?" Maka sembah Tun Teja, "Tuanku, jangankan hampir kepada patik, memandang lekat pun ia tiada; sedang menyambut patik turun ke perahu itu lagi, tangannya dialasnya dengan kain." Maka Sultan Mahmud Syah terlalu sukacita menengar kata Tun Teja itu, makin tertambah kurnia Sultan Mahmud Syah akan Hang Nadim.

Sebermula penanggal jong Nakhoda Sadi Ahmad itu berlayar, maka Raja Pahang pun kembalilah ke Pahang dengan amanahnya. Maka bagnda naik ke atas kenaikannya Buman Cengkobat namanya, maka titah bagnda pada Bendahara dan segala hulubalang Pahang, "Berlengkaplah tuan-tuan sekalian karena kita hendak menyerang Melaka. Lihatlah oleh kamu sekalian jikalau tiada Buman Cengkobat itu kulangganken pada balai rong Melaka!" Maka gajah itu dilanggarkan bagnda pada balai rong sendiri roboh. Maka titah bagnda, "Demikianlah kelak balai rong Melaka kulanggar dengan gajahku ini!" Maka segala hulubalang pun tunduk sekalian dengan takutnya melihat Sultan Abdul Jamal itu murka. Maka bagnda pun masuklah ke istananya.

Hatta kedengaranlah pekem Raja Pahang itu ke Melaka, pada Sultan Mahmud Syah. Maka titah Sultan Mahmud Syah pada sekalian hulubalang Melaka, "Siapa kamu semua dapat mengambil gajah Raja Pahang yang hendak dilanggarkannya kepada balai rong kita ini! Mengakulah kamu, jikalau apa sekalipun dosanya pada kita, tiada kita bunuh." Maka sembah Laksamana Khoja Husain, "Patik, tuanku. Ilahkanlah ke Pahang, patik, Insya-Allah Ta'ala, patik mengambil gajah kenaikan Sultan Pahang itu patik persembahkan ke bawah Duli Yang Dipertuan." Maka titah Sultan Mahmud Syah, "Baiklah." Maka bagnda pun menyuruh mengarang surat ke Pahang kepada Bendahara Seri Maharaja. Setelah sudah, surat itu dianaklah. Maka Laksamana pun pergilah ke Pahang.

Setelah berapa lamanya, sampailah ke Pahang. Maka dipersembahkan oleh orang kepada Sultan Abdul Jamal, "Laksamana datang, dititahkan paduka adinda mengadap tuanku." Maka bagnda Sultan Abdul Jamal pun keluar diadap orang, maka bagnda menyuruh [148] menjemput surat dari Melaka itu di anak dengan sepentnya. Setelah datang ke balai, surat pun dibaca orang, terlalu baik bunyinya. Maka bagnda terlalu sukacita. Maka Laksamana pun menjunjung duli, duduk di atas Seri Akar Raja Pahang. Maka sembah Laksaman pada Sultan Abdul Jamal, "Tuanku, kedengaranlah paduka adinda, tuanku sangat gusar akan

paduka adinda, itulah maka patik dititahkan oleh paduka adinda mengadap tuanku. Titah paduka adinda, 'Apa kerja kita berkelahi saudara bersaudara? Melaka dan Pahang itu upama sebuah negeri juga', demikianlah'.

Setelah Sultan Abdul Jamal menengar sembah Laksamana itu, maka titah baginda, "Siapa yang bercerita ke Melaka? Mengarut orang itu. Iktar Laksamana, patutkah Pahang melawan Melaka?" Sesaat duduk berkata-kata, maka Sultan Abdul Jamal pun berangkatlah masuk. Maka segala orang yang mengadap itu pun masing-masing ke rumahnya.

Adapun Laksamana berlabuh itu, lampir tempat orang bermandikan gajah kenaikan Raja Pahang. Apabila segala gembala gajah membawa gajah mandi, maka dipanggilnya oleh Laksamana, diberinya makan dan emas. Maka gembala gajah itu pun semuanya kasihlah akan Laksamana, maka gembala Biman Cengkobat jangan dikata lagi, ialah yang sangat dava dengan Laksamana.[35] Oleh Laksamana perahunya sekerat dihampakannya dan diperbaikkannya, karena Laksamana pergi ke Pahang itu hanya empat buah perahu.

Setelah berapa hari lamanya Laksamana di Pahang, maka Laksamana pun memohonlah kepada Raja Pahang hendak kembali ke Melaka. Maka Sultan Abdul Jamal pun membalas surat syahadan memberi persalin akan Laksamana. Maka surat pun diarakkan ke perahu Laksamana. Setelah sudah datang ke perahu, maka segala yang mengantar surat itu pun kembalilah. Maka Laksamana pun berhenti sesaat menantikan orang membawa gajah mandi. Setelah datang pada ketika gajah mandi, maka segala gajah pun dibawa oleh gembalanya turun mandi, Biman pun ada. Maka oleh Laksamana dipanggilnya Biman, lalu dinaikkannya ke perahu, karena gembala Biman sangat kasih akan Laksamana, barang kehendak Laksamana diturutnya. Setelah sudah gajah naik ke perahu, maka Laksamana pun hilirlah. Maka orang Pahang pun gempaklah mengatakan gajah Biman dibawa oleh Laksamana dengan kerasnya.

Setelah Sultan Abdul Jamal menengar kata orang itu, maka baginda terlalu murka, maka titah baginda, "Kita diperbuat oleh Raja Melaka seperti kera, mulut disuap dengan pisang, pantatnya dikait dengan emak". Maka Sultan Abdul Jamal pun menyuruhkan segala hulubalang berlengkap mengikut Laksamana, tiga [149] puluh perahu banyak

---

35 W 1741 dimusuhi BG218 615).

36 W Maka gembala gajah [illegible] akan Laksamana Khoja Hasan itu, maka sangat dava dimusuhi oleh Laksamana dan diperbaikinya.

kelengkapan. Tun Aria akan panglimanya. Maka pergilah sekalian mereka itu mengikut Laksamana.

Setelah datang hingga Sedili Besar, maka bertemulah dengan Laksamana, maka diperanginya oleh Tun Aria, dan segala hulubalang Pahang pun tampillah. Maka oleh Laksamana, barang yang hampir dipanahnya, maka segala orang Pahang pun dahsyat mendekati perahu Laksamana. Setelah dilihat oleh Tun Aria, maka Tun Aria pun tampil, maka oleh Laksamana dipanahnya kena kemuncak perahu Tun Aria, kena belah. Maka dipanah oleh Laksamana sekali lagi, kena kemuncak[27] payungnya, putus. Adapun Tun Aria berdiri betul tiang akan memegang jebang, tiada khabarkan panah Laksamana yang seperti halintar membelah itu. Segala orang yang berjebang, putus dengan jebangnya, segala yang memegang rangin, terus dengan ranginnya, segala yang memegang perisai, terus dengan perisai. Maka orang mati pun tiada terkatakan lagi banyaknya. Maka Tun Aria sebagai juga, tampil hendak melanggar perahu Laksamana, maka oleh Laksamana dipanahnya jebang Tun Aria terus lalu ke dadanya, luka. Setelah melihat Tun Aria kena, maka segala kelengkapan Pahang pun undurlah lintang pulang[28] tiada berketahuan lagi. Maka Laksamana pun lepaslah, lalu menyusur, lalu berlayar ke Melaka.

Setelah berapa lamanya di jalan, maka sampailah. Setelah Sultan Mahmud Syah menengar Laksamana datang syahadan gajah kenaikan Raja Pahang itu pun ada dibawanya, maka Sultan Mahmud Syah menitahkan orang mengalu akan Laksamana. Maka Laksamana pun masuklah mengadap Sultan Mahmud Syah, maka baginda pun memberi anugeraha akan Laksamana seperti nugerah akan anak raja-raja. Maka gajah pun dibawa oranglah naik lalu dibawa masuk ke dalam. Maka terlalulah sukacita Sultan Mahmud Syah melihat gajah itu, maka diserahkan baginda pada Seri Rama, karena ia Panglima Gajah.

Sebermula segala kelengkapan Pahang yang mengikut Laksamana itu pun kembalilah ke Pahang mengadap Sultan Abdul Jamal, maka segala peri hal semuanya dipersembahkan kepada Sultan Abdul Jamal. Maka Sultan Abdul Jamal pun terlalu amarah, seperti ular, berbelit-belit sendirinya. Maka oleh Sultan Abdul Jamal, anakanda baginda, Sultan Mansur, dirajakan baginda akan ganti. Maka Sultan Abdul Jamal pun turunlah di atas kerajaan lalu diam baginda ke Lubuk Peletang; selagi

27 kepada?

28 لولغ (p w l n g)

kedengaran nobat. baginda ke hulu. singga[29] tadalah kedengaran nobat, di sanalah baginda diam. Maka Sultan Abdul Jamal bersyekh itulah yang disebut orang Marhum Syeikh. Adapun akan Sultan Mansur Syah kerajaan di Pahang itu. ayahanda baginda Raja Ahmad. dan Ahmad,[30] dan Mendaffar[31] mangku baginda *WalLahu a'lam bissawab.* [150]

29 سڠك (sng'g) Sehingga

30 Besar kemungkinan "dan Ahmad" ini telah tertulis secara tidak sengaja

31 مظفر (m d f r) Muzaffar

20

ALQISAH

Maka tersebutlah perkataan ada sebuah negeri, Kota Maligai namanya, Raja Sulaiman Syah nama Rajanya. Setelah kedengaranlah ke Siam bahawa Kota Maligai itu terlalu baik, ada seorang anak raja Siam, Cau Seri Bangsa namanya, maka ia berlengkap dengan segala rakyatnya, maka diserangnyalah Kota Maligai itu. Maka oleh Sultan Sulaiman dikeluarinya, maka berperanglah kedua rajaraja itu. Maka kata Cau Seri Bangsa, "Jikalau alah Raja Sulaiman ini olehku, bahawa akan[32] masuk Islamlah". Maka dengan takdir Allah Subhanahu wata'ala, Kota Maligai pun alahlah, maka Raja Sulaiman Syah pun mati dibunuh oleh Cau Seri Bangsa. Maka Cau Seri Bangsa masuk Islamlah. Maka baginda menyuruh mencari tanah yang baik hendak diperbuatnya negeri.

Maka dipersembahkannya pada Cau Seri Bangsa, "Ada seorang orang payang diam pada tepi laut, Pak Tani, itulah yang baik pada mata patik sekalian".[33] Maka Cau Seri Bangsa pun berangkatlah ke tempat Pak Tani itu, maka dilihat baginda tempat sungguh baik, tiada bersalahan seperti berita orang itu. Maka Cau Seri Bangsa pun membuat negerilah di sana, maka negeri itu dinamai baginda "Pak Tani", mengikut nama payang itu, maka disebut orang Pak Tani.

Cau Seri Bangsa menyuruh Kun Pal[34] mengadap ke Melaka memohonkan nobat kepada Sultan Mahmud Syah. Maka Akun Pal pun pergilah, berapa hari lamanya di jalan, sampailah ke Melaka. Maka dipersembahkan orang kepada Sultan Mahmud Syah, utusan dari Petani datang. Maka oleh Sultan Mahmud Syah, surat dari Petani itu disuruh jemput seperti istiadat mengarak surat dari Pahang, demikianlah. Setelah datang ke balai, maka surat pun dibaca orang, demikian bunyinya, "Paduka anakanda empunya sembah datang kepada paduka ayahanda

32 W(176) "aku"

33 W "Maka dipersembahkan orang pada Cau Seri Bangsa, 'Ada seorang orang payang diam di tepi laut, Pa' Tani namanya (dan tempat) Pa' Tani itulah yang baik pada mata patik sekalian'"

34 [illegible] Gempal" Diromikan sebagai "Kun Pal" kerana selepas [illegible] orang ini dinamik sebagai "Akun Pal"

Beberapa puji-pujian dampada itu bahawa paduka anakanda menyurat,[35] menyuruhkan Akun Pal mengadap paduka ayahanda, dan paduka anakanda hendak minta nobat ke bawah duli paduka ayahanda".

Maka Sultan Mahmud Syah terlalu sukacita, maka Akun Pal dinugerah persalin sepertinya dan disuruh duduk setara abentara. Hatta maka Sultan Mahmud Syah pun mengarang khatab kepada Kadi Munawar Syah akan Cau Seri Bangsa, gelaran Sultan Ahmad Syah. Setelah sudah, maka Sultan Mahmud Syah menugerahakan nobat dan bingkis kepada Akun [151] Pal, dan akan Akun Pal pun dipersalini baginda, maka surat dan khatab itu pun diaraklah turun ke perahu Akun Pal. Maka Akun Pal kembalilah ke Petani.

Setelah sampai ke Petani, maka Akun Pal menyuruh *z-n-y-b*[36] kerajaan baginda. Setelah itu, maka Cau Seri Bangsa pun nobatlah, maka baginda bergelar Seri Sultan Ahmad Syah, baginda beranakkan Cau Gama, Cau Gama beranakkan raja yang di benua Siam.

Arakian maka turun sebuah kapal dari atas angin, ke Melaka, dalam kapal itu ada seorang pendita, Maulana Sadar Jahan namanya, terlalu alim. Sultan Mahmud Syah pun berguru kepada Maulana Sadar Jahan, dan anakanda baginda Raja Ahmad baginda mengaji. Maka Maulana Sadar Jahan disebut orang "Makhdum", maka segala orang besar-besar Melaka pun semuanya mengaji pada Makhdum.

Sekali persetua pada suatu malam Bendahara Seri Maharaja duduk berkata-kata akan ilmu dengan Makhdum Sadar Jahan, maka Seri Rama pun datang dengan mabuknya, karena Seri Rama terlalu peminum. Seri Rama datang mengadap Sultan Mahmud Syah, maka titah baginda pada hamba raja, "Bawakan persantapan Seri Rama". Maka dibawa oranglah pada batil perak, disampaikan tetampan, diberikan pada Seri Rama. Setelah Seri Rama datang kepada Bendahara Seri Maharaja, maka dilihatnya Bendahara berkata-kata dengan Makhdum, maka kata Seri Rama, "Mari kita turut mengaji!". Maka kata Bendahara Seri Maharaja kepada Seri Rama, "Marilah Orangkaya duduk". Maka dilihat oleh Makhdum Sadar Jahan akan Seri Rama mabuk dan mulutnya pun bau arak, maka kata Makhdum, "*Alkhamru 'ummul khabaais*", ertinya, "Yang arak itu ibu segala najis". Maka sahut Seri Rama, "*Alhamku 'ummul khabaais*", ertinya, "Yang ahmak itu ibu segala najis". "Mengapa maka turut[37] turun dari atas angin ke mari? Bukankah hendak mencari arta

35 Tuala dalam W

36 [illegible] (zamb?). Mungkin juga asal ditulis salah "pemobat"

37 W(177) "tuan"

daripada ahmak itu?" Maka demikian, maka Makhdum gusar menengar kata Seri Rama itu, lalu ia pulang. Betapa-berapa ditahani oleh Bendahara Seri Maharaja tiada juga Makhdum mau bertahan, pulang juga ia ke rumahnya.

Maka kata Bendahara Seri Maharaja kepada Seri Rama, "Mabuk apa Orangkaya ini? Barang kata dikatakan kepada Makhdum; baik tiada didengar oleh Yang Dipertuan. Jikalau Yang Dipertuan tahu, murka baginda pada Orangkaya". Maka kata Seri Rama, "Mana kehendak Yang Dipertuan. Apatah daya, kata sudah terlanjur". Maka hidangan pun dikeluarkan oranglah ke hadapan Seri Rama, maka Seri Rama dan segala khalayak yang ada hadir itu pun makanlah. Setelah sudah makan, sesaat Seri Rama pun bermohonlah kepada Bendahara Seri Maharaja, lagi kembali ke rumahnya. Setelah keesokan harinya, Bendahara [152] sendiri datang ke rumah Makhdum, maka Makhdum Sadar Jahan terlalu sukacita melihat Bendahara Seri Maharaja datang.

Bermula Tun Mai Ulat Bulu pun mengaji pada Makhdum. Adapun Tun Mai Ulat Bulu itu asal namanya Tun Muhyiddin, anak Tun Zainal Abidin, cucu Bendahara Paduka Raja, sebab tubuh datuk itu berbulu, maka disebut orang, "Tun Mai Ulat Bulu". Setelah Tun Mai Ulat Bulu mengaji pada Makhdum, maka barang yang diajarkan oleh Makhdum itu, tiada terlalu surat,[38] karena lidah Melayu sedia sangat keras. Maka Makhdum Sadar Jahan pun ngeran, katanya, "Apatah lidah Tun Mai Ulat Bulu ini terlalu keras? lain kata kita, lain katanya!". Maka sahut Tun Mai Ulat Bulu, "Adakah tuan! Sahaya mengikut bahasa tuan, jadi sukarlah pada lidah sahaya, karena bukan bahasa sahaya sendiri. Jikalau tuan menyebut bahasa sahaya, semua pun demikian lagi". Maka kata Makhdum Sadar Jahan, "Apa sukarnya bahasa Melayu ini, tiada tersebut olehku?" Maka kata Tun Mai Ulat Bulu, "Sebutlah oleh tuan, 'kunyit'". Maka disebut oleh Makhdum, "kun-nyit". Maka kata Tun Mai Ulat Bulu, "Salah itu. Tuan sebut pula 'nyiru'" maka disebut oleh Makhdum, "niru". Maka kata Tun Mai Ulat Bulu, "kucing" maka disebut Makhdum, katanya, "kusing". Maka kata Tun Mai Ulat Bulu, "Manatah akan tuan menyebut bahasa kami? Demikian lagi kami pun menyebut bahasa tuan". Maka Makhdum Sadar Jahan terlalu amarah, "Taubatlah kita mengajar Tun Mai Ulat Bulu ini lagi!"

Hatta maka Sultan Mahmud Syah hendak menyuruh ke Pasai bertanyakan masalah perkataan antara ulama Muwara annahar, dan ulama

---

38 [illegible] "turut"

Khurasan, dan ulama benua Iraq. Maka baginda menyuarat[39] dengan Bendahara dan segala orang besar-besar. "Bagaimana kita menyuruh ke Pasai? Jikalau bersurat, tiada dapat tiada, tewas kita, karena orang Pasai gagah mengubah surat. Jikalau 'salam' pun, dibacanya 'sembah' juga." Maka kata Bendahara Seri Maharaja, "Jikalau demikian, kita menyuruh janganlah bersurat sudah, kita suruh hafazkan pada utusan." Maka titah Sultan Mahmud Syah, "Benarlah demikian, tetapi Orangkaya Tun Muhammadlah kita tuahkan." Maka sembah Orangkaya Tun Muhammad, "Baiklah, tuanku." Maka surat pun diaraklah ke perahu, bingkis baginda golok perbuatan Pahang sebilah bertatahkan emas, kaka tuha puan[40] seekor, kaka tuha ungu seekor. Maka Orangkaya Tun Muhammad pun pergilah, maka surat itu dihafazkannya selama dijalan-jalan itu.

Setelah sampai ke Pasai, maka dipersembahkannya oleh orang kepada Raja Pasai, "Tuanku, utusan dari Melaka datang." Maka disuruh jemput oleh Raja [153] Pasai pada segala orang besarnya, dibawakan gendang, serunai, nafiri, nagara. Setelah orang menjemput itu datang kepada Orangkaya Tun Muhammad, maka kata Orangkaya menjemput itu,[41] "Manatah surat? Marilah kami arak." Maka kata Orangkaya Tun Muhammad, "Hambalah surat itu, araklah hamba." Maka dinaikkan Orangkaya-kaya Tun Muhammad ke atas gajah, maka diarak oranglah. Setelah datang ke balai, maka Orangkaya-kaya[42] Muhammad pun turunlah dari atas gajah, maka berdiri ia pada tempat orang membaca, maka dibacanya surat pada mulutnya, demikian bunyinya, 'Salam dou paduka kekanda datang kepada paduka adinda Seri Sultan al-Mu'azzam Muluki Malik ul-Mukarram *zillullahi fil 'alam*. Kemudian dari itu, kari[43] paduka kekanda menuahkan Orangkaya Tun Muhammad dan Tun Bija Wangsa mengadap paduka adinda, bahawa paduka kekanda bertanyakan masalah *'Man qala: InnalLaha Ta'ala khaliqun wa raaziqun fil-azali*[44] *faqad kafara*', ertinya 'Barang siapa mengatakan bahawa Allah Ta'ala menjadikan dan memberi rezeki pada azal, maka sanya kafir'. *'Man qala InnalLaha Ta'ala lam yakun khaliqan wa raaziqan fil-azali faqad kafara'*

39 مبورة (menyuruh?) W "mas yuarat"

40 تون (p w n) Pun? W (17) "putih"

41 W "Setelah datang kepada orang kaya Tun Muhammad, maka kata orang menerima surat itu"

42 W "orang kaya"

43 كاري (k a r y) W "kama"

44 Ditulis "fil-la"

emunya. "Barang siapa mengatakan bahawa Allah subhanahu wata'ala tiada menjadikan dan tiada memberi rezeki pada azal, maka sanya kafir". Hendaklah paduka adinda beri kehendaknya".

Maka oleh Raja Pasai dikapangkannya segala pendita Pasai, disuruh bagnda memberi kehendaknya, seorang pun tiada dapat mengatakan kehendaknya. Maka titah Raja Pasai, "Mari Orangkaya Tun Muhammad". Maka Orangkaya Tun Muhammad pun hampirlah kepada Sultan Pasai, maka bagndalah mengatakan masalah itu. Maka titah Sultan Pasai pada Orangkaya Tun Muhammad, "Inilah yang seperti kehendak saudara kita di Melaka itu". Maka berkenan pada Orangkaya Tun Muhammad seperti kata Raja Pasai, maka sembah Orangkaya Tun Muhammad, "Benarlah seperti titah Syah 'Alam itu". Setelah itu, maka Orangkaya Tun Muhammad pun mohonlah kembali. Maka Raja Pasai membalas surat Raja Melaka, maka surat pun diarak oranglah ke perahu. Setelah itu, maka Orangkaya Tun Muhammad kembalilah ke Melaka.

Berapa lamanya di jalan, sampailah ke Melaka. Maka surat dari Pasai pun diaraklah oleh Sultan Mahmud[45] Syah[46] seperti adat dahulu kala. Setelah datang ke balai, surat pun dibaca, demikian bunyinya. Orangkaya Tun Muhammad pun bersembahkan segala kata Raja Pasai itu, dan segala peri halnya di Pasai. Maka terlalulah sukacita Sultan Mahmud Syah menengar sembah Orangkaya Tun Muhammad itu, syahadan berkenan kepada bagnda akan kata Sultan Pasai itu. Maka Orangkaya Tun Muhammad dan Tun Biju Wangsa dinugerahi bagnda persalinan seperti pakaian segala anak rajaraja, dan dianugerahinya sepenuhnya. *Wall ahu a'lamu bi ssawab.* [154]

---

45 Ogubis, "Muhammad".

46 "oleh Sultan Mahmud Syah" tiada dalam A.

21

ALQISAH

Maka tersebutlah perkataan Raja Legor, Maharaja Dewa Sura[47] namanya. Maka Maharaja Dewa Sura pun berlengkap hendak menyerang Pahang. Maka kedengaranlah ke Pahang, maka Sultan Mansur Syah, Raja Pahang pun menyuruh membaiki kota, mengimpunkan segala rakyat, dan menyuruhkan segala orang masuk kota, dan berbaiki senjata. Maka khabar itu pun kedengaranlah ke Melaka mengatakan bahawa Raja Legor hendak menyerang Pahang, dan penyuruh Raja benua Siam. Maka Sultan Mahmud Syah pun menyuruh memanggil Bendahara Seri Maharaja dan segala orang besar-besar menyuaratkan pekerjaan Raja Legor hendak menyerang Pahang itu. Maka sembah Seri Nara Aldiraja, "Ya tuanku, jikalau kita tiada menyuruh bantu ke Pahang, karena jikalau barang suatu peri hal itu, tiadakah Yang Dipertuan merugi." Maka titah Sultan Mahmud Syah, "Jikalau demikian, baiklah Bendahara pergi dan dengan segala hulubalang sekalian." Maka sembah Bendahara, "Baiklah, tuanku". Maka Bendahara Seri Maharaja pun berlengkaplah, maka dinugerahai persalin dengan sepertinya.

Setelah sudah itu, maka Bendahara Seri Maharaja pun pergilah bersama-sama dengan Seri Amar Bangsa dan Seri Utama dan Seri Upatama[48] dan Seri Nata dan Sang Setia dan Sang Naya Sang Guna dan Sang Jaya Pikrama, dan segala hulubalang sekalian pun pergilah. Maka rupa perahu kecil besar tiada terbilang lagi banyaknya, karena pada zaman itu rakyat dalam negeri juga sembilan laksa banyaknya, lain pula rakyat teluk rantau pun ada. Laksamana lagi di Sungai Raya, adat Laksamana, pegangannya Sungai Raya; setelah sudah lengkap, maka Laksamana pun mudiklah ke Melaka. Adapun pada kerika itu kelengkapan Sungai Raya empat puluh banyaknya lancaran tiang tiga; datang ke Batu Pahat, maka bertemu dengan Bendahara Seri Maharaja. Maka Laksamana pun datang kepada Bendahara Seri Maharaja, maka kata Bendahara Seri Maharaja, "Orangkaya, mari kita pergi ke Pahang". Maka kata Laksamana, "Sahaya belum menengar titah". Maka kata Bendahara Seri Maharaja, "Jikalau

47 سوار Iswara Suara?

48 اتم Utapun

belum pun Laksamana menengar titah. hamba sudah menengar titah". Maka kata Laksamana, "Sahaya belum menjunjung duli". Maka sahut Bendahara Seri Maharaja, "Hamba sudah menjunjung duli, marilah kita pergi", maka [155] lalu berjabat tangan. Maka Laksamana pun tadalah bendaya lagi, maka ia pun pergilah sama-sama dengan Bendahara.

Setelah ia sampai ke Pahang, maka didapatinya kota Pahang belum lagi sudah sepinampang, orang Melaka menyuruhkan[49] dia. Maka Bendahara Seri Maharaja dan segala hulubalang pun masuklah mengadap Raja. Sultan Mansur Syah pun terlalu sukacita. Maka titah Sultan Mansur Syah kepada Bendahara Seri Maharaja, "Tuan, kota yang sepinampang lagi itu, orang Melakalah menyuruhkan dia". Maka sembah Bendahara Seri Maharaja, "Baiklah". Maka Bendahara Seri Maharaja pun menyuruhkan segala orang Melaka berkota, maka laksamana disuruhnya mengadap dia. Maka Laksamana pun mengkerahkan segala orang Melaka berkota. Adapun Laksamana pada ketika itu tangan bekerja, kaki bekerja, mata bekerja, mulut bekerja berkata-kata menyuruhkan segala orang bekerja. kerja mata memandang baik dan jahat pekerjaan orang itu, kerja kaki berjalan ke sana ke mari, kerja tangan meraut rotan. Maka dengan kurnia Allah, dalam tiga hari, sudahlah kota itu.

Hatta maka Raja Legor pun datang ke Pahang dengan segala rakyat, tiada terhisabkan lagi banyaknya, maka berperanglah dengan orang Pahang. Maka dengan anugerah Allah Subhanahu wa Taala, Pahang pun tiada alah. Maka rakyat Legor pun banyak oleh orang Pahang, lagi banyak matinya. Maka Raja Legor pun lari terpacu-pacu ke hulu Pahang, berjalan terus ke Petani, lagi kembali ke Legor. Maka Sultan Mansur Syah pun memberi anugerah akan Bendahara Seri Maharaja dan segala hulubalang Melaka, syahadan dianugerahi oleh baginda persalin sepertinya. Maka Bendahara Seri Maharaja pun memohonlah kepada Sultan Mansur Syah, maka bagida bersembahkan surat ke Melaka. Setelah itu, maka Bendahara Seri Maharaja pun kembalilah. Setelah berapa lamanya di jalan, maka sampailah ke Melaka, lalu masuk mengadap kepada bagnda Sultan Mahmud Syah. Maka terlalulah sukacita Sultan Mahmud Syah menengar Pahang tiada alah itu.

Adapun akan negeri Melaka ada pada ketika itu terlalu sekali ramainya, segala dagang pun berkampung. Maka dari Ai Ieleh datang ke Hulu Muar, pasar tiada berputusan lagi, dan sebelah Kampung[50] lalu ke

49 W 181 "menyuruhkan".
50 W "Kampung (Kelang)".

Kuala Penajuh,[51] tiada berputusan, jikalau orang pergi pergian datang ke Jungkera tiada membawa api lagi, barang ke mana ia berhenti, di sana adalah rumah orang, demikianlah kebesaran Melaka. Pada zaman itu rakyat di dalam negeri Melaka juga, sembilan belas laksa banyaknya, lain daripada rakyat segala teluk rantau dan segala jajahan Melaka.

Hatta maka datang sebuah kapal Feringgi dari Guha,[52] maka ia pun berntagalah {156} di Melaka. Maka dilihat oleh Feringgi itu negeri terlalu makmur dan bandarnya[52b] pun terlalu ramai. Maka segala orang Melaka pun berkampung melihat rupa Feringgi, maka sekalian hairan, katanya, "Ia ini Benggali putih". Maka seorang seorang Feringgi itu, berpuluh puluh orang laki-laki mengerumusi dia;[53] ada yang memutar janggut Feringgi itu, ada yang menjamah kepala Feringgi itu, ada yang mengambil cepiaunya, ada yang memegang tangannya. Maka kapitan kapal itu pun naiklah mengadap Bendahara Seri Maharaja, maka oleh Bendahara Seri Maharaja[54] akan kapitan kapal itu dirangkainya anak dan dipersalini sepertinya. Maka kapitan kapal itu, dipersembahkannya kepada Bendahara Seri Maharaja rantai emas satu. Setelah datanglah musim kembali, maka kapitan kapal itu pun kembalilah ke Guha.

Setelah ia datang ke Guha, maka diwartakannya pada bini[55] Bizurat peri kebesaran negeri Melaka dan makmur syahadan ramai bandarnya. Pada zaman itu, nama Bizurat itu Afongso Dalburkarki[56], maka ia pun terlalu ingin melihat negeri Melaka itu. Maka Bizurat menyuruh berlengkap kapal, tujuh; ghali panjang, sepuluh; fusta, tiga belas. Sudah lengkap, maka disuruhnyalah menyerang Melaka.

Setelah datang ke Melaka, maka berlemu, ditembaknya dengan meriam. Maka segala orang Melaka pun hairan, terkejut mendengar bunyi meriam itu, katanya, "Bunyi apa ini, seperti guruh ini". Maka meriam itu pun datanglah mengenai orang Melaka, ada yang putus lehernya, ada yang putus tangannya, ada yang panggal pahanya. Maka bertambahlah

51 W "Penajeh"

52 Ditulis bendaharanya

52b كره

53 W "Maka seorang Feringgi itu berpuluh puluh orang Melaka mengerumusi dia"

54 Ditulis: "Serwa Raja".

55 Tiada dalam W

56 W (182) "Afonso d'Albuquerque" Dalam naskhah RB selepas ini ia ditulis "Fongso Dalburkarki افغسو دلركرك "sahaja

hanannya orang Melaka melihat biji bedil itu, katanya, "Apa namanya senjata yang bulat itu maka dengan tajamnya maka ia membunuh?" Setelah keesokan harinya, maka anak Portugal pun naiklah dengan istinggar, dua ribu banyaknya, lain segala khalasi dan lasykarnya pada terbilang lagi. Maka dikeluari oleh segala orang Melaka, maka Tun Hassan Temenggung akan panglimanya. Maka bertemu dengan segala feringgi itu, terlalu berparang, seperti api, rupa senjata seperti hujan lebat. Maka ditempuhnya oleh Tun Hassan Temenggung dan segala orang Melaka, maka segala feringgi pun patah perangnya, lalu undur. Maka oleh segala orang Melaka ditempuhnya sekali kali lalu ke air perhentibatnya,[57] maka feringgi pun naiklah ke kapalnya lalu berlayar ke Guha.

Setelah datang ke Guha, maka segala peri hainya disampaikannya semuanya dikatakannya pada Bizurat. [Bizurat] pun terlalu amarah, maka ia hendak menyuruh berlengkap pula akan perang ke Melaka. Maka Kapitan Mor berbicaranya, "Jikalau ada lagi Bendahara Seri Maharaja Wazir,[58] nada akan alah Melaka itu." Maka sahut Bizurat, "Jika demikian, apabila aku turun dari Bizurat, aku [157] sendiri pergi menyerang Melaka itu." *Wallahu a'lam bissawab.*

57 W: "Maka oleh segala orang Melaka ditempuhnya sekali lagi, maka feringgi pun pecahlah lalu lungkie air, diperhambat oleh orang Melaka."

58 "Wazir" hilang dalam W.

22

ALQISAH

Hatta [illegible] [illegible]tuaan [illegible] bagikan anak Bendahara Seri Maharaja yang bernama Tun Fatimah, terlalu baik parasnya tiada berbagai pada zaman itu. Setelah itu, Tun Fatimah sudah besar, makin bertambahlah baik parasnya, tiada ada samanya pada zaman itu. Tambahan Bendahara pula barang yang larangan itu semuanya dapat dipakainya[59] Maka hendak dudukkan[60] oleh Bendahara Seri Maharaja dengan Tun Ali, anak Seri Nara Aldiraja.

Maka tatkala akan mengantar sirih, Raja Di Baruh dipanggil oleh Bendahara Seri Maharaja. Akan Raja Di Baruh itu bapa saudara pada Sultan Mahmud Syah, saudara Sultan Alauddin yang tuha itu sekali. Maka oleh Bendahara Seri Maharaja pun Tun Fatimah itu ditunjukkannya kepada Raja Di Baruh. Setelah Raja Di Baruh melihat rupa Tun Fatimah, maka terlalulah hairan baginda memandang parasnya, maka kata Raja Di Baruh pada Bendahara Seri Maharaja, "Yang Dipertuan pun adakah sudah melihat anakanda ini?" Maka sahut Bendahara Seri Maharaja, "Belum Yang Dipertuan memandang dia". Maka kata Raja Di Baruh, "Bendahara, jikalau tiada gusar, mari beta berkata kepada Bendahara". Maka sembah Bendahara Seri Maharaja, "Apa kehendak hati tuanku, katakanlah". Maka kata Raja Di Baruh, "Akan anakanda ini terlalulah sekali baik parasnya, pada hati beta, tiada patut ia bersuami orang keluaran. Jikalau Bendahara mau menengar kata beta ini, jangan anakanda ini diberi bersuami dahulu, karena sekarang Raja Perempuan, Permaisuri Pahang, telah mangkat. Yang istiadat raja Melayu, apabila tiada Raja Perempuan, anakanda Bendahara akan Raja Perempuan"Maka sahut Bendahara Seri Maharaja, "Tuanku, patik orang jahat, patut sama orang jahat juga". Maka kata Raja Di Baruh, "Baiklah, yang mana kesukaan Bendahara kerjakanlah, karena beta sekadar mengingatkan juga". Setelah itu, maka Bendahara Seri Maharaja pun memulai pekerjaan akan mengahawinkan anaknya.

59 [illegible] "Setelah Tun Fatimah sudah besar, makin bertambahlah baik parasnya tiada ada samanya pada zaman itu. Tambahan tambah Bendahara pula barang yang larangan itu semuanya dapat dipakainya"
60 [di]dudukkan

Setelah datang pada ketika yang baik, maka Sultan Mahmud Syah pun dipersilakan oleh Bendahara Seri Maharaja mengadap anaknya kahawin itu. Maka Sultan Mahmud Syah pun berangkat ke rumah Bendahara Seri Maharaja. Setelah Sultan [158] Mahmud Syah datang, maka Tun Ali pun dikahawinkanlah dengan Tun Fatimah. Maka Sultan Mahmud Syah pun masuklah ke dalam rumah Bendahara, mengadap orang bersuap-suapan. Setelah Sultan Mahmud Syah melihat rupa Tun Fatimah, maka baginda pun terlalu hairan, maka teringinlah rasa Sultan Mahmud Syah akan Tun Fatimah. Maka baginda berkata dalam hatinya, "Jahatnya Pak Muzahir ini! Demikian baik anaknya, tiada ditunjukkannya kepada kita!" Maka Sultan Mahmud Syah pun berdendamlah rasanya akan Bendahara Seri Maharaja.

Setelah sudah orang kahawin, maka Sultan Mahmud Syah pun berangkatlah ke istana baginda, santap pun baginda tiada, maka Tun Fatimah pun tiada lepas daripada hati baginda. Maka Sultan Mahmud Syah setiasa pada tiap-tiap hari mencari daya akan Bendahara.

Setelah berapa lamanya Tun Ali duduk dengan Tun Fatimah, maka ia beranak seorang perempuan, Tun Terang[61] namanya, baik juga rupanya.

Maka tersebutlah ada seorang Keling diam di Melaka, jadi Syahbandar, Raja Mendaliar gelarnya, terlalu kaya; pada zaman itu tiadalah ada taranya dalam negeri Melaka itu. Sekali peristiwa Raja Mendaliar duduk mengadap Bendahara Seri Maharaja, maka kata Bendahara pada Raja Mendaliar, "Hei, Raja Mendaliar, hendaklah tuan hamba berkata benar, berapa ada emas tuan hamba!" Maka kata Raja Mendaliar, "Tuanku, emas sahaya tiada banyak, ada lima bahara". Maka kata Bendahara Seri Maharaja, "Lebih hanya sebahara emas kita daripada emas Raja Mendaliar".

Adapun Bendahara Seri Maharaja sediakala ia menyuruh mencari, tiada penah rosak. Jika Bendahara Seri Maharaja imak-imak,[62] dikampungkannya segala anak buahnya maka Seri Maharaja berkata, "Budak-budak! Embuhkah[63] memandang emas!" Maka kata segala anak buah Bendahara, "Embuh, datuk". Maka kata Bendahara Seri Maharaja, "Pergi ambil peti arah[64] ke anu". Maka segala anak buah Bendahara pun pergilah mengambil peti itu, diramai-ramainya, dibawanya ke hadapan

61 Ditulis "Tun Ali Terang"

62 ٢ يسي (a-y m-q-2) W118.4) "asyikasyik"

63 امبهکه / امبهکه (a n hkh) Embuhkah?

64 W "anak"

Bendahara Seri Maharaja. Maka oleh Bendahara Seri Maharaja disuruhnya tuangkan pada tikar, maka disuruhnya sukat dengan gantang. Maka kata Bendahara pada segala anak buahnya, "Ambil olehmu segenggam seorang, buat permainan". Maka diambilnya oleh segala anak buah Bendahara segenggam seorang, maka dibawanya ke rumah baharu dibuat oleh Bendahara Seri Maharaja itu. Maka emas itu dibubuhnya pada segenap pahatan bendul dan pahatan dinding, sudah itu maka semuanya turun pula.

Maka segala orang mengerjakan rumah itu pun datang [159] bekerja, maka dilihatnya emas, lalu diambilnya. Segala anak buah Bendahara itu ingat akan emas itu, maka ia pun naik ke rumah itu hendak mengambil emas tadi, hendak permainan, maka dilihatnya tiada lagi, maka semuanya menangis. Setelah didengar oleh Bendahara Seri Maharaja, maka ditanya, "Apa ditangiskan budak-budak itu?" Maka sahut orang, "Emas tadi hilang, tuanku". Maka kata Bendahara Seri Maharaja, "Janganlah menangis! Kata benarlah, nescaya aku mengganti". Maka diberi pula oleh Bendahara emas segenggam seorang.

Adapun apabila segala anak buah Bendahara pergi berburu kerbau jalang atau rusa, jikalau ia tiada beroleh rusa, maka ia singgah pada kerbau Bendahara, maka ditikamnya kerbau itu dua tiga ekor maka disuruhnya sembelih, maka diambilnya daging pahanya dihantarkannya kepada Bendahara. Maka kata Bendahara, "Daging apa ini?" Maka kata orang yang mengantar itu, "Daging kerbau, tuanku. Anakanda dan cucunda tadi berburu tiada beroleh, anakanda dan cucunda singga[65] pada kandang kerbau tuanku yang di Kayu Ara,[66] maka diambil anakanda seekor". Maka kata Bendahara, "Nakalnya kanak ini! Adatnyalah jika tiada beroleh berburu, kerbau-kerbau kita di kandanglah diperburunya".

Sebermula jika hamba Bendahara Seri Maharaja datang dari segala teluk rantau berbaju kesumba, berdastar pelangi, maka disuruh Bendahara naik duduk, disangkanya dagang datang. Maka ia pun naiklah. Maka kata Bendahara Seri Maharaja, "Siapa tuan hamba?" Maka sembah orang itu, "Sahaya ini hamba Datuk, anak si anu, cucu si anu". Maka kata Bendahara, "Jika demikian, engkau anak si anu! Pergilah engkau turun ke bawah, duduk". Demikianlah peri kebesaran Bendahara Seri Maharaja. Maka hatinya, "Kekayaanku ini, datang kepada anak cucuku makan dia, tiada akan habis".

---

65 سڠك (s-ng-g) /Sehingga/singgah/. Lihat halaman 203.
66 ايرا (a-i-r-y)

Hatta sekali persetua hari raya,[67] maka Bendahara dan segala orang besar-besar pun masuklah ke dalam, duduk di balai, menanti akan Raja keluar. Maka Mendaliar pun datang mengadap menyembah pada Bendahara, maka ditepiskan Bendahara tangannya Raja Mendaliar serta katanya, "Cara Keling! Tiada tahu bahasa! Patutkah tuan hamba menyembah di balai Raja ini? Datang ke rumah hamba tiadakah tuan hamba patut?" Maka Raja Mendaliar pun diam, lalu undur.

Setelah itu, ada seorang saudagar, Nina Sudar[68] Dewana namanya, iaitu kepala segala saudagar dalam negeri itu. Maka Nina Sudar Dewana pun berdakwa dengan Raja Mendaliar, keduanya acara[69] kepada Bendahara. Hari itu hampir petang, maka kata Bendahara pada Raja Mendaliar dan Nina Sudar Dewana, "Kembalilah tuan hamba dahulu, karena hari telah petanglah. Esok harilah tuan [160] hamba datang menyembah". Raja Mendaliar dan Nina Sudar Dewana pun mohonlah kepada Bendahara Seri Maharaja lalu kembali ke rumahnya.

Maka Nina Sudar Dewana fikir pada hatinya, "Ada pun bahawa Raja Mendaliar ini orang kaya, kalau ia menyorong pada Bendahara, nescaya alah aku. Jikalau demikian, baik aku pada malam ini pergi pada Bendahara Seri Maharaja". Setelah demikian fikirnya, hari pun malam, maka oleh Nina Sudar Dewana, diambilnya emas sebahara dibawanya ke rumah Bendahara Seri Maharaja. Setelah datang ke luar pagar Bendahara, maka kata Nina Sudar Dewana pada orang tunggu pintu Bendahara, "Beri tahu Datuk Bendahara, katakan Nina Sudar Dewana datang hendak mengadap". Maka tunggu pintu segera memberi tahu Bendahara Seri Maharaja, maka Bendahara pun keluar. Maka Nina Sudar Dewana pun masuk mengadap Bendahara Seri Maharaja. Maka emas yang sebahara dibawanya itu pun dipersembahkannya Nina Sudar Dewana pada Bendahara Seri Maharaja, maka kata Nina Sudar Dewana pada Bendahara, "Tuanku, emas ini persembah sahaya akan barang-barang gunanya". Maka kata Bendahara Seri Maharaja, "Baiklah, tuan hamba memberi hamba, hamba ambil". Maka Nina Sudar Dewana pun mohonlah kepada Bendahara kembali ke rumahnya.

Maka ada seorang Keling, keluarga pada Nina Sudar Dewana, Kitul

---

67 [illegible] (h-a-r-i r-y-a-y) [illegible] W (185) 'hari raya'

68 سودار (s-u-d-a-r) Selepas beberapa kali, dieja سوار (s-w-a-r) pula. W (185) "Suar"

69 W "bicara"

namanya. Akan Kitul itu berhutang pada Raja Mendahar masalah[70] emas. Setelah Nina Sudar Dewana kembali dari rumah Bendahara Seri Maharaja, maka pada waktu tengah malam, Kitul pergilah ke rumah Raja Mendahar, dipalunya pintu Raja Mendahar. Maka Raja Mendahar terkejut, katanya, "Siapa kamu di luar pintu itu?" Maka sahut Kitul, maka disuruh pun Raja Mendahar bukai pintu. Maka Kitul pun masuklah, maka dilihatnya, oleh Raja Mendahar duduk bersuka-sukaan dengan anak isterinya, maka kata Kitul, "Hei, Raja Mendahar, baik sekali tuan hamba bersuka-sukaan pada malam ini! Tiada tuan hamba tahu geruh[71] akan datang kepada tuan hamba?" Maka oleh Raja Mendahar, dipimpinnya tangan Kitul, dibawanya kepada tempat yang sunyi, maka kata Raja Mendahar, "Hei, Kitul, apa juga khabar adakah tuan dengar?" Maka kata Kitul, "Malam tadi, Nina Sudar Dewana datang kepada Bendahara, dipersembahkannya emas sebahara, hendak membunuh tuan hamba. Akan sekarang Bendahara sebicaralah dengan Nina Sudar Dewana. Tuan hamba hendak dikerjakannya!"

Demi Raja Mendahar menengar kata Kitul itu, maka Raja Mendahar mengambil surat utang Kitul, dicarik-cariknya. Maka kata Raja Mendahar kepada Kitul, "Adapun utang tuan hamba sekati itu, halallah dunia akhirat. Tuan hambalah saudara hamba!" Maka [161] kembalilah ke rumahnya.[72] Pada malam itu juga, diambil Raja Mendahar emas sebahara dan permata indah-indah dan pakaian yang baik-baik, dibawanya kepada Laksamana [yang] terlalu karib pada Sultan Mahmud Syah.[73]

Setelah datang ke luar pagar Laksamana, maka ia pun minta dibukai pintu, maka disuruh Laksamana bukai pintu. Maka Raja Mendahar pun masuklah mengadap Laksamana, maka segala arta yang dibawanya itu semuanya dipersembahkannya kepada Laksamana, maka sembah Raja Mendahar pada Laksamana, "Sahaya mengadap Orangkaya ini, berlepas taksir. Hendaklah Orangkaya persembahkan ke bawah Duli Yang Dipertuan, supaya jangan sahaya dikatakan sebicara dengan penghulu sahaya, karena sahaya, telah sahaya ketahuilah bahawa Bendahara Seri

70. W: "setahil" ini nyata salah kerana tidak selaras dengan ejaan dan pernyataan Raja Mendahar di bawah bahawa Kitul berhutang "sekati" emas daripadanya.

71. كروه (k-r-w-h) [ ] W (186): "kerama".

72. Maka kembalilah [Kitul] ke rumahnya.

73. W: "Maka Kitul pun kembalilah (161) ke rumahnya. (Maka) pada malam itu juga diambil Raja Mendahar emas sebahara dan permata indah-indah dan pakaian yang baik-baik, dibawanya kepada Laksamana (Khoja Husain, kerna Laksamana Khoja Husain pada zaman itu dengan segala-kaumnya) terlalu karib pada Sultan Mahmud Syah."

Maharaja hendak durhaka, sudah berbuat takhta kerajaan, kasadnya hendak naik Raja di dalam Melaka ini". Setelah Laksamana melihat arta terlalu banyak, maka hilanglah budi akalnya, sebab disamun oleh arta dunia. Maka kata Laksamana kepada Raja Mendaliar, "Hambalah berpersembahkan dia ke bawah Duli Yang Dipertuan".

Maka Laksamana pun masuklah mengadap Sultan Mahmud Syah, maka kata Raja Mendaliar itu semuanya dipersembahkannya ke bawah duli Sultan Mahmud Syah. Menengar sembah Laksamana itu, kabul pada hati baginda, karena baginda sedia berdendam akan Bendahara Seri Maharaja, sebab anaknya. Maka Sultan Mahmud Syah pun menitahkan Tun Sura Aldiraja dan Tun Indera Segara membunuh Bendahara Seri Maharaja.

Maka dua orang itu pun pergilah dengan segala hamba raja. Maka segala anak buah Bendahara Seri Maharaja dan segala kaum keluarganya berkampunglah kepada Bendahara Seri Maharaja, sekalannya dengan segala senjatanya. Maka Tun Hassan Temenggung, anak Bendahara Seri Maharaja, hendak melawan. Maka kata Bendahara, "Hei, Hassan! Hendak durhakalah engkau! Hendaklah membinasakan nama segala orang tuha-tuha kita! Karena adat Melayu, tiada penah durhaka!"Maka setelah Tun Hassan Temenggung menengar kata Bendahara Seri Maharaja, maka ia pun membuangkan senjatanya dari tangannya, lalu berpeluk tubuh. Maka kata Bendahara pada segala kaum keluarganya dan pada segala orang-orangnya, "Barang siapa kamu melawan, hamba dakwa di akhirat!" Setelah menengar kata Bendahara Seri Maharaja itu, maka sekalannya membuangkan senjatanya dari tangannya lalu masing-masing kembali ke rumahnya. Maka tinggal Bendahara Seri Maharaja jua, dua bersaudara dengan Seri Nara Aldiraja dan segala anak buahnya.

Maka Tun Sura Aldiraja dan [162] Tun Indera Segara pun masuklah membawa keris daripada Sultan Mahmud Syah, dibubuh di atas ceper, ditudungi dengan tetampan, dikeluarkan di hadapan Bendahara Seri Maharaja. Maka katanya Tun Sura Aldiraja pada Bendahara dan Seri Nara Aldiraja, "Salam do'a anakanda, bahawa hukum Allah telah berlakulah pada hari tuan.[74] Maka sahut Bendahara Seri Maharaja dan Seri Nara Aldiraja, "Barang yang telah berlaku pada hukum Allah itu, hamba pun redilah". Maka dibunuhlah Bendahara Seri Maharaja dan Seri Nara Aldiraja dan segala anak buahnya yang mau mati sama-sama dengan dia.

74 [illegible] W[1:37] "ini"

Setelah itu maka Sang Sura datang berlari dari dalam membawa titah pada Tun Sura[75] "Titah Yang Dipertuan, jangan semuanya dibunuh, tinggalkan akan benih".[76] Maka kata Tun Sura Aldiraja dan Indera Segara, "Apa daya kita? Murkalah Yang Dipertuan akan kita, karena yang ada tinggal ini budak semata". Maka kata Tun Indera Segara, "Encik Hamzah inilah mari kita peliharakan takat mau hidup". Adapun Tun Hamzah itu anak Seri Nara Aldiraja, sudahlah kerlah dari tengkoknya datang ke puting-putingnya. Maka Tun Hamzah diambilnya oleh Tun Sura Aldiraja, dipersembahkannya ke bawah duli Sultan Mahmud Syah, maka disuruh baginda uhati pada tabib, maka dengan takdir Allah Ta'ala nadalah mati ia, kelak sangat dikasihi oleh Sultan Mahmud Syah.

Setelah Bendahara Seri Maharaja sudah mati, maka segala pesaka Bendahara Seri Maharaja semuanya dibawa masuk ke dalam. Maka dilihat oleh Sultan Mahmud Syah yang seperti berita orang itu tiada sungguh, maka baginda terlalu amat masyghul dan menyesal oleh membunuh Bendahara Seri Maharaja tiada dengan periksa. Maka Raja Mendahar disuruh oleh Sultan Mahmud Syah bunuh pula oleh ia mengadakan fitnah, syahadan Kitul disuruh baginda sulakan melintang. Maka Laksamana disuruh mengasi oleh baginda. Maka Paduka Tuan, anak Bendahara Paduka Raja, dijadikan Sultan Mahmud Syah Bendahara.

Akan Paduka Tuan telah tuha, lagi pun telah betongkah,[77] giginya pun sudah habis tanggal. Setelah Paduka Tuan menengar dirinya dijadikan Bendahara itu, maka ia pun menjatuhkan dirinya dari atas tempatnya duduk, ke bawah, maka kata Paduka Tuan, "Bendahara apatah ini? Sudah tepok dan lasa[78] ini!" Maka digagahinya juga oleh Sultan Mahmud Syah dijadikan Bendahara. Itulah disebut orang Bendahara Lubuk [163] Tanah,[79] yang banyak beranak, tiga puluh dua anaknya semuanya sebu sehapa belaka, syahadan anak cucu-cicit yang didapati oleh Bendahara Lubuk Batu juga, tujuh puluh empat banyaknya.

Akan anak Bendahara Lubuk Batu, yang tuha sekali, Tun Biyazid namanya. Akan Tun Biyazid itu sarsar; jika ia jalan ke pekan, barang

---

75 Ditulis "Sang Sura".

76 W "Setelah itu Sang Sura datang berlari dari dalam membawa titah yang dipertuan 'Jangan semuanya dibunuh, tinggallah akan benih'".

77 Bertandu. Boleh juga dibaca "betongkat" atau "betengkuh yakni bangih seperti candu, tetapi kurang sesuai dengan pengisahan tentang Paduka Tuan itu.

78 لاسا lasa / lasu?

79 Ini mungkin satu kesilapan atau mungkin juga satu lagi panggilan bagi Bendahara Paduka Tuan. Selepas ini ia ditulis "Bendahara Lubuk Batu".

segala arta orang bertemu dengan dia, diambilnya. Maka diberi orang tahu pada Bendahara Lubuk Batu akan segala peri itu, maka oleh Bendahara jika Tun Biyazid berjalan, maka disuruh ikut akan pada seorang hambanya membawa emas. Maka barang kedai tempatnya Tun Biyazid itu singgah, dingatkan oleh hambanya yang mengikut itu; setelah Tun Biyazid sudah pergi, maka ia datang ke kedai itu bertanya, katanya, "Apa-apa yang diambilnya oleh Encik tadi?" Maka kata empunya kedai itu apa-apa[80] diambilnya oleh Encik itu. Maka kata hambanya yang mengikut itu, "Berapa harganya?" Maka kata yang empunya demikian-demikian harganya, maka diberi oleh hambanya itu seperti kata yang empunya arta itu.

Maka ada seekor gajah diberikan Bendahara, gajah itu empat lima belas kali sudah dijualkannya. Apabila didengar Bendahara Lubuk Batu gajah itu dijualnya, maka ditebus oleh Bendahara itu diberikan kepada yang lain. Setelah dilihatnya saudaranya naik gajah itu, maka diturunkannya oleh Tun Biyazid, katanya, "Gajah ini gajahku, pemberi bapa padaku"; maka diambilnyalah gajah itu. Dua tiga bulan kepadanya, dijualkannya pula, didengar oleh Bendahara, ditebusnya pula. Demikianlah nentasa sedakala.

Tiga kali Tun Biyazid dikat oleh ayahnya sebab menampar hamba raja, maka disuruh ikat oleh Bendahara kepada Seriwa Raja, disuruh bawa ke dalam. Maka kata Bendahara, "Seriwa Raja, persembahkan kepada Yang Dipertuan bunuh si Biyazid ini. Apa gunanya orang bunuhan demikian? Hamba hendak membunuh dia, takut Yang Dipertuan murka". Maka dibawa oleh Seriwa Raja ke dalam, maka seperti kata Bendahara itu semuanya dipersembahkan kepada Sultan Mahmud Syah. Maka titah Sultan Mahmud Syah, "Bagai-bagai pada Bendahara! Sebab hamba orang, anak dikat. Lepaskan!" Maka dilepaskan olah[81] Tun Biyazid, maka dinugerahai persalin oleh Sultan Mahmud Syah, maka disuruh kembali kepada Bendahara.

Maka oleh Seriwa Raja segala titah semuanya dikatakannya kepada Bendahara. Maka kata Bendahara, "Itulah Yang Dipertuan! [164] Lamun si Biyazid dikat, juga disuruh lepaskan, dianugerahai persalin, jadi makin lalulah bunuhannya!" Adapun Tun Biyazid apabila di belakang Bendahara juga, maka berkata pada orang muda-muda, "Hamba, sedang

80 W(18): "Anu-anu"

81 لله ta w-lh: Mungkin juga "oleh". Besar kemungkinan ikatan terhadapnya itu hanya bersifat isyarat dan sesungguhnya boleh dibuka sendiri oleh Tun Biyazid sekiranya si mabuk. Perkataan ini tiada dalam W.

dukat oleh bapa hamba, dipatut hamba berbapa kesumba, dukat dengan cudaa natar hijau".[82] Maka semuanya orang tertawa mendengar kata Tun Biyazid itu.

Seorang lagi anak Bendahara Lubuk Batu, Khoja Ahmad namanya, ialah yang bergelar Tun Pikrama. Akan Tun Pikrama dua beranak akan Tun Isap Batakah.[83]

Seorang lagi anak Bendahara Lubuk Batu, Tun Pauh namanya, Tun Pauh beranakkan Tun Jamal. Akan Tun Jamal banyak beranak, yang tuha sekali Tun Utusan namanya, seorang lagi Tun Bakau namanya, seorang lagi Tun Munawar, seorang lagi Tun Sulaiman namanya, ialah Seri Guna Aldjaja, seorang lagi perempuan, Tun Sem namanya, duduk dengan Tun Imam, anak Sang Setia; seorang lagi, perempuan, duduk dengan Tun Biyajit Hitam, beranakkan Tun Mat Ah. Adapun Tun Bakau beranak empat orang, Tun Biyajit Ibrahim seorang namanya, Tun Buttan seorang namanya, Tun Abu seorang, bergelar Seri Bijaya Pikrama. Akan Tun Munawar beranak empat, namanya seorang Bunga namanya, Tun Usin seorang namanya, bergelar Paduka Seri Raja Muda, Tun Husain seorang namanya, bergelar Seri Pikrama Raja, perempuan seorang, duduk dengan Tun Buttan.[84] Akan Seri Guna Aldjaja itu pun banyak anaknya. Tun Mat seorang namanya, Tun Buah seorang namanya, Tun Pekuah seorang namanya, Tun Zad Buah seorang lagi.

Seorang lagi anak Bendahara Lubuk Batu, perempuan, duduk dengan Tun Perpatih Qasim; beranakkan Tun Puteh, duduk dengan Tun Imam Aldjaja, beranakkan Tun Zahir, ia itulah bergelar Seri Pikrama Raja yang di Batu Sawar itu.

Sehermula anak Bendahara Seri Maharaja yang bernama Tun Fatimah terlalu baik paras itu diambil oleh Sultan Mahmud Syah akan isteri, maka terlalu kasih baginda. Adapun akan Tun Fatimah, terlalu sangat perentaannya akan bapanya; selama ia diperisteri oleh Sultan Mahmud Syah, jangankan ia tertawa, tersenyum pun ia tiada pernah. Maka baginda pun tahu masyghul, terlalu sangat menyesal di baginda. Hatta

82 W 038 "Hamba sedang dukat oleh bapa hamba dipatut hamba berbapa kesumba dukat dengan cudat yang hijau, sekali tuanku berbapa putih dukatnya dengan cuda natar merah, sekali hamba berbapa anga dukatnya hamba dengan cudat natar hijau."

83 W 18 9a "Akan Tun Pikrama itu beranakkan Tun Isak Batakah."

84 W "Akan Tun Munawar beranak empat orang, Tun Bunga seorang namanya, Tun Husain seorang namanya bergelar Paduka Seri Raja Muda Tun Hasan seorang namanya bergelar Seri Pikrama Raja, perempuan seorang duduk dengan Tun Bentan."

maka Sultan Mahmud Syah pun membuangkan kerajaan baginda. Maka anakanda baginda itu, Sultan Ahmad, dirajakan baginda, maka segala pegawai dan segala alat kerajaan sekaliannya diserahkan baginda pada Sultan Ahmad. Maka Sultan [165] Mahmud Syah pun diam ke Kayu Ara; Sang [Sura] juga hanya teman baginda.

Adapun diceriterakan oleh orang yang empunya ceritera ini, apabila Sultan Mahmud Syah hendak pergi bermain ke Tanjung Keling atau kepada barang tempat, maka baginda berkuda, maka Sang Sura juga seorangnya mengiringkan baginda. Maka dibawa akan Sang Sura: pertama, lancang tempat sirih santap; kedua, bungkus selar; ketiga, kentandalan. Apabila didengar oleh Sultan Ahmad Syah ayahanda baginda bermain itu, maka disuruh iringkan oleh Sultan Ahmad pada segala orang besar-besar; setelah Sultan Mahmud Syah melihat orang banyak datang mengiringkan baginda, maka Sultan Mahmud Syah pun membacu kudanya berlari, tiada mau diiringkan oleh Orangkaya itu. Maka Sang Sura pun turut berlari-lari, tiadalah bercerai dengan kuda raja. Maka serta ia lari itu, kaki Sang Sura sebagai mengapuskan tapak kuda raja supaya jangan dilihat orang; maka tapak tangan Sang Sura mengapuikan sirih santap. Demikianlah peri hal Sultan Mahmud Syah meninggalkan kerajaannya.

Setelah Sultan Ahmad di atas kerajaan, maka baginda tiada kasih akan segala orang besar-besar. Yang dikasih baginda, Tun Ali seorang namanya, Tun Mai Ulat Bulu seorang namanya, Tun Muhammad Rahang seorang namanya, dan segala muda-muda tiga belas orang; dan segala hamba raja itulah teman baginda bermain bergurau. Adapun akan Tun Mai Ulat Bulu itu, anak[85] Zainal 'Abidin, akan Tun Zainal 'Abidin, anak Bendahara Paduka Raja, diam di Lubuk Cina, dipanggil orang Datuk Lubuk Cina. Maka Tun Zainal 'Abidin beranak lima orang, tiga orang laki-laki yang tuha, Tun Salahuddin, dan yang tengah, Tun Jalaluddin namanya, yang bungsu, Tun Muhyiddin, yang perempuan itu diperisteri Bendahara Seri Maharaja. Akan Tun Salahuddin itu beranakkan Tun Zahiruddin,[86] akan Tun Zahiruddin beranakkan Orangkaya Sogoh dan ayah Tun Sulaiman. Tun Jalaluddin beranakkan Tun Mai, itulah disebut orang Tun Mai Ulat Bulu, ialah sangat dikasihi oleh Sultan Mahmud Syah, dijadikan oleh baginda Temenggung, bergelar Seri Awadana.[87]

---

85 [illegible]
86 [illegible]
87 Di sini wujud penyataan yang bercelaru tentang asal usul Tun Mai Ulat Bulu.

Sebermula Sultan Mahmud Syah terlalu kasih akan Tun Fatimah, disuruh baginda panggil "Raja Perempuan". Tetapi pekalan baginda bunting dengan Sultan Mahmud Syah, disuruhnya buangkan, maka dua tiga kali sudah demikian. Titah Sultan Mahmud Syah pada Tun Fatimah, "Mengapakah tuan bunting, dibuang? Tiada suka tuan beranak dengan beta?" Maka sahut Tun Fatimah, "Apakah kerja Raja beranak dengan beta lagi? Karena anak Raja yang kerajaan telah ada". Maka titah Sultan Mahmud Syah, "Adapun janganlah dibuang anak kita ini; jika laki-laki telah kita rajakan". Setelah [166] itu, maka Tun Fatimah pun bunting pula, tiada dibuang lagi. Setelah genap bulannya, maka Tun Fatimah beranak seorang perempuan terlalu baik parasnya, serta jadi disambut oleh Sultan Mahmud Syah lalu diberi nama oleh [baginda] Raja Putih, itulah yang dikasihi baginda, tiada dapat dikatakan peri kasih Sultan Mahmud Syah akan Raja Putih. Hatta maka Sultan Mahmud Syah dengan Tun Fatimah beranak lagi pula seorang perempuan juga, namanya Raja Khanjah. Sebermula akan Sultan Mahmud Syah, tersebut baginda mengaji pada Makhdum Sadar Jahan.

23

ALQISAH

Maka tersebutlah perkataan Fongso Dalburkarki. Setelah ia turun pada Bizurat, Fongso Dalburkarki pun naik ke Pertugal mengadap Raja Pertugal minta armada,[88] maka diberi oleh Raja Pertugal empat buah kapal dan lima buah ghali panjang. Maka ia turun berlengkap pula di Guha tiga buah kapal, dulapan ghalias, empat buah ghali panjang, lima belas fusta, maka jadi empat puluh semuanya. Maka pergilah ia ke Melaka.

Setelah sampai ke Melaka, maka gempar orang Melaka. Maka dipersembahkan oranglah kepada Sultan Ahmad, "Bahawa Feringgi datang menyerang, tujuh buah kapal dan dulapan ghalias dan sepuluh buah ghali dan pencalang lima belas buah dan fusta lima buah". Maka Sultan Ahmad pun mengerahkan segala rakyat berhadir kelengkapan. Maka berperanglah Feringgi dengan orang Melaka, maka libetilnya dari kapal seperti hujan datangnya, bunyinya seperti guruh di langit, kilat api seperti kilat di udara, bunyi istinggar bagai kacang direndang. Maka segala orang Melaka pun tiada lagi beroleh berdiri di pantai daripada bersangatan bedil itu. Maka ghali dan fusta dilanggarkannya dari ujung jambatan.

Maka Sultan Ahmad pun keluarlah naik gajah, Jiluji namanya, Seri Awadana di kepala gajah, bertimbal rengka dengan baginda berguru dengan Makhdum Sadar Jahan akan ilmu Tauhid, maka Tun Ali Hati di buntut gajah. Maka baginda pergilah ke jambatan, berdiri dalam bedil yang seperti hujan yang lebat itulah. Maka Makhdum Sadar Jahan berpegang dua tangannya pada rengka, maka kata Makhdum pada Sultan Ahmad Syah, "Hei Sultan, di sini bukan tempat Tauhid. Mari kita kembali". Maka Sultan Ahmad tersenyum. Maka Sultan Ahmad pun kembali ke istana baginda. Maka Feringgi bersuara dari kapal, "Hei, orang Melaka! Ingatlah kamu sekalian! [167] Esok harilah kami naik ke darat!" Maka sahut orang Melaka, "Baiklah!"

Maka Sultan Ahmad Syah pun menyuruh mengimpunkan orang dan disuruh berhadir. Maka hari pun malamlah, maka segala hulubalang dan

88. ارمة ra-y-a-m-d (Armada?) W (101): "wardi".

anak tuan-tuan semuanya berbengku[89] di balai rongMaka kata anak tuan-tuan, "Apa kerja duduk sajasaja? Baik kita membaca hikayat, supaya kita beroleh faedah". Maka kata Tun Muhammad Unta, "Benarlah kata tuan itu. Baik mohonkan *Hikayat Muhammad Hanifah*".[90] Maka anak tuan-tuan itu pun berkata pada Tun Aria, "Pergilah tuan hamba persembahkan pada Yang Dipertuan. 'Patik itu sekalian hendak mohonkan *Hikayat Muhammad Hanifah*, mudah-mudahan kalau patik itu mengambil faedah daripadanya, karena Feringgi akan melanggar esok hari'". Maka Tun Aria pun masuklah mengadap kepada Sultan Ahmad, maka sembah orang itu semuanya dipersembahkan kepada baginda. Maka oleh Sultan Ahmad Syah dianugerahakan akan baginda *Hikayat Hamzah*, maka titah Sultan Ahmad, "Hendak pun kita anugerahakan *Hikayat Muhammad Hanifah*, takut tak akan ada berani segala tuan-tuan itu seperti Muhammad Hanifah, tetapi jikalau seperti Hamzah, adalah gerang beraninya segala anak tuan-tuan itu, sebab itulah maka *Hikayat Hamzah* kita anugerahakan".

Maka Tun Aria pun keluarlah membawa *Hikayat Hamzah*, maka titah Sultan Ahmad itu semuanya disampaikannya kepada segala anak tuan-tuan itu, semua anak tuan-tuan itu diam. Maka sahut Tun Isak Barakah, katanya pada Tun Aria, "Persembahkan kepada Yang Dipertuan,[91] salah titah itu. Jika hendak, Yang Dipertuan seperti Muhammad Hanifah, patik ini sekalian seperti hulubalang Baniak. Jikalau ada berani Yang Dipertuan seperti Muhammad Hanifah, adalah berani patik itu seperti hulubalang Baniak". Maka oleh Tun Aria, kata Tun Isak Barakah itu semuanya dipersembahkan kepada Sultan Ahmad, maka baginda tersenyum. Maka dianugerahai pula *Hikayat Muhammad Hanifah*.

Setelah hari siang, maka Feringgi pun naiklah ke darat lalu melanggar. Maka Sultan Ahmad pun naik gajah Juru Demang, Seri Awadana di kepala, Tun Ali Hati bertimbal rengka. Maka berparanglah dengan orang Melaka terlalu ramai. Daripada sangat tempuh Feringgi itu, maka pecah perang orang Melaka, melainkan yang hanya lagi tinggal baginda, tertawai-tawai[92] di atas gajah. Maka baginda beradakan tombak dengan Feringgi, luka sedikit tapak tangan baginda. Maka oleh Sultan Ahmad ditelentangkan baginda tangannya, maka titah baginda, "Hei, anak Melayu! Lihatlah!" Setelah melihat tangan Sultan Ahmad luka, maka

89 بربغكو b r b n g k-u; W "beringgu"

90 حنيفه (h-ny-f-h) Yang dimaksudkan ialah "Hanafiah"

91 Dieja يڠدڤرتوان (yng-dpr-tuan-ja

92 تاوى Barangkali "tari" tertari-tari?

hulubalang pun tampil pula, maka beramuklah dengan Feringgi.

Maka Tun Salahuddin, nenek[93] Orangkaya Sogoh, beradakan tombak dengan Feringgi, maka kena dadanya Tun Salahuddin, lalu mati. Maka dua puluh hulubalang yang tertau-tau mati, syahadan Seri Awadana [168] pun luka hari-harinya,[94] maka gajah pun diderumkan orang, maka Seri Awadana pun diusung orang. Maka disuruh Sultan Ahmad lihat pada tabib, maka diubati oleh tabib dengan ekor sirih, maka kata tabib, "Tiada mengapa, dapat diubati. Jikalau sekerat beras juga masuknya, Seri Awadana mati".

Maka Melaka pun alahlah, dinaikinya oleh Feringgi dari ajong Berni[95] Maka segala Melaka pun larilah, maka Bendahara Lubuk Batu itu ditandu oranglah dibawa lari, Selamat Gagah nama orang menandunya itu. Maka Feringgi pun datanglah berikut-ikut, maka kata Bendahara pada orang menandu itu, "Langgarkan aku pada Feringgi itu!" Maka tiada diberi oleh segala anak cucunya. Maka kata Bendahara, "Cabarnya segala orang muda-muda ini! Jikalau aku lagi muda, mati aku dengan Melaka ini!"

Maka Sultan Ahmad pun undurlah ke hulu Muar, lalu ke Pagoh. Akan Sultan Mahmud Syah diam di Batu Hampar. Maka Sultan Ahmad membuat kota pula, di Bentayan.[96] Maka Feringgi pun diamlah di Melaka, syahadan pagar istana diperbuatnya akan kota, ada lagi datang sekarang. Maka Feringgi pun datang ke Muar menyerang Pagoh, maka berparang di sana. Ada berapa hari berparang,[97] Pagoh pun alah. Sang Setia pun mati. Bermula Sultan Ahmad pun undur ke hulu Muar. Maka Bendahara pun hilanglah di Muar, ditanamkan orang di Lubuk Batu.

93 Ditulis (n-y-t-k-n), Niatkan? W (192): "niatkan".

94 [illegible]

95 Barangkali "dan ajong Bernini (b-r-n-y)" atau seperti yang ditegakkan B (252 : 69a) "dan ujong balai". Berni di sini barangkali nama satu tempat berhampiran Jambi. Nampaknya Berni telah berbaik-baik dengan pihak Portugis sehingga jong mereka telah digunakan Portugis untuk mendarat di Melaka. Akibatnya, "jong Berni" amat dicurigai para pejuang Melayu Melaka dalam buangan. Dalam satu peristiwa selepas ini (lihat 176), sebuah jong Berni yang hendak ke Melaka telah ditahan dan sebahagian muatannya dirampas oleh sepasukan angkatan Melayu yang sedang dalam perjalanan untuk menyerang Melaka.

96 (d-n-n-b-t-y-ny) dinnebatinya? Adakah bermaksud "dinebatinya yakni dibina kota atau diadakan benteng yang kukuh di sekelilingnya"? W (193): "di Bentayan".

97 Ditulis (s-h-y-a) sahaja.

maka dipanggil orang "Datuk Lubuk Batu".

'Maka Sultan Ahmad Syah dan ayah baginda, Sultan Mahmud Syah pun berjalanlah dari hulu Muar lalu ke Pahang, maka dialualukan oleh Raja PahangMaka anak Sultan Mahmud Syah dengan permaisuri Kelantan itu, dudukkan baginda dengan Raja Pahang yang bernama Sultan Mansur Syah. Dari Pahang baginda lalu ke Bintan. Maka Sultan Ahmad berbuat negeri di Kopak.[98]

Adapun akan Sultan Ahmad, tiada juga kasih akan segala pegawai dan segala orang besar-besar melainkan segala tuan-tuan yang tersebut dahulu itu juga. Apabila orang mudamuda itu makan di dalam hayam suap dan nasi kunyit dan minyak sapi, maka segala pegawai dan orang besar-besar pun datang mengadap Sultan Ahmad, maka kata segala orang muda itu, "Mana nasi kunyit tadi? Di mana reja hayam suap yang kita makan tadi?" Setelah Sultan Mahmud Syah menengar fi'il anakanda baginda itu, tiada berkenan pada baginda, disuruh baginda kerjakan. Sultan Ahmad sudah mangkat, maka [169] ayahanda baginda Sultan Mahmud Syah pula kerajaan.

Maka segala anak tuan-tuan dan hamba raja pada Sultan Ahmad itu semuanya dikapungkan baginda. Maka titah Sultan Mahmud Syah [pada] segala anak tuan-tuan itu, "Engkau semuanya jangan syak hati. Seperti si Ahmad, demikianlah padaku". Maka sembah mereka itu, "Baiklah, tuanku. Patik sekalian, yang mana titah Sultan, di sanalah patik sekalian". Maka Tun Ali Hati disuruh Sultan Mahmud Syah panggil. Maka Tun Ali Hati pun tiada mau datang; maka sembah Tun Ali Hati, "Adapun akan patik itu,[99] paduka anakanda yang membaiki patik itu. Jikalau kiranya paduka anakanda mati dengan musuh, nescaya patik itu mati. Ini apatah daya patik itu? Sudah dengan kehendak Yang Dipertuan, langit menimpa bumi! Karena anak[100] Melayu tiada penah durhaka, hanya patik itu memohonkan hendak minta dibunuh".

Maka kata segala kata Tun Ali Hati itu semuanya dipersembahkannya pada Sultan Mahmud Syah. Maka titah baginda, "Kata pada Si Ali, jikalau Si Ahmad pun ia dibaikinya, padaku pun kubaikkan jua ia. Mengapa ia berkata demikian? Karena aku tiada mau membunuh dia". Maka titah itu dijunjungkan orang pada Tun Ali Hati. Maka sahut Tun Ali Hati, "Jikalau ada kurnia akan patik itu, mohonkan

98 Diepa كوڤ (kwp-0 h) (Kopah?)

99 W(193) "hai"

100 ■ "hamba"

hendak ganta dibunuh juga, karena patik itu tadalah mau memandang muka orang lain". Maka beberapa utah hendak menghidup Tun Ali Hati ini, pada jua ia mau, hendak minta dibunuh juga. Maka disuruh oleh Sultan Mahmud Syah dibunuhlah Tun Ali Hati.

Hatta Sultan Mahmud Syah pun memerintahkan kerajaan baginda. Maka Tun Pikrama, anak Bendahara, dijadikan Bendahara, bergelar Paduka Raja. Maka Seri Amar Bangsa, cucu Bendahara Putih, dijadikan Perdana Menteri, duduknya berseberangan Bendahara. Adapun Seri Amar Bangsa beranakkan Tun Abu Ishak; akan Tun Abu Ishak beranakkan Tun Abu Bakar pada zaman Johor, bergelar Seri Amar Bangsa jua. Saudaranya bernama Orangkaya Tun Muhammad; maka ia beranakkan Orangkaya Tun Undan dan Orangkaya Tun Sulat. Maka Tun Isap bergelar Paduka Tuan. Maka Tun Hamzah, anak Seri Nara Aldiraja, dijadikan Penghulu Bendahari, bergelar Seri Nara Aldiraja, ialah yang sangat dikasihi oleh Sultan Mahmud Syah. Maka Tun Biyajit Rupa, anak Bendahara Seri Maharaja, dijadikan baginda menteri, bergelar Seri Utama; akan Seri Utama itu beranakkan Tun Dolah. Maka Tun Umar, anak Seri Maharaja, dijadikan menteri juga, bergelar Seri Petama. Maka Tun Muhammad, saudara Seri Nara Aldiraja jadi kepala abentara, bergelar Tun Nara Wangsa. Maka anak Paduka Tuan yang bernama Tun Mat bergelar Tun Pikrama Wira.

Adapun [170] Laksamana[101] beranakkan Khoja Hassan.[102] Khoja Hassan pun telah mati dalam perintaannya,[103] ditanamkan orang di atas Bukit Pantau, itulah maka disebut "Laksamana Pantau". Maka Hang Nadim dijadikan Laksamana, ialah yang sangat masyhur gagah berani, perang bertumbakan darah juga tiga puluh dua kali. Maka Laksamana beristeri orang perseturun[104] bonda sepupu Bendahara Lubuk Batu, beranak seorang laki-laki bernama Tun Mat Ali.

Maka oleh Sultan Mahmud Syah anakanda baginda Raja Muzaffar

101 "Laksamana [Koja Husain]"

102 حسن (h s n) W (194) "Husain"

103 Lagi satu contoh kesamaran dalam *Sulalat us Salatin*. Daripada jalan cerita sebelum ini besar kemungkinan orang yang diceritakan sebagai 'mati dalam perintaan' itu ialah Laksamana Khoja Husain. Tidak dinyatakan sebelum ini yang Khoja Husain mempunyai anak bernama "Khoja Hassan" W. "Adapun [170] Laksamana beranakkan Khoja Husain pun telah mati dalam perintaannya." B (253, c 704) mencadangkan perkataan "beranakkan" itu ditiadakan. Ada kemungkinan yang asal ditulis ialah "Adapun Laksamana Khoja Husain telah mati dalam perintaannya."

104 استورن (p r a s t u r - n) W "peraturan"

Syah nolah ditimangkan baginda kerajaan akan ganti baginda; maka didudukkan baginda dengan Tun Terang, cucunda Bendahara Seri Maharaja, anakanda Tun Fatimah dengan Tun Ali. Maka apabila Raja Muzaffar Syah duduk dadap orang pada tempat baginda itu, pertama dihampar tikar hamparan kedua permadani, diatas permadani tikar pacar, di atas sekali peterana, di sanalah baginda duduk.

Hatta maka Tun Fatimah pun bunting pula. Setelah genap bulannya, maka baginda beranak seorang laki-laki terlalu baik parasnya, maka oleh Sultan Mahmud Syah akan anakanda baginda itu dinamai Raja 'Alauddin Syah. Serta baginda jadi, peterana tempat Raja Muzaffar Syah duduk itu pun diambil orang. Setelah tujuh hari Sultan 'Alauddin Syah di luar, dicukur orang, oleh ayahanda baginda, maka permadani daripada Raja Muzaffar Syah diambil orang, menjadi tinggal tikar hamparan seperti adat orang kebanyakan. Setelah empat puluh hari di luar, Sultan 'Alauddin ditabalkan oleh ayahanda baginda Sultan Mahmud Syah akan ganti baginda di atas kerajaan, maka disuruh sebut "Sultan Muda". Hatta berapa lamanya Sultan Muda pun besar, terlalu baik khuluk tanuya. *Wallahu a'lam bissawab.*

24

ALQISAH

Maka tersebutlah perkataan Sultan Abdullah, Raja Kampar, mendehaka tiada mau menyembah dan tiada mau mengadap ke Bintan; mengutus ia ke Melaka, minta bantu pada Feringgi, maka diberi bantu oleh Kapitan Melaka; esoklah diperbuat orang nyata,[1] demikian bunyinya:

Dibela-dibela diretik,
sebasta kandis dipanggalkan
Alangkah gila raja kecil!
Manggusta manis ditinggalkan,
melihat buah hartal masak

Setelah Sultan Mahmud Syah mendengar khabar Raja Abdullah itu, maka baginda terlalu murka, maka Sultan Mahmud Syah menitahkan berlengkap akan menyerang ke Kampar. Maka yang dititahkan itu empat[2] orang menteri, pertama, Seri Amar Bangsa; kedua, Seri Utama; ketiga, Seri Petama; keempat, Seri Nata; kelima, Tun Biajit, anak Laksamana Hang Tuah, [171] seorang hulubalangnya. Setelah sudah berlengkap, maka pergilah mereka itu, Seri Amar Bangsa akan panglimanya.

Setelah datang ke Kerumutan, maka Feringgi pun datang bantu Kampar, fusta sepuluh, banting lima, bertemulah dengan kelengkapan Melayu, lalu berparang, terlalu ramai berparang. Pecahlah perang Melayu, maka semuanya orang itu terjun di Kerumutan lalu berjalan ke Inderagiri. Adapun oleh gundik Tun Biajit tatkala terjun itu suatu pun tiada yang lain tiada dibawanya, melainkan taji Tun Biajit sebilah juga dibawanya. Maka segala orang membawa gundik itu, jikalau akan berjalan, maka gundik itu digulungnya dengan kajang disuruh pikul pada sakai. Setelah datang pada tempat berhenti, maka dibuka

1. W (195): "Itulah diperbuat orang nyanyi". Pembetulan oleh W ini merupakan masalah penyalin naskhah Raffles. Ini barangkali telah tersilap menyalin. Namun demikian, tidak mustahil penyalin telah menulis semula apa yang sebenarnya terdapat dalam naskhah asal Raja Bungsu.
2. W: "empat puluh".

Setelah berapa hari di jalan, sampailah ke Inderagiri. Maka Seri Amar Bangsa dan Seri Utama dan Seri Petama dan Seri Nata dan Tun Biyajit, dan segala orang yang rosak itu pun masuklah mengadap Sultan Nara Singa. Maka oleh Sultan Nara Singa sekaliannya dianugerahai baginda masing-masing pada kadarnya. Maka oleh Tun Biyajit, dengan barang dayanya dicarinya hayam seekor dipeliharanya, maka menyabunglah ia. Setelah dilihat oleh segala Minangkabau Tun Biyajit menyabung, maka ditandanginya oleh segala Minangkabau. Maka oleh Tun Biyajit dilawannya segala Minangkabau itu menyabung, terkadang menang Tun Biyajit, terkadang alah, tetapi keraplah Tun Biyajit menang.

Maka segala Minangkabau bersama-sama. Maka ada seekor hayam pada Raja Nara Singa dibawa orang dari Minangkabau. Adapun akan hayam itu tiga puluh negeri ditandingkannya,[3] maka adalah orang empunya hayam itu seorang pun tiada mau melawan dia. Akan timbang hayam itu sepuluh tahil beratnya; akan kata yang empunya hayam itu, "Barang siapa melawan dia hayam hamba ini, timbangnya inilah akan taruhnya". Orang Raja Nara Singa disuruh lawan pada Tun Biyajit, maka sembah Tun Biyajit, "Baiklah, tuanku". Maka Tun Biyajit mencari hayam. Setelah beroleh hayam yang seperti dikehendakinya, maka dipeliharakannya. Setelah itu, maka dilawannyalah Minangkabau itu menyabung. Maka titah Raja Nara Singa, "Mari kita menyabung sepuluh tahil, orang yang empunya hayam itu timbangnya inilah akan taruhnya menjadi sekati". Maka orang yang di luar bertaruh sepuluh tahil, menjadi tiga puluh tahil. Maka segala orang yang pada Tun Biyajit, semuanya turut pada Tun Biyajit.

Setelah sudah berpadan, maka hayam pun dibulang oranglah, maka Tun Biyajit pun taruhkan baja hayat. Maka kata Tun Biyajit, "Tempahlah hamba". Maka orang Minangkabau pun menempahkan taruhnya pada Tun Biyajit, ada yang setahil, ada yang dua tahil, ada yang tiga tahil. Setelah genaplah tiga puluh tahil, maka oleh Tun Biyajit emas itu dibahaginya pula; [172] ada yang dua tahil, ada yang setahil, ada yang tengah tahil. Setelah sudah lengkaplah dibahaginya oleh Tun Biyajit pada segala temannya, maka lebihnya itu diikatnya teguh-teguh oleh Tun Biyajit. Maka hayam itu pun dilepaskan oranglah. Serta turun juga hayam Raja Nara Singa, ditikamnya oleh hayam Tun Biyajit, kena piat,[4] di sana juga teram[5] Maka sotak orang Bintan guruh bunyinya. Sejak itulah segala

3 Mungkin juga: "ditandangkannya". W: "ditandangkannya".

4 [illegible] (p-y-t)

5 [illegible] (t-r-a-n) ... "Iatan"

Minangkabau bertobat, tiada mau melawan Tun Biajit menyabung.

Setelah berapa lamanya segala mereka itu di Inderagiri, maka disuruh antarkan oleh Raja Sunga ke Bintan.

Sebermula segala kelengkapan Feringgi yang mengalahkan kelengkapan Bintan itu semuanya mudik ke Kampar mengadap Sultan Abdullah. Maka oleh Sultan Abdullah diberinya[6] persalin akan Kapitan Mor itu, maka Raja Abdullah pun naiklah ke fusta Feringgi itu hendak melihat fusta Feringgi itu. Maka oleh Feringgi itu Raja Abdullah lalu ditangkapnya, maka fusta pun hilirlah. Maka segala orang Kampar pun sekaliannya tercengang. Maka Sultan Abdullah pun dibawa oleh Feringgi itu ke Melaka. Setelah datang ke Melaka, maka oleh Kapitan dengan teguhnya dihantarkannya ke Goa; setelah datang ke Goa, lalu dibawanya ke Portugal. Itulah maka diperbuatkan orang nyanyi, demikian bunyinya:

Ke sana ke sana raja duduk,
    Jangan ditimpa oleh papan.
Diketahui ganja setebuk,
    Mengapa maka dimakan!

Sultan Mahmud Syah mendengar khabar Sultan Abdullah tertangkap oleh Feringgi itu, maka baginda terlalu dukacita, maka menyuruhkan ke Kampar memanggilkan segala pegawai Sultan Abdullah. Maka segala pegawai Sultan Abdullah semuanya datang mengadap Sultan Mahmud Syah, maka baginda pun murka akan segala pegawai Sultan Abdullah. Maka titah Sultan Mahmud Syah, "Benarkah engkau semuanya tiada serta mati dengan anakku?" Maka sekaliannya mereka itu tunduk, seorang pun tiada mengangkatkan kepalanya. Adapun Bendahara Kampar itu Paduka Tuan gelarnya, diubah baginda Seri Amar Diraja.[7] *Wallahu a'lamu bissawab*.

---

6. [illegible]
7. W (17): "Seri [illegible]".

25

ALQISAH

Maka tersebutlah perkataan Maharaja Lingga yang tuha sudah mati. Maka Maharaja Isaplah jadi kerajaan Lingga. Maka Maharaja Isap berlengkaplah hendak mengadap ke Bintan. Setelah sudah berlengkap, maka Maharaja Isap pun mudiklah ke Bintan mengadap Sultan Mahmud Syah. Setelah datang ke Bintan, maka oleh Sultan Mahmud akan Maharaja Isap Syah dipermulia syahadan diberi hormat sepertinya, maka didudukkan di bawah Laksamana, karena adat Maharaja Lingga duduk di bawah Laksamana. Jikalau pada permegian barang ke mana serta akan berhenti, maka Maharaja Lingga mengunjamkan sombong Laksamana dan Raja Tungkallah mengunjamkan sombong [173] Bendahara. Demikianlah adat dahulu kala, istimewa pula akan Laksamana itu keluarga tuha pada Maharaja Isap.

Sebermula akan Raja Nara Singa, Raja Inderagiri, pun berlengkap hendak mengadap ke Bintan. Setelah didengar baginda Lingga sunyi, maka baginda lalu ke Lingga, maka dirosakkannya Lingga, maka segala anak isteri Maharaja Isap habis dibawanya, dibawanya ke Inderagiri, karena Raja Nara Singa itu sedia berkelahi dengan Raja Lingga. Setelah itu maka Raja Nara Singa lalu ke Bintan mengadap Sultan Mahmud Syah, maka didapatinya Maharaja Lingga sudah kembali ke Lingga. Maka oleh Sultan Mahmud Syah akan Raja Nara Singa sangat dikasihi baginda.

Maka kedengaranlah ke Bintan bahawa Sultan Mansur Syah, Raja Pahang, telah mangkat, dibunuh oleh ayahanda baginda tengah sebab berbuat zina dengan isterinya. Maka oleh Sultan Mahmud Syah anakanda baginda yang diperisterinya oleh Sultan Mansur Syah disuruh baginda jemput. Setelah datang, maka didudukkan baginda dengan Raja Nara Singa, digelar oleh Sultan Mahmud Syah Sultan Abdul Jalil, dianugerahi nobat sekali. Maka terlalulah kasih Sultan Mahmud Syah akan Sultan Abdul Jalil, terlebih daripada menantunya yang lain. Maka Sultan Abdul Jalil beranak dengan isterinya baginda itu dua orang laki-laki, bernama Raja Ahmad, yang bungsu Raja Muhammad, timang-timangannya Raja Nong.*

* W.P.: "Rakang"

Hatta maka Maharaja Isap pun sampailah ke Lingga, maka dilihatnya negerinya sudah binasa dan anak isterinya pun habis tertawan oleh orang Inderagiri. Maka Maharaja Isap berbalik pula ke Bintan, kasadnya hendak mengadukan halnya ke bawah duli Sultan Mahmud Syah. Setelah datang ke Bintan, maka dilihatnya Sultan Abdul Jalil telah diambil menantu oleh Sultan Mahmud Syah, maka Maharaja Isap pun tiada daya. Maka oleh Sultan Mahmud Syah akan Maharaja Isap diperdamaikan[9] baginda dengan Sultan Abdul Jalil, segala anak isterinya semuanya dikembalikannya, tetapi dilihat oleh Maharaja Isap ia dengan Sultan Abdul Jalil itu jauh bedanya, karena Sultan Abdul Jalil sudah jadi menantu oleh Sultan Mahmud Syah. Maka Maharaja Isap pun mohonlah pada Sultan Mahmud Syah kembali ke Lingga.

Setelah ia datang ke Lingga, apabila Maharaja Lingga keluar dihadap oleh segala pegawai, maka mukanya dicontengnya dengan arang atau dengan kapur. Maka ditegurnya[10] oleh segala pegawai, katanya, "Tuanku, arang di muka ki andeka[11] itu". Maka segera disapunya oleh Maharaja Isap. Manakala ia keluar dihadap orang, demikian juga. Setelah dua tiga kali demikian juga, maka suatu hari, |174| Maharaja Isap dihadap orang, mukanya dicontengnya juga, maka sembah segala pegawai, "Apa sebabnya patik semua lihat muka ki andeka berconteng?" Maka sahut Maharaja Isap, "Tiadakah kamu semuanya tahu akan mukaku berconteng ini?" Maka sembah segala pegawai, "Tiada patik sekalian tahu". Maka kata Maharaja Isap, "Jikalau kamu dapat membasuh contengku ini, maka katakan pada kamu sekalian". Maka sembah pegawai, "Oleh apatah maka patik sekalian tiada mau mengerjakan dia? Jikalau datang had nyawa patik sekalipun, yang ki andeka itu patik sekalian sertai juga".

Maka kata Maharaja Isap, "Tiadakah kamu sekalian tahu akan anak isteriku habis ditawan oleh orang Inderagiri? Akan sekarang, kita hendak menyerang Inderagiri. Maukah kamu sekalian menyertai daku?" Maka sembah segala pegawai, "Baiklah, tuanku! Patik sekalianlah bercakap". Maka Maharaja Isap pun berlengkap. Setelah sudah berlengkap, maka pergilah ia menyerang Inderagiri, maka dirosakkannya, maka tiada terlawan oleh orang Inderagiri karena segala hulubalang habis pergi mengiringkan Sultan Abdul Jalil ke Bintan. Maka segala anak isteri Sultan Abdul Jalil yang tinggal itu habis ditawannya. Maka Maharaja Isap

9 Dieja? "dipermaikan"

10 Ditulis ditegurnya/ditikernya

11 كندك (k y n d k). Lihat B 12 54 c 72 2)

pun kembalilah ke Lingga.

Setelah datang ke Lingga, maka Maharaja Isap pun berbicara dalam hatinya, "Tiada dapat tiada, aku diserang oleh Yang Dipertuan" Maka Maharaja Isap mengutus ke Melaka minta bantu. Maka diberi oleh Kapitan tiga buah ghah, dua buah fusta, dulapan banting, dua puluh kapal.

Maka orang Inderagiri pun datang ke Bintan memberi tahu Sultan Abdul Jalil. Maka Sultan Abdul Jalil pun masuk mengadap Sultan Mahmud Syah, hendak memohon kembali ke Inderagiri karena sudah dirosakkan oleh Maharaja Isap. Maka Sultan Mahmud Syah pun terlalu murka baginda, seraya menyuruh berlengkap akan menyerang Lingga. Maka Laksamana hendak dititahkan baginda akan panglimanya, maka laksamana memohon tiada mau; akan sembah Laksamana, "Mohonlah patik ke Lingga, karena Maharaja Isap itu keluarganya. Kalau tiada alah Lingga itu, dikata orang dengan tipu patik. Biarlah patik ke Melaka". Maka Laksamana pun berlengkap pergi ke Melaka dua belas perahu. Maka Sang Setialah dititahkan akan panglima menyerang Lingga itu, sekalian hulubalang semuanya pergi.

Setelah datang ke Lingga, maka bertemu dengan Feringgi bantu ke lingga, kapal dilabuhkannya di labuhan Dendang. Maka berperanglah Sang Setia dengan Feringgi terlalu ramai, hendak masuk Lingga tiada beroleh karena dihempangnya oleh Feringgi. Maka dilanggarnya oleh Sang Setia dengan kelengkapannya kapal Feringgi itu, maka banyak orang kena bedil [175] dari atas kapalnya. Sang Jaya Pikrama pun kena bedil, putus lengannya, maka uratnya pun berumbai-umbai. Maka tiadalah alah kapal itu, Lingga pun tiada alah.

Maka Sang Setia pun kembali ke Bintan mengadap Sultan Mahmud Syah. Maka segala peri hal ehwal peperangan itu semuanya habis dipersembahkannya ke bawah duli Sultan Mahmud Syah, maka terlalu murka baginda. Adapun akan Sang Jaya Pikrama disuruh ubati pada tabib, maka ditasaknya oleh tabib, maka Sang Jaya Pikrama mengaduh. Maka kata Sang Guna pada Sang Jaya Pikrama, "Mengapa adik mengaduh? Bukankah adik laki-laki?" Setelah ia menengar kata Sang Guna, maka ia pun berdiam dirinya, bagaibagai oleh orang mengubat, suatu pun tiada katanya. Ada berapa hari, maka Sang Jaya Pikrama pun matilah.

Sebermula akan Laksamana dan Sang Naya yang pergi ke Melaka itu, dua belas buah kelengkapan. Setelah datang ke Melaka, maka Laksamana tiga hari berlabuh di pulo[12] Melaka, tiada keluar Feringgi.

12 Jawi (pulau). Lihat halaman 12.

karena segala kelengkapannya habis pergi ke Lingga, ada tinggal dua buah fusta. Seorang Feringgi, Gongsalo namanya, baharu akan naik kapitan, maka ia berkata Kapitan Melaka[13] yang tuha, katanya, "Jikalau engkau keluar dengan dua buah fusta ini, tiada akan dilanggarnya oleh Melayu". Maka sahut Kapitan Melaka, "Aku keluar dengan dua buah fusta, dilanggarnya oleh Laksamana itu, karena ia bukan seperti orang lain". Setelah sudah Gongsalo menengar kata itu, maka diambilnya seceper disuruhnya bawa ke jambatan, katanya, "Barang siapa mau pergi bersama-sama dengan daku mengeluari Laksamana, ambillah amra[14] ini akan dia".

Hatta maka berkapunglah segala soldadu, maka Gongsalo pun turunlah berlengkap. Maka kedua buah [fusta] Gongsalo pun keluarlah, tiada lagi lasykar berdayungkan dia, melainkan semuanya Feringgi putih jua belaka. Setelah dilihat oleh Laksamana dua buah fusta datang, maka kata Laksamana pada Sang Naya, "Tuan hamba enam buah perahu, sebuah fusta, langgar, hamba enam buah, sebuah fusta hamba langgar". Setelah sudah berbahagi, maka Laksamana dan Sang Naya pun berdayunglah, maka bertemulah, ditemulah dengan fusta Feringgi itu lalu berparang. Maka Laksamana terlanggar pada fusta Gongsalo berkepil sekali, maka terlalu ramai berparang. Maka fusta Gongsalo pun banyaklah orang mati dan luka, maka darah di perahu Laksamana hingga lutut syahadan dari rimbat dan kasang-kasang[15] yang tergantung itu darah cucur seperti ujan; dalam fusta Feringgi pun demikian juga. Maka berparang itu seraya berhanyut dari pulau Melaka itu datang ke Punggor.

Maka Sang Naya pun melanggar fusta sebuah itu, maka dibedil oleh Feringgi kena Sang Naya luka sangat. Setelah Sang Naya kena, maka perahu Sang Naya hanyut, dan orang yang lain pun tadalah tinggal lagi. Maka fusta itu membantu[16] Gongsalo membedil Laksamana. [176] Jika tiada dibantunya itu, entah alah Feringgi itu. Maka tatkala itu ceraulah orang berparang, maka Feringgi pun undurlah datang ke Hujung Pasir itu, maka telengalah[17] di sana, tiada beroleh masuk ke Sungai Melaka. Maka datang Feringgi kota menjemput dia, sebab itulah maka dibuatkan oleh orang Melaka nyanyi demikian bunyinya:

13 "berkata [kepada] Kapitan Melaka"

14 امرا (am-r-y)

15 كاسڠ (k-a-s-ng-2)

16 W (200) "memmta"

17 te[r][enga[h]]lah

Gongsalo namanya Kapitan Melaka,
Malunya rasanya kedapatan kata

Setelah itu, maka Laksamana dan Sang Naya pun kembalilah ke Bintan, lalu masuk mengadap Sultan Mahmud Syah. Maka baginda murka akan Laksamana tiada mau pergi ke Lingga, tetapi akan Sang Naya dianugerahat persalin dan gundik baginda yang bernama Tun Sadah itu, maka diperisterinya oleh Sang Naya, beranak dua orang, seorang laki-laki bernama Tun Dolah, seorang perempuan bernama Tun Munah, dudukkan dengan Tun Bilang, anak Tun 'Abdul itu, anak Laksamana tuha Hang Tuah, beranak Tun Merak.

Hatta berapa lamanya, maka Sultan Mahmud Syah menyuruh berlengkap akan menyerang Melaka, Paduka Tuan yang ditetahkan akan panglimanya. Maka Tun Nara Wangsa dan Tun Pikrama dan laksamana dan Sang Setia dan Sang Naya dan Sang Rana dan Sang Seri Setia, dan segala hulubalang, sekaliannya pergi. Maka Sultan Abdul Jalil, Raja Inderagiri pun pergi, jadi mata. Setelah sudah lengkap, maka Paduka Tuan dan Sultan Abdul Jalil pun pergilah dengan segala hulubalang sekalian, melainkan segala menteri juga yang tinggal. Setelah datang ke laut Sawang, maka bertemu dengan sebuah jong Berni[18] hendak ke Melaka, maka nakhoda jong itu dipanggil oleh Paduka Tuan. Maka nakhodanya itu pun datang mengadap Paduka Tuan. Maka Sang Setia dekat, pergike jong itu sama-sama dengan Tun Kedah[19] dan Tun Munawar dan Tun Dolah. Maka oleh Sang Setia dan orang muda-muda itu dinaikinya jong Berni itu lalu ia merampas.

Setelah nakhoda Berni itu melihat jongnya dirampas oleh orang itu, maka ia memohon pada Paduka Tuan lalu kembali ke jongnya. Setelah Sang Setia melihat nakhoda jong itu datang, maka Sang Setia turun ke perahunya. Maka oleh nakhoda jong itu diamuknya segala orang di atas jong itu, semuanya terjun ke air. Maka nakhoda itu pun berlayarlah kembali, tetapi segala kelengkapan yang dekat itu telah banyak beroleh rampasan.

Maka kata Laksamana pada Paduka Tuan, "Pada bicara sahaya, baik juga tuanku menyuruh menafahus segala orang yang beroleh rampasan itu, kalau ditanya oleh Yang Dipertuan". Maka sahut Paduka Tuan,

---

18 (ms 46-rm 9) Berunai'Ejaannya sama dengan "ajung Berni"di hlm 168 dalam kisah penawanan Melaka oleh Feringgi

19 W (201) "Kerah"

"Benarlah seperti kata tuan hamba itu. Pergilah Laksamana menalahus dia itu!" Maka kata Laksamana, "Baiklah, hambu pergi menalahus dia". Segala orang yang beroleh itu, jikalau barang siapa [177] beroleh dua, maka diambilnya seorang, yang beroleh empat, diambilnya dua. Maka Laksamana datang ke perahu Tun Kedah, tatkala itu Tun Kedah lagi berjamu sakanya makan minum. Maka kampunglah sakanya di haluan, jadi sarat ke haluan. Maka dilihat oleh Laksamana perahu Tun Kedah sarat haluan, maka pada bicaranya tadalah Tun Kedah beroleh, maka laksamana lalu ke perahu Tun Dolah. Akan Tun Dolah itu ada beroleh dua orang, seorang putih, seorang hitam. Maka kata Laksamana pada Tun Dolah, "Pilihlah oleh Tun Dolah yang mana mau, ambil seorang". Maka kata Tun Dolah, "Beroleh hanya dua orang ini pun hendak diambil? Jikalau hendak, ambillah semuanya". Maka sahut Laksamana, "Jangan demikian. Baiklah juga dipilih oleh Tun Dolah, ambil seorang". Maka kata Tun Dolah, "Tadalah beta mau. Ambillah semuanya". Maka sahut laksamana, "Baiklah, jikalau Tun Dolah tada mau, turunkanlah". Maka bahana hendak diturunkan oleh laksamana keduanya, maka kata Tun Dolah, "Tinggalkan yang hitam!" Maka Laksamana tersenyum; ditinggalkannya yang hitam.

Maka laksamana pun pergi ke perahu Sang Setia. Maka oleh Sang Setia segala kelengkapan itu semuanya dikapungkannya, maka kata Sang Setia, "Jika Laksamana menalahus hamba, hamba lawan berparang, karena tada patut hulubalang menalahus samanya hulubalang. Jika laksamana pun hulubalang besar, hamba pun hulubalang besar". Maka kata Laksamana, "Adik, beta disuruhkan Orangkaya Paduka Tuan menalahus ini, bukan akan berkelahi. Jikalau adik beta suka, beta talahus; jikalau tada, kembali beta memberi tahu Orangkaya". Maka Laksamana pun pergilah kepada Paduka Tuan, maka segala kata Sang Setia itu semuanya dikatakannya kepada Paduka Tuan. Maka Paduka Tuan menyuruhkan budaknya menalahus Sang Setia. Setelah datang kepada Sang Setia, maka Sang Setia[20] "Jikalau budak-budak Orangkaya Paduka Tuan, sedia sebenarnyalah menalahus hamba. Jika Laksamana, tada patut menalahus hamba, karena ia pun hulubalang, hamba pun hulubalang".

Setelah itu, maka Paduka Tuan pun pergilah dari Sawang. Berapa hari di jalan, sampailah ke Melaka, maka berhentilah di Pulau Sabat. Maka Sultan Abdul Jalil dan Paduka Tuan dan segala orang banyak pun naiklah berman di Pulau Sabat itu. Maka hari pun petanglah, maka segala

[20] "maka [kata] Sang Setia"

orang Inderagiri pun membawa gendang hendak nobat, maka kata Sultan Abdul Jalil, "Jangan nobat dipalu dahulu, karena Orangkaya ini lagi ada." Maka sahut Paduka Tuan, "Nobatlah baik, karena kita akan bermusuh." Maka sahut Sultan Abdul Jalil, "Baiklah! Jika dengan penyuruh Paduka Tuan!" Maka orang pun menggerenik nobat, maka Paduka Tuan pulang ke perahu. Maka kata Sultan Abdul Jalil, "Hamba diberi malu oleh Paduka Tuan. Sedia tahu akan dia tiada dapat mengadap [178] nobat aku, sebab itulah maka hamba tegah[21] Mengapa maka disuruhnya nobat maka ia kembali ke perahunya? Bukankah daripada ia hendak memberi hamba malu juga?" Maka segala kata Sultan Abdul Jalil itu semuanya kedengaran pada Paduka Tuan, maka kata Paduka Tuan, "Masakan layak hamba mengadap nobat Raja Inderagiri?" Maka segala kata Paduka Tuan itu kedengaran kepada Sultan Abdul Jalil, maka kata Sultan Abdul Jalil, "Sahaja tiada dapat Paduka Tuan mengadap nobat hamba, sebab itulah hamba tegah orang palu nobat. Mengapa maka disuruh oleh Paduka Tuan?"

Setelah itu, maka lalulah ke Melaka, maka berjanjilah akan melanggar pada malam Jumaat. Sang Setia dari laut, Paduka Tuan dan Laksamana dengan segala hulubalang dari Air Leleh. Maka pada malam itu ribut turun terlalu besar, ujan pun lebat, maka tadalah jadi melanggar dari darat. Tetapi oleh Sang Setia, pada malam itu dilanggarnya sebuah kapal, alah. Datanglah pada malam Sabtu, maka Paduka Tuan pun berlengkap akan naik melanggar. Adapun gajah kenaikan Sultan Mahmud Syah yang bernama Bidam[22] Seni itu ada tinggal di Muar, maka disuruh ambil oleh Paduka Tuan. Maka tatkalah melanggar itu Paduka Tuan naik Bidam Seni, maka penghulu gajah itu di kepala, bergelar Maharaja Kunjara, syahadan anak Paduka Tuan yang bernama Tun Mahmud itu dibawa Paduka Tuan bertumbal rengka. Akan Tun Mahmud itulah yang dipanggil orang Datuk Legor. Maka Laksamana dengan segala hulubalangnya pun berjalan di bawah gajah Paduka Tuan.

Maka dibedil oleh Feringgi dari atas kota seperti hujan yang lebat rupanya, maka orang pun sebagai mati, maka seorang pun tiada mau membawa tanglung. Ada orang muda-muda Paduka Tuan, Hang Hassan seorang namanya, Hang Husain seorang namanya, ialah bercakap membawa tanglung. Maka segala orang berjalan itu tiada mau jauh daripada gajah Paduka Tuan, daripada sangat hebat akan bedil itu. Maka

21 تاكه (tagh)

22 سني Sekali diga سني (s-ty)

kata segala orang, "Ingatingat kita dengan Bidam Seni ini, terlalu sangat nakal! Kita ini melarikan bedil, gajah pun membunuh kita!" Maka sahut Maharaja[23] Kumara, "Jangan tuan hamba takut! Jika sedikit belalai gajah ini mengkeredut tunggul rangnya, hamba tendang!" Maka hampirlah kota Melaka. Maka oleh Paduka Tuan dilanggarkannya Bidam Seni pada kota Melaka, patah gadingnya yang kanan. Maka orang pun banyak mati dan luka dibedil Feringgi dari atas kota. Hari pun siang, maka orang sekalannya pun undurlah ke buki.

Setelah itu, maka Sultan Abdul Jalil pun bersembahkan surat ke Bintan, segala kelakuan perang itu semuanya dibubuhnya dalam surat itu. Maka Sang Setia sangat diputi bagainda, Paduka Tuan diperjahatnya. Setelah sampailah surat ke Bintan, maka Sultan Mahmud Syah terlalu amat murka, maka baginda memitahkan Tun Bijaya suruh mengembalikan[24] Paduka Tuan. Maka diberi dua keping surat, sekeping pada Sang Setia, demikian bunyinya, "Salam doa kekanda datang kepada adinda Sang Setia", sekeping pada Paduka Tuan tiada lagi menyebut nama, sehingga demikian bunyinya, "Jika mengatakan diri gagah daripada Hamzah dan Ali, jikalau mengatakan diri tahu daripada Imam Ghazali, jika tiada, tiadi yang dusta daripada Sayyid ul-Haq". Maka Tun Bijaya Sura pun pergilah.

Setelah sampai ke Melaka, maka surat itu disampaikannya oleh Bijaya Sura pada Paduka Tuan, dan surat pun dunjukkannya di hadapan orang banyak. Setelah Paduka Tuan menengar bunyi surat itu, maka ia pun tahu akan dayanya yang kata ini. Maka Paduka Tuan dan Sultan Abdul Jalil dan segala hulubalang pun kembalilah, maka gajah Bidam Seni itu pun dibawa kembali ke Bintan.

Setelah berapa hari di jalan, maka sampailah ke Bintan, maka sekalian masuk mengadap, didapatinya Sultan Mahmud Syah pun sedang dihadap orang. Maka Raja Abdul Jalil dan Paduka Tuan dan segala hulubalang menyembah lalu duduk masing-masing pada tempatnya. Maka Sultan Mahmud Syah pun bertanya pada Sultan Abdul Jalil akan segala peri peperangan itu. Maka oleh Sultan Abdul Jalil akan segala hal peperangan itu semuanya dipersembahkannya ke bawah duli Sultan Mahmud Syah. Maka sembah Sultan Abdul Jalil, "Jikalau Paduka Tuan tuan melanggar pada malam Jumaat tatkala Sang Setia melanggar, entah kesukatan gerang Melaka?" Maka setelah Sultan Mahmud Syah menengar

---

[23] Tertulis "Maha" sahaja.

[24] "mengembalikan Tun Bijaya [Sura] supaya mereka selesaikan"

sembah Sultan Abdul Jalil, maka baginda terlalu murka akan Paduka Tuan. Maka Paduka Tuan pun bertelut, maka ia menyembah pada Sultan Mahmud Syah, lalu Paduka Tuan berpaling mengadap pada Sultan Abdul Jalil, maka kata Paduka Tuan, "Hamba, her Sultan Abdul Jalil, mengadap, maka tuan hamba berpersembahkan dengan kata yang tiada sebenarnya. Sungguhpun hamba berjanji pada malam Jumaat itu akan melanggar, tetapi pada malam itu ribut pun turun. Apa daya hamba, orang tuha? Jangankan hamba berpatang, menarik sehnut pun hamba sukar. Tetapi tadakah dilihat pada malam Sabtu itu patah gading Bidan Seni hamba langgarkan pada kota Melaka?" Hatinya kata Sultan Abdul Jalil, "Aku ini menantu yang dikasihi oleh Yang Dipertuan, barang kataku kukatakan, tiada akan mengapa-apa. Adapun hamba tiada takut akan tuan hamba segagahnya, [180] kutuk Yang Dipertuan seorang gerangan hamba takut. Tuan hamba batu kepala hamba, seakan Raja Inderagiri pun tuan hamba. Apa kehendak tuan hamba sedia hamba lawan." Maka Sultan Abdul Jalil tunduk menengar kata Paduka Tuan itu, maka Sultan Mahmud Syah pun diamlah.

Setelah sudah lama baginda diadap orang, maka Sultan Mahmud Syah pun berangkatlah masuk. Maka segala orang yang mengadap itu pun masing-masing kembali ke rumahnya. *Wallahu a'lam bissawab. Wallahul waqi' wal maab.*

26

ALQISAH

Maka tersebutlah perkataan Sultan Ibrahim, Raja Siak itu, telah mangkat. Maka anakanda baginda yang bernama Raja 'Abdul, beranak dengan Tuan Puteri anak Raja Melaka itulah naik raja di Siak menggantikan kerajaan ayahanda baginda Sultan Ibrahim. Setelah Raja 'Abdul di atas kerajaan, maka baginda berlengkap hendak pergi mengadap Sultan Mahmud Syah ke Bintan. Setelah sudah lengkap, maka Raja 'Abdul pun berangkat. Berapa hari di jalan, sampailah ke Bintan, lalu masuk mengadap Sultan Mahmud Syah, maka terlalu sukacita Sultan Mahmud Syah melihat Raja 'Abdul datang itu. Maka Raja 'Abdul dinobatkan baginda, digelar Sultan Mahmud Syah, "Sultan Khoja Ahmad Syah". Maka oleh Sultan Mahmud Syah, akan Sultan Khoja Ahmad Syah diambil baginda akan menantu. Hatta berapa lamanya maka Sultan Khoja Syah[25] beranak dengan Tuan Puteri anak Sultan Mahmud Syah itu dua orang laki-laki, seorang bernama Jamal, seorang bernama Raja Biyajit.

Adapun akan Sultan Khoja Ahmad Syah ada bersaudara laki-laki, Raja Sam'un namanya; maka baginda beristerikan anak Raja Muara Kuta,[26] beranak tiga orang perempuan, dua orang laki-laki, Raja Isak seorang namanya, Raja Kudhat seorang nakanya.

Arakian pada suatu malam Sultan Mahmud Syah terkenang akan segala negeri takluk baginda yang arah ke barat, lagilah tiada datang, seperti Beruas dan Manjung, dan Tun Ana Bija Aldiraja itu pun sejak Melaka alah, ia tiada mengadap baginda. Maka Sultan Mahmud Syah pada malam itu juga menyuruh memanggil Bendahara. Maka Bendahara pun datang. Maka titah Sultan Mahmud Syah, "Apa bicara Bendahara, karena segala rantau barat lepaslah dampada kita?" Maka sembah Bendahara, "Tuanku, pada bicara patik, baiklah Paduka Tuan titahkan ke barat memanggil Tun Ana Aldiraja karena Paduka [181] Tuan pun

25 "Sultan Khoja [Ahmad] Syah".

26 Mungkin juga "anak Raja Muara Kuta". Namun demikian, memindahkan cerita selepas [ini] dikaitkan secara langsung dengan "negeri takluk" kesultanan Melaka "yang arah ke barat" seperti Beruas dan Manjung, adalah suatu bahaya bagi tempat yang dimaksudkan di sini ialah "Muara Kuta" yang berada di rantau yang satu.

[dipindahkan]

kepadanya.'Maka titah Sultan Mahmud Syah, "Benarlah seperti kata Bendahara itu. Katakanlah pada Paduka Tuan." Maka sembah Bendahara, "Baiklah, tuanku."

Maka Bendahara pun keluar kembali ke rumahnya, maka ia menyuruh memanggil Paduka Tuan. Setelah Paduka Tuan datang, maka segala titah Sultan Mahmud Syah itu semuanya dikatakannya oleh Bendahara kepada Paduka Tuan, maka Paduka Tuan pun bercakap akan pergi.

Setelah hari siang, maka Sultan Mahmud Syah pun keluar dihadap oleh segala raja-raja dan segala perdana menteri dan ceteria dan hulubalang sekalian. Maka Bendahara dan Paduka Tuan masuk mengadap lalu duduk pada tempatnya sediakala. Maka sembah Bendahara pada Sultan Mahmud Syah, "Tuanku, yang sepeti titah Yang Dipertuan semalam itu, telah sudah patik katakan pada Paduka Tuan, maka bercakaplah patik itu akan pergi." Maka Sultan Mahmud Syah terlalulah suka mendengar sembah Bendahara itu, maka titah baginda, "Baiklah! Jikalau Paduka Tuan mau pergi, kita tahankan!" Maka sembah Paduka Tuan, "Baiklah, tuanku. Patik hamba, barang titah Yang Dipertuan, nasakan patik lalu; tetapi jikalau tiada mau dengan baik, dengan jahat patik bawa mengadap." Maka Paduka Tuan pun berlengkap dua puluh kelengkapan.

Setelah sudah lengkap, maka Paduka Tuan pun pergilah, membawa peremputan sekali, dan ayahnya Tun Mahmud Syah namanya, telah dipanggil orang "Datuk Lego." Adapun akan isteri Paduka Tuan, Tun Sabtu namanya, saudara Tun Ana Bija Aldiraja. Setelah berapa lamanya Paduka Tuan di jalan, sampailah ke barat. Maka Tun Bija Aldiraja pun keluar mengalu-alukan Paduka Tuan, setelah bertemu lalu berpeluk bercium. Maka kata Paduka Tuan, "Adinda ada beta bawa." maka kata Tun Ana Bija Aldiraja, "Adakah adik Sabtu datang?" Maka oleh Tun Ana Bija Aldiraja dibawanya kembali ke rumahnya. Maka kata Tun Ana Bija Aldiraja pada Paduka Tuan, "Apa kerja Orangkaya datang ini?" Maka sahut Paduka Tuan, "Beta datang ini dititahkan memanggil Orangkaya."Maka sahut Tun Ana Bija Aldiraja, "Jikalau tiada pun beta dipanggil, yang beta sedia akan mengadap juga, karena siapa lagi yang peta pertuankan? Jikalau lain daripada Sultan Mahmud Syah, tiada beta sembah. Tetapi dengan sekali panggil Orangkaya itu, tadalah beta pergi mengadap. Jikalau dengan sebuah perahu pun, kelengkapan namanya. Jikalau beta mengadap sekali ini, nescaya kata orang bukan beta mengadap dengan kemarau, seolah-olah dengan keras Orangkaya jua

kena". Maka kata Paduka Tuan, "Benarlah kata Orangkaya ini, tetapi marilah anakanda Tun Mah[28] kita dudukkan dengan s Mahmud". Maka [182] kata Tun Aria Bija Aldiraja, "Baiklah".

Setelah datanglah pada hari yang baik, Tun Mahmud pun dikahawinkan oranglah dengan Tun Mah. Setelah itu maka Paduka Tuan pun kembalilah ke Bintan, maka Tun Mahmud pun ditinggalkan pada Tun Aria Bija Aldiraja. Maka Selangor diberikan Paduka Tuan akan Tun Mahmud. Maka Paduka Tuan pun kembalilah.

Setelah datang ke Bintan, maka Paduka Tuan pun masuk mengadap Sultan Mahmud Syah, maka kata Tun Aria Bija Aldiraja itu semuanya dipersembahkan pada Sultan Mahmud Syah, maka Sultan Mahmud Syah pun terlalu amat suka menengar dia.

Adapun peninggal Paduka Tuan, maka Tun Aria Bija Aldiraja berlengkap akan pergi ke Bintan, tiga puluh banyak kelengkapannya. Setelah sudah lengkap, maka Tun Aria Bija Aldiraja pun pergilah; setelah datang ke Bintan, maka ia pun masuk mengadap Sultan Mahmud Syah. Maka Sultan Mahmud Syah pun terlalu sukacita melihat raja barat datang itu, maka dianugerahai baginda persalin selengkapnya, dan dianugerahai baginda nobat, disuruh baginda nobat di barat. Maka Tun Aria Bija Aldiraja pun bercakap membawa orang Manjung dan segala orang rantau barat akan melanggar Melaka. Maka oleh Sultan Mahmud Syah Tun Aria Bija Aldiraja disuruh baginda kembali ke barat, maka dicabut baginda cincin dijari baginda, diberikan pada Tun Aria Bija Aldiraja. Maka titah Sultan Mahmud Syah, "Adapun Tun Aria Bija Aldiraja seperti janji kita inilah kita buangkan ke laut, jikalau ada untung kita, kalau timbul". Maka Tun Aria Bija Aldiraja pun menjunjung duli, dianugerahai persalin sepertinya, maka Tun Bija Aldiraja pun kembalilah.

Berapa lamanya di jalan, sampailah ke barat, maka Tun Aria Bija Aldiraja pun nobatlah di barat, maka segala hulubalangnya semuanya mengadap nobat. Setelah sudah nobat, semuanya orang menyembah pada Tun Aria Bija Aldiraja, maka Tun Aria Bija Aldiraja menyembah mengadap ke Bintan seraya katanya, "Daulat Sultan Mahmud Syah!" Adapun akan Tun Aria Bija Aldiraja beranak tiga orang laki-laki, seorang bergelar Raja Lela, kedua bergelar Tun Rana, ketiga bernama Tun Sida. Setelah itu, Sultan Abdul Jalil pun mohon pada Sultan Mahmud Syah kembali ke Inderagiri. Berapa lamanya, sampailah ke Inderagiri. *Wallahu a'lamu bissawab.*

---

[28] Disini dieja (mah). Selepas ini, dieja (mah).

27

ALQISAH

Maka tersebutlah perkataan Raja [illegible], Sultan Husain namanya. [illegible] baik rupanya dan [illegible] 33 [illegible] syahadan [illegible] gagah beraninya baginda bercakap, "Jika aku di atas gajahku Desinang, Si Timbang dibuntut gajahku, Si Pikang di bawah gajahku, jikalau Jawa se-Jawanya, jikalau Cina se-Cinanya, jikalau Feringgi dari benua!"Setelah Sultan Husain menengar khabar Raja Putih, anak Sultan Mahmud Syah terlalu baik parasnya, maka baginda terlalu berahi akan Raja Putih. Maka Sultan Husain hendak mengadap ke Bintan hendak minta Raja Putih, sebab didengar baginda terlalu baik parasnya lagi sangat dikasihi oleh Sultan Mahmud Syah. Maka kata baginda bonda Sultan Husain, "Jangan Sultan pergi ke Hujung Tanah, karena ia seteru kita". Maka sembah Sultan Husain pada bonda baginda, "Jikalau beta dibunuh pun oleh Raja Besar, yang beta pergi juga mengadap Raja Besar ke Hujung Tanah". Maka beberapa pun dilarang bonda, baginda hendak pergi juga.

Setelah itu, maka Sultan Husain pun berangkatlah ke Bintan dengan dua buah jua,[29] satu kenaikan, sebuah pebujangan. Setelah berapa hari di jalan, sampailah ke Layam, maka disuruh alu-alukan oleh Sultan Mahmud Syah pada Bendahara dan segala pegawai, maka Sultan Muda disuruh iriba pada Bendahara. Maka pergilah ada berapa belas buah perahu, maka bertemu di Tekuni. Maka kenaikan Sultan Husain pun berdekatlah dengan kenaikan Sultan Muda, maka Sultan Husain segera keluar dari dalam pekejangan, berdiri. Maka Bendahara pun keluarlah membawa Sultan Muda. Maka kata Sultan Husain, "Biarlah beta naik ke sana". Maka kata Bendahara, "Biarlah adinda naik ke sana". Maka sahut Sultan Husain, "Beta ingin hendak dikayuhkan sakai". Maka kata Bendahara, "Jikalau demikian, naiklah tuanku"Maka Sultan Husain pun naiklah ke perahu Bendahara, maka Sultan [Muda] pun diriba oleh Sultan Husain. Maka berkayuhlah sakai, maka kenaikan Sultan Husain tinggal jauh.

Setelah datang ke kota kara, maka kata Bendahara, "Tahanlah dahulu!" Maka kata Sultan Husain, "Apa kerja bertahan?" Maka kata Bendahara, "Kenaikan tuanku lagi tinggal". Maka sahut Sultan Husain,

29. W (207) "[illegible]".

"Hei Bendahara, daripada sangat dendam beta akan duli Raja Besar di Haru dengan dua buah perahu juga beta sekarang telah datang ke mari. Kenaikankah beta nanti? Kayuhlah supaya segera kita mengadap." Maka dikayuh oranglah. Setelah datang ke Jambu Air, maka Sultan Mahmud Syah sendiri mendapatkan, bergajah mendapatkan. Sultan Husain pun menjunjung[30] duli. Maka oleh Sultan Mahmud Syah akan Sultan Husain dipeluk dicium, dibawa naik ke atas gajah, dudukkan bertimbal rengka meriba Sultan Muda, lalu masuk ke dalam.

[184] Setelah datang ke dalam, duduklah di balai rong, maka oleh Sultan Mahmud Syah akan Sultan Husain dibawa duduk sama santa. Maka hidangan pun dibawa oranglah. Maka Sultan Mahmud Syah pun santaplah sama-sama dengan Sultan Husain. Adapun akan Sultan Husain itu ada seorang abentaranya, Seri Indera namanya, berdiri hampir Sultan Husain. Apabila orang menyabung di halaman balai itu, bunyi soraknya, maka Sultan Husain asyik melihat pada orang menyabung itu. Daripada sangat asyik baginda, maka baginda mengiring kepada Sultan Mahmud Syah, mengunjukkan tangan, seraya katanya, "Taruh!" Maka oleh Seri Indera dipautnya paha[31] Sultan Husain, katanya, "Ayahanda, tuanku!" Maka Sultan Husain pun mengadap seraya menyembah. Demikian kelakuannya.

Ada seorang hulubalang Sultan Husain, Din namanya. Apabila Sultan Husain minum, setelah ia sudah mabuk, maka dipujinya segala hulubalang, katanya, "Si Din ini bapaknya berani, datang kepada dia pun berani. Siapa ini bapanya penakut, datang kepadanya berani?", bagai-bagai pujinya, tetapi yang menindh baginda Si Dinlah. Maka dikhabarkan orang kepada Sultan Husain bahawa ia tiada diterima oleh Sultan Mahmud Syah. Setelah ia mendengar khabar itu, maka Sultan Husain[32], "Adapun akan Si Husain ini, jikalau tiada diterima orang, kuperanglah Tanah Bintan ini!" Maka oleh baginda itu disayungnya tangan bajunya, "rak" bunyinya carik, daripada kesangatan singsingnya, maka diasaknya ke rusuknya, "kerepak" bunyinya, pecah, daripada kesangatan dikitarnya. Diceriterakan orang, pada masa itu tujuh kali sehari Sultan Husain bersalin baju, menyarungkan keris.

30 مسجغ (m-n-j-g) W. "Setelah datang ke Jambu Air, maka Sultan Mahmud Syah sendiri bergajah mendapatkan Sultan Husain. (Maka Sultan Husain) pun pun menjunjung duli."

31 W(208) "pada"

32 "maka [kata] Sultan Husain"

Kemudian dari itu maka diterima oleh Sultan Mahmud Syah. Maka Sultan Husain pun terlalu sukacita. Maka segala hulubalang Husain dari Haru pun sebagai datang mendapatkan dia, pada sehari-hari sebuah dua buah datang, maka semuanya berkampung, jadi seratus banyak.

Hatta maka Sultan Mahmud Syah memulai pekerjaan mengawinkan Sultan Husain dengan Raja Putih, berjaga tiga bulan lamanya. Setelah datanglah kepada tiga bulan, maka Sultan Husain pun dikahawinkan dengan Raja Putih. Setelah sudah kahawin, maka Raja Putih tiada kasih akan Sultan Husain, maka baginda lari pada ayahanda baginda. Maka oleh Sultan Mahmud Syah, anakanda yang lain pula dianugerahakan kepada Sultan Husain, maka Sultan Husain tiada mau, katanya, "Yang ini, saudara hamba, tiada hamba mau. Hamba hendakkan isteri hamba juga!" Maka sembah Bendahara pada Sultan Mahmud Syah, "Tuanku, mengapatah maka Yang Dipertuan turutkan kehendak paduka anakanda tiada mau akan Sultan Husain itu? Jikalau tuanku tukari pun, [185] apatah akan bunyinya didengar orang?" Maka titah Sultan Mahmud Syah,"Benarlah seperti sembah Bendahara itu". Maka disuruh baginda bujuk Raja Putih, disuruh pada kembali pada Sultan Husain. Setelah itu, maka Raja Putih pun pulanglah kepada Sultan Husain, maka terlalu sukacita baginda. Maka Sultan Husain dengan Raja Putih pun terlalu berkasih-kasihan.

Maka Sultan[33] berkira-kira hendak kembali ke Haru, maka kata Sultan Husain, "Hamba tiada dapat duduk di Bintan ini dengan sebab tiga perkara: pertama, sebab bisik Hang Ambang; kedua, sebab tabik Tun Rana; ketiga, sebab kemput Tun Bija Sura". Adapun akan bisik Hang Ambang, jikalau barang kata, baik-jahat sekalipun, berbisik juga, karena pekerjaan yang bisik itu adalah rahsia dalamnya, jadi syak hati orang melihat dia. Akan tabik[34] Tun Rana, jikalau orang duduk dua tiga bertindih-tindih paha sekalipun, maka Tun Rana akan lalu serta katanya, "Tabik, tabik", maka ditangkahinya. Akan katah[35] Tun Bija Sura pula, jikalau ia mengatah, selagi belum orang memandang kepadanya, dikasatnya juga carik-carik dengan kain, orang, hingga memandang kepadanya. Maka daripada sebab tiga orang inilah maka Sultan Husain tiada dapat diam di Bintan, maka baginda memohonlah kepada Sultan Mahmud Syah hendak kembali ke Haru. Maka titah Sultan Mahmud Syah, "Baiklah!" Maka Sultan Husain pun berlengkaplah.

33 Sultan [Husain]

34 Ditulis "baik"Ini jelas kesilapan membubuh titik

35 كاتى (katah)

Setelah sudah lengkap, maka Sultan Husain pun menjunjung duli Sultan Mahmud Syah sama-sama dengan Raja Putih, isteri baginda. Maka oleh Sultan Mahmud Syah kedua anakanda baginda dipeluk dicium, maka bunyi orang menangis dalam istana Sultan Mahmud Syah itu seperti kematian bunyinya. Maka Sultan Mahmud Syah memberi pakaian dan alat kerajaan akan Raja Putih terlalu banyak, tiada terkirakira lagi, syahadan emas juga sebahara. Habis segala pakaian baginda, baginda anugerahakan akan Raja Putih, yang tinggal lagi pada Sultan Muda, batil tembaga suasa, adi mawana, sari air, dan sebilah pedang kerajaan yang bernaga. Maka sembah Bendahara pada Sultan Mahmud Syah, "Tuanku, paduka anakanda Sultan Muda akan dirajakan. Sekalian habis tuanku anugerahakan akan paduka anakanda yang ke Haru, suatu pun tiada tinggal pada paduka anakanda". Maka titah Sultan Mahmud Syah, "Jikalau ada pedang kerajaan yang sebilah itu pada Sultan Muda, emas pun adalah", yakni apabila kerajaan, ada emas.

Sebermula dianugerahakan baginda anak tuan-tuan, empat [1186] puluh laki-laki, empat puluh perempuan, akan anakanda baginda di Haru itu, ada yang bininya pergi, ada yang tinggal bapa pergi, ada yang tinggal anak pergi bapa. Setelah itu, maka Sultan Husain pun hilirlah, maka Sultan Mahmud Syah pun mengantar anakanda baginda hingga dada air. Setelah tadalah kelihatan lagi perahu Sultan Husain, maka baginda naik, lalu kembali ke istana.

Hatta berapa hari di jalan, maka Sultan Husain pun sampailah ke Haru, maka baginda pun naiklah memberi[16] isteri baginda lalu mengadap bonda baginda. Maka oleh bonda baginda kedua anakanda baginda dipeluk dicium, maka percintaan bonda baginda pun hilanglah. Maka bonda baginda bertanya pada anakanda baginda, "Apaapa yang dilihat Sultan yang indah-indah?" Maka sembah Sultan Husain, "Banyaklah yang dilihat, indah-indah, tetapi tiada lebih daripada dua perkara". Maka kata bonda baginda, "Apa yang dikata dua perkara itu?" Sahut Sultan Husain Syah, "Pertama, jikalau Raja memberi orang makan dua tiga puluh hidangan, enam belas tujuh belas anggas itu, adakah ingar-bangar? Kerekut lantai pun tiada; sekonyong-konyong hidangan". "Bagaimana pula besarnya hidangan?" "Hurup[17] empat daripada hidangan kita. Suatu lagi, segala pinggan mangkuknya dan talamnya, emas perak dan tembaga suasa belaka". Maka bonda Sultan Husain pun hairan menengar berita anakanda baginda itu. *Wallahu a'lam bissawab*.

16 memberi"

17 هروف (h-w-r-p) Urup tukar, bersamaan

28

ALQISAH

Alkisah tersebutlah perkataan Sultan Pahang datang mengadap Sultan Mahmud Syah. Akan Raja itu, maka akan Sultan Pahang diambil oleh Sultan Mahmud Syah akan menantu, didudukkan baginda dengan anak baginda yang bernama Raja Hatijah, dan dinobatkan sekali. Setelah berapa lamanya di Bintan, segala rajaraja itu pun mohon pada Sultan Mahmud Syah, lalu masing-masing kembali ke negerinya.

Hatta maka dipersembahkan orang ke bawah duli Sultan Mahmud Syah, "Bahawa angkatan dari Guha telah hadir sekarang di Melaka, kapal tiga puluh, ghalias empat buah, ghali panjang lima buah, lusta dulapan, banting dua buah, akan datang menyerang kita". Maka Sultan Mahmud Syah memtahkan Bendahara membaiki kota dan mengumpunkan segala rakyat. Maka baginda memtahkan Seri Awadana, karena ia lemenggung, mengerahkan segala orang bekerja meneguh kota kara. Maka segala hamba orang disuratkan akan bekerja. Maka Seri Awadana [187] menyuratkan dengan dayanya sendiri, demikian bunyinya, "Adapun hamba Seri Awadana Si Tanda seorang namanya pertanda lagi membawa tombak, Si Selamat seorang namanya, berkemudi lagi membawa epok, Si Tua[38] seorang namanya, berkayuh lagi membawa pedang, Si Taki seorang namanya, pegiring lagi membawa kemendelam". Surat itu dipersembahkan pada Sultan Mahmud Syah. Setelah dilihat baginda bunyi surat itu, maka terlalu murka baginda, maka titah Sultan Mahmud Syah, "Jikalau datang pada pergiliran Seri Awadana akan jadi Bendahara, dinatikan Allah-lah kita!"

Hatta maka kota kara pun sudahlah, maka Sang Setia berceakap menunggu kota kara. Akan sembah Sang Setia, "Jikalau kota kara alah, patik mati! Jika datang Feringgi, apa hal kapalnya, kita tembak dengan dua buah bedil ini!" Akan bedil itu pun, penglurunya ada besar limau manis Cina, "Naga Ombak" sepucuk namanya, "Katak Berenang" sepucuk namanya; itulah yang diakan-akan.

Hatta Feringgi pun datanglah. Maka Panh Suradara dititahkan Sultan Mahmud Syah suluh, maka bertemu dengan Feringgi di Loban, maka ia

---

38 Inilah satu satunya "tua" dieja dengan و (Ww), tanpa (h).

segera kembali, berkayuh bangatbangat. Maka ditanya orang, "Patih Suradara, apa khabar?" Maka sahutnya, "Kapalnya di Lubuk, gurapnya di Bengkilu, tenjajangnya[39] telatalata".

Setelah ia datang ke Kopak, maka segala pemandangannya semuanya dipersembahkannya ke bawah duli Yang Dipertuan. Maka baginda menitahkan Paduka Tuan, menitahkan, "Feringgi di Kuala Tebing Tinggi". Seri Nara Aldiraja pun datang naik ke perahu Paduka Tuan hendak masyuarat. Maka Feringgi pun datang mudik empat buah ghali, maka perahu Paduka Tuan terkepung oleh Feringgi, dua buah dari kanan, dua buah dari kiri, segala kelengkapan yang lain sebagai pula datang. Maka kata orang pada Paduka Tuan, "Apa bicara tuanku, karena Feringgi terlalu banyak datang?" Maka Paduka Tuan fikir, katanya dalam hatinya, "Jikalau aku melanggar, pada ketika itu Seri Nara Aldiraja ada di sini, tiada dapat tiada kelihatan namanya karena ia sangat dikasihi Yang Dipertuan". Maka Paduka Tuan memanggil Hang Aji Marasa karena ia penghulu perahu. Paduka Tuan berbisik dengan Aji Marasa, maka Hang Aji Marasa pun pergilah ke haluan. Maka kata Seri Nara Aldiraja, "Paduka Tuan, Orangkaya! Mari kita langgar Feringgi ini!" Maka kata Paduka Tuan, "Baiklah!" Maka kata Hang Aji Marasa dari halu-haluan, "Perahu kita kallun"[40] Maka kata Paduka Tuan, "Jikalau perahu kallun, undurlah!" Maka oleh Hang Aji Marasa, disuruhnya dayung mudik. Maka sekalian orang pun mudiklah.

Maka Feringgi pun datanglah melanggar waktu air surut, maka ghalias ditambatkannya di kota kara, serta air pasang, hanyalah tercabut. Maka dibedil oranglah darat,[41] kena kapalnya, hisab pun ia tiada. Maka dilanggarnyalah kota Sang Setia, maka berparanglah terlalu ramai, maka banyaklah orang mati dan luka. Maka Sang Setia sebagai minta [188] bantu ke seberang. Maka titah Sultan Mahmud Syah pada Tun Nara Wangsa, "Bantu Sang Setia!" Maka Tun Nara Wangsa menyembah lagi pergi. Setelah dilihat oleh Paduka Tuan barang orang yang pergi ke sana itu, jikalau tiada mati, bertelanjang berenang ke seberang sini, maka sembah Paduka Tuan ke bawah duli Sultan Mahmud Syah, "Tuanku, patik pohonkan menantu patik ini, karena musuh besar. Siapa akan kaput patik, jikalau tiada ia?" Maka titah Sultan Mahmud Syah, "Baliklah, Tun Nara Wangsa!" Maka Tun Nara Wangsa pun balik.

---

39 penjājapnya?

40 كَ (kl)

41 [dari] darat

Hatta perang pun makin besarlah. Sang Setia pun mati. Laksamana pun luka, maka orang Bintan pun pecahlah perangnya, habis lari. Adapun akan Sultan Mahmud Syah tiada bergerak dari istananya, kasad baginda, "Jikalau Feringgi datang, beramuklah aku di sini!" Maka sembah Seri Nara Aldiraja, "Tuanku, baiklah berangkat undur, karena negeri telah alah!" Maka titah Sultan Mahmud Syah, "Hei Seri Nara Aldiraja! Sedia kita ketahui Bintan ini tanah pulau! Oleh bicara kita tiada akan undur, maka kita diam di Bintan ini. Jikalau bicara kita undur, baiklah kita diam pada tanah besar, karena yang adat raja-raja itu, alah negerinya, ia mati." Maka sembah Seri Nara Aldiraja, "Salah titah tuanku itu, karena ada raja di negeri sekalian, jika ada hayat Yang dipertuan, sepuluh negeri boleh diadakan." Maka titah Sultan Mahmud Syah, "Janganlah Seri Nara Aldiraja berkata lagi. Kita akan berundur dari sini, padalah!"

Maka oleh Seri Nara Aldiraja, ditariknya tangan Sultan Mahmud Syah, dibawanya turun berjalan. Maka titah Sultan Mahmud Syah, "Syahdilah! Seri Nara Aldiraja membawa hamba lari!" Maka sembah Seri Nara Aldiraja, "Sedia patiklah membawa tuanku lari!" Maka titah Sultan Mahmud Syah, "Ada kita dan emas banyak tinggal, apa hal kita?" Maka sembah Seri Nara Aldiraja, "Secara patik berlepaskan segala arta itu." Maka Seri Nara berkata pada Bendahara, "Perlepaskan arta Yang Dipertuan dalam istana itu." Maka sahut Bendahara, "Baiklah!" Maka oleh Bendahara segala orang banyak semuanya ditahannya, tiada diberinya lari. Maka segala arta dan emas semuanya dibahagi oleh Bendahara, disuruhnya membawa arta dan emas; maka semuanya habis lepas, satu pun tiada tinggal.

Maka lenggi pun masuklah menapas, maka orang pun lari cerai-berai. Maka Sultan Mahmud Syah berjalan di hutan itu, perempuan banyak, laki-laki hanya Seri Nara Aldiraja seorang yang tiada bersera dengan Sultan Mahmud Syah. Setelah datang pada suatu tempat, maka bertemu dengan Tun Nara Wangsa mencari isterinya, dengan segala orangnya. Setelah dilihat oleh Seri Nara Aldiraja, maka katanya, "Adakah Mahmud hendak ke mana?" Sahut Nara Wangsa, "Sahaya hendak mencari perempuan". Maka kata Seri Nara Aldiraja, "Mari tuan hamba, karena ini Yang Dipertuan!" [1589] Maka sahut Tun Nara Wangsa, "Yang Dipertuan telah adalah. Anak isteri hamba, jikalau ditangkap oleh feringgi, apa baiknya?" Maka sahut Seri Nara Aldiraja, "Demikianlah kata tuan hamba, karena adat kita hamba Melayu ini, mau anak isteri

42 W42f2r "Bicara"

masakan sama dengan tuan? Istimewa pula bapa kita, siapa membunuh dia? Bukankah raja ini? Sekaranglah kita balas berbuat kebaktian kepadanya. Lagi pun hamba bukankah saudara tuan hamba? Sampai hatikah tuan hamba meninggalkan hamba?"

Setelah menengar kata itu, maka Tun Nara Wangsa pun balik mengiringkan Sultan Mahmud Syah berjalan hutan itu terpelecok-pelecok tiada beroleh berjalan, sebab tiada kuasa berjalan, maka dibebat dengan kain tapak kaki baginda, maka baharu beroleh berjalan. Maka titah Sultan Mahmud Syah pada Seri Nara Aldiraja, "Kita balum[43] makan dari pagi di".[44] Setelah Seri Nara Aldiraja menengar titah itu, maka kata Seri Nara Aldiraja pada Tun Nara Wangsa, "Pergi tuan hamba carikan Yang Dipertuan nasi santap!" Maka Tun Nara Wangsa pergi; sebentar berjalan bertemu dengan seorang perempuan membawa nasi dalam bakul. Maka kata Tun Nara Wangsa, "Mari ibu, beri akan nasi sedikit!" Maka kata perempuan tuha itu, "Ambillah tuan" Maka oleh Tun Nara Wangsa, diambilnya daun balik adap ada berapa helai, dibubuhnya nasi, segera dibawanya pada Sultan Mahmud Syah, maka baginda pun santaplah.

Setelah sudah santap, maka titah Sultan Mahmud Syah, "Apa bicara Seri Nara Aldiraja, karena emas pada kita sekupang pun tiada" Maka kata Seri Nara Aldiraja pada Tun Nara Wangsa, "Pergi tuan hamba carikan Yang Dipertuan emas!" Maka kata Tun Nara Wangsa, "Baiklah!" Maka Tun Nara Wangsa pun pergi berjalan, maka dilihatlah oleh Tun Nara Wangsa seorang orang membawa karas ada beratnya dua kati, maka didekati[45] oleh Tun Nara Wangsa lalu disembatnya, dibawanya lari. Maka kata orang itu, "Lihatlah! Tun Nara Wangsa menyamun!" Maka oleh Tun Nara Wangsa kata orang itu tiada dihisabkannya, maka ditudung karas itu dibawanya kepada Sultan Mahmud Syah. Maka titah Sultan, "Sedanglah [illegible]

Maka berjalan itu terus ke Dempak,[46] adapun Bendahara mengikut akan Sultan Mahmud Syah. Akan Paduka Tuan dengan segala anak isterinya turun di belakang Bintan lalu pergi ke Sayung. Maka Paduka Tuan berkata pada anaknya, Tun Pikrama, "Pergi engkau ke laut, kampungkan segala rakyat di laut, mari kita pergi menjemput Yang

43 بالم tb-a-l-m

44 [ta]di

45 كد d-k-d-w Ini besar kemungkinan kesilapan ejaan. Ejaannya sama dengan "dua keh" sebelum ini.

46 Dicja [illegible] d-d-mp-q Selepas ini, dieja [illegible] d-m-p-q

Dipertuan". Maka Tun Pikrama pun pergilah mengimpunkan segala sakai, maka segala sakai pun berkampunglah. Maka Tun Mahmud, anak Paduka Tuan, datang dari Selangor, dua puluh kelengkapan, bertemu dengan Tun Pikrama di Buru. Maka kata Tun Pikrama pada Tun Mahmud, "Mari kita pergi menjemput Yang Dipertuan!" Maka [190] kata Tun Mahmud, "Baiklah!" Maka Tun Pikrama dan Tun Mahmud pun pergilah mendapatkan Sultan Mahmud Syah ke Dempak.

Sebermula Feringgi pun telah undurlah baharu lima belas hari. Setelah bertemu dengan Sultan, maka baginda pun terlalu suka baginda melihat Tun Mahmud itu datang. Maka kenaikan pun ada dibawanya oleh Tun Pikrama, maka baginda pun naiklah ke perahu. Maka titah Sultan Mahmud Syah pada Bendahara, "Apa bicara Bendahara? Sekarang ke mana baik kita pergi?" Maka sembah Bendahara, "Patik menengar khabar daripada bapa patik, jikalau barang sesuatu hal negeri, hendaklah Raja bawa ke Kampar". Maka titah Sultan Mahmud Syah, "Jikalau demikian, marilah kita ke Kampar!" Maka Sultan Mahmud Syah pun berangkat ke Kampar.

Setelah datang ke Kampar, maka baginda pun diamlah di Kampar. Maka Sultan Mahmud Syah pun hendak menggelar Tun Mahmud oleh bangat datang mendapatkan baginda. Maka Sultan Mahmud Syah memberi titah pada Bendahara, "Pilihlah gelar dua tiga perkara ini akan Tun Mahmud Syah: pertama Tun Telanai, kedua Tun Bijaya Maha Menteri, ketiga Aria Bija Aldiraja, keempat Seri Nara[47] Aldiraja, barang yang berkenan, ambillah". Maka sembah Bendahara, "Adapun akan gelar Tun Telanai itu, sungguhpun gelar nenek[48] moyang, tetapi gelar kehutan-hutanan; akan Tun Bijaya Maha Menteri itu, sungguhpun gelar menteri, tetapi tiada patut pada Tun Mahmud Syah itu; adapun akan Tun Aria Bija Aldiraja itu, sungguhpun gelar mentuanya, adalah akan gelar itu gelar orang Hujung Kurang;[49] akan Seri Sura Aldiraja itu, sungguhpun gelar besar, hanya gelar itu tuha amatlah. Ia pun segera datang mengadap Yang Dipertuan; gelarlah "Seri Akar Raja". Maka digelar bagindalah akan Tun Mahmud Seri Akar Raja. Hatta maka Paduka Tuan dan segala Orangkaya-kaya dan segala pegawai semuanya pun datanglah mengadap Sultan

47 Sepatutnya, 'Sura' kerana selepas ini disebut "Sura". "Nara" di sini dikekalkan kerana ia mungkin membayangkan ketersasuhan sebenar Sultan Mahmud Syah dalam [illegible]

48 Dieja [illegible] (n-y-m) 'nene'

49 Ditulis "[illegible] adalah akan gelar itu gelar itu orang Hujung Karang"

Mahmud Syah.

Setelah kedengaranlah ke Haru bahawa negeri Bintan sudah alah, maka Sultan Husain pun datang ke Kampar mendapatkan Sultan Mahmud Syah, maka terlalu sukacita Sultan Mahmud Syah melihat Sultan Husain itu datang. Maka Mangkubumi Sultan Husain, Raja Pahlawan namanya itu pun datang sama-samat. Akan Raja Pahlawan itu Raja Seri Benyaman,[50] sedia raja besar dalam negeri Haru. Adapun akan adat Haru, jika makan, barang siapa orang besar, ke atas makan minum; dan barang siapa berani, ke atas. Akan Raja Pahlawan, jika makan, ke atas, jika minum pun ke atas, karena ia orang besar lagi berani. Berapa lamanya Sultan Husain di Kampar, maka baginda pun mohon kembali ke Haru. Setelah berapa lamanya, Bendahara pun kembalilah ke rahmatuLah, maka ditanamkan orang di Tambak, itulah disebut orang [191] Bendahara Tambak. Maka Paduka Tuan jadi Bendahara.

Sebermula Seri Awadana pun sudah hilang,[51] maka Tun Nara Wangsalah jadi TemenggungMaka titah Sultan Mahmud Syah pada Seri Nara Aldiraja, "Terlalu besar jasa Seri Nara Aldiraja pada kita, tiada terbalas oleh kita. Jikalau Seri Nara Aldiraja mau duduk dengan anak kita, marilah kita ambil akan menantu"Maka sembah Seri Nara Aldiraja, "Mohon patik tuanku, karena patik hamba, yang anakanda itu tuan pada patik". Maka titah Sultan Mahmud Syah, "Mengapa maka Seri Nara Aldiraja berkata demikian itu? Jikalau tiada akan patut pada bicara kita, masakan mau kita mengambil Seri Nara Aldiraja akan menantunya?" Maka sembah Seri Nara Aldiraja, "Sebenarnyalah seperti titah itu. Seperti segala manusia yang banyak ini, bukankah daripada Nabi Adam 'alayhissalam? Seorang pun tiada daripada jenis lain, ada jadi Islam, ada menjadi kafir; demikianlah, tuanku, keadaan sekalanya pun. Karena segala orang tuha-tuha patik dahulu kala itu sedia[52] hamba pada orang raja yang tuha dahulu kala itu, jikalau patik duduk dengan paduka anakanda, nescaya binasalah nama segala Melayu yang dahulu kala itu". Maka titah Sultan Mahmud Syah, "Jikalau Seri Nara Aldiraja tiada mau menurutkan kehendak kata kita, durhakalah Seri Nara Aldiraja pada kita!"

Maka sembah Seri Nara Aldiraja, "Tuanku empunya atas batu kepala patik. Biarlah patik dikutuki dengan nama yang baik, jangan durhaka ke bawah duli". Maka titah Sultan Mahmud Syah, "Sungguhlah Seri Nara Aldiraja tiada mau, supaya anak kita kita beri bersuami lain?" Maka

50 Dieja (h-ny-a-m-n)

51 Dieja "hulubalang"

52 Dieja سدى (syd-y)

sembah Seri Nara Aldiraja, "Baiklah, tuanku. Kesukaan patiklah akan paduka anakanda diberi bersuami lain". Maka titah Sultan Mahmud Syah akan anakanda baginda Tuan Puteri itu didudukkan baginda dengan anak Raja Pahang, raja yang asal.

Hatta ada berapa lamanya antaranya, maka Sultan Mahmud Syah pun geringlah. Maka baginda menyuruh memanggil Bendahara Paduka Tuan dan Seri Nara Aldiraja dan orang besar-besar dua tiga orang, maka baginda bersandar pada bahu Seri Nara Aldiraja, dahinya dipertemukan baginda dengan dahi Seri Nara Aldiraja, maka titah Sultan Mahmud Syah, "Adapun yang perasaan kita, bahawa sakit ini akan matilah rasanya. Akan Sultan Muda ini peteruh kitalah karena ia kanak". Maka sembah Bendahara dan segala orangkaya-kaya, "Tuanku, dijauhkan Allah segala kejahatan daripada tuanku, tetapi jikalau layu rumput di halaman Yang Dipertuan, nescaya seperti titah Yang Dipertuan itu tadalah patik salah". Maka terlalu sukacita Sultan Mahmud Syah [192] menengar sembah segala orangkaya-kaya itu. Ada berapa lamanya, maka Sultan Mahmud Syah pun kembalilah ke hadrat Allah Ta'ala dari negeri fana ke negeri yang baqa. Maka Sultan Mahmud Syah pun ditanamkan oranglah seperti adat raja-raja mangkat,[53] bagindalah disebut orang "Marhum Di Kampar". Adapun umur baginda kerajaan di Melaka tiga puluh tahun, maka Melaka pun alah; dari Muar lalu ke Pahang, setahun; di Bintan, baginda dua belas tahun, di Kampar, lima tahun; maka menjadi semuanya umur baginda di atas kerajaan empat puluh dulapan tahun.

Setelah Marhum Di Kampar sudah mangkat, maka baginda Sultan Muda kerajaan, gelar baginda Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah. Maka Raja Muda Perempuan[54] diincitkan oleh Bendahara dan segala orangkaya-kaya, maka kata Raja, "Mengapatah maka beta disiahkan? Masakan beta merebut kerajaan Sultan Muda?" Maka kata segala orangkaya-kaya itu, "Bestah juga Raja Muda pergi dari negeri ini!" Maka kata Raja, "Nantilah! Nasi beta lagi di dapur, belum masak!" Maka kata segala orangkaya-kaya, "Apa akan dinanti lagi? Sekaranglah turun!" Maka Raja Muda pun turunlah dengan isterinya Tun Terang dan anak baginda seorang, Tun Mansur namanya. Maka kata Raja Muda, "Persembahkan pada Encik Leman, jikalau beta mati, Mansur Syah hendaklah diperbisiki[55] oleh Encik Leman". Maka kata Orangkaya itu, "Baiklah".

53 Ditulis "mengkat".

54 Sepatutnya dibaca "Maka Raja Muda [dan Raja Muda] Perempuan" atau "Maka Raja Muda pun". Ada kemungkinan "pun" telah tersilap ditulis "Perempuan".

55 فرشيکی (f-p-r-sh-y-k-y) Maksud sebenarnya, barangkali ialah "diperbaiki".

Maka Raja Muda pun menumpanglah pada sebuah baluk, baginda ke Siak; dari Siak lalu ke Kang. Maka ada seorang Manjung Siak. Mat namanya, dia netiasa beniaga dari Perak ke Kang. Maka dilihatnya Raja Muda di Kang,[57] maka dibawanya ke Perak, maka dirajakannya di Perak, maka baginda bernama Sultan Muzaffar Syah.

Sebermula akan Seri Akar Diraja[58] sedia disuruh Bendahara Paduka Tuan diam di Selangor, penaka rajalah ia di Selangor. Adapun akan Sultan Kedah beranak seorang perempuan, Raja Setia namanya; maka Seri Akar Raja pergi ke Kedah beristerikan anak Raja Kedah yang bernama Raja Setia itu, dibawanya ke Selangor. Maka oleh Sultan Muzaffar Syah disuruhnya jemput ke Selangor. Setelah Seri Akar Raja datang ke Perak, maka dijadikan oleh Muzaffar Syah, Bendahara. Maka Sultan Muzaffar Syah pun beranak pula seorang perempuan bernama Raja Dewi. Setelah itu beranak pula bernama Raja Ahmad, seorang lagi bernama Raja Abdul Jalil, seorang lagi bernama Raja Fatimah, seorang lagi bernama Raja Hatijah, seorang lagi bernama Raja Tengah, semuanya enam belas orang anak baginda dengan isteri baginda, Tun Terang itu, beranak dengan gundik, seorang laki-laki, bernama Raja Muhammad. *WalLahu a'lam bissawab.* [193]

56 Di sini dieja ككغ (k-k-ng).

57 Seri Akar Raja.

29

ALQISAH

Hatersebutlah perkataan Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah. Setelah baginda di atas kerajaan, maka baginda pun hendak beristeri ke Pahang. Maka Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah memberi titah pada Bendahara Paduka Tuan menyuruh berlengkap, maka Bendahara Paduka Tuan pun segera berlengkap. Setelah sudah lengkap, maka Sultan 'Alauddin Riayat Syah pun berangkat ke Pahang. Setelah berapa lamanya di jalan, maka sampailah ke Pahang.

Ada pun pada zaman itu, Sultan Mahmud Syah, nama Raja Pahang. Serta baginda menengar Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah datang, maka Sultan pun keluar mengalu-ngalukan Sultan 'Alauddin Riayat Syah. Setelah bertemu, maka Sultan Mahmud Syah pun menjunjung duli Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah, lalu dibawa baginda masuk ke negeri, didudukkan di atas takhta kerajaan. Maka Sultan 'Alauddin Riayat Syah pun bersuka-sukaan dengan Sultan Mahmud. Setelah datang pada ketika yang baik, maka baginda pun dikawinkanlah dengan saudara Sultan Mahmud.

Setelah itu datang kepada ketika Raja Pahang akan mengantar bunga emas dan bunga perak ke Siam, maka baginda pun berkirakira hendak mengutus ke Siam, maka baginda menyuruh berlengkap. Setelah sudah lengkap, maka Sultan Mahmud pun menyuruh mengarang surat pada Raja Siam dan pada Berkelang;[1] adapun adat surat Pahang pada |Ber|kelang, "sembah". Tatkala itu Bendahara Paduka Tuan pun ada hadir di sana, maka Sultan Mahmud bertanya pada Bendahara Paduka Tuan, "Berkirim sembah, Sultan pada Berkelang?" Maka kata Bendahara Paduka Tuan, "Jangankan paduka adinda, sedang patik lagi tiada berkirim sembah pada Berkelang". Maka kata Tun Derahman, "Orang Pahang berkirim surat apa |pa|da |Ber|kelang.[3] Datuk?"[4] Sahut Bendahara Paduka Tuan, "Mau hamba berkirim surat, tetapi kiriman hamba satu pun tiada". Maka sahut

---

1 بركلغ (b-r-k-l-n-g). Kekeliruan timbul apabila ini kemudiannya ada kalimat hanya dieja, كلغ (k-l-ng).

2 W(217): "Adapun adat surat Pahang pada Kelang 'Sembah'".

3 Ditulis دكلغ (d-k-l-ng).

4 W: "Maka kata Tun Derahman, 'Orang Pahang berkirim surat apa di Kelang, datuk?'".

Sultan Mahmud, "Biar beta memberi kiriman". Maka kata Bendahara, "Baiklah!" Maka Bendahara pun menyuratlah pada [Ber]kelang, demiktan bunyinya, "Surat kasih daripada Bendahara datang kepada Adi Berkelang", sudah itu kata yang lainlah. Maka Sultan Mahmud pun mengubah surat, "berkirim kasih" juga.

Setelah sudah hadir, maka pergilah utusan itu ke Siam, maka diberi orang tahu pada Berkelang, "Utusan datang membawa surat Raja Pahang dan Bendahara Ujung[5] Tanah". Maka kata Berkelang, "Apa bunyinya surat daripada Bendahara dan Raja Pahang itu?" Maka sahut utusan itu, "Bunyinya daripada Bendahara, 'surat kasih'; daripada Raja Pahang pun demikian juga". Maka kata Berkelang, "Surat daripada Bendahara Ujung Tanah itu suruh bawa masuk, dan surat daripada Raja [194] Pahang itu suruh bawa kembali, karena tiada adat Raja Pahang 'berkirim kasih' pada Berkelang Udia".[6] Maka sahut utusan itu, "Oleh apa maka surat Bendahara Ujung Tanah diterima, surat daripada Raja Pahang tiada diterima? Karena Raja Pahang pangkat tuan pada Bendahara". Maka sahut Berkelang, "Ia di sana, di mana tahu? Adapun di sini yang istiadatnya Bendahara Ujung Tanah itu lebih juga martabat daripada Raja Pahang. Jikalau tuan hamba tiada percaya, lihatlah dalam timbera. Suruh ubah surat Raja Pahang, supaya karim".[7] Maka disalinlah oleh utusan itu, diubahnya, "sembah", maka diterima oleh Berkelang. Maka utusan Pahang pun kembalilah ke Pahang. Setelah sampailah ke Pahang, segala peri hal itu semuanya dikatakannya pada Sultan Mahmud.

Hatta berapa lamanya Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah [di] Pahang, maka baginda pun kembali ke Hujung Tanah. Setelah datang ke Hujung Tanah, Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah pun diam di Pekan Tuha, membuat kota karah di hulu Sungai Telu.

Hatta maka kedengaranlah ke Hujung Tanah bahawa Seri Akar Raja jadi Bendahara di Perak, maka Sultan 'Alauddin pun terlalu murka. Setelah Bendahara Paduka Tuan menengar khabar itu, maka Bendahara pun membuang dastar, maka kata Bendahara, "Jikalau Seri Akar Raja belum kuhawa mengadap duli Yang Dipertuan, belum aku berdastar!" Maka Bendahara Paduka Tuan masuk ke dalam tiada berdastar, sehingga keris dan baju, maka sembah Bendahara pada Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah, "Tuanku, patik mohon ke Perak hendak menanggil Seri Akar

5 Kadangkala ditulis "Hujung".

6 اودي (a-w-d-y) Ayuthia/Wi2fi Ayodhia"

7 كريم (K-y-m) W "kuterima"

Raja". Maka titah baginda Sultan, "Jangan Bendahara pergi, biarlah Tun Nara Wangsa kita titahkan". Maka titah Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah, "Maukah Tun Nara Wangsa, kita titahkan pergike Perak memanggil Seri Akar Raja?" Maka sembah Tun Nara Wangsa, "Jika tuanku titahkan mengalahkan Perak sekali, maulah patik pergi, hingga memanggil dia mohonlah patik, karena Raja Perempuan di Perak itu anak saudara patik, dengan daya patik" [8] Maka titah Sultan, "Jika demikian, Tun Pikramalah pergi ke Perak memanggil Seri Akar Raja". Maka sembah Tun Pikrama, "Baiklah, tuanku". Maka Tun Pikrama pun berlengkap. Setelah sudah lengkap, lalu pergike Perak.

Setelah berapa hari di jalan, sampailah ke Perak, mudik ke hulu hingga Labuhan Jong; kedengaranlah ke Perak mengatakan Tun Pikrama datang hendak memanggil Bendahara Seri Akar Raja. Maka oleh Bendahara disuruh antari Tun Pikrama nasi dengan periuknya, gulai di dalam buluh, datang kepada Tun Pikrama. Maka terlalu amarah ia melihat kelakuan itu, maka Tun Pikrama pun kembali ke Hujung Tanah. Setelah datang ke Hujung Tanah, lalu masuk mengadap Sultan 'Alauddin [195] Ri'ayat Syah; pada ketika itu baginda sedang diadap orang. Maka Tun Pikrama pun datang menyembah lalu duduk pada tempatnya, maka segala hal ehwalnya itu semuanya dipersembahkannya ke bawah duli Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah.

Setelah Bendahara Paduka Tuan menengar khabar itu, maka sembah Bendahara ke bawah duli Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah, "Tuanku, jikalau lain daripada patik dititahkan ke Perak, tiada akan Seri Akar Raja datang; biarlah patik pergi ke Perak. Serta patik datang ke Perak, patik pegang tangannya Seri Akar Raja lalu patik bawa ke perahu. Jikalau tiada mau turun, patik hunus keris, patik tikam, ia rabah[9] ke kiri, patik rabah ke kanan!" Maka titah Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah, "Baiklah! Mana kehendak hati Bendahara". Maka Bendahara pun pergilah ke Perak.

Setelah sampailah ke Perak, maka disuruh alu-alukan oleh Sultan Muzaffar Syah. Setelah Bendahara Paduka Tuan datang, lalu dibawa baginda masuk ke dalam istana sekali. Maka nasi santap pun dikeluar orang, maka titah Sultan Muzaffar Syah pada Bendahara, "Mari kita makan". Maka sembah Bendahara, "Patik, tuanku, mohon, karena tuanku

8 W (218) "karna Raja Perempuan di Perak itu anak saudara patik dengan daya patik". Bacaan B. (195, 259, c.806) "... anak saudara patik, patik dengan dia patik" nyata salah dan mengelirukan.

9 رابه (r-a-b-h)

anak tuan patik. Santaplah tuanku, biar patik terima ayapan lain". Maka titah Sultan Muzaffar Syah, "Mengapatah Bendahara demikian? Pada bicara kita, jikalau tiada patut akan beta akan bawa makan, masa akan beta bawa makan?" Maka sembah Bendahara Paduka Tuan, "Sedia patut patik makan dengan tuanku, sebab itulah maka patik tiada mau, karena segala orang yang tiada patut makan dengan segala raja-raja itu dikehendakinya makan dengan anak raja-raja supaya akan gahnya. Akan patik tiada akan jadi gah pada patik karena patik sedia patut makan dengan tuanku, tetapi mohonlah patik, karena tuanku anak tuan kepada patik. Santaplah tuanku. Biarlah patik makan pada tempat lain". Maka titah Sultan Muzaffar Syah, "Mari juga Bendahara makan, karena kita lama sudah berceraian dendam rasa kita akan Bendahara!" Maka sembah Bendahara, "Mengapa maka tuanku mengajak patik makan, tahulah patik akan ertinya: 'Apabila kubawa Bendahara makan, nescaya lekat hatinya akan daku'. Fikir yang demikian itu, jangan melintas pada hati tuanku: jikalau ada lagi Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah kerajaan di Hujung Tanah, patik akan bertuan raja yang lain, tiadalah!". Maka titah Sultan Muzaffar Syah, "Lain-lain pula dikata Bendahara!", lalu ditarik baginda tangan Bendahara, diletakkannya pada nasi. Maka titah Sultan, "Janganlah banyak kata Bendahara, marilah kita makan!" Maka oleh Bendahara, diambilnya nasi, dibubuhnya pada daun sirih, maka sembah Bendahara, "Santaplah tuanku". Maka Sultan Muzaffar Syah pun santap. Maka Bendahara [196] Paduka Tuan pun makanlah, habis nasi di daun sirih itu, maka dibubuhnya pula lagi, lauk selauk juga.

Setelah sudah santap, maka Bendahara Paduka Tuan mohon pada Sultan Muzaffar Syah, lagi ke rumah Seri Akar Raja, maka Seri Akar Raja pun segera mendapatkan Bendahara. Maka oleh Bendahara dipegangnya tangan Seri Akar Raja, lalu dibawanya ke perahu, turun. Maka Bendahara Paduka Tuan pun hilir membawa Seri Akar Raja kembali ke Hujung Tanah. Maka terlalu sukacita Sultan 'Alauddin Riayat Syah oleh Seri Akar Raja ada dibawa oleh Bendahara.

Hatta maka Adipati Kampar pun datang membawa ufti seperti adat sedekala.[11] Maka Adipati[12] Kampar pun datang pada Seri Nara Aldiraja, karena adatnya apabila Adipati Kampar dan Raja Tungkal dan Mendahar

10 W (219) "jadikah"

11 سدكال (s-d-k-l)

12 افدات (a-dp-a-t) Selepas ini adakalanya dieja افاد (a-d-a-p-t) Barangkali boleh juga disebut "Adapat"

Keling[13] dan segala orang yang memegang negeri yang berhasil, dipersembahkannya hasilnya datang dahulu kepada Penghulu Bendahari. Bendaharilah membawa dia masuk ke dalam. Maka Adipati Kampar pun datanglah pada Seri Nara Aldiraja, karena ia Penghulu Bendahari. Adapun pada ketika itu, Seri Nara Aldiraja sakit, maka kata Seri Nara Aldiraja pada Adipati Kampar, "Masuklah tuan hamba dengan Sang Bijaya Ratna mengadap, karena beta tiada betah". Maka masuklah Adipati Kampar sama-sama dengan Sang Bijaya Ratna, karena ia Syahbandar Kampar, mepersembahkan segala ufti; pada ketika itu Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah sedang diadap segala orangkaya-kaya, semuanya berkampung.

Maka dilihat baginda Adipati Kampar datang membawa ufti, maka titah Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah, "Di mana Orangkaya Seri Nara Aldiraja maka Adipati Kampar dan Sang Bijaya Ratna masuk mengadap sendiri?" Maka sembah Adipati Kampar dan Sang Bijaya Ratna, "Tuanku, patik itu tiada betah maka tiada mengadap, sudah dengan kata patik itu maka patik masuk mengadap". Maka titah Sultan 'Alauddin Riayat Syah, "Bawalah kembali sekah persembahan itu! Jikalau Orangkaya lagi sakit, mengadap[14] dibawa masuk dahulu seti?[15] Tiada tahu akan istiadat daripada sangat hendak berkata-kata dengan kami?" Maka Adipati Kampar dan Sang Bijaya Ratna pergi membawa segala persembahan itu kepada Seri Nara Aldiraja, maka segala titah itu semuanya dikatakannya pada Seri Nara Aldiraja. Maka kata Seri Nara Aldiraja, "Jikalau demikian, marilah kita masuk!" Maka Seri Nara Aldiraja pun masuk membawa persembahan Adipati Kampar.

Setelah datanglah ke dalam, maka sembah Seri Nara Aldiraja, "Tuanku, maka patik tiada masuk karena patik sakit, sudah dengan kata patik, maka ia masuk". Maka titah Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah, "Bukan apa, tiada dijadikan adatlah yang demikian itu. Jikalau tiada Orangkaya masuk, menjadi binasalah istiadat". Maka ufti itu diserahkan pada Bendahara, [197] raja masing-masing pada pegangannya.

Setelah itu, maka Sultan 'Alauddin Riayat Syah menitahkan Tun Pikrama menyerang Merbedang, maka Tun Pikrama pun pergilah enam puluh kelengkapan. Setelah datanglah ke Merbedang, maka berparanglah

13 W "Mandalika Kelang". B. (197, 260, c.816) yang pada mulanya membacanya sebagai "Mendahar Keling", juga, kerana dibantah Winstedt menglisnya sebagai "Mandulika of Klang".

14 W(220) "Mengapa"

15 (s-t-y) B(260, c.818) mengagakkannya sama dengan 'asti" yang bermaksud "mi" Wmengagakkannya sebagai "ufti" Mungkin "mesti".

berapa hari, maka Merbedang pun alah, banyaklah beroleh rampasan. Maka Tun Pikrama pun kembali ke Hujung Tanah dengan kemenangannya. Setelah datang, lalu mudik ke Pekan Tua, mengadap Sultan 'Alauddin Riayat Syah, maka terlalulah suka Sultan 'Alauddin Riayat Syah. Maka baginda memberi anugerah akan Tun Pikrama. *Wallahu a'lam bissawab.*

30

ALQISAH

Maka tersebutlah perkataan Sang Naya sedia diam di Melaka, beristeri di Melaka, karena dahulu kala banyak Melayu. Maka Sang Naya muafakat dengan segala Melayu yang diam di Melaka itu hendak mengamuk tatkala ia masuk gereja,[16] karena dahulu kala, apabila Feringgi masuk gereja, segala senjatanya tiada dibawanya. Maka segala orang yang muafakat dengan Sang Naya itu segala kerisnya diserahkannya pada Sang Naya, maka dibubuh oleh Sang Naya di bawah karas Bandan.

Sekali peristiwa datang seorang Feringgi minta sirih pada Sang Naya, maka oleh Sang Naya disorongkannya karas Bandan itu, maka Feringgi itu pun makan sirih. Sudah makan sirih, maka diangkatnya sendal karas itu, dilihatnya keris terlalu banyak dalam karas itu. Maka Feringgi itu segera memberi tahu Kapitan, katanya, "Sinyor! Sang Naya banyak mengatup keris. Apa gerangan kehendaknya!" Setelah Kapitan menengar kata Feringgi itu, maka disuruhnya panggil Sang Naya pun datang. Maka disuruhnya ambil keris daripada pinggang Sang Naya. Maka kata Kapitan, "Apa sebabnya maka Sang Naya menaruh keris banyak di bawah karas Bandan itu!" Maka sahut Sang Naya, "Sedia aku hendak membunuh engkau semuanya!" Setelah Kapitan menengar kata itu, maka dibawanya Sang Naya ke atas kota tinggi, lalu ditolakkannya keluar. Maka Sang Naya jatuh terdiri, kemudian maka rebah lalu mati.

Setelah itu, maka Feringgi mengutus ke Pekan Tuha, memberi tahu Sang Naya sudah mati sebab ia hendak mengamuk Melaka. Maka oleh Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah akan Feringgi itu disuruh tangkap, maka naikkan[17] ke atas pohon kayu yang tinggi, disuruh tolakkan ke tanah. Maka Feringgi itu pun mati. Setelah kedengaranlah ke Melaka utusan sudah mati dibunuh Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah di Pekan Tuha, maka Kapitan terlalu marah, maka ia menyuruh berlengkap akan menyerang, tiga buah ghalisa,[18] ghali panjang dua buah, fusta sepuluh, banting tengah

16 كرس (k-r-j) W = hendak mengamuk (Feringgi) tatkala ia masuk gereja"

17 [di]naikkan

18 Satu sebutan lain untuk "ghalias"

tiga[198] puluh. Setelah sudah lengkap, maka pergilah ke Hujung Tanah.

Maka khabar itu kedengaran kepada Sultan 'Alauddin Riayat Syah, maka baginda menyuruh menunggu kota kara, Tun Nara Wangsa dengan Tun Pikrama akan penglimanya. Maka Tun Nara Wangsa dan Tun Pikrama pun pergilah berbaiki kota kara dan mengatur bedil dua belas pucuk, penglurunya ada seperti limau nipis, besarnya seperti limau manis Cina. Maka Feringgi pun datanglah, dimudikkannya ghalisanya berhadapan dengan kota kara, lalu berbedil-bedilan tiada berputusan lagi, terlalu 'azamat bunyinya. Maka tiada terlanggar oleh Feringgi itu. Maka ia pun naik berkota di hujung tanjung, dinaikkannya ada betapa pucuk bedil, maka dibedilnya, maka seperti tagar yang tiada berputusan.

Maka Laksamana pun datang ia mendapatkan Tun Nara Wangsa dan Tun Pikrama, karena Laksamana pada ketika itu termurka, ia tiada bekerja lagi, berbaju hijaulah, kainnya di bawah hitam, dastarnya pun hitam. Maka kata Laksamana pada Tun Nara Wangsa, "Sebab Orangkaya maka beta datang ini." Maka oleh Tun Nara Wangsa akan Laksamana dipersalinnya. Maka kata Laksamana, "Tiga tahunlah lamanya beta dimurkai Yang Dipertuan ini, tiada bersalin, baharulah ini beta bersalin".

Maka bedil Feringgi pun nentasa datang seperti ujan yang lebat. Orang kena pun sebagai tiada terderita, ada putus tangannya, ada yang putus kakinya, ada yang putus lehernya, maka tiadalah terdiri lagi di kota kara. Maka kata Tun Pikrama pada Tun Nara Wangsa, "Apa bicara kita Orangkaya? Mari kempas yang besar ini kita tebang kita buat apilan, supaya kita dapat bertahan". Maka kata Tun Nara Wangsa, "Jika kita tebang kempas ini rebahnya ke darat, apalah daya kita mengambil dia? Kalau rebah ke laut, boleh kita ambil". Maka kata Laksamana, "Mari panah". Maka ditambatkan, ditambatkannya pada sulal panah itu tali kail seni, maka dipanah oleh Laksamana pada kempas itu, tersimpat pada dahannya. Maka ditambat orang pada tali kail itu tunda, maka ditarik ke atas, maka ditambatkan pula selimpat yang seni. Maka oleh direluh[199] ke sungai, maka disuruh tebanglah, maka rebah ke sungai, maka dikerat tiga, diperbuatkan apilan. Maka tebal batang kempas itu dapatlah orang berdiri; pada tempat yang lain, tiada dapat seorang pun berdiri. Maka tiga hari tiga malam dibedil oleh Feringgi tiada berputusan lagi, orang pun mati tiada terhisabkan lagi.

Adapun akan Bendahara Paduka Tuan dan Sari Nara Aldiraja dan Sultan 'Alauddin Riayat Syah, maka sembah Bendahara pada Sultan

[199] ولوه (direluh) Diraluh'

'Alauddin Ri'ayat Syah, "Tuanku, patik mohon ke hilir hendak melihat kelakuan orang perang itu". Bendahara pun hilir ke kota kara, maka dilihat Bendahara perang itu terlalu besar. Maka pada hati [199] Bendahara, "Alah kota kara ini. Hanya jikalau kota kara ini alah, Tun Nara Wangsa dan Tun Pikrama mati". Maka Bendahara pun segera mudik, maka sembah Bendahara pada Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah, "Tuanku, pada bicara patik kota kara alah. Patik itu, Tun Nara Wangsa dan Tun Pikrama, jikalau kota kara alah, ia mati, sukarlah Yang Dipertuan beroleh hamba seperti patik itu. Baiklah ia disuruh balik".

Maka titah Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah pada Hang 'Alamat, "Pergi panggil Tun Nara Wangsa dan Tun Pikrama!" Maka Hang 'Alamat pun pergi. Setelah datang ke kota kara, maka kata Hang 'Alamat pada Tun Nara Wangsa dan Tun Pikrama, "Orangkaya dipanggil!" Setelah orang banyak menengar kata itu, maka berdebur[20] bunyi orang berlari, tiada terlarang. Maka kata Tun Nara Wangsa pada Tun Pikrama, "Apa bicara kita, karena senjata Raja banyak? Jika kita mudik, hilanglah senjata Raja ini". Maka kata Tun Pikrama, "Mari kita buangkan ke air". Maka segala senjata bedil itu dibuangkan ke air. Maka Tun Nara Wangsa dan Tun Pikrama pun mudik mengadap Sultan 'Alauddin Riayat Syah.

Maka sembah Bendahara Paduka Tuan, "Tuanku, baiklah berangkat ke Sayung". Maka titah Sultan 'Alauddin Riayat Syah, "Perahu kita lancang medang sera dikambi dengan buluh karah, sayang, takut diambil Feringgi perahu". Maka Tun Nara Wangsa,[21] "Berangkatlah Yang Dipertuan! Biarlah patik melepaskan perahu itu". Maka baginda pun mudiklah ke Sayung, maka Bendahara dan orangkaya-kaya itu semuanya mudik ke Sayung. Maka Feringgi pun mengikut. Maka oleh Nara Wangsa dinaikinya orang Sukal[22] dua puluh orang ke atas lancang itu disuruhnya kayuh dan dua puluh orang memegang belung menanti di hulu Batu Belah. Maka Tun Nara Wangsa mudiklah membawa lancang kenaikan itu, berturut turut dengan Feringgi. Telah lalu Batu Belah, dicbang orang kayu perimbat; itulah maka tempat itu dinamai Rebat. Maka Feringgi mudik hingga Pekan Tuha, ghalisanya dua buah.

Maka Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah pun menyuruh memeri[23] surat kepada Kapitan Mor Feringgi itu: siapa disuruh itu berbalik, tiada sampai,

20 W(222)"berdebur"

21 Maka[sembah] Tun Nara Wangsa

22 سوكل (s-w-k-l)

23 ممبر (m-m-b-r) mem[b]eri

oleh bedilnya dari ghalisanya terlalu sangat. Maka Tun Ali, anak Laksamana disuruhkan membawa surat. Telah kelihatan ghalisanya Feringgi maka dibedilnya seperti hujan.[34] Maka kata sakai, "Encik, mari kita berbalik, karena bedil ini lebat amat". Maka kata Tun Amat Ali, "Aku akan berbalik, tadalah. Kacwa apa namaku anak Laksamana? Membawa surat tiada sampai? Kayuh juga! Sampaikan aku!" Maka dikayuhnyalah oleh sakai, tetapi bedil Feringgi sebagai datang. Maka sakai pun habis terjun, melainkan inggal Tun Amat Ali juga terdiri seorangan di atas perahu itu. Dalam pada bedil yang seperti hujan itu, maka perahu Tun Amat Ali pun [200] hanyut terdampar pada Feringgi.

Maka oleh Kaptan Mor disuruhnya huluri cindai. Tun Amat Ali dibawanya naik ke atas kapal, maka didudukkannya atas permadani, terlalu sangat dipermuliakannya. Maka Kaptan Mor menyuruh ke Melaka membawa surat yang dibawa Tun Amat Ali itu. Setelah sampai ke Melaka, maka diarakkanya oleh Kaptan dengan sepertinya, maka disuruhnya baca di hadapannya. Setelah diketahuinyalah ertinya, maka Kaptan menyuruh Kaptan Mor, disuruhnya menyambut perdamaian itu. Setelah sampailah ke Pekan Tuha, maka oleh Kaptan Mor, Tun Amat Ali dipersalinnya dengan sepertinya, disuruhnya kembali membawa surat perdamaian.

Setelah sampai ke Sayung mengadap Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah, maka segala peri hal ehwal semuanya dipersembahkannya, maka terlalu sekaeta baginda syahadan memberi peri persalin akan Tun Amat Ali. Maka damailah pada ketika itu dengan Feringgi, maka Feringgi pun kembali ke Melaka.

Hatta berapa kelantaannya, Seri Nara Aldiraja pun kembali ke rahmatullah, maka ditanamkan di Sayung seperti adat orang besar-besar; itulah yang disebut orang "Datuk Nisan Besar". Maka Tun Nara Wangsa pula dijadikan Penghulu Bendahari, Tun Pikrama pula jadi Temenggung; Tun Amat Ali, anak Hassan Temenggung, ia pula jadi Penghulu Abentara. Akan Tun Amat Ali terlalu amat baik sikapnya syahadan rupanya, tiada siapa pada zaman itu, maka pada barang kelakuannya, tiada berbagai. *Wall ahu a'lam bissawab Wallay hil marji'u wal maab.*

[34] "Telah kelihatan ghalisanya [oleh] Feringgi maka dibedilnya seperti hujan."

31

ALQISAH

Maka tersebutlah perkataan ada batin Singapura, Patih Ludang[25] namanya, ada berdosa pada Sang Setia, maka hendak dibunuh oleh Sang Setia, maka Patih Ludang lari ke Pahang dengan segala sukunya. Pada ketika Sultan Mahmud[25a] Syah, Raja Pahang, telah mangkat, saudara, Raja Jamadlah[25b] jadi kerajaan akan ganti kekanda. Maka Raja Jamad hendak mengadap ke Hujung Tanah, maka baginda berlengkap, maka Ludang dibawa baginda berkayuhkan kenaikan, karena pada bicara baginda, "Apabila kubawa berkayuh di kenaikan ini, tiada dapat tiada, dianugerahakan kepadaku."

Setelah datang baginda, maka baginda pun mudik ke Sayung, maka disuruh alu-alukan oleh Sultan 'Alauddin Riayat Syah. Maka Raja Jamad pun mengadaplah terlalu hormat. Setelah itu, maka digelar baginda Raja Jamad, "Sultan Muzaffar Syah". Maka oleh Sang Setia, Patih Ludang itu disuruhnya panggil, maka Patih Ludang pun datang karena pada bicaranya, "Tiada mau Sang Setia akan membunuh daku, sebab naik kenaikan Sultan Muzaffar Syah". Setelah Patih Ludang datang pada Sang Setia, dibunuhnya.

Setelah Sultan Muzaffar Syah menengar Patih [201] Ludang sudah mati dibunuh oleh Sang Setia, maka terlalu amarah baginda, maka kata Sultan Muzaffar Syah, "Demikianlah dengan sebuah mu'iyat beta pada bicara hati beta mengadap ini. Akan kebaikan beta rupanya pada segala pegawai Yang Dipertuan tiada berkenan rupanya. Benarkah Patih Ludang dari kenaikan kita diturunkannya, dibunuhnya oleh Sang Setia? Jikalau barang suatu kehendak hati pun, tiadakah dapat esok lusa lagi?" Maka kedengaranlah kepada Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah bahawa Sang Setia membunuh Ludang, dipanggilnya dari perahu kenaikan Sultan Muzaffar Syah, sekarang baginda terlalu amarah, hendak kembali ke Pahang. Maka titah Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah pada Laksamana, "Pergilaksamana,

---

25 Ditulis dieja (a-dng), tetapi selepas ini, dieja (l-w-d-n-g).

25a Ditulis "Muhammad" Kesilapan begini berlaku juga di tempat lain. Lihat hlm. 165.

25b "saudara [baginda] Raja Jamadlah"

ikat Sang Setia bawa kepada abang!" Maka sembah Laksamana, "Baiklah, tuanku".

Maka laksamana pun pergilah ke rumah Sang Setia. Setelah Sang Setia menengar Laksamana datang disuruh mengikat dia, maka Sang Setia menyuruh menudung pintu pagar. Maka laksamana pun datang minta, "Buka pintu, karena hamba ditahkan Yang Dipertuan"Maka kata Sang Setia, "Adapun jika Laksamana ditahkannya pada hamba akan membunuh hamba, hamba terima masuk; jikalau akan mengikat hamba, tiada hamba terima masuk. Yang tuah itu hamba junjung, tetapi akan Laksamana, hamba lawan! Tiada penah hulubalang mengikat sama hulubalang"Maka sahut Laksamana, "Adapun adik, hamba ditahkan ini bukan akan berkelahi dengan dik, kadar ditahkan mengikat juga. Jikalau adik mau, beta ikat; jikalau tiada, beta kembali memberi tahu Sultan". Maka sahut Sang Setia, "Jikalau Laksamana mengikat hamba, sedia tadalah hamba suka, karena Laksamana pun hulubalang besar, hamba pun hulubalang besar". Maka Laksamana kembali mengadap Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah, maka segala kata Sang Setia semuanya dipersembahkan kepada Sultan.

Setelah baginda menengar sembah Laksamana itu, maka baginda sangat [murka], maka titah Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah pada Bendahara, "Ikat Sang Setia". Maka sembah Bendahara, "Baiklah, tuanku". Maka Bendahara pun datang ke rumah Sang Setia. Setelah Setia[27] menengar Bendahara datang, maka Sang Setia segera turun mendapatkan, lalu menyembah pada kaki Bendahara, seraya katanya, "Jikalau Bendahara, sedia sebenarnya mengikat sahaya, karena datuk penghulu sahaya. Jangankan datuk, jikalau budak-budak datuk pun sahaja, patut pula. Jikalau Laksamana, tadalah sahaya suka".

Oleh Bendahara, Sang Setia dibawanya masuk mengadap Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah. Maka titah Sultan 'Alauddin, "Bawalah oleh Bendahara kepada abang". Maka sembah Bendahara, "Baiklah, tuanku". [202] Maka titah Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah pada Laksamana dan segala hulubalang, "Pergilah tuan hamba sekalian iringkan Bendahara". Maka oleh Bendahara, Sang Setia disuruhnya ikat dengan dastar. Maka kata Sang Setia pada Sang Jaya Pikrama, "Ikat hamba kendorkendur. Sang Guna berdiri dekat beta, keris adik jongkar-jongkarkan pada beta. Jikalau lain rupanya orang itu, kelukanlah mata beta. Hingga Yang

26 Dieja [illegible] dh[illegible]p w[illegible]

27 "[Sang] Setia".

seorang jua, tuanku; masakan raja yang lain tuan hamba!"

Setelah itu, maka Bendahara pun pergilah membawa Sang Setia. Setelah datang kepada Sultan Muzaffar Syah, maka Sang Setia berdirilah di halaman dengan segala hulubalang banyak, maka Bendahara Paduka Tuan jua naik menjunjungkan[28] titah kepada Sultan Muzaffar Syah, demikian kata Bendahara, "Paduka adinda empunya safar, inilah Sang Setia dihantar adinda, maka sekehendak tuanku, karena ia pegawai tuanku". Maka Sultan Muzaffar Syah pun tunduk diam, sangat baginda marah. Maka kata Bendahara, "Lepaskan Sang Setia". Maka Sang Setia pun dilepaskan oranglah. Maka kata Bendahara pada Sang Setia, "Naik menjunjung duli!" Maka Sang Setia naik menyembah Sultan Muzaffar Syah, lalu duduk. Maka segala hulubalang yang lain pun naik duduk. Maka kata Bendahara pada Sultan Muzaffar Syah, "Mengapa tuanku diam dia? Karena adinda menyuruh mengikat Sang Setia, patik pula disuruh mengantarkan dia? Benarkah? Demikian lagi, tuanku, karena Sang Setia itu hulubalang, dibawa paduka adinda pada hukumnya. Lagi jauh patik, serta tuanku dengar membawa Sang Setia segera tuanku turun dapatkan, suruh lunakkan ikatnya ini! Jikalau tiada patik menyuruh melepaskan dia, tiada tuanku menyuruh melepaskan? Benarkah demikian? Lagipun, jangan demikian!"

Maka sahut Sultan Muzaffar Syah, "Beta ini hamba ke bawah duli Yang Dipertuan. Yang hamba itu, sekali-kali tiada melalui kehendak tuannya, jangan, pada jahat sekali pun, tambahan pula sepenuh-penuh kurnialah junjung". Maka kata Bendahara, "Sebenar-benar katalah ini. Jangan lagi bersalahan mulut dengan[29] hati". Maka Bendahara berkata pula pada Sang Setia, "Lagi-lagipun jangan demikian, karena lamkah Sultan Pahang dan Sultan Perak dengan Yang Dipertuan. Sekalipunnya itu tuan pada kita, tetapi pada kenikanya baik, jikalau pada jahatnya, hingga Yang Dipertuan juga seorang tuan kita".

Setelah itu, maka kata Bendahara Paduka Tuan pada Sultan Muzaffar Syah, "Patik hendak pulang. Apa sembah tuanku pada paduka adinda?" Maka kata Sultan Muzaffar Syah, "Katakan, 'patik empunya sembah, menjunjung anugerah, tetapi jikalau ada dikurniakan, segala saka Patih Ludang itu hendak dipohonkan ke bawah duli'". Maka Bendahara pun mohonlah pada Sultan Muzaffar Syah.

28 menjunjungkan

29 Perhatikan Winstedt (sebutan sekali ini sahaja)

Setelah datang kepada Sultan 'Alauddin Riayat Syah, maka segala sembah Sultan Muzaffar Syah itu semuanya dipersembahkannya ke bawah duli Sultan 'Alauddin Riayat Syah. Maka titah Sultan 'Alauddin Riayat Syah, "Baiklah! Sakai itu kita anugerahkanlah pada abang".

Maka setelah berapa lamanya Sultan Muzaffar Syah di Sayung, maka baginda memohonlah kepada Sultan 'Alauddin Riayat Syah, maka diberi baginda persalin sepertinya. Maka Sultan Muzaffar Syah pun kembalilah ke Pahang. Setelah berapa lamanya, sampailah ke Pahang. *Wallahu a'lam bissawab. Wallahul muaffiq ila'l maab.* Wakitabuh. Raja Bungsu

INDEX

Akun Pal, 247-248
Aqdalas, 83, 85
Arta Gadja Mada, 140, 146-147
AwalDesa, 110-111, 140-141
Badang, 98-104
Bat, 88
Batara Majapahit, 93-95, 118, 146-158
Batu Pahat, 140-141
Bendahara Seri Maharaja, 248-262
Bendarang, 101-104
Benggala, 254
Bergas, 285
Bernam, 169-170, 215
Bintan, 89, 91-92, 276-278, 283, 285, 288-290, 294-295
Bizurat, 254-255
Bukit Cina, 225
Bukit Si Guntang, 83, 85, 89, 93, 105, 149-177
Bum, 104
Cau Seri Bangsa, 247-248
Ganjara, 124
Gina, 78-80, 164, 166-170, 175-176, 266, 292
Demang Lebar Daun, 83-92
Dja Manzum, 183
Gamsat, 106
Feringgi, 254-255, 267-285, 292-294, 296, 300-301
GAlongsa Dalbankanka, 254, 267
Ganggala Nagara, 74, 75
Gongsalo, 279-280
Guha (Goa), 292
Hang Berkat, 251
Hang Jebat, 151, 153
Hang Kastum, 151, 153, 160-164
Hang Lekir, 151
Hang Lekiu, 169
Hang Lekiu, 151
Hang Nadim, 238-243
Hang Tuah, 151, 153-163
Haru, 107, 207, 215, 288-291, 297
Hikayat Hamzah, 77,268
Hikayat Iskandar, 67, 70
Hikayat Muhammad Hanifah, 268
Inderagiri, 158-159, 231, 274-278, 287
Jambi, 151
Kadi Munawar (Syah), 185, 218-221
Kadi Yusuf, 185,221
Kalipat, 210-211, 224, 273, 275, 298, 303-304
Kedah, 229, 299
Kelantan, 223
Khoja Hassan, 271
Khoja Husein, 234
Kitul, 259-260, 262
Kota Mahligai, 247
Lamuri, 107
Legoi, 252253, 282
Li Po, 167-168
Lingga, 151, 232,276278
Majapahit, 93-95, 118119, 140, 146-158
Maharaja Sura, 170173
Makadumtah, 71
Makhdum Mua, 184-185
Maluku (Raja), 201
Mani Purnadan (Bagindai), 129-130, 138
Manjung, 115
Maulana Abu Bakar, 183, 185
Maulana Jalaluddin, 132
Makhdum Sadar Jahan, 248-249, 266267

Mengkasar, 181-184
Menteri Jana Putera, 140-144, 169170
Merah Cigu, 105
Merah Silau, 105
Minangkabau, 85, 274, 275
Muar, 1192 69
Nabi Khidir, 67-69
Nakhoda Sadi Ahmad, 2-40243
Nina Sudar Dewana, 2592260
Orangkaya Raja Kenavan, 140
Paduka Sri Maharaja, 104, 117-118
Pahang, 170, 172, 201-204, 226, 235-245, 252-253, 270, 293, 300-301
Pak Tang (Patani), 247-248
Palembang, 83,85, 89
Pasai, 116, 124, 140, 180, 182-185, 188-191, 207-208, 219-251
Patani, 58, 248
Pauh Adam, 226228
Pauh Ana Gajah Mada, 146150
Perak, 74-78
Petak, 101-104
Po Gelang, 193-194
Puteri Gaung Ledang, 187
Radin Galuh Cendera Kirana, 150, 155-159
Raja Abdullah (Kampar), 273-275
Raja Chulan, 7882, 84
Raja Chulin, 75-77
Raja Fatimah, 299
Raja Ibrahim (Sultan Abu Syahid), 130134
Raja Iskandar Zulkarnain, 67-71, 84, 89
Raja Kasim (Sultan Muzaffar Syah), 130-134
Raja KecilBesar, 118
Raja Kida Hindi, 67-71, 84
Raja Mendahar, 257-262
Raja Merlang, 231
Raja Muzaffar (Pahang), 271-272
Raja Marasinga, 231, 232, 274
Raja Perlak, 101, 104, 108-109
Raja Nusyirwan Adil, 72, 74
Raja Rekan, 124, 131, 133
Raja Saran Dad Syah, 73, 78
Raja Syahrun-Nuwi, 110-113
Raja Syulan, 74-77,83
Raja Tengah (Sultan Muhammad), 120, 121
Raja Tuba, 197
Raja Zainal Abidin, 222-223
Raja Radin, 196
Rekan, 124, 130-134
Sadi Ali Ghiyasuddin, 108-114
Saidi Semayad, 108-116
Sang Naya, 278-280, 306
Sang Rajuna Tapa, 113-119
Sang Saputiba, 85
Sang Setia, 280-283, 310-312
Sayyid Abdul Aziz, 122
Selangor, 287, 296, 299
Semerluki, 181-182
Semudera, 106-111
Seri Buja Aldiraja, 124, 125, 127, 140141, 151, 170-172, 191, 207-210, 213,214
Seri Maharaja Muzafar, 200262
Seri Nara Aldiraja, 130-135, 138-140, 151, 160-161, 172-174, 210-211
Seri Pikrama Wira, 92-97
Seri Rana Wikrama, 97-100, 102-104
Seri Teri Buana, 8592
Seriwa Raja, 215-221, 236-237, 261
Siak, 177-178, 204, 285
Siam, 136-137, 139-145, 247, 301
Singapura, 158159

Singapura, 92-97, 100-101, 117-120, 151, 214, 300
Sultan Abdul Jamal, 235-238, 241, 243-246
Sultan Abdullah (Kampar), 273-275
Sultan Ahmad (Melaka), 213, 267-270
Sultan 'Alauddin Riayat Shah (Johor), 298-313
Sultan 'Alauddin Riayat Syah (Raja Radin), 196-212
Sultan Husain (Haru), 288-291
Sultan Iskandar Syah, (raja Singapura dan raja Melaka pertama), 118-120
Sultan Mahmud Syah (Raja Mamat), 211-235, 242-301
Sultan Makota (Raja Kecil Besar), 120
Sultan Malik al Mansur, 116-116
Sultan Malik al-Salih (Merah Silau), 108-110
Sultan Malik al-Zahir, 109-116
Sultan Mansur Syah (Melaka), 145, 151, 155-196
Sultan Muhammad Syah (Melaka), 128-131
Sultan Muzaffar Syah (Pahang), 302-303, 310-313
Sultan Muzaffar Syah (Perak), 299
Sultan Zainal Abidin (Pasai), 188-191
Tampong Puna, 85, 146147, 149-150
Terengganu, 201-203
Tersasik, 78-79, 91
Todak, 117-118
Tuan Jana Khatib, 117
Tuban, 231
Tun Ali Hati, 267-271
Tun Ali Sandang, 214
Tun Besar, 178179
Tun Bijaya Sura, 151-158
Tun Biyajit, 214215, 217218, 234273275
Tun Fatimah, 256-257, 266
Tun Hassan, 184-185
Tun Hassan Temenggung, 229, 255
Tun Husain, 230
Tun Isak, 268
Tun Kudu, 139, 166
Tun Mat Ali, 271
Tun Munda/Sunda, 226-227
Tun Muhammad, 250-251
Tun Muzahir, 174
Tun Perak (Bendahara Paduka Raja), 135-138
Tun Perpatih Hitam, 229-230
Tun Perpatih Putih, 167-169
Tun Teja, 235, 238-243
Tun Telanai, 142-145, 189, 224, 296
Wan Empuk, 83-85
Wan Nahmi, 8385
Wan Sendari, 86-88
Wan Seri Beni, 8992